



JABATAN PERDANA MENTERI




**PROGRAM
TRANSFORMASI
EKONOMI**


LAPORAN TAHUNAN
2012

KANDUNGAN

2	Nota daripada Perdana Menteri
4	Nota daripada Timbalan Perdana Menteri
6	Tinjauan ETP Tahun 2012
16	Pencapaian ETP
18	Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA)
20	Greater Kuala Lumpur/Klang Valley
42	Minyak, Gas dan Tenaga
60	Perkhidmatan Kewangan
80	Pemborongan dan Peruncitan
96	Minyak Sawit dan Getah
118	Pelancongan
142	Elektrikal dan Elektronik
164	Perkhidmatan Perniagaan
178	Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi
198	Pendidikan
220	Pertanian
244	Penjagaan Kesihatan
262	Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI)
264	Persaingan, Standard dan Liberalisasi
275	Pembaharuan Kewangan Awam
281	Penyampaian Perkhidmatan Awam
287	Merapatkan Jurang Ketaksamaan
293	Mengurangkan Peranan Kerajaan dalam Perniagaan
297	Pembangunan Modal Insan
310	Jawatankuasa Penilaian Prestasi Antarabangsa
321	Laporan Tatacara Dipersetujui oleh PwC
322	Kad Skor ETP
	Lampiran
323	Senarai Projek Permulaan dan Peluang Perniagaan
330	Glosari Istilah

NOTA DARIPADA PERDANA MENTERI

Sejak pelancaran Program Transformasi Ekonomi (ETP) dua tahun yang lalu, kita telah mencapai kemajuan besar dari segi ekonomi: pertumbuhan KDNK kekal kukuh dan stabil, kadar pengangguran dan inflasi kekal rendah, dan pelaburan, termasuk yang diperoleh daripada Tawaran Awam Permulaan (IPO) ketiga terbesar di dunia pada tahun lepas, semakin meningkat. Ini telah dicapai walaupun dalam suasana sukar yang dialami negara-negara lain dalam ekonomi global; Malaysia, dari banyak segi, menjadi satu-satunya negara yang berada dalam keadaan ekonomi yang memberangsangkan dalam kesuraman ekonomi global ini. Dan berbekalkan latar belakang ini, saya sungguh berbangga berpeluang untuk berkongsi kemajuan ETP dalam membantu mentransformasikan Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang 2020.



ETP itu sendiri adalah sebahagian daripada subset kepada Model Ekonomi Baru. Bersama-sama dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP), ia membentuk pelan yang merintis ke arah menggerakkan Malaysia ke arah mencapai status negara maju. Program ini memfokus kepada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan enam Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI). Pada 2012, kedua-dua inisiatif ini merekodkan hasil yang memberangsangkan dalam mencapai matlamat Petunjuk Utama Prestasi (KPI). Namun lebih daripada itu, saya dengan berbesar hati ingin melaporkan bahawa ETP juga telah memudahkan pembaharuan struktur silang yang diperlukan bagi Malaysia untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Melalui peningkatan dalam pelaburan swasta dan pertumbuhan dalam perbelanjaan domestik, kita berjaya menepati sasaran pertumbuhan KDNK sebanyak lima peratus pada 2012, walaupun mengharungi landskap global yang semakin bergolak dan mencabar.

Melalui langkah-langkah yang dilaksanakan oleh NKEA Perkhidmatan Kewangan dan Peranan Kerajaan dalam SRI Perniagaan, Bursa Malaysia telah muncul sebagai salah satu destinasi yang paling menarik untuk mendapatkan modal pada 2012. Tawaran Awam Permulaan (IPO) juara tempatan, Felda Global Ventures Holdings Bhd menjadi mercu tanda kerana telah berjaya memperoleh RM10 bilion, jumlah yang ketiga terbesar di dunia pada tahun itu.

Dengan jumlah penduduk di Kuala Lumpur dijangka mencapai 11 juta pada 2020, akan wujud permintaan yang lebih tinggi bagi sistem pengangkutan awam intra bandar yang lebih efisien dan dinamik. Pada Mac 2012, kita telah menyaksikan permulaan memecah tanah bagi projek Sistem Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT) Lembah Klang yang diterajui oleh NKEA Greater KL/Klang Valley. Saya percaya projek ini akan memainkan peranan utama dalam memperkayakan kehidupan rakyat; meningkatkan tahap produktiviti warga kota, manakala pada masa yang sama meningkatkan faktor kesesuaian untuk didiami di ibu negara kita.

Projek Pembangunan Integrasi Kilang Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) Petronas yang bernilai RM60 bilion di Johor di bawah NKEA Minyak, Gas dan Tenaga, yang dilancarkan tahun ini adalah pelaburan lapangan hijau terbesar di Asia Pasifik. Ia menyaksikan kita mempertingkatkan penglibatan dalam industri hiliran minyak dan gas, dan membuka begitu banyak aktiviti ekonomi yang bakal memanfaatkan rakyat yang mendiami kawasan sekitar projek tersebut.

Perniagaan kecil juga telah menerima manfaat daripada program pembaharuan, terutamanya melalui Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR). Sejak pelancarannya, TUKAR telah membantu 1,087 kedai runcit meningkatkan daya saing mereka, mengubah kehidupan pemilik kedai dan perniagaan mereka.

Usaha kita dalam mentransformasi telah diiktiraf oleh badan antarabangsa seperti Bank Dunia, yang meletakkan Malaysia di kedudukan ke-12 bagi kemudahan dalam menjalankan perniagaan dalam laporan dalam Laporan Menjalankan Perniagaan 2013 (*Doing Business Report*) berbanding dengan kedudukan ke-18 pada 2012. Malaysia juga menerajui kedudukan laporan bagi kemudahan akses kepada kredit dan telah disenaraikan di kedudukan keempat bagi perlindungan pelabur.

Saya berbangga dapat memaklumkan bahawa selain daripada sumbangan sektor swasta, sebahagian besar inisiatif ETP telah direalisasikan melalui perkhidmatan awam, dengan itu mencipta pendekatan yang holistik dan inklusif dalam pembangunan negara.

Dengan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada perkhidmatan awam atas usaha mereka, tanpa mereka kita tidak akan mencapai kejayaan penting dan besar yang telah tercatat setakat ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada PEMANDU atas kerja keras mereka dalam memudahkan pelaksanaan ETP dan inisiatif GTP, dan dalam membantu memastikan kita berada di landasan yang betul dalam mencapai aspirasi masa depan kita.

Walaupun dengan pencapaian-pencapaian ini, masih terdapat cabaran yang bakal kita hadapi dan kita tidak boleh leka dengan kejayaan kita setakat ini. Malaysia harus terus menangani isu seperti kemiskinan, produktiviti pekerja, kelestarian alam sekitar dan pendidikan, manakala faktor-faktor ekonomi luaran bakal kekal mencabar pada masa hadapan.

Namun begitu, saya kekal yakin dengan kemajuan berterusan kita dalam tahun-tahun yang akan datang. Dan bila tiba masanya, saya berharap untuk berkongsi ganjaran apabila negara menjadi ekonomi berpendapatan tinggi bersama-sama dengan mereka yang membantu mencapainya; rakyat Malaysia.



Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj. Abdul Razak
Perdana Menteri Malaysia

“
Melalui langkah-langkah yang dilaksanakan oleh NKEA Perkhidmatan Kewangan dan Peranan Kerajaan dalam SRI Perniagaan, Bursa Malaysia telah muncul sebagai salah satu destinasi yang paling menarik untuk mendapatkan modal pada 2012.”

”

NOTA DARIPADA TIMBALAN PERDANA MENTERI

Tempoh 12 bulan yang lepas terbukti mencabar namun mendatangkan kepuasan bagi negara kita yang sedang meniti perjalanan ke arah negara Malaysia yang lebih maju. Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi (GTP dan ETP) yang melengkap satu sama lain telah menghasilkan perubahan ketara dalam cara rakyat Malaysia hidup dan bekerja, dan akan terus mengubah dengan cara yang sedemikian dalam tahun-tahun yang akan datang.

Dengan kedua-dua program itu mencarta pencapaian utama sepanjang tahun, saya sebagai Pengerusi Pasukan Petugas Penyampaian GTP, sungguh berbesar hati menyaksikan hubungan simbiotik di antara GTP dan ETP.

Sebagai contoh, kita telah mengambil langkah-langkah yang luas untuk memastikan bahawa bakat-bakat yang berpotensi tinggi Malaysia akan memenuhi keperluan negara maju. Dalam membangunkan modal insan tempatan, kita telah mengambil langkah yang besar untuk meningkatkan standard pendidikan kita agar setaraf dan telah membentangkan rancangan kami melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Kebangsaan yang baru-baru ini telah diluluskan oleh Kabinet.

Di bawah rangka tindakan ini, kita telah mengenal pasti kelemahan dalam sistem pendidikan kita sekarang dan memperincikan langkah-langkah tertentu untuk memastikan daya saing antarabangsa graduan Malaysia. Tenaga kerja tempatan yang mahir akan meyakinkan syarikat multinasional bahawa mereka boleh mendapatkan bakat yang terbaik dengan keupayaan kreatif, industri dan pengurusan yang tepat.

Malaysia juga merupakan tempat yang lebih selamat hari ini kerana tahap jenayah telah menurun sebanyak 8.7 peratus lagi berdasarkan laporan Jenayah Indeks. Kami menyedari bahawa masih banyak yang perlu dilakukan untuk membantu rakyat berasa selamat di dalam komuniti mereka sendiri, kerana itulah kita akan memperhebatkan usaha untuk berbuat demikian dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Kami juga melibatkan perniagaan dan masyarakat antarabangsa untuk mendapatkan input yang lebih besar tentang bagaimana kita boleh meningkatkan keselamatan, dan telah melaksanakan langkah berdasarkan maklum balas mereka.

Selain itu, usaha kita dalam memerangi rasuah telah menyaksikan kedudukan Malaysia meningkat dari kedudukan 60 kepada 54 dalam Indeks Persepsi Rasuah *Transparency International* - peningkatan penting yang akan meningkatkan tahap keyakinan pelabur asing untuk datang ke Malaysia. Pemilik perniagaan tanpa ragu juga akan turut gembira, kerana rasuah yang lebih rendah diterjemahkan kepada keadaan di mana ia menjadi lebih mudah untuk menjalankan perniagaan.



Sementara itu, bilangan aduan yang dibuat di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat yang baru-baru ini dikuatkuasakan juga semakin bertambah, menunjukkan bahawa orang ramai semakin pro-aktif dalam melaporkan rasuah. Saya percaya ini merupakan petanda baik dalam mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih kompetitif yang seterusnya memberi manfaat kepada negara dari perspektif sosial dan ekonomi.

Secara ringkas, kedua-dua ETP dan GTP telah menyentuh kehidupan rakyat di kawasan yang paling penting bagi mereka, manakala pada masa yang sama mengubah cara asas Malaysia menyampaikan perkhidmatan awam. Ini seterusnya akan mengubah cara Malaysia menjalankan perniagaan dan merangsang kisah pembangunan ekonomi melalui ETP.

Saya amat gembira dan bangga dengan cara perkhidmatan awam telah menyahut panggilan untuk melaksanakan perubahan. Kami mengakui bahawa GTP dan ETP akan kekal menjadi pelan semata-mata tanpa pelaksanaan oleh penjawat awam dan saya secara peribadi ingin mengucapkan terima kasih atas kerja keras mereka dalam menjadikan wawasan ini satu realiti yang berjaya.

Walaupun dengan kemajuan yang mantap, banyak yang perlu dilakukan jika kita mahu mencapai matlamat pembangunan menjelang 2020. Program-program perubahan memerlukan sokongan rakyat untuk membantu kita memacu dan seterusnya memperbaiki dan mempertingkatkan lagi inisiatif-inisiatif ini.

Kita semua mempunyai peranan untuk dimainkan dalam memastikan masa depan rakyat Malaysia lebih cerah, dan saya menjemput semua untuk membantu Kerajaan menjamin masa depan anak-anak kita dan generasi akan datang.



Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin Mohd Yassin
Timbalan Perdana Menteri Malaysia

“
Secara ringkas, kedua-dua ETP dan GTP telah menyentuh kehidupan rakyat di kawasan yang paling penting bagi mereka, manakala pada masa yang sama mengubah cara asas Malaysia menyampaikan perkhidmatan awam.
”

TINJAUAN ETP TAHUN 2012



Tan Sri Nor Mohamed Yakcop
Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Unit Perancangan Ekonomi



Senator Dato' Sri Idris Jala
Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
CEO, Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU)


Hanya lebih dua tahun selepas pelancaran Program Transformasi Ekonomi pada Oktober 2010, kami berbesar hati melaporkan kemajuan yang telah dicapai pada tahun 2012.

Ekonomi global masih dibelenggu ketidaktentuan sepanjang tahun 2012 ekoran krisis kewangan negara Eropah yang berterusan dan kebimbangan terhadap pembaharuan dasar fiskal di Amerika Syarikat (AS). Tantangan (*headwinds*) ini mendatangkan prospek yang mencabar terhadap ekonomi dunia sepanjang tahun.

Walau bagaimanapun, ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan dalam pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlahan dengan mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 5.6 peratus pada tahun 2012, mengatasi purata pertumbuhan Asia Pasifik sebanyak 3.8 peratus. Pertumbuhan ini didukung oleh aliran masuk pelaburan yang makin berkembang secara dinamik dan pertumbuhan dalam penggunaan domestik.

Kami percaya bahawa perkembangan ini dipacu sebahagian besarnya oleh agenda transformasi ekonomi yang dilaksanakan oleh kerajaan sejak tahun 2010 untuk melonjakkan Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Pertumbuhan KDNK yang memberangsangkan



Rajah A

Mewujudkan Program Transformasi Kerajaan

Kelembapan ekonomi global yang berlarutan sejak krisis kewangan global bersejarah pada tahun 2008/2009 merupakan peringatan yang jelas terhadap keperluan melaksanakan pendekatan baru untuk mencapai pertumbuhan yang stabil dan mampan menerusi model ekonomi baru. 'Model leveraj' yang melibatkan peminjaman untuk memacu pembangunan yang diterima guna khususnya oleh negara Barat atau model 'cukai dan perbelanjaan', semuanya kelihatan berhadapan dengan kesukaran.

Di bawah senario ekonomi global yang mencabar ini, pada tahun 2010, Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak telah meletakkan asas bagi Program Transformasi Negara (NTP) dengan memperkenalkan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

NTP tercetus berikutan keperluan untuk melaksanakan Model Ekonomi Baru (MEB) yang telah dilancarkan pada awal tahun yang sama oleh Perdana Menteri untuk membawa Malaysia keluar daripada perangkap ekonomi pendapatan sederhana kepada negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, agar akhirnya rakyat Malaysia dapat meraih manfaatnya untuk meningkatkan standard dan kualiti kehidupan mereka. GTP disasarkan untuk menerajui inisiatif transformasi sosial yang penting sementara ETP membolehkan Malaysia merealisasikan potensi ekonominya yang sebenar.

Meskipun menumpukan kepada 'hala tuju sebenar' (*true north*) dalam mencapai status negara berpendapatan tinggi, NTP bergantung pada dua aspek yang sangat penting, iaitu kemampanan (*sustainability*) dan rangkuman (*inclusiveness*).

Langkah teliti perlu diambil bagi memastikan pembangunan yang seimbang supaya tiada golongan atau komuniti yang terpinggir daripada pembangunan ekonomi keseluruhan yang sedang dilaksanakan di negara ini, dan juga memastikan perjalanan kita menuju kemakmuran dapat dikekalkan untuk masa hadapan.

Inisiatif transformasi negara ini bukan semata-mata sebuah rancangan, malah ia merupakan program yang merangkumi sasaran, pembiayaan dan keberhasilan yang boleh diukur. Dalam usaha mencapai sasaran ekonomi, kami sedar tentang betapa pentingnya aspek sosial seperti kualiti hidup, kos kehidupan, keselamatan dan perlindungan rakyat selain pemupukan nilai-nilai yang penting untuk membawa kita mencapai matlamat yang dihasratkan.

Ringkasan Program Transformasi Ekonomi

Sebagai sebuah komponen NTP, ETP merupakan prakarsa serampang dua mata yang merencanakan pembinaan kemampanan ekonomi Malaysia. ETP mengetengahkan 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang memperincikan sektor utama peluang ekonomi dalam negara. Penekanan keduanya adalah mewujudkan landskap ekonomi yang berdaya saing untuk perniagaan berkembang menerusi enam dasar struktur yang dipanggil Inisiatif Pembaharuan Strategik (Strategic Reform Initiatives, SRI).

Dari aspek pelaburan, ETP menyasarkan untuk menggalakkan sektor swasta mengambil semula peranannya yang sebenar sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi sekali gus membolehkan pelaburan awam terus memfokuskan projek pemangkin yang memberikan pulangan ekonomi yang menguntungkan. Menjelang tahun 2020, pelaburan swasta diharapkan merangkumi 92 peratus daripada jumlah pelaburan dalam negara sementara bakinya adalah daripada pelaburan sektor awam.

Projek pemangkin yang dipacu sektor awam yang besar termasuklah Transit Laju Massa (*Mass Rapid Transit*, MRT), Sungai Nadi Kehidupan (*River of Life*, ROL) dan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (*Pengerang Integrated Petroleum Complex*, PIPC). ETP juga memfokuskan pewujudan titik peneraju untuk pelaburan infrastruktur dalam koridor ekonomi di negeri-negeri di seluruh negara.

Secara keseluruhan, menerusi pendekatan pemangkin, ETP menyasarkan untuk memberikan impak terhadap seluruh ekonomi Malaysia dan bukan sekadar projek permulaan yang dikenal pasti di bawah NKEA. Aliran pelaburan ke dalam NKEA akan menghasilkan manfaat berganda lebih luas, yang seterusnya akan berkembang ke sektor ekonomi yang lain.

Untuk mengenal pasti 'hala tuju sebenar' bagi ETP, matlamat telah ditetapkan untuk mencapai Pendapatan Negara Kasar (PNK) sebanyak AS\$15,000, mewujudkan 3.3 juta pekerjaan dan memperoleh AS\$444 bilion dalam pelaburan menjelang tahun 2020. Kita menggunakan kayu ukur global yang berwibawa, iaitu pendekatan Bank Dunia untuk mentakrifkan sasaran pendapatan tinggi kita. Ambang PNK per kapita semasa Bank Dunia untuk ekonomi berpendapatan tinggi ialah AS\$12,476. Kita telah mengambil kira angka inflasi global berdasarkan sejarah yang telah diterbitkan oleh Bank Dunia pada kadar 2 peratus sehingga tahun 2020 untuk mencapai nilai pendapatan tinggi yang dianggap realistik pada tahun 2020 dan hasilnya ialah AS\$15,000.

Menuju 2020: 10 Penunjuk Kejayaan

Sebelum membincangkan pencapaian ETP pada tahun 2012, kita harus mengimbas kembali pencapaian keseluruhan sejak program ini diumumkan pada tahun 2020. Perkara ini penting khususnya kerana ETP bukan disusun sebagai program tahunan, namun sebuah program yang dilengkapi sasaran jelas untuk tempoh selama 10 tahun yang harus dicapai pada tahun 2020. Perjalanan kita ke arah status negara berpendapatan tinggi merupakan suatu maraton, bukannya larian pecut. Oleh yang demikian, penting bagi kita untuk terus fokus terhadap pencapaian pertumbuhan yang mampan dan boleh diukur, dan bukannya kemajuan pantas yang mudah terdedah kepada kejutan.

1. EPP berkembang kepada 152 dan SRI berada pada landasan yang tepat:


Pendekatan pemangkin ETP bererti banyak fokus diberikan kepada Projek Permulaan (EPP) disebabkan potensi kesan penggandanya. Semasa ETP dilancarkan pada tahun 2010, terdapat 131 EPP. Kini, terdapat 152 EPP yang merangkumi 149 projek yang telah diumumkan dengan jumlah pelaburan yang dijanjikan sebanyak RM211.34 bilion. Pelaburan ini dijangka menjana Pendapatan Negara Kasar (GNI) berjumlah RM135.64 bilion pada tahun 2020 dan mewujudkan 408,443 peluang pekerjaan.

Di samping itu, kita turut menyaksikan kemajuan yang kukuh dalam pelaksanaan SRI. Antaranya termasuklah pengenalan Akta Persaingan pada 1 Januari 2012, liberalisasi 15 daripada 17 subsektor, penambahbaikan proses perniagaan, penetapan gaji minimum serta pembangunan dan penggunaan standard.

2. 49 peratus pertumbuhan PNK sejak tahun 2009:

Sehingga kini, PNK per kapita bagi negara telah meningkat daripada AS\$6,700 pada tahun 2009 kepada AS\$9,970* pada tahun 2012. Angka ini mewakili kenaikan 48.8 peratus dalam tempoh dua tahun. Berdasarkan unjuran semasa dan jika tidak berlaku perkara-perkara yang di luar jangkaan, Malaysia berpotensi mencapai PNK per kapita sebanyak AS\$15,000 lebih awal daripada tahun 2020 seperti yang disasarkan.

Berlandasan Tepat Untuk Mencapai Sasaran PNK Bagi Tahun 2020



Sumber: Jajaan Perangkaan
Unjuran: Pasukan analisis PEMANDU
*Sumber: PNK per kapita berjumlah RM30,809 daripada Jabatan Statistik.
Kadar pertukaran pada RM3,058 : AS\$1.00

Rajah B

3. Pertumbuhan KDNK yang terus kukuh:

Meskipun ekonomi global masih tidak stabil, KDNK Malaysia terus mencapai pertumbuhan kukuh pada tahun 2011. Bagi tahun 2012, KDNK negara meningkat kepada 5.6 peratus dan pada tahun 2011, ia meningkat kepada 5.1 peratus manakala pada tahun 2010, ia mencatat pertumbuhan 7.2 peratus. Angka ini signifikan memandangkan Singapura hanya mencatat pertumbuhan 1.3 peratus sementara beberapa ekonomi maju lain di rantau ini mencatat pertumbuhan KDNK seperti yang berikut: Korea Selatan – 2 peratus dan Taiwan – 1.25 peratus. Ekonomi AS berkembang sebanyak 2.2 peratus pada tahun 2012, manakala ekonomi United Kingdom menguncup sebanyak 0.1 peratus.

4. Hasil tertinggi dalam sejarah dicatat pada tahun 2012:

Ekonomi Malaysia terus melepasi sasaran KDNK dan PNK pada tahun 2012. Pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan ini membolehkan Kerajaan mencapai hasil tertingginya dalam sejarah yang dianggarkan berjumlah kira-kira RM207 bilion pada tahun 2012. Hasilnya, Kerajaan berupaya melaksanakan banyak program sosioekonomi, termasuk Program Transformasi Kerajaan seperti BRIM 2.0.

5. Pelaburan yang utuh:

Meskipun dengan landskap ekonomi global yang lembap, pelaburan Malaysia secara keseluruhan meningkat sebanyak 19.9 peratus pada tahun 2012 berbanding dengan 6.5 peratus pada tahun 2011, mencakupi 26.7 peratus yang memberangsangkan daripada KDNK.

Kadar pertumbuhan pelaburan swasta meningkat lebih daripada tiga kali ganda sejak permulaan ETP, yang dilancarkan pada lewat tahun 2010. Kadar pertumbuhan pelaburan swasta bagi tahun 2011 dan 2012, masing-masing adalah 12.2 peratus dan 22 peratus berbanding 6.7 peratus antara tahun 2000 hingga 2010. Ini adalah bukti keyakinan sektor swasta yang semakin meningkat dalam inisiatif transformasi nasional.


Pada tahun 2012, pelaburan swasta adalah RM139.5 bilion, dengan mudah mengatasi sasaran RM127.9 bilion dengan peningkatan 9.1 peratus, didorong oleh perbelanjaan modal yang tinggi dalam sektor pengilangan, perkhidmatan dan perlombongan.

Sebaliknya, pelaburan awam mencapai RM100.7 bilion, melebihi sasaran hanya sebanyak RM100 bilion, sebahagian besarnya disebabkan oleh jumlah perbelanjaan yang besar pada suku keempat sebanyak RM34.6 bilion, terutamanya dalam pengangkutan, utiliti dan sub-sektor minyak dan gas.

Pada tahun 2012, pelaburan swasta terus mengatasi pelaburan awam dengan pelaburan swasta merangkumi 58 peratus daripada jumlah pelaburan dan pelaburan awam pada 42 peratus.

Ini seterusnya mengembangkan bahagian pelaburan swasta daripada 51.7 peratus dan 54 peratus masing-masing pada tahun 2009 dan 2010, kepada 57 peratus pada tahun 2011.

Pertumbuhan Pelaburan Swasta (2000 - 2012)




Rajah C

6. Penggunaan swasta meningkat:

Penggunaan swasta domestik mencecah 7.7 peratus pada tahun 2012 berbanding dengan 7.1 peratus pada tahun 2011, mencerminkan peningkatan sentimen dan keyakinan pengguna terhadap kemajuan transformasi ekonomi negara. Pertumbuhan penggunaan swasta yang berterusan penting kerana perbelanjaan ini mencakupi 50.7 peratus daripada KDNK.

7. Pembangunan pasaran modal yang kukuh:

Pasaran saham Malaysia menunjukkan prestasi cemerlang pada tahun 2012 dengan permodalan pasaran pertukaran meningkat 14 peratus pada 31 Disember 2012 daripada RM1.47 trilion pada akhir tahun 2011. Permodalan pasaran KLCI Bursa Malaysia FTSE mencatat angka tertinggi dalam sejarah, iaitu 1,675.69 mata pada 1 November. Dari segi monetari, modal pasaran KLCI mencatat RM1.12 trilion pada Ogos 2010 dan meningkat cemerlang sebanyak 30 peratus atau RM350 bilion untuk mencatat jumlah RM1.47 trilion pada 31 Disember 2012.



Rajah D

8. Pengurangan defisit fiskal secara tekal:

Kerajaan telah berjaya mengurangkan defisit fiskalnya menghampiri bajet seimbang menjelang tahun 2020. Meskipun banyak negara mengukir janji sedemikian, namun banyak yang gagal menepatinya. Di Malaysia, defisit berkurangan secara tekal daripada 6.6 peratus KDNK pada tahun 2009, 5.6 peratus pada tahun 2010, 4.8 peratus pada tahun 2011 dan 4.5 peratus pada tahun 2012. Melangkah ke hadapan, kita menyasarkan pengurangan defisit fiskal kepada masing-masing 4.0 peratus dan 3.0 peratus pada tahun 2013 dan 2014, dan mencapai bajet seimbang menjelang tahun 2020.

Malaysia telah meletakkan siling hutang pada kadar 55 peratus daripada KDNK. Kebanyakan negara tidak menetapkan siling tersebut, oleh sebab itulah mereka telah mengumpul hutang yang banyak. Perdana Menteri telah mengumumkan secara terbuka bahawa Kerajaan akan terus berusaha melaksanakan perbelanjaan berhemat dan memastikan hutang negara berada di bawah siling yang telah ditetapkan. Untuk memastikan kita mengekalkan parameter ini, kita menggunakan strategi untuk memastikan pertumbuhan ekonomi kekal pada kadar yang menggalakkan supaya pinjaman Kerajaan tidak melebihi siling yang telah ditetapkan.

9. Pengiktirafan daripada organisasi global yang berwibawa:

Pihak luar terus mengiktiraf kemajuan Malaysia yang pesat. Sebagai contoh, *World Bank* telah menaikkan ranking global Malaysia dalam *Doing Business Report* daripada tangga ke-18 pada tahun 2012 kepada tangga ke-12 pada tahun 2013 mendahului Sweden, Taiwan, Jerman, Jepun dan Switzerland. Indeks keyakinan AT Kearney untuk Malaysia meningkat daripada kedudukan ke-21 pada tahun 2010 kepada kedudukan ke-10 pada tahun 2012, mengatasi Perancis, Korea Selatan, Thailand, Vietnam, Kanada dan Turki.

Buku Tahunan Daya Saing Dunia IMD (*IMD World Competitiveness Yearbook*) menunjukkan kedudukan Malaysia bertambah baik daripada tangga ke-16 pada tahun 2011 kepada tangga ke-14 pada tahun 2012, mendahului Australia, UK, Korea Selatan, Jepun dan Perancis. Sebaliknya, kedudukan Malaysia dalam Daya Saing Global WEF tidak tekal, iaitu tempat ke-24 (2009), 26 (2010), 21 (2011) dan 25 (2012). Terkini, CNN mengiktiraf Kuala Lumpur sebagai kota membeli-belah keempat terbaik, mengatasi Paris dan Hong Kong.

Menarik juga untuk diperhatikan bahawa Harvard Business School dan Universiti Princeton, iaitu dua buah institusi pengajian tinggi, Ivy League di Amerika Syarikat, telah menulis kajian kes mengenai transformasi Malaysia yang digunakan dalam kursus pengajian mereka.

10. Pencapaian KPI yang cemerlang secara keseluruhan pada tahun 2012:

Pada tahun 2012, pencapaian KPI untuk NKEA melepasi sasaran untuk mencecah 118 peratus sementara bagi SRI, kita mencatat pencapaian KPI hampir penuh sebanyak 93 peratus. Pencapaian ini telah disahkan oleh PricewaterhouseCoopers, disamping itu diiktirafkan oleh panel pakar antarabangsa.

NKEA: Kemajuan pada tahun 2012

12 NKEA meraih kemajuan berterusan pada tahun 2012. Oleh sebab ketelusan menjadi teras segala tindakan yang kami laksanakan dalam ETP, kami telah mendapatkan khidmat firma audit (PricewaterhouseCoopers (PwC) untuk menjalankan beberapa Prosedur Dipersetujui (*Agreed-Upon-Procedures, AUP*) bagi memastikan ketepatan pelaporan kami. Prosedur teliti ini amat berguna untuk membantu kita memastikan perakaunan yang jelas dan amalan terbaik dalam melangkah ke hadapan.

Berdasarkan AUP pada tahun 2012, kami telah memperoleh sebanyak 39 projek yang meraih pelaburan berjumlah RM32.14 bilion yang diunjurkan menyumbang RM6.63 bilion kepada PNK pada tahun 2020 dan mencipta 94,702 peluang pekerjaan.

Pada tahun 2011, kami telah mengumumkan pelaburan komited berjumlah RM179.2 bilion, PNK berjumlah RM129.5 bilion dan 313,741 peluang pekerjaan baru.

Sehingga 31 Disember 2012, ETP telah mengumumkan sejumlah 149 projek sejak pelancarannya pada tahun 2010 dengan jumlah pelaburan komited sebanyak RM211.34 bilion pada tahun 2012. Pada tahun 2020, PNK dijangka mencecah RM135.64 bilion bersama 408,443 peluang pekerjaan dijangka berjaya diwujudkan.

Kami ingin menekankan bahawa jumlah pelaburan, PNK dan peluang pekerjaan yang lebih rendah pada tahun 2012 berbanding dengan 2011 tidak sekali-kali menggambarkan momentum yang perlahan. Ini disebabkan pada tahun 2011 yang merupakan tahun pertama pelaporan untuk ETP, terdapat kemasukan projek permulaan yang banyak sebagaimana yang diumumkan di bawah NKEA ekoran momentum yang dicetuskan pada permulaan program.



Rajah E

NKEA: Menjejak kemajuan

12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) mencatat kemajuan berterusan pada tahun 2012. Pelaporan terperinci mengenai KPI, sasaran dan pencapaian diuraikan dalam bab NKEA masing-masing.

Greater Kuala Lumpur/Klang Valley

Sebagai nadi Malaysia, Greater KL/KV merupakan komponen penting untuk transformasi Malaysia kepada negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Pada tahun 2012, NKEA Greater KL/KV mencatat tahap pencapaian yang cemerlang ke arah merealisasikan matlamatnya. Paling penting ialah kemajuan besar di bawah projek Transit Laju Massa Lembah Klang (*Klang Valley Mass Rapid Transit, KV MRT*) dan InvestKL yang mengatasi sasarannya bagi tahun 2012.

Kerja pemerolehan tanah di bawah projek KVMRT kini sudah 94 peratus selesai. MRT Corp telah menganugerahkan kesemua 41 pakej tender awam bagi kerja-kerja kejuruteraan awam yang diperlukan. Kerja pembinaan juga telah bermula pada tahun lepas dengan memfokuskan penyiapan kerja lanjutan dan awal untuk stesen bertingkat dan bawah tanah yang utama.

Invest KL yang bertindak sebagai agensi pelaksanaan utama bagi EPP1 telah berjaya menarik 11 Syarikat Multinasional ke Greater KL/KV pada tahun 2012, sekali gus mewujudkan 1,393 peluang pekerjaan. Antaranya, Service Source dan Alstom bakal membangunkan Pusat Kecemerlangan dan syarikat seperti Darden dan Oleon masing-masing akan membina Pusat Pengurusan Serantau dan Ibu Pejabat.

Minyak, Gas dan Tenaga

NKEA Minyak, Gas dan Tenaga (OGE) berusaha untuk membangunkan sektor hiliran di Malaysia sekali gus memastikan tahap pengeluaran dan penerokaan tenaga alternatif yang berterusan. Ia juga secara langsung dapat membantu industri ini yang merupakan antara jentera pertumbuhan ekonomi negara yang paling penting.

Salah satu pencapaian besar pada tahun 2012 bagi industri OGE adalah apabila Petroliaam Nasional Bhd (PETRONAS) mencatat pengeluaran minyak pertamanya pada November 2012 dari medan minyak Gumusut-Kakap yang terletak di luar pesisir Sabah. Sebagai pembangunan laut dalam Malaysia yang kedua, ia merupakan pencapaian besar dalam industri minyak dan gas Malaysia berikutan proses perancangan dan pelaksanaan selama 14 bulan. Pengeluaran dijangka mencecah sebanyak maksimum 25,000 tong minyak sehari (*barrels per day, bpd*) apabila operasi kedua-dua telaga ini diperhebat.

Satu lagi pencapaian hebat dalam NKEA ini adalah apabila SapuraCrest Petroleum Bhd dan Kencana Petroleum Bhd bergabung pada Mei 2012 untuk membangunkan firma perkhidmatan minyak dan gas bersepadu yang kelima terbesar di dunia dan bersaing secara lebih berkesan dengan syarikat serantau untuk memperoleh projek. Dalam urus niaga yang bernilai lebih RM10 bilion dalam modal pasaran, firma gabungan SapuraKencana Petroleum Bhd, menggabungkan pengalaman SapuraCrest dalam kontrak pengangkutan dan pemasangan dengan kepakaran Kencana Petroleum sebagai pakar pembikinan.

Perkhidmatan Kewangan


Industri perkhidmatan kewangan domestik memainkan peranan penting dalam memastikan kemampanan ekonomi Malaysia. Industri ini menyumbang 11.6 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNG) pada tahun 2011, berkembang pada purata 7.5 peratus dalam tempoh 2006-2011.

Pada tahun 2012, sektor perkhidmatan kewangan menunjukkan prestasi cemerlang dengan pembangunan pasaran modal utama. Bank-bank pula terus memiliki modal yang mencukupi, membuktikan kualiti aset yang utuh dan terus melaporkan keuntungan tertinggi selain terus berkembang di luar Malaysia.

Di bawah NKEA Perkhidmatan Kewangan untuk EPP 1 yang memfokuskan usaha mencergaskan pasaran ekuiti Malaysia, pasaran kita menunjukkan prestasi cemerlang meskipun berlatarkan ketidakpastian dalam ekonomi dan pasaran dunia. Tarikan pasaran turut menyaksikan elakur asing muncul sebagai pembeli bersih di Bursa Malaysia sehingga akhir Disember 2012.

Pada tahun 2012, pelepasan saham GLIC semakin rancak dan memuncak dengan penyertaan beberapa IPO terbesar dunia, iaitu Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGVH) dan Integrated Healthcare Holdings Bhd. Penyertaan FGVH dan IHH masing-masing meraih modal RM9.9 bilion dan RM6.3 bilion, sekali gus melonjakkan permodalan pasaran Bursa Malaysia sebanyak RM39 bilion. Pada akhir tahun 2012, permodalan pasaran Bursa Malaysia meningkat 14 peratus sejak akhir tahun 2011.

Selain itu, untuk mempercepat pertumbuhan industri pencen swasta, pelancaran Skim Persaraan Swasta (*Private Retirement Scheme, PRS*) iaitu sebuah pelan simpanan persaraan sukarela menandakan titik tolak penting dalam memudahkan pertumbuhan industri pencen swasta. PRS dirangka oleh penyedia dana sektor swasta dan dilesenkan serta diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC).



Rajah F

Sehingga Disember 2012, RHB Investment Management Sdn Bhd, CIMB-Principal Asset Management Bhd, Manulife Asset Management Services Bhd, Public Mutual Bhd dan Hwang Investment Management Bhd telah melancarkan sebanyak 26 dana PRS yang terletak di bawah pengawasan Suruhanjaya Sekuriti.

Meskipun kemajuan besar telah dicapai dalam mengekalkan momentum industri Perkhidmatan Kewangan, keperluan industri tidak harus dipinggirkan. Keperluan ini termasuklah mendorong peningkatan halaju dan mudah tunai di Bursa Malaysia, menggalakkan penyepaduan industri kewangan dan menangani keperluan modal insan.

Walaupun pembangunan pada masa akan datang sebahagiannya bergantung pada keadaan luaran yang tidak menentu, NKEA Perkhidmatan Kewangan akan terus memfokuskan pengukuhan faktor domestik yang akan membantu dalam membangunkan industri yang sofistikated untuk memenuhi keperluan negara berpendapatan tinggi.



Pemborongan dan Peruncitan

NKEA Pemborongan dan Peruncitan menyasarkan untuk memangkinkan transformasi sektor pemborongan dan peruncitan, seterusnya meningkatkan peranannya dalam menarik penggunaan domestik, yang menyumbang kepada lebih 60 peratus daripada KDNK Malaysia.

NKEA ini telah mencatatkan kemajuan yang ketara dalam tahun 2012, dan dalam beberapa bidang, melepasi sasaran yang ditetapkan untuk tahun tersebut. Transformasi kedai runcit terus mencipta kejayaan besar berikutan pembukaan 568 buah kedai TUKAR, melepasi sasaran asalnya sebanyak 500 buah kedai bagi tahun tersebut. Ini membawa kepada jumlah yang telah ditransformasikan setakat ini kepada 1,087 buah kedai. Peserta TUKAR telah melaporkan kenaikan purata sebanyak 30 peratus dalam pendapatan pasca transformasi.

Projek Pemodenan Bengkel Automotif (ATOM) turut melepasi sasaran 50 buah bengkel yang ditetapkan bagi tahun 2012 dengan kejayaannya mengubah 110 buah bengkel pada tahun itu. Secara kumulatif dari tahun 2011, sejumlah 165 bengkel telah diubah hingga kini di bawah projek ini.

Makan Bazaar yang pertama, yang terletak di Mall of Medini telah mula beroperasi sejak pertengahan tahun 2012. Bazaar yang berkeluasan 180,000 kaki persegi ini menampilkan 18 buah kedai makanan dan minuman (F&B) serta 6 buah kios, berupaya memenuhi keperluan lebih 1,000 pelanggan.

EPP 3, Membangunkan Pasar Komuniti, telah dipindahkan ke NKEA Pertanian bagi pelaksanaan lebih lancar disebabkan oleh penglibatan pihak berkepentingan berasaskan pertanian.



Minyak Sawit dan Getah

NKEA Minyak Sawit dan Getah berusaha untuk memanfaatkan kelebihan persaingan dan kepakaran Malaysia dalam industri komoditi pertanian, dan dikenal pasti sebagai salah satu pemacu sosioekonomi utama negara.

Di bawah projek permulaan EPP 2 bagi minyak sawit, kita telah berjaya menubuhkan sebanyak 23 koperasi minyak sawit mapan pekebun kecil dengan kemasukan lapan koperasi tahun ini. Ini mewakili kira-kira 43,000 pekebun kecil meliputi kawasan kelapa sawit seluas 172,000 hektar. Usaha ini membolehkan pekebun kecil melangkah lebih dekat ke arah meningkatkan skala dan kecekapan bagi kawasan tanaman mereka.

Sementara itu, bagi industri getah, pihak Kerajaan terus memastikan aktiviti penanaman semula dan penanaman baru berterusan dalam kalangan pekebun kecil. Bidang penanaman getah Malaysia telah menjadi semakin berkurangan sepanjang 10 tahun yang lepas tetapi sektor hulu kekal penting dalam menyediakan bahan mentah yang mencukupi kepada industri hiliran. Dasar-dasar telah dirumuskan bagi memastikan bidang penanaman getah dikekalkan pada 1.2 juta hektar, dimana satu juta hektar boleh ditoreh.



Pelancongan

Malaysia dianugerahkan dengan iklim khatulistiwa serta kepelbagaian eko dan lanskap peruncitan maka Pelancongan sudah lama merupakan sebuah komponen utama kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Pada tahun 2012, pendekatan pelbagai aspek ini dalam mencergaskan semula industri Pelancongan mencatatkan beberapa pencapaian utama. Kuala Lumpur telah diiktiraf menduduki tangga keempat dalam tinjauan oleh rangkaian berita global, CNN Travel mengenai 10 bandar beli-belah terbaik dunia, mendahului hab beli-belah yang telah lama terkenal seperti Paris, Hong Kong dan Dubai pada tahun 2012.

Pencapaian hebat Kuala Lumpur itu adalah hasil gabungan mantap pengalaman membeli-belah berkualiti tinggi, harga yang berpatutan dan jualan yang andal, dengan Jualan Hujung Tahun 1Malaysia dipetik sebagai satu contoh. Wajar diperhatikan bahawa Malaysia memperoleh markah penuh untuk nilai.

Bandar raya Kuala Lumpur juga dinobatkan sebagai destinasi membeli-belah kedua terbaik di Asia Pasifik oleh Indeks *Globe Shopper*, yang diwujudkan oleh *Economist Intelligence Unit*, iaitu sebahagian daripada *Economist Group* dan dibiayai oleh *Global Blue*, iaitu syarikat pelancongan membeli-belah yang berpangkalan di Switzerland.

Di samping itu, 45 acara mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran (MICE) utama (saiz minimum 650 perwakilan) telah diperoleh bagi tahun 2012, sekali gus menarik sejumlah 61,659 perwakilan dan pendapatan anggaran sebanyak RM 597 juta. Pencapaian ini merupakan 100 peratus kenaikan dalam jumlah perwakilan dan pendapatan yang dijana berbanding dengan tahun 2011.

Satu daripada acara utama yang diperoleh ialah Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) ke-127. Acara ini, bakal dianjurkan di Kuala Lumpur pada tahun 2015 dan dijangka menerima kira-kira 1,500 perwakilan antarabangsa termasuk ahli-ahli kehormat IOC serta seramai 1,500 ahli tambahan daripada media antarabangsa.

Elektrikal dan Elektronik

Beberapa dekad yang lalu menyaksikan industri Elektrikal dan Elektronik sebagai penggerak utama bagi ekonomi Malaysia, dengan demikian menyediakan satu komponen KDNK yang penting, menarik minat pelabur asing dan mewujudkan peluang pekerjaan. Hasilnya, NKEA E&E telah mengambil langkah penting untuk menggerakkan industri pada rantaian nilai lebih tinggi bagi meningkatkan daya saingnya dalam pasaran global, dan pada masa yang sama melindungi industri daripada peristiwa yang menimbulkan gangguan, yang boleh memberikan kesan terhadap prestasinya.

Langkah tersebut menghasilkan E&E 2.0, iaitu sebuah hala tuju baru bagi NKEA E&E. Melalui hala tuju baru ini, EPP sekarang dikelompokkan semula dan empat EPP baru telah diperkenalkan. E&E 2.0 dipersiapkan ke arah menggalakkan peserta tempatan untuk beralih daripada pembuatan dan bergerak pada rantaian nilai lebih tinggi dalam aktiviti reka bentuk, pemasangan, pembungkusan dan akhirnya menjadi pembekal penyelesaian secara keseluruhan. Sebagai hasilnya, langkah ini akan menyumbang ke arah pewujudan pekerjaan berpendapatan tinggi, KDNK dan PNK yang lebih tinggi, dan peningkatan FDI sekali gus memacu Malaysia ke arah mencapai sasaran tahun 2020. Empat projek baru di bawah EPP 2.0 termasuk:

- Pembangunan Sistem Keseimbangan bagi Solar Fotovolta (PV)
- Meningkatkan Industri Sistem Terbenam
- Memangkinkan Pengilangan Komponen Kenderaan Elektrik
- Menyokong Penyelenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih (MRO) Rel Serantau

Di samping itu, di bawah EPP 11, National Instruments dalam kerjasama dengan pihak Kerajaan telah mewujudkan makmal perkhidmatan kongsi di Taman Teknologi Malaysia. Kemudahan berkongsi ini membolehkan syarikat-syarikat tempatan menggunakan kemudahan yang ada untuk reka bentuk dan pembangunan selain dijadikan sebagai hab latihan bagi para jurutera untuk memperoleh dan meningkatkan kecekapan platform reka bentuk sistem Labview mereka di bawah proses pensijilan. Sementara itu, National Instruments Academy & Innovation Nucleus kini dalam proses pembinaan dan ia menyasarkan untuk memupuk inovasi, membangunkan kumpulan tenaga mahir dan menggalakkan penciptaan hak harta intelek dalam komuniti PKS tempatan.

Perkhidmatan Perniagaan

Dalam menyasarkan pembangunan sektor perkhidmatan khusus terpilih dalam ekonomi Malaysia, NKEA Perkhidmatan Perniagaan memberikan sumbangan penting dalam usaha negara untuk memperoleh status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Sektor-sektor ini termasuklah perkhidmatan penyelenggaraan, perkhidmatan penyumberan luar pembaikan dan baik pulih (MRO) penerbangan, pusat data, teknologi hijau, perkhidmatan kejuruteraan serta pembinaan kapal dan pembaikan kapal.

Di bawah sektor penyumberan luar, firma perunding global Frost & Sullivan telah menubuhkan Pusat Kecemerlangan bagi Inovasi Global di Iskandar Malaysia, manakala firma asing lain, iaitu AIG, Chartis dan AIA turut mengembangkan pusat perkhidmatan perkongsian mereka di sini. Perkembangan ini dijangka membantu segmen penyumberan luar melepasi sasarannya bagi pendapatan eksport sebanyak 117 peratus dan pekerjaan diwujudkan sebanyak 113 peratus. Kerajaan juga memainkan peranannya dalam menganugerahkan kontrak penyumberan luar kepada projek Komunikasi Bersatu Kerajaan dan Pusat Data Kerajaan 2 bagi merangsang sektor penyumberan luar.

NKEA ini juga telah berjaya memupuk syarikat perkhidmatan kejuruteraan berpenghususan tinggi tempatan. Strand Aerospace Malaysia (SAM) dan DreamEdge Sdn Bhd (DESB) telah mengembangkan perniagaan mereka di dalam dan di luar negeri, mencapai keuntungan yang tekal dalam pendapatan selain meningkatkan jumlah pekerjaan dalam tempoh dua tahun.

Walaupun dengan kejayaan ini, modal insan, kekurangan skala dan skop syarikat penyumberan luar tempatan, selain harga mahal dan daya maju perniagaan bagi industri teknologi hijau yang belum teruji masih merupakan isu lazim dalam NKEA ini. Walau bagaimanapun, halangan sedia ada akan ditangani secara berterusan bagi menyokong inisiatif yang diperlukan untuk memajukan bidang pengkhususan kita dalam menghadapi persaingan yang sentiasa meningkat dalam ekonomi global.

Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi

Memandangkan platform ini direka bentuk untuk memperkukuh kedudukan Malaysia dalam era maklumat, NKEA Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi (CCI) merupakan salah satu projek yang paling berdaya maju dan dinamik yang dijalankan oleh Kerajaan sehingga kini.

Pencapaian utama NKEA ini pada tahun 2012 mempamerkan hasil cemerlang berikutan perkongsian awam-swasta yang kukuh. Ini termasuk sumbangan daripada Filem, Televisyen, Animasi, Kraftangan, Seni Pentas, Muzik, Pengiklanan dan Percetakan yang dianggarkan hampir RM13 bilion. NKEA ini menyokong animasi *War of the Worlds: Goliath*, sebuah penerbitan Malaysia yang dipilih sebagai Filem Cereka Animasi 3D yang terbaik di Los Angeles. Ini merupakan bukti nyata bahawa Malaysia mampu menawarkan kandungan yang berkualiti dan diharapkan ia dapat memacu impian generasi muda Malaysia untuk menceburi kerjaya dalam bidang ini.

Sebagai tambahan, Smartag dan Jabatan Kastam Diraja melancarkan Sistem Keselamatan Kontena dan Pemudahan Perdagangan dengan menggunakan Pengenal Frekuensi Radio (RFID) pada tahun 2012. Sistem ini memendekkan kerangka masa pemprosesan pada setiap pusat pemeriksaan Kastam sebanyak 47 minit bagi setiap kontena, meningkatkan dengan ketara kecekapan perdagangan di seluruh Malaysia secara keseluruhannya. Walaupun berlaku kelewatan dalam melaksanakan sistem ini, 64,629 urus niaga telah diproses berbanding dengan sasaran 66,000.

Pendidikan

Sebagai syarat yang paling asas bagi sebuah ekonomi yang maju, NKEA Pendidikan mengambil pendekatan pelbagai aspek dalam menangani pendidikan negara.

Sepanjang tahun 2012, tiga EPP baru telah diwujudkan bagi menangani permintaan pasaran. Ini terdiri daripada EPP 14: Membina Sebuah Kelompok Pembangunan Permainan; EPP 15: Menubuhkan Kampus Cawangan bagi Universiti Asing; dan EPP 16: Menubuhkan Institusi Pendidikan Bukan Berasaskan Keuntungan.

Kelompok Pembangunan Permainan, diwujudkan pada tahun 2012, akan menumpukan kepada dua bidang – iaitu mewujudkan kesedaran untuk menjadikan Malaysia hab pembangunan permainan dan juga membangunkan tenaga mahir bagi memenuhi permintaan industri.

Kolej Universiti KDU, sebagai peneraju projek, dan Codemasters Studios Malaysia telah menandatangani sebuah memorandum persefahaman pada Januari 2012 untuk bekerjasama dalam menghasilkan sebuah kurikulum bagi pembangunan permainan yang memastikan graduan daripada program ini bersedia sepenuhnya bagi pasaran pekerjaan yang kompetitif.

Di bawah EPP 15, Universiti Heriot-Watt (HWU) telah menubuhkan kampus cawangan antarabangnya yang kedua di Putrajaya, Malaysia pada tahun lepas. Meskipun kerja pembinaan kampus HWU seluas 20,000 meter persegi sedang dijalankan, namun universiti ini memulakan operasinya dengan program MBA pada September di sebuah tapak sementara yang terletak di Putrajaya. Kampus rasmi di Putrajaya terbuka kepada pelajar pada awal tahun 2013 apabila ia melancarkan program MBA global daripada Edinburgh Business School.



Pertanian

Matlamat utama NKEA Pertanian adalah untuk menggerakkan industri ke arah perniagaan tani, daripada fokus yang dahulunya menumpukan pertanian. Ini akan tercapai melalui strategi transformasi yang merangkumi empat tema utama, iaitu: memanfaatkan kelebihan bersaing, mempergunakan pasaran premium, menjajarkan objektif keselamatan makanan dengan peningkatan PNK; dan penyertaan dalam rantaian nilai pertanian serantau.

Pada tahun 2012, NKEA ini melepasi sasaran KPI dan mencapai beberapa kejayaan penting. Setakat ini sejumlah 107 syarikat utama menerima kelulusan untuk mengambil bahagian di bawah NKEA ini, dengan pelaburan swasta yang dijanjikan berjumlah RM8.9 bilion untuk menjana RM13 bilion dalam PNK dan sebanyak 55,936 pekerjaan pada akhir tarikh siap setiap projek. Pelaburan swasta yang dijanjikan untuk EPP mengatasi pelaburan awam antara 71 peratus hingga 29 peratus, melepasi anggaran nisbah awal tahun 2020 iaitu 60:40.

Paling mendapat perhatian ialah pelantikan Lobster Aqua Technologies Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Darden Aquasciences yang berpangkalan di AS. Lobster Aqua Technologies akan membangunkan taman akuakultur udang kara bersepadu pertama dunia di Sabah di bawah EPP 4: Penternakan Akuakultur Melalui Sistem Sangkar yang Bersepadu, sekali gus membawa masuk pelaburan berjumlah hampir RM2.03 bilion.

Pembangunan positif yang dilihat sepanjang tahun 2012 bagaimanapun tidak terlaksana tanpa sebarang cabaran. Ini termasuklah kurang kesedaran untuk inovasi dalam industri; kekurangan insentif bagi menggalakkan penyertaan lebih ramai peserta; dan jumlah terhad syarikat yang cukup berpengalaman bagi menguruskan rantaian nilai di seluruh industri.



Penjagaan Kesihatan

Bagi memastikan rakyat mempunyai akses kepada penjagaan kesihatan yang berkualiti tinggi dengan harga yang berpatutan, dan untuk membuka bidang pembangunan yang baru dalam industri, NKEA Penjagaan Kesihatan berusaha untuk melengkapkan perkhidmatan penjagaan kesihatan Malaysia sedia ada; pada masa yang sama merapatkan jurang antara tawaran penjagaan kesihatan awam dengan swasta melalui rancangan kerjasama.

Pada tahun 2012, NKEA telah mencatat beberapa perkembangan penting, iaitu dalam bidang pembangunan farmaseutikal tempatan untuk tujuan eksport. Antara peristiwa utama bagi tahun 2012 ialah makmal Seniors' Living (Penjagaan Warga Tua) yang dilaksanakan pada September 2012, bagi mengkaji semula Industri Penjagaan Warga Tua. Makmal ini bertujuan mengubah industri menjadi sebuah industri penjagaan kesihatan yang diiktiraf, yang kemudiannya akan menyaksikan pembangunan sebuah ekosistem bagi warga tua dalam kumpulan berpendapatan tinggi dan sederhana. Hasil makmal ini difokuskan kepada tiga bahagian – Rumah Penjagaan Warga Tua, Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Bergerak dan Jagaan Keinstitusian.

Peluang Perniagaan peralatan perubatan telah diubah kepada tujuh buah EPP baru tahun 2012. Setakat ini, terdapat empat syarikat swasta yang telah melabur ke dalam EPP bagi memastikan peralatan yang dipasarkan memenuhi standard keselamatan Pihak Berkuasa MD.

Inisiatif Pembaharuan Strategi (SRI): Pemangkin perubahan

Enam SRI ETP dirumuskan daripada cadangan dasar NEM dan mewakili perubahan menyeluruh yang membenarkan Malaysia untuk mencapai daya saing global.



Persaingan, Standard dan Liberalisasi

SRI ini mencatat kemajuan yang membanggakan pada tahun 2012, dengan pelaksanaan Akta Persaingan 2010 yang telah berkuat kuasa pada Januari. Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) yang baru ditubuhkan telah mengambil langkah pantas dalam menangani kes dan menguatkuasakan Akta ini, disokong oleh penubuhan Tribunal Rayuan Persaingan, yang diumumkan pada Mei 2012. MyCC menyelesaikan kesnya yang pertama dan mengeluarkan Keputusan Akhir pada 6 Disember 2012.

Di samping itu, kita menyaksikan liberalisasi berautonomi 17 daripada 18 subsektor secara berperingkat pada tahun 2012. Subsektor tersebut termasuklah perkhidmatan perakaunan/pencukaian, perkhidmatan kurier, pakar gigi, gedung beraneka dan istimewa, perkhidmatan pembakaran, perkhidmatan guaman, sekolah antarabangsa, sekolah vokasional dan teknikal, sekolah vokasional dan teknikal bagi keperluan khusus, pusat latihan kemahiran, pengajian tinggi swasta yang bertaraf universiti, hospital swasta, pakar perubatan, telekomunikasi (Pembekal Perkhidmatan Aplikasi) dan telekomunikasi (Pembekal Perkhidmatan Rangkaian/Pembekal Kemudahan Rangkaian). Subsektor yang selebihnya, iaitu Pengukuran Bahan dijangka diliberalisasikan pada tahun 2013.



Pembangunan Modal Insan

Dalam bidang transformasi tempat kerja dan tenaga kerja, usaha ke arah memodenkan perundangan telah dibuat dalam bidang berkaitan dengan pindaan terhadap Akta Umur Persaraan Minimum, lantas merintis jalan ke arah peningkatan produktiviti; dan Arahan Gaji Minimum, untuk menangani gaji yang rendah dan memperbaiki mekanisme penetapan gaji yang terdahulu.

Akta Umur Persaraan Minimum 2012 telah diwartakan pada 16 Ogos 2012, dan akan dikuatkuasakan pada 1 Julai, 2013.

Manakala, Arahan Gaji Minimum telah diwartakan pada 16 Julai, 2012 dan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2013. Akta Gaji Minimum, juga diumumkan pada tahun 2012 telah menetapkan pembayaran minimum sebanyak RM900 bagi pekerja di Semenanjung Malaysia dan RM800 bagi pekerja di Sabah dan Sarawak.

Di samping itu, program MyProCert berkembang tahun ini dengan tambahan sepuluh rakan kongsi pensijilan, dengan demikian menawarkan lebih set kemahiran kepada rakyat Malaysia. Syarikat tersebut termasuklah Huawei Technologies (M) Sdn Bhd, Oracle Corporation Malaysia Sdn Bhd, iTrain (M) Sdn Bhd, Scicom (Academy) Sdn Bhd, SnT Global Services Sdn Bhd, PMP, MyTriz, Autodesk, National Instruments dan Embedded System Design. Program MyProCert menyasarkan untuk meningkatkan kemahiran 7,500 individu daripada tenaga kerja Malaysia kepada standard pensijilan antarabangsa dalam tempoh tiga tahun.



Mengurangkan Peranan Kerajaan dalam Perniagaan (GRiB)

SRI ini bertujuan merasionalkan peranan Kerajaan dalam perniagaan untuk mengelakkan penyisihan sektor swasta, meningkatkan kecairan dalam pasaran modal, dan memperbaiki kedudukan fiskal Kerajaan.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengurangkan peranan kerajaan dalam perniagaan, empat buah syarikat pelaburan berkaitan kerajaan dipindahkan kepada sektor swasta. Ini merangkumi penyenaraian FGV, penjualan 24 peratus saham Ekuiti Nasional Bhd dalam Tanjung Offshore Bhd, penjualan 97 peratus saham dalam Johan Ceramics Bhd oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), dan pengurangan saham Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dalam RHB Capital Bhd.

Selain itu, pelepasan saham di bawah skop GRiB turut meliputi rasionalisasi pada peringkat kementerian, dengan kewujudan Pelan Pelepasan Saham Peringkat Kementerian pada tahun 2012. Susulan usaha yang tertumpu dan perbincangan yang teliti mengenai inisiatif ini, SRI GRiB telah mengenal pasti sembilan buah syarikat di bawah empat kementerian yang bersedia untuk melepaskan sahamnya dari tahun 2012-2016.

Walaupun faktor pasaran telah menghalang beberapa kemajuan, pelan pelepasan saham akan diteruskan apabila kriteria tertentu dipenuhi, dan Kerajaan tetap komited untuk membantu mewujudkan pasaran yang kompetitif dan terbuka untuk syarikat-syarikat Malaysia.

Inisiatif di bawah SRI ini dibayangkan akan mengaktifkan semula peranan sektor swasta dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan mengembalikan peranan sektor swasta sebagai peneraju dalam perjalanan Malaysia menuju status negara berpendapatan tinggi.



Pembaharuan Kewangan Awam

Walaupun SRI ini merupakan salah satu inisiatif Kerajaan yang sangat mencabar, ia tetap mencatatkan beberapa pencapaian sepanjang tahun 2012.

Ini termasuk usaha menggalakkan perolehan yang telus, yang merupakan satu daripada 21 inisiatif yang digariskan di bawah SRI ini. Melalui inisiatif ini, Kerajaan berjaya mencapai penjimatan sebanyak RM26.01 juta pada tahun 2012.

SRI ini turut mengawasi penambahbaikan dalam pematuhan dan pentadbiran cukai. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia memperoleh hasil tambahan sebanyak RM1.79 bilion serta peningkatan dalam jumlah kutipan hasil cukai langsung pada tahun 2012, jumlah ini dianggarkan sebanyak RM116.825 bilion berbanding dengan kutipan sebenar pada tahun 2011 iaitu RM102.242 bilion.



Penyampaian Perkhidmatan Awam

Di bawah SRI Penyampaian Perkhidmatan Awam, inisiatif Perekayasaan Semula Proses Perniagaan (BPR) setakat ini akan menggabungkan 548 lesen kepada 323 lesen menjelang tahun 2015. Sembilan daripada 28 lesen yang dikenal pasti berjaya dimansuhkan pada tahun 2012. Penggabungan lesen sepenuhnya dijangka selesai menjelang tahun 2015, dengan majoriti penggabungan dicapai pada tahun 2012. Sebaik sahaja lengkap proses semak semula lesen ini, ia akan dimasukkan ke dalam sistem online, melalui Sistem Sokongan Elektronik Pelesenan Perniagaan (BLESS).

Pelancaran sistem pengedaran kaunter untuk menilai prestasi pegawai bertugas kaunter kini tersedia di semua stesen polis dan jabatan kerajaan lain, iaitu Jabatan Imigresen jabatan dan agensi Kerajaan yang lain seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Labuan serta Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Imigresen yang tertentu.



Merapatkan Jurang Ketaksamaan

Program Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi atau TeraS, yang bertujuan mengenal pasti syarikat Bumiputera berprestasi tinggi untuk membantu mereka berkembang melewati pasaran Malaysia, telah menyaksikan banyak kemajuan dengan 300 buah syarikat diberikan status TeraS setakat ini.

Bagi menyokong usaha ini selanjutnya, TERAJU sebagai agensi pelaksanaan utama telah memperkenalkan Dana TeraS berjumlah RM500 juta melalui kerjasama dengan SME Bank. Dana ini merupakan kemudahan pembiayaan Islam yang menawarkan akses yang lebih baik kepada pembiayaan dengan kadar yang menarik kepada syarikat-syarikat TeraS. Pada tahun 2012, 29 permohonan pembiayaan yang bernilai RM202 juta telah diluluskan.

Di samping itu, 47 peratus daripada jumlah pakej MRT bernilai RM9.1 bilion dianugerahkan kepada syarikat-syarikat Bumiputera. Ini melangkaui sasaran awal yang ditetapkan untuk peruntukan projek MRT kepada syarikat Bumiputera.

Memungkinkan pertumbuhan ekonomi di seluruh negara melalui koridor wilayah

Kerajaan memperkenalkan lima Koridor Ekonomi Wilayah dalam usaha untuk mencapai pertumbuhan yang lebih seimbang di seluruh Malaysia. Lima Koridor dan bandar utama dalam setiap wilayah terdiri daripada Iskandar Malaysia dan Johor Bahru, Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) dan Georgetown, Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dan Kuantan, Koridor Tenaga Boleh Baharu Sarawak (SCORE) dan Kuching, serta Koridor Pembangunan Ekonomi Sabah (SDC) dan Kota Kinabalu.

Setiap wilayah memfokuskan bidang pengkhususan ekonomi tersendiri, dengan pertumbuhan masing-masing diiringi oleh pembangunan lanjut di bandar-bandar utama bagi memastikan daya boleh huni (*liveability*) dipertimbangkan dalam pelan pertumbuhan wilayah tersebut.

Pada tahun 2011, agensi-agensi Koridor menjalankan beberapa makmal secara berkelompok dengan bantuan Pemandu untuk menghasilkan Program Transformasi Koridor Ekonomi Wilayah. Makmal ini memfokuskan usaha untuk memanfaatkan sepenuhnya inisiatif sedia ada dan menyelesaikan masalah yang wujud. Sebanyak 254 Projek Permulaan (EPP) telah dikenal pasti dalam makmal ini. EPP tersebut akan dibangunkan secara berperingkat dengan sasaran untuk menjana pendapatan negara kasar (PNK) tahunan sebanyak RM176 bilion menjelang tahun 2020. Pelaksanaan dan pembangunan Koridor tersebut diterajui oleh Pihak Berkuasa Koridor dengan sokongan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dan Pemandu.

Walaupun EPP Koridor kekal terasing daripada EPP yang dilaksanakan di bawah ETP, Koridor-koridor ini berhasrat menjajarkan usaha mereka dengan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Projek-projek Koridor akan melengkapi Program Transformasi Negara dan Pelan Pembangunan Negeri.

Projek EPP Koridor ditadbir oleh Jawatankuasa Pemandu Koridor masing-masing. Di samping aktiviti sedia ada, iaitu pelaporan dan pemantauan projek yang diserahkan kepada EPU dan UKAS, Koridor akan mula berkongsi KPI dan masalah projek pada tahun 2013 melalui papan pemuka dalam talian Pemandu yang boleh dilihat oleh Perdana Menteri, Menteri-menteri Kabinet, EPU dan UKAS.

Sokongan berterusan daripada pihak berkepentingan utama: Perkhidmatan awam dan sektor swasta

Memandangkan pencapaian sesebuah transformasi itu hanyalah sebagai proses pelaksanaannya, pujian untuk kebanyakan kejayaan dalam ETP setakat ini harus diberikan kepada dua pihak kepentingan utama, iaitu perkhidmatan awam dan sektor swasta. Tanpa sokongan kedua-dua pihak ini, transformasi sebesar ini tidak akan dapat dicapai.

Perkhidmatan awam merupakan tunjang utama dalam memastikan kejayaan ETP kerana mereka bekerja pada peringkat akar umbi untuk melaksanakan inisiatif yang merangsang penyertaan sektor swasta. Kita harus sedar akan usaha gigih yang dijalankan oleh pelbagai kementerian dan agensi pelaksanaan bagi memastikan aliran masuk pelaburan cukup menarik agar peluang ekonomi dapat diwujudkan.

Walau bagaimanapun, menginsafi hakikat bahawa perjalanan usaha ini masih jauh dari garisan penamat, perkhidmatan awam perlu senantiasa meningkatkan prestasi mereka. Penting untuk mereka terus berusaha mencapai kecemerlangan dengan memperluas sasaran dan mengubah yang mustahil menjadi realiti ketika

berhadapan dengan landskap perniagaan dan ekonomi semasa yang sering berubah-ubah. Dari satu segi, perjalanan transformasi ini juga merupakan satu proses untuk mengubah perkhidmatan awam agar lebih berkesan dan tangkas untuk bertindak balas terhadap cabaran masa kini.

Pada masa yang sama, kami mengalu-alukan kerjasama yang lebih erat dengan sektor swasta dalam mencapai transformasi ekonomi negara kerana sasaran telah ditetapkan dan inisiatif untuk memenuhi matlamat ini sedang dilaksanakan. Sektor swasta telah melakukan tugas cemerlang melalui kerjasama dengan kerajaan untuk mengenal pasti peluang ekonomi di negara ini. Kami ingin terus melihat peserta sektor swasta meraih manfaat daripada usaha ini.

Kita perlu mencari jalan sejauh yang mungkin untuk menanamkan budaya dan etos kecemerlangan, serta menginstitusikan keupayaan untuk berubah dan bertindak balas terhadap persekitaran yang dinamik dalam kedua-dua segmen masyarakat ini. Perkhidmatan awam harus menerima peranan sebagai pemangkin dan agen perubahan dengan sepenuh hati sambil sektor swasta memacu ekonomi untuk manfaat seluruh rakyat Malaysia.

Menuju 2020: Kekal Fokus

Proses transformasi negara masih berbaki kurang lapan tahun untuk disempurnakan. Fokus kami pada tahun 2013 adalah untuk mengekalkan trajektori pertumbuhan sejajar dengan matlamat negara untuk tahun 2020.

Meskipun pelaburan dan penggunaan dijangka terus menampung ekonomi negara, kita tidak boleh terus bergantung pada faktor-faktor ini sahaja. Lebih banyak usaha harus dipersiapkan untuk meningkatkan aktiviti perdagangan luar negara.

Memang difahami bahawa permintaan global telah terjejas akibat kelembapan ekonomi di beberapa buah negara pengguna utama seperti Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun, namun kita tidak boleh menjadikan keadaan di luar negara ini alasan untuk terus berada dalam zon selesa. Syarikat-syarikat Malaysia harus terus berusaha untuk meningkatkan daya saing dan menjadi syarikat bertaraf dunia. Rakyat Malaysia perlu gigih merebut peluang yang mungkin tercetus daripada kemelesetan ini, dan bukannya sekadar berasa terancam dengan prospek ekonomi global yang suram.

Satu-satunya cara untuk kita menembusi pasaran global adalah apabila produk dan perkhidmatan kita mampu berdaya saing dan memenuhi standard global. Syarikat-syarikat Malaysia tidak seharusnya sekadar memandang ke dalam pasaran dalam negeri sebagai pengguna utama, sebaliknya mereka perlu membina keupayaan untuk bersaing dengan syarikat yang terbaik di luar negara.

Bagi merealisasikan perkara ini, Kerajaan beriltizam untuk meneruskan pembaharuan strategik di bawah ETP agar kita mempunyai medan persaingan yang adil untuk setiap perniagaan di negara ini. Inilah langkah yang benar-benar mencabar dalam perjalanan meraih status negara maju, namun kami yakin bahawa pembaharuan ini pasti akan dicapai pada masa hadapan.

Di samping itu, amat penting bahawa Kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan tidak kehilangan fokus terhadap matlamat di hadapan, tidak kira betapa kuatnya tarikan yang membawa kita tersasar dari laluan asal. Kita perlu terus berada di landasan untuk meraih kejayaan yang dihasratkan.

Kami berasa sangat teruja untuk berkongsi lebih banyak keberhasilan yang membanggakan pada masa depan. Perjalanan kita setakat ini telah menempatkan kita pada kedudukan yang teguh untuk mencapai matlamat utama kita menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi.

PENCAPAIAN ETP

PROGRAM TRANSFORMASI EKONOMI



2 Apr

Laporan Tahunan ETP
dilancarkan oleh Perdana Menteri
di Angkasapuri



1 Jan

TalentCorp

Agensi kerajaan yang bertanggungjawab
menarik bakat tempatan dan luar negara
untuk bekerja di Malaysia, dilancarkan
pada bulan Januari 2011

13 Feb

Hari Terbuka MRT



19 Apr

Penubuhan

Malaysia Petroleum
Resources Corp



5 Jul

6 Inisiatif
Pembaharuan
Strategik (SRI)
dilancarkan



8 Sept

Penubuhan
InvestKL



25 Okt

Ulang tahun Pertama ETP

Feb

Hari Terbuka
Bandaraya dan Koridor



7 - 9 Feb

Penilaian Prestasi
Antarabangsa 2011



2011

2012

Mei - Jun

Makmal Elektrikal
dan Elektronik 2.0



28 Mei

Laporan Terkini ETP

21 projek baru diumumkan
6 implementasi SRI



13 Sept

Laporan Terkini ETP

21 projek baru diumumkan
3 implementasi SRI



18 Sept - 19 Okt

Makmal Kesejahteraan
Warga Tua




1 - 15 Nov

Makmal Pendidikan
Keperluan Khas

28 Jan - 8 Feb


Makmal Minyak Sawit 2.0



16 Nov

Laporan Terkini ETP

20 projek baru ETP dan Koridor diumumkan
3 implementasi SRI



27 Nov

Ulang tahun Kedua ETP



2013

19 Mac

Laporan Tahunan 2012

dilancarkan oleh Perdana Menteri
di Angkasapuri

4 - 6 Feb


Penilaian

Prestasi

Antarabangsa

2012





BIDANG EKONOMI UTAMA NEGARA

Pendekatan yang tertumpu kepada pertumbuhan Ekonomi

Malaysia harus menggunakan kelebihan daya saingnya untuk mengutamakan pelaburan dan memberi sokongan polisi kepada beberapa penggerak pertumbuhan ekonomi. Dengan itu, Program Transformasi Ekonomi bertumpukan kepada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) seperti yang diumumkan di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. NKEA-NKEA ini akan menerima sokongan kerajaan dari segi sumber-sumber seperti dana dan bakat yang terbaik.

NKEA-NKEA ini dipilih atas sumbangan terhadap PNK yang signifikan, maka pihak kerajaan akan menumpukan usahanya ke arah kejayaan 12 bidang ekonomi ini. 12 NKEA inilah yang akan merangsangkan pertumbuhan ekonomi negara.





Greater Kuala Lumpur/ Klang Valley





**YB Senator Dato' Raja Nong Chik
Dato' Raja Zainal Abidin**

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

Bidang Ekonomi Utama Negara Greater Kuala Lumpur & Klang Valley (Greater KL/KV NKEA) telah mengorak langkah ke hadapan pada tahun 2012 dalam usaha mentransformasikan Kuala Lumpur menjadi bandar raya bertaraf dunia.

Bermula dari aspek kelestarian alam sekitar sehingga ke kecekapan rangkaian pengangkutan, pihak-pihak berkepentingan NKEA ini sedang bekerja keras untuk meningkatkan hampir setiap aspek Greater KL/KV, yang akan menukar status ibu negara Malaysia kepada salah satu bandaraya terunggul di dunia menjelang tahun 2020.

Tidak disangkal sememangnya kita masih berada di bibit awal kisah transformasi ini. Kita baru sahaja menyemai benih awal transformasi, namun begitu kerja-kerja yang kita lakukan sehingga kini sudah pun membuahkan hasilnya.

Sebagai contoh, kita sudah mula merintis jalan ke arah menjana pertumbuhan dengan salah satu projek utama kita, iaitu rangkaian Transit Aliran Berkapasiti Tinggi Lembah Klang (KV MRT). Kita juga telah mula melaksanakan elemen utama bagi projek Sungai Nadi Kehidupan, bertujuan untuk membersihkan dan mentransformasikan Sungai Klang agar menjadi bandar *waterfront* yang bersemangat dan bertenaga.

MRT ini, apabila siap kelak, akan menjadi arteri utama perjalanan ulang-alik rakyat ke nadi ekonomi di Kuala Lumpur manakala Sungai Nadi Kehidupan akan mentransformasi kawasan pusat bandar yang sebelum ini selalu diabaikan menjadi sebuah daerah komersial dan rekreasi yang bertenaga.

Sementara itu, NKEA ini secara serentak mengusahakan beberapa inisiatif lain seperti menghijaukan Kuala Lumpur dan berusaha menarik minat lebih banyak syarikat multinasional (MNC) untuk membuka cawangannya di Kuala Lumpur sebagai sebahagian daripada pelan keseluruhan NKEA untuk mengubah Greater KL/KV menjadi sebuah metropolis yang berkembang maju.

Saya gembira kerana berpeluang untuk melaporkan pencapaian kami pada tahun 2012 yang menunjukkan bahawa kerja-kerja awal telah pun membuahkan hasil, dan kami optimis bahawa banyak lagi usaha-usaha lain juga bakal membawa kejayaan. Saya menyedari bahawa perubahan tidak akan terjadi dengan sekelip mata, tetapi pasukan NKEA ini komited ke arah mewujudkan Kuala Lumpur yang lebih bersih, lebih pintar dan lebih baik.

GREATER KUALA LUMPUR/ KLANG VALLEY

Sebagai ibu negeri dan pusat komersial negara ini, Greater KL/KV merupakan komponen penting dalam pelan untuk mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Walaupun Greater KL/KV memegang kedudukan yang penting kawasan serantau dan nasional, ia bakal ketinggalan jika dibandingkan dengan rakan-rakan serantau yang telah mula maju ke hadapan. Dengan itu, NKEA Greater KL/KV ini menyasarkan untuk mencetus semula pertumbuhan di kawasan ini.

Matlamat keseluruhan Greater KL/KV NKEA adalah untuk mengubah ibu negara Malaysia dan nadi ekonomi ini menjadi sebuah metropolis bertaraf dunia yang gah dengan standard kelas terbaik dalam setiap bidang daripada infrastruktur perniagaan kepada kebolehan. Sembilan Projek (EPP) telah dilaksanakan untuk NKEA ini dan kira-kira 300,000 pekerjaan baru akan diwujudkan menjelang tahun 2020. Sembilan EPP ini direka untuk mencapai matlamat tertentu termasuklah:

- Mempertingkatkan dan menaik taraf rangkaian pengangkutan di seluruh rantau ini
- Meningkatkan keterhubungan dan mencantikkan persekitaran fizikal, serta menghijaukan alam sekitar
- Meningkatkan infrastruktur dan perkhidmatan pembetungan

Inisiatif-inisiatif di bawah EPP didorong oleh dua matlamat aspirasi: Untuk menjadi di antara bandaraya yang paling berdaya huni di dunia dan menjadi sebuah negara yang berdaya saing di peringkat global. Untuk mencapai matlamat ini, NKEA Greater KL/KV melancarkan dua projek utama pada tahun 2012: Transit Aliran Berkapasiti Tinggi Lembah Klang (KV MRT) dan projek Sungai Nadi Kehidupan (RoL).

Matlamat projek KV MRT adalah untuk mewujudkan pengangkutan unggul bagi penduduk Lembah Klang yang menjadi nadi utama untuk perjalanan ulang-alik dari pusat bandaraya. Sementara itu, projek RoL akan mengubah daerah yang sebelum ini terabai dan terbiar, menjadi kawasan komersial dan rekreasi *waterfront* di tengah-tengah bandar.

Kedua-dua projek utama NKEA ini bukan sahaja akan menjana pendapatan berbilion ringgit dari segi pelaburan dan mewujudkan ribuan peluang pekerjaan, tetapi juga akan berfungsi sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan aktiviti komersial lain di Greater KL/KV.

Pada masa yang sama, NKEA ini sedang mengusahakan beberapa inisiatif kecil yang berupaya menyumbang ke arah pencapaian matlamat berasaskan aspirasi yang sama. Bermula dengan peningkatan bilangan MNC di Kuala Lumpur kepada usaha menghijaukan bandaraya, juga di dalam usaha menjadikan bandar raya ini lebih mesra kepada pejalan kaki, matlamat-matlamat ini bekerja secara kolektif untuk membawa Kuala Lumpur ke tahap seterusnya.

Petunjuk Prestasi Utama 2012

NKEA Greater Kuala Lumpur / Klang Valley		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #1	Surat tunjuk minat bagi penempatan semula pengkalan MNC di Greater KL/KV	10	11	110	●	100	●	1.0	●
	Peluang pekerjaan yang dijana	600	1,393	232	●	100	●	1.0	●
EPP #2	Program <i>Returning Expert</i>	1,200	920	77	●	77	●	0.5	●
	Program <i>Resident Pass</i>	800	852	106	●	100	●	1.0	●
	Program <i>Employment Pass</i> (Kategori II)	300	31	10	●	10	●	0.0	●
	Pangkalan Data dan peningkatan Portal (Fasa 2)	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
	Program STAR (Pemegang Biasiswa JPA)	800	168	21	●	21	●	0.0	●
	Program STAR (Rakan Kongsi Korporat)	50	111	222	●	100	●	1.0	●
EPP #3	Penyiapan Fasa 1B HSR	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
EPP #4	Pengeluaran notis (Borang K) - pemformalan pemilikan tanah oleh kerajaan untuk pemerolehan tanah untuk SB-K Line	100%	93.6%	94	●	94	●	0.5	●
	Anugerah tender MRT untuk pakej kerja-kerja sivil bertingkat dan bawah tanah	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
	Kajian kebolehlaksanaan bagi Jalur 2 & 3 telah siap dan penyerahan seksyen 4 untuk pembekuan koridor-koridor MRT	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
EPP #5	Pemasangan loji rawatan sisa di 2 pasar basah	100%	90%	90	●	90	●	0.5	●
	Pemasangan sebanyak 55 Perangkap Pencemar	55	64	116	●	100	●	0.0	●
	Pelantikan kontraktor menjelang Disember 2012	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●

(bersambung)

(sambungan mukasurat sebelum)

NKEA Greater Kuala Lumpur / Klang Valley		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
	Pengurangan tahap pencemaran Minyak Dan Gris dari setiap pusat penjaja selepas Perangkap Lelembak Bersama dipasang	90%	99.98%	111	●	100	●	1.0	●
	Pengurangan tahap pencemaran Minyak Dan Gris dari setiap pusat penjaja selepas Perangkap Lelembak Bersama dipasang	90%	98%	109	●	100	●	1.0	●
	Bilangan Pakej Tender oleh JPP Dalam pembinaan	8	8	100	●	100	●	1.0	●
	% Penyiapan Pembinaan projek-projek di bawah Inisiatif Utama 5-7	70%	77%	110	●	100	●	1.0	●
	Pengurangan Tan <i>Floatables</i> di Sungai selepas pemasangan Perangkap Pencemar & <i>Automatic Trash Rake</i> (Tan)	1200	1486	124	●	100	●	1.0	●
EPP #6	# Pokok Ditanam	30,000	31,898	106	●	100	●	1.0	●
	# Pokok yang Ditaja Sektor Swasta	5,000	9,143	183	●	100	●	1.0	●
EPP #7	Penyempurnaan purata Jejak Warisan 2-3	50%	45	90	●	90	●	0.5	●
	Penambahbaikan serta pemuliharaan Masjid Jamek	50%	55	110	●	100	●	1.0	●
	Penyempurnaan penyerahan perancangan dan reka bentuk terperinci Pusat Malaysia Truly Asia (MTAC)	100%	100	100	●	100	●	1.0	●
EPP #8	Jumlah Laluan pejalan kaki yang diperbaiki (km)	12	13.35	111	●	100	●	1.0	●
EPP #9	Perlaksanaan Sistem Pemisahan di Sumber (Sisa Rumah) – Pengagihan Tong Sampah kepada isi rumah KL	100%	95.4%	95	●	95	●	0.5	●
	Mendirikan Pusat Rawatan Sisa Buangan Makanan. Mengenal pasti rawatan pembedahan yang sesuai untuk STP/Pusat Rawatan Sisa Buangan hibrid	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
	Perolehan peralatan untuk menaik taraf kemudahan lengai sedia ada di Sg. Kertas untuk kemudahan sisa <i>SWM Construction & Demolition</i>	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
				108%		92%		84%	

Rajah 1.1

Kaedah 1 menunjukkan pencapaian KPI sebenar iaitu membenarkan pencapaian melebihi 100 peratus dilaporkan.

Kaedah 2 menunjukkan laporan pencapaian KPI yang dihadkan kepada 100 peratus.

Kaedah 3 menunjukkan laporan pencapaian paling mudah. Sasaran KPI yang telah dipenuhi atau melebihi diberi grad 1. KPI yang mencapai lebih separuh daripada sasarannya diberi grad 0.5, dan KPI yang kurang daripada separuh sasaran mereka diberi grad 0.

PROJEK PERMULAAN

EPP 1

Menarik 100 Firma Paling Dinamik Dunia dalam Sektor Keutamaan

EPP ini mengiktiraf kepentingan mengubah Greater KL/KV menjadi hab perdagangan antarabangsa dengan MNC menjadi duta utama mereka. Sebagai sebahagian daripada fasa pertama pembangunan, InvestKL, satu wahana bertujuan khusus, telah ditubuhkan pada Jun 2011 untuk mengubah Greater KL/KV menjadi salah satu destinasi pelaburan yang terbaik di dunia.

Petunjuk prestasi utama InvestKL adalah untuk menarik 10 MNC setahun dan agensi menyasarkan industri utama di bawah 12 Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA) termasuk perkhidmatan perniagaan, pertanian, elektronik, perkhidmatan kewangan dan minyak & gas.

Pencapaian dan Cabaran

Pada tahun 2012, 11 syarikat multinasional (MNC) telah bersetuju untuk memulakan operasi mereka di kawasan KL/KV. Walaupun sasarannya adalah untuk menarik 10 MNC, InvestKL melepasi sasaran awal mereka dan menamatkan tahun 2012 dengan kejayaan yang membanggakan. InvestKL yakin bahawa momentum ini akan berterusan pada tahun 2013 dan akan terus memacu inisiatif ini ke hadapan.

Pada tahun 2012, InvestKL berjaya mendapatkan komitmen daripada MNC berikut:

1. Service Source (Pusat Kecemerlangan)
2. Alstom (Pusat Kecemerlangan)
3. Promat (Ibu Pejabat Operasi)
4. Darden (Pusat Pengurusan Serantau)
5. Oleon (Ibu Pejabat Serantau)
6. Philips Healthcare (Pusat Kecekapan Tidur)
7. Altran (Pusat Inovasi Serantau)
8. International SOS (Ibu Pejabat Serantau untuk Perkhidmatan Perubatan)

Tiga lagi syarikat yang lain akan menubuhkan hab perdagangan serantau, sebuah akademi latihan berpusat dan pusat membeli-belah kedai berjenama dalam perkongsian bersama syarikat tempatan di Greater KL/KV.

Salah satu cabaran utama yang dihadapi dalam melaksanakan EPP ini adalah kekurangan penyelarasan antara pelbagai agensi yang terlibat. Walaupun InvestKL telah ditubuhkan sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk mengurus dan membangunkan program ini, ia tidak mempunyai kuasa eksekutif dan perlu bergantung kepada agensi yang bersesuaian untuk berbuat demikian bagi pihaknya.

Langkah Seterusnya

InvestKL adalah lebih selektif dalam mencari pelaburan langsung asing (FDI), dengan memberi lebih tumpuan kepada pelaburan berkualiti untuk menyokong peralihan Malaysia kepada ekonomi berpendapatan tinggi. InvestKL berusaha mencari FDI berkualiti dalam bidang seperti perkhidmatan dan industri intensif pengetahuan, industri teknologi tinggi, dan teknologi tenaga hijau dan alternatif.

Pada tahun 2013, InvestKL akan mengambil pendekatan yang lebih tertumpu terhadap MNC dengan menggunakan pangkalan data yang baru dilengkapkan dengan senarai kira-kira 2,000 syarikat-syarikat Fortune 500 dan Forbes 2000. InvestKL telah mewujudkan pakatan yang lebih kukuh dengan firma perundingan Big Four, pelbagai rakan kongsi perbankan pelaburan dan dewan perniagaan untuk menarik syarikat yang mempunyai prospek bagus ke Greater KL/KV. InvestKL akan terus mengadakan jerayawara (*roadshow*), menganjurkan penyampaian di kedutaan, menganjurkan lawatan misi ke AS dan EU dan bekerja rapat dengan MIDA, MDeC, Biotech Corp dan semua koridor ekonomi yang lain ke arah mencapai objektif EPP ini.

Menarik Kumpulan Tenaga Mahir Tempatan dan Luar Negara

Populasi Greater KL/KV perlu bertambah sebanyak 4 juta untuk mencapai bilangan 10 juta menjelang tahun 2020 supaya dapat memenuhi permintaan pertumbuhan pekerjaan dan Pendapatan Negara Kasar (PNK). Daripada empat juta ini, kira-kira 2.5 juta akan terdiri daripada ekspatriat asing dan rakyat Malaysia yang tinggal di luar rantau ini.

Inisiatif-inisiatif di bawah EPP ini sedang dilaksanakan oleh TalentCorp, yang ditubuhkan pada bulan Disember 2010. TalentCorp mengambil pendekatan serampang tiga mata untuk mencapai matlamat membina tenaga kerja mahir untuk Greater KL/KV:

- Membawa pulang Diaspora Malaysia: TalentCorp akan menarik rakyat Malaysia yang berkecayaan dan berbakat yang menetap di luar negara untuk pulang di bawah *Returning Expert Programme (REP)* melalui insentif seperti pelepasan cukai dan permohonan pemastautin tetap yang singkat bagi ahli keluarga
- Menarik Tenaga Kerja Mahir Asing: TalentCorp memperkenalkan *Resident Pass Programme*, yang meningkatkan manfaat pemegang Pas Pekerjaan sedia ada (untuk ekspatriat) dengan memberikan mereka insentif seperti visa kerja jangka panjang dan mobiliti pekerjaan
- Menggalakkan Penghijrahan Tempatan Terurus: TalentCorp juga berusaha untuk menarik lebih ramai rakyat tempatan yang berbakat yang bekerja di luar Bandaraya Kuala Lumpur dan Lembah Klang. Usaha ini dilihat sebagai satu pengiktirafan terhadap rakyat Malaysia yang berbakat yang dapat mengisi keperluan tenaga mahir di Greater KL/KV, dan usaha akan dibuat bagi menggalakkan mereka mengisi kekosongan jawatan yang berkaitan tersebut

Pencapaian dan Cabaran

Sehingga Disember 2012, 1,926 orang telah pulang ke Malaysia di bawah program yang dikendalikan oleh TalentCorp. Butiran pecahan adalah seperti berikut:

- 920 rakyat Malaysia di bawah REP (680 pada 2011)
- 852 orang di bawah *Residence Pass Programme* (482 pemohon pada 2011)
- 31 di bawah *Employment Pass II Programme*
- 123 pemegang biasiswa JPA dan 111 rakan kongsi korporat di bawah *Scholarship Talent Attraction and Retention (STAR) Programme* (dilancarkan Ogos 2011)



Menarik tenaga mahir tempatan. Gambar diperolehi daripada BERNAMA Images

TalentCorp juga memperhebatkan usaha pada tahun 2012 dalam menyelaraskan proses perniagaannya seperti berikut:

- Meningkatkan penggunaan secara automasi
- Memperkenalkan model perniagaan baru dan pembangunan sistem untuk *Returning Expert Programme*
- Menambahbaik keperluan imigresen untuk memproses permohonan *Residence Pass* dan *Employment Pass*

Salah satu cabaran utama yang dihadapi EPP ini adalah kesukaran mencapai bilangan yang dikehendaki untuk salah satu program utamanya, iaitu REP. Adalah semakin sukar untuk mengenal pasti lebih ramai rakyat Malaysia di luar negara yang bersedia untuk pulang memandangkan bilangan tenaga mahir yang layak semakin berkurangan dari semasa ke semasa.

TalentCorp juga menghadapi cabaran untuk mengekalkan graduan asing dari universiti tempatan untuk terus bekerja di sini. Walaupun terdapat program untuk membantu graduan-graduan ini mendapat pekerjaan di dalam sektor kritikal selepas tamat pengajian iaitu di bawah *Employment Pass II Programme*, keengganan pihak industri tempatan untuk mengambil mereka bekerja menjadi penghalang utama kejayaan program ini.

Langkah Seterusnya

TalentCorp akan mengambil beberapa langkah untuk mempertingkatkan prestasi program tertentu.

Untuk REP, TalentCorp akan menyemak semula proses kelulusan bagi memastikan calon-calon yang memenuhi kriteria kelayakan dan mempunyai kemahiran yang diperlukan, dapat menyumbang secara berkesan kepada pelan transformasi ekonomi.

Dalam mengatasi masalah keupulungan tenaga mahir melalui program REP, TalentCorp berpendapat bahawa rakyat Malaysia masih boleh menyumbang kepada pembangunan negara meskipun berada di luar negara. Sehubungan itu, TalentCorp akan memanfaatkan diaspora Malaysia sebagai Duta Bakat Malaysia di dalam mempromosikan peluang-peluang berharga yang terdapat di tanah air ataupun melalui sumbangan terus dari luar negara. Sumbangan sedemikian boleh dilakukan melalui pelbagai cara seperti penyertaan di dalam persidangan dan seminar, menubuhkan pejabat di serata dunia atau melalui platform dalam talian seperti forum maya dan media rangkaian sosial.

Manakala untuk program STAR, TalentCorp akan terus bekerjasama dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk meningkatkan program kesedaran dan pemantauan graduan untuk memastikan mereka memenuhi kontrak dan bon masing-masing.

Membawa Pulang Tenaga Mahir Malaysia

Sejak beberapa dekad yang lalu, dianggarkan 700,000 rakyat Malaysia telah membuat keputusan untuk berhijrah dan mempertaruhkan kemahiran mereka di luar negara.

Talentcorp melihat rakyat-rakyat Malaysia ini sebagai peluang unik yang bakal memenuhi keperluan dan jurang sumber manusia di dalam negara, maka telah memusatkan usaha di bawah *Returning Expert Programme* (REP) untuk meyakinkan mereka ini untuk kembali ke tanah air.

“Apabila ditawarkan peluang untuk kembali ke Malaysia, saya mengambil masa yang agak lama untuk membuat keputusan,” kata Toi See Jong, KPE Tokio Marine Life Insurance Bhd dan peserta REP.

“Tetapi apa yang memotivasikan saya untuk pulang adalah memikirkan peluang untuk menyumbang kepada pembangunan negara ini dengan berkongsi kepakaran, kemahiran dan pengalaman yang saya peroleh semasa berada di luar negara.”



Graduan JPA. Gambar diperolehi daripada BERNAMA Images

Pengangkutan Keretapi Berkelajuan Tinggi ke Singapura

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat atau SPAD menyasarkan untuk membina sistem landasan keretapi berkelajuan tinggi (HSR) yang menghubungkan Kuala Lumpur dan Singapura. Sistem keretapi ini dijangkakan akan terus meningkatkan aktiviti perdagangan dan antara dua pusat ekonomi terbesar di Asia Tenggara.

HSR ini juga dijangka akan memudahkan perjalanan ulang-alik yang lebih pantas dan lebih diyakini di antara kedua-dua bandar raya, yang akan mengambil masa tidak lebih dari 90 minit untuk sampai ke destinasi. Bandar-bandar di sepanjang landasan keretapi juga dijangka mendapat manfaat dari HSR, yang akan membantu menyediakan kesalinghubungan yang lebih besar di antara kedua-dua pusat bandar.

Pencapaian dan Cabaran

SPAD telah mendapat kelulusan daripada Majlis Ekonomi pada tahun 2012 untuk menjalankan kajian kebolehlaksanaan terperinci mengenai cadangan trek HSR yang SPAD akan mengetuai kajian ini yang dijangka siap pada bulan Jun 2013 dan akan meneliti isu-isu berikut:

- Penjajaran akhir dan lokasi stesen di sepanjang laluan
- Impak makro-ekonomi projek terhadap Malaysia dan Singapura

- Hujah perniagaan awal untuk HSR
- Pengurusan strategi bagi pelbagai pihak yang berkepentingan
- Impak alam sekitar dan sosial berpotensi HSR
- Spesifikasi teknikal reka bentuk awal

Pada masa yang sama, mesyuarat peringkat tinggi telah diadakan dengan pihak berkepentingan utama untuk mendapatkan maklum balas dan input. Kerajaan Singapura juga telah terlibat dalam semua mesyuarat peringkat kerja.

Langkah Seterusnya

Kajian Kebolehlaksanaan HSR Fasa 1B memuktamadkan penemuan menjelang Jun 2013 untuk memasukkan analisis faedah ekonomi, pelan pelaksanaan strategik dan komponen teknikal / kejuruteraan yang diperlukan. Kajian kebolehlaksanaan untuk sambungan rel akan disiapkan pada separuh pertama tahun 2013, dan akan dimuktamadkan oleh Ahli Suruhanjaya SPAD sebelum dibentangkan kepada Majlis Ekonomi Malaysia. Keputusan muktamad tentang sambungan rel ini dijangkakan pada akhir tahun 2013, selepas mengambil kira hasil daripada kajian ini, yang disertakan dengan butiran rundingan dan perbincangan dengan Kerajaan Singapura.

EPP 4

Membina Sistem Transit Aliran Berkapasiti Tinggi Bandar yang Bersepadu

Sistem transit aliran Berkapasiti Tinggi (MRT) di Greater KL/KV bertujuan untuk mengurangkan kesesakan di pusat bandar dengan menyediakan mod pengangkutan awam yang cekap dan lestari. Diketuai oleh MRT Corp, sebuah syarikat yang ditubuhkan pada September 2011 sebagai pemaju projek dan pemilik aset projek MRT untuk menampung penduduk yang semakin meningkat di Greater KL/KV yang akan mencapai 10 juta menjelang tahun 2020.

Ketika itu, penambahan empat juta pekerja baru dan penduduk di Greater KL/KV akan meningkatkan lagi kesesakan pada rangkaian jalan raya yang sudah terlalu sesak. Visi keseluruhan adalah untuk mewujudkan rangkaian pengangkutan awam bersepadu, termasuk MRT, yang akan mengambil alih sekurang-kurangnya separuh daripada semua perjalanan berulang-alik di Greater KL/KV.

Fasa pertama MRT - jalur Sungai Buloh-Kajang (SBK) - dijangka akan selesai pada Disember 2016, dan akan menyambung Sungai Buloh ke pusat bandar. Jalur SBK akan merentasi pusat Bandar Kuala Lumpur, menyediakan akses yang pantas dan cekap untuk kira-kira 400,000 penumpang setiap hari.

Projek MRT dijangka meningkatkan nilai hartanah dan mewujudkan permintaan sepanjang koridor Sungai Buloh - Kajang apabila siap. Impak positif ini akan merangsang pembangunan kawasan sekitar, meluaskan pilihan pembeli rumah, pemaju akan mampu mengembangkan jejak ke kawasan baru, menikmati jumlah pejalan kaki yang lebih tinggi dan kemudahan yang lebih baik.

Memandangkan ini adalah projek infrastruktur terbesar negara, adalah menjadi keutamaan untuk memastikan projek ini mematuhi sasaran jadual dan kos. Berdasarkan pembelajaran daripada projek infrastruktur yang sama di seluruh dunia, rakan kongsi projek penghantaran (PDP) dilantik untuk bekerja bersama-sama pemaju projek bagi menghasilkan penyelarasan yang lebih baik untuk semua kontraktor pakej kerja, membenarkan pemaju projek memberi tumpuan kepada sasaran utama.

MRT sebagai pemangkin pertumbuhan negara

Projek MRT juga dijangka menjadi pemangkin yang kuat bagi aktiviti ekonomi, mencipta pekerjaan dari pembinaan dan operasinya. Projek MRT dijangka mencipta lebih 130,000 pekerjaan semasa tempoh pembinaannya, dan akan menjana antara RM3 bilion sehingga RM4 bilion dalam PNK setahun.

Aktiviti berkaitan dengan pembinaan juga dijangka menggandakan jumlah pendapatan yang dijana dengan jangkaan 2.5 sehingga 3.5 kali, yang diterjemahkan kepada tambahan RM8 bilion kepada RM12 bilion setahun. Mencapai jumlah purata RM24 bilion dalam PNK yang akan dicipta pada dekad akan datang.

Pada masa yang sama, kesalinghubungan dan akses yang lebih besar yang disediakan oleh MRT dijangka akan meningkatkan nilai hartanah dengan jangkaan RM300 juta dalam nilai pembangunan kasar. Empat kawasan dijangka menerima manfaat:

- Institut Pembangunan Penyelidikan Getah di Sungai Buloh
- Warisan Merdeka
- Tun Razak Exchange (Dahulu Daerah Kewangan Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIFD))
- Pembangunan Cochrane

Kesalinghubungan yang lebih besar juga menjadi pemangkin untuk aktiviti komersil yang lebih besar kerana MRT dapat mengangkut pelanggan runcit yang lebih ramai ke pusat bandar dan daerah perniagaan. Untuk memanfaatkan kelebihan ini, penghubung akan dibina di antara stesen bawah tanah MRT dan gedung membeli belah.



Tunnel Boring Machine. Gambar diperolehi daripada BERNAMA Images

Pencapaian dan Cabaran

Projek MRT telah mencapai pembangunan yang ketara pada tahun 2012 dalam beberapa bidang termasuk:

- Melengkapkan 94 peratus daripada semua proses pemerolehan tanah
- Memberi semua 41 pakej tender awam bagi kerja-kerja kejuruteraan awam yang diperlukan
- Melengkapkan kajian kebolehlaksanaan bagi Jalur 2 dan 3

Walaupun perolehan tanah berjalan dengan lancar dalam kebanyakan kes, usaha ini tetap menghadapi cabarandalambeberapakawasankeranakebimbangan daripada penduduk dan pemilik perniagaan. Walau bagaimanapun, pembangunan di Kuala Lumpur yang berketumpatan tinggi menjadikan pengalihan trek mustahil dan/atau kos pengalihan yang terlalu tinggi, meninggalkan tiada alternatif lain. Kebuntuan telah melambatkan proses pengambilalihan tanah sambil rundingan terus berjalan.

Langkah Seterusnya

Pelan Pelaksanaan akhir bagi MRT Jalur 2 & 3 akan dilengkapkan selepas persetujuan dengan pihak berkepentingan yang berkenaan untuk keputusan EC/Kabinet. Tumpuan akan diberikan kepada Pelan Pelaksanaan akhir sebaik sahaja *buy in* daripada semua pihak berkepentingan yang berkaitan telah diperolehi pasca keputusan EC/Kabinet. Penyiapan asas laluan pandu bertingkat untuk Jalur SBK seharusnya mencapai 72 peratus menjelang akhir tahun ini dan 10 mesin gerek terowong akan dihantar ke pelbagai tempat di sepanjang tapak untuk memulakan pembinaan peringkat seterusnya. Akhirnya, kerja-kerja penggalian di tujuh stesen bawah tanah perlu 50 peratus siap kecuali wujudnya keadaan yang tidak diduga.

MRT Corp bertujuan untuk meneruskan perundingan dengan pemilik tanah yang tertunggak dan telah memberi jaminan bahawa pembinaan jalur MRT tidak akan merosakkan harta penduduk. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku juga kerosakan, MRT Corp telah memberi jaminan bahawa pemilik akan diberikan pampasan yang adil. Untuk meminimumkan risiko kecederaan, penduduk yang tinggal di kawasan-kawasan yang terjejas akan dipindahkan di bawah perbelanjaan MRT Corp semasa pembinaan.

Sementara itu, pembinaan MRT kekal berada di landasan yang betul dengan Fasa Satu akan siap menjelang Disember 2016 dan Fasa Dua pada tahun berikutnya. Pembinaan juga dijangka berada dalam bajet walaupun kos akhir hanya akan diketahui kemudian.

EPP 5

Memulihara Sungai Klang untuk Dijadikan Pusat Warisan dan Komersil

EPP ini, yang juga dikenali sebagai projek Sungai Nadi Kehidupan (*River of Life*), bertujuan untuk mengubah kawasan-kawasan tertentu di dalam Kuala Lumpur yang berhadapan dan bersempadan dengan Sungai Klang menjadi meriah dengan nilai ekonomi dan komersil yang tinggi. Projek ini juga bertujuan untuk meningkatkan piawaian air di Sungai Klang agar mencapai piawaian rekreasi secara menyeluruh, serta mempertingkatkan infrastruktur di persekitaran sungai itu sendiri. Projek ini dibahagikan kepada tiga komponen: pembersihan sungai, pelan induk dan pengindahan sungai serta pembangunan tanah.

Disebabkan jarak dan liputan Sungai Klang, usaha untuk memulihkan sungai melibatkan sebilangan besar kementerian dan pihak berkuasa Kerajaan. Ini termasuk Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Pembetulan juga terlibat dalam projek ini, memandangkan kerja-kerja menaik taraf diperlukan oleh saliran dan infrastruktur pembetulan untuk mencegah pencemaran daripada meresap ke dalam sungai. Akhirnya, pelbagai pihak berkuasa bandar - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Majlis Perbandaran Selayang - juga terlibat dalam program ini kerana Sungai Klang juga mengalir di dalam kawasan pentadbiran masing-masing.

Pembersihan Sungai

Kawasan Sungai Klang sepanjang 110 km akan dibersihkan, meliputi majlis-majlis perbandaran di bawah bidang kuasa Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Matlamatnya adalah untuk meningkatkan piawaian air semasa dari Kelas III - Kelas V (tidak sesuai untuk sentuhan badan) kepada Kelas IIB (sesuai untuk rekreasi) menjelang tahun 2020.

Pelan Induk dan Pengindahan Sungai

Matlamat komponen ini adalah untuk meningkatkan daya maju ekonomi kawasan sungai, khususnya saluran 10.7km sepanjang koridor sungai Klang dan Gombak. Pelan pengindahan akan melibatkan mercu tanda di kawasan ini termasuk Dataran Merdeka, Bangunan Sultan Abdul Samad dan Masjid Jamek.

Pembangunan Tanah

Sebagai sebahagian daripada program pembangunan semula, kawasan yang terletak bersebelahan koridor sungai akan dibangunkan di bawah pelan induk yang bertujuan untuk merangsang pelaburan ekonomi. Tanah milik kerajaan akan ditender kepada pelabur swasta sebagai pemangkin program ini.

Pencapaian dan Cabaran

Tempoh dua belas bulan yang lepas telah menyaksikan pelaksanaan projek ini, salah satu daripadanya ialah pelantikan AECOM sebagai perancang induk keseluruhan dan arkitek reka bentuk untuk Presint 7. Pasukan pelaksana juga telah melibatkan pelbagai pihak berkepentingan sepanjang tahun untuk mendapatkan input dalam menyiapkan draf pelan induk dan reka bentuk skematik.

Projek EPP "*River of Life*" telah menyaksikan pembinaan bermula bagi tujuh daripada 17 projek-projek pembetulan yang dikenal pasti, yang ditenderkan dan dianugerahkan pada tahun 2012. Pembinaan kemudahan baru di bawah Pelan Induk Pengurusan Air Hujan dan Saliran yang direka bentuk untuk menghapuskan bahan pencemar, seperti kolam-kolam takungan, dan koridor baru juga telah dilaksanakan pada tahun lepas dan kini sudah mencapai 77 peratus siap.

Pada masa yang sama, pemasangan loji-loji rawatan air kumbahan di pasar basah Selayang dan Jalan Klang Lama sudah 90 peratus siap, dan Fasa 1 Program Kesedaran Awam di kawasan tadahan Hulu Sungai Klang telah bermula.

Sepanjang dua belas bulan yang lalu, pasukan pelaksana projek mengenal pasti bahawa antara halangan kepada pelaksanaan projek ini adalah untuk mendapatkan sokongan rakyat dan kerjasama dalam menyokong objektif projek EPP. Sebagai contoh, pembuangan ke dalam sungai oleh orang awam tetap menjadi isu penting, begitu juga dengan larian air dari kawasan tercemar.

Langkah-langkah tidak produktif ini mesti dihentikan agar projek ini dapat memenuhi matlamatnya, dan pasukan pelaksana perlu meningkatkan kempen kesedaran di sepanjang bulan-bulan akan datang.

Langkah Seterusnya

Projek *"River of Life"* akan menyaksikan beberapa perkembangan pada tahun 2013. Sebagai contoh, kerja-kerja pembinaan Presint 7 dijangka akan ditender pada akhir suku pertama 2013, manakala kerja-kerja reka bentuk terperinci untuk presint selebihnya akan bermula menjelang Februari. Pasukan itu menjangkakan 14 pakej pembinaan di bawah EPP ini akan selesai menjelang 2013, manakala kerja-kerja menaik taraf pementasan dan pembinaan dijangka berterusan sepanjang tahun.

Pasukan pelaksana akan menambah satu lagi pendekatan struktur untuk mengelakkan pencemaran daripada memasuki Sungai Klang melalui pembinaan paip pemintas sepanjang 10.7 km, 310 perangkap sampah termasuk benteng balak, pengaut sampah dan skrin statik di kawasan-kawasan utama. Yang terakhir ini akan dipasang menjelang akhir tahun 2013.

Akhirnya, Program Kesedaran Awam EPP akan dilancarkan sepenuhnya di daerah hulu Sungai Klang. Program ini akan diperluaskan lagi dalam Fasa 2 dengan memperluaskan program kesedaran ke kawasan tadahan Sungai Gombak, dan akhirnya untuk keseluruhan projek kawasan tadahan.



Sungai Klang. Gambar diperolehi daripada BERNAMA Images

EPP 6

Penhijauan Kuala Lumpur



Penhijauan KL menyasarkan peningkatan jumlah ruang hijau per individu di KL

Antara usaha untuk menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar bertaraf dunia dan berdaya huni, DBKL komited untuk meningkatkan kehijauan dalam bandar. Pada masa ini, terdapat kira-kira 11 meter persegi ruang hijau bagi setiap orang di Kuala Lumpur berbanding dengan 22 meter persegi di Vancouver, Kanada, yang dianggap salah satu bandar yang paling indah dan berdaya huni di dunia.

DBKL berazam untuk mencapai Matlamat Hijau dengan menanam 100,000 pokok rendang di Kuala Lumpur menjelang tahun 2020. Sebagai sebahagian daripada program penghijauan, DBKL bekerja rapat dengan sektor swasta untuk penajaan penanaman pokok dan penubuhan taman-taman di dalam bandar. Inisiatif ini telah membuahkan hasil pada tahun 2012.

DBKL juga turut menggalakkan aktiviti luar yang bakal merangsang kepelbagaian aktiviti komersial di dalam pusat bandar.

Pencapaian dan Cabaran

Sepanjang usaha mendapatkan kerjasama sektor swasta yang lebih besar dalam penghijauan bandar, DBKL telah memeterai perjanjian dengan Standard Chartered Bank yang akan mengambil, menaik taraf dan mengekalkan taman poket berhampiran Kuala Lumpur City Centre (KLCC). Standard Chartered merupakan syarikat pertama yang mengambil bahagian dalam program penghijauan DBKL di bawah Program *Signature Park Adoption*.

DBKL juga telah menanam tambahan 31,898 pokok pada tahun 2012, menjadikan jumlah pokok yang ditanam setakat ini, 63,345 pokok. Pada tahun 2012, sektor swasta menyediakan pembiayaan bagi 9,143 pokok.

Salah satu cabaran untuk EPP ini adalah ruang terhad di dalam bandar KL, yang merupakan kekangan bagi mengenal pasti lokasi sesuai untuk menanam pokok. Oleh itu, penyelesaian baru sedang dipertimbangkan, seperti penggunaan lebih besar taman-taman atas bumbung.

Langkah Seterusnya

Petunjuk prestasi utama (KPI) EPP ini pada tahun 2013, DBKL akan menanam 30,000 pokok lagi bagi tahun ini, sambil memelihara pokok-pokok yang ditanam pada tahun 2011 dan 2012. Pada masa yang sama, ia akan melipatgandakan usaha untuk meningkatkan penyertaan oleh syarikat-syarikat awam dan swasta dalam menghijaukan KL. Pasukan Hijau KL sentiasa mencari penyertaan pihak swasta sama ada melalui penajaan pokok, penanaman pokok atau mengambil angkat taman poket. EPP ini juga menyasarkan penajaan sebanyak 5,000 pokok oleh sektor swasta pada tahun 2013.

Matlamat EPP ini adalah untuk meningkatkan daya tarikan keseluruhan Greater KL/KV bagi penduduk dan pelancong dengan mewujudkan serta mengenal pasti mercu tanda ikonik dan tarikan di seluruh bandaraya. EPP ini, yang diterajui bersama oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan DBKL, akan memanfaatkan tarikan-tarikan dan mercu tanda sedia ada dalam mengukuhkan identiti unik dan warisan Kuala Lumpur.

Kawasan baru yang sedang dibangunkan seperti kawasan Penjara Pudu, Tun Razak Exchange dan Institut Penyelidikan Getah Sungai Buloh juga akan dibina dengan mengambil kira ini semua, dan direka bentuk untuk mempamerkan warisan sejarah mereka yang unik.

Empat inisiatif telah dikenal pasti di bawah EPP ini:

- Mewujudkan dan Meningkatkan Jejak Warisan (HT): Inisiatif ini akan membangunkan laluan pejalan kaki yang melalui laman mercu tanda seperti Dataran Merdeka, Medan Pasar dan Central Market. Laluan ini akan dilengkapi dengan kemudahan maklumat tambahan seperti peta laluan, penerangan bertulis dan petunjuk pelancong bagi membantu pelancong untuk mengenal pasti dan memahami kepentingan mercu-mercu tanda ini. Bangunan-bangunan bersejarah di sepanjang laluan akan dipelihara di bawah inisiatif ini dan dikendalikan sebagai mercu tanda pelancongan. Sehingga kini, tiga laluan telah dikenal pasti:
 - Jejak Warisan 1 - Masjid Negara - Dataran Merdeka
 - Jejak Warisan 2 - Masjid Jamek - Pusat Perhutanan Bukit Nanas
 - Jejak Warisan 3 - Medan Pasar - Hang Kasturi - Jalan Petaling - Lebuhraya Pudu - Bangkok Bank
- Menghidupkan Semula Medan Pasar: Inisiatif ini akan mentransformasikan kawasan menara jam lama sebagai arked pejalan kaki. Di antara kerja-kerja yang dilakukan termasuklah mewujudkan kafe-kafe pinggir jalan, kedai cenderamata, mengadakan khidmat pemandu pelancong serta melakukan penambahbaikan terhadap infrastruktur bangunan. Projek ini dijangka siap menjelang Jun 2013.
- Penambahbaikan serta pemuliharaan Masjid Jamek: Masjid Jamek merupakan salah sebuah masjid tertua di Kuala Lumpur yang terletak di pertemuan Sungai Klang dan Sungai Gombak. Walaupun masjid ini adalah salah satu tarikan utama pelancong, ia kelihatan lapuk dan mengalami kerosakan. Oleh itu kerja-kerja pemulihan bangunan sedang giat dijalankan.
- Malaysia Truly Asia Centre (MTAC): Pusat ini adalah sebuah taman pelancongan dan kebudayaan bersepadu di tapak seluas 65.66 ekar bersempadan dengan Tugu Peringatan, Padang Merbok, kompleks kediaman Lanai Kijang Bank Negara dan Istana Selangor. MTAC akan mempamerkan segala yang terbaik di Malaysia dengan cara yang inovatif dan gaya yang menghiburkan. Ia akan memberi gambaran menarik kepada pengunjung-pengunjung akan khazanah alam semula jadi yang boleh didapati di seluruh Malaysia. Projek ini akan dilancarkan dalam suku keempat 2013 dan diuruskan sepenuhnya oleh Themed Attraction Resorts, anak syarikat Khazanah Nasional.



Pemulihan Medan Pasar



Gambaran artis Malaysia Truly Asia Centre (MTAC)

Pencapaian dan Cabaran

Kerja pemulihan dan pemuliharaan Masjid Jamek sudah mencapai 60 peratus pada Disember 2012 dan akan dibuka semula kepada orang ramai pada bulan April 2013. Pasukan projek bekerja erat dengan Jabatan Warisan Negara untuk memastikan bahawa kerja yang dilaksanakan mencapai tahap yang memuaskan.

Pada masa yang sama, proses pencantuman tanah dan pengeluaran hak milik untuk pembinaan MTAC telah selesai pada tahun 2012, serta semakan semula pelan induk juga telah diluluskan. Penduduk kawasan yang terjejas oleh pembinaan Fasa 1 telah berjaya dipindahkan.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa halangan berhubung pembangunan MTAC, salah satunya ialah penempatan semula dua pejabat milik agensi kerajaan di mana tapak alternatif masih belum dikenal pasti.

Langkah Seterusnya

Ketiga-tiga Laluan Jejak Warisan dijangka siap dalam tempoh 12 bulan akan datang. Jejak Warisan 1 dijangka siap menjelang Jun 2013 sementara Jejak Warisan 2 dan 3 boleh dilalui pelawat menjelang Ogos 2013. Dalam pada itu, pemulihan dan pemuliharaan Masjid Jamek, yang bermula pada pertengahan tahun 2012, akan siap pada April 2013.

Pasukan projek juga akan mengkaji pelan untuk menghubungkan pejalan kaki dari Dataran Merdeka ke Kuala Lumpur City Gallery di Jalan Silang, Muzium Mata Wang Bank Negara dan Memorial Bekas Perdana-perdana Menteri Malaysia. Idea di sebalik pelan bersepadu ini adalah untuk mewujudkan keterhubungan yang lebih baik di antara mercu-mercu tanda dan tempat-tempat menarik untuk pelawat yang berkunjung ke Kuala Lumpur.

Bagi MTAC pula, perjanjian pajakan disasarkan dapat ditandatangani pada suku kedua 2013 sebaik sahaja tanah ini bebas daripada sebarang bentuk halangan/bebanan. Ini akan disusuli dengan pelancaran projek/upacara pecah tanah oleh YAB Perdana Menteri pada pertengahan tahun 2013 dan seterusnya permulaan projek pada akhir tahun.



Mewujudkan Rangkaian Laluan Pejalan Kaki Komprehensif



Jalan Raja Chulan menjalani kerja-kerja penambahbaikan laluan pejalan kaki pada tahun 2012

Pada masa ini, kaki lima dan kemudahan untuk lalu lintas pejalan kaki di rantau Greater KL/KV adalah tidak mencukupi. Rangkaian laluan pejalan kaki sedia ada sering dikritik kerana reka bentuknya yang tidak cekap, tidak diselenggarakan dengan baik dan sukar untuk digunakan, terutamanya bagi orang kurang upaya.

Peneraju bersama EPP ini, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan DBKL, sedang berusaha untuk mewujudkan rangkaian pejalan kaki yang bersepadu sepenuhnya dan boleh digunakan sepenuhnya menjelang tahun 2020.

Kemudahan pejalan kaki juga akan direka berasaskan *Safe City Concept*, satu program hasil daripada Bidang Ekonomi Utama Negara Jenayah dalam Program Transformasi Kerajaan. Konsep Bandar Selamat menekankan penggunaan reka bentuk alam sekitar dan penempatan alat-alat keselamatan untuk mengurangkan kemungkinan penjenayah menyerang pejalan kaki.

Pencapaian dan Cabaran

Laluan pejalan kaki berikut telah dibina pada tahun 2012:

- Laluan pejalan kaki sepanjang 3.4 km di Jalan Raja Laut, Jalan Ipoh dan Jalan Putra: 100 peratus siap

- Laluan pejalan kaki sepanjang 3.0 km di Jalan Ampang: 100 peratus siap
- Laluan pejalan kaki sepanjang 6.9 km di Jalan Raja Chulan, Jalan Bukit Bintang, Jalan Nagasari, Jalan Tong Shin dan Jalan Pudu: 100 peratus siap

Walaupun kaki lima telah dibina khusus untuk kegunaan pejalan kaki, pengguna motosikal didapati masih terus menggunakan lorong pejalan kaki, sekali gus menyekat akses pejalan kaki. Ini bukan sahaja merosakkan kaki lima baru yang telah diperbaiki, tetapi juga membahayakan pejalan kaki yang terpaksa turun ke jalan raya untuk mengelakkan motosikal yang diletakkan di situ.

Langkah Seterusnya

Sebagai sebahagian daripada pelan keseluruhan EPP, 12 km lagi laluan pejalan kaki di KL akan dinaik taraf pada 2013 sebagai sebahagian KPI EPP ini. Laluan ini akan meliputi Jalan Raja Muda Aziz, Jalan Dang Wangi, Jalan Pahang, Jalan Conlay, Jalan Kia Peng, Jalan Pinang, Jalan Barat, Jalan Bukit Mertajam dan Jalan Khoo Teik Ee. Tindakan penguatkuasaan juga akan diambil untuk menghalang dan menghukum penunggang motosikal yang ingkar.

EPP 9

Membangunkan Sistem Pengurusan Sisa Pepejal yang Cepak

Pengurusan sisa pepejal masih menjadi isu bagi Greater KL/KV dan usaha perlu diambil untuk melupuskan sisa pepejal dengan lebih baik untuk meningkatkan kesesuaian untuk daya tampung kehidupan di rantau ini. Terdapat empat inisiatif utama di bawah EPP ini, iaitu:

- Menggalakkan pelaksanaan yang lebih meluas bagi program *Reduce* (kurangkan), *Reuse* (guna semula), *Recycle* (kitar semula) (3R)
- Meningkatkan kapasiti rawatan sisa untuk mengurangkan pergantungan kepada tapak pelupusan
- Meningkatkan tadbir urus pengurusan sisa pepejal dan perkhidmatan pembersihan awam
- Menilai potensi perkembangan teknologi baru seperti pengumpulan sisa sampah automatik dan penggunaan *deep bins*

Pencapaian dan Cabaran

Pelaksanaan “Skim Pengasingan di Punca” untuk sisa isi rumah di KL melalui Pengagihan Tong Sampah bagi pemilik rumah:

Alam Flora Sdn Bhd, di bawah bidang kuasa Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), mula mengedarkan tong 120 liter kepada isi-isi rumah di Kuala Lumpur pada awal tahun ini. Ini adalah untuk menggalakkan pemisahan bahan kitar semula yang lebih besar daripada bukan bahan kitar semula di peringkat sumber, membolehkan pengendalian sisa yang lebih baik. Pada masa hadapan, koleksi sisa isi rumah akan dibahagikan ke dalam buangan yang boleh dikitar semula dan tidak boleh dikitar semula.

Pengenalpastian Tapak untuk Kompos/Kemudahan Penghadaman Anaerobik untuk Sisa Makanan:

JPSPN telah mengenal pasti tapak untuk Kemudahan Kitar Semula Sisa Makanan masa depan. Kemudahan perintis ini akan berkhidmat sebagai alternatif untuk pelupusan sisa makanan yang dijana dari restoran-restoran di Greater KL/KV. Sisa Makanan buat masa sekarang dibuang di tapak pelupusan, merebut kapasiti bagi sumber yang terhad. Kemudahan kitar semula sisa makanan adalah satu penyelesaian yang lebih hijau dan bersih, dan juga dijangka menjana gas asli.

Menubuhkan Pusat Kitar Semula Sisa Pembinaan dan Perobohan:

JPSPN telah memuktamadkan perolehan peralatan dan mesin untuk menaik taraf tapak semasa di Sungai Kertas menjadi Pusat Kitar Semula Sisa Pembinaan dan Perobohan. Tapak pada masa ini tidak mempunyai kemudahan pemprosesan sisa.

Langkah Seterusnya

Tumpuan akan diberi kepada ujian dan pentauliahan kemudahan Penghadaman Anaerobik sambil operasi Pusat Kitar Semula Sisa Pembinaan dan Perobohan di Sungai Kertas pula dijangka bermula. Pasukan projek komited untuk memastikan bahawa pembinaan kemudahan yang dikenal pasti di atas akan lengkap pada masanya dan beroperasi mengikut rancangan. Pasukan komited untuk memastikan projek perintis untuk Kemudahan Kitar Semula Sisa Makanan akan membuahkan hasil yang ketara pada tahun 2013 dan Pusat Kitar Semula Sisa Pembinaan dan Perobohan dijangka bermula menjelang akhir tahun 2013.



Pusat Kitar Semula Sisa Pembinaan dan Perobohan di Sungai Kertas

PELUANG PERNIAGAAN

Peluang Perniagaan 1:

Menyemarakkan Putrajaya

Pertumbuhan pesat Greater KL/KV dijangka turut memberi kesan ke bandar-bandar satelit, di mana salah satu benefisiari utama ialah pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya. Bandar ini sudah dilengkapi dengan infrastruktur yang canggih, tetapi kurang bermaya.

NKEA Greater KL/KV percaya bahawa Putrajaya boleh menerima rangsangan yang lebih kuat melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif berikut:

- Memberikan wajah baru kepada *Boulevard Utama*: Kedua-dua sisi *boulevard* sepanjang 4.2 km diceriakan lagi dengan pelbagai kegiatan komersial seperti kedai-kedai dan vendor jalanan skala atasan bagi menggalakkan lebih ramai pejalan kaki di bandar ini.
- Memanfaatkan Potensi *Waterfront*: Kawasan pinggir tasik semula jadi ini akan dibangunkan untuk mewujudkan sebuah daerah komersial dan rekreasi.
- Meningkatkan Keterhubungan: Mewujudkan aksesibiliti yang lebih baik melalui rangkaian bas dan pengangkutan rel di antara Putrajaya dan kawasan sekitarnya, seperti Cyberjaya, Dengkil, dll.
- Merangsang Aktiviti Ekonomi: Membangunkan industri sokongan yang sesuai seperti zon akademik dan ekonomi supaya dapat menarik entiti komersial yang dapat meningkatkan lagi pembangunan kawasan ini.
- Meningkatkan Sektor Pelancongan dan Mengoptimalkan Penggunaan Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya: Penambahan bilangan acara dan juga pelawat akan membantu meningkatkan lagi profil Bandar ini.

Pencapaian dan Cabaran

Perbadanan Putrajaya telah memulakan dan menyiapkan beberapa projek termasuklah Laman Perdana dan membina kiosk-kiosk runcit di kawasan *Boulevard Utama*, yang akan menyumbang dalam merangsang aktiviti ekonomi. Sementara itu, satu kajian dalam usaha meningkatkan pelancongan telah siap pada tahun ini, dan inisiatif daripada laporan yang terhasil akan bermula pada tahun 2013.

Langkah Seterusnya

Beberapa inisiatif dijangka bermula pada tahun 2013 untuk membantu menyemarakkan lagi Putrajaya. Acara-acara yang dijadualkan untuk 2013 termasuklah:

- Floria: Festival Taman (Terbuka dan Tertutup) yang terulung di Malaysia

- Putrajaya Lighting Festival
- Putrajaya Art Festival
- Putrajaya City Trail

Peluang Perniagaan 2:

Perumahan

Inisiatif ini tidak lagi dipantau oleh Greater KL/KV NKEA dan telah dipindahkan ke bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Peluang Perniagaan 3:

Perkhidmatan Asas Pembetulan

Greater KL / KV perlu menampung penduduk yang semakin meningkat, dan satu ameniti asas utama adalah penyediaan sistem pembetulan yang cekap. Dengan jangkaan pertambahan penduduk sebanyak empat juta menjelang tahun 2020 – iaitu lebih 65 peratus peningkatan dalam populasi – kemudahan pembetulan sedia ada tidak boleh menampung keperluan tersebut.

Sementara itu, usaha-usaha sedang dijalankan untuk menggantikan sistem pembetulan dari loji-loji rawatan kumbahan yang kecil dan terpisah-pisah kepada rangkaian serantau yang berpusat dan lebih cekap.

Kira-kira 32 loji serantau dan 1,495 loji *multi-point* yang tidak memenuhi standard Jabatan Alam Sekitar akan dinaik taraf melalui suntikan modal pelaburan oleh kerajaan. Sasaran semasa adalah untuk menaik taraf 91 peratus daripada semua loji rawatan kumbahan sedia ada ke Standard A Kategori 1 menjelang tahun 2020. Satu program pemulihan pembetulan juga akan dilaksanakan untuk menaik taraf 346 km rangkaian paip pembetulan sedia ada.

Pencapaian dan Cabaran

- 12 projek telah dikenal pasti, yang terdiri daripada empat projek "*Quick-Win*" dan lapan projek "*Non-Quick Win*", yang akan dijalankan secara berperingkat dari tahun 2011 sehingga tahun 2020. Projek-projek ini melibatkan membaik pulih dan menaik taraf loji-loji yang sedia ada, pemulihan paip pembetulan yang rosak, dan penggabungan loji-loji yang kecil kepada rangkaian serantau yang lebih besar.
- Sehingga kini terdapat 37 pakej yang dikenal pasti daripada 12 projek. Tujuh daripadanya didalam peringkat pembinaan manakala 15 lagi sedang menjalani proses tender.

Projek loji rawatan kumbahan adalah sangat mencabar kerana beberapa isu berada di luar kawalan Jabatan Perkhidmatan Pembetulan. Di antaranya adalah:

- Kerja-kerja yang dijalankan di kawasan penduduk berkepadatan tinggi di mana terdapat paip-paip utiliti and struktur bawah tanah sedia ada, tidak berjaya dikesan pada peringkat kajian awalan utiliti. Oleh itu, jajaran paip baru terpaksa direka bentuk semula, menyebabkan pelanjutan tempoh masa projek seperti projek merasionalisasi 27 STP di Jalan Klang Lama.
- Cerucuk hidraulik terpaksa digunakan untuk projek di Kajang 2 kerana kaedah ini mengurangkan bunyi bising memandangkan kerja-kerja dijalankan di kawasan padat penduduk. Saiz dan mobiliti mesin cerucuk juga telah menyebabkan kelewatan dalam menyiapkan kerja cerucuk.
- Keadaan tanah yang keras, seperti diprojek Klang Lot 130, telah memperlambatkan kerja cerucuk. Ini kerana langkah berhati-hati terpaksa diambil untuk mengelakkan kerosakan kepada cerucuk.

- Kerja-kerja pemulihan paip pembedungan juga menghadapi beberapa halangan dan di antaranya adalah keputusan DBKL menolak cadangan JPP untuk menggunakan sistem 'open-cut', kekangan tapak di lorong belakang kawasan kediaman sedia ada dan kekurangan kontraktor pakar untuk menjalankan kerja- kerja CIPP 're-lining dan pipe-jacking'. JPP masih di dalam proses rayuan kepada pihak DBKL.

Langkah Seterusnya

Projek rasionalisasi 27 STP di Jalan Klang Lama dijangka siap pada akhir tahun 2013, dimana ianya akan memberi manfaat kepada 20,000 penduduk sebaik sahaja selesai, manakala tujuh lagi pakej "Non-Quick Win" akan ditender secara berperingkat pada tahun ini.

Ringkasan NKEA Greater Kuala Lumpur/Klang Valley

	Sasaran 2020
Impak PNK tambahan	RM190 bilion
Pekerjaan Tambahan	0.32 juta
Sasaran kritikal untuk tahun 2013: • Untuk mencapai nombor 75 pada Indeks Kebolehanian • Menarik Syarikat Multinasional - Surat tunjuk minat bagi lokasi ibu pejabat atau ibu pejabat serantau 10 MNC di Greater KL/KV - Penjana sebanyak 600 peluang pekerjaan di bawah Greater KL/KV • Menarik Tenaga Mahir - Program <i>Returning Expert</i> mensasarkan kepulauan 1,200 ekspatriat ke Malaysia - Program <i>Residence Pass</i> disasarkan untuk kelulusan 800 pas - Program STAR beraspirasi untuk mendapatkan 400 pemegang biasiswa JPA - Program Internship Berstruktur menyasarkan penempatan bagi 12,000 intern • <i>High Speed Rail (HSR)</i> - Penyempurnaan HSR Fasa 1B – Kajian Kebolehlaksanaan Terperinci • Sistem Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT) - Pembentangan Rancangan Pelaksanaan Akhir untuk Jalur 2 & 3 Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT) kepada Majlis Ekonomi dan/atau Kabinet - 72% penyiapan <i>elevated guideway foundation</i> - Menghantar semua Mesin Pengerudian Terowong (<i>Tunnel Boring Machines [TBM]</i>) ke tapak pembinaan - 50% penyiapan penggalian stesen bawah tanah • Sungai Nadi Kehidupan - Pemasangan loji rawatan sisa air di 3 pasar basah (pasar borong Selayang, Jalan Klang Lama dan Pasar Air Panas) - Pemasangan 55 perangkap pencemar - Pengurangan tahap pencemaran minyak dan gris sebanyak 92% dari pusat penjaja MPS dan MPAJ setelah 63 Perangkap Lemak Bersama dipasang - Penyiapan purata 67% daripada empat pakej pembinaan • Penghijauan KL/KV - Penanaman 30,000 pokok baru - Penanaman 5,000 pokok oleh sektor swasta • Tempat dan Tarikan Ikonik - Penyempurnaan 100% Jejak Warisan 2-3 - Penyiapan 100% bagi kerja-kerja penambahbaikan Masjid Jamek - Penyempurnaan sebanyak 50% bagi hal-hal yang berkaitan dengan tanah, kelulusan pihak berkuasa dan pengumuman Perdana Menteri mengenai Pusat Malaysia Truly Asia • Laluan Pejalan Kaki - Penambahbaikan sepanjang 12 km laluan pejalan kaki • Pengurusan Sisa Pepejal - 100% penyiapan kerja-kerja pembinaan kemudahan AD untuk sisa buangan makanan - Penubuhan loji rawatan sisa buangan makanan untuk memulakan pelaksanaan.	

Pemangkin Perubahan

PELANCONGAN

PENGALAMAN BERSAMA PERKHIDMATAN AWAM

Sungguhpun ETP memberi penekanan yang kuat pada penyertaan sektor swasta dalam memacu pertumbuhan ekonomi Malaysia, perkhidmatan awam masih merupakan komponen penting dalam agenda perubahan negara, seperti yang ditunjukkan oleh peranan sektor awam dalam NKEA Pelancongan.

“Perkhidmatan awam merupakan teras sistem pengurusan dan penyampaian inisiatif NKEA,” kata YBhg Dato’ Dr Ong Hong Peng, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, “Peranan utama perkhidmatan awam, khususnya agensi peneraju termasuklah menggaji, menyelaras, mengurus, mengoptimumkan sumber dan menangani isu-isu bersama-sama dengan pihak berkepentingan, peserta industri dan pegawai Kerajaan untuk melaksanakan EPP dengan objektif memenuhi sasaran dan KPI.”

Dato’ Ong yang juga mempengerusikan beberapa Majlis di bawah NKEA Pelancongan, bekerja rapat dengan sektor swasta, pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan, untuk kemudahan kemajuan EPP Pelancongan. “Cabaran utama bagi perkhidmatan awam bukan sahaja bertindak sebagai pemangkin pada peringkat awal pelaksanaan, tetapi yang lebih tinggi lagi adalah untuk mewujudkan satu rangka kerja institusi, struktur pelaksanaan dan modus operandi untuk dimiliki oleh sektor swasta dan seterusnya bertindak sebagai peneraju dalam pelaksanaan EPP,” jelas beliau.

“Walaupun sektor swasta adalah penting dalam memacu kejayaan ETP, ini tidak bermakna perkhidmatan awam tidak mempunyai peranan yang penting,” kata YBhg Dato’ Mirza Mohammad Taiyab, Ketua Pengarah Pelancongan Malaysia.

Dato’ Mirza yang memainkan pelbagai peranan dalam memastikan EPP dimudahkan cara oleh pasukannya termasuk memastikan promosi projek dirancang dan dilaksanakan dengan berkesan, memberi penekanan betapa pentingnya usaha kerjasama antara sektor awam dan swasta dalam menjayakan NKEA. “Kami bernasib baik mempunyai hubungan kerja yang rapat dengan mereka semua. Pasukan saya bekerja rapat dengan Kumpulan Kerja masing-masing dan memudahkan pemasaran EPP, walaupun pejabat Pelancongan Malaysia kita di luar negara.”

“Selain daripada ini, pasukan kami juga terlibat secara aktif untuk membantu Kementerian, agensi lain dan sektor swasta untuk menangani cabaran, dan mereka cekap dalam melaksanakan tugas,” kata beliau lagi.

“ETP telah membuahkan hasil yang positif dan menjadi titik sentuhan kepada rakyat dari segi menjana pendapatan, pendapatan wang asing dan pekerjaan,” tambah Dato’ Ong, kerana NKEA Pelancongan berada di landasan untuk memenuhi sasaran sebanyak 36 juta ketibaan pelancong, menjana RM168 bilion dalam perolehan pelancongan dan mewujudkan 500,000 pekerjaan baru menjelang tahun 2020.

“*Perkhidmatan awam merupakan teras sistem pengurusan dan penyampaian inisiatif NKEA*”

”



YBhg Dato’ Dr Ong Hong Peng,
Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan

Pemangkin Perubahan

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM

PENGALAMAN BERSAMA PERKHIDMATAN AWAM

Sebagai titik hubungan pertama orang awam dengan Kerajaan, sistem penyampaian perkhidmatan awam dan transformasinya mungkin antara inisiatif yang paling ketara dilaksanakan melalui ETP. Dilaksanakan melalui SRI Penyampaian Perkhidmatan Awam, beberapa langkah bagaimanapun telah terlaksana sebelum pengenalan program transformasi, seperti Sistem Sokongan Pelesenan Perniagaan Elektronik (BLESS).

“Dahulu diletakkan di bawah bidang kuasa PEMUDAH, pasukan petugas ditubuhkan untuk menangani birokrasi dalam urusan perniagaan Kerajaan, pelaksanaan BLESS kini dipantau oleh PEMANDU di bawah SRI Penyampaian Perkhidmatan Awam. Ini telah membantu mempercepatkan projek yang melibatkan perpindahan lesen perniagaan dan membenarkan permohonan pada portal dalam talian,” kata Pn. Musalmiah Hj Asli, Ketua Pasukan BLESS BPR di Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri.

“Di bawah Fasa 1 projek, yang bermula pada tahun 2007, kami berjaya memindahkan 101 lesen dalam talian dalam tempoh satu dan setengah tahun, dan melibatkan 45 agensi Kerajaan. Berikutan pemantauan bersepadu projek oleh SRI Penyampaian Perkhidmatan Awam, kami melihat satu pendekatan yang lebih tersusun dan menerima komitmen yang lebih daripada agensi Kerajaan yang terlibat dalam perpindahan ke BLESS,” kata Pn. Musalmiah, yang menjelaskan bahawa projek tersebut sudah lengkap 50 peratus, disasarkan siap pada tahun 2014.

Pemindahan pemantauan BLESS kepada Penghantaran SRI Perkhidmatan Awam juga telah membantu mewujudkan kesedaran dan mendapatkan ‘buy-in’ dari perkhidmatan awam terhadap matlamat keseluruhan penubuhan portal dalam talian, yang menyokong transformasi Kerajaan menjadi badan yang lebih cekap dan memudahkan untuk perniagaan dan perkhidmatan berkaitan awam.

Pn. Musalmiah juga berkata ETP merupakan satu inisiatif yang baik dalam membantu mengubah perkhidmatan awam, walaupun pelaksanaannya mungkin menjadi satu cabaran kerana ia adalah satu tugas yang besar dan perlu disiapkan dalam tempoh masa yang pendek.

Walau bagaimanapun, dengan perkhidmatan awam berada di landasannya dan pendekatan yang lebih fokus dalam pelaksanaannya, seperti SRI Penyampaian Perkhidmatan Awam, prospeknya adalah positif bagi Kerajaan untuk mencapai matlamat mengubah Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.


“

ETP merupakan satu inisiatif yang baik dalam membantu mengubah perkhidmatan awam, walaupun pelaksanaannya mungkin menjadi satu cabaran kerana ia adalah satu tugas yang besar dan perlu disiapkan dalam tempoh masa yang pendek

”



Puan Musalmiah Hj Asli,
Ketua Pasukan BLESS BPR,
Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU)

A stylized illustration in shades of pink and purple. In the top left, a circular icon contains a white plug and a drop. To its right is a solar panel. In the background, there's a silhouette of an oil rig. The bottom features a large, stylized wave or river shape with a plug icon at its end. The text 'Minyak, Gas dan Tenaga' is centered in a white box.

Minyak, Gas dan Tenaga

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui**Menteri Tenaga,
Teknologi Hijau dan Air

Berhadapan dengan rizab minyak dan gas negara yang semakin berkurangan, industri tenaga telah mengambil langkah tertentu untuk memelihara sumber asli kita. Sesungguhnya ia menjadi tanggungjawab bersama bagi memastikan sumber asli negara tidak dieksploitasi sehingga menjejaskan masa depan negara dan pada masa yang sama, kita berusaha untuk mengekalkan daya saing ekonomi.

Tahun 2012 telah menyaksikan transformasi industri bekalan tenaga negara di mana PETRONAS dan rakan-rakan kongsinya telah bekerjasama untuk mewujudkan terminal penggasan semula yang pertama di Malaysia di Melaka bagi memenuhi permintaan gas premium. Manakala Suruhanjaya Tenaga telah memperkenalkan pembidaan kompetitif untuk loji penjanaan kuasa. Di samping itu, kerajaan telah menubuhkan MyPower bagi mengkaji semula perjanjian pembelian kuasa Tenaga Nasional Berhad dengan pengeluar tenaga bebas.

Landskap bekalan tenaga global sering berubah mendorong kita untuk terus berusaha menangani impak kos bahan api yang semakin meningkat ke atas subsidi dan menggalakkan kecekapan tenaga bagi memastikan kemapanan ekonomi Malaysia. Pengekalan daya saing ekonomi memerlukan pengeluaran dan penggunaan tenaga yang cekap, aspek yang sudah pun ditangani oleh Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) untuk tahun 2011 hingga 2015 melalui beberapa inisiatif bagi memastikan pencarian sumber dan penghantaran tenaga yang efektif.

Pada masa yang sama, Kerajaan telah memudahkan pelabur Malaysia dan juga pelabur asing dapat memanfaatkan peluang daripada polisi kerajaan. Salah satu contoh ialah Tarif Galakan (FIT) untuk tenaga boleh dibarui, di mana individu dan syarikat boleh menjual kembali tenaga boleh dibarui yang dijana dari rumah. Di samping itu, 10 syarikat telah pun mendaftar di bawah program Insentif Global bagi Perdagangan (GIFT) untuk perdagangan petroleum dan produk-produk lain serta memulakan operasi di Malaysia.

Melangkah ke tahun baru 2013 dan juga tahun-tahun yang akan datang, Kerajaan akan memberi tumpuan kepada NKEA ini dan sokongan rakyat bagi memastikan pengurusan bekalan tenaga yang terjamin, menggalakkan kecekapan tenaga dan mengguna pakai harga berasaskan pasaran sambil mengukuhkan tadbir urus dan mengemudi negara menangani landskap yang pantas berubah.

MINYAK, GAS DAN TENAGA

Industri Minyak, Gas dan Tenaga memainkan peranan penting dalam ekonomi Malaysia, menyumbang kira-kira satu perlima daripada KDNK negara sepanjang dekad yang lalu. NKEA ini menyasarkan lebih penekanan kepada membina sektor hiliran Malaysia sambil mengekalkan insentif untuk memastikan tahap penghasilan berterusan di samping ke arah penggunaan tenaga alternatif seperti kuasa solar dan kenderaan elektrik.

Tiga belas EPP yang bakal mencapai sasaran ini terdiri daripada rancangan untuk menjadikan Malaysia sebuah hab minyak dan gas kepada insentif cukai untuk merangsang pelaburan penerokaan lapangan minyak dan gas marginal. Berasaskan platform tenaga lestari yang meliputi rasionalisasi subsidi bahan api dan promosi tenaga boleh dibarui, NKEA ini menasaskan pertumbuhan tahunan sebanyak lima peratus dari tahun 2010 hingga tahun 2020.

EPP ini dijangka menjana PNK sebanyak RM131.4 bilion dan mewujudkan 52,300 peluang pekerjaan tambahan menjelang tahun 2020. Pemain industri utama seperti PETRONAS, Shell, ExxonMobil, Dialog Group dan Royal Vopak telahpun membuat pelaburan yang besar dalam sektor ini.

Petunjuk Prestasi Utama 2012

NKEA Minyak, Gas dan Tenaga		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #1	Sumber Tambahan – juta tong tangki stok (mmstb)	* Maklumat adalah sulit di atas permintaan pihak-pihak berkenaan		124	●	100	●	1	●
EPP #2	Pengeluaran dari Kawasan Pinggiran – bersamaan ribu tong minyak sehari (kboed)			0	●	0	●	0	●
	Pengeluaran dari Kawasan Pinggiran (Gas) – juta meter padu sehari (mmscfd)			18	●	18	●	0	●
EPP #3	Bilangan telaga minyak yang telah diteroka			76	●	76	●	0.5	●
EPP #4	Jumlah kapasiti simpanan minyak atas tanah yang telah disediakan – juta meter padu	3,000,000	3,000,000	100	●	100	●	1	●
	Bilangan syarikat dagangan minyak yang berpangkalan di Malaysia	4	5	125	●	100	●	1	●

(bersambung)

(sambungan mukasurat sebelum)

NKEA Minyak, Gas dan Tenaga		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #5	Bilangan keperluan gas tambahan yang disahkan (mmscfd) (Perhatian: Keperluan gas tambahan disahkan untuk tahun 2012 ialah tambahan 100 mmscd. Menjadikan jumlah keseluruhannya 240 mmscd = kapasiti loji penggasan semula)	100	100	100	●	100	●	1	●
EPP #6	Jumlah pelaburan yang dibuat oleh OFSE MNC (RM juta)	400	1,503	376	●	100	●	1	●
EPP #8	Bilangan syarikat multinasional atau usahasama antara syarikat OFSE tempatan dan syarikat multinasional	3	6	200	●	100	●	1	●
EPP #7	Bilangan penggambungan syarikat fabrikasi yang berjaya	2	2	100	●	100	●	1	●
EPP #9	Pengurangan dalam bil elektrik melalui pengurusan tenaga dalam semua pejabat kerajaan (%)	10	10.4	104	●	100	●	1	●
	Pasaran untuk peralatan elektrik bertaraf 5 bintang (peti sejuk) (%)	25	40.8	163	●	100	●	1	●
	Pasaran untuk peralatan elektrik bertaraf 5 bintang (penghawa dingin) (%)	20	21.6	108	●	100	●	1	●
	Pasaran untuk peralatan elektrik bertaraf 5 bintang (pendingin) (%)	39	39.2	101	●	100	●	1	●
EPP #10	Jumlah kapasiti pemasangan loji tenaga boleh diperbarui yang bersambung grid (MW)	110	100.5	91	●	91	●	0.5	●
				119%		86%		80%	

Rajah 4.1

Kaedah 1 menunjukkan pencapaian KPI sebenar iaitu membenarkan pencapaian melebihi 100 peratus dilaporkan.

Kaedah 2 menunjukkan laporan pencapaian KPI yang dihadkan kepada 100 peratus.

Kaedah 3 menunjukkan laporan pencapaian paling mudah. Sasaran KPI yang telah dipenuhi atau melebihi diberi gred 1. KPI yang mencapai lebih separuh daripada sasarnya diberi gred 0.5, dan KPI yang kurang daripada separuh sasaran mereka diberi gred 0.

PROJEK PERMULAAN (EPP)

EPP 1

Mencergaskan Semula Telaga Sedia ada Menerusi Perolehan Minyak Tertingkat (EOR)

Dalam usaha untuk memaksimumkan potensi daripada telaga minyak matang Malaysia, EPP ini menggalakkan penggunaan teknik Perolehan Minyak Tertingkat (EOR) - yang menggunakan gas, suntikan bahan kimia atau pembanjiran haba bagi meningkatkan perolehan minyak. Kaedah-kaedah ini boleh meningkatkan jumlah minyak yang diperoleh daripada takungan bawah tanah sebanyak 30 hingga 50 peratus berbanding 20 hingga 35 peratus catatan norma bagi industri.

PETRONAS, firma minyak negara menyokong inisiatif penggunaan teknik EOR yang memerlukan penggunaan teknologi canggih dan pelaburan modal besar.


PETRONAS, di mana perlu, telah menyemak semula terma Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC) yang sedia ada dan memperkenalkan aturan baru petroleum untuk mengganjarkan syarikat atau pelabur yang melaksanakan teknik EOR. Ini telah menggalakkan syarikat-syarikat yang pakar dalam teknik EOR untuk beroperasi di Malaysia. Sebagai pengawal selia industri, PETRONAS juga memastikan kaedah dan teknologi yang terkini digunakan untuk mengurangkan kos modal dan operasi.

Pencapaian dan Cabaran

EPP ini menunjukkan momentum berterusan pada tahun 2012. Pada bulan Januari, PETRONAS telah menandatangani PSC dengan Shell Malaysia untuk projek-projek EOR di luar pesisir pantai Sabah dan Sarawak, yang melibatkan pelaburan lebih AS\$12 bilion. Ini dijangka akan meningkatkan kadar pemulihan purata di Delta Baram, di luar pesisir pantai Sarawak, dan telaga-telaga Utara Sabah kepada 50 peratus daripada 36 peratus.

Pada bulan Mei, PETRONAS memeterai PSC baru dengan Talisman dan PETRONAS Carigali Sdn Bhd bagi projek EOR di telaga-telaga Kinabalu bagi sejumlah telaga dengan takungan matang di luar pesisir pantai Sabah. Kontrak ini menarik pelaburan bernilai AS\$1 bilion. PETRONAS telah mencipta PSC baru di bawah terma *Progress Volume-Based (PVB)*. Di bawah perjanjian ini, perkongsian keuntungan bertambah selama hayat telaga itu, memberi insentif kepada kontraktor untuk meningkatkan perolehan dan pengeluaran minyak walaupun risiko membangunkan telaga matang meningkat.

Pada bulan November, PETRONAS telah menandatangani satu lagi PSC dengan Shell Malaysia untuk meneroka Central Luconia, di luar pesisir pantai Sarawak. Di bawah PSC ini, Shell dan PETRONAS Carigali berkongsi ekuiti 50:50, Shell akan melaksanakan program awal penerokaan tiga tahun untuk meneroka secara komprehensif 2,727 km persegi dalam blok SK319 di Central Luconia. 90 peratus daripada output ini diperuntukkan bagi kompleks gas cecair asli PETRONAS di Bintulu.



EPP 2

Membangunkan Telaga-telaga Kecil Melalui Penyelesaian Berinovasi

Setiap satu daripada telaga-telaga kecil Malaysia mengandungi sekurang-kurangnya 30 juta tong minyak yang mewakili sebahagian besar baki sumber bahan api fosil. Membangunkan telaga-telaga ini secara menguntungkan adalah mencabar kerana ia memerlukan infrastruktur yang sama mahalnya dengan infrastruktur telaga yang lebih besar, manakala pulangannya tidak setimpal kerana rizabnya lebih kecil.

PETRONAS turut menyokong industri dalam tiga aspek untuk meneroka potensi telaga-telaga kecil ini dengan menyemak semula terma PSC, di mana perlu, untuk memperkenalkan perjanjian baru yang memastikan pengendali telaga kecil ini menerima insentif yang mencukupi.

PETRONAS juga berusaha menarik pengendali penerokaan dan pengeluaran (E&P) yang mempunyai kepakaran membangunkan telaga kecil. Bagi membantu meningkatkan nilai aspek ekonomi pembangunan telaga kecil dan menggalakkan perkongsian kemudahan, PETRONAS akan memudahkan kerjasama di kalangan peserta industri.

Pencapaian dan Cabaran

Pada bulan Jun 2012, PETRONAS telah menandatangani tiga PSC utama dengan PETRONAS Carigali dan Hess Exploration and Production Malaysia BV yang akan membuka jalan bagi pelaksanaan projek Lembangan Melayu Utara, sebuah pembangunan gas bersepadu baru di Semenanjung Malaysia.

PSC ini membabitkan tiga blok di Lembangan Melayu Utara, sebuah projek yang melibatkan pembangunan dan pengkomersilan sembilan telaga stranded gas. Ia juga bakal menyaksikan penubuhan hab pengumpulan, pemprosesan dan pengangkutan gas yang baru. Dianggarkan sebanyak AS\$5.2 bilion akan dilaburkan dalam projek Lembangan Utara Melayu dalam tempoh lima tahun yang akan datang. Projek ini akan mengkomersilkan sekitar 1.7 trilion standard kaki padu rizab gas dari kawasan tersebut.

PETRONAS juga mencatatkan kejayaan dalam pengeluaran gas asli dari Lapangan Berantai, yang terletak di luar pesisir pantai Terengganu. Pengeluaran gas asli dari telaga ini dijalankan oleh Petrofac Energy Developments Sdn Bhd dan SapuraKencana Petroleum Bhd, yang telah dianugerahkan Kontrak Perkhidmatan Risiko (RSC) oleh PETRONAS pada bulan Januari 2011.

Pengeluaran gas ini dimulakan pada 20 Oktober 2012, diekstrak pada kadar 50 juta kaki padu standard sehari (mmscfd) daripada tiga telaga pertama lapangan ini. Ini dijangka akan mencapai 80 mmscfd dengan penambahan dua telaga. Gas ini diproses di unit pengeluaran, penyimpanan dan pemunggahan (FPSO) terapung Berantai serta dieksport ke terminal dalam pesisir sedia ada di Kertih.

Sementara itu, telaga Bentara-2 merupakan telaga pertama yang digerudi dalam kawasan RSC Kelompok Balai meliputi empat lapangan luar pesisir pantai Sarawak telah diuji dengan jayanya, mencapai kadar aliran minyak yang stabil antara 1,600-2,200 tong sehari. Telaga ini mencapai sasaran kedalaman 2,830 meter pada 20 Oktober 2012, dan keputusan awal menunjukkan kira-kira 100 meter kaksa bersih hidrokarbon berada dalam takungan bertindan di dalam Lapangan Bentara. RSC ini dianugerahkan kepada ROC Oil, Dialog Group dan PETRONAS Carigali pada Ogos 2011 dan kemudiannya, diberikan semula kepada BC Petroleum Sdn Bhd, yang merupakan syarikat usaha sama tiga syarikat tersebut.

PETRONAS juga mencatat penemuan gas di Blok PM307, yang terletak di luar pesisir pantai Semenanjung Malaysia. Tembakau-1, telaga penerokaan menegak yang digerudi pada kedalaman 1565 meter, menemui 60 meter pasir gas bersih dengan volum gas initially in-place (GIIP) awal 600 bilion kaki padu standard. Tembakau-1 dikendalikan oleh Lundin Malaysia dengan PETRONAS Carigali sebagai rakan kongsi. Ia sedang dinilai untuk pembangunan gas fast-track berpotensi.

Sementara itu, Halliburton Bayan Petroleum Sdn Bhd, sebuah syarikat usaha sama Dialog Group dan Halliburton International Inc, menandatangani satu perjanjian dengan PETRONAS Carigali bagi menyediakan perkhidmatan untuk memperoleh rizab dari Lapangan Bayan, luar pesisir pantai Bintulu, Sarawak yang mana nilai projek tersebut dianggarkan berjumlah AS\$1.2 bilion selama 24 tahun.

Walau bagaimanapun terdapat kelewatan di dalam pelaksanaan insentif cukai baru yang diperbadankan di bawah Akta Cukai Pendapatan Petroleum (PITA). Apabila dilaksanakan, insentif ini akan menggalakkan pembangunan sumber minyak dan gas baru yang secara teknikalnya mencabar dan terus merangsang aktiviti cari gali domestik intensif yang melibatkan projek-projek lapangan gas CO₂, Tekanan Tinggi Suhu Tinggi (HPHT), laut dalam dan infrastruktur.

Bagi mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai salah satu pengeluar minyak dan gas terkemuka di Asia, sumber masa depan mesti diterokai dan dibangunkan tepat pada masanya dengan cara yang bijak. Semakin banyak bukti yang menunjukkan bahawa masih ada sumber-sumber yang belum ditemui, walaupun lapangan-lapangan ini berkemungkinan berisiko tinggi dan lebih sukar untuk diakses. Penerokaan lapangan baru di Malaysia akan melibatkan perbelanjaan modal intensif, di samping itu, penemuan rizab baru akan mengambil masa beberapa tahun untuk dibangunkan.

Memandangkan pengeluaran sumber tenaga di Malaysia semakin berkurangan, penemuan baru yang agak besar mesti dibuat dalam dekad ini. Ini akan melibatkan kajian geologi dan geofizik, kaji selidik seismik, penerokaan penggerudian telaga dan kaedah penerokaan baru. Dalam usaha untuk menarik pelaburan penerokaan yang diperlukan dan mempercepatkan projek-projek tersebut, PETRONAS sedang mengkaji semula terma PSC dan memperkenalkan pengaturan kontrak petroleum yang baru.

Lapangan Gumusut-Kakap memulakan Pengeluaran Minyak yang pertama

Setahun selepas pelancaran projek lautan dalam Gumusut-Kakap yang terletak di luar pesisir Sabah, lapangan ini mencapai satu detik penting dengan pengeluaran minyaknya yang pertama pada 18 November 2012.

Pengeluaran ini telah dicapai melalui *interim crude evacuation system* (ICES), yang menghubungkan dua telaga dari lapangan ke unit pengeluaran, penyimpanan dan pemunggahan terapung (FPSO), di lapangan Kikeh yang sedia ada, juga terletak di luar pesisir Sabah.

Kedua-dua telaga ini dijangka akan mencapai pengeluaran tertinggi sebanyak 25,000 tong sehari (bpd), dengan jumlah 19 telaga bawah laut yang terletak di Gumusut-Kakap yang bakal mengeluarkan maksimum 120,000 bpd.

Pengeluaran minyak Gumusut-Kakap yang pertama ini mewakili pembangunan laut dalam kedua Malaysia dan dilihat sebagai satu kemajuan yang signifikan di bawah NKEA Minyak, Gas dan Tenaga, di mana PETRONAS mengambil masa hanya 14 bulan untuk menyiapkan perancangan dan pelaksanaan projek ini. Operasi lapangan ini dijalankan oleh Sabah Shell Petroleum Co, dalam perkongsian dengan Murphy Sabah Oil Co, Conoco Philips Sabah and PETRONAS Carigali.

Pihak-pihak ini, termasuk kontraktor berkongsi pengeluaran dan penyedia khidmat berkenaan bagi Gumusut-Kakap juga mencapai sifar Kecederaan Kehilangan Masa (*Lost Time Injury*) dalam melaksanakan projek ini.

Pencapaian dan Cabaran

Penggerudian terbaru telaga wildcat NC3 di luar pesisir pantai Sarawak dan penilaian telaga yang berikutnya membawa kepada penemuan besar PETRONAS di Blok SK316. Anggaran awal menunjukkan terdapat 2.6 trilion kaki padu standard (tscf) gas bersih di telaga ini.

Telaga Spaoh-1 dengan kedalaman penggerudian 3,000 meter yang juga terletak di Blok SK306, menunjukkan potensi yang serupa. Telaga ini sedang menjalani ujian pengeluaran di mana penilaian awal menunjukkan terdapat kira-kira 100 juta tong minyak dan 0.2 tscf gas yang tersedia ada.

Pada 18 November 2012, PETRONAS mencatatkan pengeluaran minyak pertama dari lapangan Gumusut-Kakap, yang terletak di luar pesisir pantai Sabah dan merupakan pembangunan laut dalam kedua di Malaysia. Lapangan ini dikendalikan oleh Sabah Shell Petroleum Co dengan kerjasama Murphy Sabah Oil Co, Conoco Philips Sabah dan PETRONAS Carigali. Pengeluaran minyak pertama Gumusut-Kakap adalah satu pencapaian besar berikutan proses perancangan dan pelaksanaan yang memakan masa selama 14 bulan.

Pengeluaran dari kedua-dua telaga ini dijangka mampu mencapai maksimum 25,000 tong sehari (bpd) apabila pengeluaran dipertingkatkan. Pembangunan penuh telaga ini terdiri daripada 19 telaga bawah laut, sistem pengeluaran terapung (FPS) separa tenggelam kekal dan saluran paip minyak eksport yang disambungkan kepada Sabah Oil and Gas Terminal (SOGT) di Kimanis, Sabah.

Langkah Seterusnya

Tiga EPP pertama ini akan kekal berada di bawah skop PETRONAS, yang telah mengiktiraf keperluan untuk terus meneroka cara-cara inovatif bagi membuka potensi sumber hidrokarbon dalam telaga-telaga Malaysia yang matang. PETRONAS juga akan berusaha untuk memajukan lagi lapangan yang lebih mencabar dalam proses mampan yang bakal membantu meningkatkan pengeluaran minyak apabila berhadapan dengan rizab yang semakin berkurangan dan permintaan yang semakin meningkat.

Bagi laut dalam, PETRONAS dan kontraktor perkongsian pengeluaran menjangkakan penggerudian konsisten dan penerokaan luar pesisir dalam tempoh lima tahun akan datang dan merancang untuk merangsang pelaburan dalam pembinaan keupayaan. Untuk membangunkan lagi rizab minyak dan gas, PETRONAS akan meningkatkan pelaburan dalam saluran paip minyak dan gas bawah laut dengan meluaskan lagi lokasi lapangan.

EPP 4

Membina Hab Pusat Penyimpanan dan Perdagangan Minyak Serantau

Asia mencatat penggunaan sumber tenaga yang tinggi kira-kira 420,000 tong minyak mentah dan 730,000 tong produk petroleum setiap hari. Ia dijangka akan terus berkembang dengan peningkatan import produk petroleum sebanyak 1.8 juta tong sehari dari tahun 2010 sehingga tahun 2020.

Ini menjadikan kemudahan penyimpanan minyak semakin penting, bagi memenuhi permintaan tenaga dan kemasukan minyak mentah dari Afrika, Timur Tengah dan Amerika Latin yang semakin meningkat dan didorong tempoh transit yang lebih panjang. Walaupun Singapura menguasai perniagaan penyimpanan minyak di Asia, dengan jumlah sebanyak 10 juta meter padu kapasiti penyimpanan bebas, Malaysia berada dalam kedudukan yang baik untuk meneroka perdagangan minyak fizikal bernilai RM1 trilion dan perdagangan derivatif bernilai RM1 trilion yang telah dibina oleh Singapura. Berbekalkan lokasi pelabuhan strategik di laluan perkapalan utama seperti Selat Melaka bagi minyak mentah dan produk bertapis, kedudukan yang berdekatan dengan Singapura, ketersediaan tanah dan kemudahan marin laut dalam, Malaysia boleh membentuk hab dengan negara pulau itu.

Hab ini mirip dengan hab Amsterdam-Rotterdam-Antwerp (ARA), yang melengkap satu sama lain dalam aktiviti penapisan dan petrokimia, penyimpanan bebas, mengisi bahan api dan mengadun, serta menikmati akses pasaran kepada pelanggan di pasaran pertumbuhan China, India dan Asia Tenggara.

Terdapat empat pamacu perniagaan yang boleh menyokong cita-cita ini:

1. Kargo minyak mentah dan bahan api yang lebih besar dari luar Asia dijadikan kargo yang lebih kecil ke destinasi di rantau ini.
2. Mengurangkan kos dengan mengadun keluaran minyak mentah dari pengeluar serantau sebelum membekalnya sebagai stok suapan untuk penapis serantau.
3. Menggabungkan pelbagai output penapisan bagi memenuhi campuran pelbagai produk hiliran.
4. Memanfaatkan peluang arbitraj, di mana pasaran niaga hadapan bagi produk minyak boleh dilindung nilai melalui penyimpanan fizikal.

Bagi mencapai matlamat ini, Perbadanan Sumber Petroleum Malaysia (MPRC) akan bekerjasama dengan agensi-agensi seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Koridor Ekonomi Wilayah untuk menggalakkan pelaburan swasta ke dalam sektor ini. Ini termasuk merumuskan penyelesaian bagi menangani isu-isu pelabur utama seperti permit dan skim insentif, serta menjejaki perkembangan projek-projek utama.

Perbadanan Sumber Petroleum Malaysia

Perbadanan Sumber Petroleum Malaysia (MPRC) telah ditubuhkan pada bulan April 2011 dan memulakan operasinya pada bulan Julai 2011. Sebagai sebuah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri, peranan MPRC adalah untuk menggalakkan, memangkin dan mentransformasikan sektor perkhidmatan minyak dan gas untuk menjadi entiti yang lebih kukuh dalam menyokong keperluan industri di pasaran tempatan juga antarabangsa. Dalam berbuat demikian, MPRC menyasarkan untuk menetapkan kedudukan Malaysia sebagai hab perkhidmatan Minyak dan Gas yang terulung di rantau Asia Pasifik menjelang 2017.

Bagi mencapai matlamat ini, MPRC diberi mandat dimana salahsatu daripadanya adalah untuk mengesyorkan polisi yang sewajarnya berkaitan dengan sektor perkhidmatan Minyak dan Gas dengan mengkaji semula peraturan perniagaan dan insentif cukai yang sedia ada untuk memastikan ia kekal kompetitif dan menarik kepada syarikat Minyak dan Gas antarabangsa untuk menubuhkan ibu pejabat serantau atau operasi mereka di Malaysia. MPRC juga bekerjasama dalam menggalakkan perkongsian dan usaha sama di antara syarikat tempatan dengan syarikat terkemuka global, institusi penyelidikan dan juga akademik. Ini secara langsung akan menggalakkan penglibatan yang lebih besar dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan, latihan dan pemindahan teknologi dan pembangunan kemahiran. Dengan cara sedemikian, syarikat-syarikat Malaysia akan dapat menyumbang kepada rantaian nilai sektor Minyak dan Gas

Perkongsian awam-swasta di antara Kerajaan Negeri Johor, syarikat Belanda Royal Vopak dan Dialog Group, untuk membina terminal penyimpanan minyak laut dalam bebas di Pengerang telah pun bermula, mewakili projek utama di bawah EPP ini.

Selain itu, Kerajaan melalui MPRC dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LFSA) telah melancarkan program Insentif Global untuk Perdagangan (GIFT) pada bulan Oktober 2011. Program ini bertujuan untuk menarik peserta minyak dan gas untuk berdagang petroleum dan produk-produk lain berkaitan petroleum, sambil menggunakan Malaysia sebagai pangkalan yang cekap kos bagi menjalankan perniagaan perdagangan serantau.

Program GIFT yang berpayung di bawah Labuan International Trading Commodity Company (LITC) menawarkan insentif untuk firma minyak dan gas seperti kadar cukai rata korporat tiga peratus daripada pendapatan bercukai, 100 peratus pengecualian cukai ke atas yuran pengarah yang dibayar kepada pengarah bukan warganegara Malaysia dan 50 peratus pengecualian ke atas pendapatan pengajian bagi peniaga dan pengurus profesional bukan warganegara Malaysia yang bekerja di syarikat-syarikat LITC.

Pencapaian dan Cabaran

Setakat ini, sebanyak 10 syarikat perdagangan telah mendaftar untuk program GIFT, dengan beberapa buah syarikat ini merancang untuk memulakan urusan niaga pada tahun 2013.

Pada bulan April, Vitol, pedagang minyak bebas terbesar di dunia dengan rakan usaha samanya, MISC Bhd, memulakan operasi di kemudahan penyimpanan di Tanjung Bin, Johor. Platts, yang menyediakan penilaian tanda aras bagi kebanyakan produk minyak yang didagangkan di rantau Asia, bersetuju memasukkan terminal penyimpanan Tanjung Bin dalam proses penetapan harga bagi bahan api, minyak diesel, bahan api jet dan petrol mulai 1 Disember 2012. Ini menandakan kepentingan dan pengaruh Malaysia yang semakin meningkat sebagai hab memuncul bagi dagangan petroleum dan produk berkaitan petroleum.

Juga di Johor, kerja pengorekan induk telah disiapkan di Pelabuhan Tanjung Langsat pada bulan November 2012. Projek ini mendalamkan terusan dan kawasan lembangan sehingga 15 meter dan akan membuka jalan bagi Malaysia untuk meletakkan Pelabuhan Tanjung Langsat sebagai lokasi strategik untuk memenuhi keperluan kemudahan penyimpanan.

Langkah Seterusnya

Persaingan daripada negara-negara jiran dalam membina terminal penyimpanan adalah semakin hebat. Sinopec, syarikat China yang juga merupakan penapis utama Asia, telah memulakan kerja untuk terminal penyimpanan minyak terbesar di Asia Tenggara di zon perdagangan bebas Batam di Indonesia. Ini akan mendorong persaingan yang sihat dan menyediakan Malaysia dengan lebih banyak peluang disebabkan oleh kekurangan tanah Singapura.



Projek-projek kemudahan penyimpanan minyak di sekitar Johor Selatan

EPP 5

Membuka Permintaan Gas Premium Terpendam di Semenanjung Malaysia

Kekurangan bekalan gas di Semenanjung Malaysia disebabkan oleh pengeluaran domestik yang berkurangan mengehendkan pelaburan dalam industri tenaga intensif seperti pembuatan kaca, plastik dan wafer semikonduktor. Selain itu, bekalan gas domestik yang terhad ini juga menghalang pengguna perindustrian yang kini menggunakan diesel dan LPG untuk beralih kepada gas asli yang lebih murah.

Pembekalan gas domestik ditambah dengan import dari Indonesia dan Kawasan Pembangunan Bersama dengan Thailand, dijangka menurun pada kadar 12 peratus setahun dalam dekad ini, menandakan bekalan yang semakin berkurangan di rantau ini.

Untuk menyelesaikan masalah ini, EPP ini tertumpu kepada usaha pengimportan gas asli cecair (LNG) dari tempat yang lebih jauh, pada harga pasaran semasa. Tanpa bantuan subsidi, permintaan gas tambahan terpendam ini dianggarkan akan mencatat lebih daripada 500 juta kaki padu standard setiap sehari (mmscfd) menjelang tahun 2020. Daripada jumlah ini, 270 mmscfd telah disediakan bagi memenuhi permintaan daripada syarikat-syarikat baru yang hendak melabur di Malaysia. Sebanyak 230 mmscfd mewakili permintaan daripada pengguna industri sedia ada yang menggunakan bahan api diesel pada harga yang lebih tinggi dan ingin beralih kepada gas semula jadi yang lebih murah sekiranya bekalan disediakan.

Pencapaian dan Cabaran

Pada tahun 2012, Malaysia telah merencanakan terminal penggasan semula LNG yang pertama di pelabuhan Sungai Udang di Melaka. Projek yang diuruskan oleh anak syarikat PETRONAS Gas Bhd, Regas Terminal Sdn Bhd, bakal mempunyai kapasiti maksimum 3.8 juta tan metrik setahun dengan dua unit penyimpanan terapung (FSU) untuk menerima dan menyimpan LNG. Terminal ini juga menyediakan jeti pulau dan unit-unit penggasan semula. Setiap FSU mempunyai jangka hayat 20 tahun dan akan kekal berlabuh di jeti. Saluran paip bawah laut dan luar pesisir akan menghubungkan penggasan semula LNG kepada rangkaian saluran paip Peninsular Gas Utilisation (PGU), yang terletak dalam lingkungan 30 km dari Sungai Udang.

Pada bulan September 2012, Perdana Menteri telah mengumumkan sebuah konsortium yang terdiri daripada Dialog Group, Royal Vopak dan Kerajaan Negeri Johor yang akan melabur sebanyak RM4.08 bilion untuk membina terminal LNG Pengerang. Terminal ini akan membolehkan pelbagai pengguna LNG untuk menyimpan dan mendagang komoditi.

Kemudahan yang disediakan termasuk penyimpanan LNG, muatan dan terminal penggasan semula untuk perdagangan, import serta penggunaan domestik.

Operasi terminal penggasan semula Sungai Udang ini terpaksa ditangguhkan disebabkan isu-isu teknikal yang tidak diduga. PETRONAS dan kontraktornya telah mengerahkan pasukan teknikal tambahan untuk menyelesaikan isu-isu tersebut dalam masa terdekat.

Langkah Seterusnya

Berdasarkan permintaan global bagi LNG yang dijangka mencecah 400 juta tan setahun pada 2025, program GIFT telah dipertingkatkan dengan memasukkan komoditi ini. Syarikat-syarikat perdagangan LNG kini berpeluang untuk mendapat manfaat daripada pengecualian 100 peratus cukai pendapatan ke atas pendapatan statutori bagi tempoh tiga tahun pertama operasi, diikuti dengan cukai tiga peratus dalam tahun-tahun berikutnya. Melangkah ke hadapan, MPRC bersama-sama dengan MIDA, InvestKL, LFSA dan agensi koridor akan mempromosikan GIFT secara aktif, terutamanya apabila berkaitan dengan perdagangan LNG.

Kemudahan ini dijangka akan beroperasi pada tahun 2013 hasil usaha PETRONAS menyelesaikan isu-isu di terminal Sungai Udang, kemudahan ini dijangka akan mula.



Terminal penyimpanan bebas Pengerang - status tebus guna tanah

Menarik Minat Syarikat Multinasional untuk Membawa Perkhidmatan Telaga Minyak dan Operasi Peralatan Global ke Malaysia

EPP ini bertujuan untuk menarik minat 10 hingga 20 firma utama dalam industri perkhidmatan dan peralatan telaga minyak (OFSE) untuk menempatkan sehingga 10 peratus daripada operasi perniagaan mereka di Malaysia. Ini dijangka akan mentransformasi negara menjadi pangkalan cekap kos bagi aktiviti kejuruteraan, pemerolehan, pembinaan, pemasangan, dan pentauihan di rantau Asia-Pasifik.

Pencapaian dan Cabaran

Pada bulan Mei, MPRC membentuk Majlis Perundingan Industri (ICC) bagi mengembangkan sektor dan menyediakan negara sebagai hab serantau menjelang tahun 2017.

ICC bertindak sebagai badan penasihat dalam perbincangan perkara yang berkaitan dengan industri dan usaha kerjasama. MPRC mempengerusikan Majlis Perundingan Industri tersebut, yang terdiri daripada presiden lima persatuan perdagangan utama dalam sektor ini, iaitu Malaysian Oil and Gas Engineering Council (MOGEC), Malaysian Oil and Gas Services Council (MOGSC), Malaysian Offshore Vessel Owners Association (OSV Malaysia), Malaysian Offshore Constructors Association (MOCA) dan Institute of Materials Management (IMM).

Cabaran utama untuk EPP ini adalah untuk menubuhkan sebuah entiti tunggal dengan pengetahuan dan kepakaran mendalam mengenai industri dalam menyelaraskan sektor OFSE Malaysia. Kekurangan pengawasan ini telah membawa kepada pertumbuhan yang tidak terurus dalam sektor ini. Pada masa yang sama, akses yang lebih luas kepada pembiayaan dan modal diperlukan untuk membantu dalam pembiayaan projek dan menggalakkan pelaburan baru. Terdapat juga keperluan untuk mengkaji semula keperluan modal dan kewangan serta persaingan serantau dalam setiap segmen sektor minyak dan gas.

Salah satu cara untuk menangani hal ini adalah dengan menggalakkan industri untuk memainkan peranan yang aktif dalam persatuan perdagangan. Ini akan membolehkan pihak-pihak berkepentingan untuk memahami dan memenuhi keperluan khusus, seperti pembangunan modal insan dan penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Langkah Seterusnya

Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada persidangan pertama, Offshore Technology Conference (OTC) Asia di Kuala Lumpur pada tahun 2014, bertujuan untuk merangsang perbincangan dan memupuk kerjasama dalam industri. OTC, pameran perkhidmatan minyak dan gas global utama yang diadakan setiap tahun di Houston, Texas, bersetuju mengadakan OTC Asia di Kuala Lumpur bagi memanfaatkan peluang besar yang wujud di Asia. OTC Asia 2014 akan menyediakan platform yang kukuh untuk peserta Malaysia serta syarikat-syarikat minyak dan gas serantau untuk mempromosi dan memasarkan keupayaan mereka kepada syarikat utama antarabangsa.



EPP 7

Penggabungan Pembuat Fabrikasi Domestik

Apabila dibandingkan saiz pasaran fabrikasi Malaysia dengan peserta serantau, ia membuktikan betapa perlunya bagi pembuat fabrikasi Malaysia untuk meneroka penggabungan. Selain mencapai skala ekonomi, ia juga dapat mengurangkan kos operasi, meningkatkan rekod prestasi dan meningkatkan daya saing terhadap peserta serantau.

Kapasiti limbungan, penggunaan teknologi dan keupayaan tenaga kerja adalah faktor-faktor utama yang dapat memacu keperluan bagi penggabungan. Tambahan pula, pemain domestik digalakkan untuk mengurangkan pergantungan mereka pada penawaran kerja-kerja dari PETRONAS, kerana ia tidak boleh ditawarkan secara berterusan dalam jangka sederhana mahupun jangka panjang.

Pada masa yang sama, memahami dan menyedari trend dan strategi yang ditetapkan oleh pembuat fabrikasi gergasi serantau seperti Keppel and Sembawang, sebuah syarikat Singapura, dan Hyundai, syarikat Korea Selatan, menjadikan kepentingan rasionalisasi dan penggabungan lebih mendesak.

Di samping itu, syarikat-syarikat Malaysia didapati telah biasa dengan projek domestik yang ditender atas dasar kontrak berbilang dan khusus. Kerja antarabangsa yang lebih lumayan ditenderkan secara kontrak tunggal, menjadikan ia lebih sukar bagi syarikat-syarikat Malaysia yang mempunyai pengalaman terhad untuk menguruskan dan melengkapkan kontrak perkhidmatan penuh secara kos efektif. Ini diburukkan lagi oleh jumlah yang besar pertindihan perkhidmatan di dalam pasaran.

Pembuat fabrikasi Malaysia bagaimanapun sudah bergerak ke arah yang betul. Jika dahulunya terdapat laman pembuat fabrikasi kecil, kini terdapat lima pembuat fabrikasi besar, iaitu MMHE Bhd, Kencana HL Bhd, Brooke Dockyard & Engineering Works Bhd, BHIC Penang Shipyard Bhd dan Ramunia Bhd.

Pencapaian dan Cabaran

Pada bulan Mei, SapuraCrest Petroleum Bhd dan Kencana Petroleum Bhd digabungkan untuk menjadi firma perkhidmatan minyak dan gas bersepadu kelima terbesar di dunia agar boleh bersaing dengan lebih berkesan dengan syarikat serantau untuk memenangi projek. Dalam perjanjian yang bernilai lebih daripada RM10 bilion permodalan pasaran, SapuraKencana Petroleum Bhd, firma gabungan ini, membawa bersama pengalaman SapuraCrest dalam kontrak pengangkutan dan pemasangan dan kepakaran Kencana Petroleum sebagai pembuat fabrikasi.

Walau bagaimanapun dengan perkembangan ini, banyak peserta perkhidmatan minyak dan gas yang lebih kecil masih teragak-agak untuk meneroka usaha sama (JV) atau penyatuan dan pengambilalihan (M&A). Ini berpunca daripada pelbagai isu, yang terdiri daripada persaingan sengit kepada pemilikan dan tadbir urus. Oleh itu, sokongan yang lebih besar seharusnya diwujudkan untuk mencipta kesedaran dan sokongan bagi penggabungan industri.

Langkah Seterusnya

Kisah kejayaan SapuraKencana Petroleum boleh digunakan sebagai contoh untuk menggalakkan syarikat-syarikat kecil yang lain untuk bergabung. Dengan itu, MPRC akan meneruskan usaha pendidikan berterusan untuk mempromosi kepentingan strategik JV dan M&A kepada industri, dengan penekanan kepada mewujudkan model perniagaan mapan yang berdaya tahan dalam ketaktentuan pasaran. Penggabungan akan membolehkan syarikat meluaskan kemahiran mereka, meningkatkan daya saing dan sumber kewangan, sambil menggalakkan pemindahan pengetahuan dan teknologi.

EPP 8

Membangunkan Keupayaan dan Kapasiti Melalui Perkongsian Strategik dan Usaha Sama

Syarikat-syarikat Malaysia dalam sektor perkhidmatan dan peralatan telaga minyak (OFSE) tempatan kerap mengalami kekurangan kepakaran dan pengalaman dalam kejuruteraan, pemerolehan, pembinaan, pemasangan, dan pentauliahan (EPCIC). Ini menghalang mereka daripada memenangi projek utama, yang seterusnya menahan pertumbuhan perkongsian pasaran serantau mereka. EPP ini mendapati bahawa syarikat-syarikat tempatan ini mempunyai potensi besar untuk mencapai kemajuan sekiranya pemain bertaraf dunia digalakkan untuk membentuk usaha sama dengan mereka, dan seterusnya memupuk industri tempatan serta meningkatkan keupayaan syarikat tempatan ke persada antarabangsa.

Usaha sama ini akan membantu peserta tempatan menguasai perkongsian pada bahagian yang lebih besar dalam pasaran tempatan, terutamanya perolehan dan pemasangan, yang selama ini dikuasai oleh syarikat-syarikat asing. Dalam jangka panjang, ia dapat merangsang syarikat tempatan bagi mendapatkan kontrak di kawasan serantau pula.

Pencapaian dan Cabaran

BC Petroleum Sdn Bhd, syarikat JV Roc Oil, Dialog dan PETRONAS Carigali yang mengendalikan RSC untuk Lapangan Balai, dijangka melabur kira-kira RM626 juta hingga RM782.6 juta semasa fasa pra-pembangunan projek. Kerjasama di antara ketiga-tiga syarikat memberikan contoh bagaimana peserta boleh bekerjasama untuk mencipta kejayaan yang lebih besar. Walau bagaimanapun, peserta OFSE lain mungkin memerlukan lebih banyak dorongan untuk bekerjasama.

Langkah Seterusnya

MPRC akan terus mempromosi OFSE Malaysia kepada pasaran minyak dan gas antarabangsa melalui persidangan minyak dan gas antarabangsa yang terkenal, seperti Offshore Technology Conference dan World Gas Conference.

Syarikat minyak dan gas Malaysia bersama-sama dengan agensi Kerajaan juga akan terus mengambil bahagian dalam persidangan domestik dan antarabangsa bagi membina hubungan dengan pelabur di samping mengikuti perkembangan terkini dalam pasaran global. Ini termasuk menyediakan pendedahan dan peluang bagi syarikat-syarikat untuk mengembangkan rangkaian mereka dan meneroka kemungkinan peluang kerjasama dan usaha sama atau pakatan bersinergi.

EPP 9

Meningkatkan Kecekapan Tenaga

Malaysia menggunakan 34 peratus lebih banyak tenaga berbanding negara-negara setara dengannya dan seharusnya boleh meningkatkan kecekapan tenaga dengan memperbaiki penggunaan kuasa dan bahan api. Ini berpotensi menjadikan syarikat tempatan lebih berdaya saing dan mengurangkan bil elektrik isi rumah. Terdapat beberapa inisiatif yang boleh menghasilkan keputusan cepat. Ini termasuklah:

1. Kerajaan Memimpin Melalui Teladan dalam Amalan Kecekapan Tenaga

Kerajaan secara beransur-ansur akan merasionalisasikan subsidi elektrik untuk merangsang industri dan pengguna untuk mengguna pakai amalan tenaga yang lebih cekap. Sebagai permulaan, Kerajaan akan melancarkan kempen pendidikan berskala besar bagi membantu syarikat dan isi rumah menerima pakai amalan penjimatan tenaga. Bagi memastikan kempen ini berkesan, Kerajaan akan memimpin melalui teladan dan menggunakan kaedah penjimatan tenaga di dalam bangunan sektor awam.

Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) akan bertindak mendapatkan pelan kecekapan tenaga daripada kementerian, universiti dan hospital yang mewakili 120 entiti kerajaan, iaitu kurang daripada satu peratus jumlah entiti Kerajaan. Dari segi kos pula, ia mewakili sebanyak 44 peratus, jumlah yang agak besar, daripada bil elektrik kerajaan yang berjumlah RM1.5 bilion pada tahun 2009.

Untuk menjayakan pelan ini, entiti pelaksana akan menerima, sebagai pertukaran, peruntukan untuk melabur dalam peralatan cekap tenaga seperti mentol lampu dan pendingin baru. Setiap entiti akan mencalonkan Juara Cekap Tenaga yang akan merangka satu pelan tindakan untuk mengurangkan penggunaan elektrik, sementara KeTTHA akan bertindak menyelia kumpulan dan memantau sasaran.

Satu lagi mekanisme untuk mempromosikan kecekapan tenaga terdiri daripada Kontrak Prestasi Tenaga (EPC). Satu kaedah perolehan berasaskan prestasi, EPC membantu pemilik bangunan mencapai pemuliharaan tenaga yang berkesan dan pengurangan bil elektrik tanpa modal terdahulu hadapan. Ini merupakan penjimatan bil utiliti yang terhasil daripada penaiktarafan atau pemasangan sistem bangunan baru yang boleh digunakan untuk membayar modal terdahulu kos hadapan yang ditanggung semasa penaiktarafan atau pemasangan.

2. Merangsang Jualan Peralatan Cepak Tenaga

Di bawah inisiatif ini, pengguna akan menerima rebat sebanyak lima hingga tujuh peratus untuk model dan unit terhad peralatan seperti peti sejuk, penghawa dingin dan penyejuk, yang membentuk sebahagian besar daripada bil elektrik isi rumah. Kerajaan juga akan melaksanakan Standard Prestasi Tenaga Minimum (MEPS), tahap prestasi minimum yang ditetapkan untuk pelbagai jenis produk penggunaan tenaga dan seterusnya akan menghapuskan produk penggunaan tenaga yang tidak cekap daripada memasuki pasaran.

3. Kerajaan akan bekerjasama dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk mewujudkan penjanaan bersama yang berdaya maju dari segi ekonomi

Inisiatif ini melibatkan kajian semula ke atas tarif TNB dari segi tiga aspek. Ini termasuk meningkatkan tarif elektrik dengan merasionalisasikan subsidi semasa untuk menggalakkan lebih banyak kecekapan tenaga, mengurangkan *stand-by tariff* untuk merangsang pilihan penggunaan cekap tenaga, dan meningkatkan *buy-back tariff* untuk menjadikannya lebih menarik bagi industri untuk menjana bersama elektrik dan menjual semula lebihannya kepada TNB.

4. Mengatur untuk Memastikan Penebatan yang Lebih Baik untuk Bangunan Baru dan yang Telah Diubah Suai

Peraturan semasa mengenai penebatan bangunan adalah tidak mencukupi untuk menggalakkan penggunaan tenaga yang lebih cekap. Akibatnya, pemaju membina hartanah kediaman, komersil dan perindustrian tanpa penebatan yang betul. Ini mengakibatkan kos yang lebih tinggi kerana penghawa dingin diperlukan.

Bagi menggalakkan pembinaan hartanah yang ditebat dengan lebih baik, Kerajaan akan menjalankan kempen kesedaran besar-besaran dan melaksanakan peraturan ketat melalui proses kelulusan pelan bangunan. Ia dijangka akan meningkatkan pembinaan hartanah yang ditebat dengan lebih baik dan seterusnya, memperbaiki persekitaran hidup dalam premis kos rendah di mana penghuninya tidak mampu memiliki penghawa dingin dan mengalami tekanan yang disebabkan oleh keadaan premis yang panas.

5. Merangsang Jualan Kenderaan Cepak Tenaga dengan Menawarkan Rebate untuk Menggalakkan Penggunaan Kenderaan Hibrid atau Elektrik

Inisiatif Kerajaan ini akan menggalakkan penggunaan kenderaan hibrid, ditambah dengan mengurangkan cukai import. Dengan harga jualan yang lebih rendah untuk kereta hibrid, rakyat akan disediakan dengan lebih banyak pilihan, manakala pengeluaran tempatan akan digalakkan untuk membangunkan kenderaan yang sama untuk pasaran tempatan.

Pencapaian dan Cabaran

Kesedaran yang lebih tinggi di kalangan orang awam mengenai kenderaan hibrid, ditambah dengan insentif bebas cukai yang digalakkan oleh Kerajaan, berjaya meningkatkan jualan kereta hibrid lebih daripada empat kali ganda berbanding jualan pada tahun 2009. Kejayaan ini telah mendorong Kerajaan untuk melanjutkan insentif ini sehingga akhir tahun 2013.

Walau bagaimanapun, EPP ini sedang menghadapi beberapa kebimbangan, seperti kelewatan dalam melaksanakan peraturan MEPS dan EPC. Tanpa pelaksanaan ini, penguatkuasaan pasaran cekap tenaga di Malaysia akan menjadi satu cabaran.

Pelaksanaan rasionalisasi subsidi bahan api juga menghadapi beberapa kesukaran, kerana penghapusan subsidi akan memberi kesan kepada kos sara hidup isi rumah.

Langkah Seterusnya

Proton merancang untuk melancarkan kenderaan elektrik (EV) menjelang tahun 2014. Ini akan diiringi dengan penubuhan lebih banyak stesen EV di seluruh negara. Selain itu, terdapat juga rancangan bagi perkongsian Awam-Swasta untuk mempromosikan EV kepada orang awam.





Membangunkan Kapasiti Tenaga Boleh Dibarui dan Tenaga Solar

EPP ini bertujuan memanfaatkan kuasa boleh dibarui sebagai tenaga alternatif yang berdaya maju. Ini merupakan usaha untuk mengurangkan pergantungan pada bahan api fosil di Malaysia, mengurangkan pelepasan karbon, menggalakkan pewujudan pekerjaan yang tinggi dan merangsang pelaburan langsung asing yang ketara.

Projek ini juga merupakan kelangsungan daripada cadangan yang sedia ada, seperti daripada Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), yang menyasarkan lima peratus tenaga boleh dibarui dalam jumlah kapasiti campuran pada tahun 2015. Ini mewakili 985 megawatt kapasiti penjanaan boleh baru, berbanding dengan kurang daripada satu peratus tenaga boleh dibarui dalam campuran tenaga negara hari ini.

Selain itu, di bawah Dasar Tenaga Boleh Dibarui Nasional, tenaga solar akan menyumbang sekurang-kurangnya 220 megawatt kepada jumlah kapasiti campuran. Ini mengambil kira unjuran negara bahawa Semenanjung Malaysia perlu membina kapasiti kuasa tambahan beranggaran empat gigawatt untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat, di samping mengekalkan margin rizab kuasa yang sihat. Untuk memenuhi objektif EPP ini, sebuah rangka kerja kawal selia telah dibangunkan untuk mekanisme Tarif Galakan (FIT), membolehkan tenaga elektrik tempatan yang dihasilkan dijual kepada utiliti kuasa pada premium yang tetap bagi tempoh tertentu. Rangka kerja ini dibina di atas premis bahawa generasi tenaga boleh dibarui, seperti tenaga solar, boleh mencapai kesetaraan grid dengan generasi bahan api fosil, seperti gas, pada jangka masa panjang.

Untuk memastikan kejayaan EPP ini, sebuah model perniagaan yang baik mesti dibangunkan, dengan mengambil kira pembiayaan akaun, perkongsian awam-swasta dan peranan Kerajaan, TNB dan pelabur swasta.

Pencapaian dan Cabaran

Sejak bulan Disember 2011, Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia telah menjemput isi-isi rumah di Malaysia serta pengeluar-pengeluar kuasa bebas kecil dan sederhana untuk memohon dan menempah jumlah elektrik hijau yang dirancang untuk dihasilkan dan menjualnya semula kepada TNB. Kuota tetap yang ditentukan bagi empat sumber tenaga boleh dibarui adalah termasuk sistem biojisim, biogas, hidro kecil dan fotovolt solar (PV).

Pada 31 Disember 2012, daripada 1480 permohonan yang telah diterima, sebanyak 960 permohonan dengan jumlah kapasiti terpasang sebanyak 450.85 MW telah diluluskan. Sebanyak 155 permohonan telah mencapai tarikh kuatkuasa tarif galakan dengan jumlah kapasiti terpasang sebanyak 98.52 MW. Jumlah ini tidak termasuk 108 projek yang

telah beroperasi dibawah skim MBIPV dengan jumlah kapasiti 1.95MW yang menjadikan jumlah kapasiti yang telah mencapai tarikh kuatkuasa sebanyak 100.47MW."

Sumber	Kapasiti (MW)
Solar PV (individu)	2.20
Solar PV (bukan individu)	22.807
Biomass (sisa sawit/agro)	41.5
Biomass (sisa pepejal)	8.9
Biogas	6.1572
Mini hidro	15.7
Solar MBIPV	1.96
SREP	1.25
Jumlah	100.47

Rajah 4.2: Kapasiti Dipasang Kumulatif (MW) daripada Pemasangan RE yang Dilaksanakan
Sumber: SEDA 2012

Solar photovoltaic (PV) telah mendapat sambutan terbesar setakat ini, di mana pemilik rumah bertanah boleh memohon untuk menyertai Program 2,000 Bumbung Rumah Solar yang diusahakan oleh SEDA dari bulan September 2012. Di bawah program ini, pihak berkuasa telah memperuntukkan 2,000 kilowatt Solar PV untuk suku keempat tahun 2012 dan 6,000 kilowatt untuk tahun 2013 kepada pemilik rumah yang berminat untuk menjana tenaga elektrik dari bumbung rumah mereka.

Walau bagaimanapun, pengambilan untuk biojisim dan biogas adalah rendah, kerana isu-isu berkenaan stok suapan, kos penghantaran untuk menyambung kepada grid nasional dan isu-isu kelulusan tanah. Selain itu, pembiayaan yang ditawarkan masih terhad bagi pihak yang berminat untuk menceburi bidang tenaga boleh dibarui.

Langkah Seterusnya

SEDA menyasarkan kapasiti terpasang kumulatif tenaga boleh dibarui sebanyak 450.64MW bagi separuh pertama tahun 2014. Ini akan membolehkan Kerajaan untuk memenuhi matlamat tenaga boleh dibarui. Selain itu, usaha akan dipertingkatkan untuk menggalakkan lebih banyak pelaburan dan penyertaan dalam tenaga boleh dibarui, dengan kerjasama yang lebih kukuh terutamanya dengan institusi kewangan tempatan untuk menyediakan akses pembiayaan mudah kepada pihak yang berminat.

EPP 11

Menggunakan Tenaga Nuklear untuk Penjana Kuasa

Malaysia telah lama meneroka pilihan menggunakan tenaga nuklear untuk memenuhi permintaan masa depan di samping mempelbagaikan tenaga campuran bagi Semenanjung Malaysia. Sejak tahun 2009, Jawatankuasa Pemandu Pembangunan Kuasa Nuklear, yang diterajui oleh KeTTHA, telah menjalankan pelbagai kajian ke arah penyediaan Pelan Pembangunan Infrastruktur Kuasa Nuklear (NPIDP). Jawatankuasa itu juga mengusahakan kajian pra-kebolehlaksanaan nuklear dan pemilihan tapak awal.

Pada 2011, Kerajaan menubuhkan Perbadanan Kuasa Nuklear Malaysia (MNPC) untuk menerajui kajian kebolehlaksanaan projek ini sambil mengambil kira pertimbangan keselamatan dan kesan alam sekitar.

EPP 12

Memanfaatkan Potensi Hidroelektrik Malaysia

Hidroelektrik menawarkan banyak kelebihan kepada sebuah negara membangun seperti Malaysia, kerana ia dapat membantu mengurangkan pengeluaran karbon dioksida dan mempunyai rekod prestasi yang terbukti dalam menyediakan bekalan kuasa jangka panjang yang selamat.

Sarawak mempunyai potensi terbesar untuk melaksanakan hidroelektrik, dengan hanya 0.6 peratus daripada anggaran 20 gigawatt kapasiti kuasa berpotensi kini dibangunkan. Kerajaan negeri ini juga boleh membantu membekalkan kira-kira 25 jam terawatt permintaan kuasa terpendam daripada industri-industri yang beroperasi di Pulau Borneo - pulau ketiga terbesar di dunia.

Inisiatif ini diterajui oleh Kerajaan Negeri Sarawak, melalui usaha-usaha yang dilaksanakan menerusi Sarawak Energy Bhd (SEB) dan Pihak Berkuasa Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA). Kedua-dua agensi ini akan merancang, membina, memiliki dan mengendalikan empangan hidroelektrik di Sarawak. Mereka juga akan menarik industri intensif tenaga ke Sarawak, mengenal pasti infrastruktur dan kemudahan sokongan yang diperlukan, dan merundingkan talian transmisi dan bekalan elektrik ke pulau Borneo dengan negara-negara jiran Indonesia dan Brunei.

Pembangunan empangan hidroelektrik di Sarawak akan memerlukan jumlah pelaburan sebanyak RM20.2 bilion. Ini akan meliputi pembinaan lima empangan dengan gabungan kapasiti lima gigawatt, grid penghantaran, dan infrastruktur yang diperlukan untuk menarik relau lebur dan pengeluaran.

Pencapaian dan Cabaran

SEB telah pun mendapat pelanggan daripada syarikat-syarikat di Koridor Tenaga Boleh Dibaru Sarawak (SCORE) bagi kebanyakan output elektrik daripada empangan hidro Bakun. Pelanggannya termasuk syarikat relau lebur aluminium seperti Press Metal Bhd, yang memerlukan 480MW, Tokuyama Malaysia Sdn Bhd (140MW), OM Materials (Sarawak) Sdn Bhd (500MW) dan Asia Minerals Ltd (270MW).

Walaupun rancangan sedang dibuat untuk membekalkan kuasa daripada empangan di Sarawak ke seluruh pulau Borneo, namun beberapa isu mesti diambil kira. Ini termasuk grid elektrik yang terhad, hak tanah dan isu-isu harga di negeri jiran Sabah.

Langkah Seterusnya

Fasa seterusnya adalah untuk memperlengkapkan seluruh empangan bagi memenuhi potensi lonjakan dalam permintaan daripada industri tenaga intensif yang telah ditubuhkan di SCORE.

EPP ini berkisar di sekitar usaha PETRONAS dalam pembangunan projek Pembangunan Bersepadu Petrokimia dan Loji Penapisan (RAPID) di Johor dan Sabah Ammonia Urea (SAMUR). Projek-projek ini melibatkan pelaburan lebih daripada RM65 bilion, dan menandakan pengembangan dan kepelbagaian perniagaan petrokimia PETRONAS. Kemudahan ini juga akan mewujudkan pertumbuhan kapasiti dan memenuhi permintaan industri bahan kimia khusus premium di Asia Pasifik.

RAPID akan menelan belanja sebanyak RM60 bilion, dan merupakan pelaburan bidang hijau terbesar di Asia Pasifik dan juga untuk PETRONAS. Kompleks ini akan mempunyai loji penapisan minyak mentah dengan kapasiti 300,000 tong sehari, pemecah nafta dengan kapasiti pengeluaran gabungan tiga juta tan etilena, propilena, olefin C4 dan C5 - digunakan untuk produk-produk daripada kereta sehingga produk lampin bayi. Selain itu, pembangunan tambahan 22 kompleks mini petrokimia juga akan dilaksanakan.

Tapak pembangunan di Pengerang, Johor, terletak secara strategik untuk memudahkan akses ke pusat-pusat permintaan serantau di China dan India. Tapak ini juga penting kepada laluan perkapalan utama, pelabuhan laut dalam. Di samping itu, ia juga melengkapkan loji-loji penapisan yang sedia ada dan hab-hab petrokimia di pantai timur Semenanjung Malaysia dan Singapura.

Sementara itu, projek SAMUR, dengan anggaran kos pembangunan sebanyak AS\$1.5 bilion, melibatkan pembinaan kilang baja baru dengan kapasiti pengeluaran urea 1.2 juta tan metrik setahun (mmta). Terletak di Sipitang Oil & Gas Industrial Park (SOGIP) di Sabah, loji ini dijangka akan mula beroperasi menjelang tahun2015 berikutan pembinaannya yang dimulakan pada suku kedua tahun 2012.

Pencapaian dan Cabaran

RAPID telah dilancarkan pada 13 Mei 2012. Pelaksanaan projek dijangka bermula menjelang pertengahan tahun 2013, selepas PETRONAS mencapai Keputusan Pelaburan Mukamad (FID). Projek ini bakal menawarkan peluang pekerjaan yang banyak dengan 40,000 pekerja kontrak diperlukan untuk membina kompleks.

PETRONAS juga telah mula membuat persiapan untuk memastikan ketersediaan kira-kira 4,000 kakitangan untuk bekerja di pelbagai loji dan kemudahan di dalam kompleks RAPID.

Untuk menyokong projek RAPID dan inisiatif-inisiatif minyak dan gas Johor yang lain, Johor Petroleum Development Corporation (JPDC) telah ditubuhkan untuk membantu dengan pengurusan pelabur, penglibatan masyarakat tempatan, industri baru dan peluang pembangunan perniagaan serta pembinaan keupayaan sumber insan.

Kompleks SAMUR telah mengadakan majlis pecah tanah pada tahun 2012 dan dijangka mengeksport 1.2 juta tan urea bernilai anggaran sebanyak AS\$4.8 bilion setahun apabila ia mula beroperasi pada tahun2015.

PETRONAS kini dalam proses melatih 24 penduduk Sabah yang akan menamatkan kursus mereka pada bulan Julai 2013. Pengambilan kedua 20 pelatih tambahan telah dijalankan pada bulan Julai 2012. Peluang pekerjaan adalah besar kerana PETRONAS menganggarkan sekurang-kurangnya 3,000 sehingga 4,500 pekerja diperlukan semasa masa puncak proses pembinaan.

Walaupun projek-projek ini akan menjana aktiviti ekonomi yang besar, Kerajaan menyedari bahawa memindahkan dan menempatkan semula penduduk yang tinggal di kawasan-kawasan yang terjejas adalah tugas yang berat.

Langkah Seterusnya

Fasa seterusnya adalah untuk menarik pelaburan yang komited kepada Pengerang Integrated Petroleum Complex (PIPC) dan juga pelaburan-pelaburan lain yang berpotensi untuk SAMUR.

Untuk memulakan pembangunan modal insan, pada bulan Januari 2013, pengambilan sulung 500 orang pelajar akan melaporkan diri untuk latihan minyak dan gas di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Bandar Penawar. Di bawah kerjasama bersama Kementerian Belia dan Sukan dan PETRONAS, 20 guru terlatih akan menyediakan latihan berdasarkan kurikulum dan modul yang dibangunkan secara kolektif oleh Institut dan PETRONAS.

PELUANG PERNIAGAAN

Berikutan pertukaran Peluang Perniagaan (BO) 3 dan 4, RAPID dan SAMUR, menjadi EPP 13, NKEA kini sedang memantau BO yang berikut:

Peluang Perniagaan 1

Penambahbaikan Proses

Kepatuhan kepada penanda aras global untuk mengendalikan kemudahan penapisan dan petrokimia menunjukkan manfaat ekonomi yang signifikan. Peningkatan tersebut biasanya diterjemahkan kepada keuntungan kecekapan sebanyak 0.5 peratus setahun, mewakili sumbangan tambahan PNK sebanyak RM3.4 bilion.

Peluang Perniagaan 2

Pertumbuhan Ekonomi

Penggunaan di Malaysia dijangka berkembang sebanyak tiga peratus setahun seiring dengan pertumbuhan yang kukuh di negara ini, yang membantu untuk mengembangkan sektor minyak, gas dan tenaga. Penggunaan yang semakin meningkat akan memerlukan tambahan kemuatan terpasang sebanyak dua gigawatt yang bernilai RM9.6 bilion. Penghantaran tambahan akan memerlukan pelaburan sebanyak RM12.4 bilion.

Ringkasan NKEA Minyak, Gas dan Tenaga

	Sasaran 2020
Impak PNK tambahan	RM131.4 bilion
Pekerjaan Tambahan	52,300

Sasaran kritikal untuk tahun 2013:

- Sasaran untuk menyiapkan Pelan Induk Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang dan memulakan kerja tanah bagi projek RAPID.
- Menyiapkan Terminal Penggasingan Semula LNG pertama Malaysia di Melaka dan memulakan mekanisme gas import.
- Sasaran tambahan 4 syarikat perdagangan minyak & gas berpangkalan di Malaysia melalui program GIFT.
- Penuhuan rizab strategik negara bagi LNG.
- Meningkatkan inisiatif kecekapan tenaga melalui pengenalan Standard Prestasi Tenaga Minimum (MEPS) dan pelaksanaan Kontrak Prestasi Tenaga (EPC).
- Menyasarkan sehingga 190MW kumulatif kemuatan terpasang loji janakuasa tenaga boleh dibarui bersambung grid (MW) melalui program Tarif Galakan (FIT), yang merangkumi kuasa solar yang dijana pada bumbung kediaman serta premis komersil dan perindustrian.



Perkhidmatan Kewangan

TAX



**Dato' Seri Ahmad Husni
Mohamad Hanadzlah**

Menteri Kewangan (II)

Tahun 2012 menyaksikan tahun kedua pelaksanaan NKEA ini dan sesungguhnya NKEA Perkhidmatan Kewangan ini telah menunjukkan prestasi yang amat memberangsangkan. Bersandarkan rangka kerja dan infrastruktur semasa - diperkukuhkan lagi dengan usaha-usaha berterusan untuk memajukan semua bidang - industri perkhidmatan kewangan tempatan Malaysia telah mempamerkan keberkesanan, ketahanan dan semangat yang utuh, yang sentiasa bersedia untuk memenuhi keperluan perniagaan dan pengguna dalam menuju ke arah sebuah negara ekonomi berpendapatan tinggi.

Kekuatan industri perkhidmatan kewangan Malaysia telah dibuktikan oleh keteguhan ekonomi Malaysia sendiri. Sebagai contoh, sukuk dan pasaran bon Malaysia telah muncul sebagai yang ketiga terbesar di Asia dalam rekod tahun diterbitkan. Dalam pasaran ekuiti pula, Bursa Malaysia menjadi destinasi IPO ketiga terbesar di dunia pada tahun 2012 dengan penyenaraian Felda Global Ventures Holdings Bhd. dan IHH Healthcare Bhd. Tambahan dari ini, sektor perbankan negara kita juga telah terus berkembang dalam landasannya yang tersendiri, termasuk dari aspek keuntungan dan jangkauan serantau. Satu lagi kejayaan besar bagi industri perkhidmatan kewangan adalah dengan terlancarnya Skim Persaraan Swasta pada bulan Julai 2012. Di sini, izinkan saya untuk merakamkan rasa setinggi penghargaan dan berterima kasih kepada semua pihak khususnya agensi kerajaan, institusi kewangan dan sektor swasta – atas komitmen dan dedikasi yang tinggi dalam menepati dan mencapai matlamat NKEA Perkhidmatan Kewangan.

Akhir kata, matlamat NKEA Perkhidmatan Kewangan dalam menjadikan Malaysia sebagai pemangkin industri perkhidmatan kewangan yang inovatif, berdaya saing dan berkembang maju bukanlah satu perkara mustahil. Malah ianya sesuatu yang mampu dicapai. Bersamalah, kita membina asas yang kukuh dalam menyediakan persekitaran yang kondusif demi memantapkan pembangunan dan mewujudkan bidang baru yang akan menjana pertumbuhan yang mampan di masa depan.

PERKHIDMATAN KEWANGAN

Satu komponen penting dalam ekonomi Malaysia, industri perkhidmatan kewangan domestik menyumbang sebanyak 11.6 peratus daripada KDNK pada tahun 2011, berkembang pada kadar purata sebanyak 7.5 peratus pada tahun 2006-2011.

NKEA Perkhidmatan Kewangan telah meletakkan 10 Projek Permulaan (EPP) yang disasarkan kepada pengukuhan institusi kewangan Malaysia dan mewujudkan pasaran kewangan yang lebih mendalam dan lebih bertenaga. Diterajui oleh Kementerian Kewangan (MOF), NKEA ini mensasarkan industri perkhidmatan kewangan untuk menyumbang RM180.2 bilion kepada jumlah Pendapatan Negara Kasar (GNI) dan mewujudkan 275,400 pekerjaan baru menjelang tahun 2020.

Oleh sebab itu, sektor perkhidmatan kewangan telah mengambil langkah ke hadapan yang signifikan pada tahun 2012. Bank-bank tempatan kekal berprestasi baik, menunjukkan kualiti aset yang sihat dan terus merekodkan keuntungan, di samping mereka juga berkembang pesat di luar Malaysia.

Didorong oleh beberapa Tawaran Awam Awal (IPO) terbesar di dunia pada tahun 2012, Bursa Malaysia adalah antara papan bursa terbaik dunia di sepanjang tahun. Penyenaraian yang ketara termasuklah Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGVH), IHH Healthcare Bhd (IHH) dan Astro Malaysia Holdings Bhd (Astro Malaysia).

Pasaran hutang juga menunjukkan peningkatan yang rancak, dengan perkembangan pasaran sukuk mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab kewangan Islam terkemuka di peringkat global. Bagi tahun 2012, terdapat peningkatan sebanyak 71.12 peratus dalam jumlah pertambahan sukuk pada AS\$142.2 bilion berbanding dengan AS\$83.1 pada tahun 2011. Ini menyumbang kepada kira-kira 70 peratus daripada terbitan sukuk global yang mana entiti Malaysia terus menguasai terbitan sukuk global pada hampir 74 peratus.

Satu lagi pencapaian utama untuk pasaran hutang pada tahun 2012 terdiri daripada pelancaran rangka kerja dan peraturan bagi Pertukaran Dagangan Bon dan sukuk (ETBS), membolehkan penyertaan pelabur runcit dalam terbitan hutang.

Walau bagaimanapun hasrat untuk mencapai aspirasi NKEA bagi tahun 2020 adalah masih jauh. Pasaran saham perlu untuk memaparkan lebih banyak kelajuan dan kecairan, dan institusi kewangan mesti mempertimbangkan penyatuan untuk meningkatkan daya saing tempatan dan serantau. Keperluan modal insan, biarpun kini tidak begitu membimbangkan, perlu ditangani untuk memastikan adanya bakat yang mencukupi untuk memacu sektor perkhidmatan kewangan pada masa hadapan.

Di sebalik cabaran-cabaran ini, usaha di bawah NKEA Perkhidmatan Kewangan seiring dengan faktor-faktor lain, seperti merealisasikan Komuniti Ekonomi ASEAN yang dijadualkan pada tahun 2015, dijangka akan membuka jalan, antara lain, untuk mengembangkan perkhidmatan bank tempatan ke luar negara.

Selain itu, keteguhan tadbir urus BNM yang berterusan terhadap institusi kewangan Malaysia dan persekitaran pengantaraan dana yang berkesan adalah petanda baik untuk kemajuan masa depan sektor perkhidmatan kewangan negara. Ini terbukti dengan pencapaian lima tahun berturut-turut Malaysia dalam menduduki tempat pertama dari segi Kemudahan Mendapatkan Kredit dalam Laporan Menjalankan Perniagaan oleh Bank Dunia (*World Bank's Doing Business Report*).

Langkah Seterusnya, NKEA akan terus memberi tumpuan kepada pembangunan mampan industri perkhidmatan kewangan, menyedari kepentingan peranan industri ini dalam pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Petunjuk Prestasi Utama 2012

NKEA Perkhidmatan Kewangan		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #1	Nilai penyenaraian baru GLC- Jumlah TM20bil pada tahun 2012 (RM Bil)	20	60.1	300.5	●	100	●	1	●
	Program pemberhentian pelaburan syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC) - 33 syarikat (24 syarikat pada tahun 2012, sembilan pada tahun 2013 dan seterusnya.	24	15	62.5	●	63	●	0.5	●
EPP #2	Memperkuh penyertaan runcit - memudahkan perdagangan bon sukuk dan konvensional.	S2 2012	100%	100	●	100	●	1	●
EPP #3	Meningkatkan pembiayaan kepada sektor sasaran: (i) Membaiki nisbah kewangan terjejas kepada 8% (Nilai asal ialah 10.4%)	8%	6.3%	170.83	●	100	●	1	●
	(ii) Meningkatkan keberkesanan (tempoh patah balik - <i>turn around time</i> untuk pinjaman runcit kepada 7 hari dan pinjaman SME kepada 15 hari).	7 hari (runcit) 15 hari (SME)	92% 2-9 hari (runcit) <15 hari (SME)	92	●	92	●	0.5	●
	Rangka kerja pinjaman sosial yang mapan untuk DFI.	S4 2012	60%	60	●	60	●	0.5	●
EPP #4	Meluaskan penerimaan pedagang: Meningkatkan bilangan terminal POS sebanyak 15% (daripada 227, 283 terminal pada akhir bulan Disember 2011)	34,092	17,784 (Pada Dis 2012) FY 2012: 245,067 terminal POS	52.16	●	52	●	0.5	●
	Semua pembayaran kerajaan akan dijalankan melalui pemindahan dana elektronik.	100% (Pada S2 2012)	98.7%	98.7	●	99	●	0.5	●
	Membentuk pelan insentif cukai untuk mempromosikan penggunaan e-pembayaran,	100% (Pada S4 2012)	55%	55	●	55	●	0.5	●
	Meluaskan rangkaian ATM ke Vietnam dan China	100% (Pada S2 2012)	85% (Vietnam - 100%) (China - 70%)	85	●	85	●	0.5	●
	Meningkatkan kapasiti urusniaga perbankan bergerak sebanyak 20% (daripada 2,154,752 urusniaga di antara Jan-Dis 2011)	2,585,702 (Pada S4 2012)	7,148,989 Pada akhir Disember 2012	276.48	●	100	●	1	●

(bersambung)

(sambungan mukasurat sebelum)

NKEA Perkhidmatan Kewangan		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #5	Meningkatkan penembusan insurans bagi isi rumah berpendapatan rendah (i) Kajian garis dasar yang lengkap	S2 2012	100%	100	●	100	●	1	●
	(ii) peningkatan peratusan	S4 2012	100%	100	●	100	●	1	●
EPP #6	Membina pencen swasta untuk menambah pencen awam yang sedia ada - SC akan melancarkan rangka kerja pencen swasta.	Rangka kerja dilancarkan pada Mac 2012	100%	100	●	100	●	1	●
EPP #7	Meningkatkan rangkaian produk pengurusan kekayaan yang ada - Meninjau definisi dan ambang para pelabur yang sofistikated.	1H 2012	100%	100	●	100	●	1	●
EPP #8	Memperluaskan peranan GILC dalam merangsangkan industri.	2H 2012	100%	100	●	100	●	1	●
	Membentuk pengkhususan dalam pengurusan aset Islam - SC akan memberi saranan dan cadangan.	2H 2012	100%	100	●	100	●	1	●
EPP #10	Pengeluaran Parameter Syariah bagi Mudharabah, Musharakah dan Ijarah	S4 2012	60% Parameter bagi Mudharabah dikeluarkan pada Oktober 2012	60	●	60	●	0.5	●
	Pindaan kepada Akta Profesion Undang-undang untuk membenarkan lebih kefleksibelan kepada firma-firma asing untuk memberi perkhidmatan di Malaysia.	S2 2012	100% Perkenan diraja diberi pada 5 September 2012	100	●	100	●	1	●
				111%		88%		79%	

Rajah 3.1

Kaedah 1 menunjukkan pencapaian KPI sebenar iaitu membenarkan pencapaian melebihi 100 peratus dilaporkan.

Kaedah 2 menunjukkan laporan pencapaian KPI yang dihadkan kepada 100 peratus.

Kaedah 3 menunjukkan laporan pencapaian paling mudah. Sasaran KPI yang telah dipenuhi atau melebihi diberi gred 1. KPI yang mencapai lebih separuh daripada sasarannya diberi gred 0.5, dan KPI yang kurang daripada separuh sasaran mereka diberi gred 0.

PROJEK PERMULAAN (EPP)

EPP 1

Mencergaskan Semula Pasaran Ekuiti Malaysia

Melalui inisiatif utama dalam usaha pelepasan Syarikat Pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC), EPP 1 bertujuan untuk meningkatkan kerancakan dan daya saing di Bursa Malaysia dan meningkatkan kedudukannya dalam ASEAN. Sejumlah 33 syarikat di bawah enam GLIC telah dikenal pasti sebagai bersedia untuk pelepasan sama ada melalui penyenaraian, pengurangan atau penjualan.

EPP 1 menasaskan kadar pertumbuhan tahunan terkompoun (CAGR) sebanyak 15 peratus dalam permodalan pasaran Bursa Malaysia kepada RM3.9 trilion menjelang tahun 2020 daripada RM1 trilion pada tahun 2010. Di samping itu, EPP ini bertujuan untuk meningkatkan kecairan pasaran, yang diukur oleh halaju, daripada 31 peratus kepada 60 peratus sejajar dengan purata serantau.

Pencapaian dan Cabaran

Pasaran ekuiti Malaysia telah menarik tumpuan awam pada tahun 2012 di tengah-tengah ketidakpastian ekonomi dan pasaran global. Kelebihan pasaran juga menyaksikan pelabur asing muncul sebagai pembeli bersih di Bursa Malaysia pada akhir bulan Disember 2012.

Pada tahun ini, pelepasan saham oleh GLIC terus mengukuhkan langkah, mencapai kemuncak dalam penyenaraian beberapa IPO terbesar di dunia, antaranya FGVH dan IHH.

Bagi penyenaraian FGVH dan IHH, masing-masing berjaya mengumpulkan RM9.9 bilion dan RM6.3 bilion dalam modal, seterusnya, meningkatkan permodalan pasaran Bursa Malaysia dengan tambahan RM39 bilion. Seperti pada akhir suku keempat tahun 2012, permodalan pasaran Bursa meningkat 14 peratus dari akhir tahun 2011.

Selain itu, empat daripada GLIC yang dikenal pasti untuk pelepasan, telah diluncurkan pada tahun 2012. Ini termasuk penyenaraian FGV, jualan saham Ekuiti Nasional Bhd sebanyak 24 peratus dalam Tanjung Offshore Bhd, penjualan 97 peratus kepentingan dalam Johan Ceramics Bhd oleh Kumpulan Wang Angkatan Tentera (Lembaga Tabung Angkatan Tentera atau LTAT), dan pengurangan kepentingan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dalam RHB Capital Bhd.

Penyenaraian sektor swasta, seperti penyenaraian semula Astro Malaysia dan apungan awam IGB Amanah Pelaburan Harta Tanah (REIT), masing-masing mengumpul RM4.6 bilion dan RM838 juta dalam modal. Ini juga membantu untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai salah satu destinasi terkemuka IPO di peringkat global.

Pada 18 September 2012, Bursa Malaysia menjadi salah satu daripada dua bursa pertama untuk memulakan perdagangan di ASEAN Trading Link. Pautan perdagangan tersebut menghubungkan tujuh bursa sekuriti dalam ASEAN dan menawarkan akses yang lebih mudah kepada pelabur dalam pasaran. Ia telah mewujudkan satu pasaran maya dengan lebih 2200 syarikat tersenarai dan permodalan pasaran sebanyak AS\$1.4 trilion. Bursa Malaysia menjangkakan pautan ini akan memudahkan lagi aliran masuk dana bersih dari pelabur asing.

Pada bulan Oktober, Persatuan Hartanah Asia-Pasifik menyenaraikan Bursa Malaysia, dengan 16 REIT yang bernilai AS\$8 bilion dalam permodalan pasaran, sebagai keempat di Asia untuk menggalakkan pembangunan REIT.

Kemajuan lain dalam penyenaraian sepanjang tahun termasuklah kedudukan tadbir urus korporat Malaysia yang meningkat kepada tempat keempat daripada tempat keenam daripada 11 negara di Asia. Malaysia juga menduduki tempat keempat di kalangan 142 buah negara di seluruh dunia bagi perlindungan pelabur.

Walaupun pencapaian ini menunjukkan bahawa usaha-usaha untuk memulihkan semula pasaran ekuiti negara telah mula membuahkan hasil, pelbagai isu lain masih perlu diselesaikan. Ini merupakan masa yang kritikal untuk mengekalkan momentum penyertaan pelabur asing yang semakin meningkat. Selain itu, halaju dan jumlah dagangan yang rendah di Bursa Malaysia relatif kepada pasaran bursa lain masih perlu diberi perhatian lebih untuk diperkukuhkan.

Langkah Seterusnya

Dalam membina Bursa Malaysia sebagai pasaran bertenaga di tahap serantau, inisiatif masa depan untuk meningkatkan skala dan kecairan pasaran akan memberi tumpuan khusus kepada bidang pertumbuhan dan memanfaatkan rangka kerja pengawalseliaan Malaysia sedia ada yang kukuh. Amalan tadbir urus korporat yang teguh juga akan terus diperkembangkan.

Sebagai satu daripada pemangkin ekonomi Malaysia, Bursa Malaysia akan terus mempelbagaikan sekuriti, penawaran produk islamik dan penawaran derivatif, di samping memastikan kestabilan pasaran.



Majlis Pelancaran Prospektus Felda Global Ventures Holdings Bhd. Gambar diperolehi daripada BERNAMA Images

EPP 2 Memperkukuh dan Memperluaskan Pasaran Bon

Dengan jumlah bon terkumpul RM1.01 trilion pada akhir bulan Disember, Malaysia mempunyai pasaran bon antara yang paling maju di Asia, menyediakan sumber alternatif dana penting untuk melengkapkan pembiayaan bank dan pembiayaan ekuiti.

Untuk memperluas dan memperkukuhkan kecairan pasaran bon, EPP 2 menasaskan CAGR sebanyak 23 peratus dalam purata nilai dagangan tahunan bon dan sukuk kepada RM618 bilion pada tahun 2020 daripada RM64 bilion pada tahun 2010. Menurut unjuran PEMANDU, Malaysia telah melepasi sasaran 2020 itu untuk meningkatkan jumlah terkumpul bon dan sukuk kepada kira-kira RM880 bilion, daripada kira-kira RM758.6 bilion pada tahun 2010.

Inisiatif yang diambil melalui EPP 2 termasuk meluaskan spektrum kredit pasaran bon dan menggalakkan GLIC untuk mempelbagaikan portfolio mereka dengan melabur dalam bon bertaraf A. Langkah-langkah tertentu telah diambil bagi menarik pelabur khusus dengan selera risiko yang lebih tinggi untuk melabur dalam instrumen yang lebih berkadar rendah.

Tahukah anda?

Projek Lebuhraya Usahasama Bhd (PLUS) menerbitkan sukuk terbesar dunia, bernilai RM30.6 bilion, pada bulan Januari 2012.

Jualan sukuk lain yang penting pada tahun ini termasuk Syarikat Bahrain Mumtalakat Holding yang menawarkan bahagian pertama daripada program RM3 billion sukuk.

Bank Pembangunan Kazakhstan memilih untuk menerbitkan sukuk pertamanya di Malaysia dan telah berjaya mengumpul RM240 juta semasa jualan pada 20 Julai 2012.

Pencapaian dan Cabaran

Pelancaran rangka kerja untuk bon dan sukuk runcit oleh SC pada bulan September 2012 menandakan satu kejayaan besar untuk merangsang pelaburan runcit dalam bon dan sukuk, dan adalah selaras dengan inisiatif di bawah Pelan Induk 2 Modal Pasaran SC.

Rangka kerja ini membolehkan penerbitan bon dan sukuk runcit di Bursa Malaysia atau melalui kaunter (OTC) bank-bank yang dilantik. Pada tahun ini, SC juga meluluskan kaedah-kaedah yang berkaitan dan keperluan penyenaian Bursa Malaysia untuk memudahkan penawaran bon dan sukuk runcit.

Semasa fasa pengenalan, pelabur runcit akan dapat melabur dalam bon dan sukuk yang dikeluarkan atau dijamin oleh Kerajaan Malaysia. Akses pelabur runcit kepada bon dan sukuk kemudiannya akan diperluaskan dengan merangkumi terbitan oleh syarikat awam tersenarai dan bank-bank yang dilesenkan di bawah Akta Perbankan dan Institusi Kewangan 1989 atau Akta Bank Islam 1983. Pendekatan berperingkat ini akan memberikan masa yang cukup kepada pelabur runcit untuk memahami dan membiasakan dengan pelaburan dan perdagangan bon dan sukuk.

Langkah Seterusnya

Terbitan yang dijamin Kerajaan dijangka memainkan peranan penting dalam fasa pertama penerbitan bon dan sukuk runcit, membantu untuk memberi pendedahan dan mendidik pelabur. Ini dijangka akan diikuti dengan tawaran daripada pelbagai terbitan yang lebih banyak termasuk daripada syarikat-syarikat korporat yang dijamin, syarikat-syarikat tersenarai dan entiti berkaitan kerajaan. Pada 2 Januari 2013, SC telah melancarkan "Garis Panduan Sekuriti Hutang Swasta dan Sukuk" edisi semakan semula untuk membenarkan syarikat awam tersenarai dan bank-bank untuk menawarkan bon dan sukuk kepada pelabur runcit.

Sebagai sebahagian daripada fasa pertama ini, Dana Infra Nasional Berhad mengumumkan sukuk runcit pertama pada 8 Januari 2013 yang mana akan menjadi terbitan bon infrastruktur pertama yang dibuka kepada orang awam. Bursa Dagangan Bon dan Sukuk (ETBS) telah disenaraikan pada 8 Februari 2013.



Pelancaran sukuk runcit oleh Dana Infra Nasional Bhd, 8 Januari 2013. Gambar diperolehi daripada Star Publications (Malaysia) Bhd

Mentransformasikan atau Merasionalisasikan Institusi Kewangan Pembangunan (DFI)

Institusi Kewangan Pembangunan (DFI) seperti EXIM Bank Malaysia, SME Bank, Bank Pembangunan Malaysia, Bank Simpanan Nasional, Agrobank dan Bank Rakyat telah ditubuhkan oleh Kerajaan untuk membangunkan bidang keutamaan termasuk perusahaan kecil dan sederhana dan infrastruktur dan pertanian, serta meningkatkan penyertaan kewangan dan mencapai matlamat pembangunan yang lain.

Berikutan dengan kajian semula aktiviti DFI, Majlis Ekonomi bersetuju pada tahun 2010 bahawa institusi akan terus fokus pada mandat mereka yang sedia ada, di samping usaha juga diambil bagi meningkatkan kapasiti dan keupayaan mereka untuk memastikan mereka melaksanakan peranan dengan cekap dan berkesan. Di bawah EPP 3, PEMANDU menjangkakan DFI akan mengurangkan tahap pinjaman tidak berbayar mereka kepada kurang daripada enam peratus menjelang tahun 2020, dan mencapai nisbah kos-kepada-pendapatan sebanyak 40 peratus.

Transformasi DFI negara melibatkan penyusunan semula institusi ke arah produktiviti yang lebih tinggi dan mampan. Langkah-langkah di bawah EPP 3 dilaksanakan melalui kerjasama Kementerian Kewangan dan kementerian lain yang berkaitan, dan ditambah pula dengan inisiatif di bawah Pelan Sektor Kewangan 2011-2020.

Langkah-langkah ini termasuk:

- Menjajarkan operasi dan mandat DFI dengan keperluan pembangunan
- Meningkatkan operasi dan menggalakkan kemampanan diri dengan memupuk budaya berasaskan prestasi
- Memperluaskan perkhidmatan khidmat nasihat atau bantuan teknikal
- Menggalakkan DFI untuk menerima pakai pendekatan "Utamakan Kewangan Islam"

Pencapaian dan Cabaran

EPP ini terus merekodkan kemajuan dalam tahun 2012, dengan DFI meningkatkan nisbah kelemahan pembiayaan mereka kepada 6.3 peratus pada bulan Disember 2012, berbanding 10.4 peratus pada tahun 2005. Nisbah yang lebih baik secara umumnya mencerminkan pertumbuhan pembiayaan yang sihat oleh DFI yang disokong oleh rangka kerja pengurusan risiko yang mantap serta kedudukan kewangan peminjam yang baik. Selain itu, masa yang diambil bagi majoriti pinjaman runcit telah menurun kepada tujuh hari, dan untuk semua pinjaman PKS kepada kurang daripada 15 hari.



Langkah Seterusnya

Rangka kerja BNM bagi pinjaman mampan sosial untuk DFI dijangka akan dimuktamadkan pada tahun 2013. Rangka kerja ini bertujuan untuk meningkatkan peraturan perkongsian risiko dan akauntabiliti antara institusi dan Kerajaan, di samping mengukuhkan keselamatan jangka panjang DFI.

BNM juga menjalankan usaha-usaha untuk membangunkan rangkakerja penyelidikan berstruktur dan pembangunan dan khidmat nasihat untuk DFI. Ini bertujuan untuk menyokong pembangunan perniagaan institusi, strategi pertumbuhan, pengurusan risiko dan pembangunan produk.

Penyediaan perkhidmatan khidmat nasihat oleh DFI juga akan menjadi tumpuan utama untuk bergerak ke hadapan dalam usaha untuk mengukuhkan mandat mereka membangunkan sektor yang disasarkan dalam segmen ekonomi, sejajar dengan inisiatif Plan Tindakan Sektor Kewangan 2011-2020.

EPP 4

Mewujudkan Sebuah Ekosistem Pembayaran Bersepadu

Dengan 91 peratus daripada transaksi pembayaran di Malaysia dilaksanakan menggunakan wang tunai, berbanding dengan 60 peratus di negara-negara seperti Hong Kong dan Belanda, EPP ini bertujuan untuk mempercepatkan perpindahan kepada e-pembayaran, sekaligus mengurangkan penggunaan wang tunai dan cek. Kajian juga menunjukkan bahawa kos e-pembayaran kurang hingga 50 peratus daripada pembayaran berasaskan kertas. Langkah-langkah ini diterajui oleh usaha untuk memacu penerimaan pengguna, perniagaan dan Kerajaan terhadap sistem pembayaran elektronik, meluaskan penerimaan peniaga terhadap pembayaran tanpa tunai dan mengurangkan penggunaan cek.

Inisiatif yang akan dilaksanakan melalui strategi yang dibangunkan oleh BNM, dengan kerjasama agensi-agensi yang berkaitan dan para peniaga, adalah termasuk:

- Pembekalan terminal *Point Of Sale* (POS) dengan harga berpatutan
- Menyediakan kadar diskaun saudagar yang kompetitif melalui pemeringkatan harga
- Menarik permintaan pelanggan melalui program-program kesetiaan

Menjelang tahun 2020, BNM mensasarkan 25 terminal POS bagi setiap 1,000 penduduk.

Kerajaan juga sedang mempertimbangkan untuk meningkatkan duti setem ke atas cek secara beransur-ansur untuk lebih menunjukkan kos sebenar pemprosesan cek. Ini dijangka dapat mengurangkan penggunaan cek dan menggalakkan e-pembayaran. Sementara itu, peningkatan dalam hasil Kerajaan daripada duti setem yang lebih tinggi, akan disalurkan kepada kempen pendidikan e-pembayaran dan pengimbangan rebat cukai bagi pelaburan di terminal POS.

Usaha juga sedang dijalankan untuk menghapuskan penggunaan cek bagi pembayaran berkaitan Kerajaan, manakala BNM dan bank-bank akan mula mendidik pelanggan terhadap kos menggunakan cek.

Untuk memudahkan lebih integrasi dan menggalakkan pengantaraan kewangan merentas sempadan dalam ruang runcit, MEPS (Sistem Pembayaran Elektronik Malaysia Sdn Bhd) akan memperluaskan kerjasama strategik di luar negara. Ini akan membolehkan rakyat Malaysia mendapat manfaat daripada transaksi yang lebih murah di negara-negara rakan kongsi. Berikutan penyediaan rangkaian ATM ke Korea Selatan pada bulan Disember 2010, rangkaian ATM ke China dan Vietnam kini juga dalam pembangunan.

Pencapaian dan Cabaran

Inisiatif di bawah EPP 4 yang dijalankan dengan kerjasama pelbagai pihak berkuasa dan agensi telah membuahkan pelbagai hasil. Pada akhir Disember 2012, bilangan terminal POS yang digunakan oleh peniaga telah meningkat sebanyak 52.1 peratus atau 17,784 terminal dan menjadikan jumlah terminal terkumpul kepada 245,066 pada Disember 2012. Selain itu, jumlah transaksi perbankan mudah alih telah meningkat sebanyak 277 peratus kepada 7.15 juta pada akhir Disember 2012 dari 2011.

Walaupun jumlah transaksi yang dijalankan melalui saluran e-pembayaran telah meningkat dengan ketara, usaha-usaha untuk meningkatkan penggunaan e-pembayaran, terutamanya oleh pedagang kecil, serta untuk meningkatkan lagi keyakinan pengguna dalam menggunakan e-pembayaran akan dilaksanakan selaras dengan Pelan Tindakan Sektor Kewangan 2011-2012.

Usaha Kerajaan untuk meningkatkan penggunaan pindahan dana elektronik telah menyebabkan 98.72 peratus pembayaran Kerajaan kini diselesaikan secara elektronik pada akhir Disember 2012.

Pada bulan Jun 2012, MyClear, anak syarikat BNM, melaksanakan program perintis untuk MyMobile, membenarkan pengguna memindahkan dana dan melaksanakan pertanyaan baki, pembayaran bil dan prabayar top-up melalui telefon mudah alih mereka. Perkhidmatan ini telah disediakan kepada orang awam melalui CIMB Bank, Maybank dan Public Bank.

Langkah Seterusnya

Pelan Sektor Kewangan 2011-2020 telah menggariskan pelbagai inisiatif dalam mengorak langkah ke hadapan untuk mempercepatkan pemindahan ke arah pembayaran berasaskan elektronik. Ini termasuk meningkatkan infrastruktur e-pembayaran, memacu penggunaan perbankan telefon mudah alih, menggalakkan struktur harga yang kondusif bagi perkhidmatan pembayaran dan meningkatkan kesedaran dan keyakinan pengguna dalam menggunakan e-pembayaran.

Bagi pihak Kerajaan pula, Pejabat Akauntan Negara (JANM) mensasarkan 100 peratus penggunaan kaedah e-pembayaran bagi transaksi seperti pendahuluan tunai, pembayaran tunai kecil dan potongan untuk pembayaran balik pinjaman menjelang tahun 2013.

Menginsuranskan Hampir Semua, Jika tidak Semua, Penduduk Malaysia

Keselamatan kewangan dan kewujudan jaringan keselamatan sosial adalah komponen penting dalam ekonomi negara maju. Walau bagaimanapun, kekurangan pendapatan boleh guna di kalangan golongan berpendapatan rendah untuk membeli pelan insurans telah menyebabkan kadar penembusan insurans di Malaysia rendah pada 2.8 peratus. Sebagai perbandingan, rakan-rakan serantau mempunyai kadar yang lebih tinggi seperti 6.1 peratus di Singapura dan 7.7 peratus di Jepun.

Dibawah EPP5, Kerajaan berhasrat untuk meningkatkan keselamatan kewangan penduduk dan jaringan keselamatan sosial, dengan mensasarkan kadar penembusan insurans hayat empat peratus daripada KDNK, dengan 75 peratus daripada penduduk yang diinsuranskan menjelang tahun 2020.

Oleh yang demikian, Pelan Perlindungan Micro 1Malaysia (1MMPP) telah dilancarkan pada tahun 2011. Dibangunkan bersama oleh industri insurans dan takaful dengan sokongan BNM, rancangan itu bertujuan untuk meningkatkan akses dan kemampuan produk insurans dan takaful bagi rakyat Malaysia. Skim ini merangkumi insurans hayat, takaful keluarga, insurans am dan takaful am, dengan bayaran bulanan bermula kurang dari RM20. 1MMPP diedarkan melalui bank-bank dan institusi kewangan dalam kerjasama dengan penanggung insurans dan pengendali takaful.

Pencapaian dan Cabaran

Berdasarkan kaji selidik BNM tentang penembusan insurans dan tabiat membeli insurans di kalangan penduduk Malaysia, bank pusat telah membangunkan satu langkah untuk kadar penembusan insurans bagi segmen berpendapatan rendah di negara ini. Kaji selidik itu juga telah memberikan pandangan yang lebih baik terhadap permintaan umum, kesedaran dan akses kepada produk insurans. Selain itu, ia juga membolehkan usaha yang lebih disasarkan - ke arah kawasan-kawasan yang tidak mempunyai akses yang mencukupi kepada perkhidmatan kewangan.

Selaras dengan usaha di bawah Program Transformasi Kerajaan, BNM dan PEMANDU telah mengambil langkah-langkah melalui NKRA Isi Rumah Berpendapatan Rendah untuk mengenal pasti skim insurans mikro yang sesuai bagi peserta 1AZAM. Skim satu tahun ini, yang meliputi kematian dan hilang upaya kekal akan memberi manfaat kepada 100,000 isi rumah berpendapatan rendah atau 500,000 orang miskin.

Langkah Seterusnya

Sejajar dengan inisiatif yang digariskan dalam Pelan Tindakan Sektor Kewangan 2011-2020, BNM akan menjalankan usaha untuk mengembangkan rangkaian produk insurans dan takaful serta perkhidmatan yang akan memenuhi keperluan kewangan semua rakyat, termasuk yang kurang berkemampuan. Ini termasuklah kemudahan pembangunan produk mikro-insurans dan takaful mikro berpatutan.



EPP 6

Mempercepatkan Pertumbuhan Industri Pecen Swasta

Walaupun sistem pensen di Malaysia yang diterajui oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), EPP ini menjangkakan penubuhan industri pensen swasta yang rancak dalam menawarkan rakyat Malaysia pilihan yang lebih luas untuk mengekalkan gaya hidup yang selesa selepas bersara. Pembangunan industri pensen swasta juga selaras dengan rangka kerja pensen pelbagai-tunggak Bank Dunia yang semakin diterima pakai oleh negara-negara lain, yang merangkumi simpanan swasta dan skim pensen.

Sistem pensen mandatori sedia ada yang dilaksanakan di Malaysia megahadapi beberapa kekurangan, seperti mengenepikan lebih daripada dua juta orang dewasa yang bekerja, termasuk yang bekerja sendiri, dari liputan KWSP. Tambahan pula, didapati bahawa majoriti pencarum KWSP kehabisan simpanan mereka dalam tempoh tiga hingga lima tahun persaraan, sementara kadar purata jangka hayat meningkat.

EPP 6 dijangka dapat meningkatkan nilai industri pensen swasta kepada RM30.9 bilion dalam tempoh 10 tahun akan datang. Inisiatif di bawah EPP 6 adalah bersifat serampang tiga mata dan bertujuan untuk:

- Membangunkan infrastruktur yang diperlukan untuk pertumbuhan industri pensen swasta
- Mendidik orang ramai terhadap sistem pensen baru
- Memberikan insentif kepada industri untuk menggalakkan pembangunan

Langkah-langkah yang telah diambil atau yang sedang dijalankan terdiri daripada:

- Pembangunan dana pensen swasta (kumpulan wang) untuk menambah skim persaraan yang sedia ada
- Membenarkan penyertaan sukarela dan menawarkan mereka yang bekerja sendiri dan mereka yang tidak dilindungi oleh KWSP alternatif untuk simpanan persaraan

Insentif juga telah diperkenalkan untuk menggalakkan pertumbuhan dan kemampuan industri pensen swasta, termasuk pengecualian cukai ke atas pengeluaran pensen swasta, pelepasan cukai tambahan bagi sumbangan PPF dan potongan cukai caruman majikan kepada kumpulan wang. Individu diberi pelepasan cukai sehingga RM3,000, manakala majikan disediakan potongan cukai ke atas caruman kepada skim persaraan swasta melebihi kadar berkanun dan sehingga 19 peratus daripada gaji pekerja.



Pelancaran Skim Persaraan Swasta. Gambar diperolehi daripada BERNAMA Images

Selain itu, melalui usaha sektor awam-swasta melibatkan SC, BNM, badan-badan industri dan penyedia latihan, program pendidikan kewangan yang komprehensif, jangka panjang untuk orang ramai akan terus mewujudkan kesedaran dan menggalakkan perancangan asas kewangan dan persaraan. Aktiviti utama termasuklah kempen media, penghasilan buku panduan perancangan persaraan dan latihan awam mengenai perancangan asas persaraan.

Pencapaian dan Cabaran

Pelancaran Skim Persaraan Swasta (PRS), sebuah pelan simpanan persaraan sukarela, menandakan titik perubahan yang penting dalam membantu pertumbuhan industri pensen swasta. PRS telah distrukturkan oleh penyedia dana sektor swasta dan dilesenkan serta diluluskan oleh SC.

Untuk membantu memperkenalkan PRS, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2011 berkuat kuasa pada bulan Oktober 2011, dan diikuti oleh Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Skim Persaraan Swasta Industri) 2012, yang berkuatkuasa pada 19 Mac, 2012. Ikutan dari itu "Garis Panduan Skim Persaraan Swasta" diterbitkan untuk menetapkan keperluan pengawalseliaan dan operasi bagi Pembekal PRS, Pemegang Amanah Skim PRS dan Skim Pelaburan PRS.

Lapan pengantara kewangan telah diluluskan oleh SC pada bulan April 2012 untuk menawarkan PRS, iaitu AmlInvestment Management Sdn Bhd, American International Assurance Bhd, CIMB-Principal Asset Management Bhd, Hwang Investment Management Bhd, ING Funds Bhd, Manulife Unit Trust Bhd, Public Mutual Bhd dan RHB Investment Management Sdn Bhd.

Pada bulan Julai 2012, Perdana Menteri melancarkan komponen akhir rangka kerja PRS iaitu Pentadbir Pencen Swasta (PPA). PPA bertindak sebagai pusat perkhidmatan setempat bagi memastikan pentadbiran industri PRS yang cekap. SC juga melantik ahli lembaga PPA, diketuai oleh Pengerusi Zaiton Mohd Hassan.

Setakat pada bulan Disember 2012, RHB Investment Management Sdn Bhd, CIMB-Principal Asset Management Bhd, Manulife Asset Management Services Bhd, Public Mutual Bhd dan Hwang Investment Management Bhd telah melancarkan sejumlah 26 dana PRS.

Langkah Seterusnya

Industri PRS dijangka menjadi tarikan di samping produknya diterima kukuh oleh orang awam, dengan jumlah dana yang lebih besar ditawarkan, termasuk dana patuh Syariah PRS.

Memesatkan Pertumbuhan Industri Pengurusan Kekayaan

Walaupun tahun 2011 menganggarkan bahawa hampir 40,000 rakyat Malaysia dikategorikan sebagai individu bernilai bersih tinggi (HNWIs), namun industri pengurusan kekayaan tempatan masih di peringkat baru. EPP 7 bertujuan untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi pertumbuhan industri.

Untuk tujuan ini, pendekatan bawah EPP 7 meliputi:

- Meningkatkan pelbagai produk pengurusan kekayaan
- Menarik lebih banyak pengurus kekayaan
- Mewujudkan kelebihan daya saing bagi industri pengurusan kekayaan tempatan.

Antara usaha yang dijalankan termasuk langkah liberalisasi produk pengurusan kekayaan untuk membolehkan pelbagai produk, seperti produk berstruktur.

SC juga telah meliberalisasikan sepenuhnya industri pengurusan dana Islam, dan sehingga bulan Disember 2012, 18 syarikat pengurusan dana Islam telah pun beroperasi di Malaysia. SC juga telah mengeluarkan lima lesen kepada syarikat pengurusan dana asing konvensional untuk menubuhkan operasi di Malaysia.

Pencapaian dan Cabaran

Untuk memperluaskan kepelbagaian produk sedia ada, SC telah memberi tumpuan dalam membangunkan rangka kerja bagi amanah perniagaan. Akta Pindaan Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2012 telah diluluskan di Parlimen pada pertengahan tahun 2012, diikuti dengan pelancaran kemudah rejim cukai amanah perniagaan semasa pengumuman Belanjawan 2013 pada bulan September. Selaras dengan ini, duti setem dan pengecualian cukai keuntungan harta sebenar telah diadakan bagi permulaan pemindahan aset, perniagaan dan harta kepada amanah perniagaan.

Pada 2 Januari 2013, SC telah mengeluarkan "Garis Panduan Amanah Perniagaan" bagi memberikan ruang yang lebih fleksibel untuk pengumpulan dana yang lebih besar dan menyediakan pelabur dengan peluang untuk melabur dalam kelas aset yang baru.

Untuk meningkatkan lagi perlindungan pelabur, pada 2 Januari 2013, SC telah memperkenalkan "Garis Panduan Amalan Jualan Produk Pasaran Modal yang tidak tersenarai" untuk menggalakkan perlakuan bertanggungjawab dalam pembangunan dan penjualan produk pasaran modal yang tidak tersenarai. "Garis Panduan Amalan Jualan" akan menyediakan pelabur dengan akses kepada nasihat yang berkualiti dan memerlukan Lembaran Sorotan Produk yang akan diberikan kepada pelabur pada masa jualan. Lembaran Sorotan Produk akan membolehkan pelabur membuat perbandingan produk dan pelabur mendapatkan maklumat yang relevan untuk membuat keputusan pelaburan yang lebih bermaklumat. Rejim amalan jualan juga telah dipertingkatkan dengan memperkemas kategori "pelabur sofistikated" untuk menghadkan pendedaran risiko yang tinggi dan produk kompleks.

Langkah Seterusnya

Bagi tahun yang akan datang, SC dijangka mencadangkan pembangunan ekonomi bursa bagi perdagangan niaga hadapan emas dan logam lain yang berharga.

Penciptaan khusus dalam pengurusan kekayaan Islam juga telah dihasratkan. Walau bagaimanapun, ini memerlukan keupayaan perancangan kewangan Syariah yang kukuh dan peningkatan bilangan perancang kewangan Syariah. Pengurus kekayaan juga digalakkan untuk meneroka sinergi dengan firma pengurusan aset Islam untuk mendapat akses kepada produk baru.

EPP 8

Mempercepat dan Mengekalkan Industri Pengurusan Aset Penting

Malaysia berhasrat untuk menjadi pusat pengurusan aset serantau bertenaga yang merangkumi pelbagai jenis firma pengurusan dana tempatan dan asing. EPP 8 mensasarkan aset di bawah pengurusan (AUM) sebanyak RM1.6 trilion menjelang 2020, mewakili CAGR sebanyak 17 peratus. EPP ini juga akan menggalakkan pertumbuhan pasaran runcit dan membangunkan pengkhususan dalam bidang pengurusan aset Islam.

Untuk membantu mencapai hasrat ini, mandat pelaburan GLIC kepada pengurus dana luaran akan ditingkatkan kepada 15 peratus daripada lima peratus AUM. Dalam usaha untuk menjayakan mandat ini, sejumlah RM1 bilion hingga RM2 bilion akan diperuntukkan untuk diurus oleh pengurus dana terkemuka. Pengurus dana ini perlu menubuhkan operasi di Malaysia dengan sekurang-kurangnya enam pekerja, termasuk sekurang-kurangnya dua pengurus portfolio. Mereka juga mesti memadankan modal asing pada asas satu-untuk-satu dalam tempoh tiga tahun pertama mereka di sini, dengan kemungkinan menerima sokongan kewangan dalam bentuk subsidi sewa atau gaji.

Pencapaian dan Cabaran

Sebagai sebahagian daripada strategi awalan untuk meneroka dana GLIC dan meningkatkan kepelbagaian strategi pelaburan Islam, SC telah mengadakan dialog industri dengan pengurus dana Islam pada 9 Ogos 2012. Sesi tersebut bertujuan untuk membantu membangunkan cadangan awal untuk strategi seeding ini. Walaupun SC telah melibatkan GLIC dan pengurus dana, namun strategi yang komprehensif memerlukan usaha pada peringkat kebangsaan.

Langkah Seterusnya

Pembentukan pengkhususan bagi pengurusan aset Islam Malaysia akan diteruskan di masa hadapan, di mana global AUM bagi dana Islam kini telah pun mencecah RM166 bilion di tahun 2009. Walaupun Malaysia mempunyai bilangan dana Islam terbesar di dunia dengan 184 pengurus dana, dan AUM kedua terbesar sebanyak RM18.2 bilion, industri ini masih di skala yang kecil dan masih menerima pelaburan asing yang terhad.

Untuk menangani kebimbangan ini, mandat GLIC akan dimanfaatkan untuk menarik pengurus dana utama ke Malaysia. Ini adalah diharapkan dapat mewujudkan permintaan yang semakin meningkat bagi perkhidmatan pengurusan kekayaan. Dalam jangka panjang, Malaysia disasarkan untuk menjadi hub pengurusan inovasi produk aset Islam global.

Langkah-langkah yang sewajarnya juga akan diambil bagi merangsang pengurusan kekayaan pasaran runcit. Kerajaan sedang menimbang untuk membenarkan ahli KWSP yang mempunyai baki simpanan yang melebihi RM120,000 sebagai Simpanan asas dalam Akaun 1, tanpa mengira usia, untuk melabur sehingga 50 peratus dari lebihan ini dalam unit amanah dan dana dagangan bursa.

EPP 9

Melahirkan Jaguh Bank Serantau

EPP ini akan menjadi pemangkin kepada pengembangan serantau dan antarabangsa bagi bank-bank Malaysia yang berkecayaan, dengan bank-bank Malaysia yang disasarkan menjadi antara tiga teratas di ASEAN dari segi permodalan pasaran menjelang tahun 2020.

Inisiatif di bawah EPP ini adalah sebahagian besarnya diterajui pasaran dan bergantung kepada keperluan bank tertentu dan sumber-sumber serta kelulusan BNM. Walau bagaimanapun, EPP 9 mensasarkan untuk merangsang perkembangan ke luar negara bagi bank yang berkecayaan dengan menyokong kehadiran yang bermakna di pasaran serantau dan antarabangsa.

Bank-bank Malaysia juga digalakkan untuk berkembang di luar ASEAN dan meneroka peluang di seluruh Asia seperti di China atau Asia Selatan. Ini adalah pasaran yang sedang mengalami pertumbuhan yang kukuh di sektor perkhidmatan kewangan dan telah menerima sebahagian besar daripada aliran keluar FDI Malaysia. Walaupun perkembangan pasaran ini memerlukan komitmen modal yang besar, namun bank-bank dan GLIC akan digalakkan untuk memperolehi aset perbankan di negara-negara tersebut apabila terdapat peluang.

Pencapaian dan Cabaran

Pemegang berkepentingan EPP ini telah mencatatkan beberapa pencapaian yang signifikan pada tahun 2012, termasuklah pemeteraian Memorandum Persefahaman di antara BNM dengan Bank Pusat Turki. Perjanjian itu bertujuan untuk meningkatkan kerjasama, menggalakkan pelaburan dua hala dan urusan kecairan serta untuk mengukuhkan perdagangan dua hala dan pelaburan.

Bank pusat ASEAN juga telah mencapai kemajuan besar dalam menyokong integrasi ekonomi melalui Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC). Bank-bank pusat telah meluluskan rangka kerja awal untuk memajukan integrasi kewangan serantau, mengukuhkan penyelarasan dan kerjasama merentas sempadan bagi menyokong peranan yang lebih dinamik terhadap bank ASEAN di rantau ini.

Perkembangan secara sistematik bank-bank Malaysia di luar negara adalah begitu ketara, malah melampaui ASEAN. Pada tahun 2012, CIMB mengambilalih ekuiti tunai dan perniagaan perbankan pelaburan bersekutu The Royal Bank of Scotland (RBS). Pembelian ini menyediakan akses kepada CIMB terhadap pasaran baru seperti Taiwan dan Australia, dan pembesaran operasinya di Hong Kong, India dan China. CIMB juga telah menandatangani perjanjian dengan San Miguel Corp di Filipina untuk memperoleh hampir 60 peratus pegangannya dalam Bank of Commerce.

Sementara itu, Maybank juga telah berkembang pesat di kesemua 10 negara anggota ASEAN, berikutan kemasukannya ke Laos pada bulan November 2012. Bank ini juga menerima lesen perbadanan tempatan dari bank pusat Kemboja dan pada Oktober 2012, melancarkan cawangan ketiga di China dengan kehadiran di Beijing.

Tahukah anda?

CIMB kini merupakan kumpulan perbankan kelima terbesar, dari segi aset di Asia Tenggara.

Maybank beroperasi di kesemua 10 negara ASEAN.

Walaupun bank-bank di Malaysia telah mencapai kemajuan yang ketara dalam perkembangan di luar negara mereka, namun pembaruan pengawalseliaan antarabangsa dalam sektor kewangan serta persekitaran ekonomi global akan terus menjadi antara cabaran utama kepada bank-bank Malaysia dalam memperluaskan kehadiran mereka dan aktiviti-aktiviti di luar negeri.

Langkah Seterusnya

Prospek untuk pengembangan bank-bank Malaysia di luar negara kekal cerah. Maybank telah menyatakan minat untuk memasuki Thailand dan CIMB berminat untuk mewujudkan operasi di Korea Selatan. Bank Islam juga sedang mengintai peluang di Indonesia.

Kerajaan juga terus mengambil bahagian dalam rundingan bagi Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik, yang turut mencakupi bidang perkhidmatan kewangan. Satu perjanjian perdagangan bebas Malaysia-EU juga sedang diusahakan, dengan rundingan yang akan diteruskan pada tahun 2013.

Menjadi Hab Kewangan Global Islam yang Unggul

Sejak dua dekad yang lalu, usaha Kerajaan dan BNM untuk memupuk industri kewangan Islam domestik telah menjadikan negara muncul sebagai hab bagi kewangan Islam. Dengan terbitan sukuk dalam pasaran tempatan melebihi 60 peratus daripada jumlah terbitan sukuk global, pasaran bon Islam Malaysia kekal terbesar di dunia. Untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju global dalam industri kewangan Islam ini, EPP ini akan membantu untuk membina asas yang kukuh bagi pasaran tempatan untuk berkembang dan menjadi pusat modal intelektual antarabangsa bagi kewangan Islam.

Di bawah EPP 10, Kerajaan mensasarkan untuk meningkatkan bahagian pembiayaan Islam kepada 40 peratus pada tahun 2020, dari 29 peratus pada tahun 2010. Kerajaan juga telah mensasarkan sekurang-kurangnya satu institusi kewangan Islam tempatan untuk berada dalam kalangan 10 teratas institusi kewangan Islam dunia dari segi aset menjelang tahun 2020.

Inisiatif di bawah EPP ini memberi manfaat kelebihan Malaysia sedia ada dalam industri kewangan Islam, dan terdiri daripada:

- Mengkod dan Menyelaraskan Garis Panduan Syariah: BNM akan mempercepatkan pengeluaran parameter Syariah untuk membangunkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam. Proses ini bertujuan memastikan tafsiran yang konsisten bagi kontrak Syariah di Malaysia, memudahkan penggubalan dasar dan garis panduan, menggalakkan inovasi dan membolehkan lebih cepat masa-ke-pasaran bagi produk baru
- Menjadi Pusat Kecemerlangan Penyelidikan, Pembangunan dan Pendidikan Kewangan Islam: Berikutan dengan penubuhan institusi pembangunan modal insan di Malaysia, termasuk Pusat Antarabangsa bagi Pendidikan dalam Kewangan Islam (INCEIF), Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa bagi Kewangan Islam (ISRA) dan Institut Kewangan Asia, pelaburan akan diteruskan dalam penyelidikan dan pendidikan kewangan Islam. Bidang keutamaan termasuk:
 - **Undang-undang:** Menilai potensi mentransformasi Pusat Timbangtara Serantau KL ke pusat timbangtara global dengan tumpuan khusus terhadap kewangan Islam, atau menubuhkan sebuah pusat timbangtara global kewangan Islam yang khusus dan memastikan satu rangka kerja undang-undang untuk inovasi yang bersesuaian.
 - **Modal Insan:** Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia akan membangunkan program latihan untuk menyediakan tenaga kerja dalam industri, manakala INCEIF dan ISRA akan meluaskan biasiswa dan geran program penyelidikan untuk menarik pelajar antarabangsa dan pakar-pakar industri. Kementerian Pelajaran akan meningkatkan kapasiti dan kualiti institusi pendidikan tinggi kewangan Islam dengan fokus untuk menarik pelajar asing.
 - **Pembangunan Penyelidikan dan Inovasi:** ISRA akan menerajui inovasi dalam kewangan Islam dan institusi kewangan Islam akan digalakkan untuk meningkatkan belanjawan Penyelidikan dan Pembangunan. Untuk mengiktiraf inovasi dalam kewangan Islam, Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC) akan mengetengahkan anugerah program-program yang dianjurkan di Kuala Lumpur.

Pencapaian dan Cabaran

Pembekal berita antarabangsa dan data - Bloomberg, telah melancarkan indeks sukuk mata wang tempatan mereka pada bulan September 2012 di mana ia telah dibangunkan dengan kerjasama Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM) dan Bursa Malaysia. Indeks ini menanda aras sukuk denominasi ringgit di Malaysia.

Pada bulan Oktober 2012, BNM juga telah mengeluarkan parameter Syariah untuk kontrak berdasarkan struktur Mudharabah.

Bagi lebih fleksibiliti kepada firma undang-undang asing dalam menyediakan perkhidmatan di Malaysia, pindaan kepada Akta Undang-undang Profesional 1976 telah dibentangkan di Parlimen pada 18 April 2012. Rang Undang-undang bagi Profesion Undang-Undang (Pindaan) 2012 telah diluluskan pada 13 Jun 2012, dan Akta Pindaan telah diwartakan pada 20 September 2012. Walau bagaimanapun, Menteri masih belum (melalui pemberitahuan dalam Warta) menetapkan tarikh bila Akta Pindaan mula berkuatkuasa lagi (di mana dipercayai akan dikuatkuasa sebelum separuh pertama 2013).

Langkah Seterusnya

Pada tahun yang akan datang, BNM akan mengeluarkan lebih banyak parameter Syariah sebagai panduan dan rujukan bagi institusi kewangan Islam, dengan standard untuk Musharakah dan Ijarah kini sedang dalam fasa pembangunan.

Satu rangka kerja undang-undang yang baru untuk perbankan Islam dan takaful yang dikenali sebagai Rang Undang-Undang Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB) telah diluluskan oleh Parlimen pada bulan Disember 2012 dan dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2013. Akta baru ini akan memberi lebih penjelasan mengenai keperluan perundangan dan kebijaksanaan yang disokong oleh prinsip Syariah terhadap industri kewangan Islam di Malaysia.

PELUANG PERNIAGAAN

Peluang Perniagaan 1:

Perbankan Pelaburan

Perbankan pelaburan dijangka mengekalkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 15 peratus setahun sepanjang tahun 2010-2015, sebelum memperlahankan kepada 10 peratus pada tahun 2016-2020. Pertumbuhan pesat ini telah menimbulkan banyak peluang perniagaan termasuk:

- Meningkatkan IPO susulan daripada dorongan inovasi di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh
- Integrasi pasaran modal (contohnya mengambil kesempatan atas status Pelabur Institusi Domestik Berkelayakan dengan China dan pengiktirafan perjanjian bersama dengan Hong Kong dan Dubai)
- Peningkatan dalam aktiviti penggabungan dan pengambilalihan susulan daripada penyatuan yang dijangka akan berlaku dalam beberapa sektor utama

Peluang Perniagaan 2:

Segmen Lain Termasuk DFI

Segmen ini merangkumi sektor perkhidmatan kewangan lain seperti DFI, ekuiti swasta dan firma modal teroka. Rancangan Malaysia Kesepuluh telah memberi penekanan terhadap perkara-perkara berikut yang mempunyai potensi pertumbuhan:

- Aktiviti Pelaburan di bawah dana pembangunan perniagaan sebanyak RM100 juta dari 1Malaysia Development Bhd
- Peluang dalam ekuiti swasta dan modal teroka bagi inovasi dan pembiayaan hijau, dengan lebih penekanan kepada projek-projek tenaga boleh diperbarui, terutamanya *biofuel*
- Peningkatan rantaian nilai ekuiti persendirian dan firma-firma modal teroka disebabkan oleh pasaran modal yang cergas
- Perubahan daripada perniagaan peminjaman wang dan peremitan wang tidak formal kepada perniagaan peminjaman wang dan peremitan wang yang rasmi
- Anjakan fokus kepada aktiviti yang lebih produktif dan bernilai tambah yang lebih tinggi oleh institusi kewangan hasil daripada pemusatan aktiviti pentadbiran bahagian belakang pejabat (*back-office*)

Peluang Perniagaan 3:

Perbankan Komersial

Segmen perbankan komersial dijangka mengekalkan pertumbuhan sederhana 7 peratus setahun dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Pengembangan ini dijangka akan disumbangkan oleh peluang perniagaan berikut:

- Inovasi dalam pelaksanaan perkhidmatan kewangan, termasuk model perniagaan baru bagi mencungkil segmen yang kurang diberi perhatian dan penggunaan format cawangan baru seperti perbankan tanpa cawangan
- Meningkatkan tahap keterangkuman kewangan melalui program literasi kewangan nasional
- Meningkatkan potensi bank komersil untuk menyokong pertumbuhan SME, yang mana sangat penting ke arah mencapai pertumbuhan dan inovasi
- Perkembangan pesat segmen kewangan individu.

Peluang Perniagaan 4:

Insurans dan Takaful

Pertumbuhan industri diramalkan pada 6 peratus bagi insurans konvensional dan insurans semula dan 20 peratus bagi takaful dan takaful semula pada tahun 2010-2014, akan disumbangkan oleh pertumbuhan asas dan peluang perniagaan termasuk:

- Pengambilan insurans yang lebih banyak hasil daripada usaha Kerajaan untuk mendidik orang ramai mengenai perancangan kewangan dan kepentingan perlindungan
- Jangkaan penyatuan dan rasionalisasi industri akan mengukuhkan penanggung insurans dan penyedia takaful serta platform mereka untuk pertumbuhan
- Mengembangkan daya maju insurans mikro dengan model pengagihan yang lebih cekap

Peluang Perniagaan 5:

Pengurusan Aset dan Pengurusan Kekayaan

Industri pengurusan aset dan pengurusan kekayaan dijangka mencapai purata pertumbuhan sebanyak 8 peratus sepanjang tahun 2010-2020. Selain daripada pertumbuhan minimum, peluang perniagaan berikut, juga dijangka menyumbang kepada pengembangan industri:

- Penubuhan dana RM500 juta untuk membiayai permulaan inovatif
- Pembentukan Dana Inovasi Mudharabah di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh
- Peluang penyumberluaran berikutan pewujudan dana awam-swasta bernilai RM20 bilion bagi menyokong Rancangan Malaysia Kesepuluh
- Permintaan yang tinggi perkhidmatan pengurusan aset dan kekayaan berikutan peningkatan kekayaan rakyat Malaysia
- Permintaan tinggi untuk unit amanah, dana bersama dan perkhidmatan pengurusan kekayaan daripada pekerja asing dan rakyat Malaysia yang kembali dari luar negara
- Peningkatan kesedaran tentang peruncitan berskala besar melalui agregasi peruncit seperti *FundSupermart*, yang membolehkan perundingan yuran unit amanah lebih rendah

Peluang Perniagaan 6:

Perbankan Islam

Pertumbuhan dalam industri perbankan Islam dijangka akan disokong oleh peluang perniagaan yang berikut:

- Pajak gadai Islam (Ar-Rahnu)
- Migrasi perniagaan pinjaman wang kepada perbankan konvensional dan Islam, susulan daripada cadangan pindaan kepada peraturan pinjaman wang.

Ringkasan NKEA Perkhidmatan Kewangan

	Sasaran 2020
Impak Tambahan GNI	RM121.5 bilion
Tambahan Pekerjaan	275,400

Sasaran Kritis untuk 2013:

- Meningkatkan jumlah produk dan tawaran dalam pasaran sekuriti dan derivatif.
- Membina rangka kerja komprehensif bagi tempat perdagangan untuk firma yang tidak tersenarai.
- Mencapai Nilai Purata Harian (ADV) dagangan sebanyak RM1.7 bilion.
- Mencapai nilai penyenaraian baru (termasuk penyenaraian GLC) sebanyak RM15 bilion.
- Mencapai nilai terbitan Bon dan Sukuk Dagangan Bursa (ETBS) sebanyak RM300 juta.
- Membangunkan rangka kerja pinjaman sosial yang mampan bagi DFI.
- Mengeluarkan garis panduan untuk meningkatkan kapasiti sumber dan keupayaan DFI dalam khidmat nasihat / Penyelidikan dan Pembangunan
- Semua pembayaran kerajaan akan dibuat melalui pemindahan dana elektronik.
- Menyediakan cadangan pembangunan bursa dagangan untuk perniagaan hadapan emas dan logam berharga.
- Penerbitan Parameter Syariah ke atas Musharakah dan Ijarah.

PERTANIAN

PENGALAMAN BERSAMA PERKHIDMATAN AWAM

Bagi Ibrahim Saleh, seorang veteran perkhidmatan awam, pengalaman melaksanakan ETP melalui NKEA Pertanian sungguh memuaskan walaupun mencabar, di mana terpaksa menempuhi pelbagai pahit manis di sepanjang pelaksanaan tersebut.

“Setiap Kementerian mempunyai titik tumpuan bagi projek-projek NKEA. Dalam Kementerian Pertanian dan Industri Tani, terdapat ramai pemain dan pemilik bagi EPP 16, yang melibatkan semua agensi dan kebanyakan jabatan di bawah Kementerian. Agensi dan jabatan ini memerlukan penyelarasan di peringkat Kementerian untuk pelaksanaan projek,” kata Ibrahim, yang merupakan Ketua Sekretariat Pertanian NKEA.

Sebagai persara awam yang kembali berkhidmat di Kementerian untuk ETP, Ibrahim menyatakan bahawa dia memperoleh kepuasan peribadi apabila melihat banyak syarikat peneraju telah bersetuju untuk melaksanakan EPP, seperti dalam bidang perikanan atau pengeluaran tenusu. Adalah lebih memuaskan apabila syarikat peneraju ini mampu memimpin projek dan juga mendidik dan membantu petani kecil.

Pada mulanya, proses pelaksanaan mungkin mencabar, tetapi konsep pelaksanaannya sangat baik, dan memberi manfaat bukan sahaja kepada syarikat-syarikat besar malah sampai kepada petani kecil.

Tugas Ibrahim dan pasukan beliau termasuk menyediakan format standard bagi permohonan syarikat peneraju untuk menyertai EPP; dan kemudian menilai permohonan tersebut melalui panel yang melibatkan pelbagai pihak seperti PEMANDU, bank, dan Unit Perancang Ekonomi. Pasukan itu juga mengambil bahagian dalam mesyuarat bulanan dengan Pejabat Pengurusan Penyerahan, mengesan kemajuan EPP, penyelesaian masalah, dan menangani isu-isu yang mungkin timbul dalam melaksanakan projek-projek.


“Satu fungsi penting dalam pasukan adalah untuk menilai keupayaan teknikal bakal syarikat peneraju. Walaupun kebanyakannya mempunyai keupayaan kewangan, mereka mungkin kekurangan kepakaran teknikal yang diperlukan untuk melaksanakan projek, yang mana boleh menghalang kemampuan mereka dalam mewujudkan pekerjaan dan menyumbang kepada PNK,” kata Ibrahim.

Sudah pasti, cabaran memang wujud dalam menyelia EPP, termasuk jumlah pemantauan yang diperlukan, memastikan syarikat peneraju berhasil, dan menguruskan dana dalam cara yang paling berkesan. Dalam bidang pembiayaan, beliau mencadangkan peruntukan dikunci sehingga tahun 2020, bukannya menyediakan pembiayaan ketika dan apabila perlu, seperti amalan sekarang. Ini adalah untuk memastikan bahawa dana telah tersedia apabila syarikat yang mengambil bahagian diluluskan, dan untuk mengelakkan kelewatan dalam melancarkan projek.

Walaupun bagaimanapun, Ibrahim melihat NKEA dan SRI ETP sebagai komponen utama pergerakan negara ke arah status berpendapatan tinggi. “NKEA perlu dilihat sebagai sebahagian daripada Kementerian mulai sekarang, dengan penyertaan EPP dan inisiatif melaksanakan peranan penting dalam agenda pembangunan keseluruhan ekonomi Kerajaan,” katanya.

“Pada mulanya, proses pelaksanaan mungkin mencabar, tetapi konsep pelaksanaannya sangat baik, dan memberi manfaat bukan sahaja kepada syarikat-syarikat besar malah sampai kepada petani kecil”

En. Ibrahim Saleh,
Ketua Sekretariat Pertanian NKEA



PERSAINGAN, STANDARD DAN LIBERALISASI

PENGALAMAN BERSAMA PERKHIDMATAN AWAM

Persaingan, Standard dan Liberalisasi SRI mewakili contoh utama dalam membawa bersama pelbagai pihak berkepentingan ke satu matlamat: Kewujudan persekitaran perniagaan yang cekap dan berdayasaing dalam menyokong aspirasi Malaysia berpendapatan tinggi.

Ditubuhkan pada tahun 2011, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) memainkan peranan penting dalam meningkatkan sifat daya saing perniagaan Malaysia. "Peranan MyCC adalah untuk memastikan pelaksanaan pantas dan tegas Akta Persaingan 2010," kata Puan Shila Dorai Raj, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC sambil memuji usaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan terhadap penubuhan MyCC dalam masa yang singkat.

Menurut Puan Shila, cabaran untuk SRI sekarang adalah untuk memastikan peningkatan pengamalan industri dan orang awam agar dapat mempercepatkan penguatkuasaan undang-undang persaingan. "Orang ramai mempunyai harapan yang sangat tinggi bahawa undang-undang persaingan akan segera dilaksanakan dan MyCC sudah tentu, perlu bergerak dengan pantas mendidik mengenai implikasi Akta serta mengambil tindakan sewajarnya," katanya lagi.

Untuk komponen standard pula, Jabatan Standard Malaysia (STANDARDS MALAYSIA), sebuah agensi

di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, merupakan penerajui komponen standard di bawah SRI.

"Peranan kami di bawah ETP adalah untuk menggalakkan syarikat-syarikat tempatan untuk menggunakan standard ke arah meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan dalam usaha untuk menjadikan mereka lebih berdaya saing dalam negara, dan juga untuk memasarkan diri mereka di luar negara. Sebagai sebuah ekonomi berorientasikan eksport, Malaysia perlu membangunkan dan menerima pakai standard yang memenuhi keperluan antarabangsa bagi produk dan perkhidmatan," kata Puan Fadilah Baharin, Ketua Pengarah STANDARDS MALAYSIA.

Bagi STANDARDS MALAYSIA, ini melibatkan penilaian pembangunan dan penggunaan standard antarabangsa untuk NKEA 12 ETP, di samping memberi tumpuan kepada usaha menggalakkan penggunaan standard dan menilai kesesuaian standard sedia ada.

"Apa yang kami lihat sebagai faktor kritikal kejayaan kami bergerak ke hadapan adalah menggalakkan penggunaan standard dan syarikat-syarikat, terutamanya PKS, memahami bahawa penggunaan

standard mewujudkan pasaran yang lebih besar bagi mereka untuk menjual produk dan perkhidmatan mereka," kata Puan Fadilah.

Langkah-langkah yang diambil oleh MyCC dan STANDARDS MALAYSIA, bersama-sama dengan liberalisasi sektor perkhidmatan yang diterajui oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), justeru membentuk pemboleh ubah dalam menjadikan Malaysia destinasi pilihan pelaburan asing dan sebuah negara yang berdaya saing di peringkat global.

"MITI sebagai agensi utama, adalah bertanggungjawab untuk menyelaraskan proses liberalisasi perkhidmatan, memantau kemajuan inisiatif liberalisasi dan menggalakkan inisiatif pembukaan pasaran ini," kata YBhg Datuk Dr Rebecca Sta Maria, Ketua Setiausaha MITI.

"Dengan terlaksananya liberalisasi sub sektor perkhidmatan yang akan memacu pertumbuhan ekonomi selanjutnya, cabaran berikutnya adalah untuk kemajuan dari segi pelaburan dan mewujudkan peluang pekerjaan, memudahkan pencapaian status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020," kata Datuk Dr Rebecca.

“*Peranan MyCC adalah untuk memastikan pelaksanaan pantas dan tegas Akta Persaingan 2010*”

Puan Shila Dorai Raj,
Ketua Pegawai Eksekutif MyCC





Pemborongan dan Peruncitan





Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob

Menteri Perdagangan dalam Negeri,
Koperasi dan Kepenggunaan

NKEA Pemborongan dan Peruncitan bertujuan untuk mentransformasi sektor pemborongan dan peruncitan, iaitu salah satu daripada sektor utama ekonomi negara, yang memberi kesan yang meluas kepada semua lapisan masyarakat. Sama ada di kedai runcit kawasan perumahan atau di pusat membeli-belah di bandar besar, sektor ini mendatangkan kesan kepada kehidupan harian, seluruh masyarakat. Dengan itu, semakin berkembangnya sektor ini, ianya berpotensi untuk mendatangkan kebaikan kepada kehidupan pengguna-pengguna dengan kadar yang pantas.

Bagi mencerminkan penawaran peruncitan yang luas ini, NKEA ini menggariskan pelbagai inisiatif. Ini termasuk mewujudkan pusat membeli belah 1Malaysia di luar negara di samping menyediakan pinjaman mudah kepada pemilik kedai runcit untuk memodenkan premis mereka. Ini diperkukuhkan dengan pelbagai Projek-projek Permulaan (EPP) yang lain.

Hasil pada tahun 2012 sangat menggalakkan. Untuk tahun ini sahaja, Kementerian telah berjaya mentransformasi 568 buah kedai runcit, menjadikan jumlah kedai-kedai kecil yang dibantu oleh program TUKAR kepada 1,087 sejak ETP bermula. Kami juga telah mencapai lebih daripada dua kali ganda sasaran tahun 2012, iaitu untuk memodenkan 50 bengkel automotif, di mana 110 bengkel telah berjaya ditransformasikan pada tahun ini sahaja.

Kami juga telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dengan EPP kedai format besar, di mana kita telah berjaya mencapai dan melebihi sasaran tahun lepas untuk menubuhkan lima lagi pasar raya hiper dan 13 pasar raya besar tambahan. Sehingga Disember, 19 pasar raya hiper dan 18 pasar raya besar, iaitu tambahan daripada sasaran asal, telah memulakan operasi. Perlaksanaan EPP Bebas Cukai juga berjalan dengan lancar, dan Malaysia kini menuju ke arah untuk menjadi destinasi utama penjual semula barangan pilihan.

Memang jelas terbukti bahawa kemajuan besar telah dicapai. Namun begitu, masih banyak lagi yang perlu dilaksanakan untuk mengekalkan dan meneruskan momentum yang telah dicapai. Kita tidak boleh leka dengan apa yang telah dicapai setakat ini. Langkah seterusnya, komitmen kami akan diteruskan untuk memenuhi sasaran-sasaran NKEA ini seiring dengan wawasan negara ke arah mencapai status berpendapatan tinggi.

PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN

Menjelang tahun 2020, sektor pemborongan dan peruncitan di Malaysia dijangka meningkatkan jumlah Pendapatan Negara Kasar (PNK) sebanyak RM156 bilion dengan mewujudkan 454,190 pekerjaan baru. Peruncitan adalah penyumbang keempat terbesar kepada PNK antara 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), dengan menyumbang RM100.6 bilion pada tahun 2010 dan RM114.4 bilion pada tahun 2011.

Lebih daripada 60 peratus KDNK disumbangkan oleh perbelanjaan domestik, oleh itu sektor pemborongan dan peruncitan memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan Malaysia bagi dekad yang akan datang ke arah mencapai sasaran PNK 2020, meskipun berhadapan kelembapan ekonomi global yang berterusan.

NKEA ini pada mulanya melibatkan 13 EPP, namun begitu, EPP 3, Membangunkan Pasar Komuniti, telah diambil alih oleh NKEA Pertanian bagi pelaksanaan yang lebih lancar kerana penglibatan pihak berkepentingan yang berasaskan pertanian. Oleh itu, sasaran untuk PNK dan pekerjaan dalam sektor telah disemak semula untuk mengambil kira faktor ini.

Pelaksanaan EPP oleh sektor swasta di bawah NKEA ini, dengan sokongan daripada Kerajaan, telah dikelompokkan kepada tiga tema yang berbeza, iaitu Modenisasi, Globalisasi dan Revolusi.

EPP di bawah tema Modenisasi menumpukan perhatian kepada jurang proses dan sistem di kedai-kedai runcit tradisional. Tujuannya adalah untuk membantu peruncit kecil untuk berhijrah kepada format yang lebih moden, serta meningkatkan kemahiran peruncit dalam teknologi maklumat, perkhidmatan pelanggan, pengurusan stok, dan lain-lain.

EPP di bawah tema Globalisasi melibatkan pengeksportan kemahiran dan produk tempatan untuk membantu sektor tempatan runcit yang matang mencari peluang di luar negara. Terdapat dua pendekatan yang disokong oleh NKEA untuk mencapai matlamat ini: pertama, dengan membantu pengendali dan pemaju pusat membeli-belah Malaysia, yang merupakan antara yang terbaik di rantau ini, untuk meneroka peluang di luar Malaysia. Kedua, dengan membangunkan platform maya yang memberi pendedahan global kepada produk buatan tempatan yang dihasilkan oleh perusahaan kecil dan sederhana.

EPP di bawah tema Revolusi pula bertujuan untuk meneroka konsep dan strategi yang belum sepenuhnya dimanfaatkan oleh sektor runcit Malaysia. Ini termasuk pemansuhan duti import ke atas barangan mewah agar harga jualannya lebih berpatutan bagi penduduk tempatan dan juga pelancong.

NKEA ini juga akan terus menganjurkan Jualan Bersepadu 1Malaysia, yang pertama kali dianjurkan tahun lepas sebagai acara tahunan dalam usaha untuk mengumpulkan pelbagai sektor runcit dan sektor berorientasikan perkhidmatan untuk memberi manfaat kepada pengguna dan untuk meningkatkan perbelanjaan domestik. Langkah ini juga akan diperluaskan untuk merangkumi jualan bagi sektor perkhidmatan, tarikan pelancong dan subsektor lain, demi memastikan ia bukan sekadar jualan di pusat membeli-belah.

Tiga bidang utama telah dikenal pasti sejajar dengan pembangunan 12 EPP bagi sektor ini. Bidang-bidang tersebut akan memastikan pertumbuhan berterusan sektor pemborongan dan peruncitan sebagai benteng terhadap gangguan luaran yang tidak menentu. Bidang-bidang ini terdiri daripada:

- Perbelanjaan peruncitan tinggi
- Urbanisasi
- Pertumbuhan penduduk

2012 Petunjuk Prestasi Utama

NKEA Pemborongan dan Peruncitan		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #1	Bilangan pasar raya besar baru	5	19	380	●	100	●	1.0	●
	Bilangan pasar raya baru	13	18	138	●	100	●	1.0	●
EPP #2	Bilangan kedai yang dimodenkan di bawah program TUKAR	500	568	114	●	100	●	1.0	●
EPP #4	Bilangan bengkel yang dimodenkan di bawah program ATOM	50	110	220	●	100	●	1.0	●
EPP #5	Tapak Makan Bazaar yang beroperasi	1	1	100	●	100	●	1.0	●
EPP #7	Pusat Membeli Belah Maya beroperasi menjelang tahun 2012	100%	100%	110	●	100	●	1.0	●
EPP #9	Kenaikan Peratus Kos, Insurans dan Pengangkutan (CIF) bagi 328 barangan siap diimport dipilih (diterjemahkan kepada RM bilion)	2.48	3.69	117	●	100	●	1.0	●
EPP #11	Bilangan program/acara dilancarkan – yang dijadualkan pada minggu pertama Jun 2012	1	1	100	●	100	●	1.0	●
	Bilangan subsektor yang terlibat dalam Jualan Bersepadu 1Malaysia	50	52	104	●	100	●	1.0	●
				153		100		1.0	

Rajah 6.1

Kaedah 1 menunjukkan pencapaian KPI sebenar iaitu membenarkan pencapaian melebihi 100 peratus dilaporkan.

Kaedah 2 menunjukkan laporan pencapaian KPI yang dihadkan kepada 100 peratus.

Kaedah 3 menunjukkan laporan pencapaian paling mudah. Sasaran KPI yang telah dipenuhi atau melebihi diberi gred 1. KPI yang mencapai lebih separuh daripada sasarannya diberi gred 0.5, dan KPI yang kurang daripada separuh sasaran mereka diberi gred 0.

PROJEK PERMULAAN (EPP)

EPP 1

Meningkatkan Bilangan Kedai Format Besar

Kedai format besar dapat memanfaatkan saiz mereka untuk mencapai ekonomi skala, dengan itu menjamin harga yang rendah bagi pengguna sambil menyediakan penyelesaian sehati untuk semua keperluan runcit mereka. Dengan peningkatan kadar urbanisasi dan sensitiviti yang lebih terhadap harga pengguna, kedai-kedai tersebut, yang dikendalikan oleh syarikat tempatan dan asing, perlu menyediakan pilihan barangan yang berkualiti dan lebih luas pada kos yang lebih rendah. Ini akhirnya akan membolehkan pembeli mendapatkan nilai terbaik untuk wang mereka.

Dalam usaha untuk meningkatkan ruang lantai yang disediakan sebanyak 50 peratus daripada asas semasa iaitu 1.4 juta meter persegi, EPP ini akan menyaksikan penubuhan sebanyak 61 pasar raya hiper (5,000 meter persegi atau lebih) dan 163 pasar raya besar (3,000 hingga 4,999 meter persegi) dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, EPP ini akan diterajui oleh syarikat asing terkemuka seperti Tesco, Giant dan Carrefour serta juara tempatan seperti Mydin, Tunas Manja, Econsave dan TF Value Mart.

Pencapaian dan Cabaran

Sasaran tahun lepas untuk membangunkan lima lagi pasar raya hiper (5,000 meter persegi atau lebih) dan 13 pasar raya besar tambahan (3,000 hingga 4,999 meter persegi) dan beroperasi menjelang tahun 2012 telah pun dicapai dan melebihi sasaran. Sehingga Disember tahun ini, 19 pasar raya hiper dan 18 pasar raya besar yang menjadi tambahan kepada sasaran sebelumnya, telah memulakan operasi.

Memandangkan bahawa ini jauh melebihi sasaran asal tahun 2012, kami yakin bahawa EPP ini dapat memenuhi sasaran tahun 2020.

Langkah Seterusnya

Pembukaan kedai format besar dijangka bergerak selari dengan perkembangan penggunaan domestik yang menjadi bahagian yang semakin penting dalam ekonomi. Langkah seterusnya, kami sedang mempertimbangkan cara untuk mengembangkan EPP ini ke negeri-negeri di Malaysia Timur.

Pasar Raya Hiper		
Bil.	Pengendali	Lokasi
1	Carrefour	Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang
2	Giant	Sibu, Sarawak
3	Giant	Tabuan Jaya, Kuching, Sarawak
4	Giant	Kota Padawan, Kuching, Sarawak
5	Giant	Cheras, Selangor
6	Giant	Miri, Sarawak
7	Giant	Jalan Kebun, Klang, Selangor
8	Mydin	Manjoi, Ipoh, Perak
9	Mydin	Meru Raya, Ipoh, Perak
10	Mydin	Taman Saga, Alor Setar, Kedah
11	Mydin	Bukit Jambul, Bayan Lepas, Pulau Pinang
12	Tesco	Putra Nilai, Negeri Sembilan

(bersambung)

(sambungan mukasurat sebelum)

Pasar Raya Hiper		
Bil.	Pengendali	Lokasi
13	Tesco	Kulim, Kedah
14	Tesco	Scott Garden, Kuala Lumpur
15	Tesco	Tanjung Penang, Pulau Pinang
16	Tesco	Stargate, Alor Star, Kedah
17	Tesco	Seremban Jaya, Negeri Sembilan
18	Tesco	Paradigm Mall, Kelana Jaya, Selangor
19	The Store	Pacific Mentakab, Pahang Darul Makmur

Pasar Raya Besar		
Bil.	Pengendali	Lokasi
1	Carrefour	1st Avenue, Georgetown, Pulau Pinang
2	Econsave	Batang Kali, Selangor
3	Econsave	Kluang, Johor
4	Giant	Viva Home, Jalan Loke Yew, Kuala Lumpur
5	Giant	Pandan Kapital, Kuala Lumpur
6	Giant	First Subang, Subang Jaya, Selangor
7	Giant	Farlim, Ayer Itam, Pulau Pinang
8	Giant	Bercham, Ipoh, Perak
9	Mydin	Kulai Utama, Kulai, Johor
10	Mydin	Seremban 2, Negeri Sembilan
11	Mydin	Anjung, Nusajaya, Johor
12	Tesco	KSL City, Johor Bahru, Johor
13	Tesco	Bukit Beruntung, Selangor
14	Tesco	Seri Iskandar, Perak
15	TF Value-Mart	PD Waterfront, Port Dickson, Negeri Sembilan
16	Tunas Manja	Temerloh, Pahang Darul Makmur
17	Tunas Manja	Kuala Rompin, Pahang Darul Makmur
18	Tunas Manja	Jerantut, Pahang Darul Makmur

Pemodenan melalui Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR)

Menyedari peranan kedai-kedai runcit tradisional dalam melengkapkan penawaran runcit kedai-kedai format besar, Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) telah diperkenalkan untuk membantu peserta lebih kecil untuk menajamkan kelebihan daya saing mereka. EPP ini bertujuan untuk menangani keperluan untuk kedai-kedai runcit ini berkembang sambil menangani perubahan cita rasa pengguna dan mengekalkan minat pembeli.

Peruncit utama seperti Mydin, Tesco dan Carrefour telah bersetuju untuk berkongsi kepakaran dan pengetahuan runcit mereka kepada kedai-kedai runcit yang mengambil bahagian. Ini termasuk memberi nasihat mengenai mereka bentuk semula dan memodenkan susun atur kedai, menyediakan planograms untuk penempatan produk yang optimum dan menyediakan program sokongan dan projek-projek lain yang dianggap perlu.

Di samping itu, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd akan melakukan pemeriksaan dan mengeluarkan pinjaman mudah untuk membiayai transformasi kedai bagi pemilik yang mengambil bahagian dalam program TUKAR. Peserta boleh memohon pinjaman sehingga RM80,000. Pinjaman ini perlu dibayar semula pada kadar faedah tiga peratus yang dikira atas baki pinjaman sepanjang tempoh maksimum 15 tahun.

Pusat pengedaran, yang akan membantu dalam mengurangkan kos barangan yang dijual dan meningkatkan kecekapan, juga akan ditubuhkan untuk menyokong kedai TUKAR sebaik sahaja bilangan peruncit yang mencukupi telah menyertai program ini.

Pencapaian dan Cabaran

Sebanyak 568 kedai runcit telah dimodenkan pada tahun ini. Ini membawa jumlah kedai runcit yang telah ditransformasikan semenjak EPP ini bermula kepada 1,087 buah kedai. Secara purata, peserta TUKAR telah melaporkan peningkatan hasil yang berterusan sebanyak 30 peratus pasca transformasi.



Pekedai sedang mengatur barangan di kedai beliau





Seorang peserta program TUKAR menceritakan kisah kedai beliau yang telah ditransformasikan

Program TUKAR masih berhadapan dengan cabaran untuk memastikan penyertaan yang saksama bagi semua kaum di Malaysia. Berikutan peralihan dalam strategi untuk menggalakkan lebih ramai menyertai TUKAR, tiga lagi koperasi telah dipilih untuk membantu dalam meningkatkan penyertaan pelbagai kaum dalam program ini. Enam koperasi yang menyokong program adalah seperti berikut:

1. Koperasi Jaringan Sepadu Malaysia Berhad (untuk mendekati Masyarakat Melayu)
2. Koperasi Jayadiri Malaysia Berhad (untuk mendekati Masyarakat Cina)
3. Koperasi Suria Malaysia Berhad (untuk mendekati Masyarakat India)
4. Koperasi Automobil Kuching Sarawak Berhad (untuk mendekati Masyarakat pribumi Sarawak)
5. Koperasi Pembangunan Usahasama Masyarakat Maju Sabah Berhad (untuk mendekati Masyarakat pribumi Sabah)
6. Koperasi Peralihan Cina Malaysia (untuk mendekati Masyarakat Cina)

Hasil daripada pendekatan ini memang menggalakkan. Koperasi-koperasi ini telah menyumbang kepada 20 peratus daripada pencapaian keseluruhan 568 kedai-kedai yang ditransformasikan walaupun sesetengah daripada mereka hanya memulakan program ini pada pertengahan tahun ini. Koperasi-koperasi ini juga lebih berupaya untuk memantau kemajuan pemilik kedai dan memberi bantuan segera apabila perlu. Ini dapat memastikan kedai-kedai tersebut tidak kembali kepada kaedah-kaedah lama; yang merupakan antara cabaran utama EPP ini.



Rajah 6.2: Ringkasan peserta-peserta TUKAR di seluruh Malaysia

Siap								
Pengemaskinian Kemajuan Mingguan Ini (10 – 14 Disember 2012)	Pengemaskinian Kumulatif Januari 2012 - Disember 2012				2011 – Disember 2012			
8	568				1,087			
Pecahan mengikut Kaum # Pecahan mengikut Kaum %	Melayu 453 80%	Cina 28 5%	India 81 14%	Lain-lain 6 1%				
Pecahan mengikut Penaja # Pecahan Matlamat mengikut Penaja # Pecahan Prestasi mengikut Penaja %	MYDIN 40 100 40%	TESCO 88 100 88%	CAREFOUR 86 150 57%	SKM 168 140 120%	AEON 6 10 60%	GIANT 13 100 13%	VPUTO 13 30 43%	XPOINT 59 60 98%
Pecahan mengikut Penaja # *(Angka sebenar yang disiapkan) Pecahan Matlamat mengikut Penaja # Pecahan Prestasi mengikut Penaja %	TRIPLES 29 100 29%	DPMM 2 5 40%	KOSURIAS 26 65 40%	KPUMMS 14 20 70%	KOKAS 20 20 100%	KOJADI 4 33 12%	KOJARIS 0 81 0%	KPUCB 0 33 0%

Rajah 6.3: Contoh papan muka mingguan untuk memantau bilangan kedai yang ditransformasikan

Langkah Seterusnya

Peningkatan dalam bilangan kedai-kedai TUKAR diharapkan akan membantu menurunkan harga untuk pelanggan hasil daripada rangkaian bekalan runcit yang lebih cekap. Ini adalah kerana peruncit yang menyertai program ini kebiasaannya akan membeli jumlah produk yang lebih besar selepas memperkemaskan penawaran produk sebagai sebahagian daripada proses transformasi. Lebih banyak kedai telah bersetuju untuk menyertai program ini, memastikan bahawa lebih ramai pengguna akan dapat menikmati penjimatan yang lebih .

Langkah seterusnya, EPP ini akan memberi tumpuan kepada memenuhi sasaran keseluruhan iaitu sebanyak 5,000 kedai TUKAR menjelang tahun 2020, memastikan kedai-kedai ini mengekalkan prestasi mereka dan pematuhan terhadap amalan terbaik diteruskan dan meningkatkan kecekapan rangkaian bekalan; ini adalah kerana permintaan yang kukuh untuk kedai-kedai ini dilihat sebagai membawa kepada manfaat yang lebih besar bagi pelanggan.

EPP 3

Membangunkan Pasar Komuniti

Pada tahun 2012, EPP ini telah dipindahkan kepada NKEA Pertanian bagi pelaksanaan yang lebih lancar kerana sebahagian besar daripada pihak berkepentingan terlibat dalam industri berasaskan pertanian.

EPP 4

Transformasi Bengkel Automotif

Projek Pemodenan Bengkel Automotif (ATOM) bermula pada tahun 2011 dengan tujuan untuk memodenkan dan meningkatkan mutu perkhidmatan bengkel kereta, satu sektor yang jika dibandingkan dengan sektor lain adalah tidak formal dan tidak tertakluk kepada kawalselia atau penandaarasan. Tempat kerja yang lebih cekap dan aliran pendapatan baru daripada penawaran perkhidmatan tambahan bukan sahaja akan membantu pemilik meningkatkan pendapatan tetapi juga memberi manfaat kepada pelanggan, yang akan menikmati kualiti perkhidmatan yang lebih baik.

Tujuh perunding – Persatuan Automobil Malaysia (AAM), Automotive After-Sales Industry Malaysia (AAIM), Malaysian Association of Tyre Retreaders and Dealers Societies (MATRDS), Persatuan Pengusaha Industri-Industri Bengkel Malaysia (PPIBM), HYL Marketing Sdn Bhd, ITE Industrial Tools and Equipment Sdn Bhd dan PNT Marketing – telah diminta oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan untuk menyumbang kepakaran dan pengetahuan mereka kepada pemilik-pemilik bengkel.

Para perunding ini berkongsi kepakaran mereka dalam mereka bentuk semula susun atur bengkel, perancangan pengubahsuaian dan menaik taraf, membeli jentera dan peralatan dan menggariskan prosedur operasi standard kepada bengkel yang ikut serta. Pemilik-pemilik juga menerima sokongan peribadi dan latihan tentang keusahawanan, kemahiran automotif dan pengurusan inventori.

Program ATOM dibiayai menerusi pinjaman mudah yang ditawarkan kepada pemilik bengkel oleh Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd, yang juga menyaring permohonan bakal pemohon. Peserta boleh memohon pinjaman maksimum sehingga RM100,000 untuk bengkel kereta dan RM50,000 untuk bengkel motosikal yang perlu dibayar semula dalam masa 15 tahun disertakan faedah 3 peratus setahun yang dikira atas baki pinjaman.

Berikutan permintaan ramai dan untuk memastikan bahawa peserta menerima pembiayaan yang mencukupi untuk alat dan peralatan yang diperlukan, EPP ini sedang meneroka kemungkinan menggandakan jumlah pinjaman maksimum untuk bengkel motosikal kepada RM100,000.

Pencapaian dan Cabaran

Sasaran awal pemodenan 50 bengkel automotif pada tahun 2012 telah mencapai lebih dua kali ganda jumlah sasaran, di mana 110 bengkel berjaya ditransformasikan pada tahun ini. Dengan itu, jumlah bilangan bengkel yang dinaik taraf di bawah ATOM ialah 165 bengkel sejak program ini bermula.



Setelah mengambil kira kejayaan yang ditunjukkan oleh Koperasi dalam program TUKAR, Koperasi-koperasi yang sama turut dipertanggungjawabkan untuk memastikan penyertaan yang lebih memberangsangkan daripada masyarakat berbilang kaum dalam Program ATOM. Enam koperasi yang menyokong program ini adalah seperti berikut:

1. Koperasi Jaringan Sepadu Malaysia Berhad (untuk mendekati Masyarakat Melayu)
2. Koperasi Jayadiri Malaysia Berhad (untuk mendekati Masyarakat Cina)
3. Koperasi Suria Malaysia Berhad (untuk mendekati Masyarakat India)
4. Koperasi Automobil Kuching Sarawak Berhad (untuk mendekati Masyarakat Pribumi Sarawak)
5. Koperasi Pembangunan Usahasama Masyarakat Maju Sabah Berhad (untuk mendekati Masyarakat Pribumi Sabah)
6. Koperasi Peralihan Cina Malaysia (untuk mendekati Masyarakat Cina)

Koperasi-koperasi yang berkenaan kini mencakupi kira-kira 10 peratus daripada 110 jumlah bengkel yang ditransformasikan.



Logo ATOM jelas dipaparkan di bengkel yang telah ditransformasikan



Rajah 6.4: Ringkasan peserta-peserta ATOM di seluruh Malaysia

Berjaya Dimodenkan					Matlamat #	50
					Baki untuk Dicapai	
Berjaya diselesaikan (7 – 14 Disember 2012)	Pengemaskinian Kumulatif (Jan 2012 – sehingga kini)				Jumlah (2011 – sehingga kini)	
1	110				165	
Pecahan mengikut Kaum # Pecahan mengikut Penaja %	Melayu 76 69%	Cina 24 22%	India 7 6%	Lain-lain 3 3%		
Pecahan mengikut Kaum # Pecahan mengikut Penaja %	AAM 42 38%	FAWOAM 1 1%	PPIBM 15 14%	HYL 15 14%	ITE 17 15%	PNT 6 5%
Pecahan mengikut Kaum # Pecahan mengikut Penaja %	KOJADI 1 1%	KOJARIS 0 0%	KPUC 0 0%	SURIA 3 3%	KOKAS 3 3%	KUS 2 2%
					PPAS 2 2%	Others 3 3%

Rajah 6.5: Contoh papan pemuka mingguan untuk memantau bilangan bengkel yang ditransformasikan

Langkah Seterusnya

Respons yang diberikan kepada program ini sungguh menggalakkan, dimana beratus-ratus pemilik bengkel kecil automotif dan motosikal telah memohon untuk menyertainya sejak ia dilancarkan. Orang ramai dijangka mendapat manfaat daripada sektor bengkel yang lebih cekap dan bertanggungjawab.

EPP ini akan memberi tumpuan kepada mentransformasikan lebih banyak bengkel dan memastikan bengkel-bengkel ini mengekalkan prestasi dan pematuhan mereka kepada amalan terbaik yang diperkenalkan oleh pihak perunding. EPP ini juga akan memberi tumpuan untuk mendapatkan lebih ramai peserta industri automotif untuk menyertai program ini sebagai perunding bagi meningkatkan lagi pengiktirafan bengkel-bengkel ini.

EPP 5**Membangunkan Makan Bazaar**

Malaysia, yang diberkati dengan masyarakat pelbagai budaya, juga dikenali di seluruh dunia dengan kepelbagaian makanannya yang enak. Tetapi industri perkhidmatan makanan – yang terdiri daripada penjaja jalanan yang murah sehinggalah ke restoran mewah – masih agak tidak teratur.

Makan Bazaar bertujuan untuk mewujudkan pusat makanan sehenti yang bersih di mana pengunjung boleh mencuba pelbagai jenis makanan Malaysia yang terbaik. Ia juga berhasrat untuk menetapkan standard yang lebih tinggi bagi pengurusan profesional, dengan matlamat jangka panjang untuk meningkatkan kualiti penawaran mereka.



Mall of Medini di wilayah Iskandar Malaysia

Pencapaian dan Cabaran

Makan Bazaar pertama, yang terletak di wilayah Iskandar di Johor telah beroperasi sejak pertengahan tahun lepas. Terletak di *Mall of Medini*, Makan Bazaar meliputi ruang sebanyak 180,000 kaki persegi dan kini mempunyai 18 kedai makanan dan minuman serta enam kiosk dengan rancangan untuk meningkatkan lagi bilangan outlet dan kiosk di masa depan. Makan Bazaar boleh menampung lebih 1,000 pengunjung. Ia juga terletak di pintu masuk Legoland, tarikan pelancongan yang popular di mana ia boleh mengambil kesempatan daripada perbelanjaan pelancongan yang biasanya tinggi.

Langkah Seterusnya

Untuk memenuhi permintaan yang tinggi daripada pelancong tempatan dan juga pelancong asing, sejumlah 10 cawangan Makan Bazaar akan dibina di seluruh Malaysia untuk dekad yang akan datang. Selain daripada menawarkan pelbagai menu makanan penjaja, pusat makanan juga dijangka mempunyai tarikan seperti taman-taman, kawasan permainan, taman permainan dan kedai. Langkah seterusnya, kami ingin menggalakkan lebih banyak penyertaan di dalam EPP ini oleh peserta dari sektor swasta.

EPP 6**Membangunkan Gedung 1Malaysia**

Malaysia bukan sahaja menjadi tuan rumah kepada beberapa pusat membeli-belah terbesar di Asia tetapi boleh juga dianggap sebagai pemaju serta pengurus gedung membeli-belah yang terunggul di rantau ini. Oleh itu, peserta tempatan berada dalam kedudukan yang sangat baik untuk membangunkan Gedung 1Malaysia di negara-negara Asia yang lain.

Gedung ini disasarkan untuk mengumpul kemahiran pengendali pusat membeli-belah dan peruncit Malaysia di samping menyediakan peluang untuk jenama barangan buatan Malaysia serta makanan dan minuman Malaysia memasuki pasaran antrarangbansa.

Kini, pihak Kementerian dan PEMANDU sedang berbincang dengan peserta-peserta yang berpotensi untuk menyertai EPP ini. Tumpuan akan diberikan kepada pasaran yang sedang membangun dengan jumlah penduduk yang besar tetapi masih kurang pendedahan kepada peruncitan bersepadu yang ditawarkan oleh pusat membeli-belah.

Pencapaian dan Cabaran

Beberapa lokasi telah dikenal pasti di China dan Vietnam, yang disasarkan untuk menjadi dua negara pertama di mana Gedung 1Malaysia akan dibuka. Namun keadaan ekonomi dan pasaran yang lemah telah menangguhkan pelancaran Gedung 1Malaysia yang pertama, yang kini dijadualkan dibuka pada tahun 2015, setahun kemudian daripada yang dirancang.

Langkah Seterusnya

Selain daripada China, Vietnam dan India, kami juga meneroka peluang di Sri Lanka dan Indonesia. Kami juga sedang mencari peserta baru yang berpotensi untuk menyertai EPP ini. Selain daripada itu, kami juga sedang menerokai kaedah dan cara-cara kerajaan boleh memainkan peranan dalam memastikan pelaksanaan EPP yang lancar. Ini adalah kerana inisiatif ini adalah sangat bergantung kepada sektor swasta.

EPP 7 Menubuhkan Gedung Maya

Peruncitan berasaskan Internet semakin diterima di Malaysia, dirangsangkan oleh pendapatan yang lebih tinggi, perkhidmatan jalur lebar yang lebih baik dan bertambahnya peranti mudah alih. Pasaran membeli-belah dalam talian dijangka meningkat kepada RM5 bilion pada tahun 2014, dengan majoriti pembelian dibuat di laman web tempatan. Gedung pusat maya akan membantu peruncit serta perusahaan mengambil kesempatan daripada perubahan dalam tingkah laku membeli-belah, sekali gus membolehkan mereka untuk mengedarkan produk dan perkhidmatan dalam talian pada kos yang minimum.

Pencapaian dan Cabaran

Lebih 100 perusahaan kecil dan sederhana telah menandatangani persetujuan untuk menjual melalui pusat membeli-belah maya yang diterajui oleh Doorstep Retail Sdn Bhd. Burj Asia Corporation (M) Sdn Bhd juga telah berikrar untuk melabur RM16.8 juta untuk mengintegrasikan peruncitan, pembayaran dan penghantaran di bawah platform yang mereka bangunkan iaitu *Snap2Get*. Sistem ini membolehkan pembeli untuk membuat pembelian dan pembayaran menggunakan kod QR.

Langkah Seterusnya

Lebih banyak peserta dijangka akan menyertai dan mengembangkan pilihan produk dan perkhidmatan yang tersedia dalam alam maya.



Membeli belah secara Online

EPP 8 Memudahkan Peniaga Tempatan untuk Memperoleh Pegangan dalam Perniagaan Runcit Asing

Pembangunan sektor peruncitan tidak seharusnya bergantung pada pertumbuhan organik sahaja. Memperoleh pegangan dalam perniagaan asing akan membantu mengembangkan perniagaan dengan lebih pantas. Ini kerana, dengan membenarkan peruncit tempatan mendapat pegangan dalam perniagaan asing, mereka dapat mengekalkan keuntungan di dalam Malaysia berbanding warga asing.

Pencapaian dan Cabaran

Seperti yang dinyatakan dalam Laporan Tahunan 2011, sasaran tahun 2012 untuk pemerolehan satu jenama asing telah dicapai dalam tahun 2011 itu sendiri. Dua jenama asing telah berjaya diambil alih oleh peserta tempatan:

1. Pada Disember 2010, Bonia telah mengambil alih 70 peratus saham JECO Pte Ltd, pemegang lesen barangan kulit *Pierre Cardin* di Singapura dan pemegang lesen induk untuk Renoma di Singapura, Indonesia dan Malaysia. JECO Group juga adalah pengedar tunggal produk *Bruno Magli* di Singapura dan beserta cop dagangan dan wakil jenama *Braun Buffel* di Asia Pasifik.

2. Parkson telah mengambil alih 100 peratus saham PT Tozy Sentosa, syarikat Indonesia, yang merupakan anak syarikat PT Mitra Samaya pada harga AS\$12.8 juta (RM38.7 juta). Ini membolehkannya mendapatkan akses serta-merta kepada Centro, rangkaian gedung serbaneka Indonesia dan Kem Chicks, rangkaian pasar raya *gourmet* yang mempunyai lima cawangan di Jakarta, Yogyakarta dan Bali. Parkson telah mengembangkan operasinya di dua lagi kedai Centro di Jakarta Raya dan Surabaya, manakala kerja-kerja sedang dijalankan di dua lokasi lain.

Memandangkan pengambilalihan jenama asing adalah keputusan perniagaan bagi pihak peserta sektor swasta, keadaan pasar serta kesesuaian jenama dengan keadaan tempatan adalah antara faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan oleh sektor swasta sebelum mengambil tindakan.

Langkah Seterusnya

Langkah seterusnya, EPP ini akan memberi tumpuan untuk mencari lebih banyak peluang pepadanan antara perniagaan asing dan peniaga tempatan. Kami juga akan meneroka cara-cara di mana kerajaan boleh memudahkan peniaga tempatan yang berminat dalam EPP ini untuk berjaya.



Menjadikan Malaysia Negara Bebas Cukai

Malaysia, yang terletak di persimpangan pasaran China dan India yang sedang berkembang pesat, mempunyai potensi untuk menjadi hab membeli-belah utama di Asia. Untuk menarik lebih ramai pelawat asing, negara perlu memansuhkan duti import ke atas barang-barang yang mempunyai permintaan tinggi. Langkah ini mempunyai kelebihan meningkatkan perbelanjaan purata pelancong, sesuatu yang masih mempunyai ruang untuk berkembang, dan menyediakan lebih banyak pilihan peruncitan untuk pelancong dan penduduk tempatan.

Pencapaian dan Cabaran

Duti import ke atas 328 barangan - termasuk pakaian, kasut, barang kemas, beg tangan dan minyak wangi - telah dimansuhkan pada tahun 2011. Ini akan membolehkan Malaysia menjadi penjual semula pertama, meningkatkan pendapatan negara serta akhirnya menurunkan harga barangan pilihan.

Sehingga Disember 2012, nilai Kos, Insuran dan Bayaran Pengangkutan (CIF) untuk 328 barangan bebas cukai yang memasuki pasaran Malaysia telah mencecah RM3.69 bilion, melebihi jumlah nilai CIF 2011.

Pada pertengahan tahun 2012, *Tourism Malaysia* membuat kajian kumpulan barangan jenama sederhana/kedai dan mendapati bahawa barangan Malaysia secara amnya lebih murah jika dibandingkan dengan Singapura, Hong Kong, Thailand dan Indonesia.

Langkah Seterusnya

Hasil daripada peningkatan ketibaan pelancong mempunyai kesan pengganda yang kuat ke atas ekonomi tempatan. Untuk menjadikan Malaysia syurga peruncitan yang lebih menarik, barangan pengguna yang mempunyai permintaan tinggi akan dikenal pasti untuk kemungkinan pemansuhan duti import.


Bakul Membeli Belah (kaji sidik 2012)

 Bobbi Brown Lip Colour RM85 HKD 250 (RM92) -6% SGD 36 (RM90) THB 950 (RM92) IDR 250,000 (RM81)	 Bobbi Brown Skin Foundation RM150 HKD 440 (RM175) -14% SGD 75 (RM187) THB 1,950 (RM191) IDR 550,000 (RM180)	 Zara Leather Jacket RM459 HKD 2,299 (RM929.73) -8% SGD 199 (RM499.97) THB 10,990 (RM1,089.11) IDR 2,999,900 (RM982)
 Zara Crochet Dress RM559 HKD 699 (RM282.68) -15% SGD 189 (RM422.84) THB 3,780 (RM375.59) IDR 699,900 (RM327)	 Mango Braided Leather Ballerina Plats RM129 HKD 299 (RM120.55) -42% SGD 89 (RM222.68) THB 2,290 (RM226.94) IDR 1,189,000 (RM189.24)	 UNIQLO Dry Cargo Shorts RM79.90 HKD 199 (RM80.48) -9% SGD 54.90 (RM87.88) THB 990 (RM98.11) IDR Not Available

Harga barangan berjenama pakaian dan kasut, iaitu Zara, Uniqlo dan Mango dan alat solek Bobby Brown menunjukkan ia lebih murah di Malaysia berbanding dengan Hong Kong, Singapura, Thailand dan Indonesia.

Rajah 6.6: Perbandingan harga barangan berjenama di antara Malaysia dengan negara-negara jiran

Kos, Insuran dan Pengangkutan 2010, 2011 dan 2012



Rajah 6.6: Kos, Insuran dan Bayaran Pengangkutan (CIF) di antara 2010 – 2012

EPP 10 Membangunkan Pusat Peranginan Kesihatan

Semenjak beberapa tahun yang lepas, industri pelancongan perubatan telah menyaksikan pertumbuhan yang memberangsangkan. Ketibaan pesakit antarabangsa di Malaysia sahaja dijangka berkembang pada kadar pertumbuhan majmuk tahunan sebanyak 29.3 peratus antara tahun 2009 dan tahun 2013. Dengan kewujudan institusi penjagaan kesihatan peribadi yang moden dan ledakan perjalanan udara dengan harga tiket yang berpatutan, trend ini akan berkembang dengan pesat.

Untuk meneroka sumber pertukaran asing yang penting ini, pusat peranginan kesihatan akan ditubuhkan di lokasi-lokasi strategik seperti Pulau Pinang - yang sudah pun menjadi destinasi popular untuk pelancongan perubatan – Selangor dan Pahang. Pusat peranginan bersepadu sepenuhnya ini akan memberi tumpuan kepada rawatan anti-penuaan serta rawatan estetik dan jana semula, lengkap dengan sokongan tempat membeli-belah.

Pencapaian dan Cabaran

Country Heights Holdings Bhd telah berikrar untuk mengembangkan kemudahan sedia ada di Seri Kembangan, Selangor menjadi sebuah pusat kesihatan 3,715 meter persegi yang dilengkapi dengan kemudahan canggih termasuk Hotel kesihatan, Sanktuari kesihatan yang menawarkan perkhidmatan ayurveda dan perubatan Cina tradisional, hospital butik serta pusat khas dengan 60 unit pejabat pakar perubatan.

Pusat peranginan yang baru diperluaskan ini telah dilancarkan pada Mac 2011. Pengembangan ini adalah fasa pertama dalam pembangunan pelan induk *Mines Wellness City*, yang bertujuan untuk mentransformasikan pembangunan RM2.5 bilion menjadi satu pusat peranginan kesihatan sehati.

Berjaya Hills Bhd juga sedang membangunkan *Berjaya Hills Wellness Resort Project* yang terdiri daripada *The Chateau Spa* dan *Organic Wellness Resort*, sebuah pusat peranginan bertema Perancis, Berjaya Hills Golf and Country Club, Japanese Village, taman haiwan, dan Ladang equestrian dan organik. Ia akan menjadi spa organik yang pertama di dunia, yang terdiri daripada 210 buah bilik tetamu dan destinasi spa kesihatan gaya Eropah. Pusat peranginan ini telah mengadakan majlis prapelanaran bulan Oktober 2011 dan akan siap secara berperingkat menjelang 2018.



Permandangan *The Chateau Spa and Organic Wellness Resort* dari udara

Langkah Seterusnya

EPP ini kini dalam proses mendapatkan kelulusan yang diperlukan untuk satu lagi pusat peranginan kesihatan yang akan dibuka di Pulau Pinang. Bantuan juga akan diberikan kepada peserta sedia ada, dengan menghubungkan mereka ke Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia untuk menggalakkan pelancongan kesihatan ke Malaysia. Kerjasama dengan Majlis tersebut, diharapkan akan membawa kepada pakej penuh pelancongan perubatan dan meningkatkan lagi pengalaman pelancong perubatan di Malaysia. Langkah seterusnya, EPP ini menjangka satu Pusat Peranginan Kesihatan yang akan beroperasi sepenuhnya menjelang tahun 2014.



Palace of the Golden Horses yang terletak di dalam *Mines Wellness City*



Menganjurkan Jualan Bersepadu 1Malaysia

Jualan di seluruh negara beberapa kali dalam setahun telah menjadi kebiasaan di Malaysia semenjak lebih sedekad yang lalu, dimana ianya telah memanfaatkan sektor runcit. Untuk mengembangkan impak ini, EPP ini akan mengumpulkan lebih banyak sektor ekonomi – daripada peruncit barangan kepada industri makanan dan minuman serta hotel dan agensi perlancongan melalui penganjuran tahunan Jualan Bersepadu 1Malaysia. Ini dapat memberi manfaat kepada mereka yang mencari tawaran yang terbaik.

Pencapaian dan Cabaran

Jualan Bersepadu 1Malaysia kedua yang diadakan pada November 2012 menyaksikan penyertaan daripada 52 subsektor yang terdiri daripada 805 syarikat dan 11,935 cawangan, dengan lebih 28,000 produk ditawarkan di seluruh negara. Laporan Bank Negara mengenai Pembayaran Elektronik menunjukkan perbelanjaan RM15.5 bilion dan RM1.5 bilion untuk transaksi Kad Kredit dan transaksi Kad Debit masing-masing semasa tempoh jualan tersebut. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak tujuh peratus dan tiga peratus masing-masing berbanding tempoh yang sama pada tahun 2011.

Langkah Seterusnya

Langkah seterusnya, EPP ini akan meneroka untuk meningkatkan kepelbagaian produk dan perkhidmatan dalam tahun-tahun akan datang di samping menggalakkan lebih banyak syarikat dan subsektor untuk mengambil bahagian dalam EPP ini. EPP ini juga meneroka cara untuk kerjasama dengan Bahagian Jualan Pelancongan di bawah *Tourism Malaysia*.



Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan melancarkan Jualan Bersepadu 1Malaysia



Mentransformasikan KLIA menjadi Hab Peruncitan

Kuala Lumpur International Airport (KLIA) merupakan pintu masuk penting kepada negara, menghubungkan lebih daripada 50 penerbangan antarabangsa ke lebih 100 destinasi antarabangsa. Pada tahun 2011 sahaja, ia telah mengendalikan lebih kurang 37 juta penumpang.

Bagaimanapun, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan dari segi jualan barangan, yang dipuratakan kepada RM30.73 seorang pada suku pertama tahun 2012. Untuk memanfaatkan sepenuhnya potensi peruncitan KLIA, hab membeli-belah akan diwujudkan di samping terminal kos rendah KLIA2 yang baru.

Komponen utama hab peruncitan akan selari dengan pelan induk Aeropolis yang dirancang oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB). Ini termasuk peruncitan di KLIA2, sebuah gedung landside premium, serta kedai-kedai kilang.

Pencapaian dan Cabaran

Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) telah menerima respons hangat semasa fasa tender daripada pengendali komersial yang berminat untuk mengambil bahagian dalam konsep peruncitan yang inovatif ini. Terdapat tender yang menawarkan sewa lebih RM2,000 per meter persegi sebulan.

Langkah Seterusnya

Pembinaan KLIA2, termasuk ruang kawasan runcit, sedang berjalan lancar dan dijangka akan siap menjelang suku kedua tahun 2013 seperti yang dirancang.

EPP 13 Membangunkan Kedai Runcit Bersepadu Berskala Besar

Kedai runcit Bersepadu Skala Besar, atau *Big Box Boulevards* (BBB), mempunyai sasaran untuk menempatkan peruncit berskala besar di satu lokasi untuk kemudahan pelanggan. Kedai kategori utama ini - yang akan memuatkan pasar raya hiper, pasar raya besar perabot, gedung produk digital dan kedai barangan sukan - dijangka akan menjana PNK sebanyak RM1.2 bilion menjelang tahun 2020.

Pencapaian dan Cabaran

EPP ini kini dalam proses membantu syarikat Juara yang sedia ada dalam meningkatkan dan menggalakkan pembangunannya sebagai BBB. Malaysia Airports contohnya telah bersetuju untuk menguruskan transit penumpang KLIA untuk singgah di Nilai 3 semasa tempoh transit mereka.

Perkembangan BBB memerlukan kawasan kepadatan orang tinggi untuk memastikan keuntungan yang berterusan. Penciptaan campuran jenama yang betul dalam kawasan BBB menjadi satu cabaran untuk peserta sedia ada dan akan menjadi satu cabaran bagi apa-apa perkembangan BBB di masa hadapan.

Langkah Seterusnya

Langkah seterusnya, Nilai 3 khususnya berhasrat untuk memperluaskan kategori BBB dan meningkatkan lagi pengalaman membeli-belah untuk pelawat. EPP ini juga sedang mencari lokasi dan peserta yang berpotensi untuk perkembangan baru BBB. EPP menjangka satu BBB berpotensi akan beroperasi sepenuhnya menjelang tahun 2014.

PELUANG PERNIAGAAN

Peluang perniagaan dan pertumbuhan garis dasar dijangka menyumbang RM45.2 bilion kepada PNK, dan mencipta sekitar 226,000 pekerjaan tambahan. Pertumbuhan ini akan didorong oleh tiga pendorong ekonomi yang berbeza.

Yang pertama adalah perbelanjaan runcit per kapita yang lebih tinggi kerana peningkatan PNK bagi setiap isi rumah. Kedua, urbanisasi juga akan menyumbang, oleh kerana penghijrahan dari luar bandar ke bandar akan mewujudkan lebih banyak permintaan untuk barangan dan perkhidmatan, termasuk produk nilai tambahan yang tinggi. Akhir sekali, peningkatan penduduk juga akan meningkatkan permintaan untuk barangan dan perkhidmatan.

RM187.6 bilion dalam pembiayaan dan pelaburan oleh sektor swasta akan diperlukan untuk mengambil kesempatan ke atas peluang-peluang perniagaan.

Ringkasan NKEA Pemborongan dan Peruncitan

	Sasaran 2020
Impak PNK tambahan	RM55.4 billion
Pekerjaan Tambahan	454,190
Sasaran kritikal untuk 2013: • 500 kedai bagi Program TUKAR • 75 bengkel bagi Program ATOM • 3 Pasar Raya Hiper dan 13 Pasar Raya Besar • 1 Makan Bazaar yang beroperasi	



Minyak Sawit dan Getah



Tan Sri Bernard Dompok

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

Sejak tanaman sawit diperkenalkan pada awal abad ini, industri sawit negara telah menjadi pemangkin pertumbuhan sosio-ekonomi negara khususnya dalam pembasmian kemiskinan dan penyediaan peluang pekerjaan kepada lebih 610,000 orang, termasuk 177,000 pekebun kecil.

Kini, industri sawit telah dikenal pasti sebagai salah satu bidang di bawah Program Transformasi Ekonomi Negara melalui *National Key Economic Area* (NKEA) untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Program transformasi ini memberi keutamaan kepada pembangunan ekonomi masa hadapan dengan memberi tumpuan kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D), infrastruktur, kemampanan dan lain-lain keperluan seiring dengan pembangunan industri sawit negara.

Saya berpuas hati melihat pencapaian yang memberangsangkan untuk NKEA Sawit. Walaupun industri sawit berhadapan dengan pelbagai cabaran termasuk pasaran yang tidak menentu bagi tempoh 12 bulan yang lepas, inisiatif tanaman baharu dan tanaman semula sawit telah menunjukkan prestasi yang baik, di mana seluas kira-kira 113,000 hektar telah dibangunkan dengan tanaman sawit. Langkah ini juga sedikit sebanyak telah membantu mengurus stok minyak sawit negara seiring dengan pertumbuhan ekonomi semasa di Asia dan Eropah.

Di samping itu, penstrukturan semula duti eksport produk sawit di Indonesia juga telah memberi kesan terhadap sektor hiliran sawit negara di samping meningkatkan stok minyak sawit ke paras yang lebih tinggi dengan sekali gus memberi kesan ke atas harga minyak sawit mentah (CPO).

Kerajaan juga telah berusaha untuk menangani isu kejatuhan harga CPO dengan mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan daya saing industri sawit. Bermula 1 Januari 2013, kuota eksport CPO tanpa duti telah dihentikan dan struktur duti eksport CPO telah dikaji semula dengan pelaksanaan struktur duti eksport CPO yang baharu. Langkah ini dapat membantu sektor hiliran sawit khususnya oleokimia untuk menjadi lebih kompetitif di pasaran antarabangsa.

Di bawah NKEA Getah, empat projek permulaan (*entry point project* - EPP) sedang dilaksanakan, termasuk mengekalkan kawasan pengeluaran satu juta hektar dan meningkatkan hasil purata. Rangka kerja ini juga meliputi mempercepatkan aktiviti hiliran dan mengkomersilkan produk getah baharu untuk meningkatkan eksport getah bernilai tinggi untuk negara.

NKEA Minyak Sawit dan Getah menekankan bahawa komoditi pertanian utama negara adalah penting dan saya berasa gembira kerana negara ini berada dalam kedudukan yang baik pada masa depan. Malaysia akan berada di barisan hadapan dalam memenuhi peningkatan permintaan untuk dua komoditi utama ini dalam keadaan di mana penduduk global semakin bertambah dan kemakmuran yang bertambah di negara-negara membangun akan meningkatkan kuasa beli penduduknya.

Dengan ini, saya ingin merakamkan penghargaan saya di atas komitmen yang ditunjukkan oleh semua pihak yang terlibat, agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta, serta pasukan NKEA Minyak Sawit dan Getah atas usaha gigih mereka dalam memastikan kejayaan pelaksanaan NKEA ini.

MINYAK SAWIT DAN GETAH

Menjelang 2020, industri sawit negara disasar akan menyumbang jumlah Pendapatan Negara Kasar (PNK) sebanyak RM125 bilion kepada RM178 bilion dan mewujudkan 41,600 peluang pekerjaan baharu.

Statistik utama	2010	2011	2012
Kawasan tanaman	4.8 juta hektar	5.0 juta hektar	5.1 juta hektar
Pengeluaran MSM	16.99 juta tan	18.91 juta tan	18.79 juta tan
Eksport minyak sawit	16.66 juta tan	17.99 juta tan	17.58 juta tan
Eksport minyak sawit dan produk	23.04 juta tan	24.27 juta tan	24.59 juta tan

Rajah 5.1: Gambaran keseluruhan

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

Industri sawit dan getah Malaysia telah lama menjadi penyumbang utama kepada PNK dan pelbagai rancangan sedang dilaksanakan untuk meningkatkan nilai sumbangan sektor-sektor ini kepada ekonomi Malaysia. Pengeluaran minyak sawit telah meningkat dalam beberapa dekad kebelakangan ini, hasil daripada kejayaan dan sokongan dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan untuk membangunkan bahan tanaman berhasil tinggi dan berkualiti oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Ia juga telah berjaya meningkatkan penglibatan usahawan sawit untuk menyertai industri ini melalui skim pekebun kecil.

Negara juga mencipta kejayaan dengan pendekatan atas ke bawah melalui kerjasama dengan sektor swasta bagi projek-projek seperti pemetaan genom minyak sawit, penyelidikan agronomi dan pemprosesan minyak sawit hiliran secara meluas.

Walau bagaimanapun, dengan rancangan untuk menjadikan industri sawit sebagai jentera pertumbuhan ekonomi utama negara, jentera ini perlu menjalani beberapa perubahan asas di sepanjang rantai bekalan, daripada meningkatkan produktiviti pekebun kecil kepada meningkatkan pengembangan kapasiti sektor hiliran.

Kawasan tanaman sawit juga telah meningkat melebihi lima juta hektar. Walau bagaimanapun, kawasan yang mempunyai profil pokok sawit tua telah menghalang pertumbuhan pengeluaran dan produktiviti purata negara. Hasil purata tahunan buah tandan segar (BTS) secara relatif kekal tidak berubah pada 20 tan sehektar setahun.

Lapan Projek Permulaan (EPP) telah dikenal pasti di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Minyak Sawit untuk memacu pertumbuhan sektor dan untuk memainkan peranannya sebagai elemen utama

ekonomi negara. Ini dibahagikan kepada dua teras strategik. Teras pertama bertujuan untuk memastikan kemapanan dan membantu meningkatkan hasil buah tandan segar (BTS) minyak sawit menjelang tahun 2020. Lima EPP yang dilaksanakan di bawah teras sektor hulu :

- EPP 1:** Mempercepatkan penanaman semula dan penanaman baharu sawit
- EPP 2:** Meningkatkan hasil buah tandan segar (BTS)
- EPP 3:** Meningkatkan produktiviti pekerja
- EPP 4:** Meningkatkan kadar pengekstrakan minyak
- EPP 5:** Membangunkan kemudahan biogas di kilang minyak sawit

Minyak sawit juga merupakan salah satu komoditi utama dari segi potensi untuk menambah nilai melalui kepelbagaian pemprosesan hiliran. Kebanyakan kilang pemprosesan ini adalah berhampiran dengan kawasan pantai dan pertanian, sekali gus dapat menjana aktiviti ekonomi dan peluang pekerjaan di kawasan berkenaan.

Teras strategik kedua bertujuan untuk memaksimumkan integrasi di sepanjang rantai nilai dengan matlamat untuk membangunkan industri bernilai tinggi dan bukan hanya setakat pengeluaran dan penapisan minyak sawit mentah sahaja. Tiga EPP di bawah matlamat ini:

- EPP 6:** Membangunkan bahan terbitan oleo dan bahan kimia berasaskan bio bernilai tinggi
- EPP 7:** Pengkomersilan biobahan api generasi kedua
- EPP 8:** Mempercepatkan pertumbuhan produk makanan dan kesihatan dalam segmen hiliran

Petunjuk Prestasi Utama 2012

NKEA Minyak Sawit dan Getah		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #1	Kawasan tertunggak dibersihkan oleh syarikat perladangan dan pekebun kecil kelompok (hektar)	100,000	81,976.74	82	●	82	●	0.5	●
	Kawasan penanaman semula dan baharu oleh pekebun kecil (hektar)	30,000	31,351.01	105	●	100	●	1	●
EPP #2	Jumlah koperasi pekebun kecil baharu ditubuhkan	7	8	114	●	100	●	1	●
	Kawasan baharu syarikat perladangan/pekebun kecil yang patuh COP/NSGAP/RSPO/amalan baik (hektar)	150,000	175,808	117	●	100	●	1	●
	Hasil purata nasional (tan/hektar/tahun)	18.9	18.89	100	●	100	●	1	●
EPP #3	Jumlah Cantas™ diguna	1,500	1,527	102	●	100	●	1	●
	Jumlah Alat Pengasah Diamond dipakai oleh syarikat perladangan dan pekebun kecil	4,000	4,683	117	●	100	●	1	●
EPP #4	Jumlah kilang minyak sawit baharu disahkan oleh MPOB untuk Kod Amalan Baik dan lain-lain pensijilan antarabangsa (RSPO atau ISCC)	20	26	130	●	100	●	1	●
	Kadar pengekstrakan minyak	21.05%	20.35%	97	●	97	●	0.5	●
EPP #5	Jumlah kilang baharu yang dibina dengan kemudahan biogas (eksklusif 2011)	10	9	90	●	90	●	0.5	●
	Jumlah kilang baharu dengan loji biogas disambungkan ke grid	2	2	100	●	90	●	0.5	●
EPP #6	Kadar pemanfaatan dana pemerolehan pra-pengkomersilan dan dana pemerolehan teknologi (RM juta)	15.889	15.889	100	●	100	●	1	●
	Jumlah pelaburan yang direalisasikan dalam sektor bahan terbitan oleo (RM juta)	500	220.2	44	●	44	●	0	●

(bersambung)

(sambungan mukasurat sebelum)

NKEA Minyak Sawit dan Getah		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #7	Pengkomersilan biobahan api generasi kedua	60%	29.38%	49	●	49	●	0	●
EPP #8	Kadar pengambilan dana untuk produk-produk makanan dan kesihatan	100%	80.64%	81	●	81	●	0.5	●
	Jumlah pelaburan dalam segmen berasaskan makanan dan kesihatan (RM juta)	40	53.53	135	●	100	●	1	●
EPP #1	Kawasan penanaman semula dan penanaman baharu oleh pekebun kecil (hektar)	35,000	45,085.05	129	●	100	●	1	●
	Pendapatan eksport Malaysia daripada produk lateks getah (RM bil)	12.48	12.01	99	●	99	●	0.5	●
	Pendapatan eksport Malaysia daripada getah asli dan getah kompaun (RM juta)	1	1.33	133	●	100	●	1	●
	Pengeluaran ekoprena dan pureprena (tan)	1,000	910	91	●	91	●	0.5	●
				101%		91%		73%	

Rajah 5.1

Kaedah 1 menunjukkan pencapaian KPI sebenar iaitu membenarkan pencapaian melebihi 100 peratus dilaporkan.

Kaedah 2 menunjukkan laporan pencapaian KPI yang dihadkan kepada 100 peratus.

Kaedah 3 menunjukkan laporan pencapaian paling mudah. Sasaran KPI yang telah dipenuhi atau melebihi diberi gred 1. KPI yang mencapai lebih separuh daripada sasarannya diberi gred 0.5, dan KPI yang kurang daripada separuh sasaran mereka diberi gred 0.

PROJEK PERMULAAN (EPP)

EPP 1


Mempercepatkan Penanaman Semula dan Penanaman Baharu Kelapa Sawit

Lonjakan dalam permintaan bagi minyak sawit ketika penanam berusaha untuk meningkatkan hasil dan menambah bekalan menyebabkan harga minyak sawit melonjak sebanyak 20 peratus di antara tahun 2008 dan 2011. Kenaikan harga ini telah mendorong pekebun kecil dan syarikat perladangan untuk menangguh usaha penanaman semula agar dapat meraih keuntungan daripada harga tinggi minyak sawit mentah yang kekal melebihi RM2,000 se-tan semasa tempoh tersebut. Ini telah menyebabkan sejumlah besar pokok sawit tua dibiarkan tanpa ditanam semula.

EPP ini bertujuan untuk mempercepatkan usaha penanaman semula yang berterusan oleh syarikat-syarikat perladangan dan pekebun-pekebun kecil untuk menggantikan kira-kira 449,415 hektar pokok tua dengan anak benih baharu yang berhasil tinggi.

Perlaksanaan EPP ini menggunakan bahan-bahan tanaman yang lebih baik bagi memastikan kestabilan bekalan tanaman dengan tahap hasil purata yang lebih tinggi sebanyak 26.2 tan/hektar/tahun menjelang tahun 2020. Selain itu, ia adalah bagi memastikan bekalan domestik mencukupi untuk memacu pertumbuhan masa depan sektor hiliran. Usaha di bawah EPP ini dijangka menjana RM4.6 bilion.


Pada tahun lalu, aktiviti penanaman semula dan penanaman baharu telah dijalankan di 113,000 hektar tanah sawit di Malaysia. Daripada jumlah ini, jumlah kawasan tertunggak yang dibersihkan oleh syarikat perladangan dan pekebun kecil kelompok mencapai 81,977 hektar manakala jumlah kawasan penanaman semula dan penanaman baharu yang dilaksanakan oleh pekebun kecil persendirian ialah 31,351 hektar.



Rajah 5.2: Kawasan penanaman semula dan penanaman baharu kelapa sawit

Pada masa ini, usaha berterusan dalam memastikan kemapanan pengeluaran sawit terus giat dilaksanakan menerusi pengurusan kawasan pokok sawit matang di mana kawasan tanaman yang berumur 25 tahun ke atas telah dapat dikurangkan kepada 7.15 peratus pada tahun 2012 berbanding 7.49 peratus pada tahun 2008.

Peratus kawasan berumur 25 tahun dan ke atas berbanding jumlah keluasan tanaman sawit



Rajah 5.3: Peratus kawasan berumur 25 tahun dan ke atas berbanding jumlah keluasan tanaman sawit

Langkah Seterusnya

Sebagai langkah untuk mempercepatkan program penanaman semula sawit dan pengurusan stok minyak sawit negara, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM432 juta sebagai dana untuk inisiatif penanaman semula dan penanaman baharu oleh pekebun-pekebun kecil persendirian pada tahun 2013. Melalui bantuan ini, Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM9,000 sehektar bagi pekebun kecil

di Sabah dan Sarawak dan RM7,500 sehektar bagi pekebun kecil di Semenanjung Malaysia. Selain itu, bantuan penyelenggaraan kebun sebanyak RM500 sebulan selama dua tahun sebagai elaun sara hidup turut diberikan kepada pekebun kecil yang layak di bawah program penanaman semula. Ini merupakan dana tambahan di samping program penanaman semula yang dianggarkan seluas 100,000 hektar yang akan dibangunkan oleh syarikat perladangan dan pekebun kecil kelompok.

EPP 2 Meningkatkan Hasil Buah Tandan Segar (BTS)

EPP 2 adalah berkaitan meningkatkan hasil BTS negara daripada 18.89 tan/hektar/tahun kepada 26 tan/hektar/tahun menjelang tahun 2020. Kurangnya pendedahan kepada amalan pertanian baik dan skala ekonomi yang rendah di kalangan pekebun kecil telah menyebabkan hasil BTS yang rendah dan hasil tuaian yang kurang berbanding pekebun kecil terancang dan syarikat perladangan.


Sebanyak 40 peratus daripada kawasan perladangan sawit negara adalah terdiri daripada kawasan yang ditanam oleh pekebun kecil di mana kawasan ini

menjana hasil BTS yang lebih rendah berbanding syarikat-syarikat perladangan. Justeru itu, Pekebun Kecil adalah digalakkan untuk mengaplikasikan Amalan Pertanian Baik (GAP) yang sepertimana disarankan oleh MPOB.

Langkah-langkah yang telah diambil di bawah EPP 2 adalah termasuk menubuhkan koperasi penanam sawit di seluruh negara, yang bertujuan untuk membimbing dan meningkatkan kesedaran mengenai teknologi baharu dan amalan pertanian baik bagi meningkatkan produktiviti sawit. Ini selaras dengan prinsip-prinsip kemampunan pengeluaran minyak sawit.

Pencapaian dan Cabaran

Hasil purata nasional



Rajah 5.4: Hasil purata nasional buah tandan segar (BTS)

Kepentingan mengaplikasikan amalan pertanian baik telah menjadi penyumbang utama kepada hasil BTS yang lebih tinggi. Bagi tahun 2012, dianggarkan seluas 175,808 hektar tanaman sawit yang baru telah mematuhi prinsip pematuhan sebagai salah satu prinsip amalan pertanian baik, dengan mengatasi sasaran awal iaitu seluas 150,000 hektar.

Bil	Lokasi (kelompok)	Bil. pekebun kecil	Hektar	Koperasi	
				Jangkaan keanggotaan	Hektar
1	Tongod, Sabah	1,230	4,920	615	2,460
2	Saratok, Sarawak	544	1,870	544	1,870
3	Kunak, Sabah	910	8,265	455	4,103
4	Jasin, Melaka	912	3,824	456	1,912
5	Kluang Utara, Johor	5,689	19,542	2,845	9,771
6	Belaga, Sarawak	511	1,191	511	1,191
7	Kinabatangan, Sabah	3,648	22,104	1,824	11,052
8	Tawau, Sabah	1,644	11,202	822	5,601
9	Kulaijaya, Johor	2,355	7,065	1,178	3,533
10	Kuala Selangor Selatan, Selangor	2,683	5,173	1,342	2,587
11	Temerloh, Pahang	1,185	6,001	593	3,001
12	Beluran, Sabah	4,701	26,917	2,351	13,459
13	Bera, Pahang	2,350	9,350	1,175	4,675
14	Selama, Perak	1,378	4,425	689	2,212
15	Serian, Sarawak	704	3,358	704	3,358
16	Keningau, Sabah	1,132	6,939	566	3,469
17	Teluk Intan, Perak	5,317	12,723	2,659	6,363
18	Selangau, Sarawak	531	2,944	266	1,475
19	Maran, Pahang	870	4,048	435	2,024
20	Dungun, Terengganu	231	1,129	116	567
21	Kuala Langat, Selangor	2,135	2,133	1,068	1,067
22	Bakong Marudi, Sarawak	1,500	5,417	750	2,708
23	Yong Peng, Johor	460	1,567	230	783
Jumlah		42,620	172,107	22,194	89,241

Rajah 5.5: Koperasi minyak sawit mapan pekebun kecil

Sehingga kini, EPP ini telah berjaya menubuhkan sebanyak 23 koperasi sawit pekebun kecil dengan penambahan sebanyak lapan koperasi bagi tahun 2012. Penubuhan koperasi ini adalah dianggarkan mewakili 43,000 pekebun kecil, yang meliputi 172,000 hektar kawasan tanaman sawit. Usaha penubuhan koperasi ini secara tidak langsung akan membolehkan pekebun kecil meningkatkan skala dan kecekapan tuaian hasil BTS untuk kawasan mereka.

Langkah Seterusnya

Sebagai langkah untuk meningkatkan hasil minyak sawit negara menerusi amalan pertanian baik, EPP ini mensasarkan untuk meningkatkan kawasan yang mematuhi amalan pertanian baik kepada 200,000 hektar pada tahun 2013. Ianya dapat dilaksanakan menerusi penubuhan 7 lagi koperasi yang dirancang bagi tahun 2013, seterusnya menjadikan jumlah keseluruhan adalah sebanyak 30 koperasi di seluruh negara.

Industri sawit merupakan industri yang berintensifkan tenaga buruh. Oleh yang demikian, faktor migrasi pekerja asing dan peraturan-peraturan buruh asing yang semakin ketat telah menyumbang antara lain kepada kekurangan tenaga buruh hingga menyebabkan penuaian BTS yang tidak efektif dan seterusnya mengurangkan pengeluaran minyak sawit mentah.


Selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh asing, EPP 3 mensasarkan untuk memperkenalkan teknik-teknik baharu kepada pekebun kecil dan syarikat perladangan bagi membantu meningkatkan produktiviti.

Mesin menuai Cantas™ digunakan untuk menuai buah sawit, sementara *Diamond Sharpening Tool* berfungsi melengkapkan penggunaan Cantas™. Kombinasi kedua-dua alat ini akan membolehkan sabit dan pahat diasah dengan lebih cepat dan efektif.

Cantas™ ialah sabit bermotor sepanjang 15-kaki yang digunakan untuk menuai buah sawit. Usaha promosi yang dilaksanakan oleh MPOB telah meningkatkan penggunaan Cantas™ di kalangan syarikat-syarikat perladangan dan pekebun kecil, di mana ianya telah meningkatkan produktiviti pekerja setiap hari.

Diamond Sharpening Tool membolehkan penuai mengasah sabit dengan lebih mudah semasa proses menuai BTS.

Cantas™ yang digunakan oleh industri



Rajah 5.6: Bilangan unit Cantas™ baharu yang diguna oleh industri

Daripada 1,500 unit Cantas™ yang disasarkan, sebanyak 1,527 unit telah digunakan oleh syarikat perladangan dan pekebun kecil dengan tambahan 4,683 unit *Diamond Sharpening Tool*.

Bagi meningkatkan keyakinan dan penyertaan syarikat perladangan dan pekebun kecil dalam penggunaan Cantas™, 1,098 unit sabit penuaian bermotor telah diberikan sebagai sebahagian daripada inisiatif penuaian. Pemberian ini bertujuan untuk mengurangkan pergantungan kepada tenaga buruh dan untuk meningkatkan produktiviti.

Langkah Seterusnya

EPP ini akan terus memberi tumpuan kepada meningkatkan produktiviti penuaian BTS sawit dengan sasaran pembelian 1,500 unit Cantas™ oleh syarikat-syarikat perladangan dan pekebun kecil.



Cantas™

EPP 4

Meningkatkan Kadar Pengekstrakan Minyak (OER)

Purata kadar pengekstrakan minyak (OER) kebangsaan pada tahun-tahun kebelakangan ini masih kekal di bawah 20.5 peratus. Syarikat perladangan dan pekebun kecil telah diseru untuk meningkatkan prestasi OER mereka kerana ia berfungsi sebagai pengukuran keuntungan sesebuah syarikat perladangan. Pada peringkat makro, perubahan dalam OER mempunyai kaitan dengan ekonomi kerana perubahan itu menunjukkan kepada output minyak sawit mentah yang lebih tinggi atau lebih rendah dari satu-satu kawasan.

EPP ini bertujuan meningkatkan OER daripada 20.49 peratus pada tahun 2009 kepada 23 peratus menjelang tahun 2020. Ianya dilaksanakan melalui penggredan BTS yang betul bagi mengurangkan BTS berkualiti rendah sebelum pemprosesan. Seramai 241 orang pegawai penguatkuasaan MPOB akan ditempatkan di kilang-kilang yang terpilih, di mana pegawai yang terlibat ini akan menyediakan khidmat nasihat dan menjalankan penguatkuasaan ke atas kualiti BTS.

Kadar Pengekstrakan Minyak Tahunan 2007-2012





Exhibit 5.7: Kadar pengekstrakan minyak tahunan 2007-2012


Prestasi Kadar Pengekstrakan Minyak 2012



Rajah 5.8: Prestasi kadar pengekstrakan minyak 2012

Prestasi OER bagi tahun 2012 bermula pada purata 20.17 peratus. Walau bagaimanapun, ianya telah menunjukkan peningkatan sejak setahun lalu dan telah merekodkan prestasi OER 20.26 peratus. Kadar purata OER pada tahun tersebut telah direkodkan pada 20.35 peratus.

Liputan inisiatif penguatkuasaan di bawah EPP 4




Rajah 5.9: Liputan inisiatif penguatkuasaan

EPP ini mula menunjukkan keberkesanan setelah pelaksanaan program penempatan pegawai penguatkuasa MPOB di kilang-kilang yang berprestasi rendah. Tujuh kilang telah mencatatkan peningkatan dalam OER lebih daripada satu peratus, 20 kilang telah mencatatkan peningkatan OER di antara 0.5 peratus hingga satu peratus manakala 78 kilang menyaksikan peningkatan di antara 0 peratus hingga 0.49 peratus.

Di samping itu, penempatan pegawai penguatkuasa ini juga telah dapat memastikan hanya BTS yang berkualiti baik sahaja dihantar ke kilang untuk diproses. Hasilnya, sebanyak 26 kilang telah

Hasil jelas yang ditunjukkan meliputi sesetengah kilang



Rajah 5.10

mendapat perakuan Kod Amalan MPOB dan lain-lain badan atau pertubuhan pensijilan antarabangsa.

Langkah Seterusnya

Selaras dengan usaha di bawah EPP 2 untuk meningkatkan hasil buah tandan segar, penyelidikan dan pembangunan hendaklah terus diadakan terutama dari segi aspek pengedaran kualiti minyak sawit secara automatik di tempat penuaian dan di kilang minyak sawit. Langkah ini boleh membantu membuka jalan untuk mendapatkan kadar OER yang lebih baik menjelang tahun 2020.

EPP 5 Membangunkan Kemudahan Biogas di Kilang Minyak Sawit

BTS yang diproses di kilang minyak sawit di negara ini menghasilkan hasil sampingan sisa sawit (POME) yang biasanya dirawat melalui sistem penggenangan yang murah tetapi memerlukan kawasan tanah yang besar.

Rawatan yang sedia ada bagi POME menjana sejumlah besar biogas yang mengandungi gas metana, gas rumah hijau dengan potensi pemanasan global 21 kali ganda lebih daripada karbon dioksida.


EPP ini ditetapkan untuk menggalakkan pengilang minyak sawit untuk memerangkap metana dan mengubah gas rumah hijau menjadi tenaga alternatif melalui pemasangan kemudahan biogas di kilang minyak sawit di seluruh Malaysia menjelang tahun 2020.

Selepas satu siri rawatan, metana akan ditukarkan kepada sumber elektrik yang boleh dijana untuk kegunaan sendiri. Manakala loji biogas yang memenuhi prasyarat tertentu boleh menyalurkan elektrik yang berlebihan ke grid kuasa elektrik.

Pencapaian dan Cabaran

EPP ini telah mencapai kejayaan yang besar dalam membangunkan sebanyak 57 kilang biogas di beberapa kilang minyak sawit di seluruh Negara. Sehingga kini, 15 kilang sedang membangunkan kemudahan biogas dan 149 kilang lain masih dalam peringkat perancangan. Tahun ini sahaja, beberapa buah kilang biogas milik FELDA seperti di Serting Hilir, Negeri Sembilan telah disambungkan ke grid kebangsaan. Manakala satu lagi kilang biogas kini telah membekalkan elektrik kepada sebuah kampung tempatan di Tawau, Sabah. Langkah ini adalah seiring dengan pembangunan infrastruktur asas luar bandar dan usaha untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

Kemajuan membangunkan kemudahan biogas di kilang



Rajah 5.11: Kemajuan membangunkan kemudahan biogas di kilang-kilang di Malaysia

Langkah Seterusnya

Perbincangan bagi mengurangkan kos sambungan yang tinggi memainkan peranan penting dalam menyokong perluasan penjanaan kuasa berasaskan biogas, seiring dengan langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menetapkan had pelepasan gas rumah hijau dalam industri minyak sawit.

Selaras dengan usaha ini, EPP 5 menyasarkan untuk menubuhkan 8 loji biogas tambahan di kilang minyak sawit pada tahun 2013, dengan dua daripadanya dijangka boleh menyalurkan elektrik ke dalam grid kuasa elektrik menjelang tahun depan.

EPP 6

Membangunkan Bahan Terbitan Oleo dan Bahan Kimia Berasaskan Bio Bernilai Tinggi

Beberapa faktor sedang membawa perubahan kepada industri hiliran minyak sawit di Malaysia. Tetapi faktor utama yang paling ketara adalah pembangunan dan peralihan global daripada petrokimia kepada oleo-kimia yang mesra alam dan berdaya maju yang mungkin membawa kepada perubahan struktur dalam permintaan untuk minyak sawit di seluruh dunia.

Pembaharuan pasaran oleokimia mesra alam akan memerlukan negara pengekspor dan komuniti sektor hiliran untuk menilai semula usaha-usaha seiring dengan keperluan mesra alam.

Dengan peralihan kepada produk nilai ditambah yang lebih tinggi seperti bahan terbitan agrokimia, biopelincir, biopoliol, surfaktan dan gliserol, pertumbuhan dalam segmen hiliran ini akan mengukuhkan dan menebat perladangan hulu daripada kejutan harga komoditi yang tidak menentu.

EPP ini adalah ke arah memandu pengeluaran daripada asas oleo kimia sawit kepada bahan terbitan oleo bernilai tinggi yang telah lama dianggap lebih mesra alam berbanding petrokimia.

Pencapaian dan Cabaran

Dalam tempoh tahun 2011 hingga 2012, lapar syarikat utama telah mengumumkan rancangan untuk meningkatkan pelaburan dalam perniagaan oleokimia. Syarikat-syarikat ini dengan jumlah pelaburan sebanyak RM1.36 bilion dalam tempoh beberapa tahun akan datang adalah seperti berikut:

- Esterchem (M) Sdn Bhd
- KL Kepong Oleomas Sdn Bhd
- Palm-oleo (Klang) Sdn Bhd
- Emery Oleochemicals (M) Sdn Bhd
- UniOleon Sdn Bhd
- Carotino Sdn Bhd
- Ancom Crop Care Sdn Bhd
- ICM Specialty Chemicals Sdn Bhd

Indonesia, yang merupakan salah satu pengeluar minyak sawit utama di dunia, pada tahun 2011, telah mengubah struktur cukai eksport sedia ada minyak sawit mentah dan produk sawit bertapis. Ini adalah langkah serampang dua mata untuk menjamin pelaburan dalam industri pemprosesan minyak sawit hiliran mereka dan memastikan bekalan yang mencukupi bagi stok suapan minyak sawit mentah yang murah.

Perkembangan ini telah membuatkan pelaburan dalam minyak sawit hiliran Malaysia kurang menarik, walaupun langkah oleh Kerajaan pada bulan Oktober untuk menamatkan kuota eksport minyak sawit mentah bebas cukai dan mengurangkan cukai eksport untuk minyak sawit mentah boleh memperkukuhkan daya saing Malaysia sebagai pusat penapis minyak sawit dan pengekspor oleokimia dalam pasaran global.

Langkah Seterusnya

Kerajaan telah memperuntukkan bajet tambahan sebanyak RM127.1 juta sebagai geran pembangunan pada tahun 2013 sebagai insentif kepada pihak industri untuk menceburi bahan terbitan oleo yang memerlukan tenaga kerja dan teknologi yang berkemahiran tinggi.

Pengeluaran dan penggunaan biobahan api telah berkembang pesat mengikut keperluan dan rangsangan pasaran tenaga baharu. Ini didorong oleh kenaikan harga minyak serta turun naik harga, yang membawa kepada sokongan untuk bahan api boleh baharu yang juga dikenali sebagai penjana tenaga boleh baharu generasi pertama. Tenaga boleh baharu ini diperbuat daripada gula, kacang soya, jagung dan minyak sayur-sayuran.

Walau bagaimanapun, pertumbuhan pesat pengeluaran biobahan api telah menimbulkan saingan. Sokongan yang dinikmati biobahan api sejak empat tahun yang lalu telah berkurangan akibat daripada kritikan bahawa pengeluarannya dikaitkan dengan kenaikan harga makanan dan persoalan tentang keupayaannya untuk mengganti bahan api fosil.

Perkembangan ini telah merangsang minat yang lebih besar untuk pembangunan biobahan api yang dihasilkan daripada biojisim bukan makanan - biasanya dirujuk sebagai biobahan api generasi kedua.

EPP menasaskan untuk mempercepatkan pengkomersilan biobahan api generasi kedua,

termasuk minyak bio, dalam usaha untuk mengurangkan turun naik harga batu arang dan minyak. Industri minyak sawit menjana lebih 60 juta tan biojisim minyak sawit setahun dalam bentuk tandan buah kosong (EFB), batang dan pelepah pokok. Dengan menggunakan teknologi biojisim-ke-cecair, minyak bio boleh digunakan untuk menjana elektrik, menyalakan dandang dan boleh digunakan sebagai bahan bakar dalam enjin diesel.

Fokus EPP ini sejak setahun lalu adalah untuk meningkatkan penerimaan masa depan biobahan api generasi kedua.

Pembinaan loji minyak bio oleh Sahabat Renewable Fuel Ventures Sdn Bhd, yang merupakan usaha sama di antara Premium Renewable Energy Sdn Bhd dan FELDA, telah ditangguhkan kerana terdapat perubahan keadaan penerimaan teknologi dan pasaran.

Langkah Seterusnya

Kerajaan akan terus memudahkan pembangunan projek minyak bio di samping membangunkan akses pasaran tenaga boleh baharu melalui lain-lain bentuk biojisim kepada tenaga.



Loji Biodiesel Pulau Carey. Gambar diperolehi daripada BERNAMA Images

EPP 8

Mempercepatkan Pertumbuhan Produk Makanan dan Kesihatan dalam Segmen Hiliran

Selaras dengan sasaran di bawah EPP 6 untuk meningkatkan pengeluaran asas sawit oleo kimia kepada bahan terbitan oleo bernilai tinggi, EPP ini menyasarkan untuk meneroka penggunaan luas bahan terbitan berasaskan sawit dalam produk-produk makanan dan berasaskan kesihatan. Ia juga akan membangunkan pengeluaran produk seperti barangan halal, vitamin, pigmen dan resin berasaskan tumbuhan, untuk mengimbangi pergantungan kepada segmen minyak sawit hulu.

Tokotrienol, yang ditemui secara semula jadi dalam minyak sawit, adalah sebahagian daripada keluarga Vitamin E dan digunakan dalam pelbagai penggunaan farmaseutikal dan kesihatan seperti antioksidan. Kajian awal menunjukkan bahawa tokotrienol boleh membantu melawan penyakit hati berlemak, penyakit kardiovaskular dan mencegah strok. Walaupun tokotrienol boleh didapati dalam dedak beras, germa gandum dan minyak, minyak sawit setakat ini adalah sumber terkaya tokotrienol dengan kandungan antioksidan yang tinggi.

Penyelidik di seluruh dunia telah menjalankan banyak kajian dalam dua dekad yang lalu dan saintis kini memulakan langkah kritikal: Menjalankan percubaan klinikal ke atas manusia pada pesakit strok dan kanser. Ganjaran daripada percubaan klinikal ini boleh menjadi besar, seperti yang dilihat dalam minyak ikan, di mana asid lemak omega-3 anti-kanser telah berkembang pesat menjadi industri makanan tambahan bernilai berbilion dolar.

Pencapaian dan Cabaran

Menyedari potensi "super" Vitamin E ini, MPOB telah dianugerahkan 10 geran penyelidikan bagi percubaan klinikal yang berkaitan dengan tokotrienol sawit, karotenoid serta fitonutrien lain, yang sedang dijalankan oleh institusi penyelidikan terkemuka di Afrika Selatan, Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia seperti *Ohio State Medical University* (OSMU - US), *Cape Peninsula University of Technology* (Afrika Selatan) dan *Commonwealth Scientific and Industrial Research Organization* (CSIRO – Australia).

Kajian ke atas penggunaan tokotrienol juga dilakukan secara meluas di Malaysia, yang kebetulan merupakan pengeluar dan pengeksport terbesar di dunia bagi seplemen ini. Davos Life Science Sdn Bhd, yang dimiliki oleh salah satu syarikat minyak sawit terbesar di Malaysia, Kuala Lumpur Kepong Bhd, ialah peneraju dalam mengekstrak tokotrienol daripada buah tandan sawit.

Pada bulan Jun, Davos Life Science memulakan percubaan klinikal manusia pada pesakit kanser prostat peringkat lewat di hospital penyelidikan di Kuala Lumpur, di mana pesakit kanser akan berikan tokotrienol paras tinggi di bawah pengawasan perubatan.

Dari aspek operasi pula, Davos Life Science telah menyiapkan perpindahannya dari Singapura ke Malaysia, dengan penubuhan kompleks pengeluaran tokotrienol terbesar di dunia di West Port, Klang.

Carotino Sdn Bhd melabur dalam loji fitonutrien untuk menghasilkan karoten berasaskan sawit semula jadi dan tokotrienol di Pasir Gudang, Johor, dan akan beroperasi pada suku pertama 2013.

Langkah Seterusnya

Untuk membolehkan pengkomersilan industri tokotrienol di Malaysia, EPP ini menyasarkan untuk memperhebatkan pelaburan dalam segmen bioperubatan ini melalui peruntukan bajet sebanyak RM75 juta oleh Kerajaan untuk menerajui pembangunan inovasi dan produk di negara ini.

GETAH

Pengeluaran getah asli di Malaysia memuncak pada awal abad ke-20 dengan kenaikan harga yang agak tinggi, menjadikan negara ini pengeluar terbesar di dunia. Keadaan ini berubah pada tahun 1980-an dengan pengenalan penanaman sawit, yang menjanjikan pulangan yang lebih cepat dan lebih tinggi.

Malaysia kini berada di belakang Thailand dan Indonesia dari segi pengeluaran walaupun terdapat rancangan untuk meningkatkan produktiviti melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan. Ini adalah untuk memastikan ketersediaan bekalan getah tempatan dalam membangunkan produk getah bernilai tinggi.

Satu sasaran prestasi yang khusus telah ditetapkan untuk industri ini: sumbangannya kepada PNK dijangka meningkat daripada RM18.5 bilion kepada RM52.9 bilion menjelang tahun 2020. Ini mencerminkan aspirasi dan kepercayaan bahawa industri ini mempunyai keupayaan untuk mencapai tahap baharu dengan merebut perkongsian bahagian yang lebih besar dalam pasaran getah global.

Empat EPP telah dikenal pasti sebagai penyumbang utama kepada unjuran pertumbuhan PNK:

EPP 9.1: Meningkatkan purata produktiviti nasional getah asli

EPP 9.2: Memastikan kemapanan industri huluan getah

EPP 9.3: Meningkatkan ekuiti dalam pasaran sarung tangan getah dunia kepada 65 peratus menjelang tahun 2020

EPP 9.4: Mengkomersilkan Ekoprena dan Pureprena (Getah Hijau)

Gabungan NKEA Minyak Sawit dan Getah disasarkan untuk mencapai RM230.9 bilion dalam PNK menjelang tahun 2020.

PROJEK PERMULAAN (EPP)

EPP 9.1 Meningkatkan Purata Produktiviti Nasional Getah Asli

Industri getah global adalah industri kedua terbesar di dunia selepas besi dan keluli. Walaupun permintaan telah meningkat dengan pesat disebabkan pertumbuhan industri tayar dan kereta, penanam getah bergelut untuk meningkatkan pengeluaran kerana kekurangan penoreh mahir, cuaca yang tidak menentu dan ketersediaan tanah yang terhad untuk mengembangkan penanaman getah.

Untuk meningkatkan hasil getah di Malaysia, EPP ini menyasarkan untuk memastikan hanya bahan tanaman berhasil tinggi dan berkualiti sahaja dibekalkan kepada pekebun kecil. Langkah seperti pengesahan klon di sumber tapak semaian, penubuhan pusat ranting tunas hijau (*Malaysian Rubber Budwood Centres*) dan Amalan Baik Pertanian telah diterima pakai.

EPP ini dijangka mewujudkan peningkatan PNK sebanyak RM3.1 bilion menjelang tahun 2020 dan menyediakan 31,000 peluang pekerjaan.

Pencapaian dan Cabaran

Kaedah utama bagi meningkatkan Produktiviti Getah Asli purata kepada 2,000 kg/hektar/tahun menjelang tahun 2020 adalah melalui penanaman bahan tanaman berhasil tinggi dan berkualiti. Pelbagai inisiatif telah dikenal pasti dan dilaksanakan untuk memastikan hanya klon yang disyorkan ditanam oleh pekebun kecil. Antara program yang dilaksanakan adalah:

Kawasan Pengeluaran Benih (SPA)

Biji benih getah diperlukan untuk menghasilkan pokok penanti yang kemudiannya melalui proses cantuman untuk menghasilkan bahan tanaman daripada klon yang dikenal pasti. SPA telah ditubuhkan oleh Lembaga Getah Malaysia (MRB) untuk membekalkan benih getah tambahan untuk penyediaan pokok penanti oleh tapak semaian.

Malaysian Rubber Budwood Centre (MRBC)

MRBC ditubuhkan untuk membekalkan kuantiti mata tunas yang mencukupi dan berkualiti tinggi kepada tapak semaian untuk menghasilkan bahan tanaman daripada klon yang disyorkan. Dua MRBC di Bukit Kuantan, Pahang, dan Penampang, Sabah, dengan kawasan seluas 30 hektar dan 15 hektar masing-masing telah berjaya disiapkan pada tahun 2012. Ini adalah tambahan kepada dua MRBC yang dibangunkan di Kota Tinggi, Johor, dan Similajau, Sarawak, dengan kawasan seluas 30 hektar setiap satu pada tahun 2011.

i-KLON and RiTeS

i-Klon telah diperkenalkan dengan tujuan untuk menambah nilai kepada proses semasa pemeriksaan klon yang dibuat secara manual serta mempercepatkan proses pensijilan untuk tapak semaian. Untuk tujuan yang sama, satu mekanisme penjejakan klon dikenali sebagai *Rubber Information and Traceability System* (RiTeS), telah dibangunkan untuk memantau dan menjejak sumber bahan tanaman.

ARTS dan Lain-lain Sistem untuk Menyokong Penjenteraan

Sistem Menoreh Getah Automatik (ARTS) telah dibangunkan dan dalam proses ujian pra-komersil di lapangan MRB dan perladangan Sime Darby. Beberapa teknologi lain untuk automasi dan mekanisasi juga telah dilancarkan pada tahun 2012 termasuk *Soil Filling Machine* (SoFiL), *Planting Machine* (PMac) dan *Latex Collection Vehicle* (LCV).

Amalan Pertanian Baik (GAP)

RISDA dan LIGS sebelum ini aktif menjalankan latihan berkaitan dengan Amalan Pertanian Baik (GAP) untuk memastikan pokok getah muda diberikan input bajatan penyelenggaraan yang betul. Pada 31 Oktober 2012, sejumlah 111,727 pekebun kecil di Semenanjung Malaysia telah dilatih oleh RISDA manakala LIGS telah menyediakan latihan kepada 512 pekebun kecil di Sabah.

Langkah Seterusnya

Dua buah *Malaysian Rubber Budwood Centres* tambahan di Kota Tinggi, Johor, (8 hektar) dan Sungai Sari, Kedah (12 hektar) akan ditubuhkan pada 2013.



Pokok getah yang ditanam semula ditoreh untuk getah



EPP 9.2 Memastikan Kemapanan Industri Hulan Getah

Keluasan ladang getah Malaysia berkurangan secara beransur-ansur dalam tempoh 10 tahun lepas. Dalam tempoh tersebut, tanah getah telah ditukar kepada aktiviti ekonomi lain secara besar-besaran. Pada tahun 2000, luas kawasan getah berjumlah 1.43 juta hektar berkurangan kepada 1.02 juta hektar pada tahun 2011. Menyedari kepentingan sektor hulan dalam menyediakan bahan-bahan mentah yang mencukupi untuk industri hiliran di masa depan, dasar telah digubal untuk memastikan kawasan getah dikekalkan pada 1.2 juta hektar, di mana satu juta hektar kawasan boleh ditoreh. Dengan mengandaikan produktiviti adalah dua tan/hektar/tahun, negara ini disasar untuk menghasilkan dua juta tan metrik getah menjelang tahun 2020 untuk menyokong pembangunan aktiviti hiliran.

Kerajaan, melalui agensi pelaksana seperti RISDA, LIGS, JPS, FELDA dan FELCRA, komited dalam memastikan aktiviti tanam semula dan tanam baru terus dilaksanakan oleh pekebun kecil. Pada 2011, kadar geran tanam semula telah ditetapkan pada kadar RM9,230/hektar di Semenanjung Malaysia dan ia telah diperluaskan ke Sabah dan Sarawak pada kadar RM13,500/hektar dan RM14,000/hektar. Geran ini juga telah dikembangkan untuk aktiviti tanam baru

Usaha di bawah EPP 2 dijangka akan menjana hasil sebanyak RM3.2 bilion dan membuka 233,766 peluang pekerjaan dalam industri hulan getah.

Pencapaian dan Cabaran

Program penanaman semula dan penanaman baharu pada tahun 2012 menyaksikan sebahagian besar aktiviti tanam semula dilaksanakan di Semenanjung Malaysia, manakala tanam baru dilaksanakan di Sabah dan Sarawak. Jumlah tanaman getah kini dicatatkan seluas 28,576.98 hektar, iaitu 82 peratus daripada luas yang disasarkan 35,000 hektar bagi tahun 2012. Seluas 16,508.07 hektar tanah masih di peringkat pelaksanaan (WIP).

Program tanam semula getah dan tanam baru yang diperkenalkan oleh Kerajaan telah menerima sambutan yang menggalakkan daripada pekebun kecil. Bilangan permohonan yang diterima oleh tiga agensi pelaksana (RISDA, LIGS dan JPS) jauh melebihi sasaran NKEA (keluasan) sebanyak 374.9 peratus.

Pelbagai cabaran dihadapi oleh agensi pelaksana dalam melaksanakan program ini; antaranya adalah kekurangan bekalan bahan tanaman, keadaan cuaca, proses pentadbiran dan lain-lain. Walau bagaimanapun, segala usaha telah diambil oleh agensi-agensi pelaksana untuk memastikan bahawa objektif program tanam semula dan tanaman baru akan tercapai.

Langkah Seterusnya


EPP ini bertujuan untuk melaksanakan aktiviti tanam semula dan tanam baru bagi 47,000 hektar pada tahun 2013.

Penanaman baharu	Permohonan diterima (hektar)	Diluluskan (hektar)	Kawasan (hektar)	
			Kerja dalam proses	Ditanam
RISDA	5,268.53	4,377.80	1,751.92	1,318.18
Lembaga Industri Getah Sabah	39,222.05	4,982.00	1,389.75	2,285.33
Jabatan Pertanian Sarawak	20,776.90	8,516.60	1,890.00	-
Penanaman baharu	Permohonan diterima (hektar)	Diluluskan (hektar)	Kawasan (hektar)	
			Kerja dalam proses	Ditanam
RISDA	62,232.20	53,824.16	11,071.88	23,972.42
Lembaga Industri Getah Sabah	3,725.93	2,412.00	404.52	1,001.05
Jumlah			16,508.07	28,576.98

Rajah 5.12: Kemajuan penanaman semula dan penanaman baharu getah

EPP 9.3 Meningkatkan Ekuiti dalam Pasaran Sarung Tangan Getah Dunia kepada 65 peratus menjelang Tahun 2020

Eksport Malaysia bagi Produk Getah (RM bil)



Rajah 5.13

Eksport Malaysia bagi produk getah menyumbang kira-kira 80 peratus daripada jumlah nilai eksport yang sebahagian besarnya disumbangkan oleh produk sarung tangan. Pada masa ini, Malaysia menjadi pusat pengeluar-pengeluar sarung tangan terkemuka di dunia. Didorong oleh lonjakan dalam permintaan global, sarung tangan akan terus menguasai industri produk getah Malaysia dari segi pekerjaan, penggunaan dan eksport getah. Dalam usaha untuk meningkatkan kecekapan serta mengatasi kekurangan tenaga buruh, pemain industri digalakkan untuk memulakan automasi.

Dengan bekalan mantap bahan mentah, ia diharapkan bahawa industri akan mampu untuk memperoleh kelebihan kompetitif yang penting untuk mengekalkan penguasaan negara sebagai pengeluar terbesar di dunia dan terus mengekalkan industri ini sebagai satu sumber hasil pendapatan yang penting dan penjana pekerjaan untuk negara.

EPP ini menyasarkan untuk meningkatkan ekuiti pasaran global industri sarung tangan getah semula jadi daripada 62 peratus pada tahun 2011 kepada 65 peratus menjelang tahun 2020, berkembang pada kadar 13 peratus setahun. Aktiviti ini dijangka mewujudkan PNK tambahan sebanyak RM20.8 bilion dan mewujudkan 29,000 peluang pekerjaan.

Pencapaian dan Cabaran

Jumlah pendapatan eksport produk getah Malaysia, di mana sarung tangan getah menjadi salah satu penyumbang utama, telah dicatatkan mencapai RM12.01 bilion, kira-kira 96.15 peratus daripada nilai sasaran RM12.48 bilion untuk tahun 2012.

Langkah Seterusnya

Pendapatan eksport Malaysia bagi produk getah pada tahun 2013 disasarkan mencapai RM12.85 bilion.



Menkomersilkan Ekoprena dan Pureprena (Getah Hijau)

Walaupun Malaysia menunjukkan prestasi yang sangat baik dalam pasaran eksport, persaingan daripada pengeluar lain, terutamanya dari negara-negara yang mempunyai kos buruh yang rendah di rantau Asia seperti Vietnam, dijangka mencabar penguasaan pasaran Malaysia. Negara-negara ini bakal memberi ancaman yang hebat kepada industri getah Malaysia. Untuk kekal berdaya saing di pasaran global, pengurangan dalam kos pengeluaran, kemajuan dalam teknologi dan penjenteraan akan diperlukan dari pengeluar Malaysia. Dalam usaha untuk bergerak dari industri lautan merah ini, MRB akan menerajui industri getah asli tempatan untuk mengambil kesempatan ke atas pergerakan konsumerisme hijau yang semakin berpengaruh di dunia, di mana keutamaan adalah untuk bahan-bahan semula jadi dan boleh diperbaharui berbanding bahan-bahan sintetik.

Malaysia mempelopori pengeluaran getah khusus bagi pengeluaran tayar mesra alam dan produk kejuruteraan berprestasi tinggi. Proses untuk menghasilkan getah asli *Epoxidised* (Ekoprena) dan getah asli *Deproteinised* (Pureprena) telah dipertanggungjawabkan kepada dua pemproses getah untuk pengkomersilan. Peningkatan untuk Ekoprena dan pengeluaran garis Pureprena sedang dijalankan untuk meningkatkan kecekapan proses dan produktiviti.

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan MARDEC Bhd adalah dua syarikat yang dilesenkan oleh Lembaga Getah Malaysia (MRB) untuk menghasilkan Ekoprena dan Pureprena dengan kapasiti sasaran sebanyak 300,000 tan metrik setahun menjelang tahun 2020. Kerajaan telah memperuntukkan geran RM5 juta bagi pembinaan kilang dan aktiviti promosi. EPP ini melibatkan RM125 juta pelaburan dari sektor swasta dan akan membawa kepada pewujudan 560 pekerjaan.

Pencapaian dan Cabaran

Felda Rubber Industries Sdn Bhd (FRISB) telah mula menghasilkan Ekoprena dan Pureprena menggunakan kemudahan MRB di Sg Buloh, Selangor, dan produk yang dihasilkan daripada tolling process telah diedarkan kepada pelanggan berpotensi sebagai sampel promosi. Pada tahun 2012, kilang Ekoprena dan Pureprena pertama yang dimiliki oleh FELDA telah memulakan operasi di Palong 8, Negeri Sembilan, untuk pengeluaran komersil.

Usaha untuk memperkenalkan produk-produk baharu untuk pasaran global dilaksanakan melalui lawatan teknikal ke syarikat bakal pelanggan (syarikat tayar utama seperti Pirelli, Itali; Hankook, Korea; dan Michelin Tyre, Perancis), persidangan dan pameran antarabangsa dijalankan secara berterusan. Usaha-usaha ini baru sahaja mewujudkan impak. Selain daripada sampel promosi, sehingga kini sejumlah 910 tan produk telah dihasilkan. Penerimaan Ekoprena masih lemah walaupun dengan usaha-usaha pemasaran dan promosi. Usaha tambahan diperlukan untuk memastikan penerimaan pelanggan yang lebih meluas.

Langkah Seterusnya

Kemelesetan ekonomi global akan mengurangkan permintaan dan keinginan pengeluar tayar utama untuk membangunkan/memperkenalkan produk baru. Kerajaan, di bawah EPP ini, akan terus melibatkan pembuat tayar utama di seluruh dunia dengan tujuan meningkatkan jualan Ekoprena dan Pureprena. Pada 2013, seminar untuk pelanggan yang disasarkan akan dianjurkan sebagai satu usaha untuk mempromosi dan menyebarkan maklumat.

INVESTKL: MENARIK PELABURAN MNC

Pejabat InvestKL berdiri megah di Sentral, Kuala Lumpur, dikelilingi oleh beberapa projek pembangunan mewah yang akan dijalankan di ibu negara di bawah naungan Program Transformasi Ekonomi (ETP) negara. Pada masa ini, Kerajaan membiayai pembayaran bil pelaburan awal bagi pelaksanaan pelan dan sektor swasta dijangka akan membiayai 92 peratus atau RM1.28 daripada bil tersebut.

Walaupun pilihan lokasi pejabat InvestKL adalah secara kebetulan, namun agensi tersebut akan memainkan peranan utama dalam menarik dan membabitkan syarikat multinasional asing (MNC) dalam pelaburan ini. Ini bererti menarik MNC yang boleh mendorong pertumbuhan bakat dan pendapatan, dan inovasi—bukan satu tugas yang mudah seperti yang diperakui oleh Ketua Pegawai Eksekutif InvestKL, Zainal Amanshah.

"Semasa kami memulakan InvestKL, MNC yang belum menubuhkan pangkalan operasi di rantau ini tidak mengenali lokasi Greater Kuala Lumpur," kata Zainal. "Kami tidak ada sebarang 'kisah' yang boleh diceritakan. Sebagai contoh, Singapura mempunyai kisah hab-perkhidmatan; Hong Kong sebagai laluan ke negara China. Bagaimana pula dengan kisah Greater Kuala Lumpur?"


Tambah Zainal lagi, cabarannya ialah untuk penjenamaan semula proposisi kedudukan Greater Kuala Lumpur/Klang Valley (GKL/KV), yang sebelum ini lebih dikenali di seluruh dunia untuk sektor pengilangan dan sektor perkhidmatan bersamanya. "Kami ingin meletakkan GKL/KV sebagai sebuah hab untuk perniagaan, inovasi, bakat dan sebagai pintu masuk ke Asia," katanya. "Para pelabur, tidak mengira di mana mereka berada, ingin memainkan peranan dalam pembentukan kisah Asia."

Selain usaha tersebut, satu cabaran yang paling besar bagi InvestKL dalam masa dua tahun pertamanya ialah untuk meyakinkan para pelabur tentang jenama GKL/KV. Bagaimanakah anda meyakinkan sebuah MNC yang mempunyai pangkalan operasi di seluruh Asia bahawa Malaysia, khususnya GKL/KV adalah lokasi yang paling sesuai untuk menubuhkan ibu pejabat mereka?

Bagi InvestKL, pewujudannya adalah tepat pada masanya, memandangkan kedua-dua inisiatif Program Transformasi Kerajaan dan ETP telah mula dilaksanakan dan telah memberi keyakinan kepada para pelabur bahawa Malaysia adalah komited dan serius untuk berubah.

Tambahan pula, laporan daripada pihak-pihak bebas seperti *The Economist* yang

Kemajuan InvestKL—ke arah menarik 100 MNC menjelang tahun 2020



Graf tidak mengikut skala

Menurut laporan Asia 2050: *Realising the Asian Century* oleh Bank Pembangunan Asia 2011, Asia akan menawan 51 peratus daripada keluaran dalam negara kasar global menjelang tahun 2050 sekiranya tahap pertumbuhan semasa dapat dikekalkan

Bagi Zainal dan pasukan beliau, cabarannya adalah bagi menunjukkan kemampuan GKL/KV untuk membekalkan penyelesaian perkhidmatan perniagaan yang bersepadu, membentuk hab inovasi dan bakat di samping membekalkan sumber yang diperlukan oleh sebuah MNC. Selain itu, membuktikan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang mudah untuk mengendalikan perniagaan.

menjalankan tinjauan tentang destinasi pelaburan di Asia Tenggara, juga telah membantu meletakkan kedudukan GKL/KV di atas peta dunia. GKL/KV, kini meneraju rantau ini dari aspek saingan kos dan infrastruktur, dan bagi aspek-aspek yang kekurangan seperti penyumberan bakat, beberapa penyelesaian akan ditangani melalui agensi-agensi lain seperti TalentCorp dan inisiatif pembaruan dasar Pembangunan Modal Insan.

Menara Kawalan di Kuala Lumpur–Pusat untuk Perniagaan, Inovasi dan Bakat



Pengumuman Perdana Menteri semasa pembentangan Belanjawan 2013 bahawa Kerajaan akan meluaskan Program Insentif Global untuk Perdagangan (GIFT) bagi meliputi komoditi bukan berasaskan petroleum, akan memantapkan kedudukan Malaysia sebagai pusat kawalan serantau yang menyediakan insentif-insentif untuk pengurusan, kewangan dan perdagangan.

Menurut Zainal, testimoni-testimoni daripada MNC lain yang telah mendirikan pangkalan operasi di Malaysia memberi impak yang positif terhadap usahanya. Begitu juga dengan perhubungan erat yang dijalinan bersama empat firma pakar runding utama dan bank-bank pelaburan yang sering diupah sebagai penasihat kepada syarikat-syarikat MNC.

"MNC menghargai sifat ketelitian kami," kata Zainal. "Kami sentiasa bersama mereka sepanjang proses perundingan—dalam menilai kebolehlaksanaan GKL/KV, membangunkan kes perniagaan mereka, bantuan bakat, mengenal pasti insentif-hampir seluruh rangkaian tawaran kami. Selain itu, mereka akan membantu menceritakan kisah kami kepada syarikat-syarikat lain dan seterusnya memudahkan perbincangan dengan syarikat-syarikat lain serta meyakinkan mereka untuk berlabur di Malaysia."

Kini, InvestKL telah meraih beberapa kejayaan termasuk mendapatkan Darden Restaurants Inc yang berpusat di Amerika Syarikat ke Malaysia untuk memajukan taman akuakultur udang karang pertama di dunia yang bertempat di Sabah, di samping

menjadi pusat pengurusan serantau di GKL/KV. Urus niaga ini dinilai berjumlah RM2 bilion.

Sejak dua tahun yang lepas, InvestKL telah menarik 17 MNC, kebanyakannya dalam sektor perkhidmatan perniagaan. Ini merupakan satu kemajuan yang signifikan ke arah pencapaian sasarannya bagi menyediakan 200,000 pekerjaan berkemahiran tinggi dan impak PNK sebanyak RM40 bilion menjelang tahun 2020.


Kata Zainal, beliau berasa "agak puas hati"; pencapaian tahun 2012 melebihi sasaran tahunan iaitu sebanyak 10 setahun, walaupun pada pendapat beliau, kemajuan yang lebih ketara ialah untuk mencapai sasaran 50, ataupun separuh daripada mandatnya dengan secepat mungkin.

"Namun, tugas kami tidak berakhir di situ sahaja," katanya. "Sebaik sahaja mereka (MNC) mendirikan perniagaan mereka di GKL/KV, kami bertanggungjawab untuk membantu MNC membangunkan perniagaan mereka, serta memastikan mereka melaksanakan komitmen pelaburan seperti mana yang dinyatakan, dan juga untuk memastikan bahawa pelaburan mereka membuahkan hasil yang baik.

"Sebenarnya, kerja kami baru sahaja bermula."



Pelancongan



**Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen**

Menteri Pelancongan

Transformasi industri pelancongan kini berjaya diterjemahkan menjadi usaha ketara untuk melonjakkan pencapaian Malaysia ke tahap yang lebih tinggi. Dengan ketibaan pelancong pada tahun ini seramai 25.03 juta dan sumbangan sebanyak RM60.6 (USD19.5) bilion dalam perbelanjaan pelancong, industri pelancongan berada pada kedudukan kukuh sebagai salah satu daripada tiga penyumbang terbesar perolehan pertukaran asing kepada ekonomi.

Pelancongan kini menjadi perniagaan yang semakin kompetitif memandangkan semua negara berusaha gigih untuk mengembangkan bahagian pasaran dan meningkatkan ketibaan pelancong. Justeru, penting bagi Dasar Pelancongan Malaysia untuk menjadikan mantra bahawa pelancongan melindungi, memelihara dan memulihara Alam Semula Jadi, Budaya dan Warisan sebagai terasnya. Buat pertama kalinya, Forum Ekonomi Sedunia, APEC dan pemimpin-pemimpin negara G20 mengiktiraf kepentingan industri pelancongan sebagai pemacu tenaga kerja, pertumbuhan dan pemulihan ekonomi. Berikutan komitmen kerajaan untuk memanfaatkan pelancongan bagi memperkukuhkan ekonomi luar bandar, Malaysia telah dianugerahi tempat pertama Anugerah Ulysses bagi Inovasi dalam Dasar dan Tadbir Urus Awam UNWTO bagi Program Pengalaman Inap Desa Malaysia pada tahun 2012.

Selain itu, penarafan Kuala Lumpur sebagai destinasi pelancongan keempat terbaik di dunia oleh CNN pada tahun 2012 merupakan hasil usaha bersepadu antara kerajaan dengan peserta industri pelancongan untuk memartabatkan Malaysia sebagai destinasi beli-belah terulung. Langkah seterusnya, kami berazam untuk memperhebat usaha bagi menarik lebih ramai pelancong untuk tinggal dengan lebih lama.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak atas komitmen dan kerjasama erat mereka dalam memastikan kejayaan EPP pelancongan.

PELANCONGAN

Industri pelancongan di Malaysia merupakan sumber pendapatan pertukaran asing yang penting, dengan demikian menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, menarik pelaburan dan menyediakan pekerjaan. Malaysia dianugerahkan dengan iklim khatulistiwa serta kepelbagaian eko dan landskap peruncitannya membantu dalam menarik lebih 25 juta ketibaan pelancong setahun sekali gus menyumbang kepada lebih RM60 bilion dalam penerimaan. Ditambah dengan pusat beli-belah yang mempesonakan dan pengalaman perkhidmatan halal, sektor pelancongan mencatatkan pertumbuhan yang berterusan dalam melangkah ke tahun 2013.

Fokus kerajaan terhadap Pelancongan sebagai sebuah NKEA bermaksud mempertingkatkan kerjasama antara Kementerian Pelancongan, Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk memantapkan kedudukan negara sebagai destinasi pelancong antarabangsa yang terkemuka.

Langkah seterusnya, kami akan meneruskan pencapaian setiap Projek Permulaan dan menangani cabaran yang masih menghambat untuk memastikan bahawa sasaran tahun 2020 negara dapat direalisasikan.

Pada tahun 2011, iaitu tahun pertama ETP, usaha utama yang dilaksanakan adalah untuk mewujudkan persekitaran yang membolehkan Projek Permulaan (EPP) mencapai kemajuan, selain membentuk dan mendefinisikan peranan Majlis dan Kumpulan Kerja. Sepanjang tahun 2012, EPP melaksanakan sebahagian besar daripada rancangan awal mereka dengan pencapaian yang membanggakan. Contohnya, tinjauan *The Economist* mengiktiraf Kuala Lumpur sebagai destinasi beli-belah kedua terbaik di Asia Pasifik, pertumbuhan ketara pelancongan perniagaan melalui usaha MyCEB dan pentadbiran ketibaan kapal pelayaran persiaran di Malaysia yang lebih lancar.

2012 Petunjuk Prestasi Utama

NKEA Pelancongan		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #1	% daripada perbelanjaan beli-belah	32	30.7	96	●	96	●	0.5	●
	Jumlah Perbelanjaan Pelancong bagi setiap Ketibaan (RM setiap pelancong)	770	743	96	●	96	●	0.5	●
EPP #2	Pendapatan runcit setiap kaki persegi (RM/kp)	1100	1488	135	●	100	●	1.0	●
EPP #3	Pengesahan pengendali bagi pusat ruang perniagaan kedua	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
EPP #4	Penaiktarafan lokasi untuk memenuhi standard Hab Biodiversiti Mega Malaysia yang diperakui	Penaiktarafan lengkap (1 lokasi) Anugerah Kontrak (1 lokasi)	100%	100	●	100	●	1.0	●
EPP #5	Kelulusan Kerajaan bagi permit pembangunan dan pembinaan untuk pembangunan bercampur Tepian Pantai K (K Beachfront)	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
EPP #6	Pengecualian dasar kabotaj bagi kapal persiaran asing yang menyediakan perkhidmatan di antara pelabuhan Malaysia (tidak termasuk pelayaran persiaran ke tempat lain)	Untuk mewartakan pengecualian dasar kabotaj bagi kapal persiaran asing pada Mac	100%	100	●	100	●	1.0	●
EPP #7	Jumlah pendapatan daripada acara antarabangsa (RM Juta)	900	916	102	●	100	●	1.0	●
EPP #8	Mewujudkan zon hiburan	1	1	100	●	100	●	1.0	●
EPP #9	Bilangan pakar terapi spa yang menjalani latihan	150	152	101	●	100	●	1.0	●
	Pendapatan yang dijana daripada spa (RM Juta)	22	51.8	235	●	100	●	1.0	●
	Pendapatan yang dijana daripada pelancongan golf (RM Juta)	290	296	102	●	100	●	1.0	●
EPP #10	Bilangan acara yang diadakan (bilangan minimum 650 perwakilan)	45	45	100	●	100	●	1.0	●
	% daripada pelawat/ketibaan perniagaan	5.3%	5.1%	96	●	96	●	0.5	●

(bersambung)

(sambungan mukasurat sebelum)

NKEA Pelancongan		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #11	Penambahan kapasiti tempat duduk mingguan ke 6 negara keutamaan (China, Jepun, India, Taiwan, Australia dan Korea)	3780	7028	185	●	100	●	1.0	●
	Peningkatan bilangan lalu lintas penumpang antarabangsa di semua lapangan terbang di Malaysia	5%	5.94%	119	●	100	●	1.0	●
EPP #12	Bilik hotel 4 dan 5 bintang baru	3000	3648	122	●	100	●	1.0	●
				117%		99%		91%	

Rajah 6.1

Kaedah 1 menunjukkan pencapaian KPI sebenar iaitu membenarkan pencapaian melebihi 100 peratus dilaporkan.

Kaedah 2 menunjukkan laporan pencapaian KPI yang dihadkan kepada 100 peratus.

Kaedah 3 menunjukkan laporan pencapaian paling mudah. Sasaran KPI yang telah dipenuhi atau melebihi diberi gred 1. KPI yang mencapai lebih separuh daripada sasarannya diberi gred 0.5, dan KPI yang kurang daripada separuh sasaran mereka diberi gred 0.

PROJEK PERMULAAN (EPP)

EPP 1

Menempatkan Malaysia sebagai Destinasi Beli-belah Bebas Cukai

EPP ini menyasarkan untuk menempatkan Malaysia sebagai destinasi bebas cukai yang menjadi pilihan di rantau ini menjelang tahun 2020. Untuk memacu negara kita ke arah matlamat ini, penentuan harga yang berdaya saing akan menjadi pendorong utama untuk menarik pelancong dan meningkatkan jualan. Usaha ini merupakan susulan penghapusan duti import terhadap 328 barang di bawah lapan kategori yang diumumkan sebelum ini oleh YAB Perdana Menteri Malaysia dalam bajet 2011.

Di samping usaha untuk mempromosikan pengalaman beli-belah di Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna serta Kementerian Pelancongan Malaysia telah menerajui pemantauan harga barangan dalam pasaran serantau yang merangkumi Malaysia, Singapura, Hong Kong, Indonesia dan Thailand, yang membolehkan daya saing produk dan harga diukur secara berterusan di rantau ini.



Pelancong membeli-belah kraf tangan buatan Malaysia

Pencapaian dan Cabaran

Berikutan usaha promosi yang disasarkan secara strategik, peratusan perbelanjaan beli-belah di Malaysia meningkat daripada 30 peratus pada tahun 2011 kepada 30.7 peratus pada tahun 2012, sementara jumlah perbelanjaan pelancong bagi setiap ketibaan meningkat daripada RM707 kepada RM743 dalam tempoh yang sama.

Selain itu, pada tahun 2012, Kuala Lumpur telah meraih tangga keempat antara 10 bandar beli-belah terbaik di dunia dalam tinjauan rangkaian berita global, CNN Travel, mengatasi hab beli-belah terkemuka seperti Paris, Hong Kong dan Dubai. Skor Kuala Lumpur yang memberangsangkan didorong oleh hasil gabungan mantap pengalaman beli-belah berkualiti tinggi, harga berpatutan dan jualan yang andal, dengan Jualan Akhir Tahun 1 Malaysia dipetik sebagai contoh. Perlu dimaklumkan bahawa Malaysia memperoleh skor penuh untuk kategori nilai. Pengiktirafan ini merupakan yang kedua pada tahun 2012 bagi tarikan beli-belah di Kuala Lumpur. Kota Kuala Lumpur juga dinobatkan sebagai destinasi beli-belah kedua terbaik di Asia Pasifik oleh *Globe Shopper Index*, yang dicetuskan oleh *Economist Intelligence Unit*, sebahagian daripada *Economist Group* dan dibiayai oleh *Global Blue*, sebuah syarikat pelancongan beli-belah yang berpangkalan di Switzerland.

Langkah Seterusnya

Sepanjang tahun 2013, Pelancongan Malaysia akan terus memperhebat usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai kayu ukur destinasi beli-belah serantau menerusi kempen kesedaran dan penentuan harga kompetitif yang berterusan.

Menjadikan Kawasan Bukit Bintang-Kuala Lumpur City Centre sebagai Presint Beli-belah yang Meriah

Persatuan Pelancongan Bukit Bintang-Kuala Lumpur City Centre (BB-KLCC) telah dipilih untuk melaksanakan projek penjenamaan dan promosi kawasan BB-KLCC sebagai syurga beli-belah antarabangsa. Matlamatnya adalah untuk menambah baik hab beli-belah ini hingga setanding dengan destinasi beli-belah antarabangsa.

Diasaskan pada September 2011, Persatuan ini terdiri daripada sektor awam dan swasta, dan mewakili kepentingan pemilik tanah, pengendali gedung beli-belah dan peruncit di presint tersebut. Persatuan ini memainkan peranan sokongan yang penting kepada Kementerian Pelancongan yang menerajui usaha ke arah mempertingkatkan perbelanjaan beli-belah di presint dengan mewujudkan kesalinghubungan yang lebih baik, menambah jenis pengiklanan dan menambah baik landskap jalan (streetscaping). Antara ahli persatuan ini termasuklah *Bukit Bintang Plaza, Berjaya Times Square, Fahrenheit88, Federal Hotel KL, Lot 10, Piccolo Mondo, Plaza Low Yat, Pavilion Kuala Lumpur, Sungei Wang Plaza, Suria KLCC dan Starhill Gallery*.

Strategi Persatuan Pelancongan BB-KLCC termasuklah mewujudkan kalendar tarikan dan acara bertaraf dunia untuk mempromosikan Malaysia kepada dunia, merangkumi projek Hiasan Lampu Jalan (Street Illumination). Persatuan turut bekerjasama dengan pihak berkuasa dalam perancangan mereka untuk menambah baik infrastruktur dan kemudahan di kawasan ini. Rancangan ini merangkumi laluan pejalan kaki bertingkat dan berbumbung yang menghubungkan KLCC dan Bukit Bintang.

Pencapaian dan Cabaran

Fasa 1 laluan pejalan kaki bertingkat di antara KLCC dengan Hotel Impiana telah disiapkan dan dilancarkan pada 2011 sementara Fasa 2 yang lebih panjang di antara KLCC dengan Pavilion telah disiapkan pada Disember 2011 dan dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 28 Januari 2012. Laluan sepanjang 562 meter ini bertujuan menggalakkan lebih ramai pembeli berjalan di Kuala Lumpur melalui penyediaan laluan pejalan kaki yang selamat dan selesa.

Untuk mempakejkan pengalaman beli-belah pelancong yang lebih mengujakan, Persatuan Pelancongan BB-KLCC melancarkan Kad Keistimewaan Pelancongan

(Tourism Privileges Card) yang merangkumi 550 ruang perniagaan di gedung beli-belah utama di presint. Kad ini menawarkan pelbagai keistimewaan, faedah dan diskaun yang khusus bagi setiap gedung beli-belah yang mengambil bahagian. Keistimewaan ini sah untuk sepanjang tahun.

Sebagai sebahagian daripada penjenamaan dan promosi, fasa pertama projek Street Illumination BB-KLCC yang bernilai RM2 juta telah dilancarkan oleh YB Menteri Pelancongan pada 29 Ogos 2012 yang mentransformasikan seluruh hab BB-KLCC menjadi lokasi yang bergemerlapan dengan lampu-lampu dan hiasan lampu jalan berskala besar. Ini termasuklah dua pintu gerbang di Bukit Bintang dan KLCC yang dihiasi dengan gabungan air pancur, candelier dan lampu meteor sepanjang jalan. Lampu-lampu ini berbentuk modular dan boleh ditukar untuk musim yang berlainan.

Serentak dengan pelancaran Street Illumination ini, laman sesawang Persatuan Pelancongan BB-KLCC telah dilancarkan (<http://www.bbklccmalaysia.com>). Laman sesawang ini menampilkan kandungan daripada gedung beli-belah, peruncit dan hotel yang mengambil bahagian, selain memaparkan maklumat am, lokasi dan arah di sekitar kawasan.

Inisiatif Go-KL dilancarkan pada 31 Ogos 2012 di bawah GTP Pengangkutan Awam Bandar GTP 2.0, yang menyediakan bas ulang-alik percuma di antara KLCC, Bukit Bintang dan tempat-tempat menarik di KL City seperti Pasar Budaya. Inisiatif ini telah memainkan peranan yang penting dalam menambah baik kesalinghubungan dalam bandar dan menyediakan pengangkutan awam yang berkesan untuk pelancong dan rakyat tempatan.

Langkah Seterusnya

Pada tahun 2013, Persatuan Pelancongan BB-KLCC akan terus merancang acara yang komprehensif untuk melengkapi usaha demi manfaat keseluruhan kawasan ini. Persatuan akan turut mempergiat usaha untuk menambah keahliannya daripada 40 ahli istimewa agar lebih ramai peruncit menyertai perwakilan dan aktiviti.

EPP 3

Mewujudkan Ruang Perniagaan Premium di Malaysia

Usaha bersepadu untuk menjadikan Malaysia destinasi beli-belah serantau yang kompetitif diperkukuh dengan pembinaan pusat ruang perniagaan yang menawarkan barangan mewah dengan harga diskaun. Usaha ini membentuk sebahagian matlamat keseluruhan untuk menarik lebih ramai pelancong dengan menambah baik penawaran barangan runcit sekali gus meningkatkan perbelanjaan pelancong.

Pencapaian dan Cabaran

Sejak pelancaran Fasa 1 *Johor Premium Outlets* oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 11 Disember 2011, pusat ini telah menerima aliran kemasukan pelancong yang konsisten ke premis beli-belah ini. Terletak di Kulaijaya, pusat ini merupakan pusat ruang perniagaan yang pertama seumpamanya di Asia Tenggara.

Fasa kedua *Johor Premium Outlets* dijadualkan dibuka kepada orang ramai pada suku keempat 2013. Ia akan mengembangkan konsep sedia ada dan penawaran beli-belah ruang perniagaan *Johor Premium Outlets*, sekali gus menawarkan pengalaman beli-belah yang lebih hebat dan menarik.

Sepang bakal menyaksikan juga pembangunan pusat ruang perniagaan yang terdiri daripada pembangunan pusat ruang perniagaan kilang (factory outlet) mewah yang dilengkapi komponen pelengkapanya. Ruang perniagaan ini akan dibangunkan dalam tiga fasa dengan kos pembangunan kasar berjumlah RM335 juta.

Langkah Seterusnya

Memanfaatkan tarikan pelancongan terkini di Johor seperti taman tema Legoland dan Hello Kitty, *Johor Premium Outlets* akan terus mempergiatkan promosi untuk meningkatkan aliran pengunjung ke pusat tersebut. Kemajuan Fasa II *Johor Premium Outlets* akan turut dipantau untuk memastikan projek tersebut siap tepat pada masanya. Pelan pembangunan bagi pusat ruang perniagaan di Sepang akan dimuktamadkan untuk sasaran permulaan pembinaan menjelang suku ketiga 2013.



Johor Premium Outlets



Memartabatkan Malaysia sebagai Hab Biodiversiti Global

EPP ini berhasrat memanfaatkan penawaran biodiversiti Malaysia yang unik dan meningkatkan hasil pelancongan dengan memartabatkan Malaysia sebagai salah satu destinasi alam semula jadi dan ekopelancongan yang tersohor di dunia. Sebagai salah satu daripada 12 negara mega biodiversiti Malaysia harus memelihara dan memulihara aset eko-semula jadinya. Untuk melaksanakan tujuan ini, satu sistem menyeluruh diperlukan bagi memantau, memulihara keunikan penampilan khazanah alam semula jadi.

Lembaga Interim Malaysia Mega Biodiversiti Hab (MMBH) yang ditubuhkan pada bulan Disember 2010 terdiri daripada wakil Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Pelancongan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Unit Perancangan Ekonomi, Tourism Malaysia, Jabatan Perhutanan Sarawak, Lembaga Pelancongan Sabah, Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Persatuan Eko-pelancongan Malaysia, Tabung Hidupan Liar Sedunia (WWF), Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI, UKM) dan perwakilan daripada sektor swasta. Lembaga Interim MMBH menyediakan hala tuju dan keputusan dasar yang bertujuan meningkatkan standard kecemerlangan dalam pengurusan dan pemeliharaan tapak ekopelancongan utama.

Antara peranan utama Lembaga ini adalah mengenal pasti dan memantau lokasi eko untuk memastikan pembangunan yang mampan dan seimbang untuk aktiviti ekopelancongan. Pada tahun 2011, MMBH telah mengenal pasti dan menaik taraf 3 lokasi – Taman Negeri Royal Belum, Tapak Warisan Dunia UNESCO di Taman Negara Gunung Mulu serta Taman Laut Pulau Tioman – dan mengiktiraf Aquaria KLCC sebagai Marine Discovery Center.

Pencapaian dan Cabaran

Tiga lokasi tambahan yang telah dikenal pasti oleh Lembaga Interim MMBH untuk kerja menaiktaraf kini sedang dalam beberapa fasa pembangunan fizikal. Taman Negara Kuala Tahan kini dilengkapi pelantar laluan sepanjang 5km yang disiapkan pada Ogos 2012 sebagai usaha untuk meminimumkan impak ke atas ekosistem. Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) dan Taman Kinabalu sedang dinaiktaraf berdasarkan saranan Lembaga. Lembaga juga telah membangunkan dan bakal memulakan ujian perintis terhadap Kriteria dan Penunjuk (C&I) MMBH – satu sistem pemantauan untuk menilai lokasi ekopelancongan dan untuk membolehkan cadangan penambahbaikan dilaksanakan secara sistematik berdasarkan keperluan setiap lokasi yang dinilai. C&I tersebut direka bentuk dengan input daripada wakil pelbagai pihak berkepentingan.

Sementara itu, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sedang mengenal pasti lokasi berpotensi sebagai Rainforest Discovery Center yang akan menjadi pusat bagi mempamerkan kepelbagaian biodiversiti flora dan fauna. Aquaria KLCC akan terus meningkatkan usahanya terhadap pemantapan Marine Discovery Center yang akan dilaksanakan secara berfasa. Projek ini akan dimulakan dengan kawasan interpretasi yang dipertingkatkan dan penaiktarafan pameran yang sedia ada untuk mempromosikan ekopelancongan. Pameran baru juga dirancang dalam fasa seterusnya.

Langkah Seterusnya

Pelaksanaan C&I akan bermula dengan lokasi perintis di Taman Negeri Royal Belum, Taman Laut Pulau Tioman dan Taman Negara Kuala Tahan, Pahang pada tahun 2013. Pelaksanaan ini merupakan gabungan penilaian sendiri dan penilaian bebas yang dijalankan di tapak lokasi tersebut.

Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan, Kuala Gandah akan menyaksikan kemudahan pelancong yang lebih baik dengan penekanan terhadap pemuliharaan. Taman Kinabalu juga bakal menyaksikan penambahbaikan kemudahan termasuklah sistem saliran dan platform peninjau.

EPP 5

Membangunkan Resort Eko-Semula Jadi Bersepadu (*Eco-Nature Integrated Resort*)

Berikutan permintaan pasaran yang kukuh, sebuah bandar pusat peranginan eko-semula jadi bersepadu akan dibangunkan di Karambunai, Sabah yang merangkumi safari hutan hujan, rumah persinggahan semula jadi, pusat bakau dan sebuah teluk (cove) penerokaan. Projek ini diterajui oleh Karambunai Corporation Bhd (KRC).

Pada tahun 2011, satu siri pembangunan awal telah bermula dan permohonan untuk pelbagai proses dan kelulusan telah dikemukakan. Sepanjang tahun 2012, KRC bekerjasama dengan Kementerian Kerajaan, agensi dan pihak berkuasa tempatan untuk mematuhi dasar dan keperluan yang dikehendaki dalam kelulusan dan permit.

Pencapaian dan Cabaran

Restoran baru bernilai RM4.9 juta siap dan telah mula beroperasi sejak Ogos 2012.

Pelan Penggunaan Tanah Induk yang menggariskan aktiviti pembangunan semenanjung Karambunai yang luas telah diluluskan oleh Lembaga Pusat Sabah pada tahun 2012. Kini KRC akan memuktamadkan pelan pelaksanaan bagi setiap fasa pembangunannya.

Langkah Seterusnya

Bagi tahun 2013, tumpuan akan diberikan untuk memuktamadkan pembangunan khusus pusat peranginan.



Restoran Baharu di Pusat Peranginan Karambunai

EPP 6

Pelancongan Pelayaran Persiaran: Mewujudkan *Straits Riviera*

Pelancongan pelayaran persiaran berhasrat meningkatkan daya saing Malaysia sebagai destinasi pelayaran persiaran dengan pasaran penumpang kapal persiaran Asia dan antarabangsa menyaksikan pertumbuhan yang pesat pada kadar purata 14 peratus setahun sepanjang 10 tahun yang lalu. Dengan peningkatan minat terhadap pelancongan pelayaran persiaran di rantau ini, Malaysia bakal memanfaatkan pertambahan persinggahan serantau.

Dengan memanfaatkan lokasi geografi Malaysia yang strategik, EPP ini berhasrat menambahkan bilangan penumpang pelayaran persiaran yang datang ke Malaysia. Selain itu, pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Klang dan Langkawi sudah membentuk sebahagian daripada jadual persinggahan pengendali pelayaran persiaran antarabangsa yang sedia ada. Malah mereka telah menunjukkan minat kepada beberapa pelabuhan lain di Malaysia.

Usaha akan difokuskan untuk mengenal pasti pelabuhan utama Malaysia selain mengenal pasti penambahbaikan yang diperlukan di pelabuhan-pelabuhan ini untuk menjadikannya destinasi pelayaran persiaran yang lebih menarik. Berikutan kejayaan penambahbaikan di pelabuhan-pelabuhan utama ini, perhatian boleh dialihkan kepada mempertingkatkan pelabuhan sekunder Malaysia.

Rangka Tindakan Infrastruktur Pelabuhan Laut bagi Pelayaran Persiaran dan Feri di Malaysia telah diarahkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) pada tahun 2011 dan menyediakan visi dan hala tuju dalam membangunkan industri pelayaran persiaran di Malaysia. Berdasarkan laporan ini, enam pelabuhan utama telah dikenal pasti mengikut bilangan ketibaan pelayaran persiaran sedia ada dan potensi minat oleh pengendali pelayaran persiaran untuk menjadikannya destinasi pelayaran persiaran. Pelabuhan-pelabuhan ini termasuklah Pulau Pinang, Pelabuhan Klang, Kota Kinabalu, Langkawi, Melaka dan Kuching. Usaha awal akan ditumpukan untuk mempertingkatkan operasi dan daya tarikan di pelabuhan-pelabuhan utama ini.

Sebuah jawatankuasa penasihat bagi pihak berkepentingan sektor awam dan swasta yang dinamai Majlis Pelayaran Persiaran Malaysia (Malaysia Cruise Council) telah ditubuhkan juga. MCC diharap dapat menjadi suara bersepadu untuk menyediakan hala tuju bagi dasar, pembangunan dan rangka kerja yang diperlukan oleh industri pelayaran persiaran di Malaysia.

Pencapaian dan Cabaran

Sejak Mac 2012, Dasar Kabotaj telah diwartakan untuk mengecualikan semua kapal persiaran, dalam usaha menggalakkan kapal persiaran menyediakan perkhidmatan di antara pantai Malaysia. Sebelum ini, dasar ini hanya membenarkan kapal yang berdaftar di Malaysia untuk mengangkut dan memunggah penumpang di pelabuhan Malaysia. Dengan pengecualian ini, kapal persiaran antarabangsa boleh menurunkan dan mengambil penumpang di lebih daripada satu pelabuhan Malaysia di mana-mana destinasi persinggahannya.

MCC ditubuhkan dan dipengerusikan bersama oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kementerian Pengangkutan, dengan perwakilan daripada sektor awam dan swasta. Di bawah MCC, enam pasukan subpetugas dibentuk bagi enam pelabuhan utama yang dikenal pasti dengan perwakilan daripada pihak berkuasa pelabuhan tempatan, agensi selain peserta industri pelayaran persiaran swasta. Tujuan pasukan subpetugas ini adalah untuk menangani masalah berkaitan dengan pelabuhan secara berkesan dan membentuk saranan berfokus. Dengan penubuhan pasukan subpetugas ini, urusan operasi dapat diperkemas dan pelabuhan adalah lebih menarik dengan pengendali terminal pelayaran persiaran antarabangsa.

Terdapat keperluan untuk mengimbangkan antara aspek perkakasan (infrastruktur pelabuhan) dan perisian (pemasaran destinasi pelayaran persiaran) untuk mempromosikan pelancongan pelayaran persiaran.

Pengendali kapal pelayaran persiaran telah menyatakan persetujuan mereka untuk menerima dan menggunakan infrastruktur pelabuhan semasa Malaysia, selagi usaha dijalankan untuk terus menambah baik kemudahan dan operasi yang sedia ada. Walau bagaimanapun, bagi tempoh jangka sederhana dan panjang, infrastruktur ini perlu dinaik taraf untuk menyokong pertumbuhan ketibaan di pelabuhan-pelabuhan utama.

Langkah Seterusnya

Kementerian Pelancongan dan beberapa Lembaga Pelancongan Negeri akan membantu pengendali terminal pelayaran persiaran untuk mempromosikan tarikan kawasan sekitar selain bekerjasama dengan pengendali lawatan tempatan untuk membangunkan produk pelancongan pelayaran persiaran sasaran dengan lebih baik. Tourism Malaysia akan turut bekerjasama erat dengan agensi utama setiap pasukan subpetugas untuk memasarkan setiap destinasi di Konvensyen Pelayaran Persiaran ternama seperti Cruise Shipping Miami dan Seatrade Asia, di samping menjalin hubungan dengan syarikat pelayaran persiaran serantau di konvensyen tersebut.

Sementara itu, Kementerian Pengangkutan akan terus menambah baik infrastruktur pelayaran persiaran khususnya di pelabuhan-pelabuhan utama. Agensi utama setiap pasukan subpetugas akan membantu mana-mana prospek pembangunan pelabuhan oleh sektor swasta.



Sebuah kapal persiaran berlabuh di Pelabuhan Klang

EPP 7

Menyasarkan Lebih Banyak Acara Antarabangsa

Mengehoskan acara antarabangsa merupakan platform yang penting untuk mempromosikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan yang menarik. Mengiringi acara utama antarabangsa ini, Malaysia mempunyai beraneka acara sedia ada tempatan yang dibangunkan sendiri (*homegrown events*) yang telah dipakejkan semula dan dikelompokkan untuk merangsang bilangan penonton antarabangsa.

Sebuah Unit Acara Antarabangsa (IEU) khas telah dibentuk di bawah Biro Konvensyen dan Pameran Malaysia (MyCEB) khusus untuk mengenal pasti dan membida acara antarabangsa selain menghasilkan dan membangunkan acara yang dibangunkan sendiri. Sejak penubuhannya pada tahun 2011, IEU telah menghasilkan 28 acara antarabangsa bagi tempoh 2011–2014.

Pencapaian dan Cabaran

Untuk mengekalkan jadual acara antarabangsa yang rancak, IEU telah berjaya memperoleh 10 acara bagi tempoh 2011 hingga 2013 dengan sasaran 70,000 penonton dan perbelanjaan pelancong sebanyak RM67.5 juta; manakala bagi tempoh 2012 hingga 2014, 19 acara telah dirancang untuk melonjakkan bilangan penonton kepada 323,680 dengan sasaran perbelanjaan pelancong sebanyak RM373 juta.

Selain membida acara antarabangsa yang dihoskan di Malaysia, IEU turut membangunkan acara *homegrown* dengan sembilan acara berjaya dihoskan pada tahun 2012 yang menyaksikan peningkatan penonton sebanyak 11 peratus dan peningkatan hasil 16 peratus berbanding dengan tahun 2011. Acara yang lebih kecil turut meraih manfaat daripada usaha IEU untuk memperhebat keberkesannya dalam menarik penonton antarabangsa. Dengan sejumlah 8 acara yang dikelompokkan sepanjang 2012, segmen ini menyaksikan peningkatan empat peratus penonton dan hasil pada tahun 2011.

Acara Perlumbaan Formula 1 dan MotoGP telah dipakejkan semula dan dikelompokkan dengan acara menarik untuk terus melonjakkan daya tarikan kepada penonton antarabangsa. Hasil usaha ini, Perlumbaan F1 pada tahun 2012 menyaksikan 14 peratus peningkatan jumlah penonton berbanding dengan tahun 2011 manakala Perlumbaan MotoGP 2012 yang diadakan pada Oktober 2012 merekodkan peningkatan sebanyak 15 peratus berbanding dengan tahun 2011.

Untuk memudahkan seterusnya pengehosan acara antarabangsa di Malaysia, Agensi Pusat bagi Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (*Application for Filming and Foreign Artistes*) atau PUSPAL telah memperkenalkan platform prakelulusan bagi permohonan persembahan dan konsert yang dirancang untuk dihoskan di Malaysia. Garis panduan PUSPAL turut dipinda berdasarkan input daripada pakar industri dan sektor awam untuk menggalakkan lebih banyak acara dianjurkan di Malaysia.



Persembahan Justin Bieber di MTV Worldstage live di Kuala Lumpur

Meskipun usaha gigih difokuskan untuk mempromosikan dan menyokong acara yang dianjurkan di Malaysia, sektor swasta menghadapi beberapa cabaran untuk memperoleh kelulusan daripada majlis tempatan. Oleh sebab wujudnya garis panduan dan keperluan yang berbeza berhubung dengan kriteria untuk tempat yang mengehoskan acara, penajajaran keperluan ini akan memberikan lebih kejelasan dan seterusnya memperkemas proses kelulusan secara keseluruhan.

Langkah Seterusnya

Bersama-sama dengan sektor swasta, IEU akan terus membida acara antarabangsa untuk dihoskan di Malaysia. IEU akan terus bekerjasama dengan peserta tempatan untuk merekabentuk, membangunkan dan melaksanakan acara *homegrown* dan membangunkan strategi mengelompokkan persembahan yang lebih kecil di sekitar acara antarabangsa utama. Usaha untuk mempromosi acara-acara ini di luar negara akan turut diperhebat.



Pusat Konvensyen Kuala Lumpur merupakan salah sebuah tempat yang dilengkapi infrastruktur untuk mengehoskan acara antarabangsa di Malaysia



Premis Hiburan di Genting Highlands

Seiring dengan usaha bersepadu di seluruh negara untuk menggalakkan kemasukan pelancong, industri hiburan yang dinamik boleh memainkan faktor pencetus terbesar untuk merealisasikan. Cadangan pembangunan Zon Hiburan Khas (Dedicated Entertainment Zone, DEZ) akan menyediakan hiburan pada waktu malam yang lebih meriah dan menarik di bandar selepas kebanyakan ruang perniagaan runcit ditutup.

Kementerian Pelancongan telah mengadakan perbincangan antara pemilik premis hiburan dengan pihak berkuasa tempatan serta agensi Kerajaan yang berkaitan untuk menilai kesesuaian pusat hiburan tersebut di bawah EPP ini. Pusat hiburan ini boleh dipromosikan kepada pelancong yang ingin menikmati pelbagai hiburan malam di Malaysia terutamanya di bandar atau kawasan pelancong utama.

Premis hiburan yang dikenal pasti akan dinilai untuk memastikan premis tersebut mematuhi garis panduan DEZ yang menghendaki premis tersebut kalis bunyi, lokasinya jauh dari kawasan kediaman atau rumah ibadat, menawarkan keselamatan dan kebolehcapaian pengangkutan yang mencukupi serta mudah untuk dikunjungi pelancong, untuk layak menjadi sebuah DEZ.

Pencapaian dan Cabaran

Kementerian Pelancongan dan agensi Kerajaan telah bersetuju menerima beberapa pusat hiburan terpilih yang memenuhi kriteria premis hiburan khas untuk diberikan status DEZ, berdasarkan premis demi premis, dengan persetujuan pihak berkuasa tempatan.

Pada tahun 2011, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menerima Zouk KL sebagai DEZ pertama di Kuala Lumpur. Sejak pengiktirafannya, Zouk KL telah menyaksikan anggaran purata peningkatan bilangan pelawat sebanyak 22 peratus. Pada tahun 2012, empat premis hiburan di Genting Highlands juga telah diberikan kelulusan oleh Majlis Perbandaran Bentong sebagai DEZ.

DEZ ini dipantau dengan teliti untuk melihat jumlah pelawat dan impak ekonominya terhadap industri pelancongan tempatan.

Langkah Seterusnya

Dua lokasi DEZ yang telah ditetapkan akan terus dipantau untuk memastikan premis tersebut memenuhi matlamat EPP8. Sementara itu, usaha akan diteruskan untuk menilai prospek DEZ di seluruh negara untuk mempromosikan premis hiburan yang lebih menarik dan diurus dengan baik untuk pelancong di Malaysia.



Kelab Zouk, Kuala Lumpur



Membangunkan Kepakaran Tempatan dan Pengawalseliaan Industri Spa yang Lebih Baik

Industri spa di Malaysia telah berkembang pesat khususnya dengan peningkatan bilangan hotel yang menawarkan perkhidmatan spa. Ini telah mendorong peningkatan permintaan terhadap juruterapi spa. Walau bagaimanapun, salah faham orang ramai mengenai industri tersebut mungkin menyumbang kepada kekurangan juruterapi spa tempatan pada masa ini.

Usaha sedang dijalankan untuk mengawal selia industri spa dengan lebih baik demi memastikan kualiti dan perkhidmatan yang disediakan oleh spa. Langkah juga sedang diambil untuk menangani tanggapan umum yang negatif terhadap industri selain untuk melahirkan juruterapi tempatan yang berkemahiran.

Majlis Spa Kebangsaan (National Spa Council) telah ditubuhkan untuk mengawal selia industri spa dan menyediakan platform untuk menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan industri. Ditubuhkan pada tahun 2011, Majlis ini terdiri daripada wakil sektor awam dan swasta serta golongan profesional industri. Ini telah membangunkan penarafan kriteria rasmi untuk spa yang kini digunakan oleh Kementerian Pelancongan untuk memberikan penarafan kepada spa.

Pencapaian dan Cabaran

Pusat Kecemerlangan (Centre of Excellence, COE) telah diwujudkan untuk merekrut dan melatih warga tempatan dengan kemahiran untuk menjadi juruterapi spa. Pada tahun 2011, Kementerian Pelancongan telah menganugerahkan status Pusat Kecemerlangan kepada pusat latihan Energy Academy dan Stella-In Beauty. Dua COE tambahan telah diluluskan pada tahun 2012, iaitu *Langkawi International Spa Academy* (LISA) dan *Jari-Jari Spa Sdn Bhd*. Sehingga hari ini,

52 juruterapi spa telah berjaya menjalani latihan dan mendapatkan pekerjaan di pusat spa yang diberikan penarafan. Seramai 100 juruterapi spa lagi sedang menjalani latihan.

Sehingga Disember 2012, Kementerian Pelancongan bersama-sama dengan Persatuan Spa memberikan penarafan kepada 170 spa di seluruh negara, dengan 31 spa diberikan penarafan lima bintang manakala 40 spa menerima penarafan empat bintang. Spa yang memenuhi kriteria penarafan layak untuk menyertai usaha promosi yang dijalankan oleh Kementerian dan layak untuk mengambil bekerja juruterapi tempatan yang dilatih oleh COE. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang melaksanakan dasar untuk menangani spa yang gagal memperoleh penarafan atau hanya memperoleh penarafan satu bintang.

Untuk memberikan kesedaran dan menangani tanggapan negatif orang ramai terhadap industri, Kementerian Pelancongan dan Kementerian Sumber Manusia serta COE berganding bahu untuk menganjurkan siri jerayawara di seluruh negara, menghadiri temu bual siaran langsung dan menerbitkan beberapa makalah mengenai peluang yang dijana oleh industri. Hasil langsung daripada tindakan ini, COE telah menerima permohonan daripada calon-calon yang berminat untuk menyertai kursus juruterapi spa.

Langkah Seterusnya

Pusat Kecemerlangan akan mempertingkatkan usaha untuk merekrut dan melatih juruterapi spa tempatan bagi memenuhi permintaan industri. Kementerian Pelancongan dan Kementerian Sumber Manusia akan terus memberikan sokongan kepada COE di samping mempromosikan industri.



Dr Ng (tengah) menabur bunga untuk melancarkan Program Latihan Juruterapi Spa. Bersama-sama dengan beliau (dari kiri) Presiden Persatuan Spa Malaysia, Ramona Suleiman, Timbalan Menteri Datuk James Dawos Mamit, Ketua Pengarah Tourism Malaysia Datuk Azizan Noordin dan Stella Hong, pemilik Stella-In International

EPP 9b **Pelancongan Golf**

Meskipun industri golf negara membangun dengan pesat pada tahun-tahun kebelakangan ini, Malaysia masih belum dianggap sebagai destinasi golf utama. Pelancongan golf dijangka berkembang menerusi usaha bersepadu dalam meningkatkan dan mempackagekan semula produk untuk menyasarkan segmen pasaran yang membawa pulangan yang tinggi. Kerjasama antara peserta sektor swasta seperti pengendali jelajah golf, pengendali kelab dan resort golf serta Tourism Malaysia adalah penting untuk merangsang pertumbuhan ini.

Pada masa ini, terdapat lebih 200 kelab golf di Malaysia. Sebahagian daripadanya terletak di lokasi yang sangat indah. Negara juga menjadi hos kepada empat Kejohanan Golf utama seperti Maybank Malaysia Open, CIMB Classic, Sime Darby LPGA Open dan Iskandar Johor Open. Justeru, Malaysia boleh memanfaatkan infrastruktur dan acara yang sedia ada dengan lebih baik untuk menarik lebih ramai pelancong golf ke negara ini.

Ditubuhkan pada Mac 2011, Persatuan Pelancongan Golf Malaysia (Malaysian Golf Tourism Association, MGTA) hadir untuk menyelaraskan usaha pengendali jelajah golf, kelab golf, lapangan golf, hotel dan media untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi golf pilihan.

MGTA bertindak sebagai pemudah cara bagi industri dengan melaksanakan pelbagai program untuk melonjakkan bilangan pemain golf yang melawat Malaysia. Persatuan mengadakan kempen keahlian dan kini mempunyai 45 ahli, 27 daripadanya merupakan kelab dan resort golf.

Usaha MGTA termasuklah mengaudit kelab dan padang golf ahli menggunakan garis panduan Persatuan Antarabangsa Pengendali Jelajah Golf (International Association of Golf Tour Operators, IAGTO) sebagai sedia 'dieksport'. 'Kelab-kelab yang sedia 'dieksport' dianggap mempunyai kemudahan dan akses yang mencukupi bagi pelancong golf antarabangsa.

MGTA turut bekerjasama erat dengan Tourism Malaysia untuk memudahkan lagi pakej jelajah golf yang dikendalikan oleh pengendali jelajah untuk mengelompokkan dan memanfaatkan acara golf utama di Malaysia dengan lebih baik.

Pencapaian dan Cabaran

Sejak Oktober 2011, MGTA telah mewujudkan laman sesawang rasmi yang direka bentuk untuk menjadi sumber lengkap bagi pemain golf mencakupi 500 halaman maklumat mengenai kelab golf mesra pelancong, berita dan kemas kini selain pakej golf terkini yang ditawarkan oleh pelbagai pengendali di Malaysia.

Salah satu pencapaian penting MGTA pada tahun 2012 ialah kejayaan mengehoskan Konvensyen Pelancongan Golf Asia yang pertama, anjuran IAGTO yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada bulan April. Ini merupakan pencapaian penting kerana Konvensyen ini belum pernah dianjurkan di Asia sebelum ini, dan telah berjaya menarik kehadiran 426 perwakilan dari 46 negara untuk memudahkan pemadanan perniagaan dalam bidang pelancongan golf. Impak ekonomi acara ini dan kesan limpahannya dianggarkan bernilai RM10 juta. Di samping jumlah hasil sebanyak RM81 juta daripada empat acara Golf Utama di Malaysia, pelancongan golf telah menyumbangkan sebanyak RM296 juta kepada ekonomi Malaysia.



Tiger Woods sedang beraksi di dalam kejohanan CIMB Classic 2012. Gambar diperolehi daripada BERNAMA Images



Konvensyen Pelancongan Golf Asia pertama

Dari aspek audit padang golf, 25 kelab golf telah diperakui oleh IAGTO sebagai kelab yang mesra pelancong dan sedia 'dieskport' pada tahun 2011. Pada tahun 2012, bilangan ini meningkat kepada 36 kelab golf.

Walau bagaimanapun, salah satu cabaran yang sedang dihadapi semua kelab golf di Malaysia ialah kekurangan kedi yang terlatih. Sebagai sebahagian usaha berterusan Kementerian Pelancongan untuk menggalakkan industri golf sambil mengawal selia pengambilan kedi asing, keutamaan akan diberikan kepada permohonan yang diterima daripada kelab bertaraf IAGTO.

Kementerian Pelancongan juga bekerjasama dengan institusi latihan kedi yang dianjurkan oleh Youth Golfing Skill Academy, di bawah Kementerian Belia & Sukan serta Primavoc Sdn Bhd. Usaha ini adalah untuk menggalakkan lebih ramai lepasan sekolah dilatih sebagai kedi golf menerusi pelbagai jerayawara khususnya di bandar-bandar kecil dan kawasan luar bandar.

Langkah Seterusnya

MGTA akan meneruskan usahanya untuk menambahkan bilangan kelab golf di Malaysia yang mendapat pengiktirafan dan penarafan IAGTO sebagai sebahagian keahlian MGTA. Inisiatif ini bertujuan mendidik semula pengendali kelab golf Malaysia agar menyedari prospek membuka lapangan dan kelab mereka melewati keahlian eksklusif untuk mencakupi pelancong antarabangsa.

Bersama-sama dengan Tourism Malaysia, MGTA akan terus berusaha menarik lebih ramai pelancong golf untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi golf utama. Usaha ini termasuklah mereka bentuk kolateral yang lebih bersepadu dari segi peta Golf Malaysia, brosur dalam pelbagai bahasa dan artikel khusus dalam penerbitan media golf antarabangsa.

Usaha untuk memanfaatkan kejohanan golf antarabangsa utama yang sedang diadakan di Malaysia akan diteruskan. Ini termasuklah usaha berterusan untuk meyakinkan lapangan dan kelab golf mengenai kelebihan mewujudkan pakej yang berkelompok sekitar acara-acara ini untuk menarik lebih ramai pelancong ke premis mereka.

MGTA juga bekerjasama rapat dengan Tourism Malaysia untuk menyokong jerayawara antarabangsa, seminar dan lawatan FAM untuk menyokong dalam membangunkan pelancongan golf sebagai perniagaan yang mampan dalam tempoh jangka panjang.

Akhir sekali, usaha juga sedang dijalankan untuk mempromosikan golf kepada klien korporat antarabangsa bagi menggalakkan persidangan, seminar, mesyuarat dan insentif ke dalam negara, yang digabungkan dengan kejohanan golf dan acara latihan golf serta pembinaan pasukan.

Memartabatkan Malaysia Sebagai Destinasi Pelancongan Perniagaan yang Utama

Pelancongan perniagaan merupakan salah satu bidang utama pasaran segmen yang menjana pulangan yang tinggi dan mempunyai potensi untuk dibangunkan bagi menjana hasil yang tinggi kepada negara. Biro Konvensyen dan Pameran Malaysia (Malaysia Convention and Exhibitions Bureau, MyCEB) telah ditubuhkan untuk memartabatkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran (MICE) yang terkemuka.

MyCEB ditubuhkan dengan mandat untuk mengembangkan pelancongan perniagaan di Malaysia, khususnya dalam arena MICE. Unit ini memudahkan pembidaan perniagaan yang berkesan, dari awal hingga akhir, meliputi penyediaan dokumen pembidaan, menyokong usaha wajar ketika proses pemilihan, menyediakan sokongan untuk menangguhkan kos ketika acara berlangsung dan akhir sekali, untuk menyokong aktiviti pasca acara.

Pencapaian dan Cabaran

Sehingga Disember 2012, 45 acara MICE utama (minimum 650 perwakilan) telah dianjurkan bagi tahun 2012, yang menarik seramai 61,659 perwakilan dan anggaran hasil sebanyak RM597 juta, mewakili peningkatan 100 peratus dalam bilangan perwakilan dan hasil yang dijana berbanding dengan tahun 2011.

Salah satu acara utama yang diadakan ialah Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (International Olympic Committee, IOC) ke-127. Acara ini yang dijadualkan dihoskan di Kuala Lumpur pada tahun 2015, dijangka menerima kira-kira 1,500 perwakilan antarabangsa termasuk ahli dan ahli kehormat IOC. Seramai 1,500 ahli tambahan daripada media juga disasarkan.

Selain menumpukan pada pembidaan acara, MyCEB juga telah membangunkan beberapa program untuk melonjakkan kedudukan Malaysia lagi dalam pelancongan perniagaan. Pada Januari 2012, MyCEB melantik 17 Kesatria 1Malaysia, iaitu pemimpin sektor industri utama, untuk mengenal pasti dan menggalakkan penganjur berpotensi bagi mengehoskan persidangan antarabangsa berskala besar di Malaysia. Bagi tahun 2012, sejumlah 22 peneraju telah dijana di bawah program ini dengan anggaran 46,000 perwakilan dan impak ekonomi bernilai RM552 juta.

Program Rakan Kongsi Industri (Industry Partners Program, IPP) juga telah diperkenalkan bagi menggalakkan kerjasama industri dengan MyCEB, untuk mempackage dan mempromosikan Malaysia sebagai destinasi acara perniagaan antarabangsa selain meningkatkan daya saing Malaysia dalam pasaran antarabangsa. Pada masa ini, sejumlah 213 peserta IPP telah didaftarkan, dengan majoritinya daripada penginapan dan tempat, diikuti oleh syarikat pengurusan acara, ejen lawatan dan persiaran serta penyedia produk/perkhidmatan acara.



Pavilion Malaysia di Pameran MICE Antarabangsa

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) MyCEB, Zulkefli Hj. Sharif, telah dilantik sebagai Presiden Persatuan Biro Konvensyen dan Pelawat Asia (Asian Association of Convention and Visitor Bureaus, AACVB), dari 2012 hingga 2014. Ditubuhkan pada 1983 sebagai perikatan lapan biro konvensyen kebangsaan dari China, Hong Kong, Korea, Macau, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand, AACVB komited untuk mempromosikan Asia sebagai pilihan utama bagi penganjur acara perniagaan dari seluruh dunia untuk mengehoskan acara mereka dan untuk memperbaiki standard profesional dalam industri acara perniagaan di rantau ini.

Langkah Seterusnya

Pada masa ini, Malaysia menduduki tangga ke-29 dunia dalam Persatuan Antarabangsa Kongres dan Konvensyen (International Congress and Convention Association, ICCA) dan Kuala Lumpur berada pada tangga ke-5 dalam "Destinasi Mesyuarat di Asia Pasifik" ICCA. MyCEB akan terus memfokuskan usaha menarik lebih ramai perwakilan untuk menghadiri persidangan di Malaysia dan membantu membangunkan standard dan kemahiran profesional dalam industri MICE.



Majlis Pelancaran Kesatria 1Malaysia



Meningkatkan Kesalinghubungan dengan Pasaran Jarak Sederhana Keutamaan

Pasaran segmen jarak sederhana (penerbangan empat hingga enam jam) dari China, Jepun, Australia, India, Korea dan Taiwan terus menjana pulangan tinggi dan menjadi potensi pelancongan terbesar. Negara-negara ini mempunyai jumlah penduduk yang besar dan kekuatan ekonomi yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan pelancong berkualiti ke Malaysia.



Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)

Pencapaian dan Cabaran

Sekatan terhadap destinasi antarabangsa yang telah ditarik balik bagi syarikat penerbangan Malaysia pada Jun 2011 membolehkan penambahan penerbangan jarak sederhana ke Australia, China, Taiwan dan Jepun.

Hal ini ketara dilihat menerusi peningkatan keseluruhan sebanyak 8,619 tempat duduk setiap minggu ke negara-negara ini pada tahun 2011. Walau bagaimanapun, disebabkan keputusan komersial berdasarkan kuasa pasaran, syarikat penerbangan mungkin membatalkan sesetengah penerbangan yang tidak mencapai kemampunan yang dikehendaki. Sebagai ganti keputusan ini, beberapa laluan telah dibatalkan di beberapa bandar sasaran, iaitu New Delhi dan Incheon.

Pemerhatian yang teliti dalam peningkatan penerbangan di antara negara-negara jarak sederhana keutamaan bagi tahun 2012 menunjukkan purata peningkatan sebanyak 7,028 tempat duduk seminggu berbanding dengan 2011. Setakat Disember 2012, terdapat peningkatan keseluruhan sebanyak 186 peratus kepada 91,151 kapasiti tempat duduk seminggu ke negara-negara ini dari Malaysia. Secara keseluruhan, lalu lintas penumpang meningkat sebanyak 5.94 peratus, daripada 30.9 juta pada tahun 2011 kepada 32.7 juta pada tahun 2012.

Dari segi penumpang sebenar, tahun demi tahun (2012 berbanding 2011), China merekodkan pertumbuhan tertinggi sebanyak 24.6 peratus diikuti oleh Jepun (21.5 peratus), Korea Selatan (7.8 peratus) dan Taiwan (3.7 peratus). Meskipun terdapat peningkatan kapasiti, pelancong dari Australia berkurangan sebanyak sembilan peratus diikuti oleh India (-0.3 peratus).

Kementerian Pengangkutan akan terus mengadakan perbincangan dua hala dengan Kerajaan negara sasaran untuk mendapatkan lebih banyak slot laluan udara, khususnya di India. Syarikat penerbangan negara juga akan membincangkan masa yang lebih baik bagi slot pendaratan mereka di destinasi utama ini.

Untuk membantu kebolehpasaran yang selanjutnya daripada pasaran yang diutamakan di bawah NKEA ini, Tourism Malaysia telah melaksanakan usaha yang tekak untuk menggalakkan carter terutamanya pada musim puncak ketika penerbangan berjadual biasa tidak dapat memenuhi permintaan yang tinggi. Usaha-usaha ini telah berjaya menjana hasil yang positif. Bilangan penerbangan carter pada tahun 2012 menyaksikan peningkatan ketara sebanyak 110 peratus dengan sebanyak 471 carter berbanding dengan 224 carter pada tahun 2011. Sementara itu, dengan usaha berterusan yang dilaksanakan oleh Tourism Malaysia, bilangan penerbangan carter yang tiba di Malaysia kian bertambah. Bagi suku pertama 2013, Malaysia menerima pengesahan sebanyak 225 carter ke Malaysia termasuk laluan baru dari Australia dan Rusia.

Langkah Seterusnya

Kementerian Pengangkutan akan terus bekerjasama dengan industri pelancongan tempatan untuk memastikan bahawa pasaran jarak sederhana akan dipersiapkan untuk memenuhi pertumbuhan ketibaan pelancong setiap tahun menjelang 2020. Ini termasuk perbincangan dua hala dengan negara-negara lain, iaitu China dan India untuk menambahkan kekerapan penerbangan, membantu syarikat penerbangan tempatan dan asing untuk memperluas laluan dan meningkatkan penerbangan, selain membantu pengendalian penerbangan carter semasa musim puncak dan pembangunan laluan baru.



Dewan Pelepasan KLIA

EPP 12 Menambah Baik Kadar, Jenis dan Kualiti Hotel

Seiring dengan fokus Malaysia dalam menyasarkan pelancong yang membawa pulangan tinggi, bilangan hotel bertaraf empat dan lima bintang perlu ditambah. Kerajaan telah melaksanakan beberapa insentif percukaian untuk menggalakkan pelaburan dan menyokong pertumbuhan industri hotel.

Di bawah pengumuman Bajet 2012, Kementerian Kewangan (MoF) telah meluluskan Elaun Cukai Pelaburan dan Status Perintis bagi hotel-hotel baru yang mempunyai penarafan empat dan lima bintang. Hotel 100 peratus milik asing juga layak untuk mendapatkan insentif percukaian ini. Di samping itu, MoF telah menyamak semula syarat ekuiti bagi kelayakan insentif percukaian untuk menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia mengambil bahagian dalam hotel bertaraf satu dan dua bintang sementara syarat-syarat ekuiti asing akan diliberalisasikan secara beransur-ansur bagi hotel yang mempunyai penarafan tiga bintang.

Pencapaian dan Cabaran

Pada tahun 2012, sebanyak 3,648 bilik hotel tambahan yang bertaraf empat dan lima bintang telah siap, termasuk Hotel Majestic di Kuala Lumpur dan Pusat Peranginan Pulau Gaya yang terletak di Pulau Gaya, Sabah. Antara bilik hotel bertaraf empat dan lima bintang yang baru siap ini, 1,853 bilik adalah daripada hotel bertaraf empat bintang yang baru sementara 1,795 bilik adalah daripada hotel bertaraf lima bintang yang baru.

Usaha-usaha di bawah EPP ini juga menyaksikan komitmen dan pelaburan yang ketara daripada hotel peranginan Alorje Lepa Lepa. Terletak di hujung selatan Pulau Mabul yang terletak di kawasan Semporna Sipadan. Projek ini melibatkan kawasan pembangunan sejumlah 80 ekar dengan jumlah pelaburan kira-kira RM168.4 juta. Pusat peranginan ini akan dilengkapi restoran bawah air, spa, pusat selam skuba dan pusat pemuliharaan marin. Pembinaan bermula pada awal tahun 2012 dan hotel dijangka siap sepenuhnya pada awal tahun 2014.

Majestic KL

EPP ini diumumkan pada 30 November 2010 dan telah dibuka secara rasmi untuk operasi pada 1 Disember 2012. Menawarkan 300 unit bilik bertaraf lima bintang, The Majestic KL merupakan satu-satunya hotel di Kuala Lumpur yang dimasukkan dalam koleksi hotel mewah "The Leading Hotels of the World" (LHW), justeru meletakkannya dalam kalangan hotel terbaik di dunia termasuk *The Ritz London*, *The Pierre* di Kota New York dan *Hotel le Bristol* di Paris.

Hotel ini memaparkan dewan tari-menari tanpa tiang, *Contango*; restoran kontemporari dengan reka bentuk mewah yang mempunyai ciri dapur terbuka dengan pelbagai jenis hidangan, *Majestic Spa*; menawarkan tujuh bilik rawatan, ruang rehat, kolam renang berasingan dan bangunan dua tingkat kedua yang dinamakan *The Smokehouse* menyediakan ruang istirahat, bilik berhias diri, bilik cerut, ruang makan persendirian, bilik saringan dan bilik bermain terup.



Hotel Majestic, Kuala Lumpur

Pusat Peranginan Pulau Gaya

Pusat Peranginan Pulau Gaya (Pulau Gaya Resort) diumumkan sebagai EPP pada 11 Januari 2011 dan hotel 5 bintang ini mula beroperasi pada 1 Ogos 2012. Hotel ini direka bentuk sebagai pusat peranginan keluarga mewah yang terdiri daripada 121 vila lereng bukit dan pinggir pantai yang luas, dan menampilkan elemen seni bina tradisi Sabah, termasuk restoran Feast Village yang digandingkan dengan sebuah lagi

restoran yang mengkhususkan hidangan mewah untuk penggemar makanan. Kemudahan paling hebat ialah Spa Village, yang merupakan satu-satunya kemudahan yang terletak dalam persekitaran bakau pinggir laut.

Langkah Seterusnya

Usaha akan terus memfokuskan pembangunan lebih banyak hotel bertaraf empat dan lima bintang di Malaysia.



Pusat Peranginan Pulau Gaya

PELUANG PERNIAGAAN

Peluang Perniagaan 1:

Ruang Perniagaan Makanan & Minuman

Peluang perniagaan berkaitan dengan Ruang Perniagaan Makanan dan Minuman akan sentiasa tersedia dalam kebanyakan EPP yang diumumkan. Restoran baru di Karambunai telah siap dan mula beroperasi pada 2012. Pusat Peranginan Pulau Gaya mempunyai dua premis makanan berasingan dengan 35 chef dan 38 kakitangan pada Oktober 2012. Tiga restoran baru di Majestic KL yang mula beroperasi pada Disember 2012 mengambil bekerja 39 kakitangan.

Peluang Perniagaan 2:

Pengangkutan Tempatan

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (Land Public Transport Commission, SPAD) akan melaksanakan Pelan Transformasi Teksi yang akan menangani isu-isu dan menyediakan peluang kepada industri teksi pada tahun 2013.

Pada Mac 2012, Kementerian Pelancongan melancarkan Program Duta Teksi Pelancongan untuk menambah baik imej pemandu teksi. Terdapat 79,571 pemandu teksi berdaftar, 33,000 daripadanya di Lembah Klang. Program tersebut melibatkan 3,000 pemandu teksi bajet, 500 pemandu teksi eksekutif dan 500 pemandu teksi limousin. Meskipun masih terlalu awal untuk menganalisis hasilnya, tanda-tanda awal

menunjukkan perkembangan positif dan pemandu teksi yang terlibat dalam program ini memperlihatkan pengetahuan yang lebih mendalam mengenai industri pelancongan. Duta teksi pelancongan akan dinilai setiap enam bulan sebelum tempoh mereka dibaharui. Mereka akan dinilai berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh penumpang. Pemeriksaan akan dijalankan untuk memastikan kenderaan sentiasa bersih, kemas dan berkeadaan baik.

Peluang Perniagaan 3:

Segmen Pengendali Lawatan

Pada tahun 2012, terdapat sembilan peratus peningkatan dalam bilangan pengendali lawatan yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan kepada 4,275. Di samping peningkatan dalam perniagaan berkaitan dengan lawatan, terdapat juga peningkatan sebanyak lapan peratus dalam bilangan pemandu pelancong yang terdiri daripada Pemandu Pelancong Bandar dan Pemandu Pelancong Alam Semula Jadi kepada 10,326 pada tahun 2012. Jumlah Pemandu Pelancong bandar telah meningkat daripada 7,425 kepada 7,984 sementara Pemandu Pelancong Alam Semula Jadi meningkat daripada 2,107 kepada 2,342.

Menerusi Bajet 2013, Perdana Menteri mengumumkan bahawa pengendali lawatan yang membawa masuk sekurang-kurangnya 750 pelancong asing atau mengendalikan tidak kurang daripada 1,500 pelancong tempatan setahun, akan layak mendapat 100 peratus pengecualian cukai pada pendapatan statutori mereka sehingga tahun 2015.

Ringkasan NKEA Pelancongan

	Sasaran 2020
Impak PNK Tambahan	RM66.7 billion
Pekerjaan Tambahan	497,000

Sasaran kritikal untuk tahun 2013:

- Penyiapan Fasa Kedua Johor Premium Outlets
- Pembangunan pusat ruang perniagaan di Sepang
- Pembangunan bersepadu Industri Pelayaran Persiaran
- Peningkatan bilangan penonton ke Acara Antarabangsa
- Pewujudan Pusat Kecemerlangan tambahan untuk melatih juruterapi spa
- Peningkatan bilangan bidaan yang dimenangi dan bilangan perwakilan untuk MICE
- Penambahan laluan dan penerokaan laluan baru dengan Penerbangan Carter
- Pembangunan lebih banyak hotel bertaraf empat dan lima bintang

PELUANG PERNIAGAAN

Minyak sawit adalah komoditi global utama. Setelah ditanam, pokoknya boleh menghasilkan buah sawit selama lebih dari 25 tahun, menyediakan sumber utama pendapatan dan pekerjaan kepada masyarakat luar bandar. Minyak sawit adalah komoditi yang sangat lumayan, kerana pokoknya menghasilkan lebih banyak minyak/hektar berbanding mana-mana biji minyak utama yang lain. Sifatnya yang serba guna membolehkan ia digunakan sebagai bahan di dalam ubat gigi, sabun, coklat dan bahan api bersih yang menguasai kereta – industri minyak sawit bersedia untuk mengalami pertumbuhan utama pada dekad mendatang. Industri minyak sawit Malaysia dijangka berkembang dalam dekad yang akan datang, yang dikuasakan oleh tiga Peluang Perniagaan (BO) dalam pembangunan hulu, pembangunan aktiviti minyak sawit hiliran yang sedia ada serta pengeluaran biodiesel bernilai RM57.6 bilion menjelang 2020.

BO ini menyasarkan untuk menangani cabaran utama kepada industri yang termasuk peningkatan penjenteraan untuk mengurangkan kebergantungan industri perladangan kepada tenaga buruh dan meningkatkan hasil.

Peluang Perniagaan 1:

Pengembangan Bank Tanah Perladangan

Berhadapan dengan peningkatan kos pengeluaran dan tanah sesuai yang terhad yang boleh didapati di Malaysia dan Indonesia, syarikat perladangan telah beralih ke kawasan baru di Myanmar dan Filipina, serta negara-negara Afrika Barat.

Peluang Perniagaan 2:

Pembangunan Aktiviti Hiliran Sedia Ada

Malaysia kini merupakan pengeksport komersil terbesar tokotrienol di dunia, mengeksport suplemen bernilai RM50 juta ke pasaran utama seperti Amerika Syarikat, Eropah, Jepun dan Korea Selatan. Dengan meningkatnya kesedaran mengenai kelebihan tokotrienol, industri suplemen berasaskan minyak sawit sudah bersedia untuk mencapai pertumbuhan dalam tahun-tahun akan datang.

Peluang Perniagaan 3:

Pembangunan Aktiviti Biodiesel Nasional

Pengeluaran dan penggunaan biobahan api global sedang berkembang pesat dalam senario di mana negara-negara lain mula beralih kepada campuran bekalan tenaga baharu untuk mengurangkan pergantungan kepada bahan api fosil. Ketegangan geopolitik yang memuncak di Timur Tengah pula berlaku seiring dengan usaha yang diperhebatkan untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau. Oleh itu, tindakan mempercepatkan penggunaan program biodiesel Malaysia, yang merupakan campuran lima peratus biodiesel dengan diesel petroleum sejak tahun 2011, bergerak sejajar dengan usaha negara untuk menguruskan pelepasan karbon.

Malaysia mempunyai sejumlah besar kapasiti pengeluaran tahunan biodiesel sebanyak 3.5 juta tan setahun. Walau bagaimanapun, hanya 117,000 tan metrik dihasilkan oleh loji biodiesel pada tahun 2010.

Ringkasan NKEA Minyak Sawit dan Getah

	Sasaran 2020
Impak PNK tambahan	RM230.9 bilion
Pekerjaan Tambahan	41,600

Sasaran kritikal bagi tahun 2013:

Minyak Sawit

- Mempercepatkan penanaman semula kawasan sawit yang sebelum ini tertunda dan pembangunan kawasan baharu minyak sawit kepada 130,000 hektar
- Membentuk tujuh koperasi serantau baharu untuk mengumpulkan lebih banyak pekebun-pekebun kecil persendirian
- Meningkatkan kadar pengekstrakan minyak negara kepada 21.05 peratus
- Menggalakkan pengambilan sambungan kepada Tarif Galakan (FIT) oleh loji biogas
- Memastikan lapan loji biogas di bawah pembinaan siap

Getah

- Mempercepatkan penanaman semula dan penanaman baharu getah oleh pekebun kecil kepada 47,000 hektar
- Meningkatkan eksport getah asli dan getah kompaun kepada 1.2 juta tan metrik
- Mewujudkan pasaran bagi Ekoprena dan Pureprena serta memastikan bahawa pengeluaran dikekalkan pada 1,000 tan metrik.

PENDIDIKAN

PENGALAMAN BERSAMA PERKHIDMATAN AWAM

Sebagai pemangkin dalam membangunkan modal insan dan intelektual Malaysia, NKEA Pendidikan memainkan peranan penting dalam transformasi negara ke arah status berpendapatan tinggi. Perkhidmatan awam juga membantu memastikan pendekatan menyeluruh dalam mengurus, melaksana dan memantau EPP NKEA yang merangkumi spektrum daripada pendidikan awal kanak-kanak sehingga kepada latihan kemahiran profesional.

“Oleh kerana pemain utama dan juara projek NKEA yang sebahagian besarnya dalam sektor swasta, maka amatlah penting agar perkhidmatan awam bertindak sebagai pemudah cara, terutama apabila projek tergendala disebabkan polisi, peraturan dan sebagainya,” kata Profesor Madya Dr Harshita Aini Bt Haroon, Pengarah di Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Nasional, Pejabat Pengurusan Program (PMO) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), yang juga berfungsi untuk mengesan EPP di bawah KPT.

Pada awalnya ia ditubuhkan untuk mengurus dan memantau pelaksanaan Pelan Strategik Kementerian Pendidikan Tinggi, PMO kini juga bekerja dengan Pegawai KPI Kementerian untuk memastikan EPP di bawah NKEA Pendidikan diteruskan seperti yang dirancang.

Sehubungan skop kerja perkhidmatan awam yang semakin meluas, kerumitan tugas mereka juga semakin bertambah. “Satu cabaran yang boleh saya fikirkan pada masa ini ialah ‘perniagaan yang luar biasa’. Di KPT, kami menyedari kepentingan idea tersebut dalam pelaksanaan PSPTN, penyerapan EPP NKEA Pendidikan ke dalam operasi harian kami mengukuhkan lagi idea tersebut. Dari segi operasi, ini bermakna kami perlu bekerja lebih pantas, lebih bijak, berhubung dengan lebih dekat dan mempunyai pandangan yang lebih luas jika kita ingin bersaing di peringkat global,” kata Harshita.

“Perkara yang saya paling suka tentang memasukkan NKEA EPP ke peringkat operasi harian adalah apabila komuniti perniagaan dan pihak berkaitan termasuk agensi kerajaan, sama-sama membincangkan pelan untuk memastikan objektif negara tercapai,” tambah beliau lagi.

Kejayaan-kejayaan seperti ini membentuk sebahagian besar usaha perkhidmatan awam di bawah NKEA Pendidikan, sama seperti pengalaman Datuk Dr Pang Chau Leong, Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia. Jabatan ini yang merupakan peneraju utama yang bertanggungjawab dalam pembangunan kemahiran di Malaysia, yang juga merupakan pemilik projek EPP 5: Penskalaan keatas penyediaan Latihan Kemahiran Swasta.

Di samping menggalakkan hubungan yang lebih rapat dengan industri, memudahkan pembiayaan, dan mengharmonikan latihan yang disediakan oleh pelbagai badan, sebahagian besar usaha Jabatan di bawah NKEA Pendidikan adalah untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai nilai tambah yang ditawarkan oleh profesion yang berasaskan kemahiran dan vokasional.

Oleh yang demikian, usaha utama Jabatan adalah untuk mewujudkan laluan kepada rakyat Malaysia supaya dapat meningkatkan kemahiran mereka dan seterusnya meningkatkan tahap pendapatan secara mampan, sejajar dengan sasaran EPT yang ingin mentransformasikan negara untuk menjadi sebuah ekonomi bernilai tinggi.

Walaupun banyak cabaran, seperti jangka masa projek yang pendek dan sasaran yang tinggi bagi KPI, Datuk Dr Pang menerangkan bahawa hasil kerja Jabatan dalam memacu EPP 5 sejak dua tahun lalu sebagai sangat memuaskan yang telah membantu membangunkan tenaga kerja yang mahir dan cekap serta memperolehi gaji yang lebih baik.

Beliau juga menyatakan bahawa ETP telah mendorong sektor awam untuk mengubah cara mereka beroperasi selama ini. “Kami kini menumpukan pada penglibatan yang memerlukan kami bertemu dengan pihak-pihak berkepentingan dan pemain industri, dan mewujudkan perkongsian pintar pihak awam-swasta. Kita juga semakin menitikberatkan prestasi dan kualiti,” katanya.

Profesor Madya Dr Harshita Aini Bt Haroon, Pengarah, Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Nasional, Pejabat Pengurusan Program

“Ini bermakna kami perlu bekerja lebih pantas, lebih bijak, berhubung dengan lebih dekat dan mempunyai pandangan yang lebih luas jika kita ingin mencipta persaingan global”



Pemangkin Perubahan

PEMBAHARUAN KEWANGAN AWAM

PENGALAMAN BERSAMA PERKHIDMATAN AWAM

Sebagai antara agensi-agensi terkemuka yang melaksanakan Pembaharuan Kewangan Awam SRI, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah mencapai kemajuan yang ketara dalam membantu Kerajaan untuk mengukuhkan kewangan awam.

"Keutamaan kami ialah untuk meningkatkan hasil, dan SRI telah membawa kami melaksanakan pendekatan yang lebih fokus dalam meningkatkan pentadbiran dan pematuhan cukai bagi kutipan cukai tidak langsung. Berdasarkan prestasi tahun terakhir kami, kami telah melihat peningkatan besar dalam pendapatan," kata YBhg Dato' Hj Chik Omar Chik Lim, Pengarah Kastam, Bahagian Perancangan Korporat di JPRP dan Penyelaras Kumpulan Pembaharuan Kewangan Awam JKDM.

Dato' Hj Chik Omar berkata beliau juga melihat peningkatan dedikasi di kalangan pegawai kastam dalam mencapai kejayaan yang ditetapkan, membolehkan JKDM mencapai objektif jangka pendek manakala membuka laluan untuk mencapai matlamat jangka panjang. "Kami kini tertumpu kepada meningkatkan pendapatan, dan pada tahun-tahun akan datang, kami boleh mula memberi tumpuan kepada bidang lain, seperti memenuhi keperluan pelanggan di bawah pendekatan yang lebih berorientasikan pelanggan," kata beliau.

"Walau bagaimanapun terdapat cabaran untuk memastikan semua yang terlibat dalam usaha JKDM bawah Kewangan Awam SRI iaitu bekerja mengikut jadual, di samping menyelesaikan pekerjaan harian mereka," kata beliau.

Encik Wan Apandi Wan Hassan, Penolong Kanan Pengarah Kastam, Bahagian Perancangan Korporat, Bahagian Perancangan Strategik, di JPRP, menambah bahawa inisiatif JKDM bawah SRI dapat dijalankan secara lebih agresif.

Ini disebabkan projek ini secara langsung di bawah skop Jabatan Perdana Menteri. Selain itu, SRI telah membenarkan JKDM untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif utama yang lain, seperti menyediakan latihan khas bagi tenaga kerja, ganjaran pegawai audit yang berprestasi tinggi dan penggunaan perisian komputer bantuan audit.

Bagi pihak LHDNM, Tuan Hj Mohd Idris Mamat, Pengarah Jabatan Pematuhan Cukai di LHDNM berkata, ETP telah membantu perkhidmatan awam dengan menyediakan garis panduan yang diperlukan oleh pelbagai agensi untuk mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Di samping tanggungjawab harian beliau di LHDNM, Tuan Hj. Mohd Idris, Pengarah Jabatan Pematuhan Cukai di LHDNM, adalah juga Penyelaras Kumpulan Pembaharuan Kewangan Awam LHDNM. "Apabila melaksanakan inisiatif Pembaharuan Kewangan Awam, LHDNM amat memerlukan dan telah mendapat kerjasama yang baik daripada perkhidmatan awam lain atau agensi-agensi Kerajaan. Sebagai contoh, LHDNM bekerja rapat dengan Jabatan Akauntan Negara Malaysia untuk membantu mempercepatkan proses penyerahan cukai, manakala Kementerian Kewangan juga memainkan peranan dalam menyelaraskan mesyuarat antara LHDNM dan agensi-agensi Kerajaan yang lain.

"Dalam kata lain, perkhidmatan awam amat perlu bekerja rapat di antara satu sama lain dalam usaha mencapai objektif," kata beliau.

Beberapa cabaran yang dihadapi oleh LHDNM dalam melaksanakan inisiatif di bawah Pembaharuan Kewangan Awam SRI termasuk kekurangan dalam mendapatkan data luaran yang diperlukan atau maklumat dari agensi-agensi Kerajaan yang lain, disebabkan oleh kaitan dan kawalan Akta. "Saya berpendapat cara ke hadapan bagi kejayaan inisiatif ini adalah dengan penubuhan pangkalan data berpusat bagi semua maklumat yang berkaitan kepada semua agensi Kerajaan," kata En. Tuan Hj Mohd Idris.

Beliau melihat pandangan yang positif bagi Pembaharuan Kewangan Awam SRI, dengan usaha yang diambil untuk meningkatkan kutipan cukai membenarkan Kerajaan untuk menjana hasil yang lebih tinggi dan boleh diedarkan semula kepada rakyat. "Dari perspektif LHDNM, demi menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi, kekayaan dan kemakmuran dinikmati oleh semua orang," kata beliau.

YB Dato' Hj Chik Omar Chik Lim
Pengarah Kastam, Bahagian
Perancangan Korporat





Elektrikal dan Elektronik



Dato' Sri Mustapa Mohamed

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)

Tahun 2012 merupakan tahun yang sungguh memberangsangkan bagi NKEA Elektrikal dan Elektronik (E&E). Saya gembira melihatkan kemajuan projek-projek setakat ini. Namun begitu, lebih banyak usaha diperlukan ke arah peralihan aktiviti yang lebih baru, lebih berdaya tahan, serta nilai tambah yang lebih tinggi.

Seperti yang dijangkakan, industri solar yang sebahagian besarnya berorientasikan pengeluaran amat terjejas kerana krisis kewangan Eropah. Dengan mengambil kira perkembangan tersebut, agensi-agensi MITI akan berusaha untuk terus meneroka pasaran dan proses baru agar industri E&E kekal relevan. Agensi-agensi seperti Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) sedang berusaha meningkatkan eksport Negara; SME Corporation Malaysia (SME Corp) telah melaksanakan program yang menumpu kepada bidang LED, dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) pula telah hampir selesai menjalani proses transformasi untuk menjadikannya organisasi yang lebih berdaya saing berorientasikan pelanggan.

Melalui transformasi dalaman yang telah dilaksanakan ini, kami berharap akan menjadi rakan kongsi yang berkesan kepada sektor swasta dan menjana pendapatan yang lebih tinggi bagi negara.



Datuk Seri Panglima Dr Maximus Ongkili

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

Prinsip utama Model Baru Ekonomi (NEM) adalah memberi tumpuan secara menyeluruh termasuk kepada inisiatif makro seperti ETP. Dalam usaha agar ETP menjadi mapan menjelang tahun 2020, Projek-projek Permulaan yang akan menjadi pemangkin ke arah mencapai status sebuah negara berpendapatan tinggi perlu dilengkapkan dengan peluang pelaburan untuk sektor swasta yang merupakan faktor penting untuk mengekalkan momentum pertumbuhan.

Untuk mencapai matlamat ini, Kerajaan telah menjadikan inovasi sebagai satu keutamaannya. Sebagai Kementerian yang bertanggungjawab menggalakkan inovasi dalam Kabinet, MOSTI gembira kerana kami telah berjaya mentransformasikan agensi kami agar dapat memainkan peranan penting dalam pencergasan semula sektor E&E ini. MIMOS Berhad, SIRIM Berhad, dan Nano Malaysia Berhad yang baru dibentuk akan terlibat dalam projek-projek utama dalam strategi NKEA E&E, dan bersama-sama dengan MOSTI, akan meneruskan peranan aktif kami dalam mencari pencetus baru untuk memacu pertumbuhan sektor ini.

ELEKTRIKAL DAN ELEKTRONIK

Industri tempatan Elektrikal dan Elektronik (E&E) merupakan sektor utama yang menyumbang 55.9% daripada eksport negara dan menggaji 28.8% daripada tenaga kerja negara. Industri ini juga telah berjaya membangunkan keupayaan dan kemahiran penting untuk sektor pembuatan elektronik pengguna, komponen elektronik dan komponen elektrik.

Hala tuju Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang dihasilkan pada tahun 2010 mengenal pasti strategi serampang dua mata untuk pembangunan selanjutnya sektor ini:

Yang pertama ialah bagi Projek-projek Permulaan (EPP) memberi lebih penekanan kepada pemangkin pembangunan industri (kluster) dan bukan hanya kepada projek pelaburan langsung, dengan empat EPP pertamanya tertumpu kepada pembangunan fabrikasi teknologi matang. Perkara ini akan membantu MIDA dalam usaha promosi pelaburannya dan membolehkan sektor ini memfokus pada pembangunan masa depan.

Kedua, NKEA ini telah menjalankan usaha sama dengan Koridor Ekonomi Serantau Malaysia untuk memastikan bahawa inisiatifnya mencapai keputusan yang inklusif dan menyeluruh. Ini juga menyumbang ke arah pembangunan kluster dan ekosistem dengan peningkatan infrastruktur taman perindustrian dan pembangunan bakat.

Pada tahun 2013, NKEA ini akan bergerak ke arah "E&E 2.0", di mana pengelompokan semula beberapa EPP yang sedia ada dan pengenalan beberapa EPP baru akan dilaksanakan. Ini adalah untuk memastikan sektor E&E boleh berkembang maju dengan tidak tertumpu kepada aktiviti pembuatan semata-mata tetapi kepada aktiviti bernilai tinggi seperti reka bentuk, pemasangan, pembungkusan dan menjadi pembekal penyelesaian total. Secara ringkasnya, selain membuat cip yang digunakan di dalam telefon pintar, industri tempatan perlu juga memasang, membungkus dan menjual telefon pintar tersebut.

Apabila industri E&E ini menaiki rantaian nilai, ia akan memacu negara ke hadapan melalui peluang pekerjaan berpendapatan tinggi, peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) & Pendapatan Negara Kasar (PNK), dan menarik masuk lebih banyak Pelaburan Langsung Asing (FDI). Disamping itu, kesan pengganda wang adalah besar memandangkan industri ini kukuh dari segi ekonomi.

Walaupun menghadapi persekitaran yang mencabar, NKEA ini mencatatkan pencapaian yang signifikan pada tahun 2012, dan masih mempunyai peluang untuk berkembang. Pencapaian pada tahun ini termasuk pembangunan Dana Strategik MIDA untuk promosi Pelaburan Langsung Domestik (DDI). Ini telah menyuntik semangat baru dalam kalangan pelbagai agensi promosi pelaburan yang telah membantu meningkatkan kejayaan NKEA sepanjang tahun ini.


Usaha pengkorporatan MIDA juga terus menunjukkan kemajuan, dengan peneraju Agensi Promosi Pelaburan yang dicergaskan semula meneruskan pelaksanaan Projek Berimpak Tinggi yang akan memenuhi permintaan jangka panjang transformasi ekonomi Malaysia. Tambahan pula, sinergi tambahan bakal diperolehi dengan konfigurasi semula kawasan tumpuan menegak untuk menyelaraskan ia dengan konsep kluster.

Di samping itu, walaupun Malaysia harus terus berusaha untuk mencipta inovasi dalam segmen semi-konduktor, perkembangan dalam model komputer peribadi telah mencipta peluang-peluang baru yang luas untuk pembuat peranti kecil, mudah alih, dan peka kuasa.

Yang paling penting adalah, pemodelan kewangan zaman baru, yang menggalakkan perpindahan kepada operasi "aset ringan", menyediakan peluang bagi syarikat Malaysia untuk menggunakan kekuatan pembuatan kos efektif mereka untuk memasuki kawasan khusus yang baru tumbuh dalam perkongsian dengan pemilik harta intelek.

Langkah seterusnya, isu yang perlu diselesaikan dengan segera adalah soal pemilikan pembangunan industri E&E. Banyak industri utama mempunyai

agensi-agensi untuk memantau isu-isu dasar, melaksanakan pemacu pelaburan dan aktiviti-aktiviti promosi. Sebagai contoh, industri minyak sawit diselia oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia, yang mengendalikan pembaharuan dasar, inisiatif pembangunan industri dan pengagihan dana. Pada masa ini, pemilikan industri E&E dikongsi pelbagai agensi seperti MIDA, Matrade, MIMOS dan SME Corp yang boleh menyebabkan ketidakcekapan dan kerana itu, pembaharuan struktur akan dibuat pada tahun 2013.



Rajah 7.1: Mengelompokkan semula EPP dan EPP baru

Petunjuk Prestasi Utama 2012

NKEA Elektrikal dan Elektronik		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #1	Projek fabrikasi wafer. Penyiapan projek wafer fab (baru/perluasan)	2	1.8	90	●	90	●	0.5	●
EPP #2	Melaksanakan 2 Pusat R&D Pembungkusan Moden	2	0.8	40	●	40	●	0.0	●
EPP #3	Bilangan syarikat reka bentuk IC baru/ perluasan (A) Diluluskan	10	11	110	●	100	●	1.0	●
	Firma reka bentuk IC tambahan (B) Dilaksanakan	5	7	140	●	100	●	1.0	●
EPP #4	Pengeluar substrat yang diluluskan (Penerimaan tawaran secara formal)	1	0.6	60	●	60	●	0.5	●
EPP #5	Kemajuan penyiapan pengeluar silikon yang diluluskan (a) Pembersihan tanah (1 Syarikat)	100%	50%	50	●	50	●	0.5	●
	Kemajuan penyiapan pengeluar silikon yang diluluskan (b) Memulakan pembinaan (1 Syarikat)	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
EPP #6	Kemajuan penyiapan pengeluar Sel (a) Dalam operasi (1 Syarikat)	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
	Kemajuan penyiapan pengeluar Sel (b) Memulakan pembinaan (1 Syarikat)	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
	Pengeluaran kapasiti sel solar (GW)	2.08	2.6	125	●	100	●	1.0	●
EPP #7	Kemajuan penyiapan kilang Modul Solar (a) Dalam operasi (1 Syarikat)	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
	Kemajuan penyiapan kilang Modul Solar (b) Memulakan pembinaan (2 syarikat)	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
EPP #8	1 Kilang Fabrikasi Wafer LED diluluskan (a) Diluluskan	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
	1Kilang Fabrikasi Wafer LED diluluskan (b) Siap pembinaan	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
EPP #9	Menyediakan Pusat 1 R&D bagi pembungkusan LED	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●

(bersambung)

(sambungan mukasurat sebelum)

NKEA Elektrikal dan Elektronik		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #10	1 Syarikat SSL beroperasi	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
	Memajukan MS untuk produk pencahayaan pepejal (Dis 2012)	100%	83%	83	●	83	●	0.5	●
	Membangunkan dasar perolehan Kerajaan untuk produk SSL tempatan (Dis 2012)	100%	90%	90	●	90	●	0.5	●
EPP #11	Melaksanakan program pembangunan vendor	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
EPP #13	Jumlah jalan penyelesaian untuk pembuatan peralatan automotif	15	15	100	●	100	●	1.0	●
EPP #1 – EPP #4	Menyediakan Makmal Analisis Kegagalan – Melengkapkan Tahap 2 Analisis Kegagalan – Analisis Kegagalan Kecacatan Tertanam	100%	100%	100%	●	100%	●	1.0	●
				95%		91%		83%	

Rajah 7.2

Kaedah 1 menunjukkan pencapaian KPI sebenar iaitu membenarkan pencapaian melebihi 100 peratus dilaporkan.

Kaedah 2 menunjukkan laporan pencapaian KPI yang dihadkan kepada 100 peratus.

Kaedah 3 menunjukkan laporan pencapaian paling mudah. Sasaran KPI yang telah dipenuhi atau melebihi diberi gred 1. KPI yang mencapai lebih separuh daripada sasarnya diberi gred 0.5, dan KPI yang kurang daripada separuh sasaran mereka diberi gred 0.

PROJEK PERMULAAN (EPP)

EPP 1

Pelaksanaan Strategi Pengguna Bestari untuk Fabrikasi Teknologi Matang

EPP ini diterajui oleh MIDA dan *Semiconductor Fabricator Association of Malaysia (SFAM)* yang baru ditubuhkan, memberi tumpuan kepada mewujudkan loji fabrikasi (*fabs*) yang menggunakan teknologi matang, menggalakkan pertumbuhan syarikat-syarikat kecil yang pakar dalam teknologi khusus terpilih seperti analog dan kuasa. Teknologi matang, ditakrifkan sebagai 90 nanometer atau saiz ciri transistor yang lebih besar, boleh mendapat pulangan yang menarik, yang termasuk margin operasi antara 10-80 peratus. Selain daripada logik, memori, grafik dan aplikasi pelbagai bidang yang diprogramkan yang mencabar, fabrikasi teknologi matang berdaya saing dalam pelbagai aplikasi, menyumbang 65 peratus daripada hasil semikonduktor di seluruh dunia.



Photon Emission Microscope Upgrades dan IR Lock-In Thermal Emission Microscope



Dual Beam System



3D X-ray

Pencapaian dan Cabaran

SFAM telah ditubuhkan pada bulan Disember 2012, dan terdiri daripada tiga sub-jawatankuasa yang akan berkongsi sumber latihan dan risikan pasaran dengan ahli-ahli. Ia bertujuan untuk menyediakan syarikat Malaysia dengan wawasan untuk merangsang kecekapan dan produktiviti. Antara pemangkin yang menyokong empat EPP pertama termasuk menaik taraf kualiti kuasa dengan pemasangan Bekalan Kuasa Tidak Terganggu (UPS) di kemudahan kritikal pada bulan Julai 2012 dan penubuhan makmal metrologi untuk menyediakan Sokongan Ekosistem untuk Teknologi Fabrikasi Wafer 0.18um pada bulan Oktober. Manfaat utama pelaksanaan sistem UPS adalah untuk mengelakkan meningkat atau menjunamnya bekalan kuasa yang akan menjejaskan pembuatan. Pada bulan Disember, Makmal Analisis Kegagalan & Perkhidmatan Berkongsi Ujian Wafer MIMOS telah dinaik taraf kepada Aras 2 & 3, meliputi kecacatan kasar, kecacatan dikebumikan/tertanam dan analisis material. Menaik taraf akan memudahkan fabrikasi wafer, reka bentuk dan pemasangan pakej dan ujian litar bersepadu (IC). Ia akan membolehkan MIMOS memainkan peranan yang lebih baik dalam memungkinkan R&D bagi industri tempatan yang selebihnya.

Walau bagaimanapun, pasaran semikonduktor telah menyaksikan permintaan perlahan akibat keadaan ekonomi global, menyebabkan peserta fab yang sedia ada mengamalkan pendekatan tunggu dan lihat ke arah meningkatkan kapasiti. Ini seterusnya telah membawa kepada kehilangan perkongsian sebahagian daripada pasaran. Sementara itu, peserta sektor foundry yang mengeluarkan cip untuk pihak ketiga, mesti mencari jalan untuk menjaga lebih nilai dan memanjangkan jangka hayat mereka dengan meneroka pasaran solar dan LED.




Transmission Electron Microscope

Langkah Seterusnya

Cadangan daripada E&E 2.0 termasuk satu anjakan bagi EPP ini dengan membina lima loji fabrikasi baru seperti yang dicadangkan dalam Hala tuju ETP 2010, ke arah membina kapasiti yang bersamaan dengan kapasiti lima fab wafer. Sasaran pengeluaran semasa untuk setiap kilang fabrikasi ialah 30,000-40,000 fab wafer sebulan, oleh itu kapasiti tambahan yang terkumpul akan meningkat kepada 210,000 wafer sebulan. Ini akan dicapai dengan memaksimumkan

kapasiti untuk mencapai satu loji fabrikasi menjelang tahun 2013, mengembangkan semua loji fabrikasi yang sedia ada untuk mencapai lagi dua menjelang tahun 2015 dan menarik masuk dua loji fabrikasi baru menjelang tahun 2016. Strategi baru di bawah E&E 2.0 akan membolehkan MIDA mempunyai lebih banyak masa untuk mencari pelabur yang berkualiti untuk membina fabs mereka di Malaysia sambil peserta yang sedia ada terus mengembangkan kapasiti mereka.



Rajah 7.3

EPP 2

Membangunkan Pemasangan dan Pengujian Menggunakan Teknologi Pembungkusan Moden

Pusat operasi pemasangan dan pengujian semikonduktor yang besar di Malaysia meletakkan negara ini dalam kedudukan yang sesuai untuk menjadi hab bagi perkhidmatan pembungkusan semikonduktor yang lebih moden, seperti lantunan atau pembungkusan wafer berperingkat. Dengan mengambil kira permintaan domestik bagi perkhidmatan seperti ini, EPP ini memberi tumpuan kepada menarik minat syarikat-syarikat asing yang menyediakan perkhidmatan seperti ini untuk menubuhkan pusat operasi mereka di Malaysia. EPP ini diketuai oleh NCIA dengan sokongan MIDA, yang sedang dalam proses menarik masuk peserta asing untuk memenuhi permintaan pasaran domestik di samping menyumbang kepada eksport. Antara aktiviti yang dijalankan adalah untuk menggalakkan syarikat-syarikat agar memberi tumpuan kepada Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) ketika menghadapi kesukaran menerima pelaburan dalam pengeluaran disebabkan iklim ekonomi semasa.

Pencapaian dan Cabaran

On Semiconductor telah menubuhkan pusat R&D manakala Infineon sedang menubuhkan sebuah pusat R&D yang akan siap pada tahun 2013. Ini akan membolehkan produk bernilai tinggi dikilangkan dan akan meningkatkan bilangan pekerjaan berpendapatan tinggi.

Kemajuan EPP ini bagaimanapun masih terhalang oleh cabaran penting, seperti kekurangan pekerja mahir secara menyeluruh yang boleh diselesaikan melalui program latihan.

Ekosistem tempatan juga mesti mempertimbangkan untuk beralih daripada operasi jenis pemasangan tradisional mereka ke arah memenuhi trend pasaran yang semakin meningkat untuk produk yang dibuat dalam saiz kecil. Ini akan memerlukan pengeluaran untuk cepat bertindak balas kepada keperluan pasaran global yang sentiasa berubah.

Langkah Seterusnya

Semasa sesi makmal yang dijalankan untuk NKEA ini, apa yang ditekankan adalah EPP 2 mesti mengukuhkan infrastruktur untuk pembungkusan moden terlebih dahulu dalam memenuhi permintaan yang semakin meningkat. Pembungkusan moden mewakili gerakan strategik di mana industri tempatan mesti mula membangunkan keupayaannya. Ini akan melengkapkan peserta tempatan dengan kepakaran dalaman dalam persediaan untuk penurunan permintaan bagi bahan pembungkusan tradisional.



ON Semiconductor®

EPP 3

Membangunkan Firma Reka Bentuk Litar Bersepadu

Firma reka bentuk Litar Bersepadu (IC) memerlukan pekerja berkemahiran tinggi yang sentiasa mencipta harta intelek, justeru sepadan dengan cita-cita negara untuk mewujudkan ekonomi yang diterajui inovasi dan berpendapatan tinggi. Walau bagaimanapun, dengan hanya 15 firma reka bentuk IC tempatan dan multinasional yang aktif di Malaysia, terdapat keperluan untuk meningkatkan bilangan firma reka bentuk di sini.

Melalui inisiatif yang diterajui oleh MIDA dan *Malaysian IC Design Association* (MICDA), EPP ini menyasarkan agar Malaysia menjadi tuan rumah kepada 50 lagi firma reka bentuk IC menjelang tahun 2020. Di samping itu, Batu Kawan di Pulau Pinang telah ditetapkan sebagai hab nilai tinggi E&E termasuk perkhidmatan reka bentuk IC, manakala bidang sokongan untuk EPP ini terdiri daripada bakat, perlindungan IP dan pengambilalihan, Automasi Reka Bentuk Elektronik (EDA) dan Kit Reka Bentuk Projek (perpustakaan reka bentuk).

Pencapaian dan Cabaran

Melalui kerjasama dengan MIMOS dan Pusat Pembangunan Sumber Manusia Selangor, MICDA telah menubuhkan pusat perkhidmatan perkongsian alat EDA berdasarkan bayaran-setiap-penggunaan untuk memanfaatkan firma reka bentuk IC kecil. Pada masa penulisan, tujuh firma reka bentuk IC telah memulakan operasi dan 10 lagi firma baru telah diluluskan.

Dalam usaha untuk memastikan pembangunan berterusan sektor ini, kebimbangan modal insan mesti ditangani, seperti kekurangan pekerja mahir dalam bidang ini. Usaha berterusan Kerajaan untuk menggalakkan mata pelajaran sains dan kejuruteraan dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah adalah salah satu cara untuk mengatasi cabaran ini.

Tambahan pula, keengganan rakyat Malaysia untuk membeli produk tempatan menjadi halangan utama bagi pertumbuhan pasaran reka bentuk IC. Oleh itu, penerimaan pasaran mesti diwujudkan dan wujud keperluan untuk menangani dasar perolehan yang tidak menyokong peserta tempatan.

Langkah Seterusnya

Rancangan masa depan untuk EPP ini akan memberi tumpuan kepada menggalakkan pertumbuhan syarikat-syarikat reka bentuk IC dengan menawarkan kemudahan yang dikongsi bersama seperti alat dan makmal EDA. Ini akan membantu mengurangkan halangan kepada kemasukan ke dalam pasaran ini dan seterusnya menggalakkan kemunculan firma reka bentuk IC baru.

EPP 4

Menyokong Pertumbuhan Pengilang Substrat dan Industri Berkaitan

Di bawah inisiatif yang diterajui oleh MIDA, EPP 4 bertujuan untuk merangsang pembangunan pengilang substrat dan industri berkaitan mereka yang memainkan peranan sokongan. Ini merupakan industri utama kerana ia membekalkan substrat yang digunakan untuk cip litar bersepadu. Untuk memenuhi cita-cita ini, EPP ini menyasarkan untuk menarik masuk sekurang-kurangnya dua lagi pengilang substrat wafer ke Malaysia, di mana Malaysia sudah pun menjadi lokasi operasi pengilang substrat wafer terkemuka Shin Etsu dan MEMC.

Ia juga dijangkakan bahawa sambil Malaysia mendaki rantai nilai semikonduktor teras dan juga dalam industri berkaitan seperti peralatan dan pembuatan epitaksi, daya tarikan negara sebagai lokasi pembuatan substrat juga akan meningkat.

Pencapaian dan Cabaran

Penchem Technologies Sdn Bhd telah memenangi dua anugerah pada tahun 2012, iaitu Anugerah Inovasi PKS dan PKS Paling Inovatif bagi loji sintesis silikon mereka. Anugerah ini adalah penting bagi industri tempatan kerana silikon kini boleh dihasilkan di Malaysia untuk digunakan dalam sektor pembuatan LED dan perubatan. Sebelum ini, silikon terpaksa diimport dan ini meningkatkan kos pengeluaran.

Satu halangan utama kepada pertumbuhan bidang ini adalah ia memerlukan perbelanjaan modal yang tinggi, seterusnya tidak menggalakkan penyertaan pembuat dalam bidang ini. Ini telah menimbulkan cabaran bagi mendapatkan syarikat-syarikat untuk mengembangkan perniagaan mereka ke Malaysia.

Tambahan pula, Malaysia masih kekurangan kemudahan intensif tenaga tinggi yang diperlukan untuk menyokong pembuatan substrat secara besar-besaran. Buat masa ini, hanya satu taman perindustrian di Malaysia yang menyediakan kemudahan ini dan ia terletak di Sarawak. Walau bagaimanapun, pembangunan taman perindustrian ini berjalan lebih perlahan daripada yang dijangkakan kerana ia memerlukan penyelarasan Kerajaan Negeri dan Persekutuan, di mana Kerajaan Negeri bertanggungjawab bagi pelaksanaan sementara Kerajaan Persekutuan menyediakan pembiayaan bagi taman itu.

Langkah Seterusnya

EPP ini akan dikelompokkan semula ke dalam pengeluaran bahan lanjutan terlebih dahulu, yang merangkumi pembuatan substrat, dengan syarikat-syarikat dalam bidang ini mampu untuk membekalkan kepada pemain industri solar juga. Oleh itu, EPP ini akan disatukan dengan EPP LED dan solar untuk membolehkan pencakupan yang lebih luas dari segi mendapat dan mengoptimumkan lebih banyak pelaburan.

EPP 5

Meningkatkan Jumlah Pengeluar Silikon

Inisiatif di bawah EPP ini bertujuan membantu Malaysia meningkatkan pengeluaran silikon domestik daripada 6,000 tan kepada 115,000 tan metrik menjelang tahun 2020. Satu teras utama adalah untuk mewujudkan satu perbadanan multinasional dan membangunkan dua peserta domestik silikon setiap tahun sehingga tahun 2020.

Untuk menyokong EPP yang diperjuangkan oleh MIDA ini, inisiatif juga akan memberi tumpuan kepada menyediakan bekalan yang stabil silika gred tinggi dan jumlah besar tenaga yang menjimatkan kos, juga yang boleh dipercayai untuk memproses silika mentah. Ini adalah untuk memenuhi keperluan pengeluar jongkong solar silikon. Untuk tujuan ini, Sarawak telah dikenal pasti sebagai lokasi yang ideal untuk kilang pengeluaran silikon, kerana deposit silika gred tinggi dan bekalan terjamin bagi tenaga boleh diperbaharui seperti kuasa hidro pada kadar yang menarik

Pencapaian dan Cabaran

Elpion Silicon Sdn Bhd, anak syarikat Korea Selatan OCI Co Ltd, akan melabur sehingga RM700 juta untuk kemudahan pembuatan untuk menghasilkan silikon gred metalurgi (MGS), komponen untuk pengeluaran panel solar. Bagi menyokong cita-cita global mereka untuk menjadi nombor 1 dalam pemilikan bahagian pasaran polisilikon, pembentangan Keputusan Kewangan memperincikan pelaburan oleh syarikat subsidiari *Elpion Co, Ltd* dalam loji logam silikon (silikon metalurgi, mg-Si) berkapasiti 100,000 MT setahun yang sedang dibina di Banting, Malaysia, "untuk mempelbagaikan sumber bekalan". Pembinaan loji MGS Banting bermula pada tahun 2012 dan akan dibahagikan mengikut fasa dengan jangkaan siap pada tahun 2014.

Sementara itu, syarikat Jepun, *Tokuyama Corp*, yang akan melabur 80 bilion yen (RM2.98 bilion) untuk membina loji silikon polihabluran asingnya yang pertama di Sarawak, akan membuat pelaburan tambahan 100 bilion yen (RM3.72 bilion) untuk membina kilang keduanya di negeri ini. Kilang kedua *Tokuyama* yang terletak di Taman Perindustrian Samalaju di Bintulu ini akan mempunyai kapasiti pengeluaran tahunan 13,800 tan metrik.

Bagaimanapun, dengan pelaburan yang semakin meningkat dalam sektor ini, Kerajaan perlu memastikan bahawa keperluan infrastruktur fizikal bergerak seiring dengan permintaan untuk ruang dan utiliti. Ia juga menjadi semakin penting bagi pengeluar Malaysia untuk mengikuti dinamik sektor yang sentiasa bergerak, di mana pemimpin pasaran berada di hadapan apabila memberi respons kepada perkembangan ekonomi dan teknologi.

Langkah Seterusnya

Penyiapan loji MGS milik *Elpion* akan mewujudkan kira-kira 600 pekerjaan baru dan merangsang kesan pengganda wang di kawasan itu.

Loji pertama *Tokuyama* dijadualkan untuk memulakan pengeluaran pada tahun 2013, manakala pembinaan kilang kedua akan bermula pada bulan April 2013. Kilang itu dijangka akan beroperasi pada bulan Januari 2015.

EPP 6**Membangunkan Pengeluar Wafer dan Sel**

Fabrikasi wafer silikon dan sel-sel fotopeka adalah proses perantaraan dalam rantaian pengeluaran daripada bahan mentah kepada modul solar silikon. Negara kita sudah mempunyai persekitaran yang mampu menarik syarikat solar multinasional ke negara ini. Ini termasuk industri semikonduktor yang ditubuhkan dengan rantaian nilai yang serupa dengan sel-sel solar serta LED. Melalui EPP ini, yang diketuai oleh MIDA, pengeluaran pengeluar wafer dan sel Malaysia disasarkan akan meningkat sepuluh kali ganda dari 2.4GW ke 23.3GW pada tahun 2020.

Nano Malaysia Bhd

Nano Malaysia Bhd telah diperbadankan pada Ogos 2011 untuk meneraju pengkomersialan produk teknologi nano. Satu sesi Makmal telah dijalankan pada tahun 2012 untuk mengenal pasti projek yang dijangka dengan mandat mereka dan 4 projek itu ialah:

1. Pengeluaran bateri Li-On untuk kereta elektrik di Malaysia
2. Pengeluaran wafer *graphene* yang merupakan teknologi baru dalam pengeluaran semikonduktor
3. Pengeluaran komposit konduksian
4. Pengeluaran bahan nano moden

Pencapaian dan Cabaran

Pada tahun ini, pasaran Malaysia menyaksikan pengeluar wafer solar dan sel yang sedia ada mengembangkan kapasiti pengeluaran maksimum kepada 2.6GW. Ini telah disokong oleh subsidiari Tek Seng Holdings Bhd, TS Solartech Sdn Bhd dengan permulaan pengeluaran satu talian pengeluaran untuk sel fotovolt solar 60MW.

Walau bagaimanapun, cabaran yang mesti dihadapi pasaran Malaysia adalah kemerosotan permintaan luar negeri disebabkan penghapusan subsidi Kerajaan di pasaran utama. Syarikat-syarikat dengan itu perlu melaksanakan lebih banyak aktiviti reka bentuk dan pembangunan untuk memenuhi permintaan dalam bidang khusus baru/baru muncul, di samping mengurangkan pergantungan mereka kepada pasaran yang matang dan tepu.

Langkah Seterusnya

Berikutan permulaan operasinya pada tahun ini, TS Solartech akan melabur RM596 juta lagi dalam tempoh lima tahun akan datang. Menjelang tahun 2016, syarikat ini dijangka mempunyai lapan lagi talian pengeluaran untuk sel fotovolt solar.

Untuk memastikan pasaran Malaysia terus mengikuti perkembangan semasa dalam pasaran wafer dan sel, Nano Malaysia Bhd, sebuah *special purpose vehicle* yang ditubuhkan oleh MOSTI, akan memudahkan R&D dalam mewujudkan produk baru *nanointermediate* menggunakan bahan-bahan nano lanjutan.

EPP 7**Menambah Pengeluar Modul Solar**

Seperti juga pengeluar wafer dan sel, kelompok pengeluar modul Malaysia beroperasi dalam ruang yang sesak di mana teknologi asas masih bersaing untuk menjadi peneraju. Sasaran EPP ini adalah untuk mendapatkan lebih banyak pengeluar modul multinasional dan untuk memudahkan lagi lima usaha sama (JV) untuk mewujudkan skala besar yang diperlukan agar pasaran Malaysia boleh mengekalkan kehadiran global yang signifikan dalam bidang-bidang khusus, sama ada dalam mono/poli berhablur atau dalam teknologi filem nipis.



Kaca diperlukan untuk menghasilkan modul solar filem nipis

Pencapaian dan Cabaran

Segmen ini, bagaimanapun, menghadapi beberapa cabaran dalam pertumbuhan berterusan. Bukan sahaja MIDA perlu mengekalkan aliran pelaburan berkualiti tinggi/berimpak tinggi ke dalam segmen ini, Malaysia perlu juga mewujudkan persekitaran yang sesuai bagi syarikat-syarikat yang sedia ada untuk menjalankan R&D yang diperlukan untuk mengekalkan kedudukan pasaran mereka. Pembuat juga mesti memperbaiki perkhidmatan hujung-ke-hujung, seperti pemasangan untuk memastikan permintaan pelanggan akhir dipenuhi, di samping berusaha untuk meningkatkan kelebihan daya saing barangan keluaran tempatan dengan bergerak ke arah aktiviti hiliran dan menjalankan R&D.

Langkah Seterusnya

Seperti yang ditunjukkan oleh pengalaman semikonduktor/IC Malaysia, tumpuan yang diberikan kepada pembuatan komponen mesti dilengkapkan oleh tumpuan yang sama kuatnya dalam menghasilkan bahagian bernilai tinggi. Ini boleh dicapai melalui penyelarasan yang lebih baik antara peserta yang berbeza di keseluruhan rantaian nilai dan aktiviti hiliran.

Fasa seterusnya pembangunan solar/PV Malaysia semestinya akan tertumpu kepada aplikasi runcit/pengguna, produk dan perkhidmatan. Aktiviti hiliran ini akan menyediakan dorongan bagi peluang pertumbuhan yang lain, seperti dalam perniagaan penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) dan *Balance of Systems* (BOS).

EPP 8

Membangunkan Operasi Bahagian Hadapan LED

Sektor LED memiliki potensi untuk menyumbang bahagian yang signifikan kepada PNK, setelah menunjukkan kadar pertumbuhan tahunan dua digit terkompas sejak tahun 2002. Satu kajian profil kelompok LED Malaysia juga mendedahkan bahawa segmen diwakili oleh sekurang-kurangnya dua syarikat di sepanjang rantaian nilai, mewujudkan satu kelompok yang sempurna berbanding dengan kelompok semikonduktor/IC.

Ini, seterusnya, telah mencipta peluang bagi pasaran Malaysia untuk memantapkan kedudukannya sebagai peserta serantau dan global dalam segmen ini. Walau bagaimanapun, seperti dalam mana-mana pasaran komponen volum tinggi, skala, kos dan kecekapan adalah penting untuk kemajuan yang berterusan. Oleh itu, EPP ini tertumpu kepada dua objektif utama, yang terdiri daripada:

- Meningkatkan tiga kali ganda kapasiti fabrikasi wafer LED melalui pertumbuhan organik peserta semasa dan dengan menarik masuk sekurang-kurangnya satu peserta global baru ke Malaysia
- Meningkatkan lagi “*share of wallet*” tempatan dengan memperkenalkan sekurang-kurangnya dua pembuat substrat dan/atau syarikat epitaksi yang boleh menyediakan produk tambahan bernilai tinggi

Pencapaian dan Cabaran

Pada 2012, inisiatif daripada EPP ini membantu memudahkan pengembangan loji pengeluaran cip LED Osram Opto Semiconductors (M) Sdn Bhd di Bayan Lepas, Pulau Pinang. Operasinya akan menyokong permintaan bagi lampu LED dari pasaran China.

Untuk menggalakkan pengeluaran berkualiti tinggi produk LED, MMS Ventures Bhd memulakan pembuatan peralatan ujian LED khas pada pertengahan kedua 2012. Ini akan membantu syarikat-syarikat Malaysia memastikan produknya memenuhi standard yang disyaratkan.

Pada tahun ini, ELSOFT Research Bhd memulakan pembinaan kemudahan 90,000 kaki persegi di Bayan Lepas untuk ujian LED dan pengendalian proses untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat daripada tablet, telefon pintar, dan pasaran automotif.

Walaupun EPP ini mencatatkan pelbagai perkembangan pada tahun 2012, kebimbangan yang masih perlu ditangani termasuk keperluan untuk memupuk landskap R&D. Ini akan membantu dalam inovasi dan fabrikasi komponen teras atau bahan langsung, sekali gus menghasilkan peluang-peluang baru untuk pelaburan di bahagian depan LED. Keperluan untuk inovasi kekal satu cabaran yang penting untuk pasaran tempatan, dengan pengkhususan lanjut dan pelaburan yang diperlukan untuk membantu membangunkan kelebihan daya saing Malaysia dalam bidang ini.

Langkah Seterusnya

Untuk membantu segmen LED mendapatkan lebih nilai daripada sektor pembuatan, agensi MOSTI dan institusi penyelidikan akan terus menentukan inisiatif khusus untuk memanfaatkan ketersediaan bahan-bahan yang dihasilkan di dalam negeri dan bahan-bahan moden dengan harga yang menjimatkan. Ini akan membantu pasaran berkembang ke kelas baru produk perantaraan, seperti OLED.

EPP 9

Mengembangkan Pembungkusan dan Peralatan LED

EPP ini menekankan kepada merangsang pertumbuhan organik dalam pembungkusan dan aplikasi landskap reka bentuk dengan membangunkan pengeluar tempatan dan menarik syarikat multinasional untuk melabur dan memulakan operasi di Malaysia. Dengan pasaran Pencahayaan Keadaan Pepejal (SSL) yang semakin berkembang, syarikat tempatan baru dijangka akan muncul untuk memenuhi permintaan perkhidmatan khusus yang diperlukan oleh industri.

Pencapaian dan Cabaran

Pasaran pembungkusan LED dan peralatan Malaysia menyaksikan perkembangan yang menggalakkan pada tahun 2012, termasuk penubuhan kemudahan pembuatan LED *Philips Lumileds Lighting* di Bayan Lepas, Pulau Pinang, pada bulan Jun.



Lampu LED

Selain itu, peserta tempatan, *Globetronics Technology Bhd* mula bekerja dengan tiga pelanggan AS untuk modul LED kecerahan tinggi yang boleh digunakan untuk lampu rumah hijau, di mana syarikat ini terlibat dalam pengeluaran peringkat komersial.

Satu kebimbangan utama yang dihadapi oleh pasaran ini adalah kekurangan dasar alam sekitar dan sosial negara yang boleh membantu menambah momentum kepada inisiatif pembangunan industri. Oleh itu, terdapat keperluan untuk memanfaatkan pelbagai pergerakan teknologi hijau tempatan untuk memungkinkan permintaan dan memberi insentif untuk pelaburan selanjutnya dalam pasaran ini oleh peserta Malaysia.

Langkah Seterusnya

Berikutan pengenalan 12 Standard Malaysia yang baru bagi sektor LED/SSL pada tahun 2012, usaha wajar untuk menjadikan penggunaan standard mandatori akan diteruskan pada tahun 2013.

Sementara itu, Kerajaan melalui Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, akan melancarkan program perintis untuk penukaran jisim lampu dalam bangunan milik Kerajaan kepada lampu LED. Ini akan disiapkan melalui program yang dibiayai oleh vendor, bertujuan mewujudkan bahagian besar untuk menarik pelaburan sektor swasta.

EPP 10

Mewujudkan Juara Pencahayaan Keadaan Pepejal

EPP ini memberi tumpuan kepada membangunkan kelompok pencahayaan keadaan pepejal (SSL) di Malaysia, yang dijangka akan memacu syarikat SSL tempatan menjadi berdaya saing di peringkat antarabangsa dan menjadi terkenal. Empat daripada syarikat SSL global terbesar kini sama ada beroperasi atau mengikat kontrak sebahagian besar daripada kerja dengan syarikat-syarikat di Malaysia. EPP ini, yang diperjuangkan oleh KeTTHA, SME Corp dan Suruhanjaya Tenaga, bertujuan memanfaatkan faktor ini untuk memupuk dan mengembangkan sekurang-kurangnya lima syarikat SSL Malaysia menjadi jenama global.

Satu lagi bidang yang telah dikenal pasti boleh membantu membangunkan jualan dan pengiktirafan produk SSL buatan Malaysia adalah penubuhan sistem pensijilan. Ini akan mengesahkan pematuan produk-produk ini dengan standard global. Oleh itu, EPP ini telah mengenal pasti keperluan untuk pusat pensijilan LED untuk menjalankan fungsi ini, di samping membantu meningkatkan kesedaran dan jaminan global dalam produk LED buatan Malaysia.

Kerajaan dan sektor swasta juga menjalankan kerjasama untuk meningkatkan standard Malaysia dan menghapuskan produk substandard. Inisiatif ini ditambah pula dengan kempen kesedaran awam mengenai kecekapan tenaga dan untuk menggalakkan keupayaan pengeluar tempatan.

Pencapaian dan Cabaran

Standards Malaysia telah membangunkan *Malaysian Standards* mengenai LED, yang telah diluluskan dan dilaksanakan pada Mac 2012. Walau bagaimanapun, *Malaysian Standards* kini hanya diguna pakai secara sukarela, dengan penggunaan mandatori dijangka sedia untuk pelaksanaan dalam tempoh satu tahun pelancaran standard.

Disebabkan jurang yang semakin mengecil dalam kualiti pengeluaran antara Malaysia dan pasaran seperti China, penggunaan mandatori *Malaysian Standards* menjadi semakin penting. Ini adalah untuk memastikan produk Malaysia kekal kompetitif berbanding produk China, terutamanya selepas

Kerajaan China memperkenalkan standard bagi produk LED yang dikeluarkan di Malaysia. Ini akhirnya mungkin membolehkan negara China menjual produk LED yang lebih berkualiti pada kos yang lebih rendah.

Walau bagaimanapun, Malaysia terus menjalankan usaha-usaha untuk memperbaiki standard produk buatan tempatan. Ini akan dilengkapi oleh permulaan operasi makmal ujian LED oleh SIRIM pada bulan Julai. Kemudahan ini akan membantu menjamin kualiti produk buatan Malaysia, walaupun usaha seharusnya juga memberi tumpuan kepada menjajarkan ujian dengan kaedah yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Tambahan pula, peserta LED telah menerima dorongan tambahan dengan pelancaran *Green LED Programme* oleh SME Corp, yang direka untuk membantu PKS meningkatkan skala mereka, menyediakan mereka dengan bantuan dalam pembelian peralatan, dan untuk memohon pensijilan produk yang diperlukan untuk eksport.

Walau bagaimanapun usaha-usaha ke arah meningkatkan kualiti produk Malaysia perlu ditambah dengan langkah-langkah untuk menangani keengganan rakyat Malaysia membeli produk tempatan. Isu yang sangat mendesak terdiri daripada struktur tarif yang berbeza bagi komponen LED pelbagai. Oleh itu, langkah-langkah perlu diambil ke arah mengharmonikan struktur untuk membantu menetapkan kestabilan di pasaran LED.

Langkah Seterusnya

Pada tahun 2013, tumpuan akan diberikan kepada usaha menggalakkan penggunaan mandatori *Malaysian Standards* untuk pasaran LED dalam tahun pertama pelaksanaannya. Selain itu, *Green LED Programme* yang diuruskan oleh SME Corp menyasarkan untuk mengembangkan juara tempatan SSL/LED untuk menyokong objektif EPP ini.

Produk pencahayaan keadaan pepejal termasuk LED telah menerima banyak perhatian kerana kelebihan berpotensi berbanding teknologi pencahayaan konvensional. Oleh itu, skop bantuan di bawah program ini termasuk pembiayaan bagi pembangunan atau meningkatkan aktiviti produk yang berdaya maju dari segi komersial SSL. Ia juga menyediakan geran separa/sepadan bagi pembelian atau penambahbaikan dalam pembuatan peralatan ujian, proses atau teknik pemantauan, untuk mendapatkan pensijilan antarabangsa.

Kemajuan yang ketara juga dijangka dalam pembangunan juara LED tempatan, dengan SME Corp, MIDA dan MATRADE bekerjasama untuk melaksanakan program tiga fasa dengan mengambil kira matlamat ini. Di bawah Fasa 1, SME Corp akan memilih enam PKS untuk diberi bantuan dalam meningkatkan kemahiran. Fasa 2 akan diambil oleh MIDA, yang akan menyediakan latihan dan insentif R&D, manakala MATRADE akan melaksanakan Fasa 3 dengan membantu syarikat-syarikat ini menembusi pasaran global.



Diod Pemancar Cahaya Lampu Amaran Penerbangan AVIALITE



EPP 11

Membina Hab Ujian dan Pengukuran

Berikutan pelaburan yang dibuat oleh Agilent, syarikat berpangkalan di AS dan *National Instruments* dalam pembuatan dan R&D ujian elektronik dan kemudahan pengukuran di Pulau Pinang, asas telah pun diletakkan bagi kemunculan Malaysia sebagai hab dalam bidang ini. EPP ini akan mengambil kesempatan ke atas ujian sedia ada dan landskap pengukuran pengetahuan di negara untuk mengukuhkan kedudukan negara sebagai hab ujian dan pengukuran. Ini akan seterusnya menyediakan pemangkin utama untuk sektor-sektor lain dan mempercepatkan pengembangan industri elektronik secara keseluruhannya.

Agilent, di mana produknya mencakupi 30 peratus daripada pasaran global pengukuran elektronik, terus melihat Malaysia sebagai lokasi strategik untuk aktiviti pembuatan. Ini telah mewujudkan ekosistem ujian dan pengukuran yang bertenaga di Malaysia. Selain itu, dalam bekerjasama dengan Kerajaan, National Instrument telah menubuhkan kemudahan makmal perkhidmatan yang dikongsi di Taman Teknologi Malaysia; membenarkan syarikat-syarikat tempatan menggunakan kemudahannya untuk reka bentuk dan pembangunan. Kemudahan-kemudahan ini juga berkhidmat sebagai hab latihan untuk jurutera untuk mendapatkan dan meningkatkan kemahiran platform reka bentuk sistem *LabView* mereka di bawah proses pensijilan.

Pencapaian dan Cabaran

Agilent telah melancarkan program pembangunan vendor PKS tempatan dengan dua vendor (CEEDTec dan Myreka) dan program pembangunan bakat dengan dua pembekal pendidikan iaitu HAT dan Dream Catcher. Program pembangunan vendor yang telah diperkenalkan pada tahun 2012 membolehkan kedua-dua vendor mendapat manfaat daripada kemudahan makmal ujian biasa Agilent dan telah menghasilkan pemindahan pengetahuan yang berharga yang akan memberi manfaat kepada industri secara keseluruhannya.

Penubuhan yang sedang berjalan *National Instruments Academy & Innovation Nucleus* akan berusaha untuk memupuk inovasi, membangunkan bakat tempatan dan menggalakkan hak penciptaan harta intelek dalam masyarakat PKS tempatan.

Walau bagaimanapun beberapa cabaran yang dihadapi oleh pasaran ini mewakili jurang antara set kemahiran usahawan kejuruteraan E&E Malaysia dan kepakaran yang diperlukan untuk memaksimumkan kejayaan komersial. Tambahan pula, keperluan juga telah timbul untuk mewujudkan platform yang sama untuk mengintegrasikan inisiatif inovasi Kerajaan pelbagai dan untuk menggalakkan kerjasama antara peserta industri.

Langkah Seterusnya

Dalam fasa pembangunan seterusnya kemudahan perkhidmatan dikongsi *National Instruments*, syarikat akan melantik PKS tempatan yang berpotensi untuk menjadi *High Value-Add System Integrators* melalui inisiatif ini. Makmal ini, yang boleh menampung sehingga 10 sektor yang berbeza, akan pada akhirnya menjadi kemudahan serantau.

EPP 12 Mengembangkan Komunikasi Wayarles dan Pengecaman Frekuensi Radio (RFID)

EPP ini, yang diketuai oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), bertujuan untuk mengembangkan Pengenal Frekuensi Radio (RFID) di Malaysia dengan menyokong pertumbuhan syarikat tempatan. Kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif untuk mengembangkan industri RFID domestik, termasuk menubuhkan Pusat Kecemerlangan RFID, menyokong standard RFID antarabangsa dan mencipta Hala Tuju RFID Negara.

Ini akan menambah kecekapan yang sedia ada jurutera Malaysia dalam reka bentuk dan pembangunan yang telah terbina sejak 30 tahun yang lalu dan akan menyediakan asas yang perlu untuk mengembangkan syarikat reka bentuk tempatan. Walaupun kos kemasukan ke dalam kerja reka bentuk untuk komunikasi wayarles adalah sangat tinggi, sektor swasta dan Kerajaan secara kolektif akan melonjakkan industri ini.

Pencapaian dan Cabaran

UPM, MIMOS, Intel dan Kontron kini mengusahakan integrasi sistem bagi pengkomersialan *Wireless Sensor Networks* (WSN) dalam bidang pertanian tepat di tiga tapak tempatan di Sabah, Terengganu dan Pulau Pinang.

Walaupun kemajuan telah dicapai di dalam segmen ini, pasaran RFID Malaysia memerlukan lebih banyak integrasi antara industri E&E dan NKEA Kandungan Komunikasi dan Infrastruktur. Ia dijangkakan memerlukan penggunaan platform Digital Malaysia untuk menyediakan rangka kerja pemudahan pembangunan/pengkomersialan menyeluruh untuk membantu syarikat-syarikat menukar peluang perniagaan menjadi projek-projek komersial.

Langkah Seterusnya

RFID digunakan dalam pelbagai industri dan pelancongan adalah salah satu bidang tumpuan kerana jumlah barangan bagasi dan lain-lain item yang mengiringi pelancong. Dalam bidang ini, pemain tempatan *Senstech* dan *TH Travel & Services Sdn Bhd* menasarkannya untuk mengembangkan pasaran mereka di luar negara, terutama di negara-negara Islam seperti Indonesia, dengan menyediakan perkhidmatan *e-Hajj* kepada jemaah yang berkaitan dengan EPP ini melalui perkhidmatan mengesan bagasi & jemaah haji.

NKEA ini juga akan bekerjasama dengan beberapa NKEA "teknologi pengguna" berpotensi seperti Minyak Sawit/Gedah dan Pertanian, yang disasarkan untuk meluaskan pasaran sedia ada untuk menerima pakai teknologi wayarles dan mewujudkan peluang-peluang perniagaan baru.

Tahukah anda?

Motorola mereka bentuk dan mengilangkan sebahagian besar produk radio *subscriber* dua hala di Pulau Pinang. Dengan sokongan daripada kerajaan, kehadiran syarikat boleh membantu mengembangkan rakan kongsi reka bentuk penyumberan luar tempatan dan pengilang reka bentuk asli yang bertapak di Malaysia. Ini akan akhirnya membantu dalam menghasilkan ekosistem wayarles yang menyeluruh, memandangkan produk Motorola melayani keperluan komunikasi yang kritikal bagi pelanggan di seluruh dunia.

RFID menggunakan gelombang radio untuk mengenal pasti orang atau objek, dengan aplikasi dalam pembayaran tanpa sentuh, pengenalan yang dipercayai (ID) dan penjejakan dokumen. Pada tahun 2009, saiz pasaran global untuk RFID ialah RM19.9 juta dan dijangka mengalami pertumbuhan menjadi RM54 bilion menjelang tahun 2020.

EPP 13

Membangunkan Pembuatan Peralatan Automasi

Peralatan automasi berfungsi untuk mengautomatisasikan proses, dan ini termasuk peralatan automasi loji pembuatan serta peralatan kompleks seperti robotik. Pada masa ini, ABB yang merupakan pemimpin global dalam peralatan automasi hanya memasang peralatan automasi di Malaysia dan tidak mengilangkan komponen terasnya di sini.

EPP ini bertujuan untuk memanfaatkan kehadiran ABB di Malaysia untuk membina keupayaan baru di negara ini melalui pembangunan peralatan dan pembuatan automasi. MIDA akan menerajui EPP ini dengan sasaran menarik masuk dua lagi pengeluar peralatan automasi multinasional ke Malaysia menjelang tahun 2015.

Pencapaian dan Cabaran

MIDA telah meluluskan 15 projek automasi dalam pelbagai segmen produk, termasuk peralatan ujian, semikonduktor, automotif, perubatan dan lain-lain dan kini berada di peringkat akhir pelaksanaan inisiatif Hab Penyumberan Luar Jentera & Kejuruteraan (M&E) bertujuan untuk memacu peralihan/penyatuan peserta M&E Malaysia daripada pembuat penyelesaian kecil menjadi pesaing berwibawa global besar-besaran.

Langkah Seterusnya

Tumpuan untuk EPP ini pada masa hadapan adalah untuk terus menyediakan peluang pembelajaran dan perniagaan kepada PKS melalui program pembangunan bersama dengan MNC, seperti program automasi NCIA-AMD di Pulau Pinang.

Peserta kelompok automasi juga akan diintegrasikan dalam program kemudahan pembangunan reka bentuk. Program ini yang pada asalnya dibangunkan oleh National Instruments untuk tujuan ujian dan pengukuran, akan diperluaskan kepada segmen pembuatan peralatan automasi. EPP ini akan terus bekerjasama dengan MIDA untuk membangunkan pelan pelaksanaan Program Hab M&E.

EPP 14

Membangunkan Syarikat Transmisi dan Pengedaran

EPP ini menyasarkan untuk menarik masuk MNC agar menubuhkan operasi pembuatan transmisi dan pengedaran di Malaysia, dalam usaha untuk menguasai pasaran untuk transmisi voltan tinggi yang kompleks dan peralatan pengedaran.

Peralatan transmisi dan pengedaran digunakan dalam penjanaan, transmisi dan pengagihan elektrik. Peralatan ini termasuk transformer, kabel, konduktor, panel kawalan dan papan agihan. Walaupun sebahagian besar daripada pengeluaran produk-produk ini dijalankan di Jepun dan Eropah, pasaran ini mewakili negara-negara pengeluaran kos tinggi, sekali gus mewujudkan peluang bagi Malaysia untuk menawarkan kemudahan kos yang lebih menjimatkan.

Pemangkin utama EPP ini akan terdiri daripada penubuhan makmal ujian kuasa voltan tinggi untuk menguji peralatan nilai-tinggi dan voltan tinggi. Ini akan membolehkan Malaysia menawarkan perkhidmatan makmal perhubungan ujian litar pintas bertauliah yang diperlukan untuk mengesahkan produk untuk tujuan eksport. Seperti kebanyakan makmal ini yang berpangkalan di Eropah, pengeluar tidak mempunyai pilihan tetapi untuk menjalankan pemprototaipan dan ujian di Eropah, menyebabkan mereka menanggung kos yang lebih tinggi. Oleh itu, penubuhan makmal ujian voltan tinggi di Malaysia akan membantu menarik masuk pengeluar MNC transmisi dan pengedaran, yang akan tertarik dengan kos yang lebih rendah bagi pembangunan produk baru dan masa pusing balik yang lebih pendek yang disediakan di Malaysia.

Pencapaian dan Cabaran

Tenaga Switchgear sedang dalam proses menandatangani dan mengusahakan memorandum persefahaman (MoU) dengan beberapa pemain global bagi penubuhan makmal kuasa voltan tinggi di Malaysia.

Selain itu, dua lagi makmal STL (*Short-Circuit Testing Liaison*) yang diperakui telah menjalankan kajian kebolehlaksanaan untuk memperluaskan operasi ke Malaysia, dan sedang mengkaji semula pelan perniagaan mereka untuk berbuat demikian. Salah satu daripada makmal ini sedang meneroka usaha sama dengan sebuah syarikat Malaysia, yang akan membolehkan makmal tempatan menerima akreditasi sebagai ahli STL. Makmal ini dijangka bukan sahaja dapat memperoleh peluang baru dalam pasaran serantau, tetapi juga mengambil peluang daripada permintaan yang berlebihan untuk makmal yang sedia ada di rantau ini.

Usaha kerjasama yang dicadangkan Tenaga Switchgear untuk mewujudkan satu makmal ujian voltan tinggi untuk industri R&D tidak berjaya dimuktamadkan pada tahun 2012 disebabkan perubahan lewat dalam rakan-rakan perkongsian dan perbincangan sedang berjalan dan dijangka akan disambung semula pada tahun 2013.

TopRank Corporation, pengeluar tempatan peralatan transmisi dan pengedaran telah diperoleh oleh Toshiba Corporation dan dilancarkan semula sebagai Toshiba Transmission and Distribution Asia untuk menjadi konglomerat pembekal global produk voltan sederhana pada bulan Disember 2011. Percubaan pada tahun 2012 untuk mengembangkan lagi aktiviti hab global ini tidak memenuhi pencapaian sasaran kerana campuran isu-isu pentadbiran yang akan ditangani pada tahun 2013.

Walaupun industri transmisi dan pengedaran telah lama wujud, transformasinya masih berterusan. Oleh itu, peserta mesti bergerak seiring dengan trend pasaran dan terus mengemaskini kemahiran mereka untuk memenuhi corak pasaran yang berubah-ubah.

Langkah Seterusnya

Usaha sama dengan makmal bertauliah *Short-Circuit Testing Liaison* (STL) akan membolehkan makmal tempatan yang berpangkalan di Malaysia diiktiraf sebagai ahli yang bertauliah. Makmal ini akan dapat menguasai pasaran serantau serta permintaan yang berlebihan untuk makmal mereka yang sedia ada di rantau ini.

Membangunkan Pusat Pengeluaran Peralatan Elektrik Rumah dan Rangkaian Pengedaran Antarabangsa

Malaysia, yang sudah pun menjadi pusat operasi kepada beberapa pengeluar perkakas rumah tempatan, bertujuan memanfaatkan peluang daripada EPP ini untuk mengukuhkan rangkaian pengedaran antarabangsa untuk peserta industri ini. Melalui EPP ini, berpangkalan di Pulau Pinang, Pensonic Holdings Bhd merancang untuk berkembang di luar negara dengan bekerjasama dengan dana berdaulat Malaysia untuk bergabung atau memperoleh firma perkakas rumah berskala kecil dan mempertingkatkan pengedaran antarabangsa.

Pensonic akan menerajui EPP ini dengan menyasarkan pasaran ASEAN dan Timur Tengah yang sedang berkembang pesat, pengembangan jualan di pasaran-pasaran berpotensi tinggi ini dijangka akan mewujudkan limpahan pertumbuhan penting untuk rangkaian bekalan PKS Malaysia melalui peluang penyumberan luar. Peluang dalam pembuatan peralatan asal (OEM) dan pembuatan reka bentuk asal (ODM) juga akan diterokai sambil jenama perkakas elektrik Asia dan Eropah secara aktif mencari rakan kongsi penyumberan luar di luar negara China.

Satu lagi inisiatif utama EPP ini adalah penubuhan hab pembuatan untuk menjadi pusat keseluruhan rangkaian bekalan. Ini akan membantu menyokong unjuran lonjakan dalam jualan tempatan dan antarabangsa.

Pencapaian dan Cabaran

EPP ini menunjukkan kemajuan yang signifikan dengan insentif cukai yang dibangunkan oleh MIDA untuk Pensonic menubuhkan hab pembuatan maya yang menyediakan R&D dan latihan untuk tenaga kerja mereka. Pengecualian cukai bertujuan mempercepatkan kemajuan EPP ini.

Satu elemen penting untuk memastikan pembangunan berterusan EPP ini adalah untuk mengenal pasti syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai kekuatan yang sama seperti Pensonic dari segi rangkaian pengedaran, penjenamaan dan sistem rantai bekalan menyeluruh.

Langkah Seterusnya

Bagi tahun 2013, inisiatif utama adalah untuk membantu syarikat-syarikat yang boleh bekerjasama dengan Pensonic dan memanfaatkan kebolehan pemasaran. Disebabkan penciptaan rangkaian pengedaran antarabangsa berintensifkan modal, peserta tempatan yang lebih kecil akan mendapat manfaat daripada bekerjasama dengan Pensonic, menggunakan skala ekonomi rangkaian bekalan dan program penyetempatan mereka sebagai batu loncatan ke arah usaha antarabangsa.

E&E 2.0

Pada separuh pertama tahun 2012, ahli-ahli ETP 2010 yang asal, bersama-sama dengan beberapa peserta baru, telah dijemput untuk mengadakan Makmal 2.0 E&E. Makmal baru telah dijalankan menggunakan format makmal standard untuk tempoh 6 minggu, dan telah ditugaskan untuk mengenal pasti penyelesaian untuk meningkatkan kadar pelaksanaan EPP asal, di samping juga menentukan program untuk mengeksplorasi peluang-peluang dalam sektor-sektor baru yang telah muncul sejak tahun 2010.

Penyemakan semula ini mewakili perkembangan logik NKEA E&E, berasaskan salah satu industri yang paling banyak melahirkan permintaan global, dan telah ditetapkan dalam konteks tempoh 10 tahun ETP.

Makmal ini telah mengenal pasti dan mereka bentuk beberapa program di mana teras industri E&E akan digunakan untuk mencipta sinergi daripada pelbagai trend mega berbeza termasuk keretapi elektrik/dielektrikan, kenderaan tenaga yang cekap, pengkomputeran wayarles, dan bahan lanjutan. Beberapa EPP baru telah dikenal pasti di mana sebahagian besar akan bermula dan akan dilaporkan pada tahun 2013.

Impak PNK daripada inisiatif baru dianggarkan pada RM9.7 bilion dengan 56,800 pekerjaan berpendapatan tinggi. Buat masa ini, peluang-peluang baru akan diletakkan untuk mengurangkan kesan kelembapan yang dijangka dalam sektor tumpuan E&E 1.0. Ini akan, seterusnya, membantu dalam pencapaian sasaran asal di bawah E&E 1.0.

EPP 16

Pembangunan *Balance of Systems* untuk Solar Fotovolta (PV)

Di tengah-tengah penurunan dalam permintaan bagi PV akibat krisis *Eurozone* dan perkembangan pesat pengeluaran PV China yang mengakibatkan lebih bekalan produk, harga PV telah mengalami trend menurun. Walaupun ini telah membawa kepada penyatuan dan penjajaran semula dalam pasaran, prospek industri kekal cerah, berbekalkan permintaan pasaran Asia dan Timur Tengah yang ingin memanfaatkan tenaga solar sebagai sumber tenaga alternatif untuk menggantikan arang batu dan minyak.

Di sektor tempatan pula, *Malaysia Photovoltaic Industry Associations* (MPIA) yang terdiri daripada ahli-ahli dari aliran pertengahan dan hiliran, meneroka peluang daripada *Feed-in Tariff* (FiT) dan guna pakai PV oleh orang awam.

Hasil daripada perkembangan ini, EPP ini sedang meneroka peluang dalam *Balance of Systems* (BOS) untuk PV. BOS merangkumi semua komponen sistem PV selain panel, iaitu pendawaian, suis, rak sokongan dan banyak lagi.

Langkah Seterusnya

Penyepadu sistem dan pembekal kabel AC dan pemutus suis konvensional digalakkan meneroka peluang dalam menukar kepada sistem DC. Selain itu, MPIA dan SEDA sedang mengusahakan program-program latihan bagi penyepadu sistem untuk menyediakan latihan dan pensijilan untuk penyepadu sistem PV.

EPP 17

Membangunkan Industri Sistem Tertanam

Projek ini bertujuan untuk membangunkan industri sistem tertanam sebagai sumber pertumbuhan baru dengan memanfaatkan ekosistem elektronik yang sudah bertapak di Malaysia dan PKS tempatan yang berkemahiran.

Sistem tertanam adalah penyelesaian pintar dengan perkakasan dan perisian yang bersepadu ketat, yang direka untuk melaksanakan fungsi khusus. Sistem ini diwakili di dalam lebih 80 segmen termasuk infrastruktur wayarles, penyimpanan perusahaan, infotainment dalam-kenderaan dan automasi kilang.

Pasaran sistem tertanam global dianggarkan berkembang pada kadar 6 peratus untuk mencapai AS\$75 bilion menjelang tahun 2020. Setelah menubuhkan ekosistem elektronik dengan PKS tempatan berkemahiran, Malaysia kini perlu memberi tumpuan kepada usaha untuk bergerak menaiki rantaian nilai pengeluaran ke arah produk margin tinggi tertanam selesai. EPP ini bertujuan untuk memudahkan transformasi ini dengan bekerjasama dengan firma teknologi dan lain-lain pihak di dalam ekosistem industri berkaitan sistem tertanam.

Peluang untuk PKS mengambil bahagian dalam projek ini termasuk akses teknologi, latihan, bantuan pergi ke pasaran dan peluang untuk bekerja dengan pemimpin teknologi.

Langkah Seterusnya

EPP ini bermatlamat untuk membolot sebahagian besar daripada pasaran sistem tertanam global dengan membangunkan keupayaan tempatan dan mendapatkan projek di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Langkah seterusnya, projek ini akan membangunkan projek-projek perintis untuk menghasilkan produk sistem tertanam yang dibangunkan di peringkat tempatan yang berdaya saing di peringkat global atau memenuhi pasaran khusus tertentu. Selanjutnya, Pusat Kecemerlangan Ekosistem akan ditubuhkan untuk membangunkan keupayaan industri tempatan.

EPP 18

Memangkin Pembuatan Komponen Kenderaan Elektrik

EPP ini bertujuan untuk mempercepatkan pelaksanaan dasar Kenderaan Elektrik dan peraturan-peraturan bagi pengangkutan awam dan swasta. Penggunaan kenderaan elektrik akan membantu mengurangkan jejak pelepasan karbon sebanyak 40 peratus dan membantu Kerajaan Malaysia menjimatkan subsidi bahan api sambil bergerak ke hadapan. Sumber asli global dijangka akan terus mengurangkan mengikut masa dan penggunaan kenderaan elektrik akan memberikan penjimatan kos untuk pengguna akhir kerana kos operasinya yang lebih rendah dari segi penyelenggaraan.

Sasaran yang ditetapkan adalah untuk mempunyai kira-kira 2,000 bas elektrik dan 100,000 kereta elektrik di jalan raya menjelang tahun 2020. Salah satu inisiatif yang dilaksanakan di bawah EPP ini termasuk penubuhan pembuat tempatan bateri Litium Ion (Li-Ion) memandangkan bateri ini meliputi 40 hingga 60 peratus kos kereta elektrik. Inisiatif ini bertujuan untuk memastikan Malaysia menjadi hab pembuatan dan eksport untuk kereta elektrik di ASEAN.

EPP ini diterajui sektor swasta dan awam, dengan Institut Automotif Malaysia dan Perbadanan Teknologi Hijau Malaysia (MGTC) mengambil peranan utama bagi pihak Kerajaan. Selain daripada menggalakkan pengeluaran kenderaan menghasilkan bas elektrik dan kereta tempatan, satu lagi objektif di bawah EPP ini adalah untuk memastikan pelaksanaan infrastruktur EV yang diperlukan.

Langkah Seterusnya

Objektif awal untuk 2013 adalah untuk mempertimbangkan peraturan-peraturan bagi bas elektrik di jalan raya dan bagaimana untuk membiayai infrastruktur yang diperlukan untuk bas elektrik. Beberapa syarikat kini sedang menjalani penilaian bagi Skim Pembiayaan Teknologi Hijau, yang berfungsi untuk menyokong pembangunan teknologi hijau di Malaysia. Syarikat-syarikat ini mencari geran tambahan 15 peratus, yang juga akan diambil kira.

Sementara itu, peraturan-peraturan seperti struktur cukai jalan dan undang-undang pelepasan karbon, serta pemangkin bagi penggunaan kereta elektrik juga akan ditubuhkan. Ini akan ditambah dengan perkembangan sokongan R&D untuk pembuatan bateri Li-Ion. Menyelaraskan EPP ini dengan Dasar Automotif Negara juga akan membantu usaha Malaysia untuk menjadi hab serantau kenderaan tenaga yang cekap menjelang tahun 2020.



Kemudahan mengelas kereta elektrik di KLCC

EPP 19

Menyokong Perkhidmatan MRO Rel Serantau melalui Pembuatan Komponen Elektrikal & Elektronik

Malaysia kini mempunyai potensi untuk menyediakan perkhidmatan MRO E&E kepada lebih daripada 1,000 set kereta api dalam rantau ASEAN. Dengan pertumbuhan yang kukuh di pasaran rel ASEAN, terutamanya daripada pusingan stok dalam bahagian dan sistem E&E, ditambah pula dengan permintaan tempatan untuk kereta api elektrik, untuk langkah seterusnya (iaitu: pengembangan LRT, pembangunan MRT dan pencergasan semula kereta api elektrik komuter), Malaysia perlu meletakkan dirinya sebagai pembekal perkhidmatan MRO serantau.

Di bawah EPP ini, konsortium akan ditubuhkan bagi pemilikan MRO Rel E&E, yang akan menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikan bagi rantau ASEAN menjelang tahun 2017.

Pelaksanaan EPP ini termasuk melaksanakan R&D pada bahagian rel usang E&E, subsistem dan komponen sementara juga membangunkan peserta tempatan dan PKS melalui program pembangunan vendor.

EPP ini adalah didorong oleh sektor awam dan swasta, dan diketuai oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Projek ini juga akan menyediakan peluang yang signifikan dalam pembangunan modal insan, kerana jurutera tempatan akan berkhidmat dengan syarikat multinasional rel di bawah program ofset yang diselaraskan oleh Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MiGHT).

Langkah Seterusnya

Penubuhan konsortium MRO Rel E&E akan didahului oleh kajian kebolehlaksanaan di pasaran MRO rel E&E. Ini akan meletakkan asas bagi pertumbuhan industri komponen E&E bagi MRO, membenarkan kemasukan vendor untuk menyediakan perkhidmatan pembaikan, pembangunan produk dan kejuruteraan terbalik untuk komponen E&E yang berkaitan.

Konsortium itu disasarkan untuk ditubuhkan menjelang tahun 2013, yang akan memudahkan pembangunan perkhidmatan MRO rel E&E tempatan menjelang tahun 2014 dan serantau menjelang tahun 2017.

PELUANG PERNIAGAAN

Sektor 1: Semikonduktor

Malaysia sudah terlalu lama berpuas dengan menjadi pembekal perkhidmatan pemasangan untuk pelbagai peserta dalam industri E&E. Sejumlah besar rakyat Malaysia telah bekerja dan menerima tahap latihan dan kesedaran silang budaya yang tidak boleh dibeli dengan wang. Produk semikonduktor merangkumi sebahagian besar eksport Malaysia.

Malangnya, impak eksport ini diseimbangkan semula oleh import yang hampir sama besar komponen teras yang akan dipasang dan/atau diuji. Oleh itu impak PNK kecuali untuk peserta domestik, datang terutamanya dalam bentuk gaji pekerja. Untuk meningkatkan nilai tambah dari sektor ini, kita perlu meningkatkan sumbangan melalui premium daripada harta intelek (semikonduktor reka bentuk tempatan), serta pendapatan tambahan/simpanan melalui program penggantian import (bahan langsung tempatan), dan untuk membolehkan syarikat-syarikat yang diperbadankan di Malaysia untuk meningkatkan angka garis atas mereka dengan meningkatkan daya saing mereka di peringkat global.

Dilihat dalam konteks ini, *True North* bagi EPP dalam sektor ini, adalah untuk mengimbangi rantaian nilai kami dan mewujudkan skala besar dalam segmen yang sehingga kini kurang maju. Kunci untuk membuka nilai asli daripada sektor ini adalah untuk mempunyai ekosistem fabrikasi komponen yang teguh, dan faundri wafer yang membolehkan pereka cip tempatan untuk memasarkan diri mereka dengan berkesan dalam pengkhususan yang mereka disasarkan.

Sektor 2: Solar Fotovolta

Pada tahun 2010, semasa Makmal ETP dijalankan, industri PV solar adalah salah satu daripada sasaran pelaburan paling hangat di dunia. Permintaan untuk sel-sel dan modul sangat tinggi sebahagian besarnya didorong oleh dasar proaktif kelestarian alam sekitar dalam kalangan negara maju di dunia. Program meluas subsidi kerajaan menggalakkan pelaburan secara besar-besaran dalam bidang yang secara relatifnya masih di peringkat awal. Ketidakecapan yang wujud telah digolongkan oleh tekanan bagi pergerakan pantas-hasil yang biasa dihadapi bagi program yang didorong subsidi.

Pada masa ini, Malaysia sudah menjadi pusat operasi kepada banyak peserta utama di dunia. Sehingga 15 peratus daripada pengeluaran sel solar/modul dunia dihasilkan di Malaysia, menjadikan negara ini berada di kedudukan pengeluar nombor 3 di dunia (selepas Jerman dan China). Selain itu, unjuran permintaan sehingga tahun 2020 menunjukkan bahawa untuk mengekalkan perkongsian bahagian 15 peratus daripada pasaran, kita akan memerlukan beberapa kali ganda kapasiti semasa yang mutlak (dalam semua bentuk - wafer, sel-sel, modul dan panel). Oleh itu, *True North* bagi EPP dalam sektor ini adalah untuk mewujudkan keadaan bagi kami untuk mengembangkan volum industri secara mapan.

Setakat ini, industri ini melalui keperitan pertumbuhan yang tidak dapat dielakkan, dan rombakan sedang berlaku—kedua-duanya dari aspek komersial dan teknologi. Sebahagian daripada projek yang memecah rekod pelaburan yang diluluskan MIDA pada tahun 2010-2011 adalah antara yang terjejas oleh industri yang sedang dibetulkan semula. Keperlahanan ini menjadi rahmat kerana ia memberikan Malaysia peluang untuk mengalihkan tenaga kepada pengimbangan rantaian nilai sama seperti apa yang sektor semikonduktor sedang lalui. Penekanan yang lebih akan diberikan kepada aktiviti hulu yang mempunyai nilai tambah lebih tinggi (komponen/bahan teras) dan perkhidmatan hiliran.

Sektor 3: Diod Pemancar Cahaya (LED)/Pencahayaan Keadaan Pepejal

Seperti industri solar fotovolta, dorongan untuk pertumbuhan dalam sektor ini terletak pada kesedaran global yang semakin meningkat tentang kebimbangan alam sekitar dan kelestarian. Kehilangan ~ 95 peratus tenaga melalui haba yang dihasilkan oleh mentol pijar tradisional cahaya, dan isu pelupusan wap merkuri tiub pendarfluor, telah menjadi kebimbangan serius bagi kerajaan di seluruh dunia. Kebanyakan negara-negara maju dan membangun termasuk Malaysia, telah mengumumkan dasar-dasar untuk menghapuskan penyelesaian pencahayaan tidak mesra alam dari pasaran mereka.

Banyak syarikat akan menyertai untuk mengisi vakum bekalan apabila produk pencahayaan berasaskan teknologi lama ini tidak lagi dibuat. Syarikat-syarikat Malaysia juga perlu dibangunkan agar mereka boleh bersaing dengan yang terbaik di dunia bagi membolot perkongsian bahagian yang saksama bagi pasaran LED yang sedang berkembang ini.

Industri LED Malaysia adalah secara relatifnya agak lengkap berbanding dengan ekosistem semikonduktor Malaysia. Kedua-dua syarikat tempatan dan multinasional wujud bersama-sama untuk membentuk sejumlah rantaian nilai termasuk reka bentuk produk, fabrikasi wafer LED, fabrikasi komponen, pembungkusan dan pemasangan, pengujian dan pensijilan, pemasaran dan pengedaran. Ia merupakan bidang yang sangat menarik. Walaupun mempunyai persamaan dengan pembuatan semikonduktor, prosesnya yang agak mudah mengurangkan halangan kemasukan untuk syarikat-syarikat inovatif, membolehkan mereka mempertaruhkan kedudukan mereka dalam pasaran.

Untuk mencapai matlamat ini, *True North* bagi sektor LED adalah untuk mewujudkan satu lapisan asas perkhidmatan pemungkin (termasuk reka bentuk, teknikal, pembuatan, dan kewangan) agar lebih banyak syarikat Malaysia boleh membawa produk pencahayaan keadaan pepejal mereka memasuki pasaran global.

Sektor 4: Elektronik Industri

Tanpa syak lagi, sektor yang terdahulu telah memainkan peranan yang penting dalam ekonomi Malaysia, dan program-program di bawah NKEA diharapkan akan mengembangkannya lagi. Walau bagaimanapun kita harus sedar bahawa potensi nilai tambah daripada sektor tahap komponen seperti semikonduktor, sel solar dan LED, adalah terhad. Untuk merealisasikan nilai tambahan daripada kepakaran komponen kita, kita mesti mencari jalan untuk menyepadukan komponen buatan tempatan ke dalam produk pengguna yang direka dan dihasilkan oleh pembuat tempatan.

Peneraju di Malaysia bagi sektor ini adalah sistem ujian dan pengukuran, penyelesaian automasi, dan pembuat perkakas elektrik dan lain-lain. Produk yang direka bentuk dan dibuat di Malaysia dijual kepada pengguna (perindustrian dan runcit) di seluruh dunia dan sekali gus meningkatkan sumbangan PNK pengeluaran komponen asal melalui reka bentuk, pemasaran, pengedaran, dan perkhidmatan selepas jualan premium.

True North bagi program sektor ini adalah untuk mewujudkan satu ekosistem yang sesuai di mana penawaran dan permintaan peserta boleh disepadukan dengan jayanya, dan sinergi akan tercipta melalui reka bentuk produk, penyepaduan perisian, pengedaran dan rangkaian perkhidmatan dan lain-lain yang cemerlang.

Pada masa ini, KPI EPP 1 mengukur bilangan *fabs* (matlamat 2020 = lima *fabs*). Walau bagaimanapun, *True North* yang dikehendaki adalah untuk mencapai output wafer berskala besar untuk menyokong rantai nilai yang selebihnya, iaitu reka bentuk, pembungkusan, ujian dan lain-lain. Bilangan setara wafer yang dihasilkan (lima *fabs* wafer = 210k wafer mula sebulan) akan membawa kesan yang sama. Langkah seterusnya, KPI akan berubah agar lebih berasaskan program.

Ringkasan NKEA Elektrikal dan Elektronik

	Sasaran 2020
Impak PNK tambahan	RM53.4 bilion
Pekerjaan Tambahan	157,000
Sasaran kritikal bagi tahun 2013 • 15 projek berimpak tinggi • Kelulusan diberi kepada 1 syarikat pengilangan bateri untuk kenderaan elektrik • Penggunaan makmal Analisis Kegagalan Tahap 2:20 bagi syarikat yang telah menandatangani perjanjian perkhidmatan/penyelideikan usaha sama / MOU • Pereka cipta IC/ Pengawal Gerakan Hijau: Perjanjian komersial untuk menjual prototaip (Pengawal Gerakan Hijau / <i>Green Motion Controller</i>) • Lima persatuan menandatangani MOU untuk menggunakan Pusat Kecemerlangan Reka Bentuk Industri	



Perkhidmatan Perniagaan



Datuk Seri Dr. S. Subramaniam

Menteri Sumber Manusia

NKEA Perkhidmatan Perniagaan merupakan pemangkin penting dalam pembangunan Malaysia ke arah status negara berpendapatan tinggi. Ia memfokus kepada mempercepatkan pertumbuhan sektor ekonomi yang terpilih dan khusus di mana negara boleh mengukir bidang global yang mapan dan berdaya saing.

Pada tahun 2012, NKEA ini mencatatkan pencapaian yang meletakkannya di landasan yang betul untuk mencapai sasaran menyumbang RM78.7 bilion untuk Pendapatan Negara Kasar (PNK) menjelang tahun 2020.

Antara sorotan sepanjang tahun termasuk penubuhan Malindo Airways oleh perintis penerbangan tempatan, NADI (National Aerospace & Defence Industries), dan syarikat penerbangan Indonesia, Lion Air. Industri perkhidmatan penyenggaraan, pembaikan dan baik pulih penerbangan (MRO) juga menyaksikan kemunculan peserta tempatan baru, iaitu AIROD Aerospace Technology. Kedua-dua langkah ini dilihat akan membantu industri perkhidmatan MRO Malaysia untuk terus berkembang.

Usaha menarik pelaburan langsung asing baru membuahkan hasil dengan firma penyelidikan global dan perunding *Frost & Sullivan* menubuhkan Pusat Inovasi Global untuk Kecemerlangan di Iskandar Malaysia. Firma-firma asing lain seperti AIG, Chartis dan AIA juga mengembangkan pusat perkhidmatan berkongsi mereka di Malaysia pada tahun ini, menyediakan momentum berterusan bagi pertumbuhan sektor penyumbahan luar.

Dalam bidang seperti perkhidmatan kejuruteraan aeroangkasa dan automotif, juara tempatan Strand Aerospace Malaysia dan DreamEdge Sdn Bhd mengukuhkan perniagaan mereka melalui pengembangan di Perancis dan Vietnam, sambil juga mempelbagaikan penawaran perkhidmatan mereka.

Perkembangan pada tahun 2012 menunjukkan petanda yang baik bagi NKEA ini pada masa depan. Dengan pencapaian dan usaha yang sedang dijalankan untuk mewujudkan segmen baru dan pertumbuhan ekonomi yang mapan, ia membayangkan bahawa Malaysia bukan sahaja bakal mencapai status negara maju menjelang tahun 2020, tetapi muncul sebagai pemimpin global dalam pelbagai sektor dan segmen.

PERKHIDMATAN PERNIAGAAN

Perkhidmatan Perniagaan mewakili sektor kritikal dalam usaha Malaysia ke arah menjadi sebuah negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020, memperluaskan pengkhususan negara ke sektor baru yang belum diterokai.

Modal insan merupakan komponen penting dalam mencapai matlamat ini, dan Perkhidmatan Perniagaan memainkan peranan utama dalam memupuk inovasi dan meluaskan pengetahuan dan kemahiran asas negara. Ini adalah penting untuk membangunkan ekonomi berpendapatan tinggi dan bernilai tinggi. Ia juga merangkumi portfolio eksport Malaysia yang melewati komoditi tradisional dan barangan pembuatan termasuk Perkhidmatan Penyenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih Penerbangan. Penyumberan Luar Proses Perniagaan, dan perkhidmatan Penyumberan Luar Proses Pengetahuan serta aktiviti luar pesisir yang lain.

Perkhidmatan Perniagaan merentasi pelbagai industri dan bidang pekerjaan, justeru itu, ia juga penting kepada usaha meningkatkan produktiviti dan meningkatkan daya saing ekonomi secara keseluruhan. Di Malaysia, Perkhidmatan Perniagaan telah menjadi sektor kedua paling pesat berkembang dalam dekad yang lalu, berkembang pada kadar tahunan purata sebanyak 7.9 peratus. Perkhidmatan IT dan Penyumberan Luar membentuk sub-segmen terbesar, mencakupi 37 peratus daripada sumbangan sektor PNK.

Inisiatif yang diperkenalkan di bawah NKEA ini bertujuan untuk mengembangkan sumbangan PNK bagi sektor ini menjadi empat kali ganda kepada RM78.7 bilion menjelang tahun 2020, melalui enam Projek Permulaan (EPP) yang dikategorikan di bawah dua tema: "Mempercepatkan pertumbuhan dalam sektor dengan pembezaan ketara", dan "Membangunkan segmen masa depan".

Tema pertama memberi tumpuan kepada bidang di mana Malaysia mempunyai keupayaan dan kelebihan berbanding yang sedia ada, dan meliputi perkhidmatan MRO, Penyumberan Luar dalam Perniagaan, IT dan Pemprosesan Pengetahuan dan Pusat Data.

Yang kedua adalah untuk mengeksploitasi peluang dalam segmen ini yang berpotensi tinggi untuk pertumbuhan, eksport, dan penciptaan pekerjaan pada masa depan. Ini merangkumi perkhidmatan reka bentuk kejuruteraan pengkhususan tinggi dan Teknologi Hijau. Pada tahun 2012, NKEA menambah satu lagi subsektor, pembinaan kapal dan pembaikan kapal.

Walaupun NKEA ini mencatatkan pencapaian yang ketara pada tahun 2012, persekitaran global yang semakin kompetitif dan pertumbuhan ekonomi yang semakin reda dalam banyak pasaran menitikberatkan keperluan untuk menggandakan usaha di bawah penawaran Perkhidmatan Perniagaan Malaysia.

Namun demikian dengan adanya asas yang kukuh, tinjauan kekal positif untuk NKEA ini terus maju dengan momentum yang sedia ada pada masa depan.

Petunjuk Prestasi Utama 2012

NKEA Perkhidmatan Perniagaan		KPI (Kuantitatif)							
No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #1	Pendapatan daripada <i>Fleet Technical Management</i> (RM Juta)	300	286	95	●	95	●	0.5	●
	Pendapatan daripada pusat-pusat latihan (RM juta)	18	20.7	115	●	100	●	1.0	●
	Pendapatan daripada Kerangka Pesawat Udara MRO (Penyenggaraan Garis & Asas) (RM juta)	1,200	1,238.6	103	●	100	●	1.0	●
	Pendapatan daripada Enjin MRO (RM juta)	1,600	750	47	●	47	●	0.0	●
	Pendapatan daripada Komponen MRO (RM juta)	1,227	1,404	114	●	100	●	1.0	●
EPP #2	Pendapatan jualan luar negara (RM juta)	1,011.2	1,252.9	124	●	100	●	1.0	●
	Bilangan pekerjaan yang diwujudkan	8,000	9,512	119	●	100	●	1.0	●
EPP #3	Peningkatan ruang rak (<i>rack-space</i>): Pusat Data <i>White Floor Space</i> (kaki persegi)	150,000	150,600	100	●	100	●	1.0	●
	Pensijilan Organisasi Pusat Data	11	8.8	73	●	73	●	0.5	●
	Jumlah hasil perkhidmatan Pusat Data (RM Juta)	395	450	114	●	100	●	1.0	●
EPP #4	Bilangan pekerjaan yang diwujudkan	4,000	7,696	192	●	100	●	1.0	●
	Pendapatan yang dijana daripada sumber utama segmen contohnya RE/EE/SWM/GTFS (RM Juta)	1,788.8	3,657	204	●	100	●	1.0	●
	Penubuhan rangka kerja akreditasi untuk ESCO	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●

(bersambung)

(sambungan mukasurat sebelum)

NKEA Perkhidmatan Perniagaan		KPI (Kuantitatif)							
No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #5	Pendapatan bagi Strand Aerospace Malaysia Sdn Bhd (SAM) (RM Juta)	19.15	16.18	84		84		0.5	
	Pelaburan bagi Strand Aerospace Malaysia Sdn Bhd (SAM) (RM Juta)	3.5	3.5	100		100		1.0	
	Pendapatan untuk DreamEdge Sdn Bhd (DESB) (RM Juta)	14	16.28	116		100		1.0	
	Pelaburan bagi DreamEdge Sdn Bhd (DESB) (RM Juta)	2.16	2.98	138		100		1.0	
				114%		94%		85%	

Rajah 10.1

Kaedah 1 menunjukkan pencapaian KPI sebenar iaitu membenarkan pencapaian melebihi 100 peratus dilaporkan.

Kaedah 2 menunjukkan laporan pencapaian KPI yang dihadkan kepada 100 peratus.

Kaedah 3 menunjukkan laporan pencapaian paling mudah. Sasaran KPI yang telah dipenuhi atau melebihi diberi gred 1. KPI yang mencapai lebih separuh daripada sasarannya diberi gred 0.5, dan KPI yang kurang daripada separuh sasaran mereka diberi gred 0.

PERMULAAN PROJEK (EPP)

EPP 1

Mengembangkan Perkhidmatan Penyenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih (MRO) Pesawat dalam Industri Penerbangan

Matlamat EPP ini adalah untuk membangunkan pasaran Malaysia menjadi sebuah hab perkhidmatan serantau MRO, memanfaatkan pertumbuhan pasaran global yang dijangka mencapai RM205 bilion pada tahun 2020 pada kadar pertumbuhan tahunan terkompoun (CAGR) sebanyak 3.9 peratus.

Malaysia berada dalam kedudukan yang baik untuk menjadi hab serantau MRO yang berdaya saing memandangkan bilangan pesawat baru yang dibeli oleh syarikat penerbangan tempatan. Ini mewujudkan permintaan bagi sektor MRO kerana pesawat-pesawat ini diservis di Malaysia. Di samping itu, terdapat peningkatan bilangan pemain MRO baru untuk menangani permintaan, ditambah dengan pengembangan pembekal Tahap 2 dan Tahap 3 dan keupayaan kerangka pesawat udara MRO.

Terdapat juga pembangunan yang lebih besar dalam infrastruktur lapangan terbang Malaysia dengan trafik udara yang semakin meningkat, ketersediaan tanah dan penciptaan persekitaran operasi yang lebih kondusif melalui peraturan-peraturan cukai penerbangan awam yang lebih baik seterusnya menjadikan negara destinasi MRO pilihan.

Untuk memperbaiki struktur dan peraturan industri, Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCAM) telah mula mengamalkan standard *European Aviation Safety Agency* (EASA). Dalam hal ini, DCAM telah melantik seorang perunding untuk mengkaji semula mana-mana peraturan penerbangan awam yang perlu diganti, agar ia mengikuti standard antarabangsa.

DCAM juga dalam proses memperkenalkan platform E-peperiksaan untuk mempercepatkan pelesenan, seperti untuk jurutera pesawat baru. Ini akan membolehkan kira-kira 1,500 pelajar kejuruteraan pesawat untuk diuji dan menerima keputusan mereka dengan lebih cepat, di samping membantu untuk memastikan terdapat bekalan bakat untuk mengisi keperluan modal insan yang tepat pada masanya. Selain itu, peperiksaan dalam talian akan disediakan dan dikemaskini dengan kerap, menggunakan standard EASA sebagai rujukan.

Di bahagian industri pula, *Industry Working Group* (IWG) bermesyuarat pada setiap bulan untuk membincangkan isu-isu termasuk perkembangan perniagaan tempatan dan antarabangsa dan



Hangar Sepang Aircraft Engineering (SAE) di Sepang

keperluan modal insan. Ditubuhkan pada Ogos 2011, IWG diketuai oleh MAS Aerospace Engineering (MAE), dengan AIROD sebagai Timbalan Pengerusi dan enam lagi MRO dan syarikat-syarikat berkaitan MRO sebagai ahli.

Pencapaian dan Cabaran

EPP ini mencatat beberapa pencapaian pada tahun 2012 oleh peserta dan pengawal selia pasaran. Pencapaian ini membawa kepada pembaikan dalam struktur industri dan peraturan, pengembangan ekosistem MRO dan jangkauan geografi, dan menawarkan perkhidmatan nilai tambah yang tinggi.

Sepang Aircraft Engineering (SAE), pembekal perkhidmatan MRO yang dimiliki oleh EADS (*European Aeronautic Defence and Space Company*), menjamin pensijilan EASA 145, standard untuk pensijilan dan operasi organisasi penyelenggaraan pesawat. Pensijilan ini akan membolehkan SAE untuk memperluaskan perkhidmatan kepada lebih banyak pengendali syarikat penerbangan, seterusnya meningkatkan pendapatan perniagaan pihak ketiga. Ia juga mewujudkan potensi bagi syarikat untuk mewujudkan kehadiran serantau yang mampu bersaing dalam perkhidmatan menyelenggara pesawat A320 dan A330 dan mungkin juga, A380.

NADI, perintis industri penerbangan Malaysia dan syarikat induk perdana perkhidmatan pembekal MRO Malaysia AIROD, bekerjasama dengan syarikat penerbangan bajet Indonesia Lion Air untuk menubuhkan Malindo Airways, syarikat penerbangan kos rendah kedua Malaysia.

NADI juga menubuhkan pembekal perkhidmatan MRO tempatan baru, AIROD Aerospace Technology (AAe). AAe dilihat sebagai mengukuhkan secara besar-besaran operasi pasaran MRO, melengkapkan pemain tempatan yang lain dan meningkatkan profil Malaysia sebagai lokasi MRO.

Majlis menandatangani antara Kumpulan Lion Air (Indonesia) dan National Air dan Defence Industries (Malaysia) pada 11 September 2012, yang menandakan kelahiran Malindo Air.

Sementara itu, AIROD memperoleh kontrak untuk menyediakan perkhidmatan untuk pembaikpulihan enjin helikopter milik syarikat AS, AAR Airlift Group, yang menyediakan perkhidmatan penerbangan kepada pelanggan Kerajaan dan pertahanan.

Di sebalik perkembangan positif ini, EPP ini masih menyaksikan beberapa cabaran sepanjang tahun ini. Antaranya, kebalikan pertukaran saham MAS dan AirAsia telah membawa beberapa ketidakpastian dalam operasi MAE, yang memberi kesan kepada perolehan perniagaan pihak ketiga dan rancangan pengembangan masa depan, termasuk usaha bersama yang berpotensi. Walau bagaimanapun, ia dijangka bahawa kos rasionalisasi semasa MAE dan perkongsian strategik sedia ada dengan syarikat-syarikat sasaran dalam segmen perniagaan utama akan menyediakan lebih banyak peluang perniagaan sambil melangkah ke hadapan.

Cabaran selanjutnya yang dihadapi oleh industri MRO termasuk pilihan enjin baru untuk pesawat generasi akan datang dan persaingan daripada pengeluar peralatan asal (OEM), dengan persaingan yang semakin meningkat daripada OEM dalam pasaran *aftermarket* dilihat sebagai risiko untuk perkongsian pasaran MRO. Peningkatan kos buruh juga dilihat sebagai satu cabaran kepada industri.

AIROD Aerospace Technology (AAe)

AAe akan menyediakan rangkaian perkhidmatan MRO kepada operator pihak ketiga, seperti General Electric Capital Aviation Services, Sriwijaya, di mana saiz fleet dan buku pesanan sedia ada akan membantu pendapatan AAe dan menyediakan peluang yang banyak untuk mempengaruhi perniagaan pihak ketiga antarabangsa.

Ini akan seterusnya memanjangkan keupayaan Malaysia untuk perkhidmatan MRO dan pesawat udara generasi seterusnya. Ia juga mengembangkan jejak global MRO Malaysia.



Hangar AIROD Aerospace Technology di Subang

Langkah Seterusnya

Pengenalan insentif baru dan peningkatan rangka kerja pengawalseliaan akan membantu meningkatkan keupayaan peserta MRO dalam segmen perniagaan utama dan mewujudkan pasaran khusus, sekali gus meningkatkan daya saing mereka. Bersama-sama dengan jangkaan kemasukan dua pemain asing baru MRO pada separuh pertama tahun 2013, industri ini juga diunjurkan menyaksikan margin yang lebih baik, terutama dalam bidang pembaikan bahan komposit.

Selain itu, kemudahan Eurocopter MRO di Malaysia International Aerospace Centre akan mengembangkan perkhidmatan sayap tetap semasa MRO termasuk perkhidmatan sayap berputar, meletakkan Malaysia di peta serantau produk Eurocopter.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk memenuhi permintaan tenaga kerja dan menggalakkan pembangunan modal insan, MRO IWG telah mencadangkan untuk meningkatkan akses pelajar kepada pembiayaan pendidikan melalui pinjaman atau biasiswa. Di samping itu, MAE sedang meningkatkan pusat latihan serantau untuk meningkatkan keupayaan jurutera dan juruteknik pesawat. Bagi tahun 2013, EPP ini menyasarkan RM380 juta dalam pendapatan daripada *fleet technical management* dan hampir RM2.4 bilion dalam pendapatan daripada MRO kerangka pesawat udara (garis dan asas penyelenggaraan) dan pusat latihan pada tahun 2013.

EPP 2

Membina Pihak Pembekal Penyumberan Luar yang Berdaya Saing di Peringkat Antarabangsa

Walaupun industri Penyumberan Luar global muncul sebagai komponen penting dalam kecekapan perniagaan yang semakin meningkat, Malaysia hanya mendapat 3.9 peratus pasaran industri Asia (kecuali Jepun); dan terlepas mengambil peluang daripada pertumbuhan tahunan yang diunjurkan sebanyak 12 peratus daripada industri Penyumberan Luar Asia Pasifik.

Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat Malaysia sedang membangunkan kelebihan daya saing dalam beberapa bidang dalam Penyumberan Luar iaitu, perkhidmatan kewangan, minyak dan gas, dan logistik. EPP ini akan memberi tumpuan kepada bidang penyumberan luar proses perniagaan (BPO), Penyumberan luar proses IT (ITO) dan penyumberan luar proses pengetahuan (KPO), dengan tujuan mewujudkan industri penyumberan luar yang berdaya saing di peringkat global dan membentuk Malaysia sebagai hab pesisir luar dan penyumberan luar.

Inisiatif di bawah EPP ini kedua-duanya diterajui Kerajaan dan industri yang bertujuan meningkatkan keupayaan industri dan kredibiliti dan memupuk daya saing. MAMPU, sebuah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri, telah diamanahkan dengan membawa penyatuan proses perniagaan IT dan bukan teras Kerajaan, menyasarkan 30 peratus dalam penjimatan kos menjelang tahun 2020.

Pemimpin industri tempatan penyumberan luar Multimedia Development Corporation (MDeC) dan Outsourcing Malaysia (OM) juga memainkan peranan dalam memastikan daya tarikan berterusan Malaysia sebagai hab penyumberan luar dan penyumberan luar pesisir global. Ini akan menyokong aktiviti-aktiviti syarikat multinasional asing dan syarikat Malaysia yang mempunyai cita-cita serantau dan global. Bersama-sama dengan usaha di bawah SRI Pembangunan Modal Insan, program peningkatan kemahiran telah dibangunkan untuk memastikan kecekapan industri berkaitan dipenuhi.



Rajah 10.2: Jenis-jenis perkhidmatan penyumberan luar yang disasarkan daripada asas ITO kepada KPO

Pencapaian dan Cabaran

Langkah-langkah yang diambil untuk EPP ini menyampaikan hasil yang memberangsangkan pada tahun 2012 daripada kerajaan dan inisiatif yang diterajui oleh industri.

Penyumberan Luar Kerajaan

Projek 1GovUC (*Government Centralised Unified Communication System*) telah dilancarkan pada bulan April, di mana TM Bhd akan melaksanakan usaha dua tahun untuk menyatukan komunikasi Kerajaan. Ini akan meningkatkan penyampaian perkhidmatan di samping mengurangkan kos operasi maklumat, komunikasi dan teknologi (ICT).

Pelancaran 1GovUC diikuti oleh permulaan operasi Pusat Data Kerajaan (GDC-1) pada bulan Mei. Kemudahan ini bertujuan untuk menyatukan infrastruktur ICT Kerajaan. Di bawah inisiatif yang sama, kontrak untuk GDC-2 telah diberikan kepada Strateq Sdn Bhd, yang akan menguruskan data Kerajaan dan pusat pemulihan bencana di bawah kontrak dua tahun.

Pertumbuhan Industri

Pada tahun 2012, industri menyaksikan kemasukan pelaburan langsung asing baru dari Frost & Sullivan dan pengembangan perkhidmatan yang dikongsi oleh AIG, Chartis dan AIA. Penubuhan syarikat dan pengembangan pusat perkhidmatan perkongsian di Malaysia akan mewujudkan lebih RM100 juta dalam pelaburan dan lebih 2,000 pekerjaan baru, di samping meningkatkan profil Malaysia sebagai pusat bertaraf dunia bagi perkhidmatan penyumbahan luar.

Pelaburan ini adalah penting kerana ia muncul dalam keadaan kegawatan ekonomi global, yang telah mengancam industri penyumbahan luar Asia Pasifik sambil pertumbuhan kekal lembap di Eropah dan Amerika Syarikat.

Walaupun dengan pencapaian ini, penggiat Malaysia telah memantapkan kedudukan mereka di pasaran dan membina kepakaran dalam bidang masing-masing, mereka masih kekurangan skala dan skop yang diperlukan untuk bersaing dengan kuasa industri tradisional seperti dari India.

Langkah Seterusnya

MAMPU yang sedang membangunkan pelan tindakan dan rangka kerja bagi penyumbahan luar proses perniagaan bukan teras Kerajaan, telah menjalankan kajian untuk mengenal pasti skop dan skala inisiatif, yang dijangka siap menjelang akhir suku kedua 2013.

MDeC dan OM akan memberikan tumpuan kepada inisiatif industri mengenai dua teras utama yang sedang dilaksanakan: Mengekalkan persekitaran yang berdaya saing di Malaysia untuk menarik pelaburan asing dalam penyumbahan luar, dan meningkatkan daya saing syarikat-syarikat tempatan dengan meningkatkan skala, kredibiliti dan capaian pasaran mereka.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif ini, syarikat-syarikat terkemuka tempatan akan ditanda aras mengikut standard global yang ditetapkan oleh *International Association of Outsourcing Professionals* (IAOP). Ini akan digunakan untuk mengukuhkan profil mereka dan membangunkan program-program peningkatan.

Usaha akan diambil pada tahun 2013 untuk membantu peserta tempatan penyumbahan luar untuk membina skala melalui program penggabungan dan pengambilalihan di samping promosi yang dipertingkatkan ke pasaran antarabangsa.

Menempatkan Malaysia Sebagai Hab Pusat Data Bertaraf Dunia

Rantau Asia-Pasifik telah menunjukkan pertumbuhan yang memberangsangkan dalam pasaran pusat data (DC), dengan pendapatan yang dijangka meningkat sebanyak 16.3 peratus setahun untuk mencecah AS\$3.4 bilion pada tahun 2014. EPP 3 bertujuan untuk mengambil kesempatan daripada peluang ini dengan menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelabur DC dan meningkatkan bekalan ruang DC di Malaysia yang diperakui di peringkat antarabangsa.

Inisiatif yang diambil melalui EPP ini bermatlamat untuk menangani bekalan dan permintaan perkhidmatan DC. Dari segi penawaran, EPP 3 telah menangani kos menjalankan perniagaan melalui kerjasama dengan pihak berkepentingan seperti firma telekomunikasi, firma tenaga, pemilik tanah, pengawal selia dan peserta DC itu sendiri. Satu bidang tumpuan utama di sini termasuk menangani kos jalur lebar untuk meningkatkan kecekapan operasi firma DC.

Dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran mengenai industri DC tempatan dan sekali gus memacu permintaan, kempen media telah dilaksanakan, manakala satu kajian telah dimulakan dalam usaha untuk lebih memahami keperluan pelanggan.

Pusat-Pusat Data di Malaysia sedang menjalani proses pensijilan antarabangsa dengan lapan pusat data memperoleh sijil *International Data Centre Organisational* pada tahun 2012. Ini adalah bertujuan untuk menambah nilai kepada kemudahan DC dan meningkatkan keupayaan dan kredibiliti pusat data.

Pencapaian dan Cabaran

Sejumlah pusat data telah dilancarkan pada tahun 2012, sambil menambah lebih daripada 150,000 kaki persegi dalam kapasiti DC baru yang tersebar di seluruh Cyberjaya, Petaling Jaya dan Mont' Kiara.

Pada bulan Disember 2012, kemudahan DC Malaysia memperoleh lapan pensijilan DC, termasuk Pensijilan Reka Bentuk Tahap III Uptime Institute, pensijilan Indeks Bangunan Hijau dan ISO 27001: Sistem pengurusan keselamatan maklumat. Pada Oktober 2012, Maxis/HDC Uptime Institute DC yang disahkan Tahap III telah dilancarkan, mewakili kemudahan pertama di Malaysia dan hanya yang kedua di ASEAN untuk mencapai sijil Reka Bentuk Tahap III Uptime Institute.

Projek oleh	Ruang Dilancarkan	Kapasiti binaan
CSF CX5, Cyberjaya	67,000 kaki persegi	201,000 kaki persegi
CJ1 Centre oleh MyTelehaus, Cyberjaya	38,100 kaki persegi	38,100 kaki persegi
NTT MSC Cyberjaya3, Cyberjaya	17,500 kaki persegi	17,500 kaki persegi
CRF Disaster Recovery Data Centre, Petaling Jaya	20,000 kaki persegi	20,000 kaki persegi
Safehouse Data Centre, Mont' Kiara	1,000 kaki persegi	5,000 kaki persegi
AktifNet Data Centre, Bandar Utama dan KL Sentral	3,300 kaki persegi	3,300 kaki persegi
Patimas Data Centre, Taman Teknologi Malaysia	2,700 kaki persegi	2,700 kaki persegi
Finexus Data Centre, Cyberjaya	1,000 kaki persegi	1,000 kaki persegi
Total	150,600 kaki persegi	288,600 kaki persegi

Rajah 10.3: Senarai pusat data yang dilancarkan pada tahun 2012 dan kapasitinya

Selain itu, usaha untuk melibatkan pembekal telekomunikasi untuk menawarkan kos jalur lebar yang kompetitif telah membawa syarikat-syarikat telekomunikasi menawarkan model harga istimewa untuk DC. Ini dijangka meningkatkan daya saing global peserta tempatan.



Pusat data CX5 CSF Group di Cyberjaya, dilancarkan pada Januari 2012 dengan lebih 200,000 kaki persegi ruang pusat data yang boleh dijual

Pada November 2012, Malaysian DC Alliance telah ditubuhkan, mewakili suara bersatu untuk industri DC. Alliance ini dijangka akan terus memacu pewujudan persekitaran yang kondusif bagi pertumbuhan perkhidmatan DC Malaysia.

Direktori Pusat Data Malaysia telah dilancarkan secara rasmi pada September 2012, (<http://datacentre.my/>), mewakili panduan sehati untuk pembekal pusat data Malaysia. Panduan ini telah diterima dan diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun untuk menarik pelanggan dari Jepun.

Fokus kepada menarik pelanggan Jepun adalah sebahagian daripada matlamat yang lebih luas untuk menarik lebih ramai pelabur asing dan pelanggan untuk pasaran DC Malaysia. Ini adalah untuk menangani penerimaan yang lebih rendah bagi perkhidmatan DCMalaysia oleh pelanggan-pelanggan antarabangsa berbanding dengan pelanggan tempatan. Ini merupakan kebimbangan utama untuk EPP ini, dan ditambah pula dengan keperluan untuk mewujudkan persekitaran operasi yang lebih cekap, yang mengurangkan kos perniagaan, seperti untuk jalur lebar Internet dan elektrik.

Langkah Seterusnya

Pada tahun hadapan, EPP ini akan menerajui penubuhan Taman DC, dengan Iskandar Malaysia dan Cyberjaya dikenal pasti sebagai lokasi untuk kemudahan-kemudahan ini. Objektif utama penubuhan kemudahan ini adalah untuk mengagregatkan penggunaan jalur lebar dalam usaha untuk mengurangkan kos operasi pusat data.

Sementara itu usaha akan diambil untuk memupuk pasaran DC tempatan, langkah-langkah berterusan untuk memasarkan perkhidmatan DC Malaysia di luar negara juga akan diteruskan. Persidangan antarabangsa sedang dirancang untuk tahun 2013 dalam perkongsian dengan rakan kongsi acara yang diiktiraf di peringkat global, bermula dengan Data Centres Malaysia Summit yang kedua oleh BroadGroup UK pada Januari.



Pusat data 'Rimba Digital' NTT MSC dilancarkan pada April 2012, dengan 17,500 kaki persegi ruang pusat data yang boleh dijual



Melonjakkan Industri Teknologi Hijau yang Dinamik

Sebagai langkah ke hadapan dalam menyelesaikan keperluan tenaga global, industri teknologi hijau adalah satu bidang penting di mana Malaysia mesti memanfaatkan kelebihan penggerak awal. Memandangkan industri ini bernilai berbilion-bilion dolar di peringkat global, terdapat peluang besar untuk pertumbuhan dalam pasaran ini. Oleh itu, adalah penting bagi Malaysia untuk memanfaatkan potensi luas untuk membangunkan penyelesaian teknologi hijau yang lestari.

Menyedari kepentingan industri ini pada masa hadapan, Malaysia mengambil langkah-langkah awal untuk merangsang industri tempatan, termasuk dengan menubuhkan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) pada tahun 2009 dan mewujudkan Majlis Teknologi Hijau yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri. Tumpuan kini adalah untuk meningkatkan profil Malaysia sebagai hab teknologi hijau Asia dan meningkatkan keupayaan industri tempatan.

Pencapaian dan Cabaran

International Green Technology and Eco Products Exhibition and Conference (IGEM) merupakan acara tahunan oleh KeTTHA. Pertama kali diadakan pada tahun 2009, IGEM 2012 bertujuan untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan pengguna dan peserta industri mengenai kepentingan teknologi hijau. Acara ini juga menyasarkan untuk menggalakkan penggunaan pesat teknologi hijau untuk membantu mencapai pertumbuhan ekonomi yang mapan sambil menangani isu-isu keselamatan alam sekitar dan tenaga.

IGEM 2012

Pameran ini memfokus kepada lapan sektor, iaitu tenaga, pengangkutan, pengurusan air dan pengurusan sisa pepejal, pembinaan, produk dan perkhidmatan eko, pembiayaan hijau, ICT dan pengilangan. Antara acara lain yang diadakan semasa pameran tersebut ialah pepadanan perniagaan antarabangsa, pepadanan kerjaya hijau, dan seminar serta bengkel.

Manfaat Rangka Kerja Akreditasi ESCO:

- Membentuk ESCO yang profesional dan berkecekapan dan auditor atau pengurus tenaga
- Meningkatkan taraf ESCO terutamanya di dalam perkhidmatan audit tenaga
- Menyokong perkhidmatan pemerolehan dan prosedur pemilihan
- Menyokong inisiatif sektor awam untuk mempromosikan kecekapan tenaga
- Mengurangkan pembaziran dan tuntutan palsu terhadap pemain industri

366 syarikat yang terdiri daripada 214 syarikat tempatan dan 152 syarikat asing menyertai IGEM pada tahun 2012. RM1.32 bilion dalam peluang perniagaan berpotensi muncul melalui Sesi Pepadanan Perniagaan yang diadakan semasa pameran itu, manakala tujuh Memorandum Persefahaman dalam pelbagai bidang teknologi hijau telah ditandatangani.

Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS), yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan pada tahun 2009 untuk memulakan dan menawarkan syarikat-syarikat untuk mengakses pembiayaan, kini telah dilanjutkan selepas tahun 2012 hingga 2015. Sejak pelaksanaannya, 251 permohonan telah diproses dan 219 syarikat telah menerima Pensijilan Hijau. Daripada jumlah ini, sebanyak 76 projek telah menerima pinjaman yang diluluskan daripada institusi kewangan yang berkaitan dengan pembiayaan sebanyak RM1.02 bilion. Angka ini menunjukkan bahawa lebih banyak syarikat tempatan, terutamanya industri kecil dan sederhana (IKS), memulakan dan mendapat manfaat daripada perniagaan berasaskan teknologi hijau. Dana itu kini bernilai RM2.6 bilion, dan menawarkan jaminan 60 peratus pinjaman dan rebat dua peratus daripada Kerajaan daripada jumlah kadar faedah.

Untuk meningkatkan lagi pengambilan dana, Perbadanan Teknologi Hijau Malaysia (MGTC) telah memulakan langkah termasuk mengemaskini kriteria GTFS untuk modal berbayar, penyeragaman templat pelaburan dan meningkatkan promosi dana ini untuk pengguna dan pengeluar.

EPP ini juga menyaksikan pelaksanaan rangka kerja akreditasi Syarikat-syarikat Perkhidmatan Tenaga (ESCO) oleh Suruhanjaya Tenaga, yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan oleh firma-firma teknologi hijau, meningkatkan keyakinan pengguna dan mengawal selia industri.

Pencapaian ini bagaimanapun tidak membayangkan bahawa industri teknologi hijau bersedia sepenuhnya untuk dijalankan dengan lancar di Malaysia. Salah satu sebabnya ialah harga dan daya maju perniagaan kekal menjadi kebimbangan dalam menawarkan penyelesaian tenaga yang mapan. Tambahan pula, pelaksanaan Akta Kecekapan dan Penjimatan Tenaga masih belum pasti, mengakibatkan ketiadaan alat dasar strategik dan pengawalseliaan untuk membantu mencapai kecekapan tenaga.

Langkah Seterusnya

Pada tahun 2013, KeTTHA dan MGTC akan memberi tumpuan untuk memastikan bahawa nilai pinjaman yang dikeluarkan di bawah GTFS melebihi RM300 juta. KeTTHA, melalui NKEA Elektrik dan Elektronik, juga akan memudahkan pelaksanaan hala tuju kenderaan elektrik, mewujudkan kesan penggandaan yang besar kepada sektor perkhidmatan.

Selain itu, dalam kerjasama dengan PEMANDU, KeTTHA akan menyasarkan pelaburan asing dalam rawatan sisa air dan pengurusan untuk membantu mewujudkan sumber air alternatif bagi permintaan semasa dan masa depan. Dalam bidang pengurusan sisa pepejal, Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan mengeluarkan tender bagi pembinaan loji rawatan sisa pepejal baru. Ini bertujuan mengurangkan jumlah sisa yang dihantar ke tapak pelupusan, sekali gus mengurangkan kesan gas rumah hijau.

Malaysian Industrial Group for High Technology (MiGHT) akan terus mempertimbangkan syarikat-syarikat yang berpotensi untuk projek ofset. Syarikat-syarikat ini telah dirujuk oleh MGTC, berikutan pemeteraian MoU antara MGTC dan MiGHT pada Julai 2012. MoU itu membolehkan perniagaan permulaan teknologi hijau yang tidak dapat mengakses pembiayaan melalui institusi kewangan untuk memanfaatkan kontrak ofset yang ditadbir oleh MiGHT.

EPP 5

Membangunkan Perkhidmatan Kejuruteraan Pengkhususan Tinggi

EPP 5 berhasrat untuk mewujudkan syarikat perkhidmatan kejuruteraan aeroangkasa dan automotif yang berdaya saing di peringkat global dengan menggalakkan keadaan pasaran yang akan membawa perkhidmatan kejuruteraan bernilai tinggi ke Malaysia. Ini adalah untuk mengambil kesempatan ke atas nilai pasaran global industri perkhidmatan kejuruteraan aeroangkasa dan automotif yang berkembang pesat, yang dijangka melebihi RM960 bilion menjelang tahun 2020.

Usaha daripada EPP ini telah melihat pembangunan Strand Aerospace Malaysia (SAM) dan DreamEdge Sdn Bhd (DESB). Syarikat-syarikat ini telah mengembangkan tenaga kerja kejuruteraan mereka kepada lebih 100 setiap satu, daripada kurang 10, sejak permulaan ETP. Kedua-duanya kini dianggap syarikat Tahap 2 untuk reka bentuk kejuruteraan dan telah memperluaskan capaian mereka ke Eropah dan Jepun.

Pencapaian dan Cabaran

Pada tahun 2012, SAM telah menandatangani perjanjian penyumbahan dengan dua syarikat aeroangkasa Perancis, Snecma dan Akka Technologies, untuk menyediakan perkhidmatan termasuk reka bentuk enjin pesawat dan komponen struktur. Syarikat itu juga telah dihubungi oleh firma-firma utama seperti Atkins, firma perkhidmatan kejuruteraan global keenam terbesar, untuk meneroka peluang dalam kerjasama strategik jangka panjang.

Dalam usaha untuk mempelbagaikan kepakarannya, SAM juga telah mula menyediakan perkhidmatan kejuruteraan kepada firma minyak dan gas SBM Offshore. SAM juga telah bekerjasama dengan Dassault Systems dan Khazanah Nasional Bhd untuk membangunkan sebuah bandar pintar di wilayah Iskandar dan memulakan perbincangan dengan Boustead Engineering untuk menawarkan penyelesaian pengurusan kitaran hayat produk maritim.

DESB pula konsisten menyampaikan hasil yang kukuh, dengan pendapatan lebih RM24 juta dalam tempoh hanya dua tahun. Syarikat itu terus melibatkan diri dalam perkongsian strategik dengan NISSAN Jepun, dan telah menandatangani perjanjian dengan NISSAN Techno di Vietnam, yang akan menawarkan lebih banyak kerja kejuruteraan reka bentuk untuk DESB.

Dalam bidang pergigian CAD/CAM, DESB telah muncul sebagai syarikat pertama di luar Jepun yang dianugerahkan dengan projek penyumbahan luar untuk sistem pergigian CAD/CAM. Ini berikutan penubuhan Digital Dental Solutions Centre, menekankan kebolehan DESB untuk mempelbagaikan ke bidang kejuruteraan yang lain. Pusat itu adalah yang pertama dibina khas dengan kemudahan yang seumpamanya di Malaysia, memudahkan penyelidikan dan pembangunan, fabrikasi dan pembangunan modal insan.

DESB juga menerima komitmen yang diperbarui dari PROTON dan Scmi Rail untuk lebih banyak projek penyumbahan luar, seperti untuk projek monorel SCOMI di Mumbai, India; Sao Paolo, Brazil; dan Kuala Lumpur, Malaysia. DESB juga bekerja rapat dengan Siemens untuk menyediakan keupayaan untuk kerja-kerja aliran transit massa (MRT). Strategi kepelbagaian, sementara itu, telah membawa kepada syarikat bekerjasama dengan Boustead Heavy Industries Corporation Bhd (BHIC) dalam pembinaan kapal dan reka bentuk kapal, memberi tumpuan kepada penyelesaian pengurusan kitaran hayat produk.

Kepakaran yang semakin meningkat dan ruang lingkup kerja yang semakin meluas bagi SAM dan DESB bermakna bahawa kedua-dua firma mesti berusaha untuk berdaya saing, mempunyai model perniagaan yang mapan dan pertumbuhan dan kepelbagaian yang berterusan dalam keupayaan mereka.

SAM, yang terdedah kepada pasaran Eropah, juga perlu memastikan bahawa model perniagaannya kekal fleksibel dan berdaya tahan terhadap kejutan luaran, manakala SAM dan DESB perlu memastikan ia responsif terhadap potensi peserta baru dalam pasaran. DESB khususnya juga perlu meningkatkan keupayaan semasa untuk membezakan dan melindungi dirinya dalam pasaran yang semakin kompetitif.



Bilik CAD dan pusat latihan DreamEDGE di Taiping, Perak

Langkah Seterusnya

SAM dijangka menembusi pasaran baru seperti Perancis dan Jerman sambil mempertingkatkan kedudukannya ke status vendor Tahap 2. Ia juga akan mengupah pelatih berpengalaman dan membangunkan latihan silibus yang lebih meyakinkan untuk perkhidmatan kejuruteraan, sambil menawarkan penyelesaian khusus dalam industri baru termasuk minyak dan gas, pengangkutan rel, dan pengurusan maritim dan bandar untuk mengatasi penipisan margin dan pengitaran.

DESB, dalam perkongsiannya dengan Tokyo R&D Japan, akan membangunkan R&D sukan permotoran untuk kereta lumba, dengan prototaip bakal dihantar ke Malaysia pada awal tahun 2013. Syarikat itu juga telah membangunkan kenderaan elektrik sendiri, dengan set prototaip pertama untuk pelancaran pada Februari 2013.

EPP 6

Membangunkan Malaysia sebagai Hab Pembinaan dan Pembaikan Kapal

EPP ini telah diperkenalkan pada tahun 2012, berikutan pertumbuhan pesat industri pembinaan dan pembaikan kapal tempatan Malaysia. Pada tahun 2011, industri ini telah menjana perolehan kira-kira RM7.05 bilion dan kira-kira 32,500 pekerjaan. Ia juga telah menarik pelaburan bernilai RM enam bilion.

Melalui inisiatif yang diketuai oleh Boustead Heavy Industries Corporation (BHIC) dan Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd, perkongsian bahagian pasaran industri Malaysia yang semakin meningkat di Selat Melaka dan di pasaran kapal luar pesisir di Malaysia Timur dijangka meningkatkan syer negara kepada 1.11 peratus dalam pasaran global untuk pembinaan dan pembaikan kapal.

Antara inisiatif yang telah dilaksanakan di bawah EPP ini termasuk pembangunan keupayaan reka bentuk dalam negara untuk Kapal Sokongan Luar Pesisir (OSV), dengan BHIC dan Boustead Naval Shipyard bakal melatih sehingga 160 jurutera dan juruteknik dalam pembinaan kapal dan pembaikan kapal. Langkah ini bertujuan untuk membangunkan OSV pertama yang direka bentuk di Malaysia.

EPP ini juga akan memberi tumpuan kepada menyediakan harga yang kompetitif, mempertingkatkan kemudahan dan meningkatkan keupayaan untuk

pembinaan dan pasaran MRO untuk memenuhi keperluan industri yang semakin meningkat.

Pencapaian dan Cabaran

Walaupun ini adalah EPP baru, pada tahun 2012, BHIC dan Boustead Naval Shipyard merekrut lebih 80 jurutera dan juruteknik untuk membantu membangunkan keupayaan masa depan dalam memenuhi kontrak luar.

Satu cabaran bagi industri ini, bagaimanapun, adalah untuk limbungan tempatan meningkatkan keupayaan dan kapasiti mereka dalam memenuhi jangkaan kualiti, kos dan penghantaran pemilik kapal. Peserta tempatan juga perlu meningkatkan keupayaan mereka untuk membantu perkembangan mereka ke pasaran baru.

Langkah Seterusnya

Sasaran bagi Malaysia adalah untuk menjadi peserta pembinaan kapal global dalam produk dan perkhidmatan terpilih. Peningkatan keupayaan reka bentuk akan menjadi pemangkin pertumbuhan pasaran baru bagi syarikat reka bentuk tempatan, dan lebih penting lagi, menghentikan secara berperingkat-peringkat pergantungan Malaysia pada reka bentuk atau jenama asing.

PELUANG PERNIAGAAN

Peluang Perniagaan 1:

Syarikat Pembinaan Pelbagai Disiplin

Pada tahun ini, PEMANDU bekerja rapat dengan HSS Engineering, firma perunding Pelbagai Disiplin (MDP) yang terkemuka terlibat dalam projek MRT sebagai jurutera perunding bebas. Walaupun ia boleh mengambil masa beberapa lama sebelum MDP lain ditubuhkan di Malaysia, terdapat peluang yang tidak berkesudahan dalam industri pembinaan bagi penubuhan firma seperti ini dalam masa terdekat.

Peluang Perniagaan 2:

Sektor Perakaunan

Usaha sedang dijalankan untuk meningkatkan keupayaan dan kredibiliti modal insan dalam sektor perakaunan. Bersama-sama dengan SRI Persaingan, Standard dan Liberalisasi, Institut Akauntan Malaysia telah melaksanakan inisiatif berbilang serampang untuk meningkatkan standard amalan perakaunan.

Antara inisiatif utama yang dilaksanakan adalah kajian kurikulum institusi peringkat tinggi tempatan yang disenaraikan di bawah Bahagian I Jadual Pertama Akta Akauntan 1967. Ini adalah kali pertama sejak pengenalan Akta tersebut, ia telah mengalami ulasan. Taksiran adalah sejajar dengan perubahan pasaran dan peraturan kewangan dan perakaunan, dan bertujuan meningkatkan keupayaan modal insan bidang selaras dengan standard global.

Ringkasan NKEA Perkhidmatan Perniagaan

	Sasaran 2020
Impak PNK tambahan	RM78.7 bilion
Pekerjaan Tambahan	245,000

Sasaran kritikal bagi 2013:

- Pertumbuhan pendapatan sebanyak 10% bagi jualan di luar negara untuk Perkhidmatan & Penyumberan Luar yang Dikongsi
- Empat syarikat baru yang melaksanakan Penyumberan Luar Proses Pengetahuan (KPO)
- Pertumbuhan pendapatan sebanyak 25% untuk perkhidmatan Pusat Data
- Pelaburan RM2 bilion dicapai untuk inisiatif Teknologi Hijau
- RM300 juta nilai pinjaman yang diluluskan di bawah Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS)
- 140 jurutera perunding pakar baru dalam Perkhidmatan Kejuruteraan Pengkhususan Tinggi



Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi



Dato' Seri Utama Dr Rais Yatim

Menteri Penerangan,
Komunikasi dan Kebudayaan

Sebagai Menteri yang ditanggungjawabkan untuk menerajui Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi (CCI), saya amat berbesar hati untuk berkongsi dengan anda apa yang telah kami capai pada tahun kedua pelaksanaannya.

NKEA ini adalah penting bagi merealisasikan cita-cita Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020. Sebagai sebuah negara maju, akses kepada kemudahan Internet bukan hanya suatu keistimewaan yang dinikmati mereka yang berkemampuan, tetapi ianya merupakan keperluan yang disediakan untuk semua.

Di bawah NKEA ini, kami telah bekerja dengan gigih untuk mengurangkan jurang digital antara kawasan bandar dan luar bandar melalui inisiatif seperti Kampung Tanpa Wayar dan Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) yang menyediakan akses Internet di kawasan luar bandar. Manakala, di kawasan bandar pula, terus kelihatan permintaan yang agresif bagi penyambungan internet, yang mana kami merancang untuk meningkatkannya lagi melalui pelaksanaan pondok telefon berWiFi dan program-program *Connected@City*.

Sewaktu NKEA ini dirancang, kami menyedari bahawa penyambungan seluruh Malaysia bukanlah merupakan matlamat akhir - sebaliknya ianya adalah lebih kepada apa yang rakyat Malaysia boleh lakukan apabila akses talian diperoleh. Sehubungan itu, kami menggalakkan lebih banyak perusahaan kecil dan sederhana (PKS/SME) Malaysia berada di dalam talian dan menjalankan aktiviti e-dagang melalui inisiatif seperti *Get Malaysian Business Online* (GMBO).

Kandungan kreatif adalah salah satu komponen utama NKEA, dan saya amat berbesar hati untuk memaklumkan bahawa kita bukan hanya terus menghasilkan lebih banyak filem dan animasi, tetapi juga mewujudkan permintaan yang kukuh dan menguntungkan di dalam dan di luar negara. Sebelum ini, ramai yang melihat bidang kandungan kreatif sebagai industri yang kurang menarik berbanding dengan industri lain, tetapi pencapaian mencerminkan keadaan sebenar: Pada 2012, bidang kandungan kreatif menyumbang hampir RM13 bilion melalui jualan filem, televisyen, animasi dan kraftangan.

Apa yang lebih menyenangkan ialah kualiti kandungan yang dihasilkan, sebagai contoh filem cetera animasi yang disokong NKEA, *War of the Worlds: Goliath*. Ini merupakan produksi Malaysia yang telah dinamakan sebagai *Best 3D Animated Feature Film* di Los Angeles, United States. Kita boleh bayangkan bagaimana pencapaian dalam bidang berkemahiran dan popular seperti ini boleh menggalakkan lebih ramai golongan muda Malaysia mengejar impian mereka dalam bidang ini.

Matlamat sebenar NKEA ini adalah supaya rakyat Malaysia menikmati potensi gaya hidup digital sepenuhnya, di mana maklumat benar-benar boleh dicapai di hujung jari anda. Lantas, kita boleh bergerak bersama ke hadapan untuk merealisasikan potensi Malaysia dalam dunia yang berasaskan pengetahuan.

KANDUNGAN DAN INFRASTRUKTUR KOMUNIKASI

NKEA Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi (CCI) merangkumi kandungan, aplikasi rangkaian, perkhidmatan dan peranti. Gabungan elemen-elemen ini seterusnya membentuk gaya hidup digital sebenar bagi rakyat Malaysia sambil mereka menuju ke era perhubungan Internet di mana perkongsian pengetahuan adalah penting untuk menjamin kejayaan di dalam pasaran global yang semakin kompetitif.

Banyak telah diperkatakan tentang kuasa transformatif dunia rangkaian dalam meningkatkan kualiti hidup, memperkasakan perkongsian pengetahuan, membuka saluran baru perdagangan dan mengembangkan landskap media.

NKEA CCI memainkan peranan utama dalam menjadikan gaya hidup digital satu realiti bagi semua rakyat Malaysia. Gaya hidup digital bukan sahaja membenarkan akses yang lebih mudah kepada Internet untuk semua rakyat Malaysia, tetapi juga membolehkan mereka menikmati manfaat sosio-ekonomi hasil daripada kehidupan yang saling berkait.

Sebelum ini, kerajaan telah bekerja keras dalam mengurangkan jurang digital dengan meningkatkan penembusan jalur lebar di seluruh negara, tanpa mengira bangsa atau darjat. Pada tahap 66 peratus penembusan jalur lebar isi rumah, Malaysia dipercayai berada di tahap 'tipping point' untuk menikmati ketibaan gaya hidup digital yang akan menyaksikan rakyat mendapat akses maklumat di hujung jari mereka.

NKEA CCI terdiri daripada dua komponen utama:

1. Penambahbaikan infrastruktur komunikasi dan peningkatan penggunaan perkhidmatan oleh rakyat dan
2. Memperkaya ruang kandungan dari segi nilai dan kualiti kandungan yang dihasilkan.

Kedua-dua aspek telah berkembang dengan baik pada tahun lepas, berbekalkan juga cabaran dan pengajaran. Dari segi infrastruktur, bilangan pengguna jalur lebar hampir mencapai tahap tepu, dibantu oleh langkah-langkah baru bagi mengurangkan kos jalur lebar dan lebar jalur antarabangsa sebanyak 18 peratus. Terdapat juga pengembangan besar infrastruktur di peringkat rangkaian dan juga di pusat akses ke kawasan luar bandar dengan penambahan 2,825 Kampung Tanpa Wayar, tapak Pusat Internet 1Malaysia dan menara tanpa wayar Time3 baru telah dibina.

Satu perkembangan yang menggalakkan adalah dalam pertumbuhan kandungan, ianya dibina di atas kejayaan pelaksanaan infrastruktur komunikasi. Tahun ini, Projek Permulaan (EPP) di bawah NKEA ini telah memudahkan pertumbuhan ke arah pengewangan (monetisation) kandungan kreatif, membantu untuk mewujudkan satu anjakan paradigma di kalangan komuniti kreatif Malaysia agar mereka lebih memupuk nilai-nilai keusahawanan dalam pendekatan terhadap seni kreatif mereka.

Ini dibuktikan melalui hasil eksport kandungan kreatif. Kandungan filem, program televisyen, dan animasi yang dieksport telah berkembang daripada lebih kurang RM300 juta kepada lebih kurang RM500 juta tahun ini, manakala jualan kraftangan mengatasi nilai RM300 juta. Secara keseluruhannya, sumbangan kandungan kreatif kepada ekonomi negara telah mencapai hampir RM13 bilion dan dijangka akan terus berkembang.

Petunjuk Prestasi Utama 2012

NKEA Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #1	Hasil eksport kandungan kreatif (RM juta)	406	547.291	135	●	100	●	1.0	●
	Jumlah kandungan digital dalam jam (jam)	22,000	157,584	716	●	100	●	1.0	●
EPP #3	Tapak Telepresence/titik hujung (unit)	80	125	156	●	100	●	1.0	●
EPP #4	Bilangan sekolah di bandar disambungkan sehingga 10Mbps (julat 4-10 Mbps) (unit)	3,231	1,995	62	●	62	●	0.5	●
	Bilangan sekolah luar bandar disambungkan sehingga 4Mbps (julat 2-4 Mbps) (unit)	3,978	1,233	31	●	31	●	0.0	●
	Peratus keterkaitan backhaul ke nod sekolah menggunakan gentian (%)	3,000	3,165	106	●	100	●	1.0	●
EPP #5	Kemudahan kesihatan yang bersambung dengan jalur lebar (minimum 2 Mbps) (unit)	2,000	2,319	116	●	100	●	1.0	●
	Kemudahan kesihatan menggunakan sistem ICT (unit)	1,000	1,254	125	●	100	●	1.0	●
EPP #6	Perkhidmatan dalam talian (%)	50	56.45	113	●	100	●	1.0	●
	Agensi mengamalkan Sistem Pengurusan Dokumen Digital (unit)	2	2	100	●	100	●	1.0	●
EPP #7	Penembusan jalur lebar isi rumah (%)	65	66	102	●	100	●	1.0	●
EPP #8	Jumlah tapak program yang telah dikomisyenkan (unit)	1,904	2,825	148	●	100	●	1.0	●
EPP #10	Hasil jualan lebar jalur pusat data (RM juta)	300	347.07	106	●	100	●	1.0	●
	Peratus penurunan harga borong lebar jalur (%)	10	18	180	●	100	●	1.0	●
EPP #11	Jumlah transaksi (TEU/Kontena) yang dikesan menggunakan e-Tags (unit)	66,000	64,629	98	●	98	●	0.5	●
				153%		93%		88%	

Rajah 11.1

Kaedah 1 menunjukkan pencapaian KPI sebenar iaitu membenarkan pencapaian melebihi 100 peratus dilaporkan.

Kaedah 2 menunjukkan laporan pencapaian KPI yang dihadkan kepada 100 peratus.

Kaedah 3 menunjukkan laporan pencapaian paling mudah. Sasaran KPI yang telah dipenuhi atau melebihi diberi gred 1. KPI yang mencapai lebih separuh daripada sasarannya diberi gred 0.5, dan KPI yang kurang daripada separuh sasaran mereka diberi gred 0.

PROJEK PERMULAAN (EPP)

EPP 1 Memupuk Kandungan Kreatif Malaysia

EPP ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan, kemampuan dan kecekapan dalam industri kreatif Malaysia bagi menghasilkan kandungan bertaraf dunia dan akhirnya menjadi hab serantau bagi kandungan digital.

Fokus EPP ini adalah untuk menyediakan asas bagi mencapai industri kandungan kreatif yang berkembang maju dan menguntungkan dengan mengoptimalkan pembangunan rangkaian digital yang telah matang. Kini, sektor ini mampu mencapai sasaran pertumbuhan tahunan sebanyak 20 peratus dari segi eksport dan 13 peratus bagi sektor domestik. Pada masa yang sama, ia turut memberi pengguna pilihan kandungan yang lebih banyak, tanpa menjejaskan budaya.

Pada masa lalu, industri ini terlalu bergantung kepada geran dan subsidi, secara tidak langsung mewujudkan model perniagaan yang tidak mampan seterusnya tidak dapat menarik rakyat Malaysia yang berbakat untuk membina kerjaya dalam sektor ini.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk menangani keperluan sektor ini, pada tahun 2012, langkah-langkah telah diambil iaitu memberi tumpuan kepada penghasilan lebih banyak kandungan tempatan, menarik penerbit filem asing untuk melabur di sini, dan menstrategikan semula pemasaran dan penjualan kandungan buatan Malaysia di lapangan domestik dan antarabangsa.

Persatuan Kandungan Kreatif Malaysia (CCAM) juga memainkan peranan penting dalam menembusi pasaran baru bagi eksport kandungan Malaysia. Tanggungjawab lain termasuk menyediakan perkhidmatan nilai tambah kepada 30 anggotanya melalui buletin industri terkini, kelas-kelas kemahiran peringkat *master* dan maklumat penyelidikan pasaran baru.



26 peserta menghadiri bengkel animasi CCAM

Sebelum penubuhan CCAM, sebarang penjualan kandungan adalah secara berasingan, terpulang kepada syarikat-syarikat pengeluaran individu dan agensi-agensi Kerajaan seperti Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) atau Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) yang menjual kandungannya sendiri. Walau bagaimanapun, kaedah penjualan melalui kolaborasi CCAM yang disokong oleh FINAS dan MDeC terbukti lebih efektif dalam mencapai penjualan antara bangsa, terutama sekali setelah mengambilkira bajet tahunan CCAM yang kos efektif sebanyak RM1 juta.



Bengkel animasi CCAM

Pencapaian dan Cabaran

Pada tahun ini, EPP ini mencatatkan beberapa pencapaian yang telah membantu mengukuhkan asas bagi mewujudkan industri yang boleh berdirikan.

Lebih banyak insentif telah diperkenalkan untuk menarik pelaburan asing, contohnya melalui Insentif Film-di-Malaysia (*Film in Malaysia Incentive*) yang telah diluluskan pada April 2012. Insentif ini berkuat kuasa pada 1 Jan 2013. Melalui inisiatif ini, syarikat penerbitan asing yang membelanjakan RM5 juta minima di Malaysia akan ditawarkan rebat 30 peratus. Syarikat produksi tempatan juga yang membelanjakan sekurang-kurangnya RM2.5 juta berhak mendapat manfaat yang sama.

Selain daripada menarik pelaburan, usaha untuk membuka pasaran baru bagi eksport terus berkembang dengan CCAM menyumbang hampir RM100 juta jualan eksport kandungan kreatif daripada jumlah keseluruhan yang mencecah lebih daripada RM500 juta bagi tahun ini.

Di samping itu, RM200 juta daripada Bajet 2012 telah disuntik ke dalam industri kreatif melalui MYCreative Ventures Sdn Bhd. MYCreative Ventures adalah satu cabang pelaburan Kerajaan yang ditubuhkan untuk merangsang industri kreatif Malaysia melalui ekuiti atau pelaburan hutang (debt investment) yang strategik dan inovatif. Dana tersebut akan digunakan untuk memacu keusahawanan dalam industri kreatif dan bukannya untuk membiayai projek-projek.

Jumlah hasil yang dijana oleh kandungan kreatif pada tahun 2012 - termasuk Filem, Televisyen, Animasi, Kraftangan, Seni Pentas, Muzik, Pengiklanan dan Percetakan - dianggarkan hampir RM13 bilion.

	Sektor	Jumlah (RM Juta)
1	Filem	268
2	Televisyen	112
3	Radio	351
4	Animasi, Permainan & Aplikasi Mobile	1,261
5	Muzik	439
6	Seni Pentas	7
7	Kraftangan	310
8	Seni Visual	25
9	Pengiklanan	8,020
10	Percetakan	2,000
	Jumlah	12,793

Rajah 11.2: Jumlah hasil yang dijana oleh kandungan kreatif pada tahun 2012. Data dikumpul oleh Bahagian Industri Kreatif, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan

Melalui pembentukan Gabungan Industri Kandungan Kreatif (CCIG), sebuah organisasi bukan kerajaan (NGO) bebas mewakili pengamal industri, EPP 1 telah membina suara tunggal untuk pengagregatan bakat. Ini bakal menggalakkan profesionalisma modal insan industri kreatif. Ia juga menyediakan pangkalan data tunggal yang sah mengenai pengamal kreatif di Malaysia seperti pelakon lelaki/wanita, penulis skrip, pengarah produksi, pengurus dan krew penerbitan. Ini akan melengkapkan usaha dalam melaksanakan Insentif Film-di-Malaysia.

Pada 2012, EPP ini juga telah menyumbang kepada penciptaan filem animasi pemenang anugerah, *War of The Worlds: Goliath*. Animasi ini, yang mendapat manfaat daripada sebahagian dana bernilai RM11 juta yang disediakan untuk animasi CGI tahun ini, yang berjaya menewaskan *Madagascar 3D* untuk dinobatkan sebagai *Best 3D Animated Feature Film* di *Los Angeles 3D Film Festival*.

Usaha untuk memelihara kandungan bukan digital Malaysia juga menunjukkan kemajuan yang baik. Lebih daripada 100,000 jam kandungan tempatan, termasuk seni audio visual, artifak, dokumen dan filem/dokumentari analog telah didigitalkan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Ini termasuk Arkib Negara Malaysia (ANM), Filem Negara Malaysia (FNM), Radio & Televisyen Malaysia (RTM), FINAS dan Agensi Berita Nasional Malaysia (BERNAMA).

Sementara itu, IPTV SelectTV oleh SelectTV Sdn Bhd, satu inisiatif yang dimulakan pada tahun 2011, terus berkembang dengan baik di luar negara. Ia kini merupakan pembekal kedua terbesar kandungan IPTV untuk hotel dan resort di Bali, Indonesia.



Filem animasi 3D pertama dibuat di Malaysia, *War of the Worlds Goliath*

Dalam usaha untuk terus mempamerkan bahawa Seni Pentas boleh menjadi aktiviti yang lumayan, Kerajaan melalui usaha pelopor industri juga telah memangkinkan Gala Seni Diraja bagi menggalakkan artis Seni Pentas menganjurkan lebih banyak acara sedemikian. Sebagai acara ikonik tersohor, Gala ini bertujuan untuk merangsang perkongsian usahasama dalam mencipta dan membangunkan usaha seni baru di Malaysia. Dana yang diperoleh daripada Gala akan digunakan untuk mempromosikan bakat Malaysia, menggalak dan memudahkan cara pelaksanaan produksi seni, menyediakan dana bagi pembangunan kemahiran teknikal dan pengurusan, serta menjalankan projek-projek penyelidikan dan dokumentasi dalam seni persembahan.

Walaupun EPP ini telah mencapai banyak kejayaan, masih terdapat cabaran dan ruang bagi pertumbuhan pada tahun yang akan datang, langkah utama adalah terus memberi tumpuan kepada usaha untuk mempromosikan pendekatan keusahawanan terhadap kreativiti.

Di sektor domestik pula, salah satu isu utama yang perlu ditangani adalah pasaran kecil di mana kandungan boleh dijual. Walaupun dikuasai oleh tiga stesen utama, iaitu Media Prima, RTM dan Astro, pasaran telah menunjukkan tanda-tanda pengembangan dengan kemasukan peserta baru IPTV seperti Telekom Malaysia (TM) dengan HyppTV, REDtone dan Maxis.

Langkah Seterusnya

Adalah diharapkan kejayaan CCAM akan menggalakkan peserta utama dalam industri kreatif untuk bekerjasama dan mengurangkan pemecahan di dalam pasaran ketika ini.



Harith Iskander, pengacara The Royal Arts Gala

Selain itu, walaupun jualan kraftangan semakin menggalakkan setakat ini, tahun yang akan datang akan memerlukan tumpuan lebih kepada penjualan produk premium, seperti batik berkualiti tinggi, untuk meningkatkan pertumbuhan hasil jualan dalam sektor ini. Di samping itu, strategi untuk meningkatkan penggunaan domestik kraftangan buatan tempatan sebagai barangan kegunaan harian yang boleh didapati di pasar raya tempatan dan juga rancangan selanjutnya untuk memacu budaya eksport bagi industri ini perlu dijalankan.

MYCreative Ventures kini dalam proses menilai permohonan untuk ekuiti atau pembiayaan hutang dalam perniagaan-perniagaan kreatif Malaysia yang berpotensi dan berdaya maju. Bayaran pertama dana dijangka akan dikeluarkan dalam suku pertama 2013.

EPP 2 Pembayaran dan Perdagangan Elektronik 1Malaysia

Pada tahun 2011, EPP ini telah dipindahkan kepada NKEA Perkhidmatan Kewangan bagi pelaksanaan yang lebih lancar.

EPP 3 Menghubungkan 1Malaysia

Dengan tujuan untuk mempercepatkan penggunaan perkhidmatan komunikasi tambah nilai yang baru untuk perniagaan, penggunaan isi rumah dan Kerajaan, ianya tertumpu untuk meningkatkan bilangan syarikat Malaysia dalam talian, meningkatkan perkhidmatan telepresence dan meningkatkan infrastruktur telekomunikasi.

Antara inisiatif yang telah dilaksanakan melalui EPP ini termasuk usaha *Get Malaysian Business Online* (GMBO) yang dilancarkan dengan kerjasama Google Malaysia. Usaha ini bertujuan untuk menangani isu di mana kurang daripada 15 peratus daripada 700,000 perusahaan bersaiz kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia yang aktif tidak mempunyai perniagaan dalam talian. GMBO menawarkan kit membina laman web PKS mesra pengguna, serta latihan tentang bagaimana untuk memaksimumkan potensi perniagaan dalam talian mereka.

Satu lagi inisiatif melibatkan PERNEC Corporation Bhd, yang bersama dengan rakan kongsi agensi media Peranchis Kaatchi sedang berusaha memodenkan telefon awam di kawasan bandar. Rancangannya adalah untuk memasang pondok *PayPoint* yang baru

di mana selain daripada membuat panggilan telefon, ia juga menyediakan keupayaan lain seperti platform WiFi di mana orang ramai boleh menggunakan bagi mengakses Internet dan perkhidmatan tambah nilai telefon mudah alih. Pondok ini akan ditampung melalui hasil pendapatan melalui aktiviti pengiklanan dan 200 pondok *PayPoint* telah disasarkan untuk dibina.

Pencapaian dan Cabaran

Sektor telepresence mencapai tanda aras lonjakan penting pada tahun 2012, di mana ianya boleh diterajui oleh industri sendiri, tanpa penglibatan Kerajaan. Pasaran telah memberi reaksi positif kepada kemudahan telepresence dan perkhidmatan, dirangsang oleh perkongsian antara VADS Bhd, sebuah syarikat ulung pengurusan pembekalan perkhidmatan ICT yang dimiliki oleh TM, dan firma rangkaian Cisco untuk membina rangkaian ibusawat telepresence yang mewujudkan lebih 100 tapak telepresence di seluruh Malaysia. Tambahan pula, satu perjanjian telah ditandatangani dengan gergasi telekomunikasi Amerika AT&T pada Disember 2012 untuk mengembangkan bilangan tapak saling hubung di seluruh dunia.



Perjanjian Global B2B ditandatangani di antara VADS dan AT&T Corporation pada 11 Disember 2012

Dalam perkembangan berasingan, sehingga kini, GMBO telah membantu lebih daripada 9,000 perniagaan mewujudkan kehadiran dalam talian. Walau bagaimanapun, jumlah ini tidak mencapai sasaran 50,000 laman sesawang yang disasarkan bagi 2012. Walau bagaimanapun, masih terdapat prospek positif bagi penubuhan lebih banyak tapak sesawang untuk perniagaan, dengan hampir 30,000 individu yang telah menzahirkan minat mereka untuk menyertai program ini. Adalah dipercayai bahawa ramai usahawan enggan membawa perniagaan ke dalam talian disebabkan prasyarat yang ditetapkan iaitu mereka perlu mendaftarkan syarikat mereka dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Setakat Disember 2012, 158 permit kerja telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan di seluruh negara bagi pembinaan pondok *PayPoint* baru. Walau bagaimanapun, kelengahan kelulusan oleh sesetengah pihak berkuasa tempatan telah menangguhkan kemajuan projek *PayPoint*. Dalam kebanyakan kes, isu-isu ini telah dapat diatasi, malah dapat menambahbaik proses kelulusan. Hasilnya, sasaran pembinaan sebanyak 200 pondok dijangkakan akan siap dalam beberapa bulan yang akan datang.

Langkah Seterusnya

Dalam usaha untuk meningkatkan penyertaan program GMBO, program ini akan diperhalusi dan dinamakan semula bagi mendekati pengguna yang berpotensi dengan lebih luas lagi. Di bawah Bajet 2013, telah diumumkan bahawa untuk menggalakkan lebih banyak syarikat Malaysia berada dalam talian, terutama di kalangan usahawan wanita, insentif RM1,000 akan ditawarkan kepada mereka yang telah memulakan perniagaan mereka secara dalam talian. Sasaran yang ditetapkan adalah untuk mencapai 50,000 usahawan mikro dalam talian menjelang tahun 2013.

EPP ini juga bertanggungjawab untuk mempertingkatkan perkhidmatan sedar lokasi serta pengurusan *fleet*, di mana beberapa perkhidmatan baru di lapangan ini dijangka akan dilancarkan pada tahun 2013.

EPP 4

Mewujudkan e-Pembelajaran untuk Pelajar dan Pekerja

EPP ini memainkan peranan penting dalam mendidik generasi masa depan warga Malaysia untuk menjadi anak kelahiran digital yang mahir menggunakan teknologi dan maklumat sedia ada. Objektif utama EPP ini adalah untuk mewujudkan satu platform pengetahuan umum untuk pelajar dan profesional bagi meningkatkan kaedah pengajaran, dan membantu penduduk umum menyertai ekonomi berasaskan pengetahuan.

Salah satu fokus untuk EPP ini adalah untuk memastikan sambungan rangkaian di semua sekolah di seluruh negara, pada tahap yang dapat menyokong objektif di atas.

Bagi memastikan kejayaan EPP ini, adalah penting bagi sektor awam dan swasta bekerjasama dalam membina infrastruktur gentian yang diperlukan bagi menyambung sekolah, perpustakaan, muzium, universiti dan institusi pengajian lain. Ini harus diikuti dengan penciptaan persekitaran pembelajaran maya.

Untuk mencapai matlamatnya, EPP ini telah menasaskan supaya kesemua 10,000 sekolah rendah dan menengah Kerajaan mempunyai penyambungan baru dan dinaik taraf. Ini akan membolehkan akses Internet kelajuan tinggi kepada enam juta pelajar dan pendidik di seluruh negara melalui program 1BestariNet. Projek ini yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bertujuan untuk menyediakan sekolah negeri dengan sambungan 4G serta akses kepada *Frog's Virtual Learning Environment (VLE)*. Penyambungan yang lebih baik akan menyediakan kelajuan sekurang-kurangnya 4Mbps di seluruh negara atau 2Mbps untuk sekolah yang tidak diliputi oleh sambungan 4G.

Melalui VLE, guru, pelajar dan staf pentadbiran boleh berhubung secara maya antara satu sama lain, sekali gus melanjutkan bilik darjah ke lingkungan digital yang boleh diakses melalui komputer riba dan lain-lain peranti bersambungan Internet.

EPP ini juga bertujuan untuk memastikan kanak-kanak daripada isi rumah berpendapatan rendah dilengkapi dengan perkakasan yang diperlukan untuk mengakses Internet untuk pendidikan. Program Netbook 1Malaysia oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) memberi peluang untuk kanak-kanak daripada keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan untuk memiliki Netbook.

Pencapaian dan Cabaran

Tahun ini menyaksikan tender untuk program 1BestariNet dianugerahkan kepada YTL Communications Bhd. Sejumlah 3,238 daripada 7,209 buah sekolah yang disasarkan untuk sambungan pada 2012 telah disambungkan kepada rangkaian pembelajaran maya pada tahun itu. YTL berada di landasan yang betul untuk mencapai sasaran menjelang akhir tahun 2013, dengan matlamat jangka panjang menghubungkan 10,000 sekolah dijangka akan disiapkan tempoh masa dua tahun.

Walau bagaimanapun, satu cabaran bagi inisiatif 1BestariNet adalah untuk membiasakan sekolah, guru dan pelajar dengan program ini dan mengintegrasikan teknologi baru dengan kaedah pembelajaran sedia ada.

Satu lagi cabaran adalah untuk memastikan terdapat peralatan ICT yang mencukupi di sekolah-sekolah untuk menggunakan kemudahan ketersambungan ini. Dalam pada itu, program Netbook 1Malaysia yang diadakan untuk menyokong pelajar miskin boleh membantu meringankan ini. Sehingga kini, lebih daripada 800,000 Netbook (daripada sasaran 2012 sebanyak satu juta) telah diedarkan.

Langkah Seterusnya

Fokus pada tahun 2013 adalah untuk memastikan kejayaan menyiapkan pelancaran rangkaian 1BestariNet kepada semua 10,000 buah sekolah. Ini akan dicapai dengan memastikan infrastruktur seperti menara telekomunikasi yang dibina adalah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh SKMM dan pihak berkuasa tempatan yang berkenaan.

Dalam usaha untuk mengoptimumkan penggunaan 1BestariNet, guru dan pelajar akan dididik bagaimana untuk menggunakan sistem bagi melengkapkan kerja-kerja sekolah harian mereka serta mengisi VLE dengan kandungan.

EPP ini juga akan membantu usaha SKMM mengagihkan komputer yang mencukupi dan bagi memastikan terdapat lebar jalur yang mencukupi untuk kegunaan sistem di sekolah-sekolah.

EPP 5

Melancarkan e-Penjagaan Kesihatan

EPP e-Penjagaan Kesihatan bercadang untuk menyambung semua institusi perubatan kepada platform Healthnet, yang akan menyediakan laluan bagi perkongsian maklumat dalam kalangan penyedia penjagaan kesihatan serta syarikat-syarikat insurans. Platform ini juga akan menawarkan akses yang lebih baik kepada perkhidmatan berkaitan penjagaan kesihatan dan pendidikan pesakit.

EPP ini memberi tumpuan kepada menaik taraf ketersambungan internet kepada 500 hospital dan 8,000 klinik, dan menyediakan akses langsung kepada sistem kepada lima juta pesakit. Pada 2012, EPP ini bertujuan untuk menyambung 2,000 kemudahan kesihatan di seluruh negara.

Di samping menghubungkan kemudahan penjagaan kesihatan awam dengan Internet jalur lebar, fasiliti kesihatan juga akan disambungkan kepada MedikTV, saluran siaran rasmi Kementerian Kesihatan (KKM). Dilancarkan pada tahun 2011, MedikTV ditayangkan di institusi perubatan di seluruh negara, ia juga ditayangkan melalui IPTV dan saluran dalam talian. Inisiatif ini menggunakan pelaburan sektor swasta dengan tujuan untuk mendidik rakyat mengenai isu-isu penjagaan kesihatan utama, termasuk penjagaan am, pencegahan penyakit dan mengekalkan gaya hidup sihat.



Dato' Sri Liow Tiong Lai melancarkan MedikTV Live Now!

Inisiatif projek MedikTV kini didorong oleh Medic Media Network Sdn Bhd, yang telah mengambil alih operasi dari Vasseti Datatech, dan kini bertanggungjawab untuk merombak pendekatan dan isi kandungan MedikTV.

Pencapaian dan Cabaran

Berkecenderungan dengan platform Healthnet, EPP ini telah melepasi sasaran, dengan 2,319 institusi penjagaan kesihatan dihubungkan/dinaik taraf kepada Internet kelajuan tinggi (atau 116 peratus melebihi sasaran). Manakala, 1,254 kemudahan menggunakan rangkaian e-Penjagaan Kesihatan untuk pelbagai transaksi, 125 peratus melebihi sasaran yang ditetapkan untuk tahun 2012.

170 hospital telah bersetuju untuk menayang kandungan MedikTV, yang juga boleh ditonton melalui MedikTV.com. Walau bagaimanapun, MedikTV sedang menjalani tempoh peralihan sambil ia mentakrifkan semula kandungan, pendekatan dan rangkaian pengedaran.

Salah satu cabaran yang dihadapi oleh EPP ini adalah kemajuan yang perlahan dalam melancarkan pelbagai aplikasi yang meningkatkan lagi Healthnet. Ini adalah disebabkan oleh pelbagai kekangan termasuk kekurangan dana.

Langkah Seterusnya

PEMANDU dan KKM akan terus memupuk kolaborasi dan pemahaman bagi memastikan pelaksanaan, pengurusan dan penggunaan rangkaian e-Penjagaan Kesihatan dengan jayanya dengan bajet yang diperuntukkan. Dengan hampir 3,000 kemudahan kesihatan kini dihubungkan, pelancaran aplikasi kesihatan dalam awan akan membolehkan rakyat Malaysia dari semua lapisan masyarakat menikmati standard perkhidmatan yang lebih tinggi di semua kemudahan ini. 3,000 kemudahan kesihatan awam disasarkan untuk sambungan kepada platform Healthnet menjelang 2015.

EPP 6 Memperdalamkan e-Kerajaan

Kerajaan yang berangkai adalah sebuah Kerajaan yang cekap, yang seterusnya akan membantu memupuk persekitaran perniagaan yang lebih baik, meluaskan penyertaan awam dan memperkukuhkan tadbir urus yang baik. EPP ini memberi tumpuan kepada membina struktur maklumat untuk Kerajaan yang berpusat dan juga menggunakan khidmat sumber luaran serta memastikan bahawa semua kemudahan Kerajaan berhubung untuk memudahkan pengaksesan maklumat yang diperlukan.

Selain meletakkan asas bagi Kerajaan yang saling berhubung, pada 2012, EPP ini mensasarkan 50 peratus daripada semua urus niaga intra-Kerajaan, seperti permohonan pekerjaan dan pekeliling dalaman, dilengkapkan dalam talian. Sasaran "sifar bersemuka" juga telah ditetapkan, mensasarkan 90 peratus daripada perkhidmatan kaunter yang melibatkan perkhidmatan Kerajaan boleh dibuat secara dalam talian, dengan baki 10 peratus akan diselesaikan melalui e-borang menjelang 2020.

Pencapaian dan Cabaran

Berikutan selesainya infrastruktur penyumberan luar, usaha juga telah diambil untuk menggerakkan transaksi Kerajaan daripada salinan keras kepada fail digital. Pada masa ini, dua agensi PEMANDU dan MAMPU telah berjaya membuat peralihan, dengan lima agensi lagi dikenal pasti untuk peralihan yang sama pada 2012.

Projek perisian Kerajaan sumber terbuka yang pertama, MyMeeting, telah berjaya dilaksanakan kepada 28 agensi dalam tahun 2012. Aplikasi web dalam awan telah direka untuk membantu pengguna menguruskan mesyuarat, menjimatkan masa dan meningkatkan kecekapan sektor awam.

Untuk meningkatkan akauntabiliti dan maklum balas standard perkhidmatan yang disediakan oleh agensi-agensi, e-Penilaian, satu sistem bagi orang ramai melaksanakan penarafan segera secara dalam talian di kaunter, kini boleh didapati di sembilan agensi tambahan. Ini terdiri daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Pertubuhan Keselamatan Sosial, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Insolvency Malaysia dan Hospital Kuala Lumpur.

Disamping itu, platform bagi perkongsian perkhidmatan maklumat guru dalam talian telah ditubuhkan pada tahun ini. Rangkaian ini dijangka dapat meningkatkan pelantikan dan pengurusan guru.

Satu lagi inisiatif di bawah EPP ini adalah projek MyEmail, yang dilancarkan pada tahun 2011. Walau bagaimanapun, projek ini menyaksikan sambutan yang perlahan, dengan 23,000 telah berdaftar untuk menggunakan perkhidmatan setakat ini. Ini mungkin disebabkan kekurangan kesedaran umum tentang objektif projek MyEmail, iaitu untuk mewujudkan identiti yang disahkan dalam talian melalui mana rakyat boleh menjalankan urusan mereka dengan Kerajaan dengan selamat. Ini berbeza daripada perkhidmatan e-mel percuma biasa yang tidak terjamin dan boleh disalahgunakan. Di samping itu, publisiti negatif kepada syarikat yang menjalankan perkhidmatan ini, Tricubes Bhd, mungkin juga telah menyumbang kepada sambutan yang kurang memuaskan kepada projek ini. Walau bagaimanapun, Tricubes setakat ini telah melabur lebih daripada RM5 juta dalam projek ini dan mewujudkan 35 pekerjaan.



Pelancaran Hari Terbuka Transformasi Perkhidmatan e-Kerajaan

Langkah Seterusnya

EPP ini akan terus memberi tumpuan kepada sasaran "sifar bersemuka", manakala lima lagi agensi Kerajaan telah dikenal pasti untuk mendigitalkan fail standard mereka. Kementerian yang terlibat ialah Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, dan Kementerian Pertahanan.

Dalam usaha untuk menjadikan perkhidmatan Kerajaan semakin didigitalkan, EPP ini juga akan memberi tumpuan kepada menangani kebimbangan keselamatan digital.

EPP 7 Memastikan Jalur Lebar untuk Semua

Penembusan jalur lebar secara meluas adalah prasyarat untuk menjadikan gaya hidup digital realiti, terutama untuk masa kini di mana kebanyakan perkhidmatan berasaskan Internet memerlukan sambungan kelajuan tinggi untuk mencapai keberkesanan yang optimum.

Walaupun definisi jalur lebar merujuk kepada lebar jalur komunikasi sekurang-kurangnya 256kbps, Kerajaan mensasarkan untuk mencapai kelajuan penyambungan sekurang-kurangnya 2Mbps sewaktu penggubalan strategi pelancaran/pelaksanaan jalur lebar di Malaysia. Ini memberi gambaran yang lebih tepat dalam memahami apa yang diperlukan untuk membawa rakyat Malaysia ke era digital.

Pada 2012, Kerajaan telah menetapkan sasaran 65 peratus penembusan jalur lebar, dengan memberi tumpuan kepada kemudahan penyediaan pemasangan kabel (tembaga/gentian optik) melalui saluran sedia ada. Inisiatif ini memberi tumpuan utama kepada pembangunan kediaman / komersial baru. EPP ini juga memberi tumpuan kepada pewartaan tapak tanah serta atas bumbung untuk infrastruktur tanpa wayar semasa peringkat perancangan.

Antara inisiatif yang dijalankan pada 2012 termasuk usaha untukewartakan pindaan UBBL, atau Undang-Undang Kecil Bangunan seragam 1984. Akta ini memerlukan semua pemaju untuk menyediakan infrastruktur komunikasi (contohnya penyaluran dalaman dengan kabel tembaga / gentian, penyaluran luaran tanpa kabel dan lurang tanpa kabel) untuk semua perumahan/pembangunan komersial baru.

Untuk meningkatkan kemudahan akses kepada Internet, EPP ini juga memperkenalkan program *Connected@City* yang bertujuan menjadikan WiFi mudah didapati di kawasan-kawasan seperti kedai makanan dan minuman, kawasan menunggu dan lobi, dan tempat-tempat lain di mana orang ramai berkumpul. Program ini menggalakkan pemilik premis untuk menyediakan perkhidmatan WiFi sama ada secara percuma/berbayar.

EPP ini juga memastikan proses *One Stop Centre* (OSC) yang diperkenalkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dipatuhi. Proses ini akan mengawal selia pembekal perkhidmatan telekomunikasi yang ingin membina infrastruktur telekomunikasi.

Akhirnya, matlamat EPP ini adalah untuk menjadikan perkhidmatan jalur lebar satu utiliti asas untuk semua rakyat Malaysia, sama seperti elektrik dan air.

Pencapaian dan Cabaran

EPP ini mencapai 66 peratus penembusan jalur lebar isi rumah di seluruh negara pada 2012, melepasi sasaran bagi tahun ini dan membolehkan majoriti rakyat untuk menikmati manfaat daripada sambungan Internet yang pantas.

Sehingga akhir 2012, enam negeri telahewartakan Pindaan UBBL. Ianya terdiri daripada negeri Kelantan, Melaka, Perak, Selangor, Terengganu dan Johor.

Di samping itu, semua negeri kecuali Selangor telah komited untuk melaksanakan program *Connected@City*, dengan pelaksanaan inisiatif ini berbeza dari negeri ke negeri. Sehingga kini, lebih 11,000 premis telah dikenal pasti sebagai lokasi yang patut menyediakan penyambungan WiFi. Daripada jumlah ini, hampir 4,000 telahpun menyediakan WiFi untuk pelanggan mereka.

Pelaksanaan OSC bagaimanapun mempunyai beberapa cabaran, kerana banyak negeri sebelum ini telah mempunyai persetujuan dengan agensi-agensi pihak ketiga untuk menyediakan perkhidmatan ini. Sehingga kini, Melaka, Selangor, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan telah memberi komitmen penuh untuk melaksanakan OSC.

Langkah Seterusnya

Untuk memastikan bahawa rakyat dapat merasai gaya hidup digital dan akhirnya menjadikan jalur lebar itu utiliti asas, EPP ini akan mengalihkan fokus daripada mengusahakan peningkatan kadar penembusan jalur lebar kepada meningkatkan kualiti. Ini akan dilaksanakan dengan menyampaikan kelajuan penyambungan yang lebih baik. Usaha untuk meningkatkan ketersediaan WiFi di seluruh pusat-pusat padat penduduk juga akan diteruskan.

Pada 2013, EPP ini akan berusaha untuk meningkatkan akses jalur lebar untuk 80 peratus daripada kawasan berpenduduk di Lembah Klang dan 30 peratus kawasan berpenduduk di tujuh ibu Negeri, iaitu Kuantan, Seremban, Bandar Melaka, Ipoh, Georgetown, Kota Kinabalu dan Kuching. Inisiatif ini mensasarkan kelajuan minimum 2Mbps di kawasan-kawasan tersebut.

Berhubung dengan UBBL, baki negeri-negeri sedang dalam prosesewartakan pindaan. Ini dijangka siap pada separuh pertama tahun 2013. Setengah negeri yang belum melaksanakan OSC akan menunggu sehingga kontrak perjanjian dengan pihak ketiga mereka tamat.

EPP 8 Memperluas Jangkauan

Walaupun banyak tumpuan pada EPP sebelumnya adalah kepada peningkatan penembusan jalur lebar untuk penduduk di kawasan bandar, analisis yang disiapkan semasa Makmal NKEA pada tahun 2010 menunjukkan bahawa kawasan separa-bandar, luar bandar dan pedalaman hanya mencapai kadar penembusan 25 peratus, 20 peratus dan 15 peratus, masing-masing. Oleh itu, EPP ini bertujuan untuk mengurangkan jurang digital di kawasan luar bandar menjelang 2020 melalui penyertaan industri yang lebih besar serta kerjasama awam swasta.

Dua inisiatif utama yang diambil pada 2012 untuk merapatkan jurang digital terdiri daripada inisiatif Kampung Tanpa Wayar, yang bertujuan untuk menyediakan akses tanpa wayar percuma ke kampung-kampung terpilih di seluruh negara, dan penubuhan Pusat Internet 1Malaysia (PI1M), yang dahulunya dikenali sebagai Pusat Jalur Lebar Komuniti (CBC).

Projek lima tahun yang dimulakan oleh SKMM ini dibiayai sepenuhnya oleh Suruhanjaya melalui dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS). Selain menyediakan akses internet jalur lebar dengan kelajuan minimum 2Mbps, setiap pusat akan mempunyai kemudahan seperti komputer, pencetak dan pengimbas, dan program latihan.

Pencapaian dan Cabaran

Pada 2012, sejumlah 2,489 tapak Kampung Tanpa Wayar, 36 tapak CBC/PI1M dan 300 menara tanpa wayar Time3 telah dibina. Walau bagaimanapun, sasaran untuk merapatkan jurang digital antara kawasan bandar dan luar bandar telah terbukti amat sukar. Ini kerana syarikat telekomunikasi sektor swasta mungkin melihat pengembangan ke kawasan-kawasan ini sebagai tidak menguntungkan, memandangkan kos infrastruktur yang tinggi berbanding pendapatan yang diunjurkan dari kawasan berpendapatan rendah.

Kini, kelajuan minimum untuk perkhidmatan jalur lebar yang disediakan di bawah projek Kampung Tanpa Wayar yang baru telah meningkat dari 2Mbps ke 4Mbps. Ini adalah sejajar dengan dasar Kerajaan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara.



Kampung Tanpa Wayar di Kampung Telakong, Sri Aman, Sarawak



Menara tanpa wayar Time3

Untuk mengetengahkan pelbagai cerita kejayaan rakyat Malaysia yang telah berjaya di Internet, buku bertajuk *Menghubung Akar Umbi* ("Connected at the Roots") telah dilancarkan oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan bersama-sama dengan SKMM.

Langkah Seterusnya

Mengambil kira kesukaran untuk mengimbangkan penyediaan akses tanpa wayar percuma sambil mengelak potensi pasaran terjejas, pada masa depan, akses internet di lokasi Kampung Tanpa Wayar tidak akan lagi disediakan secara percuma. Kos Penggunaan yang dikenakan bagaimanapun akan kekal munasabah. Ini adalah untuk memastikan rakyat akan terus mempunyai akses kepada Internet kelajuan tinggi pada kadar harga yang berpatutan.

Bagi 2013, EPP ini mensasarkan untuk menambah 689 tapak Kampung Tanpa Wayar baru, 336 menara tanpa wayar Time3 baru dan melancarkan 162 P11M baru.

EPP 9

Menawarkan Rangkaian Pintar

EPP ini bertujuan untuk menangani kemampuan dan kualiti perkhidmatan Internet Malaysia dengan mewujudkan pelan harga jalur lebar berperingkat berdasarkan keutamaan perkhidmatan dan had penggunaan. Pengendali perkhidmatan digalakkan untuk membangunkan pakej yang menawarkan pakej yang berbeza bagi memenuhi permintaan pelbagai pengguna, daripada segmen mewah yang sanggup membayar untuk kelajuan yang lebih cepat kepada pengguna yang lebih mengambil kira terhadap kos di mana hanya memerlukan kemudahan minimum.

Melalui langkah-langkah ini, adalah diharapkan bahawa kedua-dua pembekal perkhidmatan dan rakyat akan diberi urus niaga yang berpatutan berdasarkan corak penggunaan mereka, berbanding dengan menerima struktur kos serata. Pembekal perkhidmatan telah menyahut cabaran ini dengan menawarkan beberapa pakej berperingkat dengan harga yang kompetitif yang kini boleh didapati di pasaran.

Pada 2012, EPP ini telah diperluaskan untuk merangkumi inisiatif mengenai penggunaan Aplikasi Pintar dalam kehidupan seharian. Dalam usaha untuk mencapai matlamat ini, penyedia perkhidmatan digalakkan untuk bekerjasama dan menyediakan aplikasi yang berguna kepada rakyat. Ini juga dibayangkan dalam usaha untuk menarik pelaburan.

Pencapaian dan Cabaran

Pada bulan September, Pakej Mampu Milik Jalur Lebar 1Malaysia telah dilancarkan dengan menawarkan pakej jalur lebar dari serendah RM20 sebulan di lima buah negeri: Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Di bawah pakej ini, pengguna yang membayar RM20 sehingga RM25 sebulan boleh menikmati kelajuan jalur lebar minimum 512Kbps dengan kapasiti 1GB. Selain itu, mereka yang layak untuk sambungan talian tetap boleh membayar RM38 sebulan untuk mendapat kelajuan minimum 384Kbps serta kapasiti data tanpa had.

Pembekal rangkaian tempatan juga telah menawarkan pakej yang berlainan berpandu kepada keutamaan perkhidmatan dan keperluan aplikasi. Senarai pakej berkenaan adalah disenaraikan dalam laman web forum pengguna di www.cfm.org.my.

Cabaran untuk EPP ini adalah untuk memastikan rakyat memahami hak dan keperluan mereka dalam melanggan kepada pelbagai pakej yang disediakan. Pakej Mampu Milik tidak harus ditafsirkan sebagai murah, tetapi sebaliknya ianya dapat memberi kepuasan kepada pengguna bahawa mereka mendapat perkhidmatan penuh yang mereka bayar.

Di bawah inisiatif *Smart Application*, satu pencapaian utama bagi 2012 adalah pengumuman projek Sistem Pengangkutan Awam Malaysia (MYPUTRAS). Ini merupakan portal pintar dan aplikasi mudah alih yang direka untuk membantu pengguna pengangkutan awam dengan menyediakan maklumat mengenai laluan bas, lokasi perhentian bas, tambang, jadual transit dan lain-lain maklumat perjalanan berguna. Sesetengah bas akan juga dilengkapi dengan perkhidmatan WiFi dan lain-lain perkhidmatan seperti CCTV.

Langkah Seterusnya

EPP ini akan terus memantau bilangan Pakej Pintar yang ditawarkan oleh pembekal perkhidmatan. Garis panduan mengenai apa yang ditakrifkan sebagai Pakej Pintar adalah tersedia di tapak web *Malaysian Technical Standards Forum* (www.mtsfb.org.my). Garis panduan ini akan terus dipertingkatkan dengan memasukkan kemampuan sebagai kriteria.

Selain itu, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan dan SKMM akan terus bekerja dengan pembekal perkhidmatan untuk melancarkan pakej lebih murah atau pakej mampu milik untuk memenuhi keperluan orang yang tidak mampu langgan jalur lebar semasa.

Sementara itu, projek MYPUTRAS dijangka akan dilancarkan pada suku pertama 2013. MYPUTRAS juga akan diperluaskan untuk memasukkan maklumat mengenai kereta api, teksi dan ruang letak kereta. Perkhidmatan ini juga akan meliputi bandar-bandar utama lain di luar Lembah Klang. Pada masa ini, 200 bas henti-henti disasarkan akan dilengkapi dengan WiFi percuma.

EPP 10

Memperluas Rangkaian Serantau

Kira-kira 80 hingga 90 peratus trafik Internet di Malaysia akan pergi ke luar negara, ini memerlukan Malaysia mengakses sejumlah besar keperluan lebar jalur melalui kabel dasar laut antarabangsa. Terdapat kira-kira 200 Gbps kapasiti yang digunakan di Malaysia buat masa sekarang, dan ini mesti ditingkatkan dengan pesat bagi mencapai 7Tbps menjelang 2020.

EPP ini bertujuan bagi menggalakkan penubuhan pusat rangkaian data tercanggih untuk melonjakkan Malaysia dalam rantai nilai perkhidmatan Internet yang disediakan.

Antara inisiatif yang tertumpu kepada pada 2012 adalah Sistem Kabel Batam-Dumai-Melaka, sebuah sistem kabel dasar laut gentian optik terkini yang secara langsung menghubungkan Malaysia dan Indonesia. Projek ini adalah kerjasama antara Telekom Malaysia Bhd (TM) dan unit Indonesianya, PT XL Axiata Tbk (XL), dan PT Mora Telematika dari Indonesia.

Satu lagi inisiatif yang diumumkan ialah Konsortium Rangkaian Serantau Sdn Bhd - sebuah konsortium yang terdiri daripada 24 syarikat telekomunikasi yang disasarkan menangani kapasiti jalur lebar dan kos antara ahli konsortium melalui pendekatan dua peringkat. Yang pertama adalah untuk mengurangkan kos pembelian pukal lebar jalur, dan kedua untuk bekerjasama dalam membina rangkaian kabel dasar laut.

Turut diumumkan ialah Sistem Kabel Cahaya Malaysia, di mana TM akan membina sistem dua kabel gentian berpasangan yang menghubungkan Malaysia ke Jepun dan Hong Kong. Apabila siap, sistem akan menambah 5 Tbps kepada kapasiti.

Pencapaian dan Cabaran

Sistem Kabel Batam-Dumai-Melaka, yang telah siap pada 2011, mula beroperasi pada 2012, manakala Sistem Kabel Cahaya Malaysia ke Jepun telah siap pada Ogos 2012.

Konsortium Rangkaian Serantau telah mencapai pengurangan 18 peratus dalam kos lebar jalur, manakala rundingan dalam kalangan ahli-ahli konsortium untuk pembiayaan pembinaan kabel dasar laut sedang berterusan.

Langkah Seterusnya

Adalah diharapkan bahawa ahli-ahli Konsortium Rangkaian Serantau meneruskan komitmen untuk melabur dalam pembinaan kabel dasar laut, kerana ini akan membantu untuk menurunkan kos lebar jalur. Selain itu, Sistem Kabel Cahaya Malaysia ke Hong Kong dijangka siap Mac 2013.



Sistem kabel Batam-Dumai-Melaka yang telah siap pada tahun 2011

EPP ini memberi tumpuan kepada penggunaan teknologi Pengenalan Frekuensi Radio (RFID) untuk menjana keuntungan ekonomi melalui dua projek utama.

Yang pertama adalah dengan menggunakan ia dalam Keselamatan dan Perdagangan bagi memudahkan proses penjelasan yang lebih berkesan dan selamat di pelabuhan-pelabuhan domestik terpilih dan laluan berkapasiti tinggi. Projek ini yang merupakan usaha yang diterajui oleh Smartag Solutions Sdn Bhd (SmarTAG) dengan kerjasama Jabatan Kastam DiRaja Malaysia - JKDM dan SKMM, telah diumumkan pada bulan April 2011.

Projek kedua adalah Sistem kesan dan jejak Sarang Burung Walit, yang diterajui bersama oleh SKMM dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Di bawah projek ini, teknologi RFID digunakan untuk mengesan dan menjejaki Sarang Burung Walit yang berkualiti tinggi dan dihasilkan secara mapan dari Malaysia ke pasaran bernilai tinggi di China, Jepun dan Taiwan.

Pencapaian dan Cabaran

Berikutan pemeteraian perjanjian di antara Smartag dan JKDM tentang Sistem Fasilitasi Keselamatan Kontena dan Perdagangan RFID pada bulan Ogos, operasi komersial sistem ini telah berjaya dilancarkan pada bulan September. Walaupun berlakunya sedikit kelewatan dalam melaksanakan sistem ini, pada 31 Dis 2012, 64,629 transaksi telah diproses berbanding dengan sasaran 66,000 transaksi.



Sistem pengesan kontena RFID



Sistem RFID di tapak pemeriksaan kastam

Walau bagaimanapun, perkhidmatan ini kini hanya ditawarkan sebagai pilihan untuk pengusaha perkhidmatan pengangkutan barangan, memandangkan sistem dan proses masih ditambah baik. Dalam usaha untuk meraih manfaat sepenuhnya, terutamanya untuk mengurangkan ketirisan dan membendung penyeludupan haram, sistem tersebut harus dilaksanakan secara menyeluruh oleh semua perkhidmatan pengangkut barangan di semua lokasi JKDM.

Sementara itu, hampir 4,000 syarikat telah mezhairkan minat mereka untuk mengambil bahagian dalam sistem menjejaki dan mengesan Sarang Burung Walit yang Boleh Dimakan (EBN). Walau bagaimanapun, disebabkan larangan import oleh China pada import Sarang Burung Walit dari Malaysia, kemajuan projek pada mulanya terhenti. Walau bagaimanapun, projek tersebut kini boleh bergerak ke peringkat operasi berikutan memorandum persefahaman yang ditandatangani di antara Malaysia dan China untuk meneruskan import sarang burung pada 2013.

Langkah Seterusnya

Projek Keselamatan Kontena dan Fasilitasi Perdagangan akan terus dipantau sepanjang tahun depan bagi memastikan tahap keselamatan dan keberkesanan dicapai. Bagi 2013, memandangkan projek Keselamatan Kontena dan Fasilitasi Perdagangan dan projek mengesan dan menjejaki EBN telah berada di peringkat operasi masing-masing, pemantauan KPI bagi kedua-dua projek akan dilakukan pada tahap PNK, jumlah pelaburan dan pekerjaan bagi mengukur sumbangan projek-projek ini kepada ekonomi.

PELUANG PERNIAGAAN

Peluang Perniagaan 1:

Perkhidmatan Tetap

Seiringan dengan kemajuan negara dalam penggunaan teknologi komunikasi moden, permintaan bagi perkhidmatan data, khususnya jalur lebar kelajuan tinggi di kawasan bandar, dijangka berkembang secara sejajar. Di sinilah dapat diperlihatkan keperluan melaksanakan penempatan infrastruktur gentian melalui dorongan bekalan iaitu Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB), satu perkongsian awam-swasta. Dengan berbuat demikian, 1.38 juta premis kini tersedia untuk sambungan. Prasarana yang sedia ada kemudian ditawarkan kepada pasaran samada borong atau runcit, yang mana TM, penggerak utama projek ini, menawarkan kedua-duanya. Pada akhir 2012, TM telah memperoleh 485,000 pelanggan runcit, sambil menawarkan rangkaianannya kepada pembekal perkhidmatan yang lain, iaitu Maxis, YTL, P1 dan Celcom. Pembekal-pembekal perkhidmatan ini, juga telah menawarkan tawaran runcit mereka sendiri kepada pasaran. Ini membolehkan persaingan yang sihat tanpa berlaku pertindihan infrastruktur di Malaysia.

Dalam keadaan pasaran diliberalisasikan dan maklum balas yang diberikan ke atas keperluan pasaran, pembekal perkhidmatan berlesen yang lain seperti Maxis, Digi dan TdC juga telah membuat pelaburan dalam menyediakan infrastruktur gentian di kawasan-kawasan lain di dalam negara. Secara tidak langsung, ia membantu untuk mengukuhkan jumlah keseluruhan infrastruktur gentian di Malaysia.

Sepanjang tahun lepas, disebabkan oleh pertumbuhan luar biasa penggunaan telefon pintar, tablet dan komputer riba yang lebih canggih telah meningkatkan keperluan pengguna bagi kelajuan internet lebih pantas, penyedia perkhidmatan mudah alih telah meningkatkan pakej perkhidmatan mereka dengan mengabungkannya dengan perkhidmatan talian tetap dan juga boleh mengakses hotspot WiFi. Penyiar juga melihat keperluan untuk memasuki perniagaan IPTV di mana hanya infrastruktur berwayar/gentian boleh menyediakan penyelesaian terbaik.

Melalui persaingan kuat pasaran yang konsisten, populariti peranti yang disambungkan Internet dan juga permintaan yang semakin meningkat oleh pengguna bagi lebih banyak data, akan terus menimbulkan trend pengguna menuntut lebih banyak perkhidmatan data berbanding suara.

Secara keseluruhannya, talian data tetap mencapai kadar pertumbuhan tahunan terkompoun (CAGR) sebanyak 2.6 peratus kerana lebih banyak syarikat memerlukan rangkaian dalaman mereka sendiri, menyumbang RM1.7 bilion dalam peningkatan PNK dan mewujudkan 3,250 peluang pekerjaan baru menjelang 2020.

Peluang Perniagaan 2:

Perkhidmatan Mudah Alih

Langganan kepada perkhidmatan mudah alih dijangka meningkat merentasi semua segmen - suara, data dan jalur lebar - dalam tahun-tahun akan datang, dijangkakan akan menyumbang sebanyak RM3.6 bilion dalam peningkatan PNK dan mewujudkan 5,788 peluang pekerjaan baru menjelang 2020.

Peningkatan penduduk Malaysia yang akan terus memacu CAGR pelanggan baru untuk talian suara sebanyak 2.7 peratus. Data mudah alih - termasuk SMS, kandungan dan perkhidmatan yang tidak memerlukan penyambungan internet - juga dijangka berkembang seiring dengan pelanggan baru.

Peluang terbesar untuk pembekal telekomunikasi terletak dalam langganan jalur lebar mudah alih, selaras dengan penembusan telefon pintar berkembang dan penduduk menjadi semakin mahir menggunakan data-perkhidmatan yang berkaitan. Langganan jalur lebar mudah alih dijangka mencatat peningkatan kepada 10.5 peratus CAGR pada tahun akan datang.

Pada separuh pertama 2012, kadar penembusan mudah alih berdiri di 135.3 peratus, atau 39 juta pelanggan, di mana 81 peratus adalah pengguna prabayar. Sementara itu, langganan perkhidmatan 3G adalah pada 12 juta.

Segmen mudah alih akan melihat peningkatan besar dalam pelaburan dengan pengeluaran lesen spektrum bagi Evolusi Jangka Panjang (LTE) oleh SKMM, dan syarikat yang berjaya akan mula melancarkan LET dengan membina atau menaik taraf rangkaian mereka.

Peluang Perniagaan 3:

Kurier, Pos dan Penyiaran

Sumbangan PNK daripada kurier, pos dan penyiaran dijangka berkembang sebanyak 5.2 peratus setahun dalam tempoh 10 tahun akan datang, di mana dijangka akan menyumbang kepada RM1.6 bilion dalam peningkatan PNK dan mewujudkan 7,563 peluang pekerjaan baru menjelang 2020.

Sektor ini juga akan menawarkan pelbagai perkhidmatan yang lebih luas termasuk memenuhi transaksi komersil, pergudangan, pengurusan inventori, perancangan permintaan bagi pengilang dan perkhidmatan pemasangan.

Dengan kebangkitan e-dagang di negara ini, sektor pos dan kurier dijangka mendapat manfaat dengan menawarkan perkhidmatan yang direka khusus untuk memenuhi keperluan peningkatan bilangan peniaga-peniaga dalam talian. Lain-lain perkhidmatan baru seperti pembrokeran pajak gadai Islam (Ar Rahn) menunjukkan bahawa Pos Malaysia terus mempelbagaikan perkhidmatannya kepada rakyat.

Dalam bidang penyiaran, lesen spektrum bagi Penyiaran Televisyen Terrestrial Digital (DTTB) dijangka akan diberikan pada tahun 2013, dengan perkhidmatan dijangka bermula menjelang pertengahan tahun 2014. Ini seterusnya akan menambah persaingan kepada industri yang telah melihat pemain sedia ada telah menaik taraf kemudahan penyiaran mereka dari analog kepada digital serta menawarkan saluran Definisi Tinggi (HD). Syarikat telekomunikasi juga telah mula menawarkan perkhidmatan IPTV sebagai sebahagian daripada pakej jalur lebar mereka untuk menambah kedinamian industri ini.

Peluang Perniagaan 4: Operasi Serantau

Syarikat Malaysia dalam sektor ini terus mencari peluang untuk mengembangkan perniagaan mereka di rantau ini. Selain daripada mengakses pasaran berpotensi seperti Indonesia, India dan Bangladesh, negara-negara seperti Myanmar, Vietnam dan Kemboja juga menawarkan peluang-peluang baru untuk pertumbuhan. Dengan liberalisasi sektor telekomunikasi Malaysia seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri, blok utama penghalang bagi pengembangan serantau telah dihapuskan kerana syarikat kini boleh berunding mengenai terma yang sama dengan rakan mereka di negara sasaran.

Sebagai contoh, Axiata Group Bhd, melalui anak syarikat milik penuh Hello Axiata, telah bergabung dengan Smart Mobile, menjadikannya syarikat telekomunikasi mudah alih kedua terbesar di Kemboja dengan lima juta pelanggan. Peluang serantau seperti ini adalah dianggarkan untuk menjana PNK tambahan sebanyak RM4.8 bilion dengan 664 pekerjaan baru menjelang 2020.

PEMANGKIN

Tahun lalu telah menyaksikan pembekal perkhidmatan yang mantap dalam pasaran mengukuhkan operasi mereka dan menambahkan lagi kepada ekonomi Malaysia melalui keuntungan yang diperoleh daripada operasi serantau sedia ada mereka.

Syarikat-syarikat ini akan terus berkembang dalam tahun-tahun akan datang melalui pelanggan yang semakin bertambah, meningkatkan kecekapan dan pengukuhan keuntungan. Tambahan pula, perkhidmatan baru bakal diperkenalkan, bergantung kepada rangka kerja kawal selia di wilayah-wilayah yang berbeza.

Sektor Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi akan memerlukan 43,162 pekerjaan menjelang 2020. Daripada jumlah ini, 25,899 pekerja akan diperlukan untuk menyokong EPP manakala peluang-peluang perniagaan yang sedia ada memerlukan tambahan 17,263 pekerja.

Sektor ini akan terus menggalakkan pertumbuhan pembangunan profesional dalam industri. Dalam industri telekomunikasi, pendekatan bersepadu antara PEMANDU, TalentCorp dan Kementerian Pengajian Tinggi telah dimulakan untuk memastikan bahawa bilangan graduan dalam telekomunikasi dan bidang-bidang yang berkaitan kejuruteraan akan dipenuhi pada 2020.

Dari perspektif kandungan kreatif dan multimedia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah melaksanakan *Creative Industry Lifelong Learning Programme* (CILL) dengan kerjasama beberapa pihak berkepentingan utama seperti MDeC, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Inisiatif ini membantu pelajar terpilih untuk mengikuti program pengajian tinggi dalam kandungan kreatif di universiti-universiti atau pusat pendidikan tempatan atau luar negara. Ia juga menyediakan bantuan kewangan untuk profesional dalam sektor kandungan kreatif bagi mengikuti kelas lanjutan, yang diterajui oleh pengusaha terbaik industri.

Lanjutan daripada itu, aktiviti akreditasi bakat kreatif yang diterajui oleh CCIG dalam sektor kandungan dijangka dapat meningkatkan taraf profesionalisme dan kualiti pengamal kandungan kreatif. Adalah diharapkan bahawa usaha ini akan dapat meralih industri ini ke kategori pendapatan yang lebih tinggi, dan sekali gus menggalakkan lebih ramai menganggap industri ini satu pilihan kerjaya yang berdaya maju.

Ringkasan NKEA Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi

	Sasaran 2020
Impak PNK tambahan	RM35.7 bilion
Pekerjaan tambahan	43,162

Sasaran kritikal bagi 2013:

- Untuk mencapai RM500 juta hasil daripada eksport kandungan kreatif
- Untuk mendigitalkan 28,000 jam kandungan tambahan
- Untuk menyediakan 5,000 tajuk kandungan bagi akses pasaran dalam talian
- Untuk mencapai RM350 juta hasil daripada jualan kraftangan
- Untuk mencapai 50,000 perniagaan dalam talian yang baru
- Untuk menghubungkan semua sekolah rendah dan menengah berjumlah lebih daripada 10,000 dengan jalur lebar
- Untuk menghubungkan sejumlah 3,000 kemudahan kesihatan di seluruh negara dengan jalur lebar
- Untuk menyediakan 60 peratus perkhidmatan kerajaan dalam talian
- Untuk memastikan tambahan lima agensi mengamalkan Sistem Pengurusan Dokumen Digital
- Untuk menyediakan kelajuan minima 2Mbps; 80 peratus daripada kawasan Lembah Klang dan 30 peratus kawasan di tujuh ibukota Negeri
- Untuk mengkomisyen 1,187 tapak program baru iaitu Kampung Tanpa Wayar, Pusat Internet 1Malaysia dan Menara Time3
- Untuk mengurangkan tambahan 10 peratus harga borong lebar jalur

PENJAGAAN KESIHATAN

PENGALAMAN BERSAMA PERKHIDMATAN AWAM

Sementara Malaysia telah lama menikmati sistem penjagaan kesihatan awam yang teguh, penyedia penjagaan kesihatan swasta kini memainkan peranan yang semakin meningkat dalam industri domestik. Selaras dengan penyertaan sektor swasta yang kukuh dibayangkan untuk ETP, NKEA Penjagaan Kesihatan menyediakan peluang untuk penyedia penjagaan kesihatan swasta untuk terus berkembang, terutama melalui kerjasama dengan sektor awam.

Menurut YBhg Dato' Dr Haji Azmi Shapie, Pengarah Bahagian Pembangunan Perubatan di Kementerian Kesihatan (KKM), dengan banyak inisiatif di bawah NKEA didorong oleh sektor swasta, perkhidmatan awam dan pelbagai agensi Kerajaan bertindak sebagai rakan kongsi penting dalam memudahkan peluang perniagaan diwujudkan.

"Sektor awam juga mengkaji semula undang-undang dan peraturan-peraturan kerana ia bertujuan untuk memudahkan proses dan mempercepatkan proses membuat keputusan. Ini bukan sahaja untuk memastikan projek-projek bergerak ke hadapan, tetapi juga untuk memastikan bahawa dasar-dasar Kerajaan yang sedia ada dikekalkan,"

kata Dato' Dr Azmi, yang menyelia EPP 5: Mencipta Nexus Perkhidmatan Diagnostik (DSN).

EPP 5 bertujuan untuk menubuhkan pembekal yang berwibawa dalam bidang perkhidmatan pelaporan radiologi khusus, memanfaatkan ketersediaan radiologi yang berwibawa di negara ini dan memanfaatkan teknologi ICT untuk membangunkan perhubungan yang berkesan untuk laporan radiologi.

Matlamat utama adalah untuk menerima kemasukan perkhidmatan dari luar negara, yang mana akan menyumbang kepada PNK Malaysia. Perkhidmatan Diagnostik Nexus Sdn Bhd (DSNSB), sebuah konsortium swasta, telah diberi peluang untuk menerajui inisiatif itu, dan akan membangunkan kapasiti dan bertindak sebagai pembekal kecekapan untuk DSN.

Bagi EPP 5 khususnya, KKM menyokong dan membantu memudahkan DSNSB dalam membangunkan kepakaran dan kecekapan menguruskan perkhidmatan laporan radiologi. Berikutan ini, MoH menyediakan tempat latihan untuk DSNSB dengan menawarkan peluang untuk mewujudkan satu rangkaian

penyambungan ICT dan dengan penyumberan luar laporan radiologi kepada DSNSB. Ini adalah permulaan usaha dalam bidang khusus ini sebelum DSNSB dapat menembusi pasaran global dan menerima pesanan penyumberan luar dari negara-negara asing.

Namun begitu, perjalanan DSNSB baru sahaja bermula. Perjalanan yang panjang serta penuh cabaran akan memerlukan komitmen dari DSNSB dan semua pihak yang terlibat untuk merangka strategi masa depan ke arah penciptaan penjenamaan DSNSB sendiri sebagai pembekal perkhidmatan laporan radiologi yang berwibawa dan boleh dipercayai.

Walau bagaimanapun, kemajuan keseluruhan pelbagai EPP di bawah Penjagaan Kesihatan amat menggalakkan, menyumbang kepada NKEA Penjagaan Kesihatan melebihi PNK yang disasarkan, mewujudkan peluang pekerjaan dan sasaran pelaburan pada tahun 2012.

"Pencapaian ini adalah hasil sinergi dan kerjasama erat antara sektor swasta dan pelbagai agensi Kerajaan, dengan bimbingan daripada PEMANDU," kata Dato' Dr Azmi,



Dato' Dr Haji Azmi Shapie, Pengarah Bahagian
Pembangunan Perubatan, Kementerian Kesihatan

“

Sektor awam juga mengkaji semula undang-undang dan peraturan-peraturan kerana ia bertujuan untuk memudahkan proses dan mempercepatkan proses membuat keputusan. Ini bukan sahaja untuk memastikan projek-projek bergerak ke hadapan, tetapi juga untuk memastikan bahawa dasar-dasar Kerajaan yang sedia ada dikekalkan

”

yang mengharapkan kejayaan yang lebih besar untuk semua EPP di bawah NKEA Penjagaan Kesihatan pada tahun 2013.

En. Choy Lup Bong, Setiausaha Bahagian Polisi & Perhubungan Antarabangsa di KKM, juga melihat NKEA penjagaan Kesihatan mewakili satu program yang sangat fokus dan cemerlang dalam mengemukakan matlamat Kerajaan ke arah tahun 2020. Walau bagaimanapun beliau menekankan bahawa beberapa inisiatif

mungkin tertangguh disebabkan polisi dan prosedur birokrasi yang memerlukan kajian untuk memastikan kemajuan dipercepatkan.

Oleh itu, perkhidmatan awam memainkan peranan penting dalam menyediakan maklumat dan data berkaitan dalam pelaksanaan NKEA, dan menyediakan penyelarasan yang lebih baik antara semua agensi Kerajaan dan mempercepatkan kelulusan di samping mengurangkan birokrasi.

En. Choy juga menekankan keperluan untuk membawa masuk dari perkhidmatan awam dalam pelaksanaan ETP. “Ia adalah satu cabaran untuk mengubah persepsi orang awam, perkhidmatan awam dan beberapa pemain industri. Namun begitu, beberapa elemen dalam perkhidmatan awam boleh diterima untuk berubah dan inovasi demi memastikan orang ramai boleh mendapatkan perkhidmatan yang cemerlang daripada Kerajaan,” kata En. Choy.

The background of the page is a vibrant pink. In the top left, there is a large pink circle containing a white graduation cap icon. To its right, a larger pink shape contains silhouettes of four graduates in caps and gowns. Further right, another pink shape features a large graduation cap and several interlocking gears. In the center, a white rectangular box contains the word 'Pendidikan' in bold pink text. Below this box, a pink shape depicts a classroom scene with a teacher at the front pointing at a whiteboard, and three students in the foreground, one of whom has their hand raised. The bottom left corner of the page features the page number '198' and the text 'LAPORAN TAHUNAN ETP 2012'.

Pendidikan



Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin Mohd. Yassin

Menteri Pelajaran

Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Pendidikan telah berjaya mengekalkan momentum yang dijana dari tahun pertama ETP sehinggalah pelaksanaannya. Tempoh 12 bulan yang lepas merupakan tempoh yang produktif bagi NKEA kita secara keseluruhan, malah lebih-lebih lagi untuk Projek Permulaan (EPP) yang bergagasan besar. Kita juga dapat menyaksikan pertumbuhan EPP baru, di samping yang sedia ada, seperti kluster hospitaliti, pendidikan awal kanak-kanak, pendidikan vokasional, sekolah swasta dan antarabangsa juga menunjukkan kemajuan yang ketara.

Kita juga telah mengkaji semula EPP sedia ada untuk lebih mencerminkan realiti pasaran dan mengambil langkah-langkah penting dalam mentransformasikan model pendidikan kita kepada sistem yang berasaskan prestasi. Tetapi apa yang paling menggembirakan ialah penyertaan aktif daripada sektor swasta dalam EPP ini amat sejajar dengan visi Kerajaan dalam mentransformasikan Malaysia menjadi hab utama pendidikan. Ini terbukti apabila kita melihat penglibatan sektor swasta menyumbang sebanyak RM17.4 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK) pada tahun 2012.

Saya berharap tahun 2013 akan membuahkan lebih banyak hasil dan membawa kemajuan yang lebih besar daripada NKEA ini. Bersama-sama, kita memastikan Malaysia menjadi salah satu destinasi utama pendidikan pada masa hadapan.



Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin

Menteri Pengajian Tinggi

Kita sememangnya berada atas landasan yang baik ke arah mewujudkan persekitaran kecemerlangan akademik di Malaysia, dan tahun 2012 terbukti tahun pencapaian yang hebat. Kementerian Pengajian Tinggi telah menetapkan standard yang ketat dalam usaha menarik institusi asing yang terbaik untuk menubuhkan kampus di Malaysia. Satu contoh ialah Heriot-Watt University (HWU) yang membuka kampusnya yang kelima di dunia, di Putrajaya tahun lepas.

Pembukaan HWU dalam tempoh masa yang singkat adalah hasil daripada usaha kerjasama pelbagai kementerian dan agensi-agensi Kerajaan. Melangkah ke hadapan, kita memerlukan integrasi yang lebih padu antara Jabatan Imigresen, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi, dan lain-lain entiti Kerajaan untuk memudahkan pihak pendidikan beroperasi di Malaysia.

Dalam usaha memantapkan kualiti institusi pengajian tinggi kita, penarafan SETARA '11 telah dijalankan di antara Mac 2011 dan Julai 2012. Pelajar kini mempunyai lebih banyak maklumat tentang pilihan institusi untuk mereka melanjutkan pengajian tinggi dengan penerbitan keputusan SETARA.

Usaha-usaha yang kita laksanakan dalam NKEA Pendidikan bukan sahaja akan mewujudkan sektor perkhidmatan yang bertenaga di Malaysia, tetapi juga akan memastikan masa depan Malaysia adalah terjamin. Saya mengharapkan kemajuan yang lebih besar dalam tahun-tahun akan datang.

PENDIDIKAN

Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Pendidikan telah mencapai kemajuan yang besar. Beberapa contoh utama adalah dalam penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak (ECCE), pendidikan asas sekolah rendah dan menengah, pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TEVT), dan pengajian tinggi bagi penuntut-penuntut tempatan dan antarabangsa. Pencapaian yang terlihat di sini menjadi petunjuk kepada pertumbuhan masa depan yang lebih hebat.

Pengajian tinggi kekal menjadi sektor paling menarik dalam usaha Malaysia untuk menjadi hab pendidikan global. Semua EPP yang berkaitan dengan inisiatif pengajian tinggi seperti pengajian jarak jauh dalam talian, pengkhususan kewangan Islam, pendidikan sains kesihatan, perhotelan dan pelancongan telah menunjukkan tanda-tanda kemajuan yang jelas.

Di samping itu, dengan adanya universiti-universiti asing yang terbaik terus tertarik untuk menubuhkan kampus cawangan di seluruh negara. Ini boleh dilihat di lokasi seperti EduCity@Iskandar, di mana institusi-institusi yang terkemuka termasuk Newcastle University Medicine Malaysia (NUMed), Netherlands Maritime Institute of Technology (NMIT), Raffles University Iskandar, Universiti Southampton Malaysia (USMC) dan University Reading Iskandar telah menubuhkan kampus mereka.

Dalam meningkatkan penawaran pendidikan di Malaysia, NKEA Pendidikan juga telah menggalakkan pengembangan institusi TEVT swasta, yang akan melatih satu segmen penting dalam tenaga kerja. ETP menjangka akan mencatat kira-kira satu juta pemegang sijil atau diploma vokasional menjelang tahun 2020 bagi memenuhi matlamatnya, dan TEVT terus kekal menjadi komponen penting dalam pendidikan.

Sehubungan itu, EPP yang melibatkan TEVT menggalakkan perkongsian awam-swasta di mana Kerajaan membeli kerusi di sekolah teknikal dan vokasional untuk membiayai pelajar. Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran atau PTPK telah memperuntukkan dana tambahan berdasarkan Penarafan Bintang, yang mengagihkan dana berdasarkan tahap prestasi institusi TEVT untuk memberikan akses yang lebih kepada pendidikan TEVT yang berkualiti tinggi dan juga untuk merangsang peningkatan penawaran latihan kemahiran yang berkualiti di kalangan pembekal TEVT.

Infrastruktur pendidikan berkualiti tinggi di Malaysia memainkan dua peranan: Untuk mentransformasikan sektor pendidikan Malaysia kepada sektor ekonomi yang dinamik, dan menyediakan latihan yang diperlukan bagi keperluan negara.

Pengenalan EPP yang baru telah mempelbagaikan lagi tawaran sektor pendidikan Malaysia. EPP ini termasuklah mewujudkan pusat pembangunan permainan, penubuhan kampus cawangan antarabangsa dan penubuhan institusi pendidikan bukan untuk keuntungan akan memberi tambahan sebanyak RM146 juta dalam PNK dan mewujudkan tambahan 660 pekerjaan apabila beroperasi sepenuhnya.

Masih terdapat peluang jelas untuk pertumbuhan EPP lain yang sedia ada. Sebagai contoh, jumlah kemasukan di prasekolah dan pusat penjagaan kanak-kanak masih tidak mencapai sasaran meskipun terdapat peningkatan tahun ke tahun yang mantap, ini menunjukkan bahawa banyak lagi yang boleh dilakukan untuk menggalakkan kemasukan: Tambahan kesedaran, kelanjutan insentif bagi sektor swasta seperti geran pelancaran dan bantuan yuran, serta peningkatan kemahiran guru prasekolah.

Bagi sektor sekolah antarabangsa, perubahan mendadak dari segi pengeluaran lesen telah membawa kepada lebih penawaran di Malaysia dalam segmen peringkat pertengahan pasaran. Dua penyelesaian kini boleh diajukan: Merangsang kemasukan dengan mengambil peluang daripada peningkatan jumlah ekspatriat yang tertarik untuk menetap di Lembah Klang dan Iskandar, dan menaik taraf kualiti pendidik untuk menjadikan sekolah antarabangsa pilihan yang lebih menarik.

Petunjuk Prestasi Utama 2012

NKEA Pendidikan		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #1	Kemasukan pelajar untuk prasekolah dan pusat penjagaan kanak-kanak swasta	387,300	420,318	109	●	100	●	1.0	●
	Jumlah pelajar prasekolah swasta yang mendapat manfaat daripada skim bantuan yuran kerajaan	6,000	13,969	233	●	100	●	1.0	●
	Jumlah pusat prasekolah swasta baru yang ditubuhkan	1,000	561	56	●	56	●	0.5	●
	Jumlah pusat penjagaan kanak-kanak swasta baru yang ditubuhkan	800	1,030	129	●	100	●	1.0	●
EPP #2	Jumlah guru prasekolah yang dilatih	6,000	6,717	112	●	100	●	1.0	●
	Jumlah pengasuh kanak-kanak yang dilatih	4,000	5,411	135	●	100	●	1.0	●
EPP #3	Jumlah pelajar baru yang mendaftar	4,240	6,828	161	●	100	●	1.0	●
	Jumlah sekolah baru yang memulakan operasi	10	10	100	●	100	●	1.0	●
EPP #4	Meningkatkan kemahiran guru yang berkhidmat oleh pembekal swasta	2,500	2,500	100	●	100	●	1.0	●
EPP #5	Jumlah pelajar berkecayaan SKM (termasuk pendanaan PTPK yang berjaya bagi pelajar swasta sahaja)	26,900	28,903	107	●	100	●	1.0	●
	Peratusan program kemahiran diperakui yang patuh menggunakan Kemahiran Kod Amalan Akreditasi Program (COPSPA)	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
	Jumlah pelajar TEVT asing yang sedang belajar di Malaysia	1,000	703	70	●	70	●	0.5	●
EPP #6	Jumlah pelajar antarabangsa dalam talian pada akhir 2012	4,000	6,733	168	●	100	●	1.0	●

(bersambung)

(sambungan mukasurat sebelum)

NKEA Pendidikan		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #7	Jumlah pelajar yang mendaftar di bawah institusi yang terlibat dalam hubungan kluster	6,000	7,801	130	●	100	●	1.0	●
	Jumlah % kebolehpasaran (pekerjaan dalam tempoh 6 bulan)	80%	63.8%	80	●	80	●	0.5	●
EPP #8	Jumlah pelajar perubatan dan berkaitan kesihatan di IPTS (dengan hubungan kluster)	85,000	54,629	64	●	64	●	0.5	●
	Jumlah % kebolehpasaran (pekerjaan dalam tempoh 6 bulan)	80%	64.8%	81	●	81	●	0.5	●
EPP #9	Jumlah pelajar kejuruteraan mendaftar di IPTA/IPTS dengan hubungan kluster	60	168	280	●	100	●	1.0	●
	Jumlah % pendapatan daripada R&D di universiti (IPTA/IPTS)	2%	3%	150	●	100	●	1.0	●
EPP #10	Jumlah pelajar yang mendaftar di IPTS dengan hubungan kluster	21,000	14,911	71	●	71	●	0.5	●
EPP #11	Jumlah pelajar pengajian tinggi yang mendaftar di Iskandar	675	455	67	●	67	●	0.5	●
EPP #12	Jumlah pelajar antarabangsa yang didaftar	100,000	97,419	97	●	97	●	0.5	●
EPP #13	Sasaran jumlah sekolah PPP baru	1	2	200	●	100	●	1.0	●
EPP #14	Jumlah pelajar yang mendaftar di IPTS dengan hubungan kluster	30	34	113	●	100	●	1.0	●
EPP #15	Penubuhan kampus cawangan universiti luar negara (baru dilancarkan dalam tahun 2012. KPI ditetapkan untuk tahun 2013)	-	-	-	-	-	-	-	-
EPP #16	Penubuhan institusi pendidikan bukan untuk keuntungan (baru dilancarkan dalam tahun 2012. KPI ditetapkan untuk tahun 2013)	-	-	-	-	-	-	-	-
				121%		91%		83%	

Rajah 10.1

Kaedah 1 menunjukkan pencapaian KPI sebenar iaitu membenarkan pencapaian melebihi 100 peratus dilaporkan.

Kaedah 2 menunjukkan laporan pencapaian KPI yang dihadkan kepada 100 peratus.

Kaedah 3 menunjukkan laporan pencapaian paling mudah. Sasaran KPI yang telah dipenuhi atau melebihi diberi gred 1. KPI yang mencapai lebih separuh daripada sasarannya diberi gred 0.5, dan KPI yang kurang daripada separuh sasaran mereka diberi gred 0.

PROJEK PERMULAAN (EPP)

EPP 1

Penskalaan ke atas Pusat Penjagaan Awal Kanak-kanak dan Pusat Pendidikan Awal (ECCE)

Tahun-tahun yang paling formatif bagi kanak-kanak adalah dari lahir sehingga lima tahun, oleh itu, kanak-kanak harus didedahkan kepada pendidikan awal untuk membantu mereka menyedari potensi maksimum mereka. EPP ini bertujuan untuk meningkatkan kemasukan prasekolah dan tahap penyertaan penjagaan awal kanak-kanak setanding dengan negara-negara maju.

Di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP), Kementerian Pelajaran (KPM), dengan kerjasama sektor swasta, berusaha untuk meningkatkan kemasukan prasekolah (4 + dan 5 + tahun) kepada 87 peratus pada tahun 2012 dan 97 peratus menjelang tahun 2020. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat (KPWKM) juga bekerjasama dengan sektor swasta untuk meningkatkan kemasukan penjagaan awal kanak-kanak (0-4 tahun) daripada empat peratus kini kepada 25 peratus pada tahun 2020.

Untuk mencapai sasaran ini, Kerajaan, bersama-sama dengan sektor swasta, telah menubuhkan 6,642 prasekolah baru sepanjang tempoh tiga tahun berakhir 2012 di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) GTP, di mana kira-kira 35 peratus telah dibuka oleh pengusaha sektor swasta. Matlamat EPP ini adalah untuk menyaksikan lebih banyak penyertaan daripada sektor swasta yang meliputi prasekolah dan pusat-pusat penjagaan awal kanak-kanak untuk mengekalkan momentum.

Pencapaian dan Cabaran

Sehingga kini, jumlah pelajar yang mendaftar di prasekolah dan pusat penjagaan awal kanak-kanak swasta telah mencapai 420,318 kanak-kanak, iaitu peningkatan 20.48 peratus daripada 348,874 kanak-kanak yang dilaporkan pada tahun 2011. Sejumlah 560 prasekolah swasta baru dan 1,030 pusat penjagaan kanak-kanak swasta baru telah ditubuhkan pada tahun 2012 untuk menampung peningkatan kemasukan.

Dalam usaha untuk meningkatkan kemasukan dan menyokong permintaan untuk pendidikan prasekolah, Kementerian Pendidikan telah menyediakan bantuan yuran untuk keluarga berpendapatan rendah yang jika tidak dibantu, mereka tidak akan mempunyai peluang untuk memulakan pendidikan pada peringkat awal. Pada tahun 2012, 13,985 pelajar dari keluarga berpendapatan rendah telah mendaftar di prasekolah swasta dan menerima bantuan yuran berjumlah RM11.6 juta. Pada tahun yang sama, 356 pengusaha prasekolah swasta telah menerima geran bernilai RM3.56 juta untuk memulakan operasi.

Kementerian Pelajaran juga telah menganjurkan pameran bergerak di seluruh negara dari April sehingga Julai 2012 untuk meningkatkan kesedaran ECCE dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis ECCE dan pihak berkuasa majlis tempatan. Pasukan terbabit telah dihantar ke lapan kawasan - Perak, Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Pahang, Melaka, Sarawak dan Selangor - untuk menggalakkan pengusaha swasta untuk menggunakan sistem maklumat prasekolah Kerajaan dan memberikan maklumat mengenai peluang latihan untuk guru prasekolah swasta. Lebih 20,172 guru prasekolah swasta telah menerima pembiayaan dari KPM dalam GTP 1.0 (2010-2012) untuk menghadiri latihan.

Pameran bergerak ini menjadi projek utama bagi Majlis ECCE, yang telah dipertanggungjawabkan untuk menetapkan standard dalam meningkatkan kualiti pendidik ECCE dan menawarkan perakuan untuk pusat penjagaan kanak-kanak dan prasekolah agar dapat menghasilkan laluan kerjaya yang jelas bagi pendidik dan mempertingkatkan kualiti penawaran ECCE.

Salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh EPP ini adalah berkaitan dengan pembahagian peranan di antara dua kementerian: KPM dan KPWKM. Segmen prasekolah adalah di bawah kawalan KPM sementara penjagaan kanak-kanak awal adalah di bawah KPWKM. Pembahagian ini telah membawa kepada kurangnya penyelarasan dan kerjasama.

Sasaran tahun 2015 sebanyak 92 peratus kemasukan pelajar prasekolah kemungkinan tidak akan tercapai memandangkan sasaran tahun 2012 sebanyak 87 peratus tidak dicapai, dan hanya mencatat 82 peratus. Sementara itu, kemasukan penjagaan awal kanak-kanak hanya mencatat empat peratus. Ini terutamanya adalah kerana wujudnya banyak prasekolah dan pusat jagaan yang gagal memenuhi garis panduan KPM dan KPWKM tidak berdaftar dan tetap beroperasi secara haram. Peningkatan usaha termasuk kempen media telah dimulakan untuk menggalakkan ibu bapa mendaftarkan anak-anak mereka di prasekolah dan pusat penjagaan kanak-kanak yang berdaftar.



Majlis pelancaran geran pra-sekolah

Langkah Seterusnya

Di bawah GTP 2.0, yuran bantuan dan geran yang diperuntukkan berjumlah kira-kira RM36.4 juta akan terus diberikan kepada pelajar prasekolah yang mendaftar di prasekolah swasta dan pertubuhan bukan kerajaan yang berdaftar. Daripada RM36.4 juta, RM5.3 juta diagihkan bagi kanak-kanak istimewa. Untuk menggalakkan pertumbuhan pusat penjagaan awal kanak-kanak swasta yang berdaftar, bantuan yuran dan geran pelancaran berjumlah kira-kira RM11 juta juga akan diberikan kepada pusat penjagaan awal kanak-kanak yang dikendalikan oleh pihak swasta atau pertubuhan bukan kerajaan.

KPM telah bekerjasama dengan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) untuk merumuskan satu set standard kualiti yang dikenali sebagai SKPK (Sistem Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan) bagi menilai kualiti prasekolah dengan objektif menyediakan maklumat bagi ibu bapa untuk membuat keputusan pilihan pra-sekolah untuk anak-anak mereka. Sistem dalam talian penilaian sendiri SKPK akan dilaksanakan pada suku pertama tahun 2013 untuk semua prasekolah milik Kerajaan dan prasekolah milik swasta. Objektifnya adalah untuk membolehkan pusat-pusat ini untuk menilai kedudukan mereka sendiri dari segi kualiti dan merancang langkah-langkah pembaikan. Sejumlah 500 prasekolah awam dan 500 prasekolah swasta akan disahkan penilaian mereka oleh KPM.

Penambahbaikan Penjagaan Awal Kanak-kanak (ECCE) dan Latihan Pendidikan

Standard ECCE adalah sebahagian besarnya bergantung kepada kualiti pendidik, dan melalui pembaikan kualiti pendidik, ini akan terserlah juga dalam Standard ECCE. Pasukan projek menganggarkan bahawa pada masa ini, 93 peratus daripada guru swasta dalam segmen ini tidak mempunyai latihan formal.

Rancangan Malaysia ke-10 bertujuan menggalakkan guru ECCE untuk mendapatkan kelayakan minimum peringkat diploma. Oleh itu, terdapat keperluan untuk meningkatkan tahap kemahiran guru-guru sedia ada dan menyediakan latihan pra-perkhidmatan. Sektor swasta jangka akan meneraju usaha ini dengan membangunkan program ECCE berkualiti tinggi yang akan diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Lebih kurang 93 peratus daripada guru-guru prasekolah swasta tidak mempunyai sijil pada masa ini kerana pensijilan tidak mandatori, menurut penemuan pasukan projek EPP. Sebaliknya, guru prasekolah di sekolah milik KPM adalah pemegang ijazah sementara majoriti guru-guru di prasekolah yang dikendalikan oleh agensi-agensi kerajaan, iaitu KEMAS dan JPNIN adalah pemegang diploma.

Konsortium EPP 2, yang terdiri daripada SEGi College, Kolej Perkembangan Awal Kanak-Kanak, DiKa College, CECE Institute, ALFA International College, Kirkby International College dan TAJ International College, telah menubuhkan satu kumpulan kerja dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk membangunkan program diploma yang boleh ditawarkan secara sambilan dan dalam talian, yang akan menyediakan fleksibiliti kepada guru prasekolah untuk memulakan pengajian semasa dalam perkhidmatan. Program dalam talian juga akan menyediakan alternatif yang lebih murah untuk guru-guru yang ingin meningkatkan kemahiran mereka.

Kerajaan merancang untuk mensubsidkan sebahagian daripada elaun hidup guru ECCE swasta yang ingin mengambil program diploma sebagai sebahagian daripada rancangan keseluruhannya untuk meningkatkan

tahap profesionalisme sektor ini. Untuk tujuan ini, Kerajaan telah menyetorkan RM1.5 juta di bawah GTP 2.0, sebagai elaun sara hidup kepada guru-guru yang ingin mendaftar dalam program diploma.

Pencapaian dan Cabaran

Sektor swasta telah menjalankan kursus selama tiga minggu untuk 3,494 dan 3,223 guru-guru prasekolah swasta pada Mei 2012 dan November 2012 masing-masing. SEGi Education Group, yang menjuarai EPP ini, telah memperuntukkan RM398 juta untuk membina sebuah hab ECCE di Seksyen 14, Kota Damansara, Selangor, dan kini sedang memuktamadkan cadangan untuk sebidang tanah dengan KPM.

Kerajaan telah bersetuju untuk menawarkan Tanah Persekutuan pada harga yang dipersetujui, yang juga akan menyaksikan pembinaan sebuah pejabat untuk Pejabat Pendidikan Daerah oleh SEGi. Sehingga Disember 2012, cadangan ini sedang menunggu kelulusan daripada Unit Kerjasama Awam Swasta atau UKAS yang berada di Jabatan Perdana Menteri.

Langkah Seterusnya

Konsortium ini sedang bekerjasama dengan KPM dan KPT untuk meningkatkan kemahiran guru prasekolah swasta dalam perkhidmatan melalui pendekatan serampang tiga mata:

- Mewujudkan kelayakan standard minimum bagi semua guru prasekolah dengan sokongan Bahagian Latihan Guru di bawah KPM
- Menjalankan kempen media untuk menggalakkan pendidik prasekolah swasta dan pengasuh penjagaan awal kanak-kanak untuk meningkatkan kemahiran mereka
- Bekerja dengan MQA untuk memperkenalkan program diploma campur, dengan modul pembelajaran jarak jauh untuk membolehkan guru prasekolah dalam perkhidmatan untuk mendapatkan pensijilan

EPP 3

Penskalaan ke atas Sekolah Antarabangsa

Malaysia perlu menggalakkan penubuhan sekolah antarabangsanya, khususnya di Lembah Klang dan koridor pembangunan seperti Iskandar kerana kawasan-kawasan tersebut dijangka melihat pertumbuhan ekspatriat yang pesat hasil daripada inisiatif-inisiatif ETP. Pada masa yang sama, sekolah antarabangsa juga akan memenuhi keperluan anak-anak rakyat Malaysia yang masih bersekolah yang kembali dari luar negara di bawah *Returning Expert Programme* dan inisiatif lain yang dikendalikan oleh *Talent Corporation*.

EPP ini akan memberikan pilihan sekolah yang lebih luas untuk rakyat Malaysia yang ingin menghantar anak-anak mereka ke luar negara untuk pendidikan. Pada masa yang sama, EPP ini akan menarik ibu bapa dari luar negara yang sedang memandang ke arah Malaysia sebagai destinasi sekolah untuk anak-anak mereka. Sebagai contoh, terdapat peningkatan dalam bilangan keluarga Korea yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah antarabangsa Malaysia untuk mendapatkan pendidikan Inggeris.

Adalah dianggarkan bahawa setiap orang pelajar sekolah antarabangsa menjana 20 hingga 30 kali pendapatan pertukaran asing berbanding dengan setiap orang pelancong. Pada masa ini, sekolah antarabangsa menghampiri sasaran 87 buah sekolah antarabangsa, dengan sasaran jumlah pelajar seramai 75,000 pelajar menjelang tahun 2020.

Pencapaian dan Cabaran

Sehingga kini, terdapat 81 buah sekolah antarabangsa dalam operasi di seluruh negara. Ini mewakili pertumbuhan sebanyak 18.67 peratus dalam bilangan sekolah antarabangsa sejak lima tahun yang lalu. Kerajaan telah memberikan lesen baru kepada 29 pengusaha sekolah yang masih belum memulakan operasi. Terdapat 18 permohonan penubuhan baru yang sedang menunggu kelulusan daripada KPM. Jumlah pelajar yang mendaftar di sekolah antarabangsa ialah 33,688; 17,234 adalah pelajar asing manakala 16,454 adalah pelajar tempatan.

Pengembangan dalam segmen sekolah antarabangsa telah didorong oleh tiga faktor:

- Dasar Kerajaan untuk memberikan elaun cukai pelaburan 100 peratus atas perbelanjaan modal layak yang dibuat oleh sekolah-sekolah antarabangsa yang baru dan sedia ada dalam tempoh lima tahun
- Penyingkiran oleh KPM kuota 40 peratus pada pendaftaran pelajar Malaysia di sekolah-sekolah antarabangsa serta penyahkawalseliaan yuran tuysyen
- Pemansuhan had pemilikan asing dalam sekolah antarabangsa

Walau bagaimanapun, perkembangan pesat sekolah antarabangsa juga menimbulkan cabaran kepada pihak berkuasa. Sebagai contoh, KPM perlu mengukuhkan pengawasaan terhadap institusi-institusi ini.

Pertumbuhan sekolah baru juga diiringi dengan pertumbuhan yang berhubung kait dengan jumlah pelajar, yang telah meningkat pada purata 22.1 peratus dalam tempoh lima tahun yang lalu, di mana tahun 2012 melihat pertumbuhan yang paling ketara, iaitu 45.46 peratus peningkatan daripada jumlah 23,159 pelajar pada tahun 2011.


Walaupun dengan angka yang menggalakkan, terdapat perbezaan antara kadar pertumbuhan sekolah baru dengan pelajar baru. Sejumlah besar lesen yang dikeluarkan dalam tempoh dua tahun yang lepas telah mencipta kapasiti berlebihan di sekolah, membuatnya perlu mendaftar lebih ramai pelajar antarabangsa untuk mengisi jurang ini.

Untuk mencapai matlamat ini, wakil-wakil daripada KPM, Persatuan Kebangsaan Institusi-institusi Pendidikan Swasta (NAPEI), PEMANDU dan Perkhidmatan Global Pendidikan Malaysia (EMGS) telah menubuhkan Pasukan Petugas Sekolah Antarabangsa untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pendidikan antarabangsa untuk pendidikan asas.

Langkah Seterusnya

Sekolah antarabangsa akan melabur RM777.8 juta di antara tahun 2013 dan tahun 2015 untuk menubuh dan mengembangkan kampus, mengikut kaji selidik yang dijalankan oleh PEMANDU pada tahun 2012. Dengan perkembangan yang dilaksanakan ini, KPM akan berusaha untuk mengukuhkan rangka kerja pemeriksaan dan pengawalseliaan di sekolah antarabangsa pada tahun 2013.

Untuk memenuhi pertumbuhan dalam kapasiti sekolah-sekolah ini, Pasukan Petugas Sekolah Antarabangsa sedang menjalankan usaha promosi termasuk jerayawara, usaha perekrutan, dan pameran untuk menarik minat. Dengan sokongan KPM, NAPEI dan EMGS, Malaysia memulakan kempen pemasaran global pertama bagi sekolah antarabangsa pada November 2012 mensasarkan Korea Selatan dan Indonesia. Lain-lain pasaran utama yang disasarkan termasuk China, India, dan Singapura.



NAPEI, KPM dan PEMANDU di Pameran Pendidikan di Seoul, Korea Selatan pada Oktober 2012

Guru adalah penentu utama prestasi pelajar dan guru-guru yang berkualiti tinggi adalah kekurangan di merata tempat. EPP ini bertujuan untuk membetulkan keadaan ini dengan menggalakkan pembangunan guru-guru yang berkualiti tinggi dalam mata pelajaran kritikal seperti bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, Matematik dan Sains di Malaysia dan di seluruh Asia.

EPP kini sedang meneliti pelbagai pilihan, termasuk "Sistem Terbuka" untuk latihan guru yang dicadangkan dalam Rancangan Malaysia ke-10. "Sistem Terbuka" ini memerlukan liberalisasi latihan praperkhidmatan guru-guru sekolah awam di institusi latihan guru swasta, dan bagi pengendali swasta untuk menawarkan latihan dalam perkhidmatan melalui Internet dan bilik darjah.

Pencapaian dan Cabaran

Buat masa ini, kira-kira 200 orang guru praperkhidmatan bahasa Inggeris sedang dilatih di empat institut pengajian tinggi (IPT), iaitu *SEGi University College*, *UCSI University*, Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) dan *Kirkby International College*. Program asas berakhir pada tahun 2012, dan pelajar kini berada pada tahun pertama program ijazah.

KPM telah menjalankan pemeriksaan terhadap IPT ini dalam bulan April dan Ogos 2012 untuk memastikan bahawa IPT ini mematuhi keperluan KPM mengenai latihan. Di samping itu, Kementerian Pelajaran memerlukan semua guru praperkhidmatan bahasa Inggeris di IPT mengambil Ujian Penempatan Cambridge (CPT) untuk menilai kecekapan mereka dalam bahasa Inggeris.

Salah satu isu kritikal yang perlu ditangani hasil keputusan ujian CPT adalah hanya 30 peratus daripada 200 orang guru memenuhi standard penguasaan minimum dalam bahasa Inggeris. Empat IPT kemudiannya diarahkan untuk melaksanakan pelan pemulihan untuk meningkatkan kemahiran guru-guru agar semua guru mempunyai kemahiran pada akhir program pada tahun 2016.

Di samping itu, KPM juga pada tahun lepas telah mengambil khidmat luar daripada British Council untuk memberikan latihan kepada 2,500 orang guru-guru opsyen bahasa Inggeris dalam perkhidmatan sebagai sebahagian daripada pembangunan profesional berterusan guru-guru bahasa Inggeris.

Mengikut kajian KPM, terdapat lebih guru-guru dalam sistem sekolah awam di Malaysia. Oleh itu untuk melangkah ke hadapan, KPM tidak mungkin mengambil khidmat luar IPT swasta untuk latihan guru kerana terdapat kapasiti yang mencukupi daripada institut latihan guru sedia ada di bawah KPM dan permintaan untuk guru-guru di sekolah-sekolah awam dijangka semakin menurun.

Langkah Seterusnya

Walaupun peluang sektor swasta untuk melatih guru-guru untuk sistem sekolah awam di Malaysia adalah terhad, terdapat peluang-peluang baru untuk melatih guru-guru untuk sekolah-sekolah antarabangsa atau swasta kerana sektor ini semakin pesat berkembang.

Apabila landskap semakin matang, akan wujud permintaan yang lebih besar daripada pelbagai sekolah antarabangsa untuk guru-guru bagi memenuhi segmen pasaran yang berbeza. Sebagai contoh, sekolah antarabangsa yang menyasarkan pasaran berpendapatan pertengahan akan menggaji lebih banyak guru tempatan dan guru-guru tersebut perlu dilatih untuk mengajar kurikulum sekolah antarabangsa. Sebaliknya, ini akan menyediakan peluang untuk institut latihan guru swasta untuk mengembangkan perniagaan mereka.

EPP 5

Penskalaan ke atas Penyediaan Latihan Kemahiran Swasta

EPP ini bertujuan untuk membantu mengurangkan peratusan pekerja berkemahiran rendah dan separa mahir kepada 50 peratus tenaga kerja pada tahun 2020 daripada 76 peratus pada tahun 2009. Ia akan berbuat demikian dengan menyediakan pelajar pasca Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) atau lepasan sekolah dengan peluang-peluang yang lebih besar untuk meneruskan pendidikan vokasional. Untuk tujuan ini, Kerajaan telah memperuntukkan RM200 juta pada tahun 2012 dan RM232 juta pada tahun 2011 kepada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran atau PTPK.

Untuk memastikan pelajar mendapat manfaat daripada latihan berkualiti tinggi dan bahawa mereka memenuhi permintaan industri, dana akan disalurkan kepada pusat bertauliah swasta yang menjalankan program-program yang telah diberikan tiga bintang dan ke atas bagi Semenanjung Malaysia dan dua bintang dan ke atas bagi Malaysia Timur di bawah Penarafan Bintang yang dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran atau JPK.



Rajah 10.2

Pencapaian dan Cabaran

JPK, sebuah jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia, menjalankan Penarafan Bintang bagi 4,369 program di 836 pusat-pusat swasta yang diiktiraf di seluruh Malaysia. Daripada 4,369 program, 728 menerima penarafan lima bintang, atau cemerlang.

Berdasarkan keputusan ini, PTPK memperuntukkan RM200 juta kepada 127 pusat-pusat swasta yang layak, yang seterusnya menurun kepada 15,529 pelajar pada tahun 2012. Walaupun Penarafan Bintang telah diberikan kepada pelbagai program, sistem ini masih belum menaraf pembekal latihan itu sendiri.

Langkah Seterusnya

Untuk mencapai impak yang lebih besar dan menggalakkan pembekal latihan agar kekal berdaya saing, JPK sedang membangunkan sistem dan kriteria Penarafan Bintang yang baru dan lebih baik, dengan wajaran yang lebih tinggi kepada hasil. Sistem yang lebih baik ini dijangka akan dilancarkan pada suku pertama 2013 dan akan digunakan dalam pelaksanaan penarafan yang akan datang yang dijadualkan pada pertengahan tahun 2013. Pada tahun 2013, PTPK akan memperuntukkan RM200 juta lagi untuk pengagihan.

Mengembangkan Pengajian Jarak Jauh Antarabangsa

Sektor pengajian jarak jauh global telah berkembang pesat dengan Asia sendiri mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 12 peratus sepanjang dekad yang lalu. EPP ini bertujuan untuk memanfaatkan kelebihan daya saing Malaysia dari segi harga, bahasa dan akreditasi untuk menjadikan negara ini pusat pengajian jarak jauh terkemuka di Asia.

Kerajaan telah melantik *Asia e-University* (AeU) pada tahun 2010 sebagai laluan utama bagi pengajian jarak jauh di Malaysia kerana status bertauliahnya dalam semua negara *Asia Cooperation Dialogue* (ACD). Sementara itu, KPT telah melancarkan tapak web *Malaysian Education Online* (MEdO) (<http://www.medo.my>) yang ditubuhkan oleh AeU pada tahun 2011 untuk menyediakan satu platform bagi universiti awam dan swasta tempatan untuk memasarkan program mereka secara dalam talian.

Berikutan pelancaran EPP ini, KPT juga mengeluarkan surat pekeliling kepada semua universiti sektor awam untuk menggalakkan penggunaan platform MEdO. Universiti-universiti awam digalakkan untuk meletakkan sekurang-kurangnya dua program di platform ini.

Selain daripada program universiti tempatan, MEdO juga menawarkan program oleh *DLC Worldwide* (pakar pembekal pengajian jarak jauh terkemuka United Kingdom dalam logistik, pembelian dan rantaian penawaran), Institut Perbankan Islam dan Kewangan Malaysia (IBFIM), Kolej Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur (KLIUC) dan Institut Insurans Malaysia (MII).

Sehingga bulan November 2012, MEdO telah menawarkan 24 program yang terdiri daripada Sarjana Muda, Sarjana dan PhD untuk pensijilan profesional dalam bidang pendidikan, pentadbiran perniagaan, pengurusan dan logistik.

Pencapaian dan Cabaran

AeU telah menandatangani memorandum persefahaman dengan lima universiti tempatan pada tahun 2012 untuk melancarkan program-program di portal MEdO. Ini termasuk Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Walaupun mengalami kemajuan yang memberangsangkan, EPP ini menghadapi cabaran struktur utama dari segi pengambilan perlahan daripada universiti awam. Sebagai contoh, universiti awam kekurangan sumber untuk menterjemahkan kandungan daripada bilik kuliah tradisional kepada format digital yang berkaitan. Di samping itu, kekurangan ganjaran dan sokongan kewangan tidak menggalakkan penglibatan pensyarah. Terdapat juga kebimbangan mengenai kualiti dan kebertanggungjawaban ke atas latihan pelajar dalam format digital yang melambatkan penggunaan.

Untuk memudahkan pendigitalan kandungan untuk platform MEdO, AeU akan membangunkan modul generik digital yang boleh disesuaikan oleh universiti sebagai sebahagian daripada kandungan program mereka.

Langkah Seterusnya

Pada tahun 2013, MEdO akan meningkatkan usaha sama dengan rakan-rakan pendidikan antarabangsa untuk menampung pendidikan sepanjang hayat dan profesional sebagai satu cara untuk meningkatkan pendapatan masa depan. Untuk mengelakkan pertindihan dan duplikasi dengan usaha KPT, EPP ini akan menyatukannya dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara KPT kerana kedua-dua inisiatif mempunyai tujuan yang sama, iaitu mengeksport pendidikan Malaysia melalui platform dalam talian dan kedua-duanya diketuai oleh AeU.

Membangunkan Pusat Pendidikan Kewangan dan Perniagaan Islam

Walaupun dengan status Malaysia sebagai sebuah pusat kewangan Islam terkemuka, negara kita masih lagi ketinggalan sebagai pembekal pendidikan Kewangan dan Perniagaan Islam. Kurangnya kesepakatan di peringkat kebangsaan tentang apa yang harus membentuk standard kurikulum bagi pendidikan Kewangan dan Perniagaan Islam telah menghalang Malaysia daripada mendapatkan pengiktirafan di peringkat antarabangsa, yang merupakan kunci untuk mendapatkan akses yang lebih besar dalam pasaran utama di Timur Tengah.

Pencapaian dan Cabaran

Bank Negara Malaysia (BNM) dan UIAM telah menubuhkan Pasukan Petugas EPP7, sebuah konsortium yang bertujuan menetapkan tahap standard minimum dalam pendidikan Perbankan dan Kewangan Islam. Pasukan Petugas EPP7 telah melancarkan satu kurikulum baru dan pasukan petugas latihan pada 18 September 2012 semasa Forum Kewangan Islam Global.

Pasukan petugas terdiri daripada KPT, BNM, Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF), Institut Kewangan Asia (AIF) dan universiti-universiti tempatan yang diketuai oleh UIAM.



Rafe Haneef, Ketua Pegawai Eksekutif HSBC Amanah Malaysia Bhd berucap di Bengkel Kurikulum EPP 7 pada 8 Disember 2012 di Pan Pacific KLIA yang kini dikenali sebagai Hotel Sama-Sama

Pada bulan Disember 2012, satu bengkel telah diadakan untuk membangunkan rangka kerja kurikulum standard bertaraf antarabangsa bagi pendidikan Kewangan Islam. Rangka kerja tersebut meliputi lima domain pendidikan Kewangan Islam iaitu, Ekonomi Islam, Undang-undang Syariah, Perbankan dan Kewangan, Pengurusan Islam dan Perakaunan Islam.

Langkah Seterusnya

EPP ini bertujuan untuk meningkatkan bilangan pelajar yang mendaftar dalam institusi pendidikan Kewangan Islam kepada 54,000 pelajar menjelang tahun 2020 daripada 6,000 pelajar yang tercatat buat masa ini. Ia juga bertujuan memastikan bahawa 80 peratus daripada graduan boleh diambil bekerja menjelang tahun 2015. Angka terkini mencatat 64.8 peratus. EPP ini juga bertujuan untuk membangunkan Malaysia sebagai hab bagi pendidikan Kewangan dan Perniagaan Islam.

Walaupun bagaimanapun, untuk mencapai sasaran ini akan memerlukan transformasi utama amalan tempatan. Pertama, pembangunan kurikulum berdasarkan standard antarabangsa yang menyediakan graduan untuk memenuhi keperluan industri kewangan Islam global adalah penting.

Pasukan Latihan dan Kurikulum Pasukan Petugas EPP7, yang diketuai oleh UIAM bersama UUM, Universiti Teknologi Mara (UiTM), USIM, Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) dan beberapa institusi bertaualiah lain sedang bekerjasama untuk membangunkan satu kurikulum standard yang diiktiraf di peringkat global.

Usaha ini disokong oleh MQA KPT, yang bertanggungjawab terhadap pembangunan standard tempatan minimum untuk pendidikan Kewangan Islam. Selari dengan usaha-usaha akademik, BNM bersama-sama dengan AIF dan Persatuan Profesional Kewangan Islam Bertaualiah (ACIFP) juga mengusahakan inisiatif untuk memastikan bahawa siswazah Malaysia dalam bidang perbankan dan kewangan Islam diterima baik dalam pasaran global.

EPP 8

Membangunkan Kluster Disiplin Sains Kesihatan

Ditubuhkan pada tahun 2010, EPP ini mensasarkan untuk mewujudkan satu kluster institusi dan peserta industri untuk meningkatkan kualiti dan bilangan profesional kesihatan di Malaysia dan Asia Tenggara. Di samping itu, kluster ini bertujuan untuk membantu menyelesaikan masalah tempat mengajar yang tidak mencukupi di hospital dengan konsortium sektor swasta menyediakan penyelesaian. Sebagai sebahagian daripada EPP ini, inisiatif Kluster Kesihatan Premium UCSI di Bandar Springhill telah memasukkan pembangunan sebuah hospital pengajaran untuk menyediakan praktikum bagi pelajar sains kesihatan.

Disebabkan perubahan dalam landskap pendidikan sains kesihatan dan lebihan penawaran semasa pelajar perubatan dan kejururawatan, terdapat keperluan untuk memberi tumpuan kepada menyediakan graduan bagi bidang-bidang khusus dalam industri di mana kurangnya bakat yang mencukupi, contohnya pembekal penjagaan geriatrik dan pakar perubatan peremajaan.

Pencapaian dan Cabaran

Penubuhan Kluster Kesihatan Premium UCSI di Bandar Springhill, Negeri Sembilan pada tahun 2012, yang termasuk pembangunan sebuah hospital pengajaran adalah bertujuan untuk menyelesaikan isu tempat praktikum yang tidak mencukupi di hospital-hospital awam. Menurut pandangan Kementerian Kesihatan (KKM), institusi pendidikan sektor swasta perlu menyelesaikan kekurangan tempat praktikum melalui cara lain dan bukannya terus menggunakan tempat praktikum yang terhad di hospital-hospital Kerajaan.

Kluster Kesihatan Premium merangkumi pembangunan empat fasa: hospital pengajaran, sekolah antarabangsa, fakulti perubatan dan pusat konvensyen. Sekolah Antarabangsa UCSI memulakan operasi pada September 2012 dan menawarkan program International Baccalaureate untuk peringkat rendah sehingga diploma.

Cabaran utama kluster ini terletak kepada lebih penawaran ahli profesional sains perubatan, khususnya doktor, yang telah membuatkan KKM bertindak mengeluarkan moratorium untuk lesen kolej perubatan baru. Pada masa yang sama, terdapat juga lebih penawaran jururawat di pasaran dan oleh itu tujuan asal EPP ini telah disemak semula untuk hanya memberi tumpuan kepada bidang sains perubatan yang mengalami kekurangan penawaran.

Langkah Seterusnya

EPP ini akan dikaji semula untuk memberi tumpuan hanya pada pengkhususan sains perubatan, seperti penjagaan geriatrik, yang kurang penawarannya tetapi menerima permintaan yang tinggi di Malaysia dan kawasan serantau. Berkenaan dengan projek Bandar Springhill UCSI, adalah dijangka bahawa fakulti perubatan di kampus Cheras UCSI akan berpindah ke kampus baru Springhill pada akhir tahun 2014 manakala hospital pengajaran disasarkan beroperasi menjelang tahun 2015 dengan 800 katil.

EPP 9

Membangunkan Kluster Disiplin Kejuruteraan Lanjutan, Sains dan Inovasi

Kepompong akademik di universiti boleh mengukuhkan pengasingan, menjadikan penyelidik kurang berkemungkinan bekerjasama dengan industri dan pelabur untuk menjalin kerjasama antara disiplin dan mengkomersialkan penyelidikan. Ia menjadi satu tugas yang sukar dengan kekurangan sumber penting seperti kemudahan canggih dan hubungan dan sokongan industri untuk mengkomersialkan penemuan. EPP ini cuba untuk mengubah keadaan ini dengan membawa bersama penyelidik dan industri untuk meningkatkan kualiti penyelidikan yang akan membawa kepada lebih peluang pengkomersialan.

Pencapaian dan Cabaran

The Indus Entrepreneurs (TIE) Malaysia, Dana Endul (*Cradle Fund*), Agensi Inovasi Malaysia (AIM) dan Taman Teknologi Malaysia telah bekerjasama untuk memperkenalkan Program Pengkomersialan perintis *Lab2Market* (L2M) pada Mei 2012 untuk merangsang kebolehpasaran inovasi berpotensi tinggi dari universiti tempatan dan institusi penyelidikan.

Objektif inisiatif ini adalah untuk mengenal pasti inovasi berdaya maju komersil dalam kalangan universiti di Malaysia dan seterusnya memastikan bahawa penyelidik yang dipilih menerima mentor dan bimbingan untuk meningkatkan potensi pengkomersialan projek-projek mereka.

Dua kitaran Program Pengkomersialan L2M telah dijalankan pada tahun 2012. Sebanyak 72 projek yang dikemukakan oleh universiti-universiti awam dan institusi penyelidikan telah disaring oleh *Cradle Fund* dan AIM bagi kesediaan komersial.

Berikutan penyaringan, 32 projek telah dipilih untuk sesi penilaian, juga dikenali sebagai "*shark round*" oleh panel yang terdiri daripada individu-individu daripada sektor awam dan swasta. Pelabur berpotensi seperti *PE Funds* juga telah dijemput untuk mengambil bahagian dalam acara penilaian panel. Berikutan dua acara penilaian panel, 10 inovasi telah dipilih untuk bantuan pengkomersialan lanjut.

Salah satu penemuan utama daripada kedua-dua kitaran program L2M adalah bahawa ramai penyelidik berminat dalam pengkomersialan penyelidikan mereka, hanya jika pembiayaan dijamin. Unsur-unsur latihan dan potensi untuk penyertaan pelabur sering dilihat sebagai kurang penting oleh penyelidik berbanding dengan pengkomersialan ciptaan mereka.

Ini adalah satu kebimbangan kerana tujuan utama EPP ini adalah untuk melatih penyelidik membentangkan ciptaan terbaik mereka kepada pelabur berpotensi yang mungkin berminat dalam membawa produk tersebut memasuki pasaran.

Langkah Seterusnya

Pada tahun 2013, EPP ini akan menjalankan tiga kitaran Program Pengkomersialan L2M. Di samping universiti awam dan institusi penyelidikan, inovasi juga akan diperoleh daripada universiti swasta.



Pembentangan oleh Dr Yeong (penerima pembiayaan L2M) dari UTM untuk L2M Kitaran II pada October 2012

EPP 10


Membangunkan Kluster Disiplin Hospitaliti dan Pelancongan

NKEA Pelancongan merancang untuk mengembangkan sektor pelancongan tiga kali ganda menjelang tahun 2020 dan ini boleh dilengkapi dengan peningkatan yang sama dalam kakitangan hospitaliti. EPP ini merancang untuk meningkatkan penghasilan tahunan kakitangan hospitaliti kepada 50,000 orang menjelang tahun 2020, lebih daripada dua kali ganda daripada 20,000 orang pada tahun 2009. Dengan ini, jumlah graduan pemegang diploma dan ijazah perlu dipertingkatkan kepada 50 peratus daripada 13 peratus dalam tempoh yang sama.

Pencapaian dan Cabaran

Sejak pelancaran rasminya pada bulan Ogos 2011, Malaysia Centre for Tourism and Hospitality Education (MyCenTHE) telah menjadi juara EPP ini dan telah mempromosikan program Pembelajaran Berasaskan Kerja secara agresif.

Di samping kluster Sarawak yang diuruskan oleh UCSI University dan telah beroperasi sejak Mei 2011, MyCenTHE telah menubuhkan dan melancarkan kluster di Pulau Pinang, yang diketuai oleh KDU University College, pada bulan Jun 2012 dan satu lagi kluster di Sabah, yang diuruskan oleh INTI University College, pada Ogos 2012.



Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran Kementerian Sumber Manusia Dr Phang Chew Leong, Pengasas dan Pengerusi Kumpulan UCSI Dato' Peter Ng dan Pengerusi Pendidikan NKEA EPP 10 Profesor Madya Dr Wong Kong Yew melihat pameran sebelum pelancaran MyCenTHE di Putrajaya



Pelancaran MyCenTHE: (Dari kiri) Pengerusi Kumpulan UCSI Dato' Peter Ng, Menteri Pelancongan Dato' Sri Dr Ng Yen Yen, Menteri Pengajian Tinggi Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran Kementerian Sumber Manusia Dr Phang Chew Leong dan Pengerusi Pendidikan NKEA EPP 10 Profesor Madya Dr Wong Kong Yew

Kluster Johor, yang diketuai oleh KFCH International College, akan dilancarkan pada suku kedua 2013. Kini terdapat sejumlah 14,911 penuntut yang telah mendaftar dalam kluster-kluster tersebut. MyCenTHE telah berjaya mengumpul pakar-pakar yang berada di institusi-institusi berbeza untuk bekerjasama dan membangunkan program MQA bertauliah. Diploma dalam kursus Pengurusan Hotel sedang ditawarkan oleh kluster-kluster, manakala Diploma dalam kursus Kulinari sedang dimuktamadkan.

MyCenTHE juga telah menganjurkan Persidangan Antarabangsa Pendidikan yang pertama pada Ogos 2012, yang dilancarkan oleh KPT, dengan penyertaan daripada pakar-pakar pendidikan pelancongan dan hospitaliti terkenal dan pakar industri dari Malaysia dan seluruh dunia yang memberikan pandangan mereka mengenai penggunaan model Kerjasama Universiti-Industri (UIC).

Pendaftaran MyCenTHE dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) adalah penting supaya MyCenTHE menjadi satu entiti yang sah dari segi undang-undang dengan pengiktirafan untuk menjalankan aktiviti-aktivitinya dan menguruskan transaksi kewangan. Pendaftaran dengan ROS telah dilengkapkan pada 7 Disember 2012.

Selain itu, usaha telah diambil untuk mendapatkan pengiktirafan dari Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) untuk program Pembelajaran Berasaskan Kerja MyCenTHE, agar peserta industri boleh menuntut daripada KWPSM untuk membayar upah pelajar yang menjalani latihan praktikal.

Akhirnya, pelajar akan layak untuk mendapatkan pinjaman Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) untuk institusi pendidikan hospitaliti dan pelancongan berdaftar yang telah beroperasi sekurang-kurangnya dua tahun. Permohonan untuk pinjaman pelajar institusi pendidikan hospitaliti dan pelancongan berdaftar mesti mematuhi kriteria PTPK untuk pertimbangan.

Langkah Seterusnya

Menjelang tahun 2015, sasaran adalah untuk mempunyai 10 kluster dengan kluster masing-masing mempunyai kemasukan purata 3,000 orang pelajar. MyCenTHE juga akan memperluaskan program Pembelajaran Berasaskan Kerja dengan menawarkan kurikulum tambahan dalam seni kulinari, pelancongan, peruncitan dan pengurusan acara melalui kerjasama dengan institusi pendidikan vokasional dan masyarakat.

Iskandar Malaysia bertujuan untuk menjadi rantau yang paling maju di selatan Semenanjung, mewujudkan sebuah metropolis dinamik yang mengintegrasikan kehidupan, hiburan dan perniagaan. EduCity@Iskandar merupakan komponen penting dalam pembangunan turnkey ini dan bertujuan untuk menjadi hab pendidikan yang mantap bagi rantau ini menjelang tahun 2020, memenuhi sebahagian daripada agenda KPT dan KPM untuk menarik 200,000 orang pelajar antarabangsa yang disasarkan menjelang tahun 2020.

Sejak penubuhannya, EduCity@Iskandar telah menarik institusi-institusi terkemuka, iaitu *Newcastle University Medicine Malaysia (NUMed)*, *Netherlands Maritime Institute of Technology (NMIT)*, *Raffles University Iskandar*, *University of Southampton Malaysia (USMC)*, *Reading University Iskandar*, *Raffles American School* dan *Marlborough College Malaysia (MCM)*.

Kehadiran institusi-institusi pendidikan ini menyumbang ke arah aspirasi KPT menjadikan Malaysia sebagai hab jaringan pendidikan global di rantau ini manakala pada masa yang sama memberikan peluang kepada rakyat Malaysia untuk belajar di institusi terkemuka global pada kos yang jauh lebih rendah.



Marlborough College Malaysia (MCM) di EduCity@Iskandar

Pencapaian dan Cabaran

Pada tahun 2012, institusi-institusi yang telah bersetuju membuat pelaburan di EduCity@Iskandar telah memulakan operasi, iaitu MCM, *Raffles University* dan USMC. MCM memulakan kelas pada Ogos 2012 dengan 352 orang pelajar. Sekurang-kurangnya 95 peratus daripada jumlah orang pelajar adalah bukan rakyat Malaysia dengan majoriti berasal dari Amerika Syarikat, Australia, Britain, Kanada, India, Indonesia, Jepun, Thailand dan Singapura.



Pelajar-pelajar di Newcastle University Medicine Malaysia (NUMed)

Raffles University bermula operasi di kampus sementara, Menara Kota Raya pada bulan Mei 2012 dan menawarkan pelbagai program Sarjana Muda dan Sarjana dalam bidang seperti reka bentuk, pendidikan, psikologi, dan perakaunan. *Southampton University* memulakan operasinya pada bulan Oktober 2012 dengan program-program kejuruteraan, di mana dua tahun pertamanya akan diajar di kampus Malaysia dan dua tahun terakhirnya akan dijalankan di kampus United Kingdom.

Pada bulan September 2012, NUMed memulakan pengambilan ketiganya dengan jumlah 118 orang pelajar. Sekolah perubatan ini menjangkakan kemasukan 900 orang pelajar menjelang tahun 2017, daripada 100 orang pelajar semasa ia bermula pada tahun 2011.



Newcastle University Medicine Malaysia (NUMed) di EduCity@Iskandar

Kebanyakan institusi-institusi menghadapi pemprosesan lewat visa pelajar yang menjejaskan keupayaan mereka untuk merekrut pelajar antarabangsa. Di samping itu, beberapa institusi di EduCity bergantung sepenuhnya kepada pemegang biasiswa Kerajaan Malaysia, MARA dan FELDA untuk memenuhi sasaran jumlah pelajar mereka. Walau bagaimanapun, terdapat had kepada bilangan pemegang biasiswa dan dana biasiswa yang disediakan dan jangkaan untuk menyediakan pelajar untuk menyokong institusi-institusi ini telah meletakkan lebih tekanan kepada Kerajaan.

Langkah Seterusnya

Pembangunan akan diteruskan untuk institusi-institusi baru yang telah melabur di rantau EduCity@Iskandar, seperti *University of Reading*, yang menyasar untuk memulakan operasi pada tahun 2013. Penyelarasan lanjut proses imigresen akan dijalankan dengan pembentukan Perkhidmatan Global Pendidikan Malaysia (EMGS).

EMGS juga akan memainkan peranan penting dalam menyelaraskan inisiatif pemasaran antarabangsa bagi institusi-institusi swasta di Malaysia dalam usaha untuk mengurangkan pergantungan kepada pelajar biasiswa dan memastikan bahawa sasaran jumlah pelajar antarabangsa yang ditetapkan oleh KPT tercapai.



EPP 12

Menjuarai Pendidikan Malaysia sebagai Jenama Antarabangsa

Mobiliti pelajar antarabangsa di seluruh dunia dijangka meningkat tiga kali ganda kepada hampir enam juta menjelang tahun 2020 daripada 2.1 juta pada tahun 2003, yang menjadikannya penting untuk mentransformasikan Malaysia sebagai hab pendidikan global. EPP ini bertujuan untuk menjadikan ini satu realiti melalui pelbagai inisiatif seperti meningkatkan kesedaran mengenai peluang pendidikan di Malaysia, menarik minat lebih ramai pelajar dari negara-negara luar dan meningkatkan pengalaman pelajar antarabangsa di negara ini.

Untuk tujuan ini, Malaysia mensasarkan untuk menggandakan kemasukan pelajar asing kepada sekurang-kurangnya 200,000 orang dan peningkatan dalam yuran sekolah antarabangsa sebanyak kira-kira 50 peratus menjelang tahun 2020 sejajar dengan permintaan yang lebih tinggi untuk pendidikan di Malaysia.



Astaka Pelajaran Malaysia di Ekspo Gramedia, Surabaya, Indonesia menampilkan gerai pameran untuk sekolah-sekolah antarabangsa dan institusi pengajian tinggi

Pencapaian dan Cabaran

EMGS telah ditubuhkan pada tahun 2012 di bawah KPT sebagai sebuah syarikat yang dihadkan oleh jaminan dan berfungsi sebagai satu pusat sehati untuk memasarkan sektor pendidikan Malaysia untuk sekolah, institusi pendidikan tinggi dan pusat latihan teknikal dan vokasional, serta menguruskan perkhidmatan pelajar utama seperti pemprosesan visa dan kebajikan pelajar.

EMGS telah ditugaskan untuk bekerjasama dengan Imigresen bagi pihak KPM, KPT dan Kementerian Sumber Manusia untuk memperbaiki pemprosesan visa pelajar antarabangsa. Sehingga kini, EMGS telah bekerjasama dengan NAPEI untuk menganjurkan pameran bergerak pemasaran di Surabaya, Indonesia.

Pada masa dahulu, pelajar antarabangsa dibenarkan menukar visa Pas Sosial mereka kepada Pas Pelajar selepas membuat keputusan untuk tinggal di Malaysia untuk melanjutkan pelajarannya. Ini telah membawa kepada penyalahgunaan sistem. Oleh itu, Jabatan Imigresen telah menggantikannya dengan sistem satu peringkat yang memerlukan pelajar antarabangsa memohon pas pelajar mereka sebelum memasuki negara ini.

Walaupun perubahan dasar ini bertujuan untuk memberi perlindungan terhadap kes penipuan pelajar, ia juga telah memperlakan kemasukan pelajar antarabangsa kerana pelajar-pelajar gemar memilih untuk melawat institusi pendidikan berpotensi di Malaysia dahulu sebelum membuat pilihan akhir mereka.

Di samping itu, wujudnya cabaran dalam mengintegrasikan data dalam sistem e-Pelajar KPT yang digunakan oleh institusi pengajian tinggi dan MylmmS (*Malaysian Immigration System*), yang telah

dilaksanakan pada tahun ini. Sebuah jawatankuasa kerja telah ditubuhkan oleh Jabatan Imigresen untuk menangani isu ini.

Langkah Seterusnya

Pada tahun 2013, EMGS akan memainkan peranan penting bekerjasama dengan Jabatan Imigresen untuk menyelaraskan proses permohonan Pas Pelajar serta untuk menangani isu-isu yang berkaitan dengan Sistem e-Pelajar dan MylmmS.

EMGS juga akan bertanggungjawab untuk pemasaran pendidikan Malaysia dan memastikan bahawa pengalaman pelajar antarabangsa di Malaysia adalah lebih baik jika tidak, setanding dengan di *United Kingdom* dan *Australia* – kampus-kampus institusi-institusi asing yang telah melabur di negara ini.



Gambar Kumpulan yang menampilkan peserta-peserta di Pameran Pendidikan Surabaya. Diduduki di tengah (keenam dari kanan) adalah Pn Yahurin Mohd Yassin, Pengarah/Kaunselor Pusat Promosi Pendidikan Malaysia di Jakarta. Di sebelah kanan beliau ialah En Yazid Abdul Hamid, Ketua Pegawai Eksekutif Pelajaran Malaysia Global Services (EMGS). Berdiri di belakang mereka adalah Profesor Madya Elajsolan Mohan, Presiden NAPEI

EPP 13

Memperkenalkan Perkongsian Awam-Swasta bagi Pendidikan Asas

Di bawah pelan untuk mentransformasikan TEVT di sekolah-sekolah Malaysia, KPM mensasarkan untuk meningkatkan bilangan pelajar yang mendaftar di sekolah-sekolah menengah yang kemudiannya akan meneruskan pendidikan TEVT kepada 10 peratus pada tahun 2015 berbanding dengan lima peratus pada masa ini.

Untuk meningkatkan jumlah pelajar, KPM merancang untuk bekerjasama dengan sektor swasta untuk membeli kerusi di sekolah-sekolah teknikal dan vokasional swasta di mana programnya adalah sangat teknikal dan memerlukan peralatan khusus dan mahal. Dalam hal ini, KPM telah memanggil tender untuk membeli kerusi di institusi-institusi TEVT bagi program yang sangat khusus seperti penerbangan dan mekatronik.

Pencapaian dan Cabaran

Satu perkongsian awam-swasta (PPP) telah ditubuhkan pada bulan Ogos 2012 bagi pendidikan menengah vokasional. Di sini, Malaysian Aviation Training Academy (MATA) telah menandatangani perjanjian dengan KPM untuk melatih 100 pelajar bagi diploma penyelenggaraan pesawat. Pada bulan

Disember 2012, satu lagi PPP dengan Malaysian Institute of Technology Academy (MIT) telah ditubuhkan di mana 75 orang pelajar telah dihantar untuk mempelajari mekatronik.

KPM telah menerima beberapa cadangan untuk PPP, termasuk rancangan daripada sektor swasta untuk mengendalikan sekolah yang menerima kurang kemasukan dan build-operate-transfer (BOT) sekolah TEVT untuk KPM. KPM kini sedang menilai implikasi kewangan dan operasi cadangan-cadangan ini.

Buat masa ini, KPM terbuka untuk membeli kerusi di sekolah-sekolah teknikal dan vokasional swasta serta bekerjasama dengan badan-badan yang diterajui industri seperti Persatuan Hotel Malaysia dan rakan-rakan industri untuk mengukuhkan kurikulum dan penyampaian program TEVT dalam sekolah teknikal dan vokasional milik KPM.

Langkah Seterusnya

KPM telah memperuntukkan RM34 juta pada tahun 2013 untuk membeli lebih banyak kerusi di institusi TEVT swasta dan merancang untuk membeli kerusi di institusi TEVT swasta untuk kanak-kanak istimewa.

EPP 14

Membangunkan Pusat Pembangunan Permainan

Pasaran permainan global mencecah paras AS\$70 bilion pada tahun 2010 dan dijangka berkembang pada kadar lapan peratus dalam tempoh empat tahun yang akan datang. Ini menyediakan peluang yang besar bagi Malaysia untuk memperkukuhkan keupayaan, meningkatkan kehadirannya dan meningkatkan jejak global dalam pembangunan industri permainan global.

Wawasan ini boleh direalisasikan dengan menjadi Pusat Pembangunan Permainan terkemuka di rantau Asia dengan reputasi sebagai inkubator untuk pembangun permainan berkualiti tinggi, kreatif dan berdikari sementara juga menarik pembangun permainan dan pelabur asing.

Bagi tujuan ini, Kluster Pembangunan Permainan, yang diketuai oleh KDU University College, telah diwujudkan pada tahun 2012 untuk mengumpulkan bersama-sama institusi pendidikan, peserta industri, pengawal selia, persatuan dan Kerajaan untuk membangunkan bakat dalam sektor ini.

Pencapaian dan Cabaran

KDU dan *Codemasters Studios Malaysia* menandatangani memorandum persefahaman pada Januari 2012 untuk bekerjasama dalam penciptaan kurikulum untuk pembangunan permainan yang memastikan pelajar yang lulus dari program ini cukup bersedia untuk pasaran kerja yang kompetitif.

Kluster Pembangunan Permainan MyGameDev 2020 telah dilancarkan pada Mac 2012 di mana kumpulan itu memutuskan untuk memberi tumpuan kepada dua bidang, iaitu mewujudkan kesedaran bagi Malaysia sebagai hab pembangunan permainan serta membangunkan bakat untuk memenuhi permintaan industri.



Pameran KDU di Pesta Fiesta Komik 2012

Beberapa pameran bergerak telah dijalankan untuk meningkatkan kesedaran peluang-peluang pendidikan dan kerjaya dalam pembangunan permainan di sekolah-sekolah awam seperti SM Damansara Jaya dan SM Subang Jaya di Selangor, yang mendapat sambutan positif daripada para pelajar.

Satu lagi acara kemuncak bagi tahun ini adalah pertandingan pembangunan permainan SieMyCity yang diadakan pada bulan November 2012, ditaja oleh Siemens. Di sini, pasukan pelajar telah ditugaskan untuk mewujudkan permainan yang berpangkalan di bandar Kuala Lumpur yang memberi tumpuan kepada unsur-unsur seperti pembangunan mampan dan pengurusan sumber. Pemenang pertandingan akan menerima hadiah wang tunai dan mendapat peluang untuk menghadiri kursus di *University of Berlin* mengenai pembangunan mampan. Pemenang akan diumumkan pada bulan Februari 2013.

Untuk meningkatkan kumpulan bakat dalam sektor ini, Program Pemecut tiga bulan MyGameDev 2020 Codemasters dimulakan pada bulan Oktober 2012 dengan matlamat melatih graduan dengan ilmu yang sesuai dengan aplikasi industri pembangunan permainan ini. Selepas itu, program *Train-the-Trainer* MyGameDev 2020 bermula pada bulan Disember 2012, yang memberikan tumpuan kepada meningkatkan keupayaan pensyarah di institusi pendidikan awam dan swasta.

Rakyat Malaysia, pelajar dan ibu bapa secara amnya tidak menyedari peluang-peluang pendidikan dan kerjaya dalam sektor ini yang cepat berkembang dan dinamik, oleh itu adanya keperluan untuk menganjurkan lebih banyak pameran bergerak dan pameran pendidikan.

Di samping itu, terdapat kekurangan pendidik yang berbakat dan mahir di institusi pendidikan, menjadikan ia penting untuk mendedahkan pensyarah-pensyarah pengajian tinggi kepada studio industri permainan, teknik, kaedah jaminan kualiti, peralatan penciptaan seni dan kemahiran.

Langkah Seterusnya

Kluster MyGameDev 2020 akan terus memberi tumpuan kepada meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan rakyat Malaysia serta terus bekerja untuk membangunkan bakat untuk industri. Inisiatif akan memberi tumpuan kerjasama selanjutnya di antara peserta industri dan institusi pendidikan awam dan swasta.



Contoh karya seni reka bentuk oleh pelajar KDU University College

EPP 15

Penubuhan Kampus Cawangan Universiti Luar Negara

Universiti luar negara telah menunjukkan minat yang semakin meningkat dalam menubuhkan kampus di Malaysia akibat daripada usaha-usaha oleh pelbagai agensi Kerajaan memasarkan Malaysia sebagai destinasi terbaik untuk perniagaan dan pendidikan dengan akses yang baik untuk rantau Asia Tenggara yang lebih luas. EPP ini bertujuan mendapatkan universiti luar negara untuk menubuhkan kampus mereka di Malaysia melalui kemudahan bantuan daripada kementerian dan agensi Kerajaan yang berkaitan.

Pencapaian dan Cabaran

Sebagai institusi pertama di bawah EPP ini, HWU menubuhkan kampus cawangan antarabangsa keduanya di Putrajaya, Malaysia pada tahun 2012. Universiti memulakan operasi pada September di tapak sementara di Putrajaya untuk program MBA, sambil kerja-kerja pada tapak kampus HWU 20,000 meter persegi bermula.

Kampus baru ini yang boleh menampung 4,000 pelajar, dijangka siap pada September 2014 dan akan menawarkan pelbagai program ijazah dan Sarjana dalam bidang perniagaan, tenaga, pembinaan, psikologi dan fesyen, antara lain. Sebagai sebahagian daripada pelan perniagaan mereka, HWU akan membuat pelaburan dalam penyelidikan pada tahun 2017/18 dengan sasaran 35 peratus daripada pendapatan universiti berpunca daripada penyelidikan.

Tiada cabaran utama telah dilaporkan untuk EPP ini sejak perlaksanaannya.

Langkah Seterusnya

Semua pihak yang berminat untuk menubuhkan kampus cawangan asing di Malaysia akan dipastikan untuk mengikuti garis panduan yang ditetapkan oleh KPT. Kementerian hanya membenarkan institusi terbaik ditubuhkan di negara ini.

EPP 16

Penubuhan Institusi Pendidikan Bukan Untuk Keuntungan

Di samping menubuhkan kampus cawangan universiti luar negara di Malaysia, terdapat juga permintaan untuk menubuhkan institusi pendidikan bukan untuk keuntungan di negara ini. EPP ini diwujudkan pada tahun 2012 untuk memenuhi keperluan ini.

Pencapaian dan Cabaran

Projek *Asian Women Leadership University* (AWLU) telah dicadangkan sebagai institusi seni liberal pertama di Malaysia, yang bertujuan untuk menarik wanita berbakat dari Asia dan Timur Tengah dengan biasiswa yang diberikan kepada individu-individu dari negara-negara yang mengalami konflik.

Projek ini telah ditubuhkan oleh usahawan sosial antarabangsa yang memberikan perkhidmatan profesional percuma dan termasuk usaha sama dengan *Smith College*, iaitu salah satu daripada tujuh kolej seni liberal untuk wanita di Amerika Syarikat.

Pada bulan Mac 2012, Kempen Global Private Fundraising untuk projek ini bermula di Malaysia, Amerika Syarikat, United Kingdom dan Hong Kong dan dana awal yang berjaya dikumpul ialah RM21 juta. Permohonan Lesen untuk menubuhkan institusi pendidikan telah dimulakan pada bulan Mei 2012 dengan KPT. Pada bulan Julai 2012, *Smith College* dan wakil Projek mengambil bahagian dalam bengkel pertama untuk perancangan kurikulum.

Pada bulan Ogos 2012, Yayasan AWLU Malaysia telah berdaftar sebagai syarikat yang dikecualikan cukai, syarikat bukan untuk keuntungan yang dihadkan oleh jaminan untuk memudahkan penubuhan AWLU di Malaysia. Ia akan bertindak sebagai entiti sah dari segi undang-undang yang akan memiliki aset AWLU dan mengutip derma yang dikecualikan cukai daripada rakyat Malaysia.

Langkah Seterusnya

Pasukan Projek AWLU membentangkan cadangan mereka kepada panel yang ditubuhkan oleh KPT pada 7 Ogos 2012, yang terdiri daripada institusi awam dan swasta tempatan sebagai sebahagian daripada proses permohonan pelesenan. Sehingga akhir tahun 2012, Projek masih menanti berita keputusan Kementerian.

PELUANG PERNIAGAAN

Peluang Perniagaan 1

Kluster Disiplin untuk Menyokong NKEA

NKEA Pendidikan bermula dengan EPP yang tertumpu kepada empat kluster disiplin – Kewangan dan Perniagaan Islam, Sains Kesihatan, Kejuruteraan Lanjutan dan Hospitaliti dan Pelancongan.

Pada tahun 2012, NKEA Pendidikan memberi tumpuan kepada kluster baru untuk teknologi animasi dan permainan, memberikan Malaysia peluang untuk bersaing dengan negara-negara seperti Korea Selatan, Singapura dan China.

Pada tahun 2013, akan wujud peluang untuk membangunkan kluster disiplin lain seperti Perakaunan atau Minyak & Gas, untuk menyokong permintaan modal insan dalam sektor-sektor ini.

Peluang Perniagaan 2

Pusat Kecemerlangan dalam Pembelajaran Bahasa

Peluang perniagaan ini mengambil kesempatan daripada kedudukan Malaysia yang unik sebagai sebuah negara pelbagai budaya, pelbagai bahasa dan sebagai destinasi pelancongan utama untuk membangunkan hab bahasa baru. Setakat ini, hanya terdapat sedikit permintaan untuk pusat bahasa baru dan tumpuan NKEA Pendidikan berpusat pada EPP sedia ada dan membangunkan peluang-peluang dalam bidang lain.

PEMANGKIN

Meningkatkan Kualiti melalui Pembaharuan Pengawalseliaan

Pemangkin ini bertujuan untuk meminda rangka kerja dasar sedia ada untuk menyediakan platform untuk semua kolej dan institusi sektor swasta untuk meningkatkan prestasi pencapaian pelajar. Salah satu cara untuk berbuat demikian adalah melalui *Malaysia Quality Evaluation System* (MyQuest). Dibangunkan di bawah bidang kuasa KPT, MyQuest telah menilai 210 kolej swasta yang layak untuk diaudit berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh Kementerian dan bersetuju untuk diaudit.

Dalam penilaian terbaru pada tahun 2012, 60 peratus daripada kolej-kolej swasta terbabit telah dinilai sebagai memuaskan atau lebih tinggi mengikut MyQuest dengan skor empat bintang dan ke atas. Kementerian telah mencadangkan bahawa kolej-kolej yang diberi taraf tiga bintang dan ke bawah melaksanakan program pembinaan keupayaan.

Berikutan keputusan penarafan tersebut, Kementerian merancang untuk bekerjasama dengan kolej-kolej swasta yang menduduki tempat yang lemah dengan membantu mereka meningkatkan kualiti dan prestasi mereka. Penarafan MyQuest juga akan digunakan sebagai titik rujukan dalam proses kelulusan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan permohonan untuk menaikkan taraf kolej ke status kolej universiti.

Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) adalah satu lagi kajian yang dijalankan oleh KPT yang menilai universiti dan kolej universiti. Pada bulan Oktober 2012, Kementerian Pengajian Tinggi telah mengeluarkan hasil penarafan SETARA yang ketiga. Keputusan menunjukkan 35 daripada 52 institusi yang dikaji mencapai Tahap Lima atau penarafan "Cemerlang". Daripada 35 buah institusi, 13 adalah universiti awam seperti Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sebanyak 16 buah institusi telah diklasifikasikan sebagai Tahap Empat atau "Sangat Baik" manakala satu mencapai Tahap Tiga atau status "Baik". Antara universiti Tahap Empat ialah *UCSI University* dan *HELP University*.

Penilaian ke atas institusi-institusi pendidikan tinggi yang dijalankan oleh Kementerian bertujuan untuk memastikan bahawa kualiti institusi-institusi pendidikan tinggi di Malaysia dikekalkan.

Anjakan ke arah Pembiayaan Sisi Permintaan dan Pembiayaan Berasaskan Prestasi

Objektif daripada pemangkin ini adalah untuk meningkatkan jumlah pembiayaan berasaskan permintaan melalui pelbagai inisiatif seperti skim bantuan yuran untuk prasekolah, dan pembiayaan berasaskan prestasi. Untuk TEVT swasta, dana tambahan telah diperuntukkan oleh PTPK dari tahun 2011 untuk memberikan pelajar lebih banyak peluang mengambil TEVT.

Pada tahun 2012, pengagihan dana melalui PTPK adalah berdasarkan kepada Penarafan Bintang yang dijalankan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, yang menilai prestasi institusi latihan swasta yang berdaftar dengan PTPK.

Juga pada tahun 2012, KPM telah bekerjasama dengan pembekal TEVT swasta melalui model perkongsian awam-swasta untuk membeli tempat di institusi TEVT swasta untuk menambah jumlah kerusi yang terdapat di sekolah-sekolah awam vokasional yang merupakan sebahagian daripada Program Transformasi Vokasional Kementerian.

Menghapuskan Rintangan Masuk bagi Pelajar Asing

Pemangkin ini memudahkan pertambahan pelajar antarabangsa dalam sektor pendidikan tinggi swasta, yang banyak membantu dalam memenuhi sasaran KPT 200,000 pelajar antarabangsa di Malaysia menjelang tahun 2020. Jawatankuasa PEMANDU NKEA Pendidikan telah bersetuju bahawa pelajar lepasan ijazah antarabangsa berprestasi tinggi di Malaysia akan diberi peluang bekerja di negara ini selepas tamat pengajian mereka.

Melalui usaha Talent Corp dan KPT, pelajar antarabangsa yang lulus dengan pencapaian akademik cemerlang dibenarkan untuk bekerja di Malaysia di mana bakat tersebut mempunyai permintaan yang tinggi untuk industri-industri strategik tertentu. Pada tahun 2012, NKEA memberi fokus kepada melicinkan proses imigresen, khususnya, pengeluaran pas visa pelajar bagi pelajar-pelajar antarabangsa, termasuk mengharmonikan Pas Pelajar dan Pas Ikhtisas yang sebelumnya dikeluarkan kepada pelajar TEVT dan memperbaiki proses-proses yang akan menggalakkan lagi pelajar antarabangsa untuk mengikuti kursus TEVT di Malaysia.

Mempermudahkan Urusan Perniagaan

Tumpuan pemangkin ini adalah untuk mempermudah proses penubuhan perniagaan institusi pendidikan swasta. Pada tahun 2012, sektor pendidikan swasta telah diliberalakan dan entiti asing dibenarkan mengendalikan perniagaan di Malaysia tanpa keperluan untuk mempunyai peratusan tertentu pemilikan Malaysia.

Ringkasan NKEA Pendidikan

	Sasaran 2020
Impak PNK Tambahan	RM31.8 bilion
Pekerjaan Tambahan	319,550

Sasaran kritikal untuk tahun 2013:

- Meningkatkan kemasukan di pusat penjagaan kanak-kanak dan prasekolah
- Pelaksanaan Sistem Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (SKPK); sistem penilaian sendiri dalam talian akan dilaksanakan pada tahun 2013 untuk prasekolah milik Kerajaan dan prasekolah milik swasta yang mengambil bahagian
- Menubuhkan sekurang-kurangnya satu kampus cawangan baru asing di Malaysia
- Melaksanakan inisiatif pemasaran yang diselaraskan untuk mencapai sasaran 110,000 pelajar antarabangsa di Malaysia di sekolah-sekolah antarabangsa, institusi pengajian tinggi dan institusi teknikal dan vokasional



Pertanian



Datuk Seri Haji Noh Omar

Menteri Pertanian
dan Industri Asas Tani

Bagi tahun ini, inisiatif Projek Permulaan (EPP) NKEA ini telah berjalan dengan lancar dan kita telah mencapai satu anjakan penting dalam usaha untuk mewujudkan industri perniagaan asas tani daripada sektor yang dahulunya hanya tertumpu kepada aktiviti pengeluaran. Sektor swasta, sama ada syarikat peneraju atau syarikat penyertaan yang telah pun dilantik bagi kebanyakan EPP, seterusnya berfungsi sebagai enjin utama perubahan dan pertumbuhan bagi industri perniagaan asas tani dan ekonomi secara amnya. Dengan pelaksanaan EPP, NKEA Pertanian bersedia untuk mencapai tambahan Pendapatan Negara Kasar (PNK) sebanyak RM28.9 bilion untuk membawa jumlah sumbangan PNK kepada RM49.1 bilion, serta mewujudkan 109,335 peluang pekerjaan menjelang tahun 2020.

Sehingga kini, kita berjaya mencapai 130 peratus daripada sasaran NKEA Pertanian untuk tahun 2012, di mana sektor swasta melabur sehingga RM8.9 bilion untuk melaksanakan projek-projek yang dikenal pasti di bawah EPP. Daripada 16 EPP di bawah NKEA ini, sepuluh telah memulakan pengeluaran, lima berada di peringkat pelaksanaan dan satu adalah dalam peringkat permulaan.

Walaupun terdapat beberapa cabaran dalam menggerakkan industri ini ke peringkat seterusnya daripada segi nilai dan sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), hasil daripada usaha melalui pelbagai inisiatif EPP ia pasti akan menjadi kenyataan dan melonjakkan kita ke hadapan dalam perjalanan transformasi ini. Kami sentiasa komited dalam usaha ini agar rakyat mendapat manfaat daripada inisiatif di bawah NKEA ini. Ini dapat disaksikan melalui usaha untuk membangunkan para petani, pekebun kecil dan pengusaha kecil dan sederhana (PKS) sepanjang rantai nilai, dengan mewujudkan peladang kontrak di bawah payung syarikat peneraju berkeupayaan tinggi dan menggalakkan penggunaan amalan pertanian yang baik bagi memastikan bahawa hanya makanan yang selamat dan berkhasiat diedarkan ke pasaran .

Gelombang transformasi pertanian akan terus diterajui oleh sektor swasta, manakala Kerajaan sebagai pemudahcara akan meneruskan usaha untuk membangunkan sektor ini agar impak ekonomi akan lebih menyerlah selaras dengan seruan "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".



PERTANIAN

Tumpuan NKEA Pertanian adalah untuk mentransformasikan sektor pertanian yang secara tradisionalnya dijalankan pada skala kecil dan berasaskan pengeluaran kepada industri perniagaan asas tani berskala besar yang akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan kemapanan. Konsep transformasi ini adalah berdasarkan model bersepadu dan berlandaskan permintaan pasaran yang memberi fokus kepada skala ekonomi dan integrasi rantai nilai.

Strategi transformasi terdiri daripada empat tema utama:

- Memanfaatkan kelebihan daya saing
- Menembusi pasaran premium
- Menyelaraskan objektif keselamatan makanan dengan meningkatkan PNK
- Penyertaan dalam rantai nilai pertanian serantau

Empat tema digambarkan dalam 16 EPP dan 11 Peluang Perniagaan (BO), yang telah direka untuk merangsangkan pertumbuhan dalam industri.

Peringkat pertama pelaksanaan pada tahun 2011 menyaksikan asas yang kukuh dibina melalui insentif yang direka untuk menarik penyertaan sektor swasta. Maka pada tahun 2012, usaha giat diadakan untuk menarik minat sektor swasta melalui insentif sedia ada untuk menjadi syarikat peneraju.

Antara pencapaian utama bagi tahun ini – Jabatan Perikanan Malaysia (DoF) telah melantik Lobster Aqua Technologies Sdn. Bhd. (anak syarikat kepada Darden Aquasciences) untuk membangunkan taman akuakultur udang karang bersepadu pertama di dunia di bawah EPP 4: Penternakan Akuakultur Melalui Sistem Sangkar yang Bersepadu. Taman yang dianggarkan bernilai RM 2.03 billion tersebut, dengan perancangan untuk dibina di Negeri Sabah, dijangka akan memberi rangsangan pendapatan yang ketara kepada industri akuakultur tempatan. DoF juga merekodkan kemajuan membanggakan apabila berjaya mencapai sasaran bilangan syarikat peneraju untuk dua EPP iaitu EPP 4: Penternakan Melalui Sangkar Bersepadu dan EPP 6: Mereplikasi Model Penternakan Akuakultur yang Bersepadu (IZAQ) untuk Menembusi Pasaran Udang Premium.

Kemajuan turut dicapai dalam usaha pembangunan dasar dan peraturan, serta usaha membangunkan produk makanan dan ubat-ubatan bernilai tinggi. Fokus ke atas kedua-dua bidang tersebut akan membantu untuk menjana pendapatan lebih tinggi bagi petani dan pengedar.

Sebagai contoh, enam syarikat peneraju yang telah dilantik untuk EPP 7 (Buah-buahan dan Sayur-sayuran untuk Pasaran Premium), akan dapat membantu membangunkan para petani kecil untuk berjaya memperoleh pensijilan Amalan Pertanian Baik.

Bagi pembangunan dasar dan peraturan, Jabatan Pertanian Malaysia (DoA) telah menyediakan draf Akta Benih dan sedang mengadakan mesyuarat perundingan dengan Jabatan-jabatan Negeri agar dapat mengemukakan draf akhir menjelang penghujung tahun 2013. Akta Benih bertujuan untuk mengawal selia kualiti benih yang akan dijual dan memastikan penyebaran benih berhasil tinggi untuk menghasilkan produk eksport pertanian berkualiti tinggi.

Setakat ini, prosedur insentif NKEA menyaksikan kelulusan untuk 107 syarikat, dengan komitmen pelaburan swasta sebanyak RM8.9 bilion untuk menjana RM13 bilion dalam PNK (46 peratus daripada sasaran 2020) dan secara terkumpul 55,936 pekerjaan (51 peratus sasaran keseluruhan menjelang 2020) pada akhir tarikh siap setiap projek. Pelaburan swasta yang diperuntukkan untuk EPP mengatasi pelaburan awam dengan nisbah 71 peratus kepada 29 peratus, melangkaui anggaran permulaan 60:40.

Terdapat beberapa pindaan dalam NKEA Pertanian pada tahun lepas dimana EPP 15: Menarik Pelaburan Asing ke dalam Bidang Bioteknologi Pertanian telah diserapkan ke Program Bioekonomi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada Mac 2012 dan akan dipantau seterusnya oleh MOSTI.

Di samping itu, Pasar Komuniti (PAKAR) EPP telah dipindahkan daripada NKEA Pemborongan dan Peruncitan ke NKEA Pertanian pada tahun 2012. EPP ini bertujuan untuk mengubah penawaran pelbagai pasar kejurangan seperti Pasar Tani, Pasar Malam, Pasar Minggu dan Pasar Tamu menjadi inisiatif yang lebih besar, yang dikenali sebagai Pasar Komuniti. Selain daripada memberi rakyat keselesaan lokasi yang lebih moden dan menawarkan kepelbagaian produk, PAKAR dijangka membantu meningkatkan pendapatan peniaga sehingga 30 peratus.

Petunjuk Prestasi Utama 2012

NKEA Pertanian		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #1	Jumlah ujian klinikal produk herba yang dijalankan (ubat-ubatan nutraseutikal/ kosmeceutical/botanikal)	5	4	80	●	80	●	0.5	●
	Jumlah bilangan ujian pra-klinikal yang dijalankan (Ubat-ubatan nutraseutikal/ kosmeceutical/botanikal)	5	8	160	●	100	●	1	●
	Jumlah bilangan penyelidikan prasyarat dimulakan di universiti dan institusi penyelidikan untuk syarikat-syarikat	15	19	126.67	●	100	●	1	●
	Penubuhan Taman Penanaman Herba di Pasir Raja dan Chegar Perah (Fasa 1)	100%	62%	62	●	62	●	0.5	●
	Jumlah hasil yang dijana daripada penjualan herba daripada 7 kluster herba di Pulau Pinang, Perak, Selangor, N. Sembilan, Melaka dan Johor ditubuhkan pada 2011 (RM)	1,000,000	1,058,572	105.86	●	100	●	1	●
EPP #2	Jumlah Pengeluaran produk EBN oleh premis yang berdaftar (MT)	100	122	122	●	100	●	1	●
	Jumlah bilangan premis berdaftar yang baru	3,000	2,745	91.5	●	91.5	●	0.5	●
	Jumlah bilangan premis EBN yang baru diiktiraf (SALT)	1,100	1,141	103.73	●	100	●	1	●
EPP #3	Tan rumpai laut kering yang dihasilkan (MT)	35,000	33,146	94.7	●	94.7	●	0.5	●
	Jumlah mini estet baru yang beroperasi	20	15	75	●	75	●	0.5	●
	Jumlah produk yang dimajukan daripada kegiatan Penyelidikan dan Pembangunan	15	23	153.33	●	100	●	1	●
	Jumlah tanah yang diwartakan untuk penanaman rumpai laut (MT)	3,000	2,718	90.6	●	90.6	●	0.5	●
EPP #4	Jumlah pengeluaran ikan ternak (MT)	30,258	32,900	108.73	●	100	●	1	●
	Jumlah bilangan sangkar yang beroperasi	1,000	950	95	●	95	●	0.5	●

(bersambung)

(sambungan mukasurat sebelum)

NKEA Pertanian		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #5	Jumlah bilangan lembu yang disenyawakan	8,500	7,650	90	●	90	●	0.5	●
	Jumlah konsepsi keseluruhan (AI) & kadar kehamilan (NM)	70%	28%	40	●	40	●	0	●
	Jumlah populasi lembu yang diintegrasikan ke dalam ladang kelapa sawit	15,000	12,821	85.47	●	85.47	●	0.5	●
	Jumlah pengeluaran bahan makanan yang lengkap (MT)	124,750	154,178	123.59	●	100	●	1	●
EPP #6	Jumlah pengeluaran udang (MT)	10,464	9,700	92.7	●	92.7	●	0.5	●
	Jumlah kawasan yang diperuntukkan bagi replikasi IZAQ (hektar)	1,000	1,344	134.4	●	100	●	1	●
EPP #7	Jumlah nilai eksport untuk buah-buahan premium dan sayuran (RM mil)	304	292	96.05	●	96.05	●	0.5	●
	Penubuhan kawasan baru untuk penanaman buah-buahan premium (hektar)	5,000	4,836	96.72	●	96.72	●	0.5	●
	Jumlah pelaburan oleh syarikat swasta (RM mil)	395	353	89.37	●	89.37	●	0.5	●
EPP #8	Jumlah pelaburan oleh syarikat peneraju (RM mil)	70	46	65.71	●	65.71	●	0.5	●
	Jumlah pendapatan daripada penjualan produk daripada penyertaan syarikat-syarikat (RM juta)	1	14	1,400	●	100	●	1	●
EPP #9	Jumlah tan beras wangi yang dikeluarkan (MT)	2,500	807	32.28	●	32.28	●	0	●
	Jumlah kawasan penanaman (hektar)	750	567.6	75.68	●	75.68	●	0.5	●
	Kegiatan Penyelidikan dan Pembangunan dijalankan untuk pengeluaran pelbagai jenis beras Jasmine dan Basmati dan pakej agronomik untuk kedua-dua jenis pada 2013	40%	40%	100	●	100	●	1	●
EPP #10	Jumlah kawasan tanah baru selepas digabungkan (hektar)	5,000	5,000	100	●	100	●	1	●
	Jumlah kawasan tanah yang diluluskan untuk infrastruktur	77	79.13	102.77	●	100	●	1	●
	Penyiapan pembinaan untuk infrastruktur saluran	20%	0%	0	●	0	●	0	●
	Hasil purata setiap hektar di kawasan yang digabungkan	6.75	6.43	95.26	●	95.26	●	0.5	●

(bersambung)

(sambungan mukasurat sebelum)

NKEA Pertanian		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #11	Jumlah kawasan tanah yang digabungkan (hektar)	1,540	1,250	81.17	●	81.17	●	0.5	●
	Penyelidikan dan Pembangunan yang dijalankan untuk memperbaiki pelbagai jenis benih tempatan yang akan ditanam di Batang Lupa	25%	20%	80	●	80	●	0.5	●
EPP #12	Jumlah bilangan lembu fidlot di ladang satelit	33,700	15,411	45.73	●	45.73	●	0	●
EPP #13	Jumlah susu segar yang dihasilkan daripada kluster di bawah NKEA (juta liter)	10	15	150	●	100	●	1	●
	Purata pengeluaran susu setiap ekor lembu bagi setiap laktasi daripada kluster di bawah NKEA (liter per hari)	15	12	80	●	80	●	0.5	●
EPP #14	Jumlah benih yang disahkan oleh CMDV	2,000	7,029	351.45	●	100	●	1	●
	Jumlah pengeluaran benih yang disahkan oleh CMDV (MT)	4,500	15,593	346.51	●	100	●	1	●
	Jumlah jenis benih diperakui yang dihasilkan melalui MAS	10	9	90	●	90	●	0.5	●
	Pembentukan Akta Benih	30%	24%	80	●	80	●	0.5	●
EPP #16	Jumlah hasil daripada pelaburan luar negara (RM juta)	42	47	111.9	●	100	●	1	●
EPP #17	Jumlah tapak PAKAR yang beroperasi pada akhir tahun 2012.	7	1	14.29	●	14.29	●	0	●
				130%		83%		63%	

Rajah 11.1

Kaedah 1 menunjukkan pencapaian KPI sebenar iaitu membenarkan pencapaian melebihi 100 peratus dilaporkan.

Kaedah 2 menunjukkan laporan pencapaian KPI yang dihadkan kepada 100 peratus.

Kaedah 3 menunjukkan laporan pencapaian paling mudah. Sasaran KPI yang telah dipenuhi atau melebihi diberi gred 1. KPI yang mencapai lebih separuh daripada sasarannya diberi gred 0.5, dan KPI yang kurang daripada separuh sasaran mereka diberi gred 0.

PROJEK PERMULAAN

EPP 1 Produk Herba Bernilai Tinggi

Menurut laporan 'Global Industry Analyst,' kenaikan permintaan antarabangsa terhadap ubat-ubatan berasaskan produk semulajadi di kedua-dua negara maju dan negara membangun akan mencapai USD 93.15 billion menjelang tahun 2015. Ini mewujudkan peluang yang besar kepada Malaysia, yang merupakan antara negara yang mempunyai biodiversiti terbesar di dunia untuk menjadi salah satu pembekal produk "nutraceuticals" semulajadi yang berkualiti dan bertaraf global.

Pelaburan dalam EPP ini memberi penekanan kepada peningkatan kualiti produk dan usaha pemasaran bagi memenuhi permintaan global bagi produk dan ubatan berasaskan botani. Ia bertujuan menambah baik rantai bekalan secara menyeluruh dengan memastikan bahawa terdapat bekalan bahan mentah yang mencukupi untuk aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang berkaitan disamping menjalankan ujian klinikal untuk menghasilkan produk herba bernilai tinggi yang diiktiraf.

Sebagai permulaan, EPP ini akan memberi fokus kepada lima jenis herba – Tongkat Ali, Misai Kucing, Hempedu Bumi, Dukung Anak dan Kacip Fatimah.

Bagi merealisasikan sasaran tersebut, Pejabat Pembangunan Herba Malaysia di bawah naungan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA) telah ditubuhkan pada tahun 2011 sebagai pemudahcara untuk memangkin pembangunan keseluruhan industri. Pejabat ini bertanggungjawab untuk menetapkan hala tuju strategik, serta menyelaraskan dasar-dasar dan peraturan-peraturan yang sesuai untuk merangsang pertumbuhan industri. Pejabat ini akan bekerjasama dengan kementerian dan agensi kerajaan yang berkaitan dalam industri herba untuk memastikan pembangunan industri ini adalah selaras dengan dasar-dasar berkenaan kesihatan dan kesedaran pengguna dalam penggunaan perubatan berasaskan botani.

Sebagai usaha untuk memastikan bekalan bahan mentah yang berterusan, Taman Penanaman Herba sedang dibangunkan di Pasir Raja, Terengganu dan Chegar Perah, Pahang oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

DoA juga telah melaksanakan projek perintis di 11 kawasan penanaman satelit untuk menggalakkan usaha petani kecil dan sederhana dalam penanaman herba yang dikenali sebagai kelompok penanaman herba. Kelompok tersebut tersebar di Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Pahang dan Kelantan.

Sementara itu, Kementerian juga telah membentuk lima kluster untuk menyelaraskan aktiviti R&D dalam kalangan institusi penyelidikan dan universiti penyelidikan. Kluster ini dikategorikan dalam lima bidang utama, iaitu penemuan, pengeluaran tanaman dan agronomi, pemiawaian dan pembangunan produk, kajian pra-klinikal & klinikal, dan pemprosesan teknologi. Inisiatif R&D ini juga termasuk pembangunan monograf untuk spesis herba Malaysia.

Di peringkat hiliran rantai bekalan, pihak Kementerian telah melantik lapan syarikat peneraju dengan jumlah 17 produk yang sedia menjalani ujian pra-klinikal dan klinikal untuk menerajui pemasaran dan penjenamaan nutraseutikal dan ubatan botani dengan data saintifik yang diiktiraf. Hasil ujian serta pematuhan kepada sijil dan piawai kesihatan antarabangsa akan membolehkan syarikat-syarikat untuk memasarkan produk tempatan yang tinggi nilainya ke pasaran antarabangsa.

Syarikat peneraju

Biotropics Malaysia Bhd

Novalab Sdn Bhd

Aning Resources Sdn Bhd

Natural Wellness Sdn Bhd

Natureceuticals Sdn Bhd

Bioalpha International Sdn Bhd

Phyto Biznets Sdn Bhd

The Mitomasa Sdn Bhd



Cawangan kedai Novalab di IOI Mall



Cawangan kedai Phyto Biznets di UTMFaces

Pencapaian dan Cabaran

Tempoh 12 bulan lepas telah menyaksikan beberapa pencapaian dalam bidang ini, di mana produk baru telah memasuki pasaran. Dua syarikat iaitu Novalab dan Natureceuticals telah memulakan langkah pertama dalam kajian klinikal untuk dua produk manakala empat syarikat lain - Aning Resources, Natureceuticals, Phyto Biznets dan Natural Wellness telah memulakan ujian pra-klinikal untuk lapan produk semula jadi untuk menentukan keberkesanan dan keselamatannya.

EPP ini juga menyaksikan lebih banyak penyelidikan dijalankan ke atas produk herba tradisional oleh universiti penyelidikan yang bekerjasama dengan syarikat-syarikat produk botani. Kira-kira 18 usaha kerjasama seumpamanya telah dijalankan pada tahun lepas untuk menghasilkan pelbagai data sokongan kepada industri. Pada masa yang sama, Jawatankuasa Monograf telah menghasilkan penerbitan monograf spesis herba tradisional Malaysia seperti Tongkat Ali.

Malaysia juga telah memohon untuk mendapatkan status 'OECD Mutual Acceptance Data' bagi pematuhan kepada standard makmal *Good Lab Practice* (GLP) dari pihak Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) dan telah diaudit oleh pasukan OECD pada November 2012. Keputusan akhir akan dimaklumkan pada awal tahun 2013. Setakat ini, tiga makmal tempatan telah dikenalpasti untuk dinaiktarafkan kepada status makmal GLP – Institut Penyelidikan Perubatan, SIRIM dan Perbadanan Bioteknologi Melaka.

Di peringkat hulu, pembangunan Taman Penanaman Herba seluas 327 hektar di Chegar Perah, Pahang dan 406 hektar di Pasir Raja, Terengganu telah bermula pada bulan Januari dan dijangka siap menjelang Julai 2013. Sementara itu, program kelompok herba yang dijalankan oleh DoA berjaya meningkatkan pendapatan keseluruhan 126 petani melebihi RM1 juta melalui penanaman produk yang disasarkan.

Antara cabaran yang dihadapi oleh EPP ini adalah penerimaan produk berasaskan herba oleh badan pengawalseliaan, industri dan pengguna. Syarikat peneraju di bawah EPP perlu memastikan kajian yang dijalankan dapat mematuhi garis panduan yang ditetapkan dan juga memberi penekanan yang lebih terhadap usaha pemasaran produk kepada pasaran tempatan dan global. Walau bagaimanapun, agensi-agensi yang terlibat akan berusaha untuk membantu dalam memastikan kajian yang dijalankan dapat berjalan dengan lancar dan mematuhi peraturan yang berkaitan.

Langkah Seterusnya

Pada tahun 2013, EPP ini akan meneruskan usaha untuk menggerakkan Malaysia mendaki rantai nilai tinggi untuk produk herba, dengan lima lagi produk baru bakal memulakan ujian pra-klinikal.

NKEA ini juga akan memberi tumpuan untuk menaikkan dua Peluang Perniagaan (BO) untuk menjadi EPP: BO 1 (Produk Nutraseutikal) dan BO 2 (Pegedar Asing) dengan tujuan memperluaskan senarai produk nutraseutikal bernilai tinggi dan juga mewujudkan pegedar di luar negara.

Inisiatif-inisiatif lain pada masa hadapan termasuk menyediakan tiga prototaip yang sedia untuk dikomersialkan daripada aktiviti kajian yang diluluskan di bawah Skim Geran Penyelidikan NKEA, penanaman herba bernilai tinggi di Taman Penanaman Herba di Chegar Perah dan Pasir Raja, dan memulakan pembinaan Taman Penanaman Herba di Durian Mentangau, Terengganu.

Selain daripada itu, sepuluh lagi monograf herba yang dikenal pasti akan diterbitkan manakala makmal sedia ada di SIRIM, Institut Penyelidikan Perubatan dan Perbadanan Bioteknologi Melaka akan menjalani audit sebagai makmal GLP dalam usaha untuk mengurangkan kebergantungan industri tempatan kepada makmal asing untuk menjalankan kajian praklinikal dan toksikologi.



EPP 2 Mengembangkan Pengeluaran Sarang Burung Walit

Malaysia merupakan salah satu pengeluar dan pengeksport terbesar sarang burung walit di dunia. Walaupun industri tempatan telah menyaksikan pertumbuhan yang stabil sebanyak 20 peratus setahun sejak awal tahun 2000-an, prospek masa depan industri ini masih tidak menentu disebabkan kurang pengawalseliaan, populasi hidupan yang semakin berkurangan dan penyelidikan yang terhad dalam meningkatkan produktiviti.

EPP ini yang diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), berusaha untuk meningkatkan pengeluaran hulu dengan penambahan 2,000 premis burung walit baru setiap tahun dan enam pusat pungutan serta pada masa yang sama membimbing industri untuk membangunkan produk hiliran yang bernilai tinggi. Inisiatif ini sedang dijalankan dimana empat syarikat telah melabur untuk membangunkan kilang pemprosesan sarang burung walit.

Syarikat peneraju

Golden Silver Processing Sdn Bhd

PT Swift Marketing Sdn Bhd

Yanming Resources Sdn Bhd

Duta Sialin Biotechnology Sdn Bhd

EPP ini juga berhasrat untuk meningkatkan usaha mengawalselia industri dan meningkatkan pengesanan melalui pendaftaran premis-premis sarang burung walit (EBN). Penggunaan sistem pengesanan akan meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan Amalan Penternakan Yang Baik (GAHP) dan Amalan Pengilangan Yang Baik (GMP) untuk premis burung walit dan kilang pemprosesan.



Sarang burung walit. Gambar diperolehi daripada Star Publications (Malaysia) Bhd

Pencapaian dan Cabaran

Pada bulan Mac tahun lepas, Golden Silver Processing telah membangunkan kilang pemprosesan baru untuk menghasilkan EBN di Klang. Sementara itu, Yanming Resources telah menyiapkan pengubahsuaian kilang pemprosesan baru pada bulan April yang memenuhi standard *Veterinary Health Mark*¹ (VHM). Kilang tersebut merupakan salah satu daripada 10 kilang yang diperakui VHM di Malaysia yang boleh mengeksport EBN ke China.

Sehingga bulan November, 2,745 premis burung walit baru telah berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar, mencapai 91.5 peratus daripada sasaran 3,000.

Cabaran terbesar yang dihadapi oleh EPP ini merupakan moratorium yang berlangsung selama lapan bulan terhadap eksport EBN ke China disebabkan isu keselamatan makanan. Beberapa siri perbincangan telah diadakan antara Kerajaan dan sektor swasta untuk merunding semula terma-terma dan syarat-syarat agar dapat mengeksport semula ke China. Protokol eksport akhirnya ditandatangani oleh MoA dan Kerajaan China pada 19 September, yang seterusnya membatalkan moratorium terdahulu. Usaha diteruskan agar kilang pemprosesan sedia ada dapat memenuhi sepenuhnya syarat di bawah protokol eksport tersebut.

Langkah Seterusnya

Untuk tahun 2013, 3,000 premis disasar untuk didaftarkan dengan DVS dan lebih banyak kilang pemprosesan akan diwujudkan. Langkah ini akan membantu meningkatkan jumlah premis yang baik agar produk keluaran dapat memenuhi syarat eksport oleh Kerajaan Republik Rakyat China. DVS turut menyasarkan 2,500 premis burung walit mendapat pensijilan Sijil Amalan Ladang Ternakan pada tahun 2013.

¹ Pensijilan VHM adalah standard kualitatif yang ditadbir oleh agensi kerajaan tempatan

EPP 3

Estet Pertanian Mini untuk Rumpai Laut

Penekanan utama EPP ini, yang diterajui oleh DoF adalah untuk membangunkan industri rumpai laut menjadi perniagaan yang bernilai tinggi pada skala komersial. Dengan mewujudkan estet mini rumpai laut di bawah inisiatif ini, hasil dan jumlah pengeluaran rumpai laut dijangka meningkat kepada 150,000 tan metrik menjelang tahun 2020, berbanding 13,500 tan metrik pada tahun 2010.

Konsep estet mini ini menambah baik kaedah pengeluaran melalui pendekatan teknologi intensif yang berasaskan pendekatan pertanian di darat yang intensif teknologi. Penekanan akan diberikan kepada pengukuhan infrastruktur hiliran dan usaha R&D dalam pemrosesan rumpai laut kering menjadi produk yang bernilai tinggi (seperti: *semi-refined carrageenan* dan *alkaline treatment chips*) serta meneroka dengan lanjut kegunaan lain bagi rumpai laut.

Syarikat peneraju

Pertubuhan Peladang Kawasan Semporna

Avanova Group Sdn Bhd

Perdana Seaweed Farm

SALS Agriculture

NIZH Goodwill Sdn Bhd

VC United Sdn Bhd

Madesjaya Sdn Bhd

Sebangkat Reef Eco-Plant

UMS Link Sdn Bhd

Ko-Nelayan Negeri Sabah

Kluster Look Butun

Kluster Gelam-Gelam

Kluster Koperasi Bajau Laut

Kluster Kuala Merotai

Permata Sekitar Sdn Bhd



Rumpai laut. Gambar diperolehi daripada BERNAMA Images

Pencapaian dan Cabaran

11 estet mini dan empat kelompok yang diluluskan pada tahun 2011 telah memulakan usaha untuk mendapatkan kawasan bagi operasi perladangan mereka di Semporna, Sabah. Pada Januari tahun lepas, syarikat peneraju Permata Sekitar bersetuju untuk mengembangkan projek pertanian rumpai laut di perairan laut dalam di Semporna juga.

Walaupun inisiatif di bawah EPP ini secara amnya berkembang dengan lancar, tuntutan bertindih ke atas kawasan yang 'diwarisi' di perairan Sabah menyukarkan pembahagian kawasan dan pembinaan estet mini. Sambil menunggu kelulusan muktamad pembahagian kawasan, platform secara mudah alih disediakan sebagai langkah jangka pendek.

Langkah Seterusnya

Permulaan operasi untuk 11 estet mini dan empat kelompok dijangka meningkatkan jumlah pengeluaran nasional rumpai laut kepada 50,000 tan metrik (MT) daripada pengeluaran semasa sebanyak 35,000 MT. Pasukan pelaksana projek juga menyasarkan pengeluaran sebanyak 8,640 MT produk *alkaline treatment chips* dan *semi-refined carrageenan*.

Untuk terus merangsang pertumbuhan industri pertanian rumpai laut, Kerajaan Negeri Sabah telah merancang untuk mewartakan 3,000 hektar kawasan baru untuk penanaman rumpai laut. Sementara itu, tiga buah universiti – Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Sains Malaysia (USM) akan mengkomersialkan lapang produk berasaskan rumpai laut.



Penternakan Akuakultur Melalui Sistem Sangkar yang Bersepadu

Pelaksanaan inisiatif penternakan sangkar bersepadu oleh DoF di bawah EPP ini berhasrat untuk meningkatkan pengeluaran spesis ikan bernilai tinggi seperti siakap, kerapu, tilapia serta udang karang kepada 28 peratus daripada jumlah pengeluaran akuakultur nasional menjelang tahun 2020.

Syarikat peneraju akan menguruskan operasi ladang dan menyediakan perkhidmatan sokongan seperti latihan, dan penetapan prosedur operasi standard dan garis panduan kepada peladang kontrak. Proses-proses yang dikenal pasti oleh syarikat peneraju adalah bertujuan untuk mewujudkan pendekatan bersepadu dalam pengeluaran berskala besar sepanjang rantaian nilai pengeluaran iaitu dari penetasan baka sehingga pemprosesan hasil ternakan.

Pencapaian dan Cabaran

Tempoh 12 bulan lepas merupakan tempoh yang sibuk bagi pasukan pelaksana projek EPP ini. Pelaburan utama di bawah EPP ini adalah perjanjian yang termeterai dengan Lobster Aqua Technologies, sebuah syarikat usahasama dengan gergasi industri makanan di Amerika Syarikat iaitu Darden Inc. (Darden Inc. tersenarai di bawah Fortune 500). Projek tersebut dianggarkan bernilai lebih RM2 bilion. Lobster Aqua Technologies akan menternak udang karang di Semporna, Sabah.

Syarikat peneraju

Y.S Inno Fisheries Sdn Bhd

Trapia Malaysia Sdn Bhd

Plentiful Harvest Sdn Bhd

Prima Bumisetia Sdn Bhd

Darvel Bay Hybrid Aquaculture Sdn Bhd

Organic Aquaculture Sdn Bhd

Lobster Aqua Technologies Sdn Bhd

Pada 9 Julai, Trapia Malaysia menandatangani perjanjian untuk pembelian sangkar ternakan ikan bagi 20 usahawan yang dilatih oleh DoF bersama Lembaga Pertubuhan Perikanan melalui modul Penternakan Sinergi. Usahawan tersebut yang merupakan peladang kontrak akan menjual produk mereka kepada Trapia melalui perjanjian jaminan beli-balik.

Inisiatif untuk mengembangkan penternakan ikan kerapu hibrid juga menyaksikan kemajuan ketara dalam tahun 2012:

Syarikat	Lokasi	Aktiviti	Pelaburan
Plentiful Harvest	Sandakan and Lahad Datu	Pengembangan penternakan kerapu hibrid	RM73.6 million
Prima Bumisetia	Tuaran and Silam	Pengembangan penternakan kerapu hibrid	RM23.9 million
Darvel Bay Hybrid Aquaculture	Kunak	Pengembangan penternakan kerapu hibrid	RM17 million
Organic Aquaculture	Kota Tinggi, Johor	Pengembangan penternakan kerapu hibrid	RM9 million

Rajah 11.2: Progres syarikat peneraju EPP 4
Sumber: PEMANDU 2012

Salah satu cabaran utama yang dihadapi dalam EPP ini adalah untuk memastikan bahawa operasi syarikat peneraju di bawah EPP ini berjalan dengan lancar. Contohnya seperti pelaksanaan amalan akuakultur baik iaitu mengekalkan pH air yang tepat untuk pembiakan spesis ikan bernilai tinggi. Penambahbaikan yang berterusan akan dilaksanakan melalui NKEA untuk membolehkan pembangunan yang lancar dalam jangka masa panjang.

Langkah Seterusnya

Pengeluaran ikan dalam sangkar pada tahun 2013 dijangka berjumlah sebanyak 37,000 MT, peningkatan sebanyak 22 peratus daripada sasaran 30,258 MT yang dicatat pada tahun ini. Bilangan syarikat peneraju yang diperlukan untuk mencapai sasaran 2020 telahpun tercapai. Seterusnya, DoF akan memberi tumpuan kepada pemantauan dan memudahcara aktiviti syarikat peneraju sedia ada agar berjaya mencapai sasaran pengeluaran.

EPP 5

Penternakan Lembu di Ladang Kelapa Sawit

EPP ini, yang diterajui oleh DVS memberi tumpuan untuk meningkatkan tambahan 300,000 ekor lembu melalui aktiviti perternakan secara integrasi di ladang-ladang kelapa sawit besar menjelang tahun 2020. Sebagai sebahagian daripada proses integrasi, pemilik ladang akan melaksanakan program pembiakan lembu dan pusingan ragutan untuk lembu berlandaskan Amalan Penternakan Yang Baik (GAHP). Dua inisiatif tambahan telah dimasukkan di bawah naungan EPP ini di mana DVS akan melaksanakan program makanan ternakan untuk menambah pengeluaran makanan haiwan menggunakan sumber bahan tempatan bagi mengurangkan kos pengeluaran ternakan

yang semakin meningkat dan program pernian beradas dalam usaha menghasilkan baka lembu yang berkualiti tinggi.

Pada tahun 2012, DVS bersama PEMANDU mengiktiraf keperluan untuk mengintegrasikan bahagian hulu pengeluaran (iaitu penternakan lembu) dengan bahagian hiliran (iaitu mengeluarkan produk berasaskan daging lembu). Pendekatan baru, iaitu Rantaian Nilai Penuh bertujuan untuk memberi insentif kepada syarikat hiliran untuk berkecimpung dalam bahagian hulu pengeluaran dan sebaliknya melalui kerjasama bersama syarikat di bawah EPP 12 dan EPP 16.

Syarikat peneraju

FELCRA	Espek Livestock Sdn Bhd	Laka Temin Silaj Sdn Bhd
Aqil Berjaya Enterprise	Kulim Livestock Sdn Bhd	YPJ Plantation Sdn Bhd
Pertubuhan Peladang Negeri Johor	FELDA Plantation	Johor Corporation
Felda Farm Products Sdn Bhd	Sawit Kinabalu Sdn Bhd	Ladang Dafa Sdn Bhd
Nurinfra Mutiara Feedmill Sdn Bhd	Nakasia Dagangan Sdn Bhd	Kris Biotech Sdn Bhd
Rimbunan Hijau Sdn Bhd	Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority	Sarawak Plantation Agriculture Development Sdn Bhd
Ladang Rakyat Terengganu Sdn Bhd	Pertubuhan Peladang Negeri Pahang	Narajaya Enterprise
Ar-Raudhah Bio-tech Farm	VAM Incorporated	

Pencapaian dan Cabaran

Pada 22 Mei, sebanyak 17 syarikat yang beroperasi di 25 kawasan menandatangani perjanjian untuk mengintegrasikan tambahan 210 ekor lembu dalam ladang masing-masing. Dua syarikat pengeluar makanan ternakan juga telah dilantik untuk menerajui program makanan ternakan.

Ramai penternak berhadapan dengan masalah kadar kematian anak lembu yang tinggi akibat daripada ketidakpatuhan kepada amalan penternakan yang baik. Oleh itu, Jabatan mengenakan keperluan yang ketat untuk melantik syarikat peneraju yang sudah mempunyai berpengalaman dalam kegiatan penternakan lembu dan penjagaan anak lembu untuk melaksanakan EPP.

Untuk menangani kadar kematian lembu yang tinggi, Jabatan turut menawarkan insentif bagi usaha menjaga anak lembu sehingga dewasa dan beralih ke ladang fidlot.

EPP juga telah mengambil langkah untuk meningkatkan produktiviti lembu dengan penglibatan pakar untuk menasihati dan memperbaiki kelemahan rantaian pembiakan. Sehingga Jun 2012, tiga syarikat yang mempunyai kepakaran pernian beradas telah terlibat untuk membantu meningkatkan kadar pembiakan untuk menghasilkan baka yang berkualiti.

Halangan terbesar dalam melaksanakan EPP ini adalah kekurangan syarikat yang bersedia untuk mengambil bahagian diperingkat hulu pengeluaran daging lembu. Syarikat swasta tidak berminat untuk melibatkan diri dalam aktiviti hulu kerana kos dan risiko yang tinggi dan kadar pulangan yang agak rendah. Ini membawa kepada pelancaran EPP Ternakan: Rantaian Nilai Penuh. Sehingga kini, tiga syarikat peneraju - Ihsan Permata Sdn Bhd, Espek Livestock Sdn Bhd dan Felcra - telah dilantik pada bulan Oktober untuk membantu membangunkan pengeluaran daging lembu secara bersepadu dari peringkat ternakan lembu sehingga ke pemasaran daging lembu.

Langkah Seterusnya

DVS akan terus memantau projek ini bagi memastikan kejayaan di 25 tapak awal dan mempromosikan projek EPP Ternakan: Rantaian Nilai Penuh untuk menarik penyertaan sektor swasta. Pada tahun 2013, matlamatnya adalah untuk memastikan tambahan 17,300 ekor lembu diintegrasikan di ladang kelapa

sawit. Pada masa yang sama, sebanyak 5,400 ekor lembu menjalani program pernian beradas dengan kejayaan bunting sebanyak 70 peratus. Di bawah program makanan, Jabatan menyasarkan untuk meningkatkan pengeluaran makanan ternakan sebanyak 35,500 MT oleh syarikat peneraju.

EPP 6 Mereplikasi Model Penternakan Akuakultur yang Bersepadu (IZAQ) untuk Menembusi Pasaran Udang Premium

Diteraju oleh DoF, EPP ini memberi tumpuan kepada meningkatkan pasaran eksport pengeluaran udang dengan mewujudkan Model Zon Integrasi Akuakultur (IZAQ) yang terdiri daripada rangkaian zon perindustrian akuakultur. Setiap IZAQ yang dilaksanakan oleh syarikat peneraju termasuk infrastruktur bersepadu yang terdiri daripada pusat penetasan, kawasan pembesaran, sebuah kilang pemprosesan dan kilang makanan ternakan. Pekebun kecil dan PKS dijangka akan mengambil bahagian dalam projek ini melalui perladangan secara kontrak atau perjanjian perkongsian keuntungan bersama syarikat peneraju.

Taman akuakultur ini khusus untuk pengeluaran udang berkualiti tinggi dan menerima pensijilan sepenuhnya untuk pasaran premium. Sasaran menjelang tahun 2020 adalah untuk mewujudkan sebanyak 10,000 hektar IZAQ.

Syarikat peneraju
JEFI Aquatech Resources Sdn Bhd
Hannan Corporation Sdn Bhd
Pegagau Specialty Farming Sdn Bhd
Blue Archipelago Bhd
LKPP Corporation Sdn Bhd
Sunlight InnoSeafood Sdn Bhd
Asia Aquaculture Sdn Bhd
QL Aquamarine Sdn Bhd
KB Aquaculture Sdn Bhd
BioDesaru Sdn Bhd

Pencapaian dan Cabaran

Pada bulan Mac 2012, JEFI Aquatech Resources menyiapkan kilang pemprosesan dan kemudahan R&D di Pulau Pinang dengan pelaburan sebanyak RM90 juta. Syarikat tersebut dalam proses untuk menyiapkan kemudahan menternak udang di BIODESARU, Johor.

Pegagau Specialty Farming, kini sedang menubuhkan infrastruktur asas yang diperlukan untuk pengembangan penternakan di Kalabakan, Sabah. Sementara itu Hannan Corporation, sebuah syarikat menternak udang dan akuakultur, telah memulakan operasi di Selinsing, Perak.

Tempoh 12 bulan yang lepas juga menyaksikan dua syarikat dilantik sebagai syarikat peneraju untuk menternak udang di Sabah. QL Aquamarine dan KB Aquaculture telah dilantik pada bulan Jun dan Oktober. Kedua-dua syarikat tersebut akan melaksanakan projek ini di Kudat dan Kota Belud, Sabah.

Salah satu cabaran utama dalam projek ini adalah untuk mencari lokasi yang sesuai untuk menternak udang supaya tidak memudaratkan ekosistem alam di sekitar ladang ternakan. Selain itu, pembiakan udang adalah satu usaha yang sangat berisiko kerana krustasia adalah ternakan yang amat sensitif.

Perhalusan prosedur sedang dibuat di peringkat EPP untuk mengelakkan kelewatan pelaksanaan. Pelaksanaan EPP ini dijangka akan berjalan lebih lancar pada tahun 2013 hasil daripada penghalusan ini.

Langkah Seterusnya

Jumlah pengeluaran daripada syarikat-syarikat peneraju yang telah menyiapkan pembinaan dijangka mencapai 23,000 MT pada tahun 2013. Pembangunan syarikat-syarikat yang baru dilantik akan dipantau agar tidak berlaku kelewatan.

Jabatan akan berusaha ke arah menjadikan tiga Peluang Perniagaan (BO) akuakultur menjadi EPP. BO yang dimaksudkan ialah BO 3 (Ternakan Ikan Hiasan), BO 4 (Kilang Makanan Akuakultur) dan BO 5 (Pusat Eksport Akuakultur).



Kompleks Blue Archipelago

EPP 7

Buah-buahan dan Sayur-sayuran untuk Pasaran Premium

EPP yang diterajui oleh DoA ini bertujuan untuk menembusi pasaran eksport buah-buahan premium dan sayur-sayuran ke Timur Tengah dan Eropah. Negara-negara tersebut mengimport lebih daripada 50 peratus pengeluaran global buah-buahan tropika. Usaha giat dilakukan untuk meningkatkan pengeluaran buah-buahan tempatan yang berkualiti tinggi dan sayur-sayuran yang mematuhi standard keselamatan makanan. Untuk tujuan ini seramai 3,000 petani akan terlibat bersama syarikat peneraju, yang akan menguruskan model rantai bekalan secara bersepadu daripada pengeluaran sehingga ke peringkat eskport dan bertanggungjawab untuk menembusi pasaran antarabangsa. Enam jenis buah-buahan tropika tidak bermusim yang bernilai tinggi (iaitu *rock melon*, belimbing, betik, pisang, nanas dan nangka) dan tiga jenis sayur-sayuran tanah tinggi bernilai tinggi (iaitu salad, tomato dan capsicum) telah dikenal pasti sebagai sasaran pengeluaran di bawah EPP ini.

Pasukan projek merancang untuk memanfaatkan pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) yang sedia ada dalam usaha meningkatkan pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran tersenarai.

Syarikat peneraju

Exotic Star Sdn Bhd

K.C Kwang & Sons Sdn Bhd

JTP Trading Sdn Bhd

Fresh Momentum Sdn Bhd

Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (PASFA)

Far-East Import Export Sdn Bhd

Pencapaian dan Cabaran

Pada tahun 2012, DoA telah berjaya mewujudkan sebanyak 4,436 hektar tanah (34 peratus daripada sasaran 2020) untuk pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran premium. Sementara itu, Pertubuhan Peladang Negeri Pahang telah dilantik sebagai syarikat peneraju untuk pengeluaran nangka di Gambang, Pahang pada bulan Jun lepas. Manakala Far-East Import Export Sdn Bhd telah dilantik sebagai syarikat peneraju bagi pengeluaran buah-buahan premium di Temerloh, Pahang pada bulan November.

Berikutan penyertaan sektor swasta yang kurang memberangsangkan dalam program ini, DoA telah mengadakan perbincangan bersama industri pada bulan Oktober dan mencadangkan perubahan kepada insentif yang sedia ada, yang sebelum ini dianggap tidak mencukupi untuk menarik minat dan penyertaan sektor swasta. Cadangan tersebut telah diluluskan di peringkat Kementerian dan akan dilaksanakan pada tahun 2013.

Langkah Seterusnya

Sebagai salah sebuah syarikat peneraju, Exotic Star Sdn Bhd akan memperluaskan pengeluaran buah-buahan premium di TKPM dan menaik taraf kelengkapan pembungkusan mereka untuk memenuhi keperluan eksport. DoA juga akan bekerjasama dengan lebih banyak negeri untuk meningkatkan pengeluaran buah-buahan premium agar dapat mencapai jumlah nilai pasaran produk sehingga RM40 juta melalui tambahan 1,000 hektar tanah di TKPM yang sedia ada. Selain itu, Jabatan akan bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah untuk meneroka tanah baru untuk pengembangan operasi syarikat-syarikat swasta agar dapat meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar di bawah inisiatif *21st Century Village*.

Kementerian juga akan mengadakan rundingan dengan negara perdagangan yang sedia ada dan baru untuk membuka lebih banyak pasaran eksport bagi buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan bagi meningkatkan nilai jumlah eksport kepada RM400 juta. Untuk penyelarasan lebih baik proses antara pelbagai agensi yang terlibat dalam kelulusan tanah bagi tujuan pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran dan premium, pusat sehenti akan ditubuhkan di setiap negeri agar dapat memudahkan dan mempercepatkan permohonan.



TKPM Lanchang

Permintaan yang pesat untuk pasaran makanan sedia dipanaskan dan makanan sedia makan membentuk satu lagi platform bagi pengeluar tempatan untuk mengedarkan produk pertanian dengan nilai tambahan. Namun, industri makanan diproses tempatan yang terdiri daripada lebih 4,600 syarikat masih terkebelakang di mana 77 peratus mempunyai hasil pendapatan kurang daripada RM10 juta/tahun.

Untuk memperkasakan industri ini, inisiatif kawasan pengeluaran makanan bersepadu telah dicadangkan untuk menghasilkan hidangan sedia untuk dimakan yang dihasilkan oleh PKS dan dipasarkan melalui syarikat peneraju. Syarikat peneraju akan bertanggungjawab untuk mendapatkan pensijilan produk, pembungkusan, penjenamaan dan pemasaran. Syarikat-syarikat ini akan mewujudkan rangkaian pembekal pelbagai jenis makanan (bahan mentah, bahan atau produk akhir) di dalam kawasan pengeluaran makanan ini. Syarikat peneraju juga ditugaskan untuk menyatukan dan meningkatkan keupayaan pengusaha kecil melalui latihan perantis.

Syarikat peneraju

Rukun Saksama Sdn Bhd

Duria Resources Sdn Bhd

Pertubuhan Peladang Negeri Johor

Sunlight Seafood Sdn Bhd

Pencapaian dan Cabaran

Pada bulan Januari, Duria Resources telah dilantik sebagai syarikat penyertaan di bawah EPP ini. Duria menghasilkan produk berasaskan durian dijual di pasar raya tempatan dan di pasaran antarabangsa. Pada bulan September, syarikat ini memeterai perjanjian dengan rangkaian kedai runcit utama di negara China untuk membekalkan produk mereka.



Gedung Rukun Saksama menjual barangan PKS di Taman Pameran Agro Malaysia di Serdang



Barangan sedia-makan PKS di pasaran

Pada bulan Mac, Rukun Saksama memulakan operasi menjual pelbagai produk PKS tempatan di Malaysia Agro Exposition Park Serdang. Sementara itu, Sunlight Seafood telah dilantik sebagai syarikat penyertaan pada bulan Jun. Sunlight yang menghasilkan produk bernilai tambah daripada udang sedang beroperasi di Seri Manjung, Perak. Manakala, Pertubuhan Peladang Negeri Johor telah dilantik sebagai syarikat penyertaan yang keempat menghasilkan produk berasaskan ayam di wilayah selatan Semenanjung.

Meraih penyertaan lebih besar daripada syarikat-syarikat swasta telah menjadi satu cabaran tahun ini, kerana mereka tidak berminat berbuat demikian atas sebab kekurangan insentif. Sehubungan dengan itu, MoA telah bekerjasama dengan Agrobank untuk mewujudkan skim pinjaman mudah untuk syarikat-syarikat yang mengambil bahagian.

Langkah Seterusnya

Skim pinjaman mudah Agrobank akan dilancarkan pada tahun 2013 untuk menangani isu kekurangan insentif. Di samping itu, rangkaian perdagangan yang terdiri daripada semua syarikat-syarikat yang mengambil bahagian juga akan diwujudkan. Rangkaian diseluruh negara diharapkan dapat menggalakkan dan mengukuhkan jualan dan pemasaran semua produk yang dihasilkan oleh syarikat-syarikat yang mengambil bahagian. Ini secara keseluruhan dapat meningkatkan pengeluaran dan hasil produk dan mengurangkan pergantungan kepada pembeli luar negara. Pada tahun 2013, objektif Kementerian adalah untuk menarik pelaburan sebanyak RM70 juta oleh syarikat peneraju dan membantu syarikat sedia ada untuk menjana pendapatan sebanyak RM20 juta.

EPP 9

Penanaman Beras Wangi di Kawasan Bukan Jelapang Padi

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah membangunkan pelbagai varieti beras wangi baru (MRQ76 dan MRQ74) untuk memenuhi permintaan pasaran bagi beras berkualiti tinggi. Projek ini akan memberi tumpuan kepada penanaman beras wangi (contohnya jenis Jasmine dan Basmati) di kawasan tanpa kemudahan pengairan (bergantung kepada taburan air hujan) untuk meningkatkan purata hasil padi nasional.

Matlamatnya adalah untuk mengurangkan kebergantungan negara terhadap beras import serta menembusi pasaran beras organik premium. Dalam usaha untuk mencapai sasaran ini, syarikat peneraju akan dilantik untuk menjalankan aktiviti penanaman dan pengkomersialan varieti beras wangi yang dibangunkan oleh MARDI. Sementara itu, MARDI akan meneruskan usaha penyelidikan untuk terus membangunkan dan menghasilkan varieti padi baru.

Syarikat peneraju

Infoculture Sdn Bhd
Paddytech Resources Sdn Bhd
Bionic Agro Sdn Bhd
Birinbaru Enterprise

Pencapaian dan Cabaran

Infoculture, salah satu syarikat peneraju EPP, telah menanam 168 hektar dengan jenis MRQ74 dan menghasilkan beras sebanyak 413MT sehingga kini. Pada bulan April, Paddytech yang dilantik sebagai syarikat peneraju telah menanam di kawasan seluas 30 hektar dan berjaya menghasilkan 100 MT beras. Pada bulan Jun, Bionic Agro dan Birinbaru juga dilantik sebagai syarikat peneraju. Bionic Agro telah menanam 60 hektar manakala Birinbaru akan menanam 103 hektar bermula tahun 2013.

Bagi EPP ini, usaha mencapai skala penanaman yang optimum merupakan suatu cabaran kerana industri padi dipelopori oleh pekebun kecil yang sering kali tidak mengecapi keuntungan lumayan serta menerima subsidi secara berterusan. Usaha giat perlu dilaksanakan untuk mengenal pasti syarikat-syarikat yang berminat dan mampu mengusahakan penanaman padi pada skala komersial, membangunkan produk hiliran dan menembusi pasaran tempatan.

Langkah Seterusnya

Pada tahun 2013, MARDI menyasarkan keluasan bertanam sebanyak 750 hektar tanah dengan pelbagai varieti beras wangi untuk menghasilkan sebanyak 2,500 MT beras wangi. Untuk tujuan ini, MARDI akan meneruskan usaha untuk mengenal pasti lebih banyak syarikat peneraju bagi mengkomersialkan varieti beras wangi yang dihasilkan di samping membantu empat syarikat yang sedia ada dalam aktiviti pengeluaran dan pemasaran. MARDI juga akan meneruskan usaha-usaha R&D untuk menghasilkan varieti padi wangi baru serta pakej agronomi untuk menyokong pengkomersialan produk-produk ini.

EPP 10

Memperkukuh dan Menambah Baik Produktiviti Penanaman Padi di Kawasan MADA

Untuk menjamin bekalan makanan jangka panjang di Malaysia dan pada masa yang sama meningkatkan pendapatan penanam padi, EPP ini yang diterajui oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) menggalakkan pendekatan penanaman padi secara estet melalui pengurusan pusat di sekitar Muda. Usaha ini memperkenalkan skim penyatuan tanah seluas 50,000 hektar (51 peratus daripada jumlah 96,558 hektar) sawah padi menjelang tahun 2020. Di bawah skim penyatuan tanah, petani tradisional akan diberi insentif sekiranya membenarkan sawah mereka untuk diuruskan melalui skim pengurusan pusat.

Satu lagi inisiatif adalah untuk menggiatkan penggunaan teknologi di seluruh rantai pengeluaran industri padi dan beras seperti pengenalan varieti baru benih, penggunaan baja nano baru, penaiktarafan sistem pengairan dan penggunaan mekanisasi ladang pada skala yang lebih besar. Secara kolektif, inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan hasil padi kepada 8.0 MT/hektar menjelang tahun 2020 daripada 5.0 MT/hektar.

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan BERNAS sedang memuktamadkan penubuhan sebuah badan fungsi khas untuk melaksanakan inisiatif ini dalam usaha untuk menguruskan keseluruhan rantai nilai industri daripada pengeluaran benih padi sehingga jualan beras. Kerjasama ini dijangka akan memangkinkan perkembangan industri padi dengan pesat di kawasan Jelapang Muda yang juga merupakan 37.1 peratus daripada pengeluaran keseluruhan beras negara dan 24.1 peratus daripada jumlah keseluruhan kawasan penanaman beras di Malaysia.

Pencapaian dan Cabaran

Dalam tempoh 12 bulan yang lalu, kira-kira 3,028 petani telah bersetuju untuk menyertai skim pengurusan ladang berpusat di bawah MADA dalam mencapai sasaran tahunan sebanyak 5,000 hektar. Kerja ukur bagi tujuan pengambilalihan 79.13 hektar tanah bagi pembinaan infrastruktur pengairan tertier juga telah disiapkan dalam tempoh yang sama. Sementara itu,



Bendang sawah di kawasan Muda

tender untuk pembinaan infrastruktur pengairan bagi dua blok pengairan telah diselesaikan pada bulan November manakala kerja-kerja pembinaan telah bermula pada bulan Disember.

Disebabkan tanaman padi terdedah kepada serangan penyakit, faktor ini merupakan satu cabaran besar di bawah EPP ini untuk mencapai sasaran pengeluaran hasil sehingga 8.0 MT/hektar. Sebagai contoh, hasil padi pada permulaan projek untuk musim 2/2011 telahpun menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dengan anggaran pencapaian hasil purata sebanyak 6.75 MT/hektar tetapi wabak penyakit yang telah melanda sebelum musim menuai menyebabkan hasil purata menurun kepada 4.79 MT/hektar.

Langkah Seterusnya

MADA akan menyatukan sebanyak 5,000 hektar tanah yang seterusnya di kawasan Muda menjadikan jumlah keseluruhan tanah yang disatukan mencapai 15,000 hektar di bawah skim pertanian estet pada tahun 2013. Tanah yang disatukan kemudian akan dikendalikan melalui pengurusan pusat agar dapat meningkatkan pendapatan tahunan peserta sehingga 5 peratus. Pembinaan infrastruktur untuk tujuh (7) blok pengairan juga akan bermula di kawasan Tambun Tulang, Pendang, Kepala Batas, Kubang Sepat, Pengkalan Kundur dan Tajar.

EPP 11 Memperkukuh dan Menambah Baik Produktiviti Penanaman Padi di Kawasan Pengairan yang Lain

Pendekatan pertanian estet yang digunakan di daerah Muda akan direplikasi di tujuh Jelapang Padi lain di seluruh negara untuk meningkatkan produktiviti padi negara serta memastikan pendapatan yang stabil khususnya kepada petani tua yang bakal bersara daripada menanam padi. Skim ini juga akan dilaksanakan di kawasan yang dikenal pasti di Batang Lupar, Sarawak (5,100 hektar) dan di Kota Belud, Sabah (5,000 hektar). Di Sarawak, inisiatif ini akan melibatkan juga program tebatan banjir dan sistem pengurusan air sehingga peringkat tertier. Sementara itu, EPP ini juga akan menyaksikan perkembangan dalam program R&D untuk mengkaji toleransi kemarau dan rintangan terhadap perosak atau penyakit tanaman padi agar dapat meningkatkan hasil varieti padi tradisional.

Peneraju untuk EPP ini ialah Bahagian Padi dan Beras di bawah Kementerian dan melibatkan penyertaan pihak berkuasa pembangunan berikut: Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), IADA Barat Laut, IADA Seberang Perak, IADA Kemasin-Semarak, IADA Kerian Sg Manik, IADA Pulau Pinang, IADA KETARA, Kementerian Pemodenan Pertanian Sarawak (MOMA) dan Kementerian Pertanian dan Industri berasaskan Makanan Sabah (MAFI).

Pencapaian dan Cabaran

Sehingga kini, sebanyak kira-kira 1,250 hektar telah dijanjikan untuk menyertai skim penyatuan tanah di lima jelapang padi seluruh Malaysia (rujuk Rajah 11.3). Walau bagaimanapun, cabaran pada peringkat awal adalah untuk mendapatkan penyertaan petani dalam skim penyatuan tanah kerana mereka kurang yakin akan daya maju projek ini.

Langkah Seterusnya

Pada tahun 2013, sejumlah 5,400 hektar lagi akan disatukan di bawah pengurusan tujuh IADA, Kota Belud dan Batang Lupar. Berdasarkan model MADA di bawah EPP 10, setiap IADA akan memudahcara dan menggalakkan penyertaan pertubuhan koperasi petani untuk terlibat dalam pengeluaran produk hiliran bagi menjaga pulangan yang lebih baik kepada para petani.

Bil	Peneraju Project	Pelaksana Projek	Pencapaian (ha)
1	IADA Barat Laut Selangor	Parit 5 Sg. Besar	148
		Simpang 5, Sg. Nipah	147
		Tanjung Karang	132
2	IADA Kerian	Parit Gabis	118
		Batu 6/7	14
		Kg. Baru	144
3	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah	Kg. Taun Gusi Keranjangan	46
		Kg. Taun Gusi Padang	12
		Kg. Jawi Jawi	51
4	IADA Penang	PPK Kampung Pelet	147
		PPK Balik Pulau	81
5	IADA Seberang Perak	Rancangan Tanah Belia	210
Jumlah			1,250

Rajah 11.3 Pencapaian IADA pada tahun 2012

Sumber: MoA

*Keputusan penuh untuk KADA, KETARA dan IADA Kerian Sg Manik tidak dapat dimuktamadkan pada masa penerbitan

EPP 12 Sistem Fidlot Lembu

EPP ini bertujuan untuk mewujudkan 300 ladang satelit bagi menyokong syarikat-syarikat peneraju yang terlibat dalam operasi fidlot dengan matlamat untuk meningkatkan tahap sara diri nasional untuk daging lembu. Syarikat-syarikat peneraju ditugaskan untuk menyelia operasi keseluruhan rantaian nilai yang merangkumi aktiviti fidlot sehingga peringkat hiliran.

Dalam operasi di peringkat hiliran, penambahbaikan dibuat melalui penguatkuasaan pensijilan rumah penyembelihan, logistik rantaian sejuk daging beku, promosi kesedaran pasaran daging kerbau import berbanding daging lembu tempatan dan pembangunan produk nilai tambah berasaskan daging lembu.

EPP ini yang diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan diselaraskan dengan dua EPP ternakan yang lain (EPP 5 dan EPP 16) untuk mewujudkan satu rantaian nilai ternakan bersepadu sepenuhnya. Pada masa ini, FELDA Gedung Makanan Negara merupakan syarikat peneraju tunggal bagi EPP ini.

Pencapaian dan Cabaran

Sejumlah 15,411 ekor lembu telah dipindahkan ke ladang-ladang fidlot satelit sehingga kini, mewakili 45.73 peratus daripada keseluruhan 33,700 lembu disasarkan untuk aktiviti fidlot. Cabaran dalam melaksanakan EPP ini adalah mengenal pasti syarikat berpengalaman yang mempunyai kapasiti untuk menerajui sepanjang keseluruhan rantaian nilai ternakan dan mengambil alih ladang satelit sedia ada.

Langkah Seterusnya

Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan terus memantau ladang-ladang yang sedia ada disamping turut menumpukan perhatian untuk menggabungkan fidlot bersama EPP Ternakan: Rantaian Nilai Penuh untuk memastikan integrasi lengkap rantaian nilai. Pada tahun 2013, sasaran adalah untuk mempunyai tambahan 20,000 lembu difidlot ke ladang satelit yang sedia ada.



Kilang pembotolan susu Allied Dairy

EPP ini yang diterajui oleh DVS bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan bekalan susu segar negara pada bekalan import. Bekalan import kini menyumbang sebanyak 32 peratus kepada jumlah pasaran susu segar Malaysia dan dijangka berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 13 peratus sehingga tahun 2020. Untuk mencapai matlamat ini, syarikat peneraju akan menubuhkan kelompok tenusu untuk menghasilkan susu segar secara komersial dan berskala besar.

Syarikat peneraju akan menyelia semua aspek operasi kelompok tenusu daripada pengeluaran sehingga pemasaran. Ladang-ladang individu akan bekerjasama dengan syarikat peneraju melalui perjanjian untuk menjamin pembelian pada harga yang telah dirunding. Langkah-langkah untuk menaik taraf kemudahan logistik rantai susu sedia ada juga akan diambil untuk memastikan bahawa kualiti susu dijamin semasa penghantaran dari ladang ke pasaran.

Syarikat peneraju

Evergreen Livestock Sdn Bhd

Allied Dairy Sdn Bhd

Golden Difference Sdn Bhd

Pencapaian dan Cabaran

Evergreen Livestock yang dilantik sebagai syarikat peneraju pada tahun 2011 telah melibatkan 92 ladang tenusu di Sabah di bawah kelompok tenusunya. Sementara itu, Allied Dairy yang dilantik pada masa yang sama sehingga hari ini telah mengenal pasti 35 petani, terutamanya dari Johor untuk menyertai dalam program kelompoknya bagi memenuhi keperluan susu segar bagi kilang pemprosesan di Kluang. Peladang akan menerima sokongan daripada syarikat-syarikat ini dalam bentuk peralatan dan kepakaran. Pada bulan Oktober, Golden Difference, anak syarikat Susu Lembu Asli Sdn Bhd telah dilantik sebagai syarikat peneraju yang akan beroperasi di Johor juga.

Cabaran pada tahun 2012 adalah kekurangan syarikat swasta yang berminat menyertai EPP ini. Sasaran pada tahun 2012 adalah untuk mendapatkan dua syarikat peneraju tambahan tetapi hanya satu syarikat berjaya direkrut. Di samping itu, kelompok tenusu masih tertumpu di Johor berdasarkan kepada petani tenusu yang sedia ada dan kesesuaian lokasi. Pada asalnya, kelompok-kelompok yang dirancang dibangunkan di wilayah timur dan utara Semenanjung.

Langkah Seterusnya

DVS berhasrat untuk mendapatkan satu lagi syarikat peneraju di wilayah utara dan timur Semenanjung. Ia juga akan memastikan bahawa kelompok sedia ada dapat mencapai sasaran pengeluaran susu mereka masing-masing sebanyak 15 juta liter pada tahun 2013. Pada masa yang sama, syarikat peneraju akan berusaha untuk meningkatkan purata pengeluaran susu di dalam kelompok mereka kepada 15 liter setiap laktasi dalam sehari untuk seekor lembu daripada 10 ke 11 liter sekarang.

EPP 14

Menerajui Perkhidmatan Pembiakan Serantau

Industri pertanian tempatan adalah amat bergantung kepada benih yang diimport. Inisiatif di bawah EPP ini yang diterajui oleh Bahagian Sokongan Industri, Kementerian akan mengusahakan cara-cara untuk menghasilkan benih berkualiti tinggi dan bahan genetik dengan menggunakan teknologi *Marker-Assisted Selection*, (MAS).

Teknologi MAS yang diperkenalkan di *Centre for Marker Discovery and Validation* (CMDV) MARDI pada tahun 2011 dapat membantu dalam pemilihan benih yang mempunyai ciri-ciri yang diinginkan, di samping mengurangkan bilangan tahun pembiakan dan analisis fizikal yang diperlukan untuk membangunkan baka yang berkualiti tinggi.

Pada tahun 2011, Majlis Benih Negara telah ditubuhkan untuk menyelia pembangunan industri benih tempatan dan merangka polisi untuk mengurangkan penggantungan Malaysia pada benih dan bahan pembiakan yang diimport. Syarikat peneraju akan dipilih untuk menerajui pertumbuhan industri ini dengan meningkatkan pengeluaran untuk memenuhi pasaran tempatan dan seterusnya menembusi pasaran eksport.

Syarikat peneraju

RB Biotech Sdn Bhd

Green World Genetics Sdn Bhd

Pencapaian dan Cabaran

Pada tahun 2012, CMDV telah mengesahkan 3,625 sampel di makmal, menjangkau sasaran 2012 iaitu sebanyak 2,000 sampel. Ia juga berjaya mengembangkan operasinya dan kini mampu memenuhi keperluan syarikat-syarikat besar dalam sektor pertanian dan industri kelapa sawit.



Kajian berterusan untuk menghasilkan benih dan bahan genetik bermutu tinggi dengan menggunakan teknologi MAS

Sementara itu, DoA telah menggunakan teknologi MAS untuk menyokong usaha pelaksanaan Skim Pensijilan Benih bagi padi dan bahan-bahan penanaman klon buah-buahan. Dalam pembangunan peraturan yang berkaitan, DoA telah memulakan penggubalan Akta Benih untuk mengawal selia industri benih tempatan bagi memastikan pengeluaran bahan genetik atau benih yang berkualiti. Di samping itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah selesai menggubal Peraturan Haiwan (Pelesenan Penternak dan Pembekal Perkhidmatan Pembiakan) dan ia sedang disemak sebelum dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk pengesahan. Klausula dan interpretasi baru juga telah dimasukkan ke dalam Peraturan Perikanan Darat (Akuakultur) 2012 untuk mengawalselia dan menyeragamkan pengeluaran akuakultur induk untuk spesis air tawar di semua negeri.

Kekurangan kesedaran oleh pihak industri Malaysia tentang kepentingan teknologi dalam pembiakan anak benih yang berkualiti adalah salah satu cabaran yang dihadapi semasa melaksanakan EPP ini. Sebelum EPP ini, tiada usaha gigih oleh sektor awam atau swasta untuk membangunkan industri benih di Malaysia. Oleh itu, Kementerian perlu meningkatkan usahanya untuk mewujudkan kesedaran dan menggalakkan inovasi dalam membangunkan industri ini supaya menjadi model unggul pertanian.

Langkah Seterusnya

DoA telah menyiapkan draf Akta Benih yang akan dibentangkan pada mesyuarat bersama agensi-agensi Kerajaan, syarikat-syarikat swasta seperti pengeluar benih, peruncit benih, pengimport benih dan pengeksport serta pertubuhan bukan kerajaan, sebelum draf akhir dikemukakan kepada penasihat undang-undang Kementerian menjelang akhir tahun 2013.

Sementara itu, CMDV akan mula membangunkan penanda untuk komoditi terpilih yang meliputi rintangan penyakit dalam tilapia, toleransi kemarau dalam beras, rintangan penyakit mati rosot betik, rintangan reput teras bakteria dalam nanas, serta meningkatkan pengeluaran susu lembu dalam lembu Sahiwal dan kacukan Sahiwal. Penanda ini akan disediakan untuk industri supaya benih dengan penanda yang dikehendaki akan dipilih untuk ditanam atau dibiakkan.

Kementerian akan turut menjalankan insentif skim untuk membantu peserta benih tempatan dalam membangunkan lagi benih tempatan berkualiti tinggi.

EPP 15

Menarik Pelaburan Asing ke dalam Bidang Bioteknologi Pertanian

Pada bulan Mac, EPP ini telah dipindahkan kepada Program Bioekonomi di bawah bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).



Melabur dalam Syarikat Penternakan Lembu Asing

Diterajui oleh DVS, EPP ini adalah komponen terakhir rantaian nilai ternakan yang akan disepadukan sepenuhnya dengan dua EPP ternakan yang lain (EPP 5 dan EPP 12) ke arah mencapai industri daging lembu tempatan yang mapan. Ia bertujuan untuk menjamin bekalan yang konsisten dan harga yang berpatutan untuk haiwan hidup yang diperlukan dalam aktiviti pembiakan, fidlot dan operasi tenusu bagi dekad yang akan datang. Skop inisiatif ini juga telah diperluaskan untuk menilai sektor-sektor yang berpotensi dalam bidang pertanian yang boleh membawa pendapatan tambahan kepada negara.

Di bawah EPP ini, syarikat yang dilantik akan menjadi pilihan pertama untuk membekalkan haiwan hidup kepada syarikat-syarikat di bawah EPP ternakan. Sebagai contoh, jika Kerajaan perlu mendapatkan lembu bagi syarikat-syarikat di bawah EPP 5, syarikat penyertaan di bawah EPP 16 akan ditawarkan terlebih dahulu untuk membekalkan lembu yang diperlukan sebelum syarikat pembekal lain.

Syarikat peneraju

SEDC Sarawak

Ternakan Kamran Sdn Bhd

Bumi Yadanar Sdn Bhd

Huzaifah Farm Sdn Bhd

Pencapaian dan Cabaran

Pada tahun 2012, Huzaifah Farm Sdn Bhd telah dilantik sebagai syarikat penyertaan pada bulan Oktober untuk membekalkan lembu dari ladang di Australia. Kekurangan insentif di bawah EPP ini menjadi cabaran dalam menarik lebih banyak syarikat swasta untuk menyertai EPP ini.

Langkah Seterusnya

DVS akan terus memantau syarikat penyertaan sedia ada dalam EPP ini sambil menggalakkan usaha untuk menggabungkan fidlot dengan EPP Ternakan: Rantaian Nilai Penuh untuk memastikan integrasi lengkap rantaian nilai. Sasarannya adalah untuk mencapai RM60 juta dalam hasil yang dijana daripada projek ini untuk tahun 2013.



Pasar Komuniti – PAKAR

EPP ini bertujuan untuk mengubah dan memodenkan pelbagai jenis pasar serta menyepadukan pasar tempatan seperti Pasar Tani, Pasar Malam, Pasar Minggu dan Pasar Tamu menjadi pasar yang lebih besar dikenali sebagai Pasar Komuniti (PAKAR). PAKAR akan dilengkapi dengan kemudahan yang akan memastikan kebersihan kawasan itu terjaga dan membantu peniaga meningkatkan pendapatan mereka.

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), yang menerajui inisiatif ini dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang berkaitan untuk memantau PAKAR sedang mengenal pasti tapak yang sesuai dan akan melibatkan peniaga pasar tempatan dalam tapak PAKAR.

Pencapaian dan Cabaran

Pasar Komuniti (PAKAR) pertama di Manjung telah memulakan operasi pada 9 September 2012 di Seri Manjung, Perak. Mengikut perancangan enam lagi PAKAR yang terletak di Bera (Pahang), Mersing (Pahang), Kota Belud (Sabah), Jengka (Pahang), dan Paroi (Johor) sepatutnya beroperasi menjelang akhir tahun 2012. Walau bagaimanapun, operasi enam PAKAR tersebut tertunda kepada tahun 2013 disebabkan oleh kelewatan dalam pembinaan dan tidak mendapat Sijil Siap dan Pematuhan daripada pihak berkuasa tempatan yang berkaitan.

Langkah Seterusnya

Sembilan lagi PAKAR akan dibina di Miri (Sarawak), Datin Halimah (Johor), Puchong (Selangor), Kuala Kedah (Kedah), Keningau (Sabah), Simpang Ampat (Perlis), Grik (Perak), Kerteh (Terengganu) dan Chini (Pahang) pada tahun 2013. Selain daripada mewujudkan PAKAR, pasukan projek juga sedang menilai cadangan untuk memperkenalkan sejenis pasar lain, Pasar Karavan, untuk terus meningkatkan PNK negara.



Pasar Komuniti (PAKAR) di Kota Belud dalam proses pembinaan

PELUANG PERNIAGAAN

Peluang Perniagaan (BO) adalah satu lagi inisiatif untuk menggalakkan perkembangan ekonomi yang telah dikenal pasti sebagai berpotensi untuk menjadi EPP hasil daripada makmal yang telah diadakan pada tahun 2010. Seperti yang dinyatakan dalam Pelan Tindakan, terdapat 11 Peluang Perniagaan yang ditakrifkan di bawah NKEA ini:

- Peluang Perniagaan 1: Produk Nutraseutikal
- Peluang Perniagaan 2: Pengedar Asing
- Peluang Perniagaan 3: Penternakan Ikan Hiasan
- Peluang Perniagaan 4: Pengilangan Makanan untuk Akuakultur
- Peluang Perniagaan 5: Pusat Eksport Akuakultur
- Peluang Perniagaan 6: Industri Snek
- Peluang Perniagaan 7: Ternakan Ayam Kampung
- Peluang Perniagaan 8: Pertanian Cendawan Butang
- Peluang Perniagaan 9: Pengeluaran Buah-buahan dibungkus seperti Nangka
- Peluang Perniagaan 10: Pelaburan Langsung Asing dalam Produk Herba
- Peluang Perniagaan 11: Industri Makanan Snek/ Kemudahan Makanan Negara

Pada tahun 2012, BO 9 telah ditukar menjadi EPP, dan dimasukkan ke dalam EPP 7: Buah-buahan dan Sayur-sayuran untuk Pasaran Premium.

Peluang Perniagaan 1 – 5 dirancang untuk menjadi EPP pada tahun 2013. Dua Peluang Perniagaan (BO 1, BO 2) yang berkaitan dengan produk herba akan dimasukkan ke dalam EPP sedia ada manakala tiga Peluang Perniagaan akuatik (BO 3, BO 4 dan BO 5) akan berpotensi dibangunkan menjadi satu EPP.

PEMANGKIN

ETP menyenaraikan lima faktor pemangkin utama untuk menyokong pelaksanaan EPP dan BO:

1. Menyediakan insentif untuk syarikat peneraju - dilaksanakan melalui pengenalan prosedur NKEA Pertanian pada tahun 2011.
2. Mengukuhkan penerimaan Amalan Pertanian Baik (GAP) dan Amalan Pengilangan Baik (GMP) untuk meningkatkan akses pasaran - semua syarikat peneraju digalakkan untuk berbuat demikian sebagai syarat penyertaan mereka melalui perjanjian syarikat peneraju, yang dikuatkuasakan pada tahun 2012.
3. Mengubah peraturan dan dasar - pembangunan Akta Benih di bawah EPP 14 adalah salah satu contoh.
4. Mengukuhkan infrastruktur logistik - akan diperkukuhkan lagi dalam fasa seterusnya.
5. Memastikan aliran modal insan yang mencukupi - akan diperkukuhkan lagi dalam fasa seterusnya.

Ringkasan NKEA Pertanian

	Sasaran 2020
Impak PNK tambahan	RM28.9 billion
Pekerjaan tambahan	109,335

Sasaran kritikal bagi tahun 2013 :

- Lima ujian praklinikal untuk produk herba (nutraseutikal / kosmeseutikal / ubat botani)
- Jumlah pengeluaran produk Sarang Burung Yang Boleh Dimakan oleh premis berdaftar (MT) - 150
- Jumlah pengeluaran rumpai laut kering yang dihasilkan (MT) - 50,000
- Jumlah pengeluaran ikan yang ditenak (MT) - 37,000
- Jumlah pengeluaran udang (MT) - 23,000
- Jumlah nilai eksport bagi buah-buahan dan sayur-sayuran premium - RM400 juta
- Jumlah pendapatan yang dihasilkan daripada jualan produk daripada syarikat-syarikat peserta (RM juta) - 20
- Jumlah pengeluaran beras wangi yang dihasilkan (MT) - 2,500
- Kenaikan peratusan pendapatan untuk peserta di bawah projek - 5%
- Jumlah keluasan tanah disatukan untuk penanaman padi di kawasan-kawasan jelapang lain (hektar) - 5400
- Jumlah susu segar yang dihasilkan dari kelompok bawah NKEA (juta liter) - 15
- Penggubalan Akta Benih - 70% siap
- Jumlah pendapatan yang dijana daripada pelaburan luar negara dan pengambilalihan (RM juta) - 60
- Jumlah tapak PAKAR yang telah beroperasi menjelang akhir 2012 - 9

Pemangkin Perubahan

MERAPATKAN JURANG KETAKSAMAAN

PENGALAMAN BERSAMA PERKHIDMATAN AWAM

SRI Merapatkan Jurang telah dirancang dengan teliti untuk membetulkan ketidakseimbangan bahagian ekonomi Bumiputera berbanding dengan keseluruhan populasi dan kumpulan-kumpulan lain, ia merupakan satu inisiatif yang dipimpin oleh TERAJU.

"Majlis tindakan Agenda Bumiputera (MTAB) telah ditubuhkan untuk menerajui, menyelaras dan memacu penyertaan Bumiputera dalam ekonomi melalui inisiatif baru dan sedia ada, merumuskan polisi untuk mencapai hasil dengan mengambil kira akan Agenda Pembangunan Bumiputera. Peranan MTAB dalam menjayakan agenda Bumiputera membawa kepada penubuhan Peta Jalan Transformasi Ekonomi Bumiputera (BETR), pelan induk yang dilancarkan pada 26 November 2011 yang menetapkan sasaran dan matlamat ke arah Wawasan 2020.

"Oleh itu, TERAJU bersama dengan Sekretariat MTAB, turut bergerak ke arah matlamat BETR yang berkenaan dengan membantukan usahawan Bumiputera

untuk mengambil peluang yang ditawarkan melalui pelbagai inisiatif Kerajaan dalam bidang ini untuk meningkatkan daya saing perniagaan di dalam dan luar negara," kata En. Husni Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif TERAJU.

Peranan utama TERAJU adalah untuk memudahkan kerjasama di kalangan pelbagai pihak untuk membantu menyediakan pembiayaan dan peluang pertumbuhan bagi syarikat-syarikat di bawah program TeraS. "Melalui kerjasama dengan pelbagai agensi, kami telah meningkatkan sistem penyampaian dan menggalakkan daya saing syarikat Bumiputera," kata En. Husni.

Usaha-usaha untuk memangkin agenda transformasi Bumiputera telah pun berhasil iaitu berjaya mewujudkan peluang perniagaan dan pembiayaan kepada usahawan Bumiputera bernilai RM14 bilion sejak dua tahun yang lalu. Lebih penting lagi, syarikat-syarikat yang paling berjaya dalam kumpulan TERAJU telah berpindah untuk mewujudkan ekosistem

mereka sendiri demi membantu syarikat Bumiputera lain menjadi vendor khusus dengan cara mereka sendiri.

"Profesionalisme dan kelajuan adalah kunci kepada pelaksanaan yang berkesan. Satu contoh campur tangan strategik oleh TERAJU adalah projek MRT, di mana 47% telah dikhususkan kepada syarikat Bumiputera untuk membolehkan syarikat-syarikat yang berkecayaan dan kompeten bersaing di bawah prinsip Transformasi Ekonomi Bumiputera," kata En. Husni.

"Kami tahu kami berada di landasan yang betul apabila agensi-agensi kerajaan yang lain, institusi kewangan dan pelabur mahu menjadi sebahagian daripada program ini. Ini adalah bukti bahawa kami menjayakan transformasi ekonomi Bumiputera kepada ekonomi arus perdana negara."

"Pada dasarnya, Ekonomi Bumiputera tidak boleh wujud secara berasingan daripada ekonomi sebenar negara. Apabila ini menjadi satu, barangkali tugas kami telah selesai," kata En. Husni.

“
*Melalui kerjasama dengan
pelbagai agensi, kami
telah meningkatkan sistem
penyampaian dan menggalakkan
daya saing syarikat Bumiputera*
”

En. Husni Salleh,
Ketua Pegawai Eksekutif TERAJU





Penjagaan Kesihatan

**Dato' Sri Liow Tiong Lai**

Menteri Kesihatan

Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Penjagaan Kesihatan terus mempamerkan hasil yang boleh dibanggakan di samping juga pencapaian keseluruhan tahun 2012 yang cemerlang. Matlamat NKEA ini adalah untuk merangsang pertumbuhan ekonomi dalam industri penjagaan kesihatan dan saya gembira kerana Projek-Projek Permulaan (EPP) telah menunjukkan kemajuan yang menggalakkan, dengan kebanyakan inisiatif yang dirancang dilaksanakan dan membuahkan hasil yang baik.

Program Transformasi Ekonomi (ETP) telah menarik minat banyak syarikat daripada sektor swasta untuk menerajui Projek Permulaan (EPP) yang menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara. NKEA Penjagaan Kesihatan telah menyaksikan penyertaan sektor swasta yang serupa. Di bawah NKEA ini, sejumlah 22 projek yang meliputi 10 EPP dan satu Peluang Perniagaan (BO) telah pun diumumkan oleh YAB Perdana Menteri. Projek-projek ini dijangka menyumbang RM4.6 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK), mewujudkan 18,316 peluang pekerjaan serta menjana pelaburan berjumlah RM3.7 bilion menjelang tahun 2020.

Sepanjang tempoh dua belas bulan yang lepas, kita telah menyaksikan beberapaperkembangan penting di bawah NKEA ini termasuk pengkorporatan Penyelidikan Klinikal Malaysia (CRM), sebuah unit di bawah Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC), Kementerian Kesihatan (KKM). Pelaksanaan ini membolehkan CRM melaksanakan peranannya sebagai unit perniagaan dengan cekap serta bekerja rapat dengan industri farmaseutikal untuk membawa masuk ujian klinikal yang ditaja oleh industri ke negara ini.

Dengan sukacita, saya juga ingin melaporkan bahawa Akta Peranti Perubatan 2012 dan Akta Pihak Berkuasa Peranti Perubatan 2012 telah diwartakan pada tahun lepas. Pewartaan akta-akta dan peraturan-peraturan yang berkaitan akan memastikan bahawa industri peranti perubatan dapat dikawalselia dengan lebih baik di Malaysia.

Dengan ikhlas, saya yakin bahawa kita kini berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk menyambut seruan negara kita untuk membangunkan sistem penjagaan kesihatan yang bukan sahaja berkesan dan responsif tetapi juga selamat, berkesan, dan saksama. Kita sudah berada pada landasan yang betul untuk menjadi sebuah "Negara Di Mana Masyarakatnya Bekerjasama Ke Arah Kesihatan Yang Lebih Baik".

PENJAGAAN KESIHATAN

Peranan utama mana-mana sistem penyampaian penjagaan kesihatan adalah sama iaitu untuk menyampaikan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti tinggi kepada orang ramai dengan cara yang mapan. Walaupun prinsip-prinsip ini dikongsi bersama oleh semua, namun perbezaan tertentu wujud dari satu wilayah ke wilayah lain. Walau bagaimanapun, dalam semua kes, sektor penjagaan kesihatan melibatkan penyertaan pelbagai pihak berkepentingan yang terdiri daripada pihak Kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan penyedia perkhidmatan kesihatan swasta.

Di Malaysia, sektor ini, bukan sahaja menjadi penyampai utama penjagaan kesihatan malah, ia, juga merupakan salah satu daripada pemacu utama pertumbuhan ekonomi. Perubahan demografi, taraf hidup yang lebih tinggi serta gaya hidup yang lebih mementingkan kesihatan telah membawa kepada pembangunan industri domestik yang teguh. Terdapat tanda-tanda jelas yang menunjukkan bahawa kemajuan dan pembangunan industri penjagaan kesihatan di Malaysia adalah perlu dan wajib dengan potensi yang luas untuk pembangunan yang lebih besar dalam menggerakkan NKEA Penjagaan Kesihatan.

Matlamat utama NKEA Penjagaan Kesihatan adalah untuk memudahkan pembangunan sektor penjagaan kesihatan Malaysia dengan mengenal pasti dan menyokong usaha kerjasama di antara penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan awam dan swasta. Inisiatif ini terus disokong oleh Kementerian Kesihatan (KKM), yang secara langsung bertanggungjawab ke atas pertumbuhan industri ini. Dengan berbuat demikian, KKM memainkan peranan yang lebih luas melangkaui peranan semasa yakni, menjadi pembekal perkhidmatan penjagaan kesihatan utama dan pihak berkuasa kawalan sektor ini.

Kedua-dua sektor awam dan swasta memainkan peranan penting dalam sektor penjagaan kesihatan negara.

Sementara Kerajaan dengan komitmennya terhadap akses seagat, membiayai perkhidmatan di hospital dan klinik Kerajaan di seluruh negara, serta memastikan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti serta berpatutan untuk semua, sektor swasta pula menawarkan kepelbagaian dari segi kemampuan, dan membantu dengan menyediakan akses kepada lebih banyak perkhidmatan kesihatan bagi orang yang

mampu membayar seterusnya mengurangkan beban Kerajaan. Sektor awam dan swasta bekerjasama untuk menawarkan perkhidmatan perubatan pelbagai yang menyeluruh, di samping memastikan bahawa masyarakat mempunyai akses yang saksama tanpa mengira latar belakang.

Penjagaan kesihatan dari sektor swasta merupakan pemacu penting pertumbuhan ekonomi dalam sektor ini. Lantas, ia telah menjadi satu segmen penting dalam ekonomi Malaysia secara keseluruhannya. Oleh hal yang demikian, NKEA telah meletakkan penekanan khas dalam menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam penjagaan kesihatan untuk memacu pertumbuhan pada masa hadapan.

Sektor penjagaan kesihatan disasarkan untuk menjana RM35.5 bilion dalam PNK dan mewujudkan 181,000 pekerjaan menjelang tahun 2020. Untuk mencapai angka-angka ini, NKEA memperkenalkan enam EPP dan dua BO pada permulaan ETP.

Salah satu BO berkaitan dengan peranti perubatan telah ditukarkan kepada tujuh EPP, menjadikan jumlah terkini EPP sebanyak 13 dan satu BO. Satu makmal juga telah diadakan pada September 2012 lalu untuk menukar BO berkaitan dengan Kesejahteraan Warga Emas kepada EPP yang boleh dilaksanakan. Lima puluh wakil dari sektor awam dan swasta telah mengambil bahagian dalam makmal sesama lima minggu yang diadakan di Kelana Jaya, di mana tiga EPP berpotensi baru telah dihasilkan.

EPP ini dijangka akan terus mengubah industri penjagaan kesihatan di Malaysia kepada sektor yang bertenaga dan holistik, serta menekankan kualiti perkhidmatan dan penyampaian menyeluruh untuk semua rakyat Malaysia.

Petunjuk Prestasi Utama 2012

NKEA Penjagaan Kesihatan		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #1	Peratusan pekerja asing dengan insurans kesihatan	100%	143% Catatan: 1) 1,607,683 2) 100% (Data asas - Pembantu rumah di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak serta pekerja ladang di Semenanjung Malaysia dikecualikan)	143	●	100	●	1.0	●
EPP #2	Bilangan penyelidikan yang dijalankan	300	319 (140 yang sedang dijalankan + 179 baru)	106	●	100	●	1.0	●
EPP #3	Pertumbuhan eksport produk farmaseutikal (RM juta)	641.8	512.21 (Data sehingga akhir November 2012)	80	●	80	●	0.5	●
EPP #4	Hasil yang dijana daripada pelancongan kesihatan (RM juta)	548	558.59 (Data sehingga akhir November 2012)	102	●	100	●	1.0	●
EPP #5	Bilangan hospital KKM yang melanggan perkhidmatan Nexus Perkhidmatan Diagnostik	4	4	100	●	100	●	1.0	●
	Bilangan kemudahan peribadi yang melanggan perkhidmatan Nexus Perkhidmatan Diagnostik	5	6	120	●	100	●	1.0	●
EPP #6	Siap 5.5% daripada UMHM menjelang akhir 2012	5.5	5%	91	●	91	●	0.5	●
EPP #7	Penubuhan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan	May 2012	100%	100	●	100	●	1.0	●
	Tarikh berkuatkuasa Akta Peranti Perubatan	October 2012	100%	100	●	100	●	1.0	●
				105%		97%		89%	

Rajah 12.1

Kaedah 1 menunjukkan pencapaian KPI sebenar iaitu membenarkan pencapaian melebihi 100 peratus dilaporkan.

Kaedah 2 menunjukkan laporan pencapaian KPI yang dihadkan kepada 100 peratus.

Kaedah 3 menunjukkan laporan pencapaian paling mudah. Sasaran KPI yang telah dipenuhi atau melebihi diberi gred 1. KPI yang mencapai lebih separuh daripada sasarannya diberi gred 0.5, dan KPI yang kurang daripada separuh sasaran mereka diberi gred 0.

PROJEK PERMULAAN (EPP)



Mewajibkan Insurans Kesihatan Swasta untuk Pekerja Asing

Dianggarkan terdapat 3.1 juta pekerja asing di Malaysia yang bekerja dalam sektor berteknologi rendah yang memerlukan tenaga kerja intensif pada 2012, dengan data terkini menunjukkan separuh daripada mereka tidak dilindungi insurans atau tidak dilindungi insurans dengan secukupnya. Sepanjang lima tahun yang lalu, kira-kira RM71 juta dalam bil-bil yang belum dijelaskan oleh warga asing di hospital-hospital Kerajaan terpaksa ditanggung, meletakkan tekanan tambahan ke atas kos penjagaan kesihatan Malaysia.

Insurans kesihatan wajib swasta untuk pekerja asing akan membantu melegakan tekanan ke atas sistem penjagaan kesihatan Malaysia dan menyediakan perlindungan yang lebih baik untuk pekerja asing. Di bawah EPP yang diterajui oleh KKM ini, Skim Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja Asing (SKHPPA) telah diperkenalkan dan merupakan skim mandatori perubatan yang direka khas untuk pekerja asing. Dengan premium tahunan sebanyak RM120, skim ini menyediakan perlindungan hospital dan perubatan kepada pekerja asing dengan liputan sebanyak RM10,000 setahun untuk semua penyakit dan kecederaan yang memerlukan kemasukan ke hospital KKM.

Skim ini berkuatkuasa pada 1 Januari 2011, dan mensasarkan 1.2 juta pekerja di peringkat awal. Walau bagaimanapun angka ini telah melepasi sasaran kerana lebih 1.4 juta pekerja telah pun diinsuranskan. Dua puluh lima syarikat insurans dan dua Pentadbir Tuntutan Pihak Ketiga (TPCA) telah didaftarkan sebagai penyedia SPIKPA menjelang akhir tahun 2011.

Pencapaian dan Cabaran

Skim ini telah diperluaskan ke Sabah pada Julai tahun lepas dan menyediakan perlindungan bagi 1.6 juta pekerja asing setakat 31 Disember 2012. Walaupun SPIKPA telah berjaya menginsuranskan hampir semua pekerja asing di Malaysia, namun terdapat cabaran dalam beberapa bidang pekerjaan tertentu. Ini termasuk pembantu rumah dan pekerja ladang. KKM sedang menangani isu-isu yang dihadapi untuk memperkukuhkan lagi sistem penjagaan kesihatan dan perlindungan pekerja asing.

Langkah Seterusnya

Setelah sasaran untuk melancarkan skim insurans dan menjadikan ia mandatori bagi pekerja asing tercapai, pasukan projek akan terus bekerjasama dengan pihak berkenaan untuk memastikan bahawa kebanyakan, jika tidak semua, pekerja asing dalam semua sektor dilindungi di bawah SPIKPA.

Di samping itu, KKM juga sedang merancang untuk memperluaskan program itu ke negeri Sarawak menjelang bulan Februari 2013, berikutan kelulusan oleh Kerajaan Negeri Sarawak yang telah diperolehi. Skim di Sarawak akan meliputi semua pekerja asing, kecuali pekerja ladang dalam industri minyak sawit.

EPP 2

Mewujudkan Ekosistem yang Menyokong Pembangunan Penyelidikan Klinikal

Industri penyelidikan bagi pembangunan ubat-ubatan baru berkembang pada kadar tahunan sebanyak 15 peratus di peringkat global melebihi AS\$20 bilion pada tahun 2009. Asia, telah mengatasi kadar tersebut dan mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 30 peratus untuk mencecah AS\$1.6 bilion. Walau bagaimanapun, berdasarkan data yang dipetik dari ClinicalTrials.gov, kedudukan Malaysia di dalam industri penyelidikan dan pembangunan ubat-ubatan baru masih jauh ketinggalan berbanding negara jiran yang lain, termasuk Thailand, Singapura dan Filipina.

Menjelang tahun 2020, sasaran EPP ini adalah untuk menjalankan sekurang-kurangnya 1,000 ujian klinikal dan membangunkan ekosistem penyelidikan klinikal yang menyokong ujian kualiti yang lebih cekap dan lebih tinggi.

Pencapaian dan Cabaran

Dalam memacu agenda ini, Penyelidikan Klinikal Malaysia (CRM), di bawah KKM, telah ditubuhkan untuk merangsang pertumbuhan ujian klinikal di Malaysia. Pada 15 Jun 2012, CRM telah dikorporatkan, membolehkan ia berfungsi secara bebas dan kurang dikekang kerana birokrasi.

Sejak pelancaran CRM dan setelah melalui konsultasi dengan hospital awam dan swasta serta KKM, tujuh CRC Hospital KKM (HCRC) baru telah ditubuhkan dalam tempoh dua tahun lepas, menjadikan jumlah keseluruhan HCRC sebanyak 27 unit. Sepuluh daripadanya dibangunkan untuk menjadi Pusat Kecemerlangan bagi penyelidikan. Sementara itu, Jawatankuasa Etika Penyelidikan Perubatan KKM telah meningkatkan kadar semakannya kepada dua kali sebulan bagi membantu mempercepatkan tempoh masa kelulusan.

CRM juga melaksanakan beberapa inisiatif tambahan untuk menyokong pembangunan sektor ini termasuk:

- Mengukuhkan tapak-tapak penyelidikan yang terlibat secara aktif dalam Penyelidikan Tajaan Industri (ISR)
- Membangunkan sistem pengurusan penyelidikan klinikal
- Meningkatkan tahap penglibatan dengan hospital KKM melalui pameran bergerak

- Membuat pertemuan dengan hospital swasta dan universiti untuk meningkatkan bilangan tapak penyelidikan
- Bekerjasama dengan industri farmaseutikal untuk menaikkan kadar ISR

Berikutan kepesatan dalam pencapaian, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) ini telah dikaji semula, lantas meningkatkan sasaran bilangan penyelidikan klinikal kepada 300 menjelang akhir tahun 2012, berbanding sasaran sebelumnya, iaitu 270.

Salah satu cabaran utama kepada pembangunan sektor ini adalah kekurangan pekerja mahir memandangkan status Malaysia sebagai pasaran baru dalam bidang penyelidikan klinikal. Rancangan sedang digerakkan untuk membina sekumpulan bakat penyelidik klinikal untuk Organisasi Penyelidikan Klinikal Antarabangsa (CRO) di Malaysia, serta penyelarasan tapak untuk membantu dalam menjalankan Penyelidikan Tajaan Industri (ISR) dan pasukan-pasukan penyelidikan lain yang berkaitan.

Langkah Seterusnya

CRM, dengan kerjasama KKM dan semua rangkaian hospital, mempunyai matlamat untuk menarik lebih banyak ujian klinikal ke negara ini yang akan dijadikan sebagai pusat sehenti perniagaan untuk memudahkan dan membolehkan ujian dijalankan dengan pantas dan berkualiti. CRM juga akan menggalakkan penyelidik tempatan untuk meningkatkan kecekapan mereka melalui penyediaan peluang latihan dan sumber yang diperlukan.

Dari segi inisiatif tertentu, CRM bertujuan untuk mencapai perkara-perkara berikut:

- Menyelaraskan dan mengukuhkan etika dan tadbir urus penyerahan dan kelulusan
- Mempromosikan pusat-pusat kecemerlangan yang menekankan perkhidmatan, penyelidikan dan pengajaran
- Melengkapkan industri pelancongan kesihatan, farmaseutikal tempatan dan industri teknologi perubatan
- Membina kekuatan keatas rangkaian bersepadu serta sistem maklumat KKM untuk membolehkan proses pembayaran yang lebih telus



Farmaseutikal Malaysia: Meningkatkan Pembuatan Tempatan Generik untuk Eksport

Walaupun dengan situasi di mana paten ubat-ubatan berjenama bakal tamat dalam beberapa tahun akan datang, Malaysia boleh mengatur langkah untuk mengeksploitasi peluang ini dengan meningkatkan kapasiti pengeluaran ubat generik. Lebih kurang AS\$132 bilion dalam nilai paten bakal tamat di antara tahun 2010 dan tahun 2014 dan ini akan membuka peluang yang besar untuk sektor pembuatan ubat generik.

Dalam usaha untuk memanfaatkan peluang ini, industri farmaseutikal Malaysia perlu melalui transformasi dalam tiga bidang:

- **la perlu mewujudkan satu platform eksport:** Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan negara-negara membangun yang lain adalah pasaran berpotensi yang menguntungkan bagi eksport ubat-ubatan generik. Malaysia, yang merupakan anggota Konvensyen Pemeriksaan Farmaseutikal dan Skim Kerjasama Pemeriksaan Farmaseutikal (PIC/S) yang sangat dihormati, boleh memanfaatkan kedudukannya untuk mengeksport ke negara-negara ini.
- **la perlu memacu usaha penyetempatan dan menaik taraf kilang pembuatan tempatan:** Kilang pembuatan tempatan pada masa ini tidak mempunyai kapasiti untuk penghasilan secara pukal, sekali gus memaksa mereka mencari pengeluar negara asing. Pemacuan penyetempatan dan menaik taraf akan membantu membina kapasiti yang diperlukan.
- **la perlu membangunkan kerjasama yang kukuh di antara Syarikat Multinasional (MNC) dan pengeluar tempatan:** Pengeluar tempatan boleh mendapat manfaat daripada kepakaran MNC dan memperoleh amalan terbaik yang dikaitkan dengan pembuatan generik. Ini seterusnya akan membantu membina kapasiti tempatan dan membangunkan juara tempatan yang kukuh dalam sektor ini.

Pencapaian dan Cabaran

Industri ini mendapat manfaat daripada projek Hovid Objective Pharmaceutical Excellence (HOPE), iaitu perjanjian yang dimeterai untuk membangunkan dua jenis ubat-ubatan generik di antara Winthrop (M) Sdn Bhd, anak syarikat Kumpulan Sanofi Aventis dan Hovid. Perjanjian ini yang bernilai RM5 juta bagi tiga tahun pertama, telah dilanjutkan pada akhir 2011 untuk memasukkan empat jenis ubat-ubatan generik baru.

Pada September 2012, Ranbaxy Laboratories Limited, syarikat farmaseutikal yang terbesar di India di dalam usaha sama dengan rakan-rakan niaga tempatan, akan melabur RM125 juta untuk membina loji pengilangan kedua di Malaysia. Loji tersebut bakal menjadi hab pengilangan global kelapan milik Ranbaxy yang bertujuan untuk mengeksport ubat-ubatan generik.

Pada Disember 2012, Biocon Limited memeterai perjanjian dengan Chemical Company of Malaysia (CCM) Pharmaceuticals Sdn Bhd untuk mengedar produk insulin Biocon secara eksklusif di Malaysia dan Brunei.

Kerajaan juga telah bersetuju untuk membenarkan pengeluar tempatan yang menghasilkan produk farmaseutikal baru mengadakan Perjanjian Off-Take (OTA) dengan KKM selama tiga tahun. Ini bermakna bahawa KKM akan bersetuju untuk menjadi pembeli kepada pengeluaran masa hadapan pengeluar.

Jika pengilang menunjukkan bahawa produk itu boleh didaftarkan dan dipasarkan di negara-negara lain, OTA boleh dilanjutkan selama dua tahun lagi. KKM menjangkakan untuk menandatangani OTA pertama pada awal tahun 2013.

Salah satu cabaran yang dihadapi oleh EPP ini adalah halangan import di negara-negara seperti Indonesia yang mengamalkan perlindungan pasaran. Sebagai contoh, ubat generik di Indonesia tidak boleh diedarkan melainkan ia dikeluarkan di dalam negara tersebut. Kini pasukan projek untuk EPP ini sedang berusaha untuk membuka pasaran tersebut melalui saluran diplomatik dan perdagangan.

Langkah Seterusnya

EPP ini menyasarkan PNK sebanyak RM13.8 bilion menjelang tahun 2020, dan penciptaan sebanyak 12,440 pekerjaan. Pada tahun 2013, tumpuan akan diberikan untuk terus bekerja dengan KKM bagi mengoptimumkan kemudahan tempatan, serta mengkaji dan menangani isu-isu yang berkaitan dengan undang-undang dan dasar paten farmaseutikal di Malaysia.

Pasukan Penjagaan Kesihatan NKEA akan bekerjasama dengan syarikat farmaseutikal MNC dan pemain tempatan untuk mengambil kira kesan dan perubahan dalam peraturan-peraturan penjagaan kesihatan di pasaran tempatan dan antarabangsa. Strategi yang telah dilaksanakan semasa makmal tahun 2010 untuk memacu peluang generik juga akan dikaji semula.

Selain itu, pembinaan fasa pertama kemudahan Biocon di BioXcell, Iskandar, kini sedang dijalankan dan dijangka siap menjelang tahun 2014.



Kilang Biocon, BioXcell, yang sedang dibina di Iskandar

EPP 4

Mencergaskan Semula Pelancongan Kesihatan

Hala Tuju ETP menjangkakan pelancongan kesihatan global akan mencapai AS\$75 bilion pada tahun 2010 di mana negara-negara ASEAN menyumbang sebanyak AS\$3 bilion kepada jumlah keseluruhannya. Walaupun dengan pertumbuhan secara purata sebanyak 22 peratus setahun, penerimaan daripada pelancongan kesihatan kepada ekonomi Malaysia adalah kecil, iaitu AS\$100 juta pada tahun 2010.

Walaupun sektor ini mempunyai potensi yang sangat besar, negara-negara yang bersaing seperti Singapura dan Thailand telah menunjukkan pertumbuhan yang lebih kukuh dan kini dianggap sebagai peneraju dalam perniagaan penjagaan kesihatan bernilai tinggi. Industri penjagaan kesihatan Malaysia perlu mempunyai satu kedudukan yang jelas serta perlu merubah industri dengan meluaskan liputan pemasaran kepada pelancong kesihatan dalam dua fasa.

Dalam fasa pertama, jumlah pesakit perlu meningkat dan berkembang melalui pemasaran yang luas, kerjasama merentasi sempadan dan mempertingkatkan perkhidmatan pelanggan. Fasa kedua akan memerlukan pembinaan infrastruktur yang lebih baik dan keupayaan pakar dalam pengkhususan terpilih untuk memacu peralihan ke arah penjagaan pesakit yang lebih menguntungkan.

Agensi utama yang bertanggungjawab untuk pembangunan dan promosi industri pelancongan penjagaan kesihatan ialah Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC), yang ditubuhkan untuk menjadi pusat sehati bagi semua perkara yang berkaitan dengan pelancongan kesihatan.

Pencapaian dan Cabaran

Usaha-usaha bagi meningkatkan pembangunan sektor ini telah memperlihatkan komitmen daripada Sime Darby Healthcare dan Kumpulan Perubatan Johor (KPJ) untuk menubuhkan hospital baru bagi memenuhi permintaan yang meningkat daripada penduduk tempatan dan pelancong kesihatan.

Pada Mac 2012, Pusat Perubatan Sime Darby (SDMC) Ara Damansara, yang mempunyai kemudahan hospital sebanyak 220 unit katil telah membuka pintunya kepada orang ramai. Kumpulan Sime Darby telah membina satu lagi kemudahan yang khusus dalam penjagaan kesihatan wanita dan kanak-kanak, dan telah pun siap pada Disember 2012. Sementara itu, KPJ mengumumkan bahawa ia akan membina lima buah hospital di seluruh negara menjelang tahun 2014, antaranya termasuk Klang Specialist Hospital yang baru sahaja siap. Amanjaya Specialist Centre Green Hospital yang mempunyai 108 katil yang sedang dibina di Sungai Petani, Kedah, akan siap menjelang awal tahun 2014.

Sehingga November 2012, sejumlah RM558.59 juta telah dijana daripada pelancongan kesihatan. Sejak pelancaran laman web rasmi MHTC pada 5 April 2012, 62 hospital baru dan sepuluh pusat ambulatori telah berdaftar dengan MHTC.

Berkaitan dengan usaha promosi pula, MHTC telah melaksanakan aktiviti pemasaran yang aktif di luar negara untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi penjagaan kesihatan. Pesakit dari Indonesia terutamanya tertarik dengan kemudahan yang ditawarkan di Malaysia sehingga menjadikan jumlah mereka ini 70 peratus daripada jumlah pelancong kesihatan ke Malaysia.

Ekspo Antarabangsa Pelancong Penjagaan Kesihatan Malaysia (MIHTE) yang pertama telah diadakan pada November 2012 di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid untuk meningkatkan lagi profil Malaysia di peta pelancongan kesihatan. Persidangan dan ekspo tiga hari yang dijalankan telah menarik sejumlah 1,300 delegasi dari 34 buah negara di seluruh dunia dan menyaksikan 94 gerai dibuka oleh 84 organisasi yang terlibat dalam rangkaian nilai pelancongan kesihatan. Ekspo itu menerima tambahan 500 pelawat, dan mendapat prospek perniagaan bernilai sekurang-kurangnya RM500,000.

Tempoh dua belas bulan yang lepas juga menyaksikan perubahan concierge perubatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) bagi mempromosikan perkhidmatan dan menjawab sebarang pertanyaan berkenaan penjagaan kesihatan di Malaysia kepada pelancong-pelancong.



Pusat Perubatan Sime Darby ParkCity



Kemajuan di tapak pembinaan Hospital Hijau Pakar Amanjaya

Satu insentif cukai baru telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menggalakkan pelabur tempatan mengambil bahagian dalam perniagaan pelancongan kesihatan, dan memperluaskan serta menaik taraf kemudahan pengendali yang sedia ada.



Gambaran Artis Hospital Pakar KPJ Pahang



Gambaran Artis Hospital KPJ Pasir Gudang

Salah satu cabaran utama EPP ini adalah untuk meletakkan Malaysia setanding dengan negara lain yang terlibat dalam pelancongan kesihatan. Oleh kerana persaingan yang sengit dan penglibatan negara jiran ASEAN yang lebih awal mengakibatkan kedudukan Malaysia jauh ketinggalan dalam membangunkan pasaran pelancongan kesihatan.

Langkah Seterusnya

MHTC akan membangunkan dan terus menjalankan usaha-usaha promosi yang intensif untuk sasaran pasaran sedia ada dan baru. MIHTE kini akan menjadi acara tahunan dalam industri pelancongan kesihatan. MHTC akan bekerja secara meluas dengan pertubuhan-pertubuhan yang berkaitan untuk membangunkan program luar jangkaan untuk pelancongan kesihatan serta terus mewujudkan kesedaran mengenai infrastruktur penjagaan kesihatan Malaysia yang semakin maju.



KPJ Bandar Baru Klang

EPP 5

Mewujudkan Nexus Perkhidmatan Diagnostik

Hospital awam menghadapi cabaran dalam menangani permintaan dalam perkhidmatan diagnostik radiologi kerana hanya 25 peratus daripada jumlah hospital mempunyai pakar radiologi. Berikutan sejumlah 45 peratus daripada pakar radiologi tertumpu di Lembah Klang dan bandar yang lebih besar, pengagihan tidak sekata beban kerja radiologi telah mengakibatkan tempoh masa yang lebih lama untuk mendapatkan perkhidmatan diagnosis yang lengkap. Kemudahan kesihatan milik swasta di bandar-bandar kecil juga menghadapi masalah yang sama kerana kekurangan pakar radiologi.

Nexus Perkhidmatan Diagnostik (DSN) diwujudkan bertujuan untuk mengurangkan masa menunggu dengan menyelaraskan dan mengagihkan beban kerja menggunakan sistem teleradiologi yang menghubungkan kedua-dua sektor awam dan swasta. Matlamat utama adalah untuk mewujudkan skala dan skop dalam radiologi domestik dan kemudian memanfaatkan pengalamannya di peringkat antarabangsa.

Pencapaian dan Cabaran

Diagnostic Services Nexus Sdn Bhd (DSN) ialah sebuah konsortium yang terdiri daripada usahasama teknologi strategik, telekomunikasi dan operasi dimana General Electric (GE) berfungsi sebagai rakan kongsi teknologi untuk DSN.

Pada September 2011, Hospital Kuala Lumpur dan Selayang telah turut serta sebagai tapak perintis, dan telah dilengkapi dengan infrastruktur berkaitan. Kakitangan hospital juga telah diberikan sesi latihan khas dan tempoh percubaan penghantaran imej yang dijalankan semasa fasa pertama. Fasa kedua menyaksikan 50 imej pertama yang dihantar secara rasmi dari Hospital Selayang ke DSN dan dibaca oleh pakar radiologi PPUM pada 27 Mac 2012.

DSN kemudiannya mula dihubungkan di Hospital Kuala Lumpur pada 16 April 2012. Dua hospital awam tambahan dan enam hospital swasta akan dihubungkan dengan DSN menjelang akhir tahun 2012 dan setakat ini lebih daripada 6,000 imej telah dihantar dan dilaporkan.

Langkah Seterusnya

DSN akan terus melancarkan serta memperbaiki teknologi DSN untuk menyediakan perkhidmatan kepada hospital swasta dan awam, serta mengusahakan matlamat mengeksport perkhidmatan teleradiology ke negara-negara lain. Pada tahun 2013, DSN akan memberi tumpuan kepada membina kapasiti dan penjenamaan perkhidmatan dengan menghubungkan pakar radiologi di seluruh negara untuk memastikan sistem itu mapan.

DSN juga akan memasarkan perkhidmatannya di negara-negara serantau, dan mencari peluang mendapatkan sumber dari negara-negara lain. DSN akan merekrut lebih ramai pakar radiologi dan terus bekerjasama dengan GE Healthcare untuk meningkatkan teknologi dan infrastruktur.

EPP 6

Membangunkan Metropolis Kesihatan: Sebuah Kampus Penjagaan Kesihatan dan Biosains Bertaraf Dunia

Metropolis Kesihatan Universiti Malaya (UMHM) adalah projek utama yang akan melihat penciptaan metropolis yang unik. Metropolis ini akan bergabung usaha dengan pembaruan bandar untuk mewujudkan pendidikan, penyelidikan dan penjagaan klinikal yang lebih baik.

Bersama-sama dengan Fakulti Perubatan, Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) dan Pusat Pakar UM (UMSC), UMHM akan menjadi kelompok terbesar di Malaysia untuk memelopori pendidikan perubatan, penjagaan kesihatan, penyelidikan perubatan dan biosains.

Ia bakal menempatkan sebuah hospital yang dilengkapi dengan 320 buah katil, sebuah hotel penjagaan kesihatan sebanyak 338 bilik, pusat penyelidikan perubatan, kemudahan konvensyen dan pameran, serta kemudahan-kemudahan sokongan seperti kemudahan peruncitan. UMHM dijangka memulakan kerja-kerja pembinaan sejurus selepas menerima Kelulusan Perancangan daripada pihak kerajaan tempatan, dan akan beroperasi sepenuhnya menjelang 2017.

UM Holdings Sdn Bhd (UMH), syarikat milik penuh Universiti Malaya, diamanahkan dengan tugas untuk membangunkan dan meletakkan kedudukan UMHM sebagai hab perubatan perdana Malaysia, dan sebagai salah satu pusat kecemerlangan penjagaan kesihatan, perubatan dan biosains di Malaysia.

UMHM direka bentuk untuk memenuhi keperluan tempatan dan serantau, dan akan menerajui usaha memupuk kualiti perubatan dan penjagaan kesihatan profesional dalam pendidikan, penyelidikan dan lain-lain perkhidmatan penjagaan kesihatan.

Pencapaian dan Cabaran

Pada 30 September 2011, UM Holdings mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang kepada MBPJ, dan ini telah menjadikan syarikat tersebut sebagai pemilik utama yang menerajui pembangunan UMHM.

Permohonan Kelulusan Perancangan kini sedang diproses, dan PEMANDU turut membantu dalam mempercepatkan proses sepanjang peringkat kritikal seperti membuat keputusan mengenai peruntukan perkhidmatan Aliran Transit Massa (MRT) dan lokasi stesen-stesen MRT.

Penasihat cukai untuk UMHM, KPMG juga telah memuktamadkan kertas mengenai insentif cukai yang dicadangkan untuk UMHM, dan ia sedang dikaji oleh Kementerian Kewangan.

Langkah Seterusnya

Setelah menerima Kebenaran Merancang, pembersihan tapak dan kerja tanah akan dimulakan dan program pembinaan keseluruhan untuk kemudahan ini didasarkan siap sepenuhnya menjelang tahun 2017. UMHM juga akan meneruskan perbincangan dan pertemuan dengan rakan-rakan perniagaan strategik ke arah merealisasikan potensi dan peluang di UMHM.

EPP Peranti Perubatan

Industri peranti perubatan di Malaysia berada pada titik perubahan kritikal. Usia industri ini agak muda dan mencatat anggaran 20 hingga 25 peratus perbelanjaan penjagaan kesihatan Malaysia hari ini. Mengambil kira beberapa faktor kos rendah di Malaysia, jaminan kualiti tinggi, keupayaan kukuh dan relevan dari industri elektronik dan elektrik (E&E) yang besar, tenaga kerja mahir yang boleh bertutur bahasa Inggeris dan berbilang bahasa, rangka kerja kawal selia perlindungan IP yang kuat serta akses ke rantau Asia, Malaysia berada di kedudukan yang baik untuk meningkatkan saiz dan keuntungan industri peranti perubatannya.

Pasukan projek EPP telah mengenal pasti tujuh EPP serta pelaksana mereka, yang akan memajukan lagi kerja-kerja yang dijalankan oleh NKEA Penjagaan Kesihatan. Tujuh EPP tersebut adalah:

- Mempertingkatkan Industri IVD di Malaysia (EPP 7)
- Mempamerkan kebolehan Malaysia dalam penghasilan Produk Teras Peranti Perubatan Pakai-buang
- Menjadi Hab untuk Pembuatan Kontrak Peranti Perubatan Bernilai Tinggi (EPP 9)
- Mewujudkan Peneraju Peranti Klinik Tempatan (EPP 10)

- Penyelarasan Rantaian Bekalan Peralatan Perubatan (EPP 11)
- Hab Membaik Pulih Peralatan Perubatan (EPP 12)
- Membangunkan Kluster Perkakasan dan Perabot Perubatan (EPP 13)

Pencapaian dan Cabaran

Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) telah ditubuhkan pada bulan Ogos 2012 sebagai sebuah badan berkanun yang dipertanggungjawabkan untuk menguatkuasakan dan melaksanakan Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737) yang kemudiannya akan mendraf Peraturan-peraturan Peranti Perubatan 2012 untuk menyokong pelaksanaan Akta 737.

Memandangkan kebanyakan syarikat pembuatan di Malaysia adalah terdiri daripada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), maka mereka memerlukan insentif daripada Kerajaan untuk mengembangkan lagi perniagaan mereka, seterusnya menyokong industri ini.

EPP 7 Mempertingkatkan Industri IVD di Malaysia



Produk Mediven

Pada bulan November 2012, Medical Innovation Ventures Sdn Bhd (Mediven), sebuah syarikat diagnostik perubatan mengumumkan jumlah pelaburan sebanyak RM8.92 juta dalam projek Diagnostik In-Vitro (IVD). Selain bermatlamat untuk menumpukan usaha ke arah mengkomersialkan teknologi tempatan untuk memerangi penyakit berjangkit tropika, pelaburan ini akan membentuk asas untuk mempertingkatkan industri IVD Malaysia seterusnya meningkatkan profil Malaysia secara global bermula dengan negara-negara membangun.

EPP 8

Mempamerkan Kebolehan Malaysia dalam Penghasilan Produk Teras Peranti Perubatan Pakai-buang

Pada bulan November 2012, Perdana Menteri mengumumkan Vigilenz Medical Devices Sdn Bhd sebagai salah satu daripada pengilang peranti perubatan tempatan pertama yang membantu meletakkan Malaysia sebagai pembekal pilihan bagi pembuatan kontrak berkualiti tinggi SUD.

Vigilenz akan melabur sejumlah RM25.8 juta di bawah Projek EXDEV bagi menjalankan R&D untuk melanjutkan rangkaian produk semasa. Ini termasuk melengkapkan seluruh rangkaian sutur, (termasuk kardiovaskular & oftalmik) dan meningkatkan kepelbagaian sutur Hernia dengan bahan komposit/bioresorbable. Di samping itu, Vigilenz merancang untuk memperkenalkan produk intervensi kardiovaskular, dan membangunkan bahan pengurusan luka baru dan bahan bio untuk pembinaan semula tisu. Projek itu dijangka bermula pada tahun 2013, dan dijangka akan mengeksport 65 peratus daripada produknya ke luar negara.



Kilang Vigilenz di Bukit Minyak

EPP 9

Menjadi Hab untuk Pembuatan Kontrak Peranti Perubatan Bernilai Tinggi

Pada September 2012, Medical Devices Corporation Sdn Bhd (MDC) mengumumkan bahawa ia akan menubuhkan Hab Pembuatan Kontrak bagi peranti perubatan & farmaseutikal. MDC akan dapat membantu lebih ramai usahawan Malaysia untuk melibatkan diri dalam mengembangkan industri domestik memandangkan syarikat itu kini sudah menjadi sebahagian daripada ETP.

Menjelang tahun 2020, MDC merancang untuk melabur sebanyak RM88.55 juta dalam kontrak Granul Perubatan DEHP Percuma, Tiub & Helaian Perubatan, Set IV Administrative IV & Talian Darah Haemodialisis, Dialisis Peritoneal (CAPD & CCPD) dan Beg Pungutan Darah & Plasma.

Sementara itu, Straits Orthopaedics (Mfg) Sdn Bhd, sebuah syarikat tempatan yang mempunyai kepakaran dalam pembuatan, pembersihan dan pembungkusan peralatan dan aksesori ortopedik, mengumumkan rancangan pada bulan November 2012 untuk mengembangkan tawaran produk termasuk implan tulang belakang dan produk penggantian sendi.

Gabungan pemesinan, penempaan, penuangan dan semua keupayaan kemasan permukaan akan menjadikan Malaysia hab sehati untuk rangkaian komprehensif peralatan ortopedik untuk syarikat ortopedik MNC. Menjelang tahun 2020, Straits merancang untuk melabur sejumlah RM76.38 juta di kawasan ini.



Kilang Straits Orthopaedics di Teluk Kumbar, Bayan Lepas, Pulau Pinang

EPP 10

Mewujudkan Peneraju Peranti Klinik Malaysia

Sepanjang 2012, EPP ini memberi tumpuan melengkapkan persediaan pemilik tiga projek yang berpotensi untuk melancarkan projek mereka untuk diumumkan pada tahun 2013. Ketiga-tiga projek tersebut berkaitan dengan industri pembuatan implan ortopedik. EPP ini masih dalam peringkat

awal pelaksanaan dan pengumuman umum tentang EPP ini dijadualkan untuk dimasukkan ke dalam Pengumuman Laporan Kemajuan ETP pada awal tahun 2013.

EPP 11

Penyelarasan Rantaian Bekalan Peralatan Perubatan

UWC Holdings telah membuat pelaburan dalam pembinaan kemudahan seluas 80,000 kaki persegi di Bukit Minyak, Pulau Pinang, yang didedikasikan untuk pembuatan peralatan perubatan, termasuk katil hospital, troli, pengusung, pemegun dan pelembab pra berisi. Kemudahan ini telah mula beroperasi sepenuhnya pada September 2012. Menjelang tahun 2020, UWC akan membuat pelaburan bernilai RM40.14 juta.



Kilang baru UWC di Bukit Minyak

EPP 12

Hab Membaik Pulih Peralatan Perubatan

Sebagai langkah pertama ke arah mewujudkan hab membaik pulih peralatan perubatan tempatan, pegawai-pegawai dari Biro Peranti Perubatan dan Kementerian Kesihatan, yang kini dikenali sebagai Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, telah dihantar untuk menyertai kursus latihan selama empat hari di Ibu Pejabat Siemens Refurbished Systems di Forcheim, Jerman.

Latihan mengenai Membaik Pulih OEM di Jerman telah membantu pegawai-pegawai meningkatkan pemahaman tentang proses membaik pulih sebenar, dan para peserta juga telah didedahkan kepada gambaran keseluruhan proses.

Langkah seterusnya, Pihak Berkuasa Peranti Perubatan akan melancarkan program kesedaran mengenai sistem yang diubah suai dan memperkenalkan peraturan-peraturan bagi sub-sektor dalam usaha untuk menjana minat dalam industri. EPP ini akan mengurangkan kos pembelian dan kos penyelenggaraan bagi peralatan perubatan yang berkualiti.

EPP 13

Membangunkan Kluster Perkakasan dan Perabot Perubatan

Pada tahun 2012, LKL Advance Metaltech Sdn Bhd mengembangkan premis, tenaga kerja dan kapasiti pembuatannya. Pembinaan sebuah kilang baru seluas 70,000 kaki persegi di Seri Kembangan, Selangor, akan mengembangkan kapasiti LKL sebagai pengeluar perabot perubatan yang pakar dalam pelbagai produk termasuk katil hospital, troli mengangkut pesakit, meja rawatan bersalin, troli rawatan perubatan, peralatan sokongan periferai dan memasang siap produk keluli/kayu.

Dengan pelaburan sebanyak RM16 juta, kilang baru tersebut dijangka akan beroperasi sepenuhnya pada akhir tahun 2012, seterusnya, memberi LKL kapasiti pengeluaran melebihi 68,000 item pada tahun 2013 berbanding jumlah sekarang, iaitu 34,000.



Pembinaan kilang baru LKL di Seri Kembangan

Langkah Seterusnya

EPP-EPP yang sedang berusaha untuk membangunkan peranti perubatan dalam NKEA Penjagaan Kesihatan ini masih berada di peringkat awal, setelah baru sahaja ditukarkan daripada status BO tahun lalu. Pada masa ini, syarikat-syarikat peneraju EPP telah dikenal pasti dan mereka telah mengambil beberapa langkah pertama ke arah membangunkan kluster dan hab peranti perubatan di seluruh negara.

Peranti perubatan adalah komponen penting dalam hampir semua prosedur perubatan, dan sektor ini mampu berkembang jika peranti perubatan ini dihasilkan oleh kilang pembuatan tempatan. Walau bagaimanapun, kualiti tidak boleh diabaikan demi penyetempatan. Adalah menjadi hasrat NKEA untuk mengekalkan kualiti walaupun dengan peningkatan kuantiti hab dari semasa ke semasa.

Melangkah ke hadapan, pasukan EPP akan terus mencari lebih banyak pengusaha untuk menyertai EPP serta terus memperbaiki pemangkin untuk membantu pengusaha tempatan untuk mendaki rantaian nilai.

PELUANG PERNIAGAAN

Kesejahteraan Warga Emas menjadi BO terakhir untuk NKEA Penjagaan Kesihatan selepas BO Peranti Perubatan telah ditukar kepada tujuh EPP tahun lepas. Malaysia akan diklasifikasikan sebagai salah satu negara menua menjelang tahun 2020 apabila 10 peratus daripada penduduk berumur 60 tahun ke atas.

Peralihan demografi yang bakal berlaku akan mencetuskan cabaran baru bagi sektor penjagaan kesihatan termasuk isu-isu seperti kapasiti dan akses, pembiayaan untuk penjagaan jangka panjang dan penyediaan aliran pendapatan yang mencukupi bagi pesara. Isu-isu ini bukan sahaja mencetus cabaran yang serius pada masa depan, tetapi ia juga mencipta peluang untuk pertumbuhan.

Pada September 2012, NKEA Penjagaan Kesihatan telah menganjurkan makmal Kesejahteraan Warga Emas (Penjagaan Warga Emas) untuk meneliti Industri Penjagaan Warga Emas dan membangunkan EPP yang boleh merangsang pertumbuhan industri. Ini seterusnya akan mengubah industri ini supaya diiktiraf di dalam industri penjagaan kesihatan, yang juga akan melihat pembangunan ekosistem untuk warga emas dalam kumpulan berpendapatan tinggi dan sederhana.

Hasil makmal telah dibahagikan kepada beberapa aliran kerja. Antaranya:

Kampung Persaraan, Perkhidmatan Kesihatan Bergerak dan Jagaan Keinstitusian.



Kakitangan LOWHS berjanji untuk memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan di dalam keselesaan rumah, tempat kerja dan di mana sahaja

Menyampaikan penjagaan terus ke rumah

Syarikat Love On Wheels terlibat dalam makmal Kesejahteraan Warga Emas (Penjagaan Orang Tua) yang diadakan pada September lepas. Projek K.A.S.I.H. (Kasih Atas Sumbangan Ikhlas dan Hemat) adalah inisiatif Love On Wheels Healthcare Services Sdn Bhd (LOWHS), untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan bergerak yang diintegrasikan sepenuhnya kepada 2.5 juta warga emas yang berusia 60 tahun ke atas.

Sebagai sebahagian daripada sistem perkhidmatan kesihatan negara, projek K.A.S.I.H. mampu merapatkan jurang dalam perkhidmatan pasca hospitalisasi dengan memberi akses perkhidmatan jagaan serta rehabilitasi kepada warga emas. Warga emas boleh dibantu dan diberi perkhidmatan dalam kediaman sendiri oleh ahli profesional kesihatan yang bertauliah.

Projek ini telah diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 16 November 2012 dan pada masa ini telah dilancarkan di sekitar Lembah Kelang dan akan beroperasi di seluruh negara menjelang tahun 2014. Projek ini akan melibatkan pelaburan sebanyak RM 86.56 juta menjelang tahun 2020.

- **Kampung Persaraan:** Aliran kerja ini bertujuan untuk membangunkan masyarakat untuk warga emas yang berlandaskan konsep penuaan aktif dan penuaan di tempat. EPP yang berpotensi dalam aliran kerja ini termasuk pembangunan kampung persaraan, kediaman berkepadatan tinggi dan pusat percutian persaraan. Integrasi reka bentuk mesra umur dan perkhidmatan sokongan dalam kampung persaraan akan membolehkan warga emas berada di rumah mereka sendiri walaupun dengan peningkatan kehilangan upaya.
- **Perkhidmatan Kesihatan Bergerak:** Aliran kerja ini mengkaji kemungkinan untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan di dalam keselesaan rumah sedia ada. Pelancaran perkhidmatan ini di seluruh negara juga akan membantu meningkatkan masa pemulihan katil hospital dan membolehkan warga tua pulih dalam rumah mereka sendiri. Pada masa ini, Love On Wheels adalah syarikat pertama yang menyediakan perkhidmatan yang telah diumumkan di bawah BO ini.

- **Jagaan Keinstitusian Orang-orang Tua:** Kini terdapat lima belas Rumah Penjagaan berlesen dan 144 Rumah Orang Tua yang dikawal secara berasingan oleh Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat. Disebabkan pertindihan ini, tanggungjawab kadang-kadang boleh menjadi kabur. Di samping itu, terdapat beribu-ribu pusat tidak terkawal yang mempunyai pelbagai standard penjagaan dan infrastruktur. Aliran kerja ini bertujuan mengubah industri ini dengan memperkenalkan satu standard untuk Rumah Penjagaan dan rumah orang tua yang dipanggil "Pusat Penjagaan Kediaman Bersepadu" (IRCC). Standard baru ini akan dikawal selia semata-mata oleh KKM dan akan menyediakan pelbagai peringkat penjagaan. Terdapat dua inisiatif dalam EPP ini, satu daripadanya adalah untuk membangunkan IRCC baru yang dilengkapi dengan standard dan garis panduan yang betul, dan satu lagi untuk mengubah pusat jagaan sedia ada kepada IRCC dengan mengamalkan standard baru.

Ringkasan NKEA Penjagaan Kesihatan

	Sasaran 2020
Impak PNK tambahan	35,000
Pekerjaan Tambahan	181,000

Sasaran kritikal untuk tahun 2013:

- Melaksanakan Skim Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing (SPIKPA) atau insurans pekerja asing mandatori dengan sepenuhnya di Sarawak. Memandangkan hampir kesemua pekerja asing dilindungi di bawah pelan insurans ini, maka perkembangannya ke Sabah dan Sarawak akan dilanjutkan di bawah fasa EPP 1 yang seterusnya.
- Menarik syarikat peneraju industri untuk memainkan peranan yang lebih besar di dalam EPP Industri Peranti Perubatan
- Melaksanakan inisiatif di bawah BO Kesejahteraan Warga Emas dan menukarkannya kepada EPP Penjagaan Warga Emas akan menunjukkan kemajuan yang ketara pada tahun 2013
- Mengendalikan pendaftaran rumah penjagaan yang belum berdaftar dan untuk membangunkan industri kesejahteraan Warga Tua (Penjagaan warga tua).
- Mengkaji dan menentu ukur semula EPP Farmaseutikal Malaysia
- Menilai bidang-bidang pertumbuhan berpotensi yang lain di dalam ruang industri penjagaan kesihatan

NOTA KHAS TENTANG SPEKTRUM

OLEH SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (SKMM)

Kemajuan NKEA CCI telah menyaksikan penggunaan jalur lebar mencapai 66 peratus isi rumah pada tahun 2012. Walaupun ini adalah suatu pencapaian yang positif, fasa seterusnya bagi pelaburan dan pembangunan infrastruktur akan bergantung kepada tingkah laku pengguna, yang telah menunjukkan keutamaan yang semakin meningkat terhadap aplikasi mudah alih. Ini telah menghasilkan pertumbuhan yang memberangsangkan dalam permintaan trafik data.

Sama seperti menguruskan bilangan kereta di jalan raya, langkah seterusnya adalah untuk memperluaskan jalan raya/lebuhraya. Oleh itu, bagi jalur lebar, kapasiti infrastruktur, iaitu lebuhraya, mesti diperluaskan bagi menampung peningkatan trafik data.

Dalam industri komunikasi, jalur lebar dihantar melalui talian tetap atau melalui tanpa wayar. Walau bagaimanapun, pengguna kini memilih untuk kekal bersambung sewaktu bergerak, bila-bila masa dan di mana sahaja.

Untuk menyokong gaya hidup “on-the-go”, infrastruktur tanpa wayar diperlukan. Keupayaan infrastruktur tanpa wayar menyokong trafik data yang besar bagaimanapun bergantung kepada topologi rangkaian dan ketersediaan spektrum radio—keseluruhan julat frekuensi gelombang elektromagnetik yang bersamaan dengan frekuensi radio, juga dikenali sebagai gelombang radio.

Mesti ditekankan bahawa spektrum adalah aset negara, dan mesti diurus dengan cekap agar ia memberi kesan terbaik untuk kedua-dua ekonomi dan rakyat.

Di Malaysia, fungsi pengurusan spektrum adalah diamanahkan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), sebuah badan berkanun yang mempunyai fungsi pembangunan dan juga

fungsi pengawalseliaan), dan ditadbir di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM). Melalui AKM, SKMM menyediakan spektrum bagi pengguna dan pengendali berlesen, membenarkan pengendali tersebut menggunakan spektrum untuk menyampaikan perkhidmatan komunikasi kepada pengguna akhir melalui cara tanpa wayar.

Jenis spektrum yang ditawarkan akan menentukan jenis perkhidmatan yang boleh disokong dan jumlah pengguna yang boleh diberi khidmat secara serentak. Peraturan-peraturan Spektrum CMA membenarkan SKMM menguruskan spektrum dalam pelbagai cara.

Spektrum boleh ditawarkan dengan cara peruntukan langsung atau diberi terus, jualan, “pertandingan kecantikan”, lelongan atau mana-mana kombinasi daripadanya. Walaupun sebelum ini spektrum telah diperuntukkan secara langsung kepada pemohon atau pembekal perkhidmatan, Malaysia sejak beberapa tahun lalu mula mengamalkan pendekatan “pertandingan kecantikan” berdasarkan bidaan yang kompetitif. Rasional untuk pendekatan ini adalah untuk memastikan bahawa pembida yang menang mempunyai kekuatan kewangan yang mencukupi untuk mempercepatkan pembinaan infrastruktur apabila dianugerahkan blok spektrum. Sebagai sebuah negara membangun, Malaysia masih mempunyai agenda pembangunan yang banyak untuk dipenuhi, seperti perluasan kawasan liputan perkhidmatan bagi perkhidmatan tanpa wayar dan menaik taraf serta meningkatkan kualiti perkhidmatan. Agenda pembangunan seperti ini memerlukan pelaburan modal yang besar bagi pihak pengendali.

Sehingga kini, Malaysia tidak memilih melakukan lelongan spektrum kerana tumpuannya kepada agenda pembangunan. Biasanya, lelongan

digunakan dalam situasi di mana terdapat rangkaian yang sudah matang dari segi infrastruktur dan perkhidmatan di tempat dimana liputan kawasannya juga menyeluruh. Kaedah lelongan juga digunakan dalam situasi di mana pasaran telah mencapai kematangan dan pembekal-pembekal perkhidmatan telah mencapai beberapa tahap sama rata bagi memastikan wujud keadilan. Masalah dengan kaedah lelongan, adalah peserta yang mempunyai kedudukan kewangan yang mantap mampu membayar harga tinggi untuk mendapatkan spektrum, manakala mereka yang baru bermula mungkin berhadapan dengan keperluan kewangan yang tinggi jika mahu memasuki bidang tersebut.

Di sesetengah negara, kos lelongan yang tinggi membawa kepada kelewatan dalam pelaksanaan projek infrastruktur spektrum. Ini disebabkan pelaburan yang besar dibuat bagi mendapatkan spektrum dan seterusnya hanya memperuntukkan sedikit bajet bagi pelaburan infrastruktur. Ini diikuti pula, oleh kecenderungan pembekal membina rangkaian di kawasan berpenduduk padat yang secara semula jadi akan memberikan pulangan yang cepat atas pelaburan. Keadaan sedemikian berpotensi mewujudkan jurang digital antara penduduk bandar dan luar bandar.

Sebaliknya, SKMM sentiasa cuba untuk memastikan pertumbuhan industri yang sihat dan seimbang.

Bagi memastikan spektrum digunakan secara optimum, Suruhanjaya memperuntukkan spektrum kepada pembekal perkhidmatan bagi tempoh masa yang tertentu dan tidak melebihi 20 tahun. Ini adalah bagi membolehkan pembekal perkhidmatan mempunyai masa yang secukupnya untuk mendapatkan pulangan pelaburan membina rangkaian yang membolehkan penyediaan perkhidmatan tanpa wayar. Peruntukan

tersebut disegarkan dari semasa ke semasa selaras dengan teknologi global dan serantau dan juga trend pengawalseliaan serta perjanjian pelbagai hala antarabangsa yang mengakibatkan berlakunya penujuaan semula atau pembahagian semula spektrum radio.

Dalam beberapa bulan kebelakangan ini, landskap pembangunan telah mengakibatkan keperluan untuk membahagi dan mengagihkan semula spektrum dilakukan di Malaysia. SKMM telah mengumumkan hasratnya bagi kegunaan spektrum 2600 MHz pada masa hadapan dan penghijrahan perkhidmatan televisyen analog kepada perkhidmatan televisyen digital. Spektrum 2600 MHz adalah untuk perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar, manakala spektrum bagi perkhidmatan televisyen atau penyiaran yang digunakan buat waktu ini adalah 470-742 MHz.

Pada masa hadapan, spektrum 2600 MHz telah dikenal pasti sesuai untuk digunakan sebagai satu standard teknologi sedunia yang harmoni: Evolusi Jangka Panjang (LTE), atau Generasi ke-4 (4G), perkhidmatan mudah alih. Ia juga penting untuk diambil perhatian bahawa jalur-jalur spektrum yang lain seperti 1800 MHz, 2100 MHz dan 2300 MHz juga akan berubah dari menggunakan teknologi 2G dan 3G waktu ini, termasuklah 3.5G dan 3.75G, ke arah LTE.

Bagi spektrum 2600 Mhz di Malaysia, SKMM telah mengumumkan pada 9 Disember 2012 pemenang yang dipilih bagi mendapatkan blok spektrum tertentu. Mereka adalah CelcomAxiata, Maxis, Digi. com, U-mobile (pengendali mudah alih sedia ada), YTL Communications, Redtone International, Packet One (operator Wimax sedia ada) dan Puncak Semangat Sdn Bhd. Peruntukan itu adalah berdasarkan kepada pengimbangan semula spektrum sedia ada bagi mewujudkan tahap persaingan yang lebih rata dan atas dasar kesaksamaan.

Strategi pemberian kepada setiap peserta sejumlah spektrum yang kecil bertujuan untuk menggalakkan perkongsian infrastruktur dan penyatuan di kalangan pembekal perkhidmatan, sekali gus mengurangkan pertindihan rangkaian tetapi membolehkan pengendali perkhidmatan mengekalkan kedudukan jenama masing-masing.

Para pemenang dijangka akan mula membina rangkaian perkongsian LTE pada tahun 2013. Ramai di kalangan mereka telah pun mengumumkan rancangan LTE mereka, dengan setiap pembekal perkhidmatan perlu melabur di antara RM400 hingga RM500 juta pada tahun 2013-2016.

SKMM juga telah mengadakan tender terbuka bagi perubahan penyiaran secara analog kepada digital. Menjelang tarikh tutup, lapan daripada 66 syarikat yang membeli dokumen tender telah mengemukakan bidaan mereka. Daripada lapan syarikat ini, hanya tiga yang layak untuk meneruskan ke penilaian pusingan kedua, dengan syarat tender yang memerlukan mereka mengemukakan pelan pelaksanaan terperinci mengenai cadangan strategi penghijrahan televisyen digital mereka. Inisiatif penghijrahan televisyen digital dijangka akan dibiayai sepenuhnya oleh sektor swasta tanpa memerlukan sebarang pembiayaan dari pihak Kerajaan.

SKMM dijangka mengumumkan tawaran pemenang pada suku kedua tahun 2013. Tertakluk kepada komitmen penyelarasan sempadan dengan negara-negara jiran, berkemungkinan besar wujudnya beberapa spektrum analog yang "dibebaskan" hasil pengenalan teknologi siaran digital. Spektrum yang "dibebaskan" ini biasanya dirujuk sebagai "dividen digital".

Sama ada akan wujudnya dividen digital yang bermakna yang akan diubah tujuan penggunaannya adalah tertakluk kepada kejayaan penghijrahan perkhidmatan

televisyen analog kepada siaran digital. Dijangkakan bahawa penghijrahan mungkin mengambil masa lima tahun atau lebih dari tarikh pengenalan pertama siaran digital. Faktor-faktor yang mempengaruhi migrasi ini termasuk keupayaan bagi rumah untuk menerima penghantaran televisyen digital yang baru.

Hanya selepas rumah terakhir telah "didigitalkan" barulah pemancar analog boleh dimatikan, dan hanya selepas itu barulah boleh SKMM dapat meneliti pembahagian semula "dividen digital" dan membuat pengubah tujuan semula spektrum yang dipulihkan untuk siaran atau tujuan lain.

Sektor talian tetap, juga menyaksikan tahap aktiviti yang tinggi. Telekom Malaysia (TM) dan Time dotcom (TdC) sedang sibuk meletakkan gentian di kawasan di mana permintaannya tinggi, dan ini dijangka berterusan pada tahun 2013.

TM telah mengumumkan pelaburan selanjutnya di Iskandar Malaysia dan negeri-negeri lain termasuk Melaka, Sarawak dan Sabah, hasil manfaat pelaburan awal mereka dalam projek HSBB.


TdC, di sudut lain, sedang memberi tumpuan pelaburan di tempat-tempat kediaman bertingkat di kawasan-kawasan seperti Mont Kiara di Kuala Lumpur, dan Pulau Pinang. Dengan pendekatan akses terbuka yang diambil oleh TM dan TdC, operator tanpa wayar juga akan mendapat manfaat apabila mereka menyediakan infrastruktur LTE.

Berikutan hasil daripada semua aktiviti dan pelaburan dalam sektor komunikasi, pengguna boleh mengharapkan pilihan yang lebih baik dan lebih pantas dalam landskap multimedia, justeru membawa Malaysia lebih dekat kepada matlamat utama untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi.



**Persaingan,
Standard dan
Liberalisasi**

**Merapatkan Jurang
Ketaksamaan**



**Pembaharuan
Kewangan
Awam**



**Peranan Kerajaan
dalam Perniagaan**



INISIATIF PEMBAHARUAN STRATEGIK

Inisiatif Pembaharuan Strategik bagi meningkatkan daya saing Malaysia



Pada 5 Julai 2011, Kerajaan Malaysia mengumumkan enam Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI), komponen kedua terpenting dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP) disamping 12 lagi NKEA, bagi meningkatkan daya saing Malaysia. ETP tersebut diilhamkan dengan dua teras utama yang menjadi fokus, melalui kesemua 12 NKEA dan juga yang menjadi fokus, melalui kesemua 12 NKEA dan juga daya saing untuk dicapai oleh SRI.

Terdapat enam SRI iaitu Kewangan Awam; Peranan Kerajaan Dalam Perniagaan; Pembangunan Modal Insan; Penyampaian Perkhidmatan Awam; Persaingan, Standard dan Liberisasi; Merapatkan Jurang Ketaksamaan (Untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana Bumiputera)

Keenam-enam SRI ini adalah berdasarkan 37 langkah-langkah yang disarankan oleh Majlis Penasihat Ekonomi Negara (NEAC) daripada 51 yang dicadangkan. Langkah-langkah yang lain kini diserapkan ke dalam NKEA dan juga Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA).

Kesemua SRI tersebut adalah hasil daripada rundingan yang berlangsung selama enam minggu di enam bengkel sepanjang tahun 2011 yang melibatkan 500 orang dari sektor awam dan swasta.



Persaingan, Standard dan Liberalisasi

PERSAINGAN, STANDARD DAN LIBERALISASI

Matlamat SRI Persaingan, Standard dan Liberalisasi (CSL) adalah untuk membangunkan persekitaran perniagaan dan budaya yang cekap dan berdaya saing yang menyokong matlamat Malaysia untuk menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.



Dato' Sri Mustapa Mohamed Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Sektor perkhidmatan disasarkan menjadi penggerak utama pertumbuhan ekonomi Malaysia pada masa hadapan. Langkah seterusnya, tindakan sedang diambil untuk membantu pertumbuhan dengan mewujudkan situasi pasaran yang lebih berdaya saing dan dinamik untuk memajukan sektor ini. Ini termasuk liberalisasi secara autonomi 15 subsektor perkhidmatan yang telah dilaksanakan pada tahun 2012 dengan tiga sektor lagi yang akan disempurnakan pada tahun 2013. Langkah sedemikian dijangka meningkatkan pelaburan langsung asing di samping menggalakkan persekitaran yang lebih kondusif dan berdaya saing bagi industri domestik yang akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia selanjutnya. Untuk memudahkan akses kepada maklumat sektor perkhidmatan, saya amat berbangga untuk memaklumkan bahawa MITI telah membangunkan sebuah laman web perkhidmatan khas, iaitu <http://myservices.miti.gov.my> untuk menyediakan antara lain maklumat mengenai pelbagai inisiatif perkhidmatan, termasuk di bawah liberalisasi autonomi dan di bawah perjanjian perdagangan bebas. Sebagai penyumbang terbesar kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia, adalah penting bagi sektor perkhidmatan untuk kekal berdaya saing dan berdaya tahan, terutama sekali ketika kita berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam ekonomi global. Oleh itu, Kerajaan akan terus menyokong pasaran terbuka dan berdaya saing untuk memastikan sasaran ini dapat dicapai.



Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Ongkili Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

Penggunaan dan pembangunan standard memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan daya saing Malaysia. Menyedari hal ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi melalui usaha sama Jabatan Standard Malaysia dengan pelbagai Kementerian dan agensi, telah mengukuhkan program yang menekankan pembangunan dan penggunaan standard. Kami telah meminda undang-undang untuk membenarkan pelantikan Agensi Pembangunan Standard tambahan dan menetapkan jadual masa yang baru yang akan mempercepatkan pembangunan standard. Kami bekerjasama juga dengan pelbagai Kementerian untuk mengukuhkan penggunaan standard di ladang dan industri bagi memastikan produk dan perkhidmatan di negara ini menepati standard antarabangsa dan mampu bersaing dalam pasaran global yang semakin kompetitif. Melalui inisiatif yang merentas kesemua NKEA, penekanan terhadap standard ini dibayangkan akan memperkukuh dan meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara pengeksport yang berdaya saing, sekali gus membantu meningkatkan pendapatan negara.



Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

Tahun 2012 yang lalu merupakan tahun yang aktif dan rancak dari aspek persaingan. Persekitaran perniagaan di Malaysia juga mencipta satu kejayaan besar dengan penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 pada 1 Januari 2012. Akta ini membantu Malaysia untuk mencapai matlamatnya menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 dengan memastikan persekitaran perniagaan yang berdaya saing dan cekap. Kerajaan turut menubuhkan Tribunal Rayuan Persaingan untuk mendengar kes-kes perbicaraan rayuan. Penekanan akan terus ditumpukan terhadap usaha program sokongan awam dan industri bagi memastikan kesedaran dan kefahaman tentang Akta ini. Adalah penting bagi kalangan ahli perniagaan dan industri untuk melengkapkan diri masing-masing dengan pengetahuan yang diperlukan bagi tujuan pematuhan agar semua pihak dapat meraih manfaat yang sepenuhnya daripada persaingan ini.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) 2012

SRI Persaingan, Standard dan Liberalisasi		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
1	Pembangunan standard Malaysia bagi pengeluaran bahan penanaman nanas tahun 2012-2013	Draf lengkap yang siap untuk disemak oleh Jawatankuasa Teknikal	MS 2527-2012 yang diluluskan oleh Menteri pada 14 Disember 2012	200	●	100	●	1.0	●
	Pembangunan standard Malaysia untuk International Standards for Phytosanitary Measures (ISPM No. 15) untuk peraturan bahan pembungkusan kayu di perdagangan antarabangsa	Draf standard yang diluluskan oleh Jawatankuasa Teknikal	Draf standard yang diluluskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan sedia untuk maklumbalas orang awam	120	●	100	●	1.0	●
	Mewujudkan standard untuk penanaman rumpai laut dan pengilangan (i) Rumpai laut kering mentah (ii) Karagenan yang dikilangkan	Penyiapan Penyelidikan dan Pembangunan untuk pengeringan rumpai laut	Penyelidikan dan Pembangunan untuk pengeringan rumpai laut disiapkan	100	●	100	●	1.0	●
2	Pindaan kepada Akta Standard Malaysia 1996 (Standards of Malaysia Act 1996) (Akta 549)	Diwartakan	Diwartakan pada 9 Februari 2012	100	●	100	●	1.0	●
3	Penghapusan sekatan ekuiti asing dalam: (i) Sekolah Antarabangsa (ii) Sekolah Vokasional Menengah & Sekolah Teknikal (iii) Sekolah Vokasional Menengah & Sekolah Teknikal untuk pelajar keperluan khas	100% pada Mei	100%	100	●	100	●	1.0	●
	Bagi membolehkan tempoh sahlaku untuk mengajar sehingga 5 tahun (melalui tambahan ke dalam peraturan Akta 550 (Akta Pendidikan untuk 1996)	Pada Mei 2012	99%	99	●	99	●	0.5	●

(bersambung)

(sambungan mukasurat sebelum)

SRI Persaingan, Standard dan Liberalisasi		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
4	Pindaan kepada Akta Perubatan 1971 untuk membolehkan pembentukan Pendaftaran Pakar Negara	Kelulusan Parlimen pada bulan Disember 2012	Diwartakan pada 20 September 2012	100	●	100	●	1.0	●
5	Penghapusan sekatan had ekuiti asing yang baru dalam institusi pengajian tinggi swasta	100%	Prosedur sedia ada untuk melaksanakan had ekuiti asing yang baru	100	●	100	●	1.0	●
6	Pindaan kepada Akta Arkitek 1967 untuk liberasi selanjutnya bagi keadaan ekuiti dan penghapusan keperluan kewarganegaraan	Kelulusan Parlimen	Draf pindaan-pindaan menunggu kelulusan	90	●	90	●	0.5	●
	Pindaan kepada Akta Jurutera 1967 untuk liberasi lanjut bagi keadaan ekuiti dan penghapusan keperluan kewarganegaraan	Kelulusan Parlimen	Draf pindaan-pindaan menunggu kelulusan	90	●	90	●	0.5	●
				110%		98%		85%	

Rajah 13.1

Kaedah 1 menunjukkan pencapaian KPI sebenar iaitu membenarkan pencapaian melebihi 100 peratus dilaporkan.

Kaedah 2 menunjukkan laporan pencapaian KPI yang dihadkan kepada 100 peratus.

Kaedah 3 menunjukkan laporan pencapaian paling mudah. Sasaran KPI yang telah dipenuhi atau melebihi diberi gred 1. KPI yang mencapai lebih separuh daripada sasarannya diberi gred 0.5, dan KPI yang kurang daripada separuh sasaran mereka diberi gred 0.

Pada tahun 2012, fokus SRI ini tertumpu kepada:

- pelaksanaan undang-undang persaingan;
- peningkatan penerimaan dan penggunaan standard dan amalan terbaik; dan
- meliberalisasikan subsektor perkhidmatan seperti yang diumumkan dalam Bajet 2012.

Tiga Kementerian yang menerajui SRI ini ialah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) untuk Persaingan, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk Standard dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk liberalisasi.

Persaingan

Budaya persaingan yang kukuh merupakan kunci ke arah menggalakkan pengeluaran barangan dan perkhidmatan cekap pada harga yang kompetitif, dan pada masa yang sama menyokong inovasi dan pembangunan. Dalam usaha untuk mengukuhkan daya saing industri Malaysia, Kerajaan telah menggubal Akta Persaingan 2010 dan bertekad menguatkuasakan undang-undang baharu tersebut. Inisiatif di bawah bidang Persaingan diletakkan di bawah Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC).

Suruhanjaya Persaingan Malaysia

Pencapaian utama pada tahun 2012 ialah Penguatkuasaan Akta Persaingan pada 1 Januari 2012. Sejak penubuhannya pada bulan April 2011, MyCC telah pun memulakan usaha membina batu asas bagi pelaksanaan Akta tersebut.

Peranan utama yang dimainkan oleh MyCC pada peringkat awal penguatkuasaan Akta tertumpu pada program sokongan untuk orang awam dan pihak berkepentingan demi meningkatkan kefahaman industri terhadap undang-undang persaingan. Di samping itu, memandangkan Akta tersebut telah pun dikuatkuasakan, Suruhanjaya telah mula menerima beberapa aduan dan menjalankan siasatan terhadap beberapa aduan tersebut. Siasatan yang dijalankan akan mengambil kira sama ada aduan tersebut adalah di bawah bidang kuasa Akta, sama ada insiden berlaku sebelum Akta dikuatkuasakan atau mempunyai maklumat yang mencukupi bagi meneruskan siasatan.

Tribunal Rayuan Persaingan

Tribunal Rayuan Persaingan merupakan satu lagi komponen dalam proses persaingan. Ia merupakan badan rayuan yang akan mendengar permohonan rayuan terhadap keputusan MyCC. Penubuhan Tribunal ini diumumkan oleh Perdana Menteri pada bulan Mei 2012 dengan pelantikan Presiden dan tujuh Ahli Tribunal. Tribunal ini dianggotai oleh pakar-pakar daripada bidang undang-undang, perniagaan dan ekonomi.

Tribunal Rayuan Persaingan mempunyai bidang kuasa eksklusif untuk menyemak semula apa-apa keputusan yang dibuat oleh MyCC. Seperti sebuah mahkamah rendah di bawah Akta Mahkamah Rendah 1948, Tribunal diberi kuasa untuk memanggil pihak-pihak yang terlibat bagi menghadiri prosiding, mendapatkan dan menerima keterangan. Keputusan Tribunal adalah muktamad.

Pencapaian dan Cabaran

Suruhanjaya tersebut berjaya menjana keberhasilan yang pantas dalam tahun pertama pelaksanaan Akta Persaingan, dengan menyelesaikan kes pertamanya dan mengeluarkan Keputusan akhir ke atas kes tersebut pada 6 Disember 2012.

Kes ini melibatkan Persatuan Floriculturist Cameron Highlands (CHFA), yang didapati melanggar Seksyen 4(2) Akta tersebut; iaitu penyertaan dalam perjanjian anti-persaingan untuk menaikkan harga bunga sebanyak 10 peratus. Sejak itu, CHFA telah bersetuju untuk mematuhi Keputusan MyCC.

Selain itu, MyCC turut menjalankan kajian pasaran mengenai pasaran ayam pedaging tempatan. Kajian tersebut tertumpu pada struktur semasa pasaran, interaksi antara perusahaan dengan pembekal dalam industri, di peringkat *ex farm*, borong dan runcit serta pergerakan harga.

Sepanjang tahun 2012 juga, MyCC telah menjalankan 36 sesi sokongan (*advocacy*) untuk pelbagai pihak berkepentingan, termasuk Perusahaan Kecil Sederhana (PKS). Di samping itu, ia turut mengeluarkan empat garis panduan sebagai rujukan awam tentang bagaimana Akta Persaingan ini harus ditafsirkan. Garis panduan tersebut termasuk:

1. Garis Panduan Definisi Pasaran
2. Garis Panduan Perjanjian Anti-Persaingan
3. Garis Panduan Prosedur Aduan
4. Garis Panduan Penyalahgunaan Kedudukan Dominan

Sungguhpun MyCC setakat ini telah bertindak dengan cepat, pengharapan orang ramai terhadap Suruhanjaya ini untuk terus menunjukkan keberhasilan yang pantas merupakan cabaran yang harus ditangani. Ini adalah kerana siasatan boleh mengambil masa yang panjang memandangkan ia melibatkan kajian dan penilaian yang terperinci.

Langkah Seterusnya

Wujudnya keperluan bagi pihak industri untuk memahami amalan anti-persaingan di bawah Akta Persaingan dengan lebih baik. Pasaran juga hendaklah lebih peka akan keperluan dan implikasi Akta ini.

Memandangkan pemupukan budaya persaingan di kalangan industri bakal mengambil masa, penekanan akan terus diberikan terhadap pelaksanaan program sokongan (*advocacy*) untuk membiasakan industri dan orang awam dengan keperluan undang-undang persaingan. Sungguhpun demikian, MyCC akan terus mengambil tindakan terhadap aduan-aduan yang diterima serta memberi tumpuan kepada penguatkuasaannya terhadap kesalahan persekongkolan dalam penawaran tender (*bid-rigging*) sebagai sebahagian daripada aktiviti penguatkuasaannya. MyCC juga berusaha untuk menyiapkan sekurang-kurangnya satu kajian pasaran pada tahun 2013.

Bagi Tribunal Rayuan Persaingan pula, ia akan melengkapkan prosedur rayuan untuk diterima pakai pada tahun 2013.

Standard

Rantaian proses standard mencakupi pembangunan, penggunaan dan penguatkuasaan standard. Pembangunan standard diletakkan di bawah bidang kuasa STANDARDS MALAYSIA, yang bekerjasama dengan SIRIM sebagai agensi pembangunan standard, serta organisasi pembangunan standard yang lain. Pelbagai agensi seperti MITI, Kementerian Pertanian, Kementerian Kesihatan, dan KPDNKK terlibat dalam menggalakkan penggunaan standard, manakala penguatkuasaan standard mandatori dilaksanakan oleh badan kawal selia yang berkenaan.

Langkah berkaitan dengan standard dijalankan melalui i) inisiatif merentas (cross-cutting) dan ii) merentasi NKEA (inisiatif sektor).

Inisiatif Merentas


Inisiatif merentas memfokuskan pembangunan ekosistem yang bersesuaian bagi pembangunan dan pelaksanaan standard di seluruh industri. Pada tahun 2012, inisiatif yang dilaksanakan meliputi:

Mempercepatkan Tempoh Masa Bagi Pembangunan Standard	Tempoh masa yang baru telah digunapakai terhadap semua standard baharu yang dibangunkan pada tahun 2012.
Pelantikan Agensi Pembangunan Standard (SDA)	Pindaan terhadap Akta Standard Malaysia 1996 pada tahun 2012 dikuatkuasakan untuk menyokong pelantikan SDA tambahan. Kriteria Akreditasi SDA telah digubal dan disahkan oleh Majlis Standard dan Akreditasi Malaysia.
Penggunaan Dashboard yang Standard	Dashboard mengenai standard yang dibangunkan untuk Projek Permulaan (EPP) bertujuan untuk memberikan gambaran yang menyeluruh mengenai penggunaan standard merentas NKEA.
Pelan Komunikasi Strategik	Sebuah pelan strategik tiga tahun mengenai penggalakan dan penggunaan standard untuk STANDARDS MALAYSIA telah diselesaikan pada Disember 2012.
Tadbir Urus Standard	STANDARDS MALAYSIA telah menjalankan sebuah kajian terhadap proses tadbir urus standard, yang mengkaji semula institusi dan proses sedia ada ke arah mekanisme standard yang lebih cekap. Ini akan membolehkan semakan semula terhadap struktur tadbir urus standard untuk memastikan inisiatif pembangunan, penggunaan dan penguatkuasaan standard yang lebih berkesan.
Kemudahan Ujian	Sebuah kajian mengenai ketersediaan kemudahan pengujian standard telah dijalankan. Kajian ini mendapati wujudnya beberapa kekurangan kapasiti dalam sektor E&E, makanan dan jentera. Berikutan itu, kajian mengesyorkan penubuhan beberapa makmal pengujian kebangsaan untuk memenuhi keperluan kemudahan ujian.
Penggunaan Standard Malaysia (MS)	Kajian mengenai penggunaan menunjukkan penggunaan standard yang tinggi terutamanya bagi standard yang berkaitan dengan pengurusan kualiti dan halal serta standard-standard yang digunakan bagi tujuan pensijilan. Beberapa syor juga telah dikemukakan untuk meningkatkan penggunaan standard lagi.

Rajah 13.2

Senarai Inisiatif SRI : Persaingan, Standard & Liberalisasi

Tahukah anda?



Industri rumpai laut menyediakan potensi hiliran yang memberangsangkan untuk makanan diproses dan farmaseutikal halal. Walau bagaimanapun, pengeluaran produk daripada rumpai laut kering mentah (RDS) memerlukan standard tempatan mengenai kaedah penanaman, penuaian dan pembuatan karagenan separa tulen (semi-refined), iaitu sejenis ekstrak rumpai laut. Ini bukan sahaja akan menetapkan penandaarasan bagi pengeluaran produk RDS, malah akan memastikan ketekalan kualiti untuk meningkatkan eksport RDS dan "karagenan".

Inisiatif Sektor

Pertanian

Untuk memastikan hasil pertanian sampai ke pasaran dengan cara yang selamat dan mampan, standard memainkan peranan yang penting di sepanjang rantai nilai pertanian, yang melibatkan beberapa proses dari ladang hingga siap dimakan.

Pembangunan dan penguatkuasaan standard untuk NKEA Pertanian memfokuskan penandaarasan amalan ladang/industri Malaysia berbanding dengan standard antarabangsa seperti Amalan Pertanian Baik (GAP) dan Amalan Pengilangan Baik (GMP). Usaha ini tertumpu pada penggunaan standard dalam bidang yang merangkumi rumpai laut, pengeluaran buah-buahan premium dan makanan yang diproses.

Pada tahun 2012, tugas SRI CSL mengenai standard untuk NKEA Pertanian telah melaksanakan inisiatif yang berikut:

Pembangunan Standard	Satu standard tempatan telah disiapkan untuk penanaman rumpai laut (MS 2467:2012) bersama-sama dengan Manual Penanaman Rumpai Laut. Penyelidikan telah dijalankan bagi pembangunan standard untuk rumpai laut kering mentah (RDS) dan draf MS kini sedang disemak oleh Jawatankuasa Teknikal. Kajian mengenai RDS menggunakan rumah pengeringan prototaip yang dikuasakan solar, dan berusaha untuk memenuhi keperluan industri, iaitu 40% kandungan lembapan bagi rumpai laut kering.
Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Mengenai Protokol Rawatan Kuarantin	MARDI telah menjalankan penyelidikan terhadap rawatan haba dan sejuk, penyinaran dan pewasapan bagi menghasilkan produk pertanian eksport yang bebas makhluk perosak. Ujian telahpun dimulakan pada tahap toleransi alat buah, dan langkah seterusnya akan beralih kepada ujian berskala kecil ke atas buah belimbing, betik, nanas, rambutan dan nangka.
Penjenamaan SALM kepada MyGAP	Makmal mini mengenai pensijilan ladang, yang jalankan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Tani pada bulan November 2012 mengesyorkan penjenamaan semula Skim Amalan Ladang Malaysia (SALM) kepada MyGAP. Ia turut mencadangkan supaya bilangan makmal ujian bersijil (certified) ditambah kepada empat berbanding dengan sebuah makmal sahaja selain daripada menekankan keperluan untuk menyediakan lebih banyak sumber untuk memperhebat usaha pensijilan ladang.
MeSTI	Kementerian Kesihatan Malaysia (KMM) memulakan skim penjenamaan semula MeSTI (Makanan Selamat Tanggungjawab Industri) pada Mei 2012. Skim MeSTI dibangunkan berdasarkan keperluan Amalan Pengilangan Baik (GMP). Skim ini bertujuan memudahkan pematuhan kepada Peraturan Kebersihan Makanan oleh industri makanan mikro dan juga industri berskala kecil dan sederhana. Ini bagi memastikan penyelenggaraan kawalan kebersihan dan proses termasuk jaminan keselamatan makanan dan kebolehkesanan makanan. Di bawah skim ini, syarikat pengeluaran makanan yang disahkan KKM akan dibenarkan untuk menggunakan logo pensijilan MeSTI pada label produk mereka. MeSTI merupakan langkah permulaan untuk membolehkan syarikat tersebut akhirnya mematuhi standard global seperti GMP dan Titik Kawalan Kritikal Analisis Bahaya (Hazard Analysis Critical Control Points, HACCP).
Kajian Semula pensijilan ladang Amalan Akuakultur Baik (GAQp)	Inisiatif ini bertujuan menambah baik pensijilan GAQp bagi menyokong usaha di bawah EPP 4 NKEA Pertanian. EPP tersebut memfokuskan pengeluaran spesies bernilai tinggi untuk eksport seperti siakap, kerapu dan tilapia.

Rajah 13.3

Senarai inisiatif di bawah SRI CSL - Inisiatif Sektor Pertanian

Penjagaan Kesihatan

NKEA Penjagaan Kesihatan memberikan penekanan terhadap bidang seperti pelancongan kesihatan, penyelidikan klinikal dan pembangunan industri peranti perubatan, dengan penggunaan standard merentas kemudahan kesihatan, profesional penjagaan kesihatan hingga mencakupi industri pengangkutan dan hospitaliti.

Penguatkuasaan standard merupakan komponen penting daya saing sektor penjagaan kesihatan, yang tidak hanya bergantung pada kelebihan dari segi kos, tetapi juga dalam penyediaan perkhidmatan yang berkualiti.

Matlamat SRI CSL untuk NKEA Penjagaan Kesihatan adalah untuk meningkatkan bilangan hospital, makmal dan kemudahan penyelidikan yang diaudit dan disahkan di samping penyelenggaraan status akreditasi untuk mengekalkan standard yang berkualiti tinggi. KKM telah melaksanakan program akreditasi bagi hospital kerajaan, yang dilaksanakan oleh Persatuan Kualiti Kesihatan Malaysia (Society for Quality in Health, MSQH). Pada masa ini, 60 hospital kerajaan dan 35 hospital swasta memegang pensijilan MSQH manakala 6 hospital swasta telah memperoleh akreditasi daripada Suruhanjaya Bersama Antarabangsa (Joint Commission International), iaitu sebuah badan pentauliah penjaminan kesihatan global yang berpangkalan di Amerika Syarikat.

Penekanan turut diberikan terhadap penandaarasan makmal berbanding dengan Amalan Makmal Baik (Good Laboratory Practices, GLP). Ini adalah untuk memastikan makmal Malaysia memenuhi standard antarabangsa dan keputusan ujian makmal negara diakui dan diterima.

Di samping itu, Akta Peranti Perubatan 2012 digubal untuk memastikan peranti perubatan keluaran tempatan dan yang diimport memenuhi standard yang diiktiraf.

Perkhidmatan Perniagaan

NKEA Perkhidmatan Perniagaan merangkumi sebilangan besar industri dan profesion yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Setakat ini, usaha berkaitan dengan standard dalam NKEA ini memfokuskan pewujudan rangka kerja tadbir urus bagi pelabelan hijau serta pensijilan kemudahan dan produk keselamatan siber.

Pelabelan Hijau

Pembangunan industri hijau selama ini didorong oleh permintaan dan kesedaran yang semakin meningkat bagi produk yang boleh dikeluarkan secara mampan. Pelabelan hijau memperakui bahawa produk tersebut memenuhi keperluan kualiti dan keselamatan di samping menyediakan jaminan proses pengeluaran yang mampan kepada pengguna.

Untuk mencapai tujuan ini, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) telah menerajui pembangunan skim ekolabel kebangsaan, iaitu Label MyHijau. Inisiatif turut difokuskan terhadap usaha membangunkan kriteria produk ekopelabelan (standard) tambahan dan menambah baik infrastruktur ekopelabelan untuk produk label hijau.

Selain itu, pada November 2012, KeTTHA dan Perbadanan Teknologi Hijau Malaysia (MGTC) telah menganjurkan makmal-mini berkaitan dengan pelabelan hijau. Makmal ini bertujuan memperkukuh tadbir urus standard label hijau di Malaysia dan meningkatkan bilangan standard produk dan produk hijau.

Pada masa ini, skim pelabelan hijau meliputi:

- 37 standard produk;
- 40 lesen yang diberikan kepada syarikat yang menghasilkan produk hijau; dan
- 293 produk yang dilabelkan hijau.

Keselamatan Siber

Dalam usaha untuk memastikan Malaysia dapat mengambil kesempatan yang ada dalam bidang perniagaan siber dan digital. Ia memerlukan sebuah ekosistem yang komprehensif dan selamat. Justeru, SRI CSL untuk keselamatan siber akan terlebih dahulu memfokuskan standard yang diperlukan bagi melindungi maklumat dan perkhidmatan yang sensitif dan berharga.

Dalam usaha untuk menangani ancaman siber, tujuan awal inisiatif ini harus memastikan bahawa Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (Critical National Information Infrastructures, CNII) mematuhi standard keselamatan maklumat seperti ISO/IEC 27001 [Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)]. Dua agensi peneraju untuk tujuan ini ialah Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Cyber Security Malaysia (CSM), iaitu sebuah agensi di bawah MOSTI. Usaha juga sedang diambil untuk mewujudkan lebih banyak produk keselamatan IT yang disahkan mengikut keperluan Kriteria Umum (Common Criteria).

Pencapaian dan Cabaran

Inisiatif merentas dan berbentuk sektor yang dilaksanakan melalui SRI CSL mengenai standard berjaya menghasilkan beberapa pencapaian merentas pelbagai sektor.

Dalam bidang pembangunan standard, 336 standard baru telah diwujudkan, termasuk Kod Amalan Baik Penanaman Rumpai Laut (MS 2467:2012) dan Standard Bahan Penanaman Nanas (MS 2527: 2012). Enam standard peranti perubatan sebagai Standard Malaysia (MS) juga telah diterima guna sebagai sebahagian daripada usaha di bawah Akta Peranti Perubatan 2012 yang baru.

Tahukah anda?



Bahan Tanaman Vegetatif Nanas (*Ananas comosus* L.) – Standard spesifikasi (MS 2527) telah dimuktamadkan dan diluluskan pada Disember 2012. Standard ini dibangunkan untuk memastikan pengeluaran bahan tanaman yang berkualiti (benih) untuk nanas.

Hal ini penting untuk memenuhi keperluan import pasaran asing yang ketat (contohnya, saiz dan rasa).

MS 2467:2012 (Kod Amalan Baik Penanaman Rumpai Laut) – kod penanaman rumpai laut, dibangunkan dan disiapkan pada Januari 2012 oleh Jabatan Perikanan. Ini merupakan standard tempatan untuk memastikan rumpai laut ditanam mengikut standard tertentu. Untuk memastikan ia mudah digunakan oleh petani rumpai laut, manual itu telah disiapkan pada Jun 2012 dan setakat ini, 150 ladang telah mendaftar untuk persijilan mengikut standard tersebut.

Dari segi tadbir urus standard pula, enakmen Akta Peranti Perubatan 2012 kini menerajui usaha untuk menanda aras peranti perubatan berbanding dengan standard antarabangsa. Ini dilengkapi pula dengan penubuhan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) pada bulan Mei 2012. MDA berperanan menangani isu-isu kesihatan dan keselamatan orang ramai berkaitan dengan peranti perubatan. Ia juga akan mengurus proses pendaftaran produk dan pelesenan pengendali (operator).

Struktur tadbir urus pelabelan hijau telah diperkukuh dengan pelancaran sebuah logo hijau kebangsaan - MyHijau - pada Oktober 2012 untuk menyatukan pelbagai skim label hijau di bawah satu payung. MGTC akan menjadi depository pusat standard hijau. Ia akan bertanggungjawab terhadap pengawasan rangka kerja pembangunan standard hijau, dengan demikian meletakkan lebih banyak produk di bawah Label MyHijau dan menyasarkan sekurang-kurangnya dua pemilik skim di bawah skim Label MyHijau.

Dari aspek pematuan sistem pengurusan keselamatan maklumat (ISMS), sejumlah 43 daripada 200 CNIL telah disahkan di bawah ISMS pada akhir Disember 2012. Usaha sedang dijalankan bagi memastikan lebih banyak produk diperakui di bawah Standard Kriteria Umum (Common Criteria Standard) yang merupakan pengiktirafan bersama terhadap produk IT selamat bagi meningkatkan potensi eksport. Sehingga kini, 27 produk keselamatan ICT telah disahkan di bawah Standard Kriteria Umum.

Bagi mencapai hasrat untuk menjadi pengeluar dan pengeksport makanan utama, aspek keselamatan dan kualiti makanan merupakan salah satu langkah penting yang perlu diberi perhatian bagi mencapai kelebihan daya saing dalam industri perdagangan makanan yang amat mencabar ini. Dalam konteks ini, Kerajaan melancarkan skim MeSTI pada Mei 2012 berkaitan dengan keperluan kebersihan dan keselamatan makanan bagi syarikat pemprosesan makanan untuk memastikan pengeluaran makanan yang berkualiti.

Terdapat beberapa cabaran dalam memastikan industri menggunakan standard yang telah ditetapkan. Memandangkan wujudnya pelbagai industri, produk dan perkhidmatan yang dikawal selia oleh standard tertentu, usaha pematuan perlu ditetapkan mengikut keperluan industri. Selain itu, kos yang terlibat dalam penggunaan standard pula telah menyebabkan pengusaha enggan mematuhi standard, melainkan sekiranya mereka diwajibkan berbuat demikian. Pada masa yang sama, kesedaran mengenai standard dan pensijilan di kalangan pengguna perlu dipertingkatkan agar dapat meningkatkan permintaan terhadap produk berkualiti tinggi.

Langkah Seterusnya

Fokus bagi tahun 2013 ini adalah untuk mengukuhkan keperluan struktur tadbir urus dan infrastruktur standard dengan melaksanakan cadangan yang bersesuaian oleh kajian tadbir urus dan kemudahan ujian. Selain itu, promosi dan penggunaan standard akan diberikan keutamaan dengan pelaksanaan beberapa cadangan oleh kajian penggunaan serta melalui reka bentuk program pematuan standard yang dijangka siap pada 2013. Pembangunan kapasiti untuk menggalakkan standard juga dijangka akan diteruskan bagi meningkatkan penggunaan standard, terutamanya di kalangan PKS. STANDARDS MALAYSIA sedang mengkaji empat permohonan yang diterima bagi melantik SDA yang baru untuk mempercepatkan pembangunan standard.

Di samping itu, Pelan Strategik Komunikasi STANDARDS MALAYSIA akan turut dilaksanakan pada tahun 2013 bagi menggalakkan kesedaran terhadap standard.

Di bawah NKEA Pertanian, cadangan yang disarankan dalam makmal mini SALM mengenai pensijilan ladang GAP akan dilaksanakan pada tahun 2013. Inisiatif standard lain yang akan dilaksanakan melalui NKEA ini termasuk:

- Pensijilan MyGap untuk ladang pertanian
- Pensijilan MyGAqP untuk spesies pertanian bernilai tinggi seperti siakap, kerapu dan tilapia
- Standard untuk menggalakkan pengeluaran terurus udang berkualiti tinggi yang disahkan sepenuhnya untuk pasaran premium
- Pensijilan ladang rumpai laut dengan standard penanaman rumpai laut
- Pensijilan MeSTI untuk syarikat pengeluaran makanan PKS

Bagi NKEA Penjagaan Kesihatan pula, 60 standard tambahan telah dikenal pasti untuk dibangunkan sebagai MS pada tahun 2013 dan pendaftaran peranti mandatori sedang dilaksanakan bagi memastikan keselamatan dan kualiti peranti. Proses pendaftaran ini disasarkan bermula pada Oktober 2014.

Inisiatif standard yang dilaksanakan melalui NKEA Perkhidmatan Perniagaan dijangka menyaksikan pensijilan baki 157 CNIL pada tahun 2013. Di samping itu, CSM akan menyasarkan 5 produk tambahan untuk pematuan terhadap standard Kriteria Umum sehingga Penilaian Jaminan Tahap 2-4. Standard ini menyediakan jaminan fungsi keselamatan produk ICT yang dinilai dan disahkan berdasarkan standard ISO / IEC 15408.

Liberalisasi

Dalam usaha untuk memperkukuh keupayaan tempatan dan meningkatkan kapasiti melalui peningkatan pelaburan dan teknologi asing, Malaysia telah melaksanakan dasar liberalisasi yang progresif. Proses liberalisasi ini diselaraskan, dipantau dan dipandu oleh Majlis Pembangunan Perkhidmatan Malaysia (MSDC), yang dipengerusikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Bajet 2012 telah mengumumkan liberalisasi autonomi 17 subsektor secara berperingkat pada tahun 2012. Ini kemudiannya ditambah kepada 18 dengan kemasukan perkhidmatan pengukuran bahan.

Untuk memastikan liberalisasi yang berkesan, MSDC menganjurkan beberapa siri meja bulat untuk mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh sektor perkhidmatan. Berikutan itu, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah ditugaskan untuk memetakan proses dan prosedur kemasukan perniagaan ke dalam sektor yang diliberalisasikan ini untuk menggalakkan pelaburan. Proses ini kemudian dimuat naik untuk memudahkan kefahaman para pelabur mengenai proses yang terlibat.

Untuk meningkatkan lagi daya saing dalam sektor perkhidmatan, sebuah kajian mengenai peraturan domestik telah dijalankan dalam empat subsektor: pelancongan kesihatan, pendidikan teknikal dan vokasional, pendidikan tinggi swasta dan tenaga boleh diperbaharui.

Pencapaian dan Cabaran Pada 2012

Liberalisasi telah diselesaikan bagi 15 daripada 17 subsektor yang pada awalnya diumumkan dalam Bajet 2012. 15 subsektor yang telah diliberalisasikan itu terdiri daripada:

- perkhidmatan perakaunan / pencukaian
- perkhidmatan kurier
- pakar pergigian
- gedung serbaneka dan kedai barangan khusus
- perkhidmatan pembakaran
- perkhidmatan undang-undang
- sekolah antarabangsa
- sekolah teknikal dan vokasional
- sekolah teknikal dan vokasional untuk keperluan khas
- pusat latihan kemahiran
- pendidikan tinggi swasta dengan status universiti
- hospital swasta
- pakar perubatan
- telekomunikasi (Pembekal Perkhidmatan Aplikasi)
- telekomunikasi (Pembekal Perkhidmatan Rangkaian/ Pembekal Kemudahan Rangkaian)

Sungguhpun liberalisasi telah mencapai sebahagian besar sasarannya, namun prosesnya memerlukan persiapan yang terperinci dalam beberapa subsektor sebelum ia boleh dilaksanakan. Sebagai contoh, untuk memudahkan proses tersebut, pindaan perlu dibuat kepada Akta Perubatan 1971 dan Akta Profesion Undang-undang 1976. Selain itu, liberalisasi bagi baki tiga subsektor (seni bina, kejuruteraan dan perkhidmatan pengukuran bahan) telah ditangguhkan kerana keperluan untuk meminda Akta Jurutera 1967, Akta Arkitek 1967 dan Akta Juruukur Bahan 1967 terlebih dahulu.

Langkah Seterusnya

Perkhidmatan arkitek, kejuruteraan dan pengukuran bahan dijangka bersedia untuk diliberalisasikan pada tahun 2013, sementara menunggu pindaan terhadap undang-undang masing-masing.

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) akan bekerjasama dengan Kementerian yang berkenaan untuk melaksanakan penambahbaikan terhadap proses dan prosedur bagi memasuki perniagaan. Proses dan prosedur baru ini akan diterbitkan di laman sesawang MITI dan Kementerian masing-masing. MPC juga sedang melaksanakan lapan inisiatif untuk menambah baik proses pengawalseliaan, termasuk memperbaiki akses kepada maklumat, menghapuskan pertindihan dalam pemeriksaan keselamatan kebakaran, mewujudkan prosedur pentadbiran, contohnya garis panduan, proses kerja dan keperluan maklumat untuk penubuhan sekolah teknikal dan vokasional; dan menambahbaik proses untuk penubuhan hospital.

Lanjutan daripada kajian yang dijalankan mengenai peraturan domestik untuk menilai kesan peraturan domestik terhadap perkhidmatan pelancongan kesihatan, pendidikan teknikal dan vokasional, pendidikan tinggi swasta dan tenaga boleh diperbaharui, sebuah pelan tindakan akan dirumuskan untuk menangani sebarang kebimbangan kawal selia dalam sektor berkenaan. Pelaksanaan pelan tindakan akan dimulakan pada tahun 2013.

Kerajaan juga akan mempertimbangkan liberalisasi subsektor tambahan atau mempertingkatkan kedalaman pelan liberalisasi dalam subsektor yang sedia ada. Dalam hal ini, Kerajaan akan terus melibatkan pihak berkepentingan untuk menangani kebimbangan mereka untuk menyampaikan mesej tentang betapa pentingnya peranan liberalisasi tersebut.

Sementara itu, subsektor yang telah diliberalisasikan akan dipantau dari segi sumbangan pelaburan dan pengwujudan peluang pekerjaan melalui data yang dikumpulkan oleh Jabatan Perangkaan. Ini adalah bertujuan untuk mengukur keberhasilan liberalisasi tersebut.

15 Subsektor Perkhidmatan Yang Telah Diliberalisasikan



Perakaunan



Kurier



Pergigian



Gedung Serbaneka



Pembakaran



Undang-undang



Sekolah Antarabangsa



Sekolah Teknikal & Vokasional



Sekolah Teknikal & Vokasional untuk Keperluan Khas



Pusat Latihan Kemahiran



Pendidikan Swasta



Hospital Swasta



Perubatan



Telekomunikasi Perkhidmatan Aplikasi



Telekomunikasi Perkhidmatan Rangkaian

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

PENGALAMAN BERSAMA PERKHIDMATAN AWAM

Bagi En. Kua Abun, Setiausaha Bahagian Dasar, Kementerian Sumber Manusia (KSM), penguatkuasaan Perintah Gaji Minimum pada 1 Januari 2013 menandakan satu kejayaan besar bagi kerja penyediaan undang-undang baru yang bermula pada tahun 2010.

"Sebenarnya kami bermula di dalam bilik ini," kata En. Kua, merujuk kepada pejabat beliau di KSM di Putrajaya. "Di sinilah, kami menghasilkan kertas kerja pertama [berkaitan polisi gaji minimum] sebelum kami menyediakan draf undang-undang dan mendapatkan kelulusan melalui Parlimen," katanya tentang Perintah yang diwartakan pada 1 Julai 2012.

En. Kua dan pasukan beliau juga kini sedang meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan Akta Pekerjaan 1955 sebagai sebahagian daripada inisiatif di bawah SRI Pembangunan Modal Insan untuk transformasi tempat kerja, iaitu satu usaha gigih dalam membawa Perintah Gaji Minimum menjadi kenyataan. Saya dan pasukan saya jarang mengambil cuti dalam tempoh dua tahun yang lalu, malah kami menghabiskan hujung minggu di sini dan mengadakan perbincangan mingguan dengan YB Datuk Seri Dr S. Subramaniam, Menteri Sumber Manusia, dan YB Dato' Seri Zainal Rahim Seman, Ketua Setiausaha KSM," kata En. Kua.

Tahap komitmen sebegini amat diperlukan memandangkan kerumitan untuk menangani program gaji minimum di Malaysia, yang mana melibatkan perbincangan tiga pihak dengan pihak iaitu majikan, pekerja, dan ahli-ahli kalangan pengamal undang-undang.

Persediaan untuk Perintah Gaji Minimum juga melibatkan kerja-kerja asas seperti mengadakan seminar, perbincangan dan dialog dengan pihak-pihak yang terlibat bertujuan untuk mendapat maklum balas daripada orang ramai mengenai bagaimana undang-undang baru boleh dilaksanakan.

KSM juga telah membentuk sebuah jawatankuasa teknikal dan bekerja dengan Bank Dunia untuk menilai tahap gaji minimum yang sesuai bagi Malaysia, dalam langkah pro-aktif sebelum penubuhan Majlis Perundingan Gaji Kebangsaan dan bertujuan untuk menilai manfaat ekonomi dalam melaksanakan undang-undang baru.

"Ia merupakan perkara yang sukar untuk mendapatkan konsensus [terhadap undang-undang baru], tetapi kami berjaya mencapainya melalui kepimpinan Menteri dan Ketua Setiausaha KSM. Saya sendiri amat berpuas hati kerana kami telah turut serta dalam peristiwa penting ini seperti yang dirancang dan pertama kali dibentangkan kepada PEMANDU pada tahun 2010," kata beliau, sambil menambah bahawa usaha-usaha yang diambil dalam melaksanakan Perintah Gaji Minimum telah merangkumkan semangat 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan', membentuk elemen penting dalam membawa Malaysia ke arah status negara berpendapatan tinggi.

“

Ia merupakan perkara yang sukar untuk mendapatkan konsensus [terhadap undang-undang baru], tetapi kami berjaya mencapainya melalui kepimpinan Menteri dan Ketua Setiausaha KSM. Saya sendiri amat berpuas hati kerana kami telah turut serta dalam peristiwa penting ini seperti yang dirancang dan pertama kali dibentangkan kepada PEMANDU pada 2010

”



En. Kua Abun,
Setiausaha Bahagian Dasar
Kementerian Sumber Manusia



Pembaharuan Kewangan Awam



PEMBAHARUAN KEWANGAN AWAM

SRI Pembaharuan Kewangan Awam ini bertujuan memperkukuhkan kewangan Kerajaan bagi memastikan kestabilan dan kemapanan dana awam. Melalui SRI ini, Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk mencapai belanjawan defisit Kerajaan Persekutuan dalam lingkungan tiga peratus menjelang tahun 2015 dan belanjawan hampir neutral menjelang tahun 2020. Ini sejajar dengan objektif yang dikenal pasti oleh Majlis Penasihat Ekonomi Negara (NEAC) dalam Model Baru Ekonomi (MBE).

Inisiatif di bawah SRI Pembaharuan Kewangan Awam

A.	Mengukuhkan Pentadbiran dan Pemuatan Cukai
	• Meluaskan liputan audit luar dan liputan siasatan • Meluaskan asas cukai • Meningkatkan kecekapan dalam pembayaran dan kutipan cukai • Mengkaji semula kadar susut nilai kereta import terpakai yang diwartakan (pengurangan sebanyak 10 peratus) • Kawalan audit terhadap pengeksport dan pengimport minuman keras dan rokok di pulau bebas cukai dan Zon Perdagangan Bebas • Meningkatkan penguatkuasaan/audit Kastam
B.	Rasionalisasi Insentif Cukai Korporat
	• Mengurangkan pengecualian cukai (dari penuh ke separa) ke atas pendapatan perkapalan • Mengkaji semula insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 • Mengkaji semula insentif cukai potongan sekali, dua kali dan seterusnya • Mengurangkan elaun pelaburan semula

(bersambung)



Dato' Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah Menteri Kewangan II

SRI Pembaharuan Kewangan Awam yang diterajui oleh Kementerian Kewangan dilaksanakan sebahagian besarnya oleh agensi seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Akauntan Negara telah membuahkan hasil yang memberangsangkan. Inisiatif yang dilaksanakan telah membolehkan kerajaan memperoleh kutipan hasil yang lebih tinggi pada tahun 2012 dan ini telah membantu kami untuk menguruskan dengan lebih baik ruang fiskal Negara dengan pertumbuhan ekonomi yang sihat.

Selaras dengan objektif untuk memperkukuhkan kewangan awam dan ramalan pertumbuhan KDNK yang baik bagi tahun 2013, saya berasa yakin bahawa tugas yang dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan dan agensi yang berkaitan serta pelaksanaan inisiatif SRI akan menyumbang secara berterusan untuk mengurangkan defisit fiskal kepada 4 peratus. Sasaran jangka panjang kami tetap kekal, iaitu untuk mencapai defisit fiskal sebanyak 3 peratus menjelang tahun 2015 dan belanjawan yang hampir seimbang menjelang tahun 2020.

(sambungan mukasurat sebelum)

C.	Kawalan Perbelanjaan
	- Meningkatkan kadar ses bagi tanaman semula getah - Mekanisme pembiayaan kos efektif (bagi institut pengajian tinggi awam) - Optimumkan penggunaan aset (bagi institut pengajian tinggi awam) - Mengurangkan perbelanjaan perjalanan Kerajaan sehingga 15%
D.	Perolehan Yang Telus
	- Meluaskan skop E-Bidaan – mengurangkan nilai ambang daripada RM200 ribu kepada RM50 ribu untuk perolehan barangan dan perkhidmatan - Menguatkuasakan pelan perolehan - Menyingkirkan pembekal dan penyedia perkhidmatan yang tidak cekap - Meningkatkan bina upaya pegawai perolehan (melalui kursus latihan yang diperakui) - Pengurusan Nilai (VM)
E.	Inisiatif Lain
	- Cukai Berasas Luas (GST) - Perakaunan akruan

Rajah 13.4: Senarai inisiatif yang Disarankan oleh SRI Makmal Pembaharuan Kewangan Awam

Untuk memastikan hasil dan kesan yang terbaik bagi negara, senarai inisiatif ini akan dikaji semula dan ditambahbaik secara berkala mengikut senario ekonomi terkini.

Petunjuk Prestasi Utama 2012

SRI Pembaharuan Kewangan Awam		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
1	Meningkatkan pentadbiran dan pematuhan cukai - Cukai Langsung (Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia) (RM juta)	1460	1,795	122.95	●	100	●	1	●
2	Meningkatkan pentadbiran dan pematuhan cukai - Cukai Tak Langsung (Jabatan Kastam Diraja Malaysia) (RM juta)	166	244.72	147.42	●	100	●	1	●
3	Implementasi Perakaunan Akruan	Pelaksanaan disiapkan inisiatif yang dirancang bagi tahun 2012	64.2% inisiatif yang dirancang telah disiapkan pada tahun 2012	64.2	●	64	●	0.5	●
				112%		88%		83%	

Rajah 13.5

Kaedah 1 menunjukkan pencapaian KPI sebenar iaitu membenarkan pencapaian melebihi 100 peratus dilaporkan.

Kaedah 2 menunjukkan laporan pencapaian KPI yang dihadkan kepada 100 peratus.

Kaedah 3 menunjukkan laporan pencapaian paling mudah. Sasaran KPI yang telah dipenuhi atau melebihi diberi gred 1. KPI yang mencapai lebih separuh daripada sasarannya diberi gred 0.5, dan KPI yang kurang daripada separuh sasaran mereka diberi gred 0.

Mengukuhkan Pentadbiran dan Pematuhan Cukai

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), berjaya mengutip hasil tambahan sebanyak RM1.79 bilion dengan melaksanakan tiga bidang fokus di bawah inisiatif Mengukuhkan Pentadbiran dan Pematuhan Cukai pada tahun 2012. Kesan sebenar inisiatif ini adalah lebih besar daripada cukai yang dikutip.

Inisiatif Pembaharuan Kewangan Awam seperti penambahan staf bukan sahaja membolehkan lebih banyak audit dikendalikan dan menghasilkan lebih banyak kutipan cukai malahan ia juga meningkatkan pematuhan pembayar cukai. Ini boleh dilihat melalui peningkatan besar jumlah hasil cukai langsung yang dikutip pada tahun 2012, yang dianggarkan berjumlah RM116.825 bilion berbanding dengan kutipan sebenar tahun 2011 pada RM102.242 bilion.

Inisiatif yang telah dilaksanakan oleh LHDNM adalah:

Meluaskan liputan audit luar dan liputan siasatan	• Lebih banyak kes audit luar telah dilaksanakan berikutan: - Pengisian jawatan kosong di LHDNM - Pengambilan lebih banyak pegawai audit kontrak - Penugasan semula staf dari audit meja ke audit luar • Ini telah menjana kesan yang positif dan mengukuhkan kesedaran dalam kalangan orang awam dan pembayar cukai mengenai pematuhan cukai • Program mentor telah menghasilkan juruaudit yang lebih berkemampuan dalam menangani isu pindahan harga dan isu industri khusus, khususnya perbankan • Liputan audit telah diluaskan dengan pengenalan audit fokus untuk sektor korporat pada tahun 2012
Meluaskan asas cukai	• Berdasarkan kepada data yang diperolehi daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia, proses pemadanan telah dibuat berdasarkan pangkalan data LHDNM melalui Sistem Pengurusan Kes yang baru. Hasil daripada proses ini, LHDNM telah mengenal pasti lebih kurang 70,000 syarikat yang layak sebagai bakal pembayar cukai. LHDNM sedang dalam proses menapis bilangan syarikat tersebut untuk mengeluarkan syarikat dormant • LHDNM juga telah menjalankan kerja luar untuk meningkatkan asas cukai melalui tinjauan perniagaan di kalangan orang awam
Meningkatkan kecekapan dalam pembayaran dan kutipan cukai	• Meningkatkan bilangan bank yang dilengkapi dengan kemudahan bayaran cukai • Pengenalan <i>mobile filing</i> (m-filing) telah mewujudkan satu saluran baru bagi pembayar cukai untuk mengemukakan penyata cukai, dengan itu menambah kemudahan pematuhan cukai • LHDNM telah melaksanakan "<i>auto-fill</i>" pendapatan di dalam borang e-filing untuk semua pekerja bergaji, berdasarkan maklumat yang diterima daripada majikan untuk memudahkan pemfailan cukai • Panggilan telefon dan peringatan secara automatik kepada pembayar cukai yang mempunyai tunggakan cukai yang besar juga meningkatkan pematuhan cukai

Rajah 13.6

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah ditugaskan untuk melaksanakan inisiatif berikut:

1. Kawalan audit terhadap pengeksporth dan pengimport minuman keras dan rokok di pulau bebas cukai dan Zon Perdagangan Bebas
2. Meningkatkan penguatkuasaan/audit Kastam

Walaupun isu perundangan melewati pelaksanaan inisiatif pertama, pelaksanaan inisiatif kedua telah menghasilkan kutipan cukai tambahan sebanyak RM244.72 juta. Ini merupakan 47 peratus lebih tinggi daripada jumlah yang disasarkan untuk tahun 2012 sebanyak RM166 juta.

Inisiatif peningkatan penguatkuasaan termasuk:

Memaklumkan kepada komuniti peniagaan mengenai keperluan baru dalam pengendalian audit	• Audit khas (operasi bersama) • Audit berkala
Meningkatkan liputan audit ke atas pemegang lesen dan pengimport	• Menyemak semula sasaran audit • Menambahbaik kompetensi pegawai audit melalui program bina upaya
Menambahbaik mekanisme audit	• Meningkatkan bilangan lesen perisian Teknik Bantuan Audit Berkomputer (CAAT) • Menyemak tatacara audit standard • Mengeluarkan garis panduan dalaman mengenai pengauditan • Menambahbaik e-Audit untuk laporan audit dan penilaian risiko • Menambahbaik sistem pengurusan risiko • Membangunkan sistem rangkaian untuk perkongsian maklumat • Meningkatkan pematuhan cukai • Membangunkan sistem pengurusan hutang yang sistematik dan cekap

Rajah 13.7

Perolehan Yang Telus

Sejak inisiatif peluasan skop E-Bidaan dilaksanakan pada April 2011, Kerajaan telah mencapai jumlah penjimatan kos sebanyak RM26.01 juta pada 31 December 2012. Ini merupakan 86.7 peratus daripada RM30 juta dalam penjimatan yang disasarkan untuk tahun 2012. Untuk tahun 2012, jumlah e-bidaan bernilai RM150.88 juta. Ini telah dilaksanakan dengan mengurangkan nilai ambang E-Bidaan untuk perolehan barangan dan perkhidmatan daripada RM200,000 kepada RM50,000.

E-Bidaan merupakan kaedah perolehan yang lebih telus melibatkan pembidaan dalam talian antara syarikat yang layak untuk:

- Barangan generik yang mempunyai spesifikasi yang standard tanpa perlu menjalani proses penilaian teknikal yang rumit
- Barangan dan perkhidmatan yang dikendalikan di bawah sistem panel
- Perkhidmatan generik yang mempunyai skop dan spesifikasi yang seragam

Sebagai sebahagian daripada proses yang berterusan di Kementerian Kewangan (MoF), program latihan untuk meningkatkan bina upaya pegawai perolehan sedang dibangunkan dengan kerjasama Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)/Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Kerja Raya (JKR)/Kementerian Kerja Raya (KKR) dan lain-lain kementerian teras. Program latihan ini akan merangkumi semua aspek perolehan Kerajaan bagi memastikan pegawai perolehan dilengkapi pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan berkaitan dengan perolehan barangan dan perkhidmatan.

Sejajar dengan langkah untuk menggalakkan perolehan telus, MoF akan memantau pelan perolehan oleh agensi Kerajaan. Bagaimanapun, keputusan untuk memasukkan perancangan perolehan dan pengurusan nilai bagi perbelanjaan mengurus ke dalam program ini telah menangguh pelaksanaan inisiatif ini, yang asalnya dijadualkan pada tahun 2012.

Cukai Berasas Luas

Cukai penggunaan yang berasas luas, Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) ialah sistem cukai yang akan mengganti cukai jualan dan cukai perkhidmatan sedia ada yang mengenakan caj 10 peratus dan enam peratus masing-masing. Cukai berasas luas membolehkan Kerajaan untuk menutup kelemahan sistem cukai yang sedia ada, terutamanya kebocoran melalui pengelakan cukai kerana ia akan dikenakan ke atas "aktiviti yang ditambah nilai" sepanjang rantai penghantaran. Bagaimanapun, kebanyakan produk dan perkhidmatan asas seperti beras, daging mentah, ikan segar, sayuran, pengangkutan awam domestik dan perkhidmatan kesihatan akan dikecualikan cukai atau dikadar-sifarkan. Hasil tambahan daripada pelaksanaan GST bagi tempoh dua tahun pertama dianggarkan antara RM0-8 bilion, jika kadar GST ditetapkan dalam lingkungan empat hingga lima peratus. Hasil neutral dijangkakan untuk GST pada empat peratus.

Kerajaan akan meneruskan usaha komunikasi dengan sektor awam, komuniti perniagaan dan rakyat untuk memastikan inisiatif GST akan diterima dan dilaksanakan dengan licin. Pada tahun 2012, sebanyak 73 program kesedaran dan latihan telah dijalankan yang melibatkan 7,491 peserta. Program ini penting kerana ianya dijadikan sebagai forum untuk mengetengahkan maklum balas dan pendapat tentang isu yang ditimbulkan oleh komuniti perniagaan dan rakyat mengenai GST. Semua perkara yang dipertengahkan akan dipertimbangkan oleh Kerajaan dan akan diambil kira dalam pindaan rang undang-undang GST. Rang undang-undang baru ini dijangka akan menyelesaikan isu yang terdapat pada rang undang-undang sebelum ini.

Kumpulan Sasaran	Bil. Program	Bil. Peserta
Kerajaan	26	2,739
Industri	43	4,428
Pengguna	4	324
Jumlah	73	7,491

Rajah 13.8

Perakaunan Akruan

Berdasarkan cadangan daripada MBE, Kerajaan sedang melaksanakan dasar perakaunan baru di mana sistem perakaunan sedia ada akan diubah daripada asas tunai kepada asas akruan. Pada Februari 2012, Jawatankuasa Pemandu Perakaunan Akruan telah meluluskan dasar perakaunan berasaskan akruan baru yang digubal untuk pembangunan sistem perakaunan berasaskan akruan yang dijadualkan untuk pelaksanaan pada tahun 2015. Dasar ini akan membolehkan Kerajaan menghasilkan akaun yang lebih terperinci di samping meningkatkan ketelusan bagi perancangan dan pelaksanaan fiskal yang lebih baik.

Dasar baru ini juga telahersetujui oleh Lembaga Penasihat Standard Perakaunan Kerajaan (GASAC), dan peruntukan am, dasar mengenai pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan Hasil, Perbelanjaan, Aset, Liabiliti dan Aset/Ekuiti Bersih telah dimasukkan dalam dasar baru ini.

Setakat ini, sembilan Standard Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSASs) yang berdasarkan kepada International Public Sector Accounting Standards telah digubal dan dipersetujui oleh GASAC. Sebanyak dua MPSASs telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Perakaunan Akruan.

Untuk menyediakan dan memaklumkan pegawai mengenai standard dan dasar yang diperlukan untuk perakaunan akruan, program membina keupayaan yang menyeluruh telah dibangunkan untuk semua staf di semua Kementerian.

Pada tahun itu, semua proses perniagaan yang sedia ada bagi semua modul dalam Sistem Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Kerajaan (GFMAS) juga telah disemak semula dan keperluan perniagaan baru telah dikenal pasti.

Langkah Seterusnya

Dalam usaha untuk menilai semula insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, MoF, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Jabatan Peguam Negara, dan LHDNM sedang menyemak semula variasi dan kriteria untuk insentif di bawah Akta ini. Pindaan kepada Akta disasarkan untuk dibentangkan di Parlimen pada suku kedua 2013. Pembentangan in telah ditangguhkan selepas pindaannya telah dikaji semula untuk mengambil kira maklum balas daripada pihak berkepentingan dari sektor swasta dan awam.

Di bawah inisiatif Perolehan yang Telus, MoF akan memastikan inisiatif pelan perolehan dilaksanakan oleh agensi Kerajaan pada tahun 2013. Program latihan bina upaya untuk pegawai perolehan dijangka bermula pada suku ketiga 2013. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, program ini akan memasukkan elemen "Pengurusan Nilai bagi Perolehan Perbelanjaan Mengurus" dan "Pelan Perolehan" di dalam sukatan pelajarannya. Ini bertujuan membolehkan Kerajaan meningkatkan lagi program pengawalan perbelanjaan.

Langkah seterusnya, inisiatif untuk meningkatkan pentadbiran dan pematuhan cukai akan memberi tumpuan kepada meningkatkan asas cukai di samping meningkatkan audit dan penguatkuasaan. Ini dijangka akan menjana hasil tambahan RM1.8 bilion pada tahun 2013.

Melalui inisiatif yang sama, JKDM yakin dapat mengatasi kelewatan dalam melaksanakan inisiatif kawalan audit terhadap pengeksport dan pengimport minuman keras dan rokok di pulau bebas cukai dan Zon Perdagangan Bebas.

Berikutan kemajuan dalam sistem perakaunan akruan pada tahun 2012, reka bentuk dan pembangunan sistem ini dijangka bermula pada tahun 2013.



Penyampaian Perkhidmatan Awam

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM

Penyampaian Perkhidmatan Awam (PSD) SRI mempunyai dua matlamat: Pertama, untuk mempercepatkan usaha Kerajaan untuk menjadi lebih cekap dan memudah cara perkhidmatan di sektor perniagaan dan sektor awam; kedua, untuk menjadikan 1.3 juta penjawat awam yang bermotivasi dan berprestasi tinggi. Pelbagai usaha juga dijalankan untuk memastikan penambahbaikan tadbir urus yang berterusan, menggalakkan kecekapan dan mengurangkan tingkah laku tidak baik seperti salahguna kuasa dan rasuah ('rent-seeking').

Inisiatif di bawah SRI PSD:

- **Perekayasaan Semula Proses Perniagaan (BPR)** – Mempercepatkan proses permohonan lesen perniagaan
- **Sistem Sokongan Elektronik Pelesenan Perniagaan (BLESS)** – Mengautomatiskan proses baru selepas penyelesaian inisiatif BPR
- **Sistem Single Sign-On** – Membolehkan akses laluan identiti tunggal perkhidmatan *online* untuk semua laman web agensi kerajaan melalui Portal myGovernment
- **Pengawasan berterusan prestasi perkhidmatan awam**
 - Sistem pengawasan prestasi masa sebenar
 - Pengedaran Kaunter Perkhidmatan Kerajaan oleh orang awam – melalui SMS atau sistem pengedaran skrin sentuh di lokasi

- **Meningkatkan peranan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam:**
 - Menubuhkan Jawatankuasa Usahasama antara Jabatan Perkhidmatan Awam dan semua Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk perancangan dan penggubalan dasar sumber manusia
 - Menubuhkan Jawatankuasa Pencarian untuk mengenalpasti pakar sumber manusia untuk berkhidmat sebagai pesuruhjaya bagi membolehkan pemilihan penjawat awam yang lebih baik
- Menginstitusikan **Ciri mudah alih skim pencen** untuk menggalakkan mobiliti antara sektor swasta dan sektor awam



Dato' Sri Dr Ali bin Hamsa
Ketua Setiausaha Negara

Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) Penyampaian Perkhidmatan Awam (PSD) merupakan program transformasi yang dirancang untuk memperkemaskan proses perkhidmatan dan mewujudkan perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi. Langkah ini merupakan komponen penting dalam objektif ETP untuk mencapai status negara yang berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 dan sebagai ekonomi yang lebih berdaya saing di pentas dunia.

SRI ini telah mencatat beberapa kejayaan pada tahun 2012, seperti pindaan undang-undang dan penggabungan lesen. Pencapaian ini telah berjaya memperkemaskan proses Kerajaan dan meningkatkan keberhasilan, lantas menjadikan Malaysia sebuah negara di mana perniagaan boleh dijalankan dengan lebih mudah. Pencapaian ini diiktiraf oleh Bank Dunia, yang telah meletakkan Malaysia di kedudukan yang lebih tinggi berbanding tahun lepas, iaitu tempat ke-12 di dunia dalam kategori "Ease of Doing Business". Berdasarkan apa yang telah kita capai setakat ini, saya yakin kita mampu mencatat pencapaian yang lebih baik pada tahun akan datang.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) 2012

SRI Penyampaian Perkhidmatan Awam		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
1	Peratusan pelaksanaan cadangan BPR (Akan diproses) oleh semua Kementerian	100% setakat Jun 2012 (berdasarkan aktiviti cemerlang untuk 2012)	87% 9 lesen dimansuhkan. Pemansuhan 7 lesen telah tertangguh. Pelaksanaan 115 lesen tertangguh. 6 lesen tidak akan dimasukkan ke dalam BLESS akibat pelaksanaan lewat	87		87		0.5	
2	Peratusan pelaksanaan pengawasan prestasi masa sebenar dalam agensi perintis	100% untuk 5 agensi perintis setakat Disember 2012	100% siap untuk 5 agensi perintis setakat Disember 2012	100		100		1.0	
	Peratusan pelaksanaan sistem pengedaran kaunter maklum balas untuk Balai Polis (KL, Pulau Pinang and Johor)	100% setakat Disember 2012	100% sistem pengedaran SMS telah dilancarkan pada 29 Disember 2012	100		100		1.0	
	Penarafan purata yang diterima oleh perkhidmatan (1=Sangat memuaskan, 4=Sangat tidak memuaskan)	90% pengedaran sekurang-kurangnya memuaskan dan ke atas	99.8% data kumulatif (Januari – Disember)	111		100		1.0	
3	Peratusan pelaksanaan projek Single Sign-On untuk 30 agensi	50% siap pembangunan dan sedia untuk digunakan bagi 10 agensi	25% pembangunan Portal Online Tunggal berada di peringkat pemberian tender	25		25		0.0	
4	Peratusan siap pelaksanaan BLESS fasa II dan III	100% siap <i>release 4 hingga 7</i> setakat Disember 2012	90.5% <i>release 4</i> : 100 peratus <i>release 5</i> : 92% <i>release 6</i> : 94% <i>release</i>	91		91		0.5	
6	Perintis di dalam Jawatankuasa Kabinet TPM	100% pada Jun 2012	100% telah berbincang dengan pejabat TPM dan setakat ini semua Jawatankuasa Kabinet yang menjalankan mesyuarat akan menggunakan format PSM. Kerana itu, selepas penapisan, tiada mesyuarat diadakan kecuali untuk Jawatankuasa Kabinet mengenai Kos Sara Hidup SSL yang baru dibentuk	100		100		1.0	
	Perintis di dalam Kementerian/Agensi Kerajaan yang lain	Tambahan 2 Kementerian atau Agensi	100% MOF dan ICU telah melaksanakan pendekatan PSM dalam mesyuarat mereka	100		100		1.0	
				89%		86%		71%	

Rajah 13.9

Kaedah 1 menunjukkan pencapaian KPI sebenar iaitu membenarkan pencapaian melebihi 100 peratus dilaporkan.

Kaedah 2 menunjukkan laporan pencapaian KPI yang dihadkan kepada 100 peratus.

Perekayasaan Semula Proses Perniagaan (BPR)

Bagi memperbaiki kecekapan dan peranan pemudahcara Kerajaan, inisiatif BPR bertujuan untuk mempercepatkan proses pelesenan perniagaan. Setiap proses pelesenan perniagaan akan melalui inisiatif BPR untuk mengurangkan lesen atau proses yang tidak perlu dan yang bertindih, dan mengamalkan struktur tadbir urus yang telus untuk memastikan pelaksanaan dan pematuhan.

Berdasarkan klinik intensif BPR yang diadakan pada tahun 2012, bilangan lesen yang diperlukan untuk menjalankan perniagaan di Malaysia dijangka akan dikurangkan daripada 788 kepada 525 menjelang tahun 2015. Bilangan lesen mungkin akan dikurangkan lagi selepas penyelesaian inisiatif BPR Fasa II yang melibatkan 184 lesen disemak semula. Sebaik sahaja lengkap proses semak semula lesen ini, ia akan dimasukkan ke dalam sistem *online*, melalui Sistem Sokongan Elektronik Pelesenan Perniagaan (BLESS).

Setakat ini, 548 lesen akan digabungkan menjadi 323 lesen menjelang tahun 2015, di mana sebahagian besarnya telah pun selesai pada tahun 2012. Sementara itu, 9 daripada 28 lesen yang telah dikenal pasti untuk dimansuhkan telah pun dimansuhkan pada tahun 2012.

Bil.	Lesen	Kementerian
1	Kelulusan Tukar Syarat Tanah bagi Pembinaan Stesen Minyak (PDA 6)	KPDNKK
2	Lesen Bas Catar	SPAD, JPM
3	Lesen Memproses Koko	MPIC
4	Permit Eksport Sayur	MOA
5	Sijil Pengesahan Gred Buah	MOA
6	Pendaftaran Pembekal	KeTTHA
7	Lesen Bahan Pemanis Tanpa Zat	MOH
8	Kelulusan Pengimportan Bahan Perisa	MOH
9	Pendaftaran Kontraktor Kerja Awam dan Elektrik	PKK, KKR

Rajah 13.9: Senarai lesen yang dimansuhkan

Kaedah 3 menunjukkan laporan pencapaian paling mudah. Sasaran KPI yang telah dipenuhi atau melebihi diberi gred 1. KPI yang mencapai lebih separuh daripada sasarannya diberi gred 0.5, dan KPI yang kurang daripada separuh sasaran mereka diberi gred 0.

Jenis perubahan	Bil. Lesen
Mempercepatkan masa yang diambil untuk memberi kelulusan	265
Penubuhan/Penambahbaikan piagam pelanggan	252
Penambahbaikan sistem ICT	251
Penambahbaikan Borang Permohonan	146
Pengurangan dokumen sokongan yang diperlukan	99
Perwakilan kuasa kelulusan kepada peringkat lain	93
Menyemak semula Caj/Mod Bayaran	55
Perlanjutan Tempoh Sahlaku	42
Komposit lesen terpilih	30
Pengurangan rujukan kepada agensi lain	22

Rajah 13.10: Jangkaan keberhasilan setelah Pelaksanaan BPR

Sistem Sokongan Elektronik Pelesenan Perniagaan (BLESS)

Berikutan selesainya inisiatif BPR, proses permohonan dan kelulusan lesen perniagaan yang baru akan diautomasikan melalui Sistem Sokongan Elektronik Pelesenan Perniagaan (BLESS) untuk memudahkan lagi proses menjalankan perniagaan di Malaysia.

Sistem Single Sign-On (SSO)

Untuk meningkatkan lagi kecekapan dan integrasi semua perkhidmatan Kerajaan, sistem *Single Sign On* (SSO) akan wujudkan untuk membolehkan laluan identiti tunggal bersekuriti kepada pengguna untuk akses semua perkhidmatan *online* agensi Kerajaan melalui Portal myGovernment. Tender untuk Sistem SSO ini telah ditawarkan dan akan dilaksanakan dengan 20 agensi Kerajaan menjelang tahun 2013.

Pengawasan Berterusan Prestasi Perkhidmatan Awam

Sistem Pengawasan Prestasi Masa Sebenar

Sistem Pengawasan Prestasi Masa Sebenar bertumpu kepada pengadaran prestasi penjawat awam dan menilai kecekapan sistem penyampaian pada tahap individu oleh pihak pengurusan dalaman melalui sistem *online*. Ini membolehkan pihak pengurusan bertindak pantas terhadap laporan salah laku pegawai dan seterusnya mengambil tindakan pemuliharaan. Sistem ini juga membantu mengenal pasti pegawai yang berprestasi tinggi.

Inisiatif pengawasan prestasi ini telah dilaksanakan di lima kementerian pada tahun 2012:

- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
- Kementerian Pengangkutan
- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
- Kementerian Pelancongan
- Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi – Lembaga Koko Malaysia

Pengedaran Kaunter Perkhidmatan Kaunter Kerajaan oleh Orang Awam

Sistem pengedaran kaunter perkhidmatan Kerajaan membolehkan orang awam menilai pegawai individu yang bertugas di kaunter melalui SMS atau sistem pengedaran skrin sentuh di lokasi.

Sistem ini pada awalnya dirintiskan di Balai Polis Selangor pada tahun 2011. Semenjak itu, sistem pengedaran kaunter perkhidmatan Kerajaan disediakan di semua balai polis di seluruh negara. Ia juga diperluaskan ke jabatan dan agensi Kerajaan yang lain seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Labuan serta Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Imigresen yang tertentu.

Meningkatkan Peranan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Salah satu faktor kejayaan utama dalam mentransformasikan tenaga kerja perkhidmatan awam adalah untuk mengamalkan perancangan sumber manusia yang lebih strategik untuk menggantikan amalan konvensional yang sedia ada. Terdapat dua inisiatif ke arah mencapai matlamat ini: Penubuhan Jawatankuasa Pencarian yang diterajui oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan menubuhkan Jawatankuasa Usahasama, yang diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Penubuhan Jawatankuasa Pencarian

Jawatankuasa Pencarian bertanggungjawab membantu Kerajaan dalam perekrutan pakar sumber manusia menyertai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk menangani isu kualiti penjawat awam yang dipilih. Kerajaan menyedari bahawa penyampaian perkhidmatan awam yang lebih baik memerlukan pengambilan bakat yang lebih baik. Dengan pelantikan Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkepakaran ini dijangka akan menambahbaik proses perekrutan tenaga kerja dalam perkhidmatan awam. Pada Ogos 2012, pakej gaji yang lebih baik telah diperkenalkan untuk menarik pakar sumber manusia yang berkecambah tinggi untuk berkhidmat sebagai Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan.

Penubuhan Jawatankuasa Usahasama antara Jabatan Perkhidmatan Awam dan semua Suruhanjaya Perkhidmatan

Jawatankuasa Usahasama ditubuhkan bertujuan untuk mengintegrasikan platform tunggal untuk mempertimbangkan dasar berkenaan pengurusan dan perancangan sumber manusia antara Suruhanjaya Perkhidmatan dan Jabatan Perkhidmatan Awam. Jawatankuasa Usahasama kini sudah mula beroperasi, di mana mesyuarat berkala diadakan untuk membincang dasar pengurusan sumber manusia untuk semua agensi dan jabatan Kerajaan.

Skim Pencen Mudah Alih Kerajaan

Inisiatif ini bertujuan untuk menangani dasar mudah alih skim pencen sedia ada yang kurang jelas. Kini, sekiranya penjawat awam memilih untuk bekerja di sektor swasta dan meninggalkan sektor awam, tiada jaminan bahawa tempoh perkhidmatan terdahulu boleh diambil kira dalam pengiraan pencen sekiranya mereka kembali ke perkhidmatan awam. Ciri mudah alih skim pencen Kerajaan perlu dilaksanakan untuk menggalakkan mobiliti penjawat awam antara sektor swasta dan awam.

Untuk tujuan ini, Akta Pencen 1980 telah dipinda untuk membenarkan pencen penjawat awam dikira berdasarkan jumlah tahun penjawat awam berkenaan telah berkhidmat dalam sektor awam, tanpa mengira tempoh masa penjawat awam berkenaan bekerja di sektor swasta. Pindaan ini sedang menanti pewartaan.

Cabaran

Oleh kerana kebanyakan inisiatif SRI ini saling berkaitan, proses pelaksanaan perlu dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan.

Contohnya, pelaksanaan proses permohonan lesen yang baru hanya boleh dilaksanakan secara berperingkat kerana perubahan ini memerlukan pindaan kepada undang-undang dan peraturan sebelum ia boleh dikuatkuasakan. Yang lain pula memerlukan penambahbaikan sistem *online* untuk memastikan proses permohonan lesen yang baru dikemaskinikan boleh dilaksanakan.

Kelewatan dalam pelaksanaan proses permohonan lesen yang baru akan menjejaskan inisiatif lain, seperti mengautomasi lesen melalui BLESS dan pembangunan Sistem Pengawasan Prestasi Masa Sebenar. Di samping itu, sebahagian besar inisiatif BPR juga memerlukan perubahan minda dalam menjalankan tugas dan proses. Ini mewujudkan cabaran unik untuk memotivasikan penjawat awam ke arah peningkatan prestasi yang berterusan.

Langkah Seterusnya

Fokus bagi tahun 2013 adalah untuk memastikan semua proses permohonan lesen yang baru dilaksanakan mengikut jadual untuk mengelakkan penangguhan inisiatif lain. Inisiatif SRI ini dirangka untuk saling berkaitan, dan sebarang kelewatan akan melewatkan keseluruhan rantaian proses tersebut.

Sementara itu, usaha sedang dijalankan untuk SSO dan pengawasan prestasi masa sebenar, yang dijangka akan selesai pada tahun 2013. Pindaan kepada Akta Pencen 1980 juga akan diselesaikan sebaik sahaja pindaan ini diwartakan. Di samping itu, bidang baru untuk penambahbaikan akan dikenal pasti dari semasa ke semasa dan ditangani di bawah SRIPSD untuk memastikan perkhidmatan awam Kerajaan kekal cekap agar Malaysia terus bergerak ke hadapan untuk memenuhi aspirasinya untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi.

Pemangkin Perubahan

ELEKTRIKAL DAN ELEKTRONIK

PENGALAMAN BERSAMA PERKHIDMATAN AWAM

Sebagai penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia, sektor elektrik dan elektronik (E&E) mewakili satu bidang pernah mengecapi kejayaan. Walaupun bidang ini lebih dikuasai oleh sektor swasta, namun Kerajaan turut memainkan peranan penting dalam menyediakan suasana kondusif kepada pengilang E&E di negara ini, sekali gus bertindak sebagai pemangkin bagi pertumbuhan sektor.

"Di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), kami memberi tumpuan dalam menyediakan sokongan dan pembiayaan berimpak tinggi terutamanya kepada sektor E&E, peranan kami adalah untuk memastikan tersedianya keperluan / pemangkin dan pada masa yang sama berusaha untuk menghapuskan halangan serta kelewatan."

"Kami juga memainkan peranan utama dalam menghubungkan agensi-agensi berkaitan untuk bekerjasama dengan sektor swasta agar perkongsian yang produktif dapat dihasilkan," jelas En. Mohd Khairul Adib Abd. Rahman, berkenaan peranan perkhidmatan awam dalam bidang NKEA E&E.

Kerajaan juga menyediakan sokongan tambahan yang sangat penting kepada sektor E&E dari segi pemberian insentif demi perkembangan sektor tersebut. Insentif-insentif ini termasuklah mengasah bakat baru dalam bidang tertentu seperti Pusat Kecemerlangan dalam reka bentuk perindustrian. "Kami turut membantu dalam membangunkan rantaian bekalan, terutamanya dalam sektor LED dan solar. Kami juga menyelaraskan pelbagai sumber pembiayaan Kerajaan dalam bidang tertentu," tambah Mohd Khairul Adib lagi.

Usaha-usaha tersebut telah membantu merealisasikan pulangan dalam memajukan, sekali gus menambah nilai terhadap sektor tersebut. "Berdasarkan NKEA E&E, kami telah berjaya mencapai pelaburan yang bijak menerusi perkongsian awam-swasta. Kami turut mengadaptasikan teknologi terkini, membangunkan inovasi baru dan hak harta intelek tempatan supaya diperkemas, dikhususkan, dan ditambah nilai, dengan demikian yang seterusnya mutu daya saing Malaysia," katanya.

Sumbangan penting oleh sektor kerajaan dalam membangunkan sektor E&E negara ini turut memperlihatkan usahanya dalam mempertingkatkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang terlibat dalam sektor tersebut, yang mana kebanyakannya menjadi tulang belakang ekonomi Malaysia.

"Ekosistem vendor tempatan termasuklah pembekal dan pengilang kontrak juga semakin berkembang. Langkah yang diambil menerusi NKEA E&E, kami telah membangunkan bakat-bakat baru serta membina jaringan teknologi perkhidmatan perkongsian yang memudahkan usaha PKS tempatan untuk berjaya," terang Mohd. Khairul Adib.

“

Berdasarkan NKEA E&E, kami telah berjaya mencapai pelaburan yang bijak menerusi perkongsian awam-swasta. Kami turut mengadaptasikan teknologi terkini, membangunkan inovasi baru dan hak harta intelek tempatan supaya diperkemas, dikhususkan, dan ditambah nilai, yang seterusnya dapat meningkatkan mutu daya saing Malaysia

”



En. Mohd Khairul Adib
Bahagian Industri
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi



Merapatkan Jurang Ketaksamaan



MERAPATKAN JURANG KETAKSAMAAN

Untuk menangani ketidaksamaan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi berhubung dengan penduduk dan lain-lain kumpulan, SRI Merapatkan Jurang Ketaksamaan bertujuan meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam ekuiti pasaran, pekerjaan yang mempunyai nilai tambah tinggi, dan jawatan pengurusan serta pekerjaan.

Sehingga 2010, pemilikan modal saham Bumiputera (pada nilai tara) dalam syarikat berhad kekal pada 23 peratus, masih kekurangan 30 peratus sasaran pemilikan ekuiti korporat yang ditetapkan pada peringkat makro. Kebimbangan ini diperbesarkan lagi oleh hakikat bahawa isi rumah Bumiputera membentuk 65 peratus daripada jumlah isi rumah di Malaysia, dan mewakili bahagian yang lebih besar isi rumah berpendapatan rendah di negara ini.

SRI Merapatkan Jurang Ketaksamaan menyusul dari cadangan Model Ekonomi Baru seperti yang diperkenalkan oleh Majlis Penasihat Ekonomi Negara (MPEN). Cadangan-cadangan ini dibina atas hasil usaha polisi terdahulu seperti Dasar Ekonomi Baru, dengan penekanan kepada pembangunan perusahaan bersaiz kecil dan sederhana (PKS) Bumiputera dan mempercepatkan pembangunan Juara Korporat Bumiputera.

Langkah-langkah dasar di bawah SRI ini mencadangkan bahawa program transformasi Bumiputera seharusnya mesra pasaran dan telus, dan boleh diberikan atas asas keperluan dan merit. PKS Bumiputera yang menjadi produk program-program ini harus berdikari dan mampu bersaing dalam persekitaran yang liberal.

Inisiatif di bawah SRI Merapatkan Jurang Ketaksamaan telah diterajui oleh Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), penyelarar utama dalam memacu Program Transformasi Ekonomi Bumiputera dengan memudahkan syarikat-syarikat Bumiputera untuk berkembang dan membangunkan kapasiti dan meningkatkan daya saing, dan mengurangkan pergantungan mereka kepada Kerajaan bagi perolehan kontrak. TERAJU telah memperkenalkan Program TeraS (Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi) yang menjurus ke arah meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi.

TERAJU juga menguruskan Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB), satu inisiatif Kerajaan yang diperkenalkan pada 2007 yang menyediakan sokongan “peringkat terakhir” kepada syarikat Bumiputera yang layak untuk penyenaraian di Bursa Malaysia. Inisiatif ini seterusnya akan membolehkan peningkatan dalam ekuiti korporat Bumiputera.



Tan Sri Nor Mohamed Yakcop
Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Unit Perancang Ekonomi

Sifat keterangkuman adalah amat penting dan harus diambil kira dalam perancangan utama program transformasi negara ini. Walaupun kerajaan berusaha untuk mengurangkan kadar kemiskinan secara berterusan, pertumbuhan ekonomi juga mestilah dikongsi secara saksama dalam kalangan rakyat untuk memastikan perpaduan sosial. Dengan itu, cabarannya adalah untuk memastikan pembangunan Bumiputera adalah setara berbanding dengan kumpulan lain di negara ini.

Inisiatif Pembaruan Strategik (SRI) Merapatkan Jurang Ketaksamaan telah direka untuk menggalakkan perkembangan dan pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Bumiputera, untuk membantu syarikat-syarikat berasaskan keperluan. Daripada inisiatif ini, sumbangan PKS Bumiputera kepada keluaran dalam negara kasar dijangka meningkat kepada 20 peratus menjelang 2020.

Saya yakin bahawa usahawan Bumiputera akan mendapati inisiatif Kerajaan dalam bidang ini dapat membantu, dan akan memanfaatkan mereka untuk mengembangkan perniagaan mereka untuk bersaing di peringkat global.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) 2012

Merapatkan Jurang Ketaksamaan SRI		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Hasil Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
1	Peratusan pertumbuhan dalam pendapatan keseluruhan syarikat-syarikat TeraS	12%	17%	141	●	100	●	1	●
	Bilangan syarikat-syarikat TeraS yang mempunyai pasaran dan membina pasaran luar negara	30	37	123	●	100	●	1	●
	Bilangan syarikat-syarikat TeraS yang menerima bantuan kewangan melalui Dana TeraS	15	22	146	●	100	●	1	●
	Bilangan rakan kongsi dalam pengwujudan Dana TeraS	2	2	100	●	100	●	1	●
2	Bilangan syarikat-syarikat di dalam program TeraS	300	300	100	●	100	●	1	●
	Bilangan Juara Korporat Bumiputera yang melaksanakan Program Pembangunan Vendor	2	3	150	●	100	●	1	●
	Bilangan syarikat-syarikat yang tersenarai di bawah program Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB)	2	1	50	●	50	●	0.5	●
3	Jumlah Dana TeraS yang diwujudkan bersama pihak bank dan bukan bank (RM juta)	500	1,020	200	●	100	●	1	●
	Jumlah Dana Mudah Cara yang diluluskan (RM juta)	300	223.8	75	●	75	●	0.5	●
	Bilangan penyertaan institusi di bawah program pembiayaan ekuiti	2	2	100	●	100	●	1	●
	Bilangan program pembiayaan yang diwujudkan	3	5	167	●	100	●	1	●
	Bilangan penyertaan syarikat di bawah program pembiayaan ekuiti	5	6	120	●	100	●	1	●
4	Bilangan projek yang dibiayai dan dipermudahkan melalui Koridor Ekonomi dan wilayah pusat	Menetapkan garis asas	45	-		-		-	
5	Bilangan Projek Mega yang memperuntukkan peratus khas kepada Bumiputera	1	1	100	●	100	●	1	●
				121%		94%		92%	

Rajah 13.11

Kaedah 1 menunjukkan pencapaian KPI sebenar iaitu membenarkan pencapaian melebihi 100 peratus dilaporkan.

Kaedah 2 menunjukkan laporan pencapaian KPI yang dihadkan kepada 100 peratus.

Kaedah 3 menunjukkan laporan pencapaian paling mudah. Sasaran KPI yang telah dipenuhi atau melebihi diberi gred 1. KPI yang mencapai lebih separuh daripada sasarannya diberi gred 0.5, dan KPI yang kurang daripada separuh sasaran mereka diberi gred 0.

Program TeraS

Syarikat Bumiputera Tinggi Berprestasi Tinggi atau program TeraS, yang dilancarkan pada Julai 2011, bertujuan untuk mengenal pasti sejumlah 1100 syarikat Bumiputera yang berprestasi tinggi dan berpotensi untuk maju dan untuk membantu mereka berkembang di luar pasaran Malaysia dengan membantu mereka mengakses peluang perniagaan di luar negara.

Program ini menggunakan sistem penarafan SCORE IKS Corp untuk menilai syarikat yang memohon untuk kemasukan sebagai sebuah syarikat TeraS. Penarafan SCORE bertindak sebagai alat diagnostik untuk menilai prestasi dan keupayaan syarikat, dan adalah satu keperluan standard untuk kemasukan ke dalam program ini.

TeraS telah melaksanakan beberapa inisiatif berikutan penubuhannya, termasuk menyediakan dana untuk syarikat dan projek Bumiputera, seperti melalui Dana Mudahcara Bumiputera bernilai RM2 bilion, Dana TeraS yang bernilai RM1.02 bilion dan memasarkan syarikat TeraS ke peringkat global.

Secara khususnya, program ini telah membantu mengenal pasti peluang yang lebih besar bagi syarikat Bumiputera dalam Projek MY Rapid Transit (MRT), melalui pemudahcara oleh TERAJU dan disahkan oleh Majlis Tindakan Agenda Bumiputera. Melalui inisiatif ini, 43 peratus daripada projek MRT telah disasarkan bagi peruntukan kepada syarikat Bumiputera. Model ini diterajui oleh enam prinsip rancangan Transformasi Ekonomi Bumiputera, iaitu mesra pasaran, berasaskan keperluan, berasaskan merit, ketelusan, pro-pertumbuhan dan daya saing yang mampan.

TeraS juga telah menggalakkan kerjasama antara syarikat Bumiputera. Melalui inisiatif ini, syarikat pembinaan Ahmad Zaki Resources Bhd (AZRB), yang telah dikenal pasti sebagai Juara Korporat Bumiputera, telah bersetuju untuk membangunkan rangkaian bekalan industri pembinaan dan menawarkan kontrak bekalan bernilai RM500 juta kepada syarikat Bumiputera dalam tempoh dua tahun. Selain itu, empat syarikat Bumiputera telah pada mulanya dilantik di bawah Program Pembangunan Vendor ECE Technologies Sdn Bhd (ECE) sebagai usaha untuk membangunkan dan menyediakan peluang untuk syarikat-syarikat ini.

Kisah Kejayaan TeraS

Advance Pact Sdn Bhd, sebuah syarikat yang menyediakan perkhidmatan pakar runding penjagaan kesihatan menyeluruh di Malaysia, Asia Pasifik, Asia Timur dan Timur Tengah, mewakili hanya satu daripada banyak syarikat yang menerima manfaat daripada program TeraS.

Melalui perjanjian bernilai RM600 juta yang ditandatangani dengan Peninsular Medical Sdn Bhd, subsidiari kepunyaan syarikat Juara Korporat Bumiputera AZRB, Advance Pact akan menyertai dalam penyediaan perkhidmatan pengurusan kemudahan hospital kepada Hospital Pelatih Perubatan Universiti Islam Antarabangsa di Kuantan, Pahang selama 21 tahun dan 6 bulan.

Perkhidmatan yang akan disediakan di hospital pelatih perubatan termasuk penyelenggaraan kemudahan kejuruteraan, penyelenggaraan kejuruteraan bioperubatan, perkhidmatan pengurusan dan keselamatan di bawah kontrak yang akan bermula pada 2015.

Pencapaian dan Cabaran

SRI ini telah mencatatkan beberapa pencapaian pada 2012, termasuk kelulusan 300 syarikat yang menerima status TeraS, dan pemberian 47 peratus jumlah pakej MRT, bernilai RM9.1 bilion kepada syarikat Bumiputera. Ini melebihi sasaran awal yang ditetapkan bagi peruntukan projek MRT kepada syarikat Bumiputera.

Pada 2012, TERAJU juga mendapat kelulusan daripada Majlis Tindakan Agenda Bumiputera untuk melanjutkan Skim Jaminan Modal Kerja (SJMK) sehingga 31 Disember 2013, yang menandakan lanjutan kedua skim dari pengakhiran asal yang dirancang pada 2011. Skim yang pada mulanya hanya disediakan untuk PKS, kini terbuka kepada semua syarikat TeraS.

Untuk membantu memanjangkan jangkaan inisiatifnya, TERAJU juga telah mewujudkan pusat dalam kesemua lima Wilayah Koridor Ekonomi melalui program TERAJU@KORIDOR. Ini telah membolehkan peruntukan sebanyak RM100 juta dari Dana Mudahcara Bumiputera kepada semua koridor yang akan digunakan untuk projek Bumiputera berimpak tinggi.

Di samping itu, TERAJU telah menurunkan nilai ambang bagi projek yang layak untuk dana kepada RM5 juta daripada RM20 juta. Setakat ini, dana ini telah meluluskan RM223.8 juta dalam pembiayaan untuk 35 firma Bumiputera, dengan projek bernilai RM1.64 bilion. Daripada syarikat-syarikat yang diluluskan untuk pembiayaan, 11 adalah syarikat TeraS.

Pada 6 Julai 2012, TERAJU, bersama-sama dengan IKS Bank, memperkenalkan Dana TeraS RM500 juta. Dana ini terdiri daripada kemudahan pembiayaan Islam yang menawarkan syarikat TeraS akses yang lebih baik kepada pembiayaan pada kadar yang menarik. Sehingga Disember 2012, dana ini telah meluluskan 29 permohonan bagi pembiayaan yang bernilai RM202 juta.

Dana TeraS kedua dilancarkan dengan kerjasama RHB Islamic Bank pada 10 Disember 2012, yang terdiri daripada kemudahan pembiayaan Islam RM520 juta yang menawarkan syarikat TeraS akses kepada kemudahan pembiayaan untuk mengembangkan perniagaan mereka, dengan penekanan kepada pembiayaan pemerolehan harta.

Sementara itu, di bawah inisiatif SJJIB, TERAJU telah membantu tujuh syarikat dengan penyenaraian di Bursa Malaysia. Syarikat-syarikat ini adalah: Datasonic Group Bhd; Prestariang Bhd; Century Software Holdings Bhd; Cypark Resources Bhd; Malaysian Genomics Resource Centre Bhd; Handal Resources Bhd; dan Theta Edge Bhd.

SRI Merapatkan Jurang Ketaksamaan juga telah menyaksikan kesan limpahan daripada inisiatif di bawah SRI mengurangkan Peranan Kerajaan Dalam Perniagaan (GRiB). Di bawah SRI GRiB, Kerajaan telah mengenal pasti penjualan 33 syarikat, dalam usaha yang sebahagiannya bertujuan membantu untuk meningkatkan penguasaan ekuiti Bumiputera. Sehingga kini, Khazanah Nasional Bhd dan Permodalan Nasional Bhd telah mengenal pasti sejumlah 10 syarikat untuk dijual kepada syarikat-syarikat Bumiputera. Lapan daripadanya telah secara rasminya dipelawa untuk penjualan.

Walaupun banyak yang dicapai oleh TeraS pada 2012, pelbagai cabaran telah dihadapi di peringkat awal program. Dengan sebilangan besar syarikat Bumiputera yang memohon untuk menyertai program ini, IKS Corp telah diminta menggunakan sumber-sumber tambahan untuk membantu pemohon dalam memenuhi keperluan sistem penarafan SCORE.

Pada masa yang sama, beberapa syarikat Bumiputera dijangka menerima layanan "laluan hijau" sebaik diterima masuk menyertai program TeraS. Ini juga menimbulkan beberapa masalah awal untuk TERAJU dan agensi sokongan Bumiputera yang terlibat, kerana program khusus memerlukan masa untuk dibangunkan. Walau bagaimanapun, ini telah secara beransur-ansur diatasi dengan pengenalan pelbagai inisiatif utama oleh TERAJU.

Cabaran selanjutnya adalah kekurangan penekanan kepada membina modal asas syarikat TeraS; kunci kepada menyokong pertumbuhan perniagaan mereka melalui pengembangan kapasiti. Dalam tempoh tiga tahun yang lalu, 300 syarikat TeraS Bumiputera telah menunjukkan pertumbuhan perolehan sebanyak kira-kira 17 peratus setahun. Hasilnya, banyak syarikat TeraS telah mencapai penggunaan aset yang tinggi, dengan itu memerlukan pengembangan modal. Melalui Dana TeraS yang ditubuhkan dengan IKS Bank dan RHB Islamic, TERAJU kini berusaha mempromosikan pemerolehan aset dalam kalangan syarikat-syarikat ini.

Syarikat TeraS juga perlu memberi tumpuan kepada memperluaskan capaian mereka ke pasaran baru. Walaupun jumlah pendapatan daripada 300 syarikat TeraS adalah melebihi RM12 bilion pada 2012, adalah dianggarkan bahawa hanya lima peratus memperoleh pendapatan mereka daripada operasi asing.

Melangkah ke Hadapan

Dengan pengambilan kukuh kedua-dua Dana TeraS ini, dengan hampir separuh daripada dana pertama digunakan untuk modal kerja dan pemerolehan aset, SRI ini akan terus memberi tumpuan kepada menyediakan syarikat Bumiputera yang layak dengan akses kepada pembiayaan untuk membiayai pertumbuhan masa depan mereka. Melangkah ke hadapan, kerjasama dengan bank-bank lain dirancang untuk memastikan sokongan berterusan dalam pembangunan firma Bumiputera.

Syarikat Bumiputera yang lebih berjaya akan digalakkan untuk memainkan peranan utama dalam menyokong pertumbuhan perniagaan syarikat TeraS lain, manakala Program Pembangunan Vendor akan terus dipupuk untuk membantu syarikat TeraS dalam membina skala.

Model peruntukan projek MRT juga akan diteruskan untuk projek mega lain yang sedang berjalan untuk membolehkan syarikat Bumiputera untuk bersaing di bawah prinsip Transformasi Ekonomi Bumiputera.



TERAJU bersedia untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi Sarawak dan Sabah melalui jerayawara seperti JEJAK 2012

Kisah Kejayaan TeraS

Gading Kencana Sdn Bhd (GKSB), sebuah syarikat TeraS menyediakan produk solar berasaskan teknologi. Matlamat dan misi utamanya ialah untuk memelihara alam sekitar sambil membina perniagaan yang mampan dan untung dalam pemuliharaan Tenaga dan Sumber Tenaga Boleh Dibarui dengan menyediakan penyelesaian inovatif.

Aktiviti perniagaan syarikat yang utama terdiri daripada Kejuruteraan, Pemerolehan dan Pembinaan (EPC) sistem solar fotovoltan, membekalkan komponen elektrik dan elektronik yang terutamanya berkaitan dengan sistem solar PV. GKSB telah memantapkan kedudukannya sebagai pemain dalam industri sumber tenaga boleh dibarui tempatan dengan rekod prestasinya yang cemerlang.

Tumpuan GKSB dalam menghasilkan produk berkualiti telah membolehkannya ia mencapai pelbagai pensijilan, termasuk:

- ISO 9001: 2008;
- OHSAS ISO001: syarikat Solar 2007
- diperakui dan diluluskan sebagai penyedia Perkhidmatan PV (APVSP) oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air; dan
- CIDB Gred G7, yang merupakan gred tertinggi.

Mereka juga berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) di bawah Kelas A dan Kelas 1 masing-masing.

Sebagai bukti kejayaannya, syarikat ini telah memenangi beberapa anugerah seperti Anugerah Enterprise 50, Anugerah Kontraktor Gred G6, Anugerah Khas untuk Inovasi dan Anugerah Power Brand.



JEJAK 2012 mendapat sambutan hangat daripada Bumiputera dalam kesemua lima Koridor Ekonomi

MINYAK SAWIT, DAN GETAH

PENGALAMAN BERSAMA PERKHIDMATAN AWAM

Industri Kelapa sawit dan getah sedang menjalani satu anjakan paradigma yang penting apabila dua bidang ini berusaha untuk bergerak lebih tinggi dalam rantaian nilai. Mewakili dua industri di mana Malaysia secara tradisinya menjadi peneraju pasaran, oleh itu perkhidmatan awam memainkan peranan penting memangkin perubahan dalam industri.

"Untuk memastikan kejayaan NKEA Getah, Lembaga Getah Malaysia (LGM) telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja Kumpulan dengan tujuan untuk menyediakan tempat untuk semua pihak yang terlibat."

"Dengan meletakkan industri getah di bawah fokus khas di bawah NKEA, LGM telah diberi mandat untuk melaksanakan dan memantau semua empat EPP NKEA Getah," jelas YBhg Datuk Dr Salmiah Ahmad, Ketua Pengarah LGM.

Sebagai penjaga industri getah Malaysia, LGM juga memantau kemajuan agensi pelaksana NKEA Getah, iaitu RISDA, LIGS, dan JPS. Bersama-sama dengan LGM, agensi-agensi ini bekerja ke arah mencapai matlamat menyeluruh NKEA untuk industri, termasuk mengukuhkan harga getah, Pengelompokan 400,000 pekebun kecil kepada kumpulan-kumpulan yang lebih besar, dan menggalakkan mereka menerima pakai teknologi baru.

"Transformasi industri getah ini juga mempunyai cabaran yang tersendiri," kata Datuk Dr Salmiah.

Ini termasuk pembiayaan yang terhad untuk melaksanakan EPP Getah pada permulaan, dan pengambilan kelompok serta teknologi baru yang perlahan oleh pekebun kecil. "Walau bagaimanapun, pihak-pihak berkepentingan semakin mula memahami dan menerima transformasi industri, dengan terbuktinya keberkesanan strategi baru ini bagi industri membantu kami bergerak ke hadapan dalam mencapai matlamat kami," kata Datuk Dr Salmiah.

Begitu juga dengan industri minyak sawit mengambil pendekatan baru dalam operasinya, diterajui oleh badan-badan seperti Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), yang memberi tumpuan kepada meningkatkan produktiviti hulu industri dan meningkatkan nilai-tambah hiliran untuk menjana peluang pekerjaan dan menyumbang ke arah PNK.

"Inovasi merupakan pendorong penting kemakmuran ekonomi. Kami berusaha untuk mewujudkan dan menggalakkan ekosistem untuk inovasi, penciptaan dan perlindungan harta intelek," kata YBhg Datuk Dr Choo Yuen May, Ketua Pengarah MPOB, yang menyelia pelaksanaan tujuh daripada EPP 8 di bawah NKEA Minyak Sawit.

MPOB, bersama-sama dengan MPIC, juga telah berjaya melaksanakan program campuran biodiesel sawit/diesel petroleum B5 di kawasan tengah Semenanjung Malaysia, menggunakan 110,000 tan minyak sawit setahun. Ini telah membantu mengurangkan stok minyak sawit dan mengukuhkan harga kelapa sawit.

"Walau bagaimanapun, inisiatif ini menghadapi beberapa cabaran, seperti kadar penerimaan Cantas™ tiang penuaian bermotor yang agak perlahan dan tidak mencukupi bahan tanaman di negeri-negeri tertentu."

"MPOB telah menangani isu-isu ini dan membentuk tenaga kerja apabila perlu untuk menyelesaikan isu tersebut dalam masa yang sesingkat mungkin," katanya.

Perkhidmatan awam memainkan hubungan yang penting antara Kerajaan dan industri minyak sawit, merumuskan projek-projek yang perlu, membangunkan pelan tindakan, pemantauan kemajuan, menyediakan dana dan insentif, dan menasihati pada hala tuju dasar.

"Ia juga menyediakan kepakaran dan tenaga kerja. Sebagai contoh, pegawai-pegawai dari MPOB Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit (TUNAS) membantu pekebun kecil meningkatkan produktiviti dan amalan pengurusan terbaik.

"MPOB telah menggerakkan kira-kira 350 pegawai untuk menjalankan lawatan bagi memproses dan meluluskan permohonan insentif di bawah skim penanaman semula dan baru, untuk menyampaikan benih, baja dan memberi nasihat teknikal," kata Datuk Dr Choo, yang menambah bahawa ETP telah mewujudkan suatu persekitaran yang berdaya saing dan inovatif untuk industri minyak sawit Malaysia.


"Dengan usaha yang lebih gigih oleh pihak berkepentingan, ia membayangkan bahawa industri boleh mencapai sasaran yang ditetapkan di bawah NKEA dan menyumbang ke arah mentransformasikan Malaysia kepada sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020," katanya.

YBhg Datuk Dr
Choo Yuen May,
Ketua Pengarah
MPOB





Mengurangkan Peranan Kerajaan Dalam Perniagaan



MENGURANGKAN PERANAN KERAJAAN DALAM PERNIAGAAN

SRI ini bertujuan untuk merasionalkan peranan Kerajaan dalam perniagaan untuk mencapai tiga matlamat utama: Untuk mengelakkan kesesakan sektor swasta, meningkatkan kecairan pasaran modal dan memperbaiki kedudukan fiskal Kerajaan.

Kerajaan akan mengambil pendekatan serampang tiga mata untuk mencapai matlamat ini:

- Mewujudkan dengan jelas peranan Kerajaan dalam perniagaan
- Membangunkan pelan pelepasan saham yang jelas
- Mewujudkan garis panduan tadbir urus yang jelas bagi kerajaan dan syarikat-syarikat milik kerajaan

Melalui SRI ini, Kerajaan secara berhati-hati dan konsisten, berhasrat untuk mengubah peranannya dalam perniagaan daripada pelabur menjadi fasilitator, dengan garis panduan bagi penyertaan Kerajaan dalam sektor swasta termasuk:

- Pelaburan bersama dengan sektor swasta dalam projek-projek yang akan meningkatkan pendapatan negara kasar seperti pembangunan wilayah koridor
- Terlibat hanya dalam perniagaan yang secara langsung berkaitan dengan isu-isu keselamatan negara seperti pertahanan dan keselamatan makanan

- Mengehendkan pelaburan untuk perniagaan yang melibatkan pelaburan modal yang besar dan memerlukan tempoh matang yang panjang seperti teknologi nano; dan yang disifatkan sebagai perniagaan strategik atau yang berkaitan dengan kepentingan negara
- Projek infrastruktur negara seperti tenaga yang boleh diperbaharui dan sistem pengangkutan awam

Dalam membantu usaha pelepasan saham Kerajaan, melalui penjualan pemilikan di dalam GLC yang tersenarai, GLC telah mengenal pasti harga sasaran (*strike price*) untuk memastikan pulangan maksimum atas pelaburan Kerajaan. Usaha pelepasan saham akan dicetuskan secara automatik apabila harga pasaran melepasi harga sasaran.

SRI ini juga menentukan laluan yang jelas untuk pelepasan aset milik Kerajaan atau kerajaan negeri. Syarikat yang dimiliki oleh GLC akan tertakluk kepada program pemulihan untuk memastikan daya maju komersial sebelum dilupuskan atau dijual kepada sektor swasta.

Syarikat milik Kerajaan atau Negeri akan terus dipegang oleh Kerajaan sekiranya aset itu strategik untuk kepentingan nasional atau penyampaian perkhidmatan awam. Hasil pelepasan pegangan saham akan disalurkan kepada Akaun Pelepasan Saham Kerajaan Persekutuan atau Akaun Negeri untuk membayar defisit fiskal negara atau dilaburkan semula dalam dana sedia ada untuk memudahkan pertumbuhan ekonomi.



YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak Perdana Menteri Malaysia

SRI Mengurangkan Peranan Kerajaan dalam Perniagaan (GRiB) memberi penekanan kepada memperkasakan semula peranan sektor swasta dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Ini adalah bagi mengembalikan semula peranan sektor swasta untuk menjadi peneraju dalam perjalanan Malaysia ke arah status berpendapatan tinggi. Intipati kepada inisiatif ini adalah penswastaan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) agar dapat beroperasi secara efisien di samping sektor swasta. Pada tahun 2012, SRI ini telah mencapai kemajuan yang ketara dalam pelan pelepasan saham Kerajaan, di mana beberapa syarikat GLC yang berada di luar dari senarai asal 33 syarikat yang dikenal pasti untuk dijual telah turut dilupuskan pegangannya. Walaupun faktor pasaran yang kurang menentu merupakan halangan utama, namun pelan pelepasan saham akan diteruskan apabila kriteria yang diperlukan dipenuhi, dengan Kerajaan kekal komited bagi mewujudkan pasaran yang kompetitif dan terbuka bagi syarikat-syarikat Malaysia.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) 2012

Mengurangkan Peranan Kerajaan dalam Perniagaan SRI		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Hasil Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
1	Untuk menubuh <i>Investment Performance Oversight Unit</i> / Bahagian Pemantauan di Kementerian (Januari 2012)	100%	100%	100	●	100	●	1	●
	Untuk membangunkan Senarai Pelepasan Saham - syarikat strategik yang wajar disimpan dan syarikat tidak strategik yang wajar diberhentikan pelaburannya (Februari 2012-April 2012)	100%	100%	100	●	100	●	1	●
	Untuk membentangkan Pelan Pelepasan Saham Peringkat Kementerian kepada YAB Perdana Menteri (pada Mei 2012)	100%	100%	100	●	100	●	1	●
2	Program Pelepasan Saham Peringkat GLIC - 33 syarikat	24	15	63	●	63	●	0.5	●
				91%		91%		88%	

Rajah 13.12

Kaedah 1 menunjukkan pencapaian KPI sebenar iaitu membenarkan pencapaian melebihi 100 peratus dilaporkan.

Kaedah 2 menunjukkan laporan pencapaian KPI yang dihadkan kepada 100 peratus.

Kaedah 3 menunjukkan laporan pencapaian paling mudah. Sasaran KPI yang telah dipenuhi atau melebihi diberi gred 1. KPI yang mencapai lebih separuh daripada sasarannya diberi gred 0.5, dan KPI yang kurang daripada separuh sasaran mereka diberi gred 0.

Pencapaian dan Cabaran

33 syarikat di bawah enam Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) telah dikenal pasti pada tahun 2011 telah bersedia untuk pelepasan saham sama ada melalui penyenaraian, pengurangan pegangan saham atau dijual secara terus. Di bawah pelan untuk merasionalisasikan portfolio GLC, 5 telah dikenal pasti untuk pengurangan pegangan saham, 7 untuk penyenaraian awam dan 21 untuk dijual secara terus.

Untuk tempoh tahun 2011-2012, 24 syarikat telah dikenal pasti untuk aktiviti pelupusan saham oleh Kerajaan dan 11 syarikat telah disempurnakan pada tahun 2011, dan 4 lagi syarikat telah melupuskan pegangannya pada tahun ini.

Antara aktiviti pelepasan saham yang telah dilaksanakan (daripada 33 syarikat yang dikenal pasti) termasuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang telah mengurangkan pegangannya dalam RHB Capital Bhd (RHBCap). Sebagaimana disyaratkan Bank Negara Malaysia, KWSP tidak dibenarkan untuk memegang lebih daripada 45 peratus modal berbayar RHBCap, maka KWSP telah pun mengurangkan pegangannya kepada 40.7 peratus melalui penggabungan RHBCap dengan OSK Holdings Bhd, yang melibatkan perjanjian RM1.95 bilion bagi mewujudkan firma broker saham dan bank pelaburan negara terbesar mengikut aset.

Sebagai sebahagian daripada program rasionalisasi Felda dan selaras dengan pelan SRI untuk memperkemaskan peranan Kerajaan dalam perniagaan, Felda Global Ventures Bhd telah disenaraikan pada bulan Jun, dengan permodalan pasaran bernilai RM16.6 bilion. Penyenaraian Felda mewakili penyenaraian ketiga terbesar di dunia pada tahun 2012 dan ketiga terbesar di Malaysia sehingga kini. Penyenaraian ini juga menyaksikan penggabungan kedua-dua operasi hulu dan hiliran dalam logistik, baja dan kelapa sawit.

Penjualan kepentingan 97 peratus dalam Johan Ceramics Bhd oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera atau LTAT kepada Boustead Holdings Bhd adalah satu lagi aktiviti pelepasan saham di bawah 33 syarikat yang dikenal pasti di dalam kerangka SRI ini. Penjualan ini telah ditandatangani secara rasmi pada bulan September.

Pada bulan November, Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas) telah menjual kepentingan 24 peratusnya dalam Tanjung Offshore Bhd dan memperoleh kepentingan ekuiti tambahan dalam syarikat kapal sokongan luar pesisir (OSV) Kota Bayu Ekuiti Bhd, menjadikan jumlah pegangan kepada 93.3 peratus, dalam usaha sepenuhnya memberi tumpuan kepada pasaran OSV. Tanjung Offshore adalah pelaburan kedua Ekuinas dan mewakili penjualan pertama untuk Ekuinas sejak penubuhannya pada tahun 2009.

Selain aspirasi ini, beberapa GLIC juga telah mengambil inisiatif tambahan dengan melupuskan lebih banyak syarikat daripada 33 syarikat yang sedia ada berada di bawah program pelepasan saham GRiB. Ini merupakan pelepasan pegangan saham ke atas syarikat GLIC yang tidak dimasukkan dalam senarai pelepasan saham GRiB tetapi telah dilupuskan pada tahun 2012.

Antara pelepasan saham utama yang lain adalah seperti berikut:

- Program pelepasan saham yang dilaksanakan oleh Khazanah Nasional Bhd:
 - i. Penyenaraian Integrated Healthcare Holdings Bhd (IHH) – Khazanah telah menyenaraikan IHH di paparan utama dua pasaran bursa, iaitu di Bursa Malaysia dan Singapore Exchange pada bulan Julai, dan telah mendapat lebih daripada RM5 bilion dari penyenaraian ini. Khazanah mengekalkan pegangan 45.7 peratus dalam syarikat penjagaan kesihatan ini, di mana apungan awam ini dilaporkan terlebih langganan sebanyak lebih daripada 100 kali ganda.
 - ii. Penjualan Proton Holdings Bhd - Khazanah menjalankan pelepasan saham utama kedua pada tahun 2012 dengan menjual keseluruhan pegangan 42.7 peratus dalam Proton kepada konglomerat DRB-Hicom Bhd. Jumlah nilai jualan ialah RM1.3 bilion. Perjanjian itu dijangka mewujudkan sinergi yang lebih besar dalam sektor automotif kerana DRB-Hicom telah menceburi bidang permotoran lebih awal dan mempunyai pendedahan yang luas dalam bidang automotif. Pelepasan saham ini adalah satu lagi contoh Perkongsian Awam-Swasta, di mana pelepasan saham strategik dibuat dengan tujuan untuk meletakkan GLC pada kedudukan yang lebih kukuh dan lebih berdaya saing, di samping meningkatkan penyertaan sektor swasta dan membina kapasiti keusahawanan perniagaan Malaysia dalam sektor ekonomi utama.
 - iii. Pelepasan saham STLR Sdn Bhd - Khazanah mengumumkan pada bulan Jun rancangannya untuk menjual syarikat hartanah pelaburan dan telah mempelawa tender bagi pembelian STLR. Syarikat ini adalah salah satu daripada 10 yang dikenal pasti untuk pelepasan saham oleh Khazanah dan PNB kepada pelabur Bumiputera.
 - iv. Pelepasan saham keseluruhan Time Engineering Bhd (TEB) - Pada Disember 2012, Khazanah mengumumkan TEB sebagai lima aset terakhir bukan teras yang dilepaskan pada tahun ini. Khazanah telah mencadangkan untuk melupuskan keseluruhan pegangan 45 peratus dalam TEB melalui proses tender. Penjualan ini akan melibatkan tiga peringkat proses bidaan: Peringkat pra-kelayakan, peringkat tawaran indikatif dan peringkat tawaran mengikat. TEB telah dipilih untuk pelupusan kerana ia boleh menawarkan peluang kepada pembeli untuk meneroka kepakaran dan mengambil bahagian dalam lanjutan konsesi berpotensi dengan Kerajaan, yang tamat tempohnya pada tahun 2014.
 - v. Pelepasan saham TNB - Khazanah menjual 60 juta unit sahamnya bernilai RM406.8 juta dalam TNB menerusi pelaksanaan penempatan swasta, mengurangkan pegangannya dalam utiliti kepada 34 peratus daripada 35.2 peratus sebelumnya.
- Pada bulan Ogos, MOF Inc menjual 40 peratus milik Kedah Akuakultur Sdn Bhd kepada SKS Realty Sdn Bhd untuk RM45 juta.

- Selaras dengan seruan Kerajaan untuk mengurangkan pegangan GLIC, PNB juga telah berusaha keras untuk terus menurunkan pemilikannya dalam syarikat-syarikat yang matang, bagi pelabur Bumiputera. Setakat ini, PNB telah menjemput pihak-pihak pembida untuk membida ke atas beberapa syarikat yang mahu dijual termasuklah FEC Cables, U-Travelwide, U-Insurans dan Inobel.
- Pelepasan saham oleh Kerajaan Negeri - Johor telah dikenal pasti sebagai negeri perintis untuk inisiatif ini. PEMANDU dan Johor Corporation (JCorp) telah mengadakan beberapa sesi perbincangan awal bagi memperkemas perniagaan teras JCorp. Antara program rasionalisasi JCorp adalah untuk memberi tumpuan kepada perniagaan teras iaitu: Perladangan kelapa sawit, penjagaan kesihatan, hartanah dan industri makanan. Sehingga kini, JCorp telah menyiapkan beberapa rasionalisasi korporatnya, termasuklah penswastaan KFC Holdings (M) Bhd dan QSR Brands Bhd, dan mengeluarkan Kulim (M) Bhd daripada perniagaan runcit makanan. Kulim juga sedang mengambil kira untuk menjual beberapa aset hotelnya dan melabur semula wang untuk memacu pendapatan daripada perniagaan hospitaliti.

Aktiviti pelepasan saham di bawah skop SRI GRiB ini juga telah diperkembangkan skopnya untuk meliputi program rasionalisasi di peringkat kementerian, dengan terbinanya Pelan Pelepasan Saham Peringkat Kementerian pada tahun 2012. Berikutan perancangan rapi ke atas inisiatif ini, SRI ini telah mengenal pasti 9 syarikat di bawah 4 kementerian yang bersedia untuk pelepasan saham pada tahun 2012-2016.

Sementara itu, Kementerian Pengajian Tinggi juga akan meminda garis panduan untuk membenarkan rasionalisasi penglibatan universiti awam dalam perniagaan. Langkah ini adalah bertujuan, antara lain:

1. Memastikan fungsi syarikat melengkapkan perniagaan teras universiti
2. Melaksanakan prosedur standard melapor untuk ketelusan
3. Mengehadkan pemilikan universiti awam syarikat induk kepada dua
4. Mengkaji keahlian lembaga syarikat pegangan untuk ketelusan dan tadbir urus

Di sebalik perkembangan positif dalam program pelepasan saham GLIC (yang telah pun berjaya dilaksanakan sehingga kini), faktor seperti syarikat yang tidak berjaya mencapai harga sasaran (*strike price*) mereka, penilaian harga jualan yang rendah dan keadaan pasaran yang tidak menentu telah menjadi faktor penghalang penjualan beberapa syarikat di bawah pelan ini.

Kerajaan juga sedar bahawa pelepasan saham ini mesti dibuat pada harga yang adil kepada pemegang saham. Walau bagaimanapun, prospek pelan pelepasan saham ini kekal positif untuk terus dilaksanakan sebaik sahaja pasaran kembali pulih.

Langkah Seterusnya

SRI ini akan terus memantau baki 18 syarikat GLIC di bawah program pelepasan saham. Walaupun cabaran kekal wujud, SRI ini komited untuk mencapai sasaran di bawah program ini, dan berada di landasan yang betul dengan pelaksanaan Pelan Pelepasan Saham di peringkat kementerian. Selain itu, Kerajaan Negeri juga dijangka meningkatkan aktiviti pelepasan saham mereka pada tahun akan datang.



Pembangunan Modal Insan

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

SRI Pembangunan Modal Insan (HCD) adalah komponen kritikal dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang merentas keseluruhan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Ia merupakan hasil cadangan dasar Model Ekonomi Baru (NEM), matlamat SRI ini adalah untuk meningkatkan kebolehan modal insan dan menangani keperluan modal insan bagi menyokong pelaksanaan kesemua 12 NKEA dan seterusnya menyumbang kepada aspirasi Malaysia ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

SRI ini mengambil pendekatan serampang dua mata yang menangani:

1. Transformasi tempat kerja
2. Transformasi tenaga kerja

Transformasi tempat kerja mewakili elemen yang dicadangkan oleh NEM adalah penting agar tempat kerja dapat berfungsi dengan berkesan. Transformasi tenaga kerja, sementara itu, memberi tumpuan kepada inisiatif yang melengkapkan langkah-langkah sedia ada Kerajaan untuk meningkatkan modal insan. Langkah-langkah ke arah mentransformasikan tenaga kerja, dengan itu, menekankan keperluan data pasaran buruh yang menyeluruh dan meningkatkan kemahiran dan peningkatan tenaga kerja.

Inisiatif dan elemen yang penting untuk transformasi tempat kerja dan tenaga kerja diringkaskan di dalam jadual berikut:

NKRA dan NKEA Pendidikan				SRI Modal Insan	
Penjagaan Awal Kanak-kanak dan Prasekolah	Sekolah Rendah	Sekolah Menengah	Institusi TEVT, Kolej dan Universiti		
Tenaga Kerja (Kemahiran Rendah ke Tinggi)					
Transformasi Tempat Kerja			Transformasi Tenaga Kerja		
Memodenkan Perundangan Buruh	Jaringan Keselamatan Buruh	Memperkuuhkan Pengurusan Sumber Manusia	Memperkasakan Bakat Wanita	Analisis Pasaran Buruh	Meningkatkan Kemahiran & Latihan Semula Kemahiran
					
OBJEKTIF					
- Menarik pelabur di samping memelihara hak pekerja - Menggabungkan dan memperkemaskan perundangan buruh	Melindungi pekerja semasa peralihan ekonomi	Meningkatkan kebolehan sumber manusia untuk memajukan prestasi perniagaan dalam IKS	- Meningkatkan penyertaan dalam pasaran buruh: - Menarik - Mengekalkan - Meningkatkan - Meningkatkan kedudukan pembuat keputusan wanita kepada 30%	- Menyediakan data dan analisis pasaran buruh yang menyeluruh - Alat utama untuk perancangan tenaga manusia	Meningkatkan kemahiran untuk menangani kemahiran dan tenaga kerja bagi setiap sektor NKEA
INISIATIF					
Pindaan kepada: - Akta Pekerjaan 1955 - Akta Perhubungan Perusahaan 1967 - Umur Persaraan Minimum	- Gaji minimum - Insurans Pemberhentian Kerja	- Menubuhkan Pusat Sumber Manusia Kebangsaan (NHRC) - Meningkatkan kebolehan sumber manusia IKS	- Mengumpul nama dan melatih kumpulan wanita untuk ke peringkat lembaga pengarah - Program meningkatkan kemahiran untuk wanita	- Institut Maklumat dan Analisa Pasaran Buruh - Menjalankan kajian permintaan dan penyediaan tenaga kerja mengikut sektor	- MyProCert - Program Peningkatan Bakat Negara (NTEP) - MyUniAlliance - Kurikulum TEVT dan Program Tenaga Pengajar

Rajah 13.13



Datuk Seri Dr. S. Subramaniam Menteri Sumber Manusia

SRI Pembangunan Modal Insan mengiktiraf peranan tenaga kerja sebagai komponen penting dalam mencapai pertumbuhan ekonomi. Inisiatif yang diambil melalui SRI ini bertujuan untuk memupuk bakat insan Malaysia bagi mencipta pakar-pakar di dalam setiap sektor ekonomi sekali gus meningkatkan produktiviti buruh dan seterusnya menyumbang kepada negara berpendapatan tinggi. Pada tahun 2012, SRI ini mencatat peristiwa penting dalam meminda perundangan buruh bagi memastikan perlindungan pekerja yang berkesan di samping meningkatkan produktiviti pekerja. Kerajaan kekal positif bahawa asas yang diletakkan melalui SRI ini akan menggalakkan pekerja yang mahir dan berdaya saing untuk memanfaatkan aspirasi Malaysia ke arah mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

Petunjuk Prestasi Utama 2012

Pembangunan Modal Insan SRI		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenarnya (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
1	Pelaksanaan Gaji Minimum Negara tertakluk kepada saranan Majlis Perundingan Gaji Negara	Pelaksanaan Gaji Minimum pada akhir tahun 2012	Perintah Gaji Minimum Negara 2012 diwartakan pada 16 Julai 2012 dan Garis Panduan MPGN telah diterbitkan di laman web MoHR	100	●	100	●	1	●
	Pembentukan Skim Insurans Pemberhentian Kerja (UIS): (i) Untuk menyiapkan laporan akhir UIS (ii) Untuk menyiapkan laporan interim UIS	Disiapkan pada bulan Disember 2012	Laporan interim UIS disiapkan, dengan pencapaian 50%. Tambahan 6% adalah untuk memuktamadkan model UIS yang akan diguna pakai bagi menyiapkan laporan yang pertama	56	●	56	●	0.5	●
2	Akta Pekerjaan 1957 (Fasa Ke-2)	Perbincangan dengan Pihak Berkepentingan 4S2012	Semua perbincangan dengan pihak berkepentingan serantau telah dilengkapkan. Langkah seterusnya ialah untuk menggabungkan dan menilai semua input dan membentangkannya kepada semua pihak berkepentingan pada peringkat kebangsaan	100	●	100	●	1	●
	Umur Persaraan Minimum	Membentangkan Rang Undang-undang di Parlimen untuk Bacaan Pertama	Umur Persaraan Minimum telah diluluskan oleh Dewan Negara pada 17 Julai 2012. Tarikh akta ini berkuat kuasa ialah 1 Julai 2013 (Diwartakan pada 26 Disember 2012)	100	●	100	●	1	●
	Akta Perhubungan Industri 1967	Penyerahan kepada Peguam Negara untuk semakan pada 4S2012	Draf telah dipinda dan dibentangkan kepada NLAC pada bulan Disember 2012	93	●	93	●	0.5	●
3	Analisis terperinci tentang pasaran tenaga kerja	4 laporan sektor	3 laporan sektor disiapkan. Laporan keempat telah disemak dan akan dilengkapkan setelah semua maklum balas dimasukkan	95	●	95	●	0.5	●
4	Konsultasi HR yang relevan di tempat kerja (pengguna)	2,000	4,567	228	●	100	●	1	●
	Program Pembinaan Keupayaan HR untuk IKS (pengguna)	5,000	7,301	146	●	100	●	1	●

(bersambung)

(sambungan muka surat sebelum)

Pembangunan Modal Insan SRI		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
5	Peruntukan untuk sokongan penjagaan kanak-kanak yang berpatutan dan mudah diakses (Bilangan pusat)	800	1,099	137	●	100	●	1	●
	Bilangan pengasuh kanak-kanak yang dilatih di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)	4,000	5,040	126	●	100	●	1	●
6	Pensijilan Profesional MyProCert untuk Perkhidmatan Perniagaan dan NKEA Komunikasi Kandungan dan Infrastruktur	1,250	1,759	141	●	100	●	1	●
	Pelatih NTEP untuk NKEA Elektrikal dan Elektronik	650	512	79	●	85	●	0.5	●
	Kurikulum TEVT untuk NKEA Minyak, Gas dan Tenaga	Kurikulum TEVT dibangunkan dan sedia untuk pelaksanaan latihan	Kurikulum telah dibangunkan. Bahan arahan bertulis di peringkat akhir pembangunan.	90	●	90	●	0.5	●
	Latihan dalam bidang Minyak, Gas dan Tenaga Boleh Diperbaharui di bawah NKEA Minyak, Gas dan Tenaga	Sepuluh tenaga pengajar, 100 pelatih	Sepuluh tenaga pengajar dan 139 pelatih yang dilatih (Solar PV)	136	●	100	●	1	●
	NKEA Pelancongan: Eko-Pelancongan	Semakan dasar, proses dan kurikulum diluluskan	Laporan terakhir disiapkan pada bulan Disember 2012 dan akan diserahkan kepada Kementerian Pelancongan pada tahun 2013	80	●	80	●	0.5	●
				105%		93%		80%	

Rajah 13.14

Kaedah 1 menunjukkan pencapaian KPI sebenar iaitu membenarkan pencapaian melebihi 100 peratus dilaporkan.

Kaedah 2 menunjukkan laporan pencapaian KPI yang dihadkan kepada 100 peratus.

Kaedah 3 menunjukkan laporan pencapaian paling mudah. Sasaran KPI yang telah dipenuhi atau melebihi diberi gred 1. KPI yang mencapai lebih separuh daripada sasarannya diberi gred 0.5, dan KPI yang kurang daripada separuh sasaran mereka diberi gred 0.

Memodenkan Perundangan Buruh

Ini adalah sesuatu yang diperjuangkan oleh Kementerian Sumber Manusia (MoHR), bidang dasar ini menumpukan kepada transformasi undang-undang tempatan selari dengan ekonomi moden. Ianya bertujuan mencipta ekonomi domestik yang lebih berdaya saing di pentas global dan memastikan pertumbuhan ekonomi yang berterusan.

Disebabkan pergolakan yang berterusan di persekitaran luaran, proses pembaharuan sumber manusia mesti kekal dinamik dan berpaksikan prinsip-prinsip yang ditetapkan di dalam NEM, iaitu menyeluruh dan mapan.

Pindaan yang diusulkan memberi fokus kepada dua objektif: i) mengurangkan kos pengurusan buruh kepada perniagaan dan ii) memastikan perlindungan pekerja yang berkesan.

Pada tahun 2012, MoHR memberi fokus kepada memperkenalkan dua Akta baru berkaitan dengan:

- **Gaji Minimum:** Untuk meningkatkan taraf hidup dengan menentukan gaji minimum bagi semua pekerja
- **Umur Persaraan Minimum:** Untuk menaikkan umur persaraan minimum kepada 60 dengan itu meningkatkan produktiviti dan mengekalkan lebih banyak pekerja pengetahuan tempatan

Akta yang sedia ada yang sedang berada dalam semakan semula dalaman terdiri daripada:

- **Akta Perhubungan Perusahaan (IR Act) 1967:** Untuk mempercepatkan kes-kes pemecatan yang tidak adil dan pertelingkahan perdagangan; memastikan penguatkuasaan yang berkesan bagi keputusan-keputusan Mahkamah Perusahaan; serta mengimbangi keperluan perniagaan dan hak pekerja melalui pendamaian
- **Akta Pekerjaan (EA) 1955:** Untuk memodenkan perundangan selari dengan keperluan majikan tempatan dan asing dengan pekerja negara yang sedang menuju status negara maju; mendorong produktiviti dan kecekapan, menaikkan tahap pendapatan dan melindungi pekerja untuk memupuk daya saing tempatan, serantau dan global

Dalam tahun tersebut, usaha untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan Akta Pekerjaan 1955 memberi fokus kepada perbincangan dengan pihak yang berkepentingan untuk memastikan kajian yang seimbang mengenai pindaan yang diusulkan.

Dengan 17 pindaan yang diusulkan kepada Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan 70 kepada Akta Pekerjaan 1955, beberapa cabaran telah dihadapi dalam mencapai persetujuan ke atas perubahan. MoHR bagaimanapun akan terus berusaha mencapai transformasi yang dikehendaki dalam perundangan buruh untuk menyokong persekitaran bekerja yang menggalakkan dan adil untuk tenaga kerja Malaysia.

Pencapaian dan Cabaran

Perintah Gaji Minimum telah digazetkan pada 16 Julai 2012 dan telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2013. Akta Gaji Minimum menetapkan pembayaran minimum RM900 bagi pekerja Semenanjung Malaysia dan RM800 bagi pekerja di Sabah dan Sarawak.

Garis panduan pelaksanaan Perintah ini telah disiarkan di laman web KSM, sementara Majlis Perundingan Gaji Kebangsaan (NWCC) dan Jabatan Buruh telah menjalankan sesi penerangan seluruh negara untuk menjelaskan Perintah ini kepada orang awam dan pihak berkepentingan.

Akta Umur Persaraan Minimum 2012 telah digazetkan pada 16 Ogos 2012, dan akan dikuatkuasakan pada 1 Julai 2013. Garis Panduan mengenai Akta ini akan disiarkan di laman web KSM, bersama-sama dengan sesi penerangan di seluruh negara dan penglibatan pihak yang berkepentingan yang akan diadakan pada tahun 2013.

Fokus dalam Meningkatkan Kemahiran dan Peningkatan Taraf Tenaga Kerja

Untuk menyokong perjalanan transformasi setiap NKEA, peningkatan taraf adalah perlu untuk kemahiran dan daya saing tenaga kerja Malaysia. Inisiatif di bawah bidang dasar ini akan menangani semua tahap tenaga kerja dalam jangka pendek, sederhana dan panjang.

Intervensi jangka pendek dan sederhana memerlukan kerjasama industri, institusi pendidikan dan Kerajaan untuk menangani semua NKEA, sementara inisiatif jangka panjang bertujuan untuk membangunkan pendekatan yang mapan, diterajui sektor untuk menangani keperluan kemahiran setiap NKEA. Langkah-langkah ini akan melengkapkan Malaysia dengan tenaga kerja yang cukup berkemahiran untuk merealisasikan matlamat mencapai ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Meningkatkan Kemahiran untuk Sektor Minyak, Gas dan Tenaga

Sebagai penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia, Kerajaan telah memberi fokus untuk melonjakkan sektor minyak, gas dan tenaga ke atas sektor rantaian nilai ke arah penyelesaian untuk tenaga boleh baru. Seiring dengan ini, SRI HCD telah memberi fokus kepada pembangunan tenaga kerja mahir dalam sektor ini. Dengan tumpuan khas kepada industri fotovolta (PV) solar, di mana Kerajaan telah dikenal pasti sebagai penyumbang utama tenaga boleh diperbaharui.

Selaras dengan kelulusan rang undang-undang Tarif Galakan (FiT) pada tahun 2012 untuk tenaga boleh baru, ia telah dikenal pasti bahawa pembangunan tenaga kerja industri PV yang berkemahiran adalah penting kepada kejayaan industri solar PV. Keperluan Pembangunan Modal Insan dalam industri tenaga diperbaharui juga diliputi di bawah Thrust 3 dari Dasar dan Pelan Tindakan Tenaga Boleh Baru (REPAP), yang bertujuan memastikan kecekapan tenaga kerja tempatan yang mencukupi dalam tenaga boleh diperbaharui.

Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia telah menggunakan khidmat *Renewables Academy* (RENAC) yang berpangkalan di Jerman untuk menjalankan program *Train-the-Trainer* (TTT) mengenai reka bentuk dan pemasangan sistem PV yang bersambung kepada grid. Latihan sepuluh hari ini diakreditasi mengikut standard *Institute of Sustainable Power* (ISPO) yang memerlukan jurulatih tempatan mencapai tahap pengalaman, teknikal dan pengajaran yang telah ditetapkan.

RENAC juga telah menilai kemudahan latihan yang sedia ada di UiTM dan Pusat Pembangunan Sumber Manusia Selangor (SHRDC), dan mencadangkan pengembangan kedua-dua pusat tersebut.



Sesi latihan praktikal yang dikendalikan oleh SEDA

Inisiatif- inisiatif lain yang dijalankan pada tahun 2012 termasuk bengkel penglibatan industri untuk mini kuasa hidro SEDA yang diadakan di Ipoh, Kuantan dan Kota Kinabalu.

Pencapaian dan Cabaran

Di bawah inisiatif Tenaga dan Tenaga Boleh Dibaharui, 10 daripada 11 pelatih telah lulus peperiksaan solar PV TTT pada tahun 2012. Mereka seterusnya telah menjalankan latihan untuk 139 peserta. Tambahan pula, SEDA dan JTM (Jabatan Tenaga Manusia) sedang membangunkan sukatan pelajaran untuk pemasangan solar PV di rumah dan di pejabat. Sukatan pelajaran ini, yang akan diiktiraf oleh Suruhanjaya Tenaga, akan membolehkan latihan untuk juruteknik dan juruelektrik berkelayakan di institusi latihan kemahiran awam.

SEDA juga telah menganjurkan satu siri bengkel industri untuk mendidik peserta industri, agensi persekutuan dan negeri mengenai hidro mini dan biojisim/biogas. Bengkel-bengkel ini telah diadakan di Ipoh, Kuantan, Putrajaya, Johor Baru dan Kota Kinabalu.

Inisiatif HCD untuk Minyak dan Gas, sementara itu, menyaksikan perolehan Standard Kemahiran Pekerjaan PETRONAS (POSS) dari PETRONAS dan pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) untuk kemahiran teknikal hiliran, berdasarkan POSS dan input industri. Penyampaian sukatan pelajaran ini akan dirintiskan di tiga institusi latihan kemahiran awam dalam suku pertama tahun 2013.



Sesi latihan TTT sedang berjalan



SEDA memberi taklimat mengenai Sistem Pembelajaran dan Penyelesaian Masalah Solar PV

Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan atau (MPKK) telah meluluskan NOSS, sementara JTM dan MoHR telah membangunkan Bahan Pengajaran Bertulis (WIM) untuk penyampaian latihan.

Program Peningkatan Bakat Negara (NTEP)

Program NTEP telah dilancarkan pada bulan Jun 2011 untuk mempercepatkan pembangunan tenaga kerja mahir di Malaysia. Ia bertujuan untuk merangsangkan kebolehpasaran graduan kejuruteraan juga pemegang sijil teknikal dan vokasional. Latihan dalam kerja selama 12 bulan merentasi NKEA dan bukan NKEA untuk Koridor.

Program ini meletakkan penekanan khas menyokong keperluan kemahiran di dalam setiap Koridor Ekonomi Serantau Malaysia. Oleh itu, program ini dilaksanakan melalui sembilan entiti berlainan – Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara, Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA), *Workforce Development Unit* (Pejabat Ketua Menteri Sarawak), Akademi Teknologi Hijau (agensi negeri Melaka), Pusat Pembangunan Sumber Manusia Selangor, MIGHT-METEOR dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

Pencapaian dan Cabaran

NTEP dicapai pada 31 Disember 2012, dan kini telah mengambil 512 pelatih dari sembilan agensi yang mengambil bahagian.

Agensi	Bil. Sasaran Pelatih	Diambil Bekerja
SHRDC	100	101
ATHM	100	62
ECER	50	100
IRDA	100	64
SEDIA	50	36
NCIA	100	71
Sarawak	50	2
MIGHT-METEOR	100	44
CIDB	32	32
JUMLAH	682	512

Rajah 13.15: Penghuraian pelatih dan agensi yang turut serta dalam NTEP



Melawat Pelatih NTEP di loji Semi-Kondutor RENESAS di Banting oleh pasukan PEMANDU dan PTPK pada Mei 2012



Latihan praktikal menggunakan mesin canggih syarikat

Testimoni

"Bagi saya, yang paling bagus adalah saya diberikan tugas dan masalah mengikut tahap jurutera. Saya telah meraih pengetahuan bukan sahaja dalam bidang saya (QA/QVC), tetapi juga dalam penyelesaian masalah, membuat dan memasang produk, menggalakkan kerja secara berpasukan dengan pekerja lain, bertimbang rasa dalam komunikasi dengan staf daripada pelbagai lapisan dan disiplin semasa melaksanakan tanggungjawab dan tugas," kata Encik Izzudin, yang menyertai RENESAS di bawah program ini.

MSC Malaysia Program MyProCert

Matlamat program ini adalah untuk meningkatkan kemahiran tenaga kerja Malaysia mencapai standard pensijilan antarabangsa; menasaskan 7,500 peserta dalam tiga tahun. Pada permulaan menawarkan pensijilan SAP, program ini telah berkembang dengan kerjasama lain-lain rakan kongsi pensijilan untuk memasukkan lebih banyak set kemahiran. Kos yang berkaitan dengan program ini boleh dituntut di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (PSMB).

Program MyProCert menyediakan pekerja dengan pensijilan profesional antarabangsa pada kadar boleh mampu. Kadar boleh mampu ini dicapai dengan cara berikut:

- PEMANDU dan Multimedia Development Corporation (MDeC) mendapatkan diskaun pukal dari badan pensijilan antarabangsa
- Apabila individu menjalankan latihan dan lulus dalam pensijilan tersebut, Kerajaan akan mengangalkan penuntut dengan memberi insentif sekali sahaja
- Dengan itu, jumlah bersih yang pelajar perlu bayar lebih rendah berbanding harga pasaran




Pelancaran lima rakan kongsi baru pada April 2012 oleh Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr S. Subramaniam

Pencapaian dan Cabaran

Pada bulan April 2012, program MyProCert menambah lima rakan kongsi pensijilan untuk menawarkan lebih banyak kemahiran. Rakan-rakan kongsi tersebut terdiri daripada: Huawei Technologies (M) Sdn Bhd, Oracle Corporation Malaysia Sdn Bhd, iTrain (M) Sdn Bhd, Scicom (Academy) Sdn Bhd dan SnT Global Services Sdn Bhd. Set kemahiran pula termasuk *Huawei Certified Datacom Associate*, *Oracle Certified Professional Programmes*, *iOS Mobile Development*, *BTEC Level 4 Process Outsourcing* dan *International Association of Outsourcing Professional BPO Programme*.

Pada suku tahun ke-3 2012, lima lagi rakan kongsi menyertai papan program ini, yang terdiri daripada PMP, MyTriz, Autodesk, National Instruments dan Embedded System Design. Adalah dijangkakan bahawa peserta Malaysia yang terlatih dan disahkan dalam program ini akan dapat menampung bakat yang diperlukan untuk pembangunan industri ICT dan potensi pelaburan asing.



Rajah 13.16: *Tertakluk kepada Terma dan Syarat

Program MyUniAlliance MSC Malaysia

Program MyUniAlliance MSC Malaysia adalah inisiatif baru oleh MDeC dengan sokongan daripada PEMANDU. Matlamatnya adalah untuk membangunkan graduan yang bersedia untuk industri dan pekerjaan.

Program ini membolehkan pemain teknologi global untuk menubuhkan pakatan strategik dengan institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta dengan melabur dalam pembangunan kurikulum dan melatih Jurulatih (TTT) program. Ini adalah untuk memudahkan pemindahan teknologi dan kepakaran.

Pencapaian dan Cabaran

Program MyUniAlliance telah disertai oleh empat rakan kongsi teknologi global sejak ia dimulakan; iaitu SAP, Google Web Academy, Huawei, dan iOS. Pada tahun 2012, sejumlah 18 IPT mengambil bahagian dalam program ini, dengan kira-kira 36 pensyarah menamatkan program TTT. Seterusnya, pensyarah-pensyarah tersebut telah pun melatih seramai 462 pelajar.

Memperkukuhkan Pengurusan Sumber Manusia (HR) untuk PKS

Perusahaan kecil dan sederhana Malaysia (PKS) memainkan peranan penting dalam menyokong usaha negara untuk menggerakkan nilai rantaian bekalan global (*global supply value chain*) bagi menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi. Oleh itu, sumbangan PKS kepada ekonomi Malaysia perlu berkembang sekurang-kurangnya 40 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), sama seperti New Zealand, Singapura, Korea Selatan, Taiwan dan Amerika Syarikat. Keupayaan dan prestasi PKS juga perlu diperbaiki.

Tahukah Anda?

PKS merupakan sebahagian daripada 99 peratus perniagaan di Malaysia, menyumbang 31 peratus daripada KDNK Malaysia dan memberi peluang pekerjaan kepada 60 peratus daripada tenaga kerja di Malaysia, terutamanya di dalam sektor perkhidmatan, pengilangan dan pertanian.

Kerajaan juga telah mengenal pasti PKS sebagai penggerak utama dalam membangunkan, mengekalkan dan mengeluarkan peluang pekerjaan. Untuk memanfaatkan sepenuhnya peranan ini dan mencapai matlamat jangka panjang dalam mewujudkan PKS yang berdaya saing di peringkat global, PKS Malaysia perlu mengubah proses dan keupayaan pengurusan sumber manusia mereka. Sehubungan itu, ia memerlukan PKS untuk menginstitusikan HRM, meningkatkan keupayaan kakitangan HR mereka dan mengadaptasikan amalan HR yang terbaik untuk mewujudkan tempat kerja yang kondusif dan produktif.

Namun begitu, PKS menghadapi beberapa cabaran dalam mengekalkan produktiviti dan menguruskan tenaga kerja mereka. Ini termasuk:

- PKS mikro menganggap HR sebagai kos dan bukannya sebagai satu pelaburan
- *Turnover* kakitangan yang tinggi dan isu pengambilan pekerja seperti pengambilan pekerja yang mempunyai kemampuan yang relevan

NHRC menawarkan tiga tahap perkhidmatan yang berikut melalui tiga kaedah penghantaran yang berbeza			
TAHAP	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3
Keterangan	Menyediakan maklumat yang berkaitan dengan undang-undang HR	Menyediakan perundingan asas tentang aplikasi dan penyelesaian isu HR di tempat kerja	Menyediakan kemudahan penyumberan luar
Kaedah Penghantaran	DALAM TALIAN Merujuk kepada maklumat yang sedia ada melalui portal NHRC www.nhrc.com.my	MENYAMPAIKAN RESPONS PANTAS Merujuk kepada nasihat, garis panduan atau respons yang sedia ada melalui Pusat Panggilan HR 1800-88-4800 (nombor bebas tol)	DI TEMPAT KERJA atau DI LUAR TEMPAT KERJA Merujuk kepada perundingan menyeluruh mengenai pelbagai program HR dalam syarikat sama ada oleh NHRC sendiri atau melalui konsultan yang dilantik melalui: 1. Perundingan HR 2. PKS Skim Perundingan TNA 3. Latihan TNA

Rajah 13.17

Tahukah anda?

Menurut Perangkaan Pengajian Tinggi Malaysia (2011), 60 peratus pelajar di universiti-universiti awam adalah wanita. Di universiti awam, wanita menguasai bidang kajian seperti pendidikan, kesihatan dan kebajikan, sains sosial, dan perniagaan dan undang-undang.

NEM juga menekankan bahawa terdapat peningkatan peratusan wanita dalam membuat keputusan daripada tujuh peratus pada tahun 1990 kepada 30.5 peratus pada tahun 2010 dalam perkhidmatan sektor awam manakala di sektor swasta, peratusannya adalah sekitar 6-10 peratus.

Rancangannya adalah untuk mempunyai lebih 600,000 tenaga kerja wanita menjelang tahun 2015. Ia dijangka bahawa peningkatan bilangan pekerja wanita akan mengurangkan 40 peratus bilangan isi rumah yang miskin.

Berikutan kebimbangan ini, Pusat Sumber Manusia Kebangsaan (NHRC) di bawah Kementerian Sumber Manusia telah ditubuhkan pada bulan Februari 2012 dengan mandat untuk menyediakan penyelesaian HR strategik untuk PKS. Antara polisinya adalah untuk menyediakan insentif kepada firma-firma untuk menerima pakai amalan khusus HR yang selaras dengan standard antarabangsa.

Berikutan dengan pelancaran NHRC, pusat itu juga melancarkan Portal dan Pusat Panggilan pada tahun 2012, dengan kemudahan tersebut diterima pakai seramai 4,000 PKS. Portal NHRC menawarkan penyelesaian yang merangkumi pengambilan hingga ke persaraan melalui *toolkit*, templat dan proses untuk PKS. Penyelesaian-penyelesaian ini juga boleh diubah suai mengikut keperluan syarikat. NHRC berfungsi sebagai tempat bantuan bagi pertanyaan mengenai perkara-perkara berkaitan HR, seperti hubungan pekerja. Antara perkhidmatan lain yang ditawarkan adalah konsultasi HR yang relevan di tempat kerja.

Polisi ini telah menyaksikan pelancaran program pembangunan keupayaan (*capability*) HR pada tahun 2012, yang telah disediakan kepada majikan berdaftar HRDF dan bukan HRDF.

Selain itu, sejumlah 7,000 orang telah dilatih di HRM. Pencapaian yang selanjutnya termasuk pelancaran Rujukan Pantas di HRM untuk PKS dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Mandarin, dan kelulusan Buku Panduan Pekerja oleh Jawatankuasa Penasihat NHRC.

Di sepanjang tahun juga, sebanyak 700 PKS menyertai Kelab HR dan mengambil bahagian dalam sesi mentor rakan sebaya.

Memanfaatkan Bakat Wanita untuk Meningkatkan Produktiviti

Rancangan Malaysia ke-10 telah menggariskan beberapa sasaran yang berkaitan dengan wanita dalam tenaga kerja, seperti meningkatkan kadar penyertaan buruh wanita kepada 55 peratus, yang dijangka meningkatkan KDNK Malaysia sebanyak dua peratus setahun. Di samping itu, 30 peratus daripada lembaga syarikat senaraian awam (PLC) disasarkan terdiri daripada wanita.

Walau bagaimanapun, ramai wanita di Malaysia telah memilih untuk tidak berkerja, kerana meneruskan pendidikan atau untuk menjaga anak dan keluarga. Tambahan pula, menurut Perangkaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, terhadap Wanita, Keluarga dan Masyarakat 2010, penyertaan wanita dalam pasaran buruh di Malaysia adalah antara yang terendah di ASEAN.

Dalam usaha untuk menarik dan mengekalkan lebih ramai wanita di tempat kerja, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan di kementerian dan agensi. Ini termasuk mengukuhkan platform untuk meningkatkan kemahiran dan meningkatkan peluang keusahawanan untuk golongan berpendapatan rendah. Kerajaan juga menyokong penubuhan struktur holistik sistem sokongan sosial untuk menyumbang kepada keseimbangan kerja dan kehidupan, menawarkan penjagaan kanak-kanak dan penyelesaian penjagaan warga tua, di antara lain.

Lebih banyak peluang pekerjaan sejajar dengan keperluan wanita harus ditawarkan untuk menggalakkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja, seperti melalui kerja dari rumah, sambilan atau kerja secara pengaturan yang fleksibel. Usaha juga telah diambil untuk meningkatkan bilangan wanita dalam peringkat membuat keputusan.



Seminar HRM untuk pemilik perniagaan IKS di Petaling Jaya pada tahun 2012

Pencapaian dan Cabaran

Program Pengarah Wanita oleh National Institute Of Empowerment of Women (NIEW)	• 220 wanita telah dilatih untuk menjadi calon pengarah di PLC • Calon pengarah boleh didaftarkan di portal (www.wcdregistry.com). Pada tahun 2012, 640 wanita telah mendaftar untuk menjadi calon pengarah. Syarikat juga boleh menggunakan portal tersebut untuk mencari calon untuk lembaga pengarah
Penubuhan Pusat Penjagaan Kanak-kanak oleh Jabatan Kebajikan, KPWKM	• 1,099 pusat penjagaan kanak-kanak didaftar • 5,411 pengasuh dilatih • Insentif Belanjawan 2013: - Geran pelancaran dan bantuan yuran untuk pusat penjagaan kanak-kanak swasta - Lima tahun pengecualian cukai dan elaun industri 10 peratus untuk pusat penjagaan kanak-kanak swasta - Dua kali ganda potongan cukai untuk majikan yang menyediakan subsidi kepada pekerja untuk penjagaan kanak-kanak
Pelancaran Portal Talent Wanita (Kerjasama antara TalentCorp & KPWKM)	• Peluang kerjaya: Platform untuk syarikat dengan <i>flexible work arrangement</i> (FWA) dan kemudahan sokongan bagi pekerja wanita untuk mengiklankan kerja yang sesuai terutamanya untuk wanita yang berhenti seketika daripada kerjaya; dan untuk wanita mencari pekerjaan yang menawarkan pengaturan kerja fleksibel (FWA) dan syarikat yang menyediakan kemudahan sokongan untuk wanita bekerja • Insentif cukai: Dua kali ganda potongan cukai bagi perbelanjaan latihan oleh syarikat dalam mengambil semula wanita profesional yang berhenti seketika daripada kerjaya, bermula pada tahun 2013 • Perkongsian cerita: Berkongsi artikel dan cerita mengenai wanita yang bekerja, terutamanya dari segi bagaimana mereka boleh menguruskan komitmen peribadi dan tanggungjawab di tempat kerja; dan syarikat yang telah melaksanakan pengaturan kerja fleksibel (<i>flexible work arrangement</i> [FWA]) atau kemudahan sokongan di tempat kerja bagi pekerja wanita yang membolehkan mereka menarik dan mengekalkan wanita supaya meneruskan kerjaya • Women microsite: Platform untuk menghubungkan syarikat dengan peluang kerja yang sesuai untuk wanita yang berhenti seketika daripada kerjaya. Portal ini boleh diakses di www.talentwanita.my

Menjalankan Ramalan Pasaran Buruh dan Program Tinjauan

Model Ekonomi Baru (NEM) telah menyerlahkan kekurangan sumber tunggal data pasaran buruh Malaysia yang komprehensif yang diperakui oleh negara. Ini memberi impak kepada keberkesanan pembentukan dasar-dasar buruh negara yang boleh membantu mencapai status negara maju.

Untuk menangani masalah ini, Institut Maklumat dan Analisa Pasaran Buruh (ILMIA) ditubuhkan pada bulan Januari 2012 atas saranan NEM. Institut ini memainkan peranan dalam menjangka permintaan tenaga kerja dalam sub-sektor industri yang seterusnya akan menyokong pembentukan dan pembangunan dasar.

Matlamat inisiatif ini ialah untuk membina pangkalan data berpusat dan berinteraksi sebagai alat perancangan tenaga kerja negara. Ia dijangka akan memenuhi jurang maklumat yang sedia ada di pasaran buruh Malaysia. Seterusnya, ini akan memberi ukuran yang tepat untuk penawaran dan permintaan tenaga buruh bagi setiap sub-sektor industri.

Institut Maklumat dan Analisa Pasaran Buruh (ILMIA)

ILMIA yang ditubuhkan untuk menggantikan Institut Sumber Manusia Kebangsaan akan menjadi pusat kecemerlangan (*institute of excellence*) bagi analisis trend pasaran buruh dan menangani isu-isu tenaga kerja. Ini adalah untuk menyokong pertumbuhan ekonomi berasaskan informasi yang lengkap. ILMIA memainkan peranan yang penting sebagai pusat pengedaran data pasaran buruh negara dan sebagai institut utama dalam penyelidikan pasaran buruh.

ILMIA dan Bank Dunia

ILMIA telah bekerjasama dengan Bank Dunia untuk mengenal pasti keperluan modal insan bagi *green jobs* di Malaysia. Bank Dunia juga akan mengendalikan latihan bagi perisian ekonomi SAM & Dysam untuk kakitangan ILMIA.

Kerjasama lain di antara ILMIA dan Bank Dunia adalah termasuk mengadakan bengkel yang berkaitan dengan isu-isu pasaran buruh antarabangsa.

Rancangan jangka panjangnya ialah untuk membentuk kerjasama antarabangsa dengan Bank Dunia dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) tentang isu-isu pasaran buruh dan analisis pangkalan data.

Institut ini juga akan menangani sebaran dan kelemahan penyelarasan dalam pengumpulan dan penjanaan data pasaran buruh. Ini boleh diatasi dengan kerjasama pihak-pihak berkepentingan untuk memusatkan dan mengintegrasikan data di samping memperbaiki rangka kerja bagi penggunaan semua data pasaran buruh yang berkaitan.

Matlamatnya ialah untuk ILMIA menerbitkan data yang selaras dengan standard Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Data ini akan digunakan di dalam dasar-dasar buruh Kerajaan dan pembaharuan polisi.

Satu jawatankuasa pemandu yang dipengerusikan oleh MoHR dan merangkumi beberapa badan yang lain, juga turut ditubuhkan untuk memberi panduan dan hala tuju kepada perunding-perunding di samping menyelia pelaksanaan usul-usul, strategi dan dasar.



Bengkel berkenaan dengan keperluan tenaga kerja dan struktur gaji di Malaysia

Pencapaian dan Cabaran

Berikutan pelancarannya pada tahun 2012, ILMIA telah menyiapkan analisis pasaran buruh bagi keperluan tenaga kerja untuk NKEA Minyak, Gas dan Tenaga, Elektrikal dan Elektronik, Perkhidmatan Perniagaan, Pelancongan dan Penjagaan Kesihatan. Ia juga telah menjalankan kajian bagi struktur gaji, menyarankan dasar dan program untuk pekerjaan dan peningkatan kemahiran sebagai sebahagian daripada ETP, dan menyediakan maklumat bagi tahap gaji yang berpatutan untuk pekerja.

Kajian-kajian lain yang dijalankan oleh ILMIA sepanjang tahun termasuk Penggudangan Data Maklumat Pasaran Buruh (ILMIA Data Warehouse), Sistem Berintegrasi Tenaga Kerja dan Pembangunan Ekonomi (*Manpower and Economic Development Report*) dan Tinjauan Pekerjaan Negara (*National Employment Review*).

Institut juga mengendalikan kajian dengan bekerjasama dengan ILO dan Bank Dunia yang meliputi Kajian Pemetaan Pekerjaan Hijau (*Green Jobs Mapping Study*) dan kajian tentang Peningkatan Kemahiran bagi Inovasi dan Ekonomi Berpendapatan Tinggi di Malaysia.

Langkah Seterusnya

Pada tahun 2013, SRI Pembangunan Sumber Insan akan memberi fokus untuk menjadi pemangkin dalam melaksanakan pembaharuan struktur menerusi projek-projek berimpak tinggi yang disasarkan ke arah sektor-sektor di seluruh Malaysia dan di dalam Koridor Ekonomi Serantau. Pada masa jangka panjang, SRI membuat perangkaan untuk memudahkan produktiviti tenaga buruh yang lebih tinggi di Malaysia melalui perancangan teliti dan penggubalan dasar-dasar yang akan diperkukuhkan dengan sistem sokongan keputusan dan pangkalan data tenaga buruh yang teguh.

Di dalam pelan jangka panjang, SRI akan menjalankan beberapa projek seperti berikut:

- Membangunkan Sistem Maklumat Pasaran Buruh (LMIS) dan pangkalan data berintegrasi bekalan dan permintaan sumber manusia: LMIS akan membolehkan penjejakan dan pemantauan bekalan tenaga kerja merentasi 12 NKEA. Badan-badan industri dan pendidikan serta institusi latihan kemahiran akan bersama untuk membantu membina sistem ini.

- Meningkatkan penyertaan tenaga kerja wanita daripada 47 peratus kepada 55 peratus
 - Menyediakan sokongan penjagaan kanak-kanak untuk menggalakkan wanita untuk bekerja semula dengan memberikan bantuan yuran kepada keluarga berpendapatan rendah dan melancarkan geran untuk pusat penjagaan kanak-kanak
 - Melaksanakan dasar-dasar dan program seperti pemotongan cukai dua kali bagi perbelanjaan latihan untuk syarikat-syarikat yang menggajikan semula wanita yang telah berhenti bekerja untuk seketika dan menggalakkan syarikat-syarikat tersenarai awam untuk mendedahkan di dalam laporan tahunan mereka tentang dasar-dasar dan amalan yang menyokong pengambilan tenaga kerja wanita seperti pengaturan kerja yang fleksibel dan kemudahan sokongan
- Program perintis untuk membolehkan wanita memegang jawatan dalam Lembaga Pengarah bagi mencapai 30 peratus komposisi wanita dalam jawatan pembuat keputusan menjelang tahun 2016: meningkatkan latihan teknikal dan vokasional (TEVT) ke arah mencapai sasaran 70 peratus tenaga kerja yang berkemahiran dan cekap menjelang tahun 2020 daripada tahap 30 peratus sekarang
- Menggalakkan perkongsian sektor awam dan swasta di antara institusi latihan kemahiran awam dan sektor swasta: Ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti institusi awam dengan memastikan kurikulum, jurulatih dan kemudahan yang selaras dengan keperluan industri di samping memerlukan pembaharuan-pembaharuan dasar dan penekanan pada kebolehgajian, kualiti program dan keberkesanan

Adalah dijangkakan langkah-langkah kritikal yang dilaksanakan ini mengambil pendekatan holistik di dalam pembangunan tenaga kerja dan tempat kerja di Malaysia. Ini akan memupuk kemahiran dan budaya kerja yang diperlukan untuk menggerakkan negara ke rangkaian nilai yang lebih tinggi dan untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi.

PERKHIDMATAN KEWANGAN DAN MENGURANGKAN PERANAN KERAJAAN DALAM PERNIAGAAN

PENGALAMAN BERSAMA PERKHIDMATAN AWAM

Sebagai nadi ekonomi negara, NKEA Perkhidmatan Kewangan adalah merupakan sebuah NKEA yang unik untuk menyentuh kehidupan semua rakyat Malaysia melalui inisiatifnya. Di samping itu, SRI Peranan Kerajaan dalam Perniagaan juga memainkan peranan penting dalam membangunkan infrastruktur insaniah yang dipercayai untuk menggalakkan lebih banyak syarikat tempatan dan asing mengambil bahagian dalam ekonomi Malaysia.

"Perkhidmatan awam, khususnya Kementerian Kewangan (MoF), memainkan peranan sebagai saraf utama kepada kesemua inisiatif yang telah dirancang. Oleh itu, adalah amat penting untuk kesemua anggota perkhidmatan awam bekerjasama dengan semua pemilik EPP untuk bersama-sama dengan pasukan NKEA dan SRI dalam melaksanakan dan menjayakan inisiatif ini," kata YB Dato' Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah, Ketua Setiausaha, Perbendaharaan, di Kementerian Kewangan.

"Sekiranya ada sesuatu yang tidak berfungsi seperti yang dirancang, kami akan menyelaraskan resolusi baru terhadap permasalahan itu. Selain daripada memastikan pelaporan kemajuan kekal konsisten dan fokus di semua peringkat, kami juga bertanggungjawab untuk memastikan inisiatif tersebut dilaksanakan secara berkesan dalam tempoh masa yang ditentukan, dan mengesahkan keputusan sebelum dimaklumkan kepada orang ramai," jelas Dato' Sri Dr Mohd Irwan, yang juga menganggotai di kedua-dua Jawatankuasa Pemandu NKEA Perkhidmatan Kewangan dan SRI Peranan Kerajaan dalam Perniagaan. Kedua-dua Jawatankuasa ini juga dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Malaysia.

Sementara itu dalam kes SRI Peranan Kerajaan dalam Perniagaan, Dato' Sri Dr Mohd Irwan berkata semua syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan Kementerian yang berada di bawah radar pelupusan, akan bertindak sebagai ejen pengoperasian bagi program pelupusan masing-masing.

"Dari segi cabaran, dalam menjalankan/ mengawal sektor perkhidmatan kewangan, kami mesti sentiasa berhati-hati dari segi penawaran dan permintaan. Selain daripada berhati-hati terhadap ketidakpastian yang menyelubungi kedudukan global, kami juga harus berhati-hati terhadap pelaburan tempatan dan landskap perniagaan."

"Beginilah cara seseorang menimbang antara 'peraturan pengawalseliaan' dan 'permintaan pasaran'. Samalah juga dengan keputusan menjadi terlalu 'tegas' terhadap keperluan pembiayaan berbanding dengan 'sangat menyokong' segmen pembiayaan mikro. Seseorang perlu mendapatkan keseimbangan terbaik di antara kedua-duanya," tambah beliau.

Dato' Sri Dr Mohd Irwan juga mengatakan SRI Peranan Kerajaan dalam Perniagaan, yang menerajui usaha melupuskan syarikat milik Kerajaan dan Kerajaan-kerajaan Negeri, pastinya akan meningkatkan daya saing di kalangan pemain merentasi pelbagai industri. "Syarikat-syarikat di mana keadaan kewangannya stabil dan mampu menjana pendapatan yang teguh harus menjalani pelepasan saham (*divestment*). Mereka harus menjalankan perniagaan dalam kapasiti mereka sendiri dan tidak perlu bergantung kepada bantuan Kerajaan lagi.

"Ini juga akan menyokong jangka hayat syarikat," katanya.

Hasilnya telah terbukti-dalam tempoh dua tahun yang lalu, hampir kesemua dari mereka yang terlibat secara langsung di dalam sektor Perkhidmatan Kewangan telah berjaya mencatat keuntungan yang semakin meningkat dan memberansangkan. Ekonomi Malaysia jua menjadi lebih bertenaga. Manakala program pelupusan GLIC telah memberi gambaran bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang mesra pelabur.

"Kami gembira melihat lebih banyak syarikat mencatatkan margin keuntungan yang lebih tinggi sekali gus mempengaruhi kekayaan dan kemakmuran negara kita. Tanpa syak, semua pencapaian ini adalah hasil kerja keras, dedikasi dan sokongan padu NKEA dan pasukan SRI yang meliputi penjawat awam dan agensi-agensi Kerajaan, seperti Perbendaharaan, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia, GLIC dan PEMANDU," kata Dato' Sri Dr Mohd Irwan.



JAWATANKUASA PENILAIAN PRESTASI ANTARABANGSA

INTERNATIONAL PERFORMANCE REVIEW – IPR



Cabinet Away Day

Jawatankuasa Penilaian Prestasi Antarabangsa (IPR) merupakan elemen penting dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang direka sebagai platform untuk merenung dan menilai semula hasil inisiatif yang dilaksanakan di bawah Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA) dan Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI). IPR, yang terdiri daripada panel pakar antarabangsa, merupakan usaha untuk mendapatkan perspektif dari luar untuk terus memperbaiki dan memastikan kita kekalkan momentum dalam perjalanan transformasi. Sesi 2012 IPR telah diadakan selama tiga hari pada bulan Februari 2013, kali kedua panel bersidang untuk meneliti kemajuan ETP. Panel tersebut terdiri daripada pakar bebas di kalangan organisasi pembangunan antarabangsa dan syarikat multinasional yang besar serta wakil-wakil daripada kerajaan-kerajaan yang lain.

Komponen utama IPR adalah pembentangan yang dibuat oleh Pengarah NKEA dan SRI kepada ahli panel, diikuti dengan sesi soal jawab di antara ahli panel dengan pegawai yang berkenaan. Sesi penilaian diakhiri apabila ahli IPR membentangkan pendapat mereka kepada Perdana Menteri dan ahli-ahli Kabinet pada hari terakhir. Para panel juga mengadakan perbincangan dengan Pricewaterhouse Coopers, firma perkhidmatan profesional bebas yang dilantik untuk mengendalikan 'Agreed-Upon-Procedures' (AuP) bagi tujuan pengesahan pihak ketiga atas keputusan NKEA dan SRI serta projek yang diumumkan. AuP membantu menyemak semula tafsiran data dan memastikan keputusan yang diterbitkan adalah tepat dan mematuhi amalan antarabangsa terbaik.

Di sini, kami juga telah muatkan laporan Panel IPR, yang terdiri daripada pemerhatian kolektif dan maklum balas mengenai kemajuan ETP dan keputusan terkini. Ahli panel juga mencabar hujah utama kami, mengesyorkan aspek untuk penambahbaikan serta menggalakkan usaha berterusan dan penambahbaikan dalam usaha kami untuk memenuhi objektif.



Perdana Menteri Dato' Sri Najib menilai prestasi Menteri di *Cabinet Away Day*



Panel IPR membentangkan laporan mengenai Program Transformasi Negara di *Cabinet Away Day*

AHLI PANEL IPR



Michael Thatcher

Ketua Pegawai Teknologi, Asia,
Microsoft Corporation

Sebagai Ketua Pegawai Teknologi bagi Sektor Awam di Asia, **Encik Thatcher** bertanggungjawab bagi inisiatif Polisi Teknologi Microsoft dan penglibatan syarikat tersebut dengan pemimpin Kerajaan dan Akademik. Melalui dialog dwi-arah ini, beliau akan memastikan bahawa keperluan mereka dapat diambil kira dalam pembangunan teknologi dan strategi Microsoft. Beliau telah menerajui fungsi ini sejak Mac 2010.

Beliau telah bekerja selama lebih 25 tahun dalam pembangunan, pengurusan dan penjualan teknologi maklumat. Sebelum ini, Michael telah berkhidmat selama 5 tahun sebagai Ketua Pegawai Teknologi Microsoft di Timur Tengah & Afrika dan lebih dari 6 tahun di ibu pejabat korporat AS dalam bidang pembangunan teknikal, pemasaran dan strategi polisi.

Beliau juga merupakan pencipta bersama untuk dua paten dan mempunyai tiga lagi ciptaan yang dalam proses permohonan paten. Sebelum menyertai Microsoft, Encik Thatcher menghabiskan lebih 10 tahun membangun dan menggerakkan sistem teknikal bagi penyelidikan oseanografi dengan Wood Hole Institution, Lamont-Doherty Earth Observatory and Sea-Bird Electronics.



Stephen Sedgwick AO

Pesuruhjaya Perkhidmatan Awam,
Kerajaan Australia

Encik Sedgwick sudah lama berkhidmat dalam sektor awam dan telah berkhidmat di beberapa jabatan bermula pada tahun 1972. Beliau adalah Setiausaha di Bahagian Pekerjaan Kewangan, dan Pendidikan di Jabatan Komanwel antara tahun 1992 dan 2002. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah Bank Pembangunan Asia selama lima tahun sehingga 2007. Beliau menjadi Pesuruhjaya Perkhidmatan Awam Australia pada Disember 2009 selepas menamatkan kariernya sebagai Profesor dan Pengarah di Melbourne Institute of Applied Economic and Social Research di University of Melbourne. Beliau juga telah dianugerahkan Pingat Centenary pada Januari 2001 dan telah dilantik Pegawai dalam Order Australia pada bulan Jun 2012.

Beliau adalah *Fellow* di Institute Polisi Awam, Australian National Universiti (ANU) dan ahli bagi beberapa Lembaga dan Kumpulan Penasihat. Ini termasuklah Yayasan Sir Roland Wilson, Majlis Penasihat ANU Crawford School of Economics and Government, Lembaga Penasihat bagi Australian National Institute for Public Policy, Lembaga Pengarah Commonwealth Association for Public Administration and Management, ahli jawatankuasa penasihat di dalam projek penyelidikan Australian Human Rights Commission Male Champions of Change, dan Majlis Penasihat ACT Government's Learning Capital.

Encik Sedgwick berkelulusan Ijazah Sarjana dengan Kepujian dalam bidang Ekonomi dari University of Sydney dan memegang Ijazah Sarjana dari University of London (LSE).



Duta Ombeni Yohana Sefue

Ketua Setiausaha Negara,
Kerajaan Republik Bersatu Tanzania

Sebagai Ketua Setiausaha Negara, **Duta Sefue** adalah Setiausaha kepada Kabinet dan Ketua Perkhidmatan Awam. Sebelum itu, beliau berkhidmat sebagai Duta dan Wakil Tetap Republik Bersatu Tanzania ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York dari 31 Ogos 2010.

Beliau juga adalah Duta Tanzania ke Amerika Syarikat di Washington DC dari 15 Jun 2007 hingga 14 Ogos 2010, dengan pentauliahkan serentak ke Mexico. Duta Sefue berkhidmat sebagai Pesuruhjaya Tinggi (Duta) bagi negaranya ke Kanada dari Oktober 2005 hingga Jun 2007, dengan ditauliahkan serentak ke Cuba.

Sebagai seorang diplomat, Duta Sefue juga pernah berkhidmat sebagai Kaunselor di Kedutaan Tanzania di Stockholm, Sweden, antara 1987 dan 1992.

Beliau pernah bertugas dengan Hernando de Soto Institute for Liberty and Democracy untuk menubuhkan Program Formalimisasi Hartanah dan Perniagaan bagi Tanzania yang bertujuan untuk memberikan perlindungan undang-undang dan memperkasakan golongan miskin. Antara inisiatif lain, beliau juga terlibat dalam pemasyhuran Rancangan Tiger Mini Tanzania yang bertujuan untuk mentransformasikan Tanzania ke negara berpendapatan pertengahan serta Pembangunan Tanzania Wawasan 2025.

Pada tahun 2006-2007, Duta Sefue membantu Presiden Mkapa ketika Mkapa memegang jawatan Pesuruhjaya bagi Suruhanjaya Undang-undang Memperkasakan Golongan Miskin iaitu sebuah suruhanjaya antarabangsa bebas, yang dihoskan oleh Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) di New York. Suruhanjaya ini memberi tumpuan kepada hubungan antara pengecualian, kemiskinan, dan undang-undang. Pada tahun 2008, Suruhanjaya telah menerbitkan laporannya, *Making the Law Work for Everyone*.

Sebagai pengiktirafan kepada kerjaya diplomatik beliau yang luas dan kerja-kerja yang dilakukan untuk beberapa orang presiden Negara tersebut, Duta Sefue menerima anugerah tertinggi Negara, The Order of the United Republic of Tanzania, First Class, pada 9 Disember 2012 daripada Presiden Jakaya M Kikwete.



Sir Michael Barber

Ketua Penasihat Pendidikan,
Pearson PLC

Sir Michael Barber baru-baru ini menyertai Pearson sebagai Ketua Penasihat Pendidikan di mana beliau mengetuai program penyelidikan seluruh dunia Pearson mengenai polisi pendidikan dan keberkesanan, menasihati dan menyokong pembangunan produk dan perkhidmatan yang dibina hasil daripada kajian dan juga berperanan penting dalam pembangunan strategi pendidikan Pearson bagi sektor termiskin dunia, terutamanya di negara-negara membangun yang berkembang pesat.

Sebelum menyertai Pearson, beliau adalah Rakankongsi di McKinsey & Company dan ketua amalan pendidikan global McKinsey. Beliau juga merupakan pengarang bersama bagi dua kajian utama pendidikan McKinsey: *'How the world's most improved school systems keep getting better'* (2010) dan *'How the world's best-performing schools come out on top'* (2007). Beliau juga adalah Fellow Pelawat Terhormat di Harvard Graduate School of Education dan memegang ijazah doktor kehormat daripada University of Exeter.

Beliau pernah berkhidmat dengan kerajaan UK sebagai Ketua Unit Penyampaian Perdana Menteri (dari 2001-2005) dan sebagai Penasihat Ketua Setiausaha Negara bagi Pendidikan mengenai Standard Sekolah (dari 1997-2001). Sebelum menyertai kerajaan, beliau bertugas sebagai profesor di Institut Pendidikan di University of London. Beliau adalah pengarang beberapa buah buku including *'Instruction to Deliver'*, *'The Learning Game: Arguments for an Education Revolution'*, dan *'How to do the Impossible: a Guide for Politicians with a Passion for Education'*.



Dr Yukon Huang

Penasihat Kanan,
Carnegie Endowment

Dr Yukon Huang adalah Ahli Bersekutu Kanan di Carnegie Endowment di Washington DC dan bekas Pengarah Bank Dunia di China. Beliau pernah menjawat sebagai ahli Majlis Penasihat Ekonomi kepada Perdana Menteri Malaysia.

Sebelum ini, beliau merupakan Pengarah Bank Dunia di Rusia dan bekas Soviet Union dan pakar ekonomi bagi Asia. Beliau juga pernah memegang jawatan di Perbendaharaan Amerika Syarikat (AS) dan profesor di universiti-universiti di Amerika Syarikat dan luar negara. Beliau kini adalah penasihat kepada Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia, serta berkhidmat di pelbagai sektor kerajaan dan korporat.

Dr Huang telah banyak menerbitkan mengenai isu-isu pembangunan di dalam jurnal profesional dan media. Beliau merupakan penyumbang rencana terkemuka untuk Financial Times. Tulisan-tulisan beliau sering kelihatan dalam majalah-majalah seperti Wall Street Journal dan Bloomberg. Beliau memiliki PhD dalam bidang ekonomi dari Universiti Princeton dan BA dari Yale.




Yong Hee Kong

Penasihat Kerjasama Awam-Swasta,
Sekretariat Komanwel

Sebagai Penasihat Kerjasama Awam-Swasta, **Yong Hee Kong** menyediakan khidmat sokongan nasihat dan pembangunan keupayaan mengenai PPP kepada 54 negara-negara anggota dalam Komanwel. Yong mempunyai pengalaman lebih daripada 30 tahun dalam memberi nasihat kepada sektor awam dan swasta mengenai Kerjasama Awam-Swasta (PPP), penswastaan, pembiayaan projek dan perancangan strategik.

Yong memegang Ijazah Sarjana Muda B.Eng (Kepujian) dalam Kejuruteraan Awam dan Struktur (UK), MBA (UK), Diploma Korporat Perbendaharaan (UK), dan Diploma Lيسان Ijazah dalam Pengajian Islam dari ISTAC, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.

Yong juga merupakan rakan kepada firma Akauntan Bertauliah (England dan Wales) dengan Deloitte, Haskins dan Selles, UK. Beliau telah menerbitkan secara meluas pandangannya mengenai isu-isu dalam PPP dan juga melakukan penyuntingan bagi buku, 'Public-Private Partnerships Policy and Practice – a Reference Guide'. Pendapat yang diketengahkan di sini adalah pendapat peribadi beliau.



Michael J Hershman

Presiden,
Kumpulan Fairfax

Michael Hershman adalah seorang pakar yang terkenal di peringkat antarabangsa dalam hal-hal yang berkaitan dengan ketelusan, akauntabiliti, urus tadbir, litigasi, dan keselamatan. Kumpulan Fairfax, yang diasaskan pada tahun 1983, telah memberikan perkhidmatan kepada pelbagai agensi pertubuhan kerajaan, perbadanan, firma undang-undang dan institusi kewangan antarabangsa dalam membantu aspek yang berhubung dengan perilaku pegawai peringkat tinggi dan/atau entiti yang terlibat dalam perniagaan berkaitan.

Pada tahun 1993, Encik Hershman bersama-sama Peter Eigen menubuhkan Transparency International, sebuah organisasi gabungan bebas terbesar, bukan berasaskan keuntungan yang memperjuangkan ketelusan dan akauntabiliti di dalam perniagaan dan kerajaan. Sejak enam tahun yang lalu, beliau turut berkhidmat dengan Interpol sebagai ahli Kumpulan Pakar Perihal Rasuah Antarabangsa, dan beliau memegang jawatan di dalam Lembaga Jawatankuasa Persidangan Pencegahan Rasuah Antarabangsa sejak 12 tahun yang lalu.

Hershman merupakan ahli Lembaga Pengarah Dewan Yayasan Perdagangan AS, dan menasihati badan tersebut mengenai isu-isu pematuhan korporat. Sejak 2007, Hershman menjadi ahli Lembaga Pengarah dan jawatankuasa eksekutif di Centre for International Private Enterprise.

Beliau adalah Pengerusi Lembaga Penasihat Kanan bagi Akademi Anti Rasuah Antarabangsa dan juga menjadi ahli Jawatankuasa Urus Tadbir Bebas untuk FIFA.



Dr Andrew Lee

Pengarah, Polisi Strategi dan Tadbir Urus di
Bahagian Perkhidmatan Pemandu dan Kenderaan,
Jabatan Pengangkutan, Kerajaan Australia Barat

Dr Andrew Lee mempunyai pengalaman kerja lebih tiga belas tahun dalam strategi dan polisi di Australia, termasuk berkhidmat sebagai penasihat kanan kepada Commonwealth Shadow Minister dan Menteri Negeri. Bagi tujuh tahun yang lalu, beliau telah berjaya membuat pembaharuan dalam peraturan perniagaan dan pelesenan pekerjaan bagi Kerajaan Australia Barat, termasuk projek-projek untuk agenda Majlis Kerajaan Australia iaitu 'Seamless National Economy'. Beliau juga pernah bekerja untuk kesatuan sekerja terbesar.

Dr Lee mempunyai BA dengan kepujian kelas pertama dalam Sejarah dari University of Western Australia dan PhD dalam Sejarah dari Australian National University.

Di samping pembaharuan peraturan, beliau juga berminat dalam aspek perhubungan dengan pihak berkepentingan dan isu-isu pengurusan, serta mengukuhkan prestasi perkhidmatan awam dalam nasihat strategik dan penyampaian perkhidmatan. Beliau kini memegang jawatan Pengarah Bahagian Perkhidmatan Pemandu dan Kenderaan, Jabatan Pengangkutan, Kerajaan Australia Barat.

Dr Lee menyertai IPR dalam kapasiti peribadi dan sebarang pandangan beliau adalah merupakan pandangan peribadi.



Dr Alex Mourmouras

Ketua, Bahagian D5,
Jabatan Asia dan Pasifik,
International Monetary Fund

Dr Alex Mourmouras telah berkhidmat di empat jabatan IMF selama lebih 19 tahun, dalam aspek operasi dan sebagai pemimpin program latihan IMF. Sebagai Ketua, Bahagian D5 Jabatan Asia dan Pasifik, beliau mengetuai kerja-kerja untuk ASEAN yang bertanggungjawab bagi Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, dan Singapura. Beliau juga merupakan ketua misi untuk Malaysia. Sebelum ini, beliau pernah berkhidmat sebagai Ketua Bahagian di Bahagian Eropah dan Timur Tengah, Institut bagi Pembangunan Kapasiti IMF, dan sebagai Ketua Bahagian Eropah di Institut IMF.

Pada tahun 2007, Dr Mourmouras berkhidmat sebagai Pemangku Pengarah dan Ketua Latihan Economist di Institut Kerjasama Afrika. Dari 1999 hingga 2003, beliau adalah ahli ekonomi dan ahli ekonomi kanan di Pembangunan Polisi dan Kajian Jabatan (PDR) IMF, menyumbang kepada kajian komprehensif bersyarat IMF, penyusunan semula rangka kerja kemampanan hutang IMF, dan penggubalan polisi untuk mencegah dan menangani salahlapor maklumat kepada IMF.

Sebelum menyertai IMF, Dr Mourmouras memegang jawatan Profesor Madya Ekonomi dan Pengarah Pengajian Siswazah di Universiti Cincinnati. Beliau juga pernah memegang jawatan akademik di universiti-universiti lain. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda dalam Matematik Gunaan dari Harvard College dan PhD dalam Ekonomi dari Universiti Minnesota.



Dr Ravi Balakrishnan

Wakil Residen
International Monetary Fund

Dr. Ravi Balakrishnan adalah Wakil Residen International Monetary Fund (IMF) dengan tanggung jawab serantau yang berpangkalan di Singapura. Beliau memulakan kerjaya di Bank of England dan Bank of Spain, sebelum menyertai IMF pada tahun 2001. Sejak itu, beliau telah bekerja di pelbagai negara, termasuk Bolivia dan Amerika Syarikat dan juga terlibat dalam pasukan yang menghasilkan World Economic Outlook IMF, sebelum memegang jawatan sekarang. Sebagai Wakil Residen, beliau telah terlibat secara aktif dalam kerja-kerja IMF di Malaysia dan Singapura, berkenaan aliran modal ke rantau ini, dan pertumbuhan inklusif. Dr. Balakrishnan telah menerbitkan pelbagai kertas penyelidikan (berkaitan dengan pasaran buruh, dinamik inflasi, kadar pertukaran dan aliran modal) di jurnal-jurnal ternama. Dr Balakrishnan memegang ijazah sarjana dan ijazah kedoktoran dalam bidang Ekonomi dari London School of Economics (LSE) dan Ijazah Sarjana Muda Kepujian dari Churchill College, Universiti Cambridge.

LAPORAN PANEL IPR 2012



Gambaran Keseluruhan

Positif

Panel ini sekali lagi ingin memuji Kerajaan atas sokongan politik yang kukuh kepada program transformasi dan juga komitmennya terhadap ketelusan data.

Fokus kami semasa mesyuarat IPR adalah untuk melihat sama ada amalan yang terbaik Kerajaan dan industri swasta telah digunakan untuk ETP. Berdasarkan maklumat yang disediakan oleh PEMANDU dan kajian semula data oleh PwC, kami secara amnya membuat rumusan bahawa penggunaan data dan teknologi yang digabungkan mengikut pendekatan asas beretika, tingkah laku dan nilai adalah setanding dengan program transformasi yang diterajui Kerajaan yang lain.

Kami memerhatikan bahawa pencapaian KPI secara keseluruhan menunjukkan momentum program ini telah dikekalkan sejak ia dimulakan pada tahun 2010, sebagaimana yang digambarkan dalam pengambilan pelaburan yang kukuh semasa tahun 2012. Kami percaya bahawa terdapat hubungkait antara kenaikan signifikan dalam pelaburan swasta dan awam pada tahun 2012 dan ETP, terutamanya melalui kerja infrastruktur yang bertambah dengan projek Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT) dan pelaburan strategik dalam sektor utama (komoditi dan pembuatan, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan kewangan).

Tambahan pula, kami gembira kerana projek ini terhasil daripada proses makmal turut melibatkan sektor swasta dan awam serta peserta industri turut serta dalam menentukan projek pemangkin dalam sektor. Ini akan membantu memastikan projek-projek ini berhubung kait dengan pasaran.

Walaupun kami memahami bahawa melaksanakan pembaharuan struktur di bawah SRI memerlukan banyak tenaga dan mengambil masa yang panjang, kemajuan yang kita lihat menunjukkan momentum yang baik — terutamanya penggazetan Perintah Gaji Minimum dan penguatkuasaan Akta Persaingan, liberalisasi perkhidmatan sub-sektor dan kemasukan profesional ke Malaysia, dan juga penggunaan dan pengembangan standard antarabangsa dalam perdagangan.

“

Kedua-dua GTP dan ETP menunjukkan komitmen teguh untuk membawa perubahan kepada kecekapan dan keberkesanan Kerajaan. ETP yang dilaksanakan oleh Malaysia berbeza daripada program transformasi lain di dunia yang kami perhatikan, terutamanya dari segi penggunaan teknologi merentasi seluruh inisiatifnya.

Penglibatan dan akauntabiliti pegawai kanan Kerajaan, sehingga dan termasuk Menteri Kabinet memang luar biasa dan membantu memastikan kejayaan berterusan.

Perdana Menteri dan pasukan PEMANDU harus dipuji kerana ketelusan yang mereka bawa kepada proses ini, menyiarkan maklumat termasuk statistik dan prestasi kepada orang awam, dengan itu membenarkan orang awam untuk meneliti kejayaan atau kegagalan program ini.

”

Michael Hershman
Presiden
Kumpulan Fairfax

“

Ini adalah program yang hebat yang telah meraih rangkaian pencapaian yang mengagumkan. Masih terdapat isu yang belum diselesaikan seperti objektif yang bertentangan; dan ada masa-masanya kurang perhatian diberikan kepada kepentingan SRI.

Sudah tiba masanya untuk mengambil masa merenung kembali iktibar yang diperolehi, perbandingan kos / manfaat, perhubungan antara KPI dan objektif akhir bersama dengan keutamaan relatif (berdasarkan pengalaman).

”

Stephen Sedgwick
Pesuruhjaya Perkhidmatan Awam,
Kerajaan Australia

Bidang untuk diperbaiki

Terdapat beberapa bidang yang perlu diperbaiki bagi fasa seterusnya di bawah ETP, termasuk:

- Menanamkan budaya ETP ke dalam perkhidmatan awam agar tanggungjawab boleh dipindahkan secara progresif daripada PEMANDU, dengan itu membantu memastikan pencapaian dan proses ETP adalah mampan.
- Meningkatkan penekanan kepada pembaharuan struktur, penilaian kualitatif dan maklum balas persepsi daripada orang ramai mengenai ETP berbanding dengan hanya memfokus kepada NKPI. Terutama sekali, banyak lagi yang perlu dibuat dalam SRI untuk meningkatkan pertumbuhan berpotensi secara mampan. Ini termasuk menyediakan peluang saksama bagi semua, pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), pembaharuan subsidi, pembaharuan perundangan buruh dan mengurangkan lagi peranan Kerajaan dalam perniagaan, peningkatan kemahiran dalam tenaga kerja dan sistem sokongan perlindungan hak harta intelektual.
- Menangani konflik antara/dalam NKEA/NKRA/SRI. Contoh termasuk: (i) peranan subsidi minyak dan objektif pengangkutan; dan (ii) inisiatif NKEA Pertanian Perternakan Akuakultur melalui Sangkar Bersepadu berbanding dengan projek eko-pelancongan di bawah NKEA Pelancongan.
- Mengurangkan kerumitan melaporkan hasil pencapaian dan memberi fokus kepada KPI utama yang menggambarkan kemajuan transformasi (contohnya, penurunan dalam jenayah yang dilaporkan, peningkatan dalam nisbah mod pengangkutan awam), juga penajajaran yang lebih baik di antara angka yang dilaporkan dengan data perakaunan kebangsaan. Ini akan membantu Kerajaan dan orang awam dalam memahami objektif utama keseluruhan dan sama ada ia sedang dicapai.
- Mungkin masanya sudah tiba bagi Kerajaan untuk membuat pertimbangan sama ada matlamat 2020nya adalah terlalu rendah. Contohnya, Kerajaan mungkin perlu memikirkan sama ada pencapaian sasaran PNK/kapita pada AS\$15,000 yang disasarkan pada 2020 ke tarikh yang lebih awal.
- Secara amnya, kami ingin menggesa PEMANDU untuk mengambil pandangan yang lebih menyeluruh kepada apa yang Kerajaan benar-benar boleh capai dalam tempoh tujuh tahun yang akan datang, termasuk meneliti semula keberkesanan dan kecekapan ETP dan GTP sebagai satu pakej. Ini seharusnya merangkumi melihat semula keutamaan dan nilai relatif wang merentasi pelbagai inisiatif (sama ada dari segi perbelanjaan orang awam, konsesi cukai, atau perubahan kawal selia yang menyokong satu bidang aktiviti berbanding yang lain), yang akan membantu mengelakkan sesaran matlamat (iaitu mengejar KPI tanpa mengambil kira wujudnya kaedah lain yang lebih baik untuk mencapai matlamat akhir).

“

Program transformasi ini merujuk kepada beberapa aspek penting tentang apa yang perlu dibangunkan di Malaysia. Ekonomi Malaysia adalah kecil dan terletak di persimpangan Asia Selatan dan Asia Tenggara. Oleh itu, adalah amat penting bagi Malaysia untuk bersikap terbuka bagi menggalakkan pelaburan langsung asing, seterusnya membantu negara untuk membangunkan kelebihan perbandingan berkembangnya dalam komoditi – minyak, minyak sawit, produk perhutanan, sumber semula jadi – dan kekuatannya dalam pengilangan, dan juga potensinya dalam perkhidmatan kesihatan dan kewangan.

Pada saya sektor-sektor ini merupakan tumpuan utama bagi program transformasi, dan ini telah dilaksanakan dengan cemerlang. Tambahan pula, inisiatif pembaharuan yang mula menarik lebih banyak perhatian, misalnya tindakan terbaru untuk melonggarkan kemasukan ke dalam perkhidmatan profesional, mengukuhkan persaingan, dan memperbaiki standard, akan membantu pasaran Malaysia untuk menjadi lebih terbuka.

”

Dr Yukon Huang
Penasihat Kanan,
Carnegie Endowment

“

Pencapaian yang terpuji. NTP adalah pendekatan radikal dan transformasi yang telah membuahkan hasil. Kemajuan besar telah diperolehi dalam ETP & GTP dalam persekitaran politik dan sosial yang amat mencabar, di samping wujudnya desakan beberapa pihak yang berkepentingan.

Negara-negara membangun yang saya lawati pasti akan mendapat manfaat dengan mengamalkan pendekatan yang sama untuk program transformasi mereka. Saya berharap bahawa momentum daripada NTP dapat dikekalkan. Perhatian juga perlu diberikan untuk meningkatkan nisbah pelaburan domestik terutamanya dalam sektor-sektor produktif yang mampan bukan GLC, dengan memanfaatkan PPP. Perkara-perkara yang menyebabkan timbulnya jurang di antara mereka perlu ditangani.

Terdapat keperluan bagi perkhidmatan awam untuk mengambil alih peranan kepimpinan yang lebih besar dalam program transformasi tidak lama lagi untuk memastikan kemampanan, dan saya yakin bahawa mereka akan melangkah ke hadapan tidak lama lagi.

”

Yong Hee Kong
Penasihat Kerjasama Awam-Swasta,
Sekretariat Komanwel



Dari kiri: Stephen Sedgwick, Dr. Yukon Huang, HK Yong, Dr. Andrew Lee dan Alex Mourmouras

Pemerhatian dan Maklum Balas Spesifik

NKEA

Sektor Kewangan

Kami memuji pasukan NKEA di atas penglibatan berterusan pengawal selia utama (Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti) dalam melaksanakan EPP di bawah NKEA Perkhidmatan Kewangan.

Bagaimanapun, kami berpendapat bahawa NKEA seharusnya memberi fokus kepada objektif untuk mencapai pembaharuan spesifik berbanding dengan statistik seperti nilai purata urus niaga harian di Bursa Malaysia dan nilai tawaran awam permulaan baru, yang mungkin bergantung kepada faktor luaran. Kami maklum bahawa pasukan NKEA Perkhidmatan Kewangan bersama dengan BNM, Suruhanjaya Sekuriti dan Kementerian Kewangan sedang menjajarkan semula strategi bagi pelaksanaan yang seterusnya untuk tahun 2013.

Pendidikan

Elemen yang penting dalam matlamat Malaysia mencapai status pendapatan tinggi adalah kebolehan negara untuk melonjak dalam kedudukan rantaian nilai. Dari segi ini, kami melihat NKEA Pendidikan memainkan peranan utama dalam menyediakan asas bagi pewujudan tenaga kerja yang mahir, dan mempunyai nilai kebolehpasaran dan mampu mendapatkan bayaran yang tinggi bagi perkhidmatan yang diberikan.

Kami mendapati bahawa pada tahun 2012, ETP dan GTP menunjukkan kemajuan yang signifikan dalam memperbaiki ketersediaan dan kualiti penjagaan awal kanak-kanak dan pusat pendidikan, dengan hampir 1,500 prasekolah dibina pada tahun ini. Kami juga menerima baik usaha untuk menguji tahap penguasaan guru-guru bahasa Inggeris dan menyediakan latihan pemulihan bagi mereka yang tidak mencapai standard, dan ingin menggesa agar ujian tahap penguasaan juga dijalankan ke atas guru mata pelajaran matematik dan sains.

Kami juga menggalakkan PEMANDU untuk menilai saiz perkhidmatan guru di Malaysia dalam usaha untuk memberi fokus kepada guru berkualiti, dan bukan hanya kepada kuantiti.

Satu isu yang ingin kami ketengahkan mengenai sektor Pendidikan ialah penglibatan sembilan Kementerian dalam pendidikan dan latihan vokasional. Walaupun penglibatan pelbagai Kementerian dapat menambah baik tadbir urus bidang ini, harus difahami bahawa semua program awam akan menghadapi kesulitan apabila kurangnya penyelarasan antara agensi yang berbeza bagi program yang sama. Oleh itu, kami ingin menekankan keperluan menyediakan kepimpinan dari satu agensi dalam melaksanakan inisiatif ini.

Dalam memperbaiki output dalam sistem pengajian tinggi, kami mengambil maklum akan usaha NKEA Pendidikan untuk menggalakkan perkongsian swasta-awam dan penubuhan program MyUni Alliance. Kami mengalu-alukan lebih banyak kerjasama antara institusi pendidikan awam dan industri dalam memastikan kebolehpasaran graduan baru.

Teknologi dan Harta Intellektual

Kami juga ingin menekankan kepada Kerajaan agar memberi pertimbangan bagaimana teknologi memainkan peranan utama dalam membantu melonjakkan Malaysia dalam rantaian nilai. Dalam bidang seperti di bawah NKEA Pelancongan, misalnya, teknologi boleh membantu syarikat kecil dan sederhana mencapai jangkauan; seperti akses kawasan yang spesifik di dalam negara untuk mencari kraftangan atau menggunakan portal web untuk memasarkan produk mereka. Seperti kemajuan yang diperlihatkan dalam Sektor Kewangan dengan penggunaan teknologi dan globalisasi, industri ini sudah tentu akan terus maju dengan pengemaskinian polisi atau penilaian semula penggunaan teknologi.



Michael Thatcher

“

Memang hebat menyaksikan kemajuan yang dibuat di bawah NTP sejak tiga tahun yang lalu. Sebagaimana yang kita katakan sebelum ini, “ia adalah satu maraton bukan satu larian pecut” dan kunci ke arah mencapai status berpendapatan tinggi adalah untuk mengekalkan momentum, terutamanya yang berkaitan dengan SRI. Adalah amat penting untuk menyetorkan NTP secara mendalam di perkhidmatan awam bagi memastikan pelaksanaannya yang baik dalam jangka masa panjang.

”

Dr Ravi Balakrishnan

Wakil Residen,
International Monetary Fund

“

Kemajuan bagi GTP dan ETP adalah menarik dan semua yang terlibat di dalam kerajaan dan pasukan pentadbirannya patut diberi pujian. Pada masa ini, analisis yang mendalam boleh dijalankan dengan adanya set data yang kukuh. PEMANDU seharusnya memikirkan tentang impak jangka panjang terhadap apa yang sedang berlaku serta kesannya pada jangka masa pendek dan sederhana. Contohnya, walaupun usahawan wanita telah meraih kejayaan yang cemerlang, tetapi yang lebih menarik dan berfaedah adalah untuk mengetahui tentang apakah yang terjadi kepada perniagaan yang dibina dan sumbangan mereka terhadap masyarakat sekeliling. Juga, di sebalik data, adalah baik sekiranya kita tahu sama ada rakyat biasa menyedari perubahan yang sedang berlaku.

Saya gembira melihat pengajaran yang terhasil daripada kejayaan dan bidang di mana kemajuan paling kurang dicapai. Iktibar daripada proses yang Malaysia telah laksanakan mungkin menjadi sama penting dengan hasil hebat yang telah dicapai setakat ini, kerana ia membolehkan kemajuan yang selanjutnya dicapai pada masa hadapan.

Memang berfaedah untuk mendirikan sebuah panel antarabangsa. Ini adalah masa yang sesuai untuk mendapatkan penilaian pihak ketiga yang didasarkan, khususnya untuk mengambil iktibar yang boleh digunakan pada masa hadapan. Selain itu, adalah juga penting untuk memperoleh pengiktirafan antarabangsa, dan saya percaya ini boleh memberi manfaat yang penting untuk reputasi Malaysia di pentas dunia.

”

Sir Michael Barber

Ketua Penasihat Pendidikan,
Pearson PLC



Michael Hershman dan Stephen Sedgwick

Begitu juga, Kerajaan seharusnya menilai peningkatan produktiviti yang terhasil daripada pertumbuhan penggunaan Internet, daripada bergantung kepada KPI yang dihubungkan dengan pendapatan langsung, seperti NKEA Komunikasi Kandungan dan Infrastruktur. Ini boleh terdiri daripada kos yang dikurangkan dalam menjalankan perniagaan dengan menggunakan teknologi untuk memendekkan proses permohonan lesen perniagaan, atau pengembangan jangkauan program pendidikan melalui E-pendidikan.

Ini secara tidak langsung, menunjukkan kepentingan ketersediaan Internet dengan harga berpatutan di seluruh negara, kerana ia mencipta kesan pengganda yang luas. Kami juga ingin menyorot kepentingan memperbaiki akses kepada teknologi di semua peringkat sekolah di dalam negara dengan memberi fokus kepada pelajar dan guru.

Kami bagaimanapun masih bimbang dengan ketidakmampuan mencapai objektif menyambungkan sekolah-sekolah kawasan bandar dan luar bandar. Kami percaya bahawa ini menunjukkan keperluan untuk menggalakkan kerjasama yang lebih konsisten dan pantas dengan kerajaan tempatan untuk memastikan sekolah-sekolah ini disediakan dengan kemudahan akses Internet.

Walau bagaimanapun, usaha ke arah memacu penekanan terhadap E-learning dalam kesihatan, pendidikan dan Kerajaan sendiri, usaha yang patut dipuji.

Sementara pertumbuhan dalam "industri berasaskan pengetahuan" memecut, Malaysia harus memastikan wujudnya peraturan, penguatkuasaan dan tingkah laku yang baik berkaitan dengan hak harta intelektual menjadi sesuatu yang paling utama kepada pertumbuhan mampan. Ini akan menarik FDI tambahan dan meningkatkan perdagangan antarabangsa dalam sektor-sektor ini.

Minyak, Gas dan Tenaga

Mengenai usaha-usaha lain untuk melonjakkan Malaysia dalam rantai nilai, di bawah NKEA Minyak, Gas dan Tenaga, kami ingin menggalakkan Kerajaan agar meminda insentif bagi menyokong lebih banyak usaha dalam membangunkan aktiviti bukan komoditi dan tenaga alternatif.

Oleh itu, kami memuji langkah-langkah yang diambil di bawah EPP 10: Membangunkan Kapasiti Tenaga Boleh Diperbaharui dan Tenaga Solar, yang membenarkan elektrik tempatan dihasilkan untuk dijual kepada syarikat utiliti tenaga pada premium tetap bagi masa tertentu melalui mekanisme Tarif Galakan (FiT).

Ia juga menggalakkan apabila menyaksikan NKEA melangkah maju dalam membuka peluang nilai daripada aktiviti hiliran di Sabah, terutamanya dalam bidang pengeluaran urea dan ammonia. Tambahan pula, kami melihat usaha PETRONAS dalam meneroka pengeluaran gas syal. Pengenalan pengecualian duti ke atas kenderaan hibrid juga menunjukkan objektif yang sungguh menarik mengambil kira matlamat Malaysia untuk dilihat sebagai menggalakkan kesedaran mengenai alam sekitar.

Kami bagaimanapun ingin mengingatkan bahawa usaha memacu ke arah tenaga bersih tidak seharusnya berpaksikan kepada kebimbangan mengenai alam sekitar, tetapi juga atas asas kewangan yang kukuh. Banyak negara telah kehilangan pelaburan yang cukup banyak kerana membuat pelaburan tanpa strategi yang jelas, dan ia menjadi sangat penting untuk Malaysia mengelak daripada membuat kesilapan yang sama.

Kami juga mengesyorkan Malaysia menjadi penandatanganan kepada Extractive Industry Transparency Initiative, yang membantu memperbaiki ketelusan dalam pembayaran oleh syarikat minyak dan perlombongan kepada Kerajaan dan ketelusan dalam hasil yang diterima oleh Kerajaan hos.

“

Ini adalah pertama kali saya menganggotai panel ini. Saya berada di sini untuk mendengar suara rakyat Malaysia dan pakar asing, untuk belajar tentang kejayaan anda, dan arif dengan cabaran yang anda alami dalam menggerakkan agenda pembaharuan ke hadapan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada anda kerana menganjurkan Penilaian Prestasi Antarabangsa yang hebat ini.

Latar belakang saya adalah dalam bidang mengajar, membuat kajian, dan pembangunan kapasiti. Tentunya saya mempunyai minat yang mendalam terhadap sasaran program transformasi untuk memperbaharui sistem pendidikan dan latihan Malaysia. Saya yakin meningkatkan pencapaian pendidikan semua rakyat Malaysia adalah amat penting bagi masa hadapan negara, dan untuk mencapai pertumbuhan yang mapan, berkualiti tinggi dan inklusif. Kajian merentas negara telah menunjukkan terdapatnya perkaitan rapat di antara pertumbuhan ekonomi dan pencapaian pendidikan dalam negara-negara yang berbeza. Pencapaian pendidikan (apa yang pelajar belajar berbanding dengan wang yang dibelanjakan untuk pendidikan atau bertahun-tahun persekolahan) memberikan perubahan yang besar kepada kemajuan negara.

Tentang program perpindahan pula, mungkin berbaloi sekiranya sifat itu dinilai semula. Mensasarkan perpindahan dengan lebih baik boleh membantu menyimpan sumber fiskal dan memperbaiki kejadian faedah yang diterima (memastikan faedah diberikan kepada mereka yang amat memerlukannya).

”

Dr Alex Mourmouras
Ketua, Bahagian D5,
Jabatan Asia dan Pasifik,
International Monetary Fund

“

Saya percaya dengan proses yang sedang berjalan daripada hasil yang kami lihat setakat ini selepas meninjau semula banyak daripada inisiatif-inisiatif ini, memang jelas bahawa hasilnya sudah mula menampakkan faedah. Kami sedang menyaksikan penambahan pelaburan dalam negeri, satu pergerakan yang sebenar.

Salah satu daripada cabaran bagi mana-mana pembaharuan adalah kemapanan dan kebolehan bagi perubahan tersebut untuk terus membina dan terus tumbuh. Jika saya meneliti rekod prestasi sejak tiga tahun dahulu, termasuk momentum dan kemapanan, saya percaya terus bergerak dan meraih faedah daripada usaha-usaha awal adalah rahsia untuk terus maju ke hadapan.

”

Michael Thatcher
Ketua Pegawai Teknologi, Asia,
Microsoft Corporation

Pelancongan

Kami berasa amat berpuas hati dengan pencapaian NKEA yang meraih markah maksimum bagi KPI tahun 2012, seperti dalam KPI yang menyasarkan lebih banyak acara antarabangsa atau membina lebih banyak hotel bertaraf 4 dan 5 bintang. Ini bagaimanapun menimbulkan persoalan, sama ada PEMANDU sepatutnya memikirkan semula objektif NKEA bagi tahun 2013 untuk menentukan sama ada sasaran yang ditetapkan adalah terlalu rendah.

Kami juga bimbang dengan persekitaran sosial dan politik Malaysia yang mungkin menjadi penghalang untuk pencapaian kejayaan keseluruhan dalam menganjurkan acara hiburan antarabangsa. Kami mengesyorkan bahawa beberapa isu tertentu seperti yang berkaitan dengan peraturan hiburan antarabangsa ditangani untuk mengelakkan percanggahan matlamat.

SRI

Berkaitan dengan penjualan bersasar Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLICs) di bawah SRI Peranan Kerajaan dalam Perniagaan, kami maklum pencapaian 15 pelepasan saham daripada 24 penjualan yang disasarkan untuk tahun 2011-2012 adalah langkah penting yang menjurus ke arah yang betul. Kami ingin mengingatkan bahawa proses ini mungkin berjalan dengan lebih perlahan dan menjadi semakin kontroversi apabila penjualan ini melibatkan GLICs yang lebih besar, dan menekankan bahawa sokongan industri, Kerajaan dan masyarakat sivil terhadap keputusan ini adalah penting. Kami mengesyorkan Kerajaan lebih berusaha untuk mengkomunikasikan rasional di sebalik dorongan terhadap penswastaan.

Kami juga mengambil maklum akan kepentingan langkah-langkah yang diambil melalui SRI Pembangunan Modal Insan untuk mencipta transformasi tempat kerja dan tenaga kerja ke arah mencipta tenaga kerja yang boleh diambil bekerja dan mahir. Kami turut mengambil maklum terhadap usaha-usaha SRI dalam menilai pertindihan merentas program peningkatan kemahiran, di samping menilai hasil daripada pendanaan program-program ini. Kami mendapati bahawa pembangunan Sistem Maklumat Pasaran Buruh akan membantu menangani cabaran berpotensi dalam bekalan dan permintaan tenaga kerja, sambil menyediakan wawasan mengenai trend pasaran buruh.

Kerja yang dilaksanakan di bawah Persaingan, Standard dan Liberalisasi (CSL) terutamanya penting untuk transformasi Malaysia ke arah ekonomi berdaya saing dan berpendapatan tinggi. Kerja progresif ini dicapai dalam bidang pembangunan standard dan penggunaannya begitu menggalakkan. Bagaimanapun, kami ingin mengingatkan bahawa agensi pelaksana perlu menyedari betapa lajunya kadar standard antarabangsa ini "diperbaharui" kerana standard dengan mudah boleh ditukar, lantas menjadi tidak relevan. Untuk menangani pengambilan rendah pensijilan standard secara sukarela, panel ini mengusulkan pilihan pensijilan sendiri produk diteroka oleh pengeluaran.

“

PEMANDU adalah pemangkin kepada cara baru penyampaian perkhidmatan awam, dan kita perlu berusaha untuk memastikan perkhidmatan awam menerima cara bergerak ke hadapan ini mengikut masa yang ditetapkan dan meneruskan momentum.

Tanzania juga sedang memulakan program transformasinya sendiri dan sebahagian besarnya, kami kagum dengan apa yang sedang berlaku Malaysia. Kami amat berminat dan kami percaya model ini sesuai bagi kami. Apa yang menarik bagi saya adalah tahap komitmen politik pada tahap yang paling tinggi untuk transformasi ini, yang saya percaya adalah faktor utama kejayaan.

Lagi satu ialah fokus. Apa yang anda lihat di dalam negara ini, bidang keutamaan yang diberikan tumpuan, menterjemahkannya menjadi program dan projek terperinci, dan memantau pelaksanaan untuk memastikan anda mendapat hasil yang anda kehendaki, adalah sesuatu yang saya dapati amat menarik. Ini adalah sesuatu yang kami mesti ambil kira sambil kami membangunkan program transformasi kami sendiri.

Sistem sedia ada anda membuktikan anda telah pun mereka bentuk program transformasi dengan betul, menetapkan keutamaan dan sasaran betul dan menterjemahkan ianya menjadi program tindakan, memang hasil yang dikehendaki boleh tercapai.

”

Ombeni Sefue

Ketua Setiausaha,
Kerajaan Republik Bersatu Tanzania

“

Tenaga dan komitmen yang ditunjukkan terhadap NTP adalah terpuji, begitu juga usaha gigih untuk menggabungkan keperluan pasaran dan jaringan keselamatan sosial. NTP juga fokus kepada produktiviti tetapi tetap adil. Juga patut diberi pujian adalah penekanan yang diberi untuk menggunakan pendekatan kerajaan sebagai satu entiti dalam menyelesaikan masalah melalui pelbagai sudut, serta memastikan wujudnya penilaian prestasi dalam perkhidmatan awam dan perkhidmatan awam yang berlandas kepada budaya prestasi

”

Dr Andrew Lee

Pengarah, Polisi Strategi dan Tadbir
Urus di Bahagian Perkhidmatan
Pemandu dan Kenderaan,
Jabatan Pengangkutan,
Kerajaan Australia Barat



Panel IPR 2012 bersama Dato' Sri Idris Jala

TATACARA DIPERSETUJUI OLEH PWC

PENYATAAN LAPORAN TAHUNAN ETP & SRI

Pengesahan oleh Pihak Ketiga

Dasar teras yang dipegang oleh ETP ialah ketelusan dan kebertanggungjawaban dan ini dicerminkan di dalam Laporan Tahunan 2012. Hala laju ETP yang diterbitkan pada bulan Oktober 2012 memperincikan langkah-langkah yang dilaksanakan di dalam program transformasi. Di dalam laporan ini, petunjuk prestasi utama tahun 2012 bagi setiap Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) diterbitkan dengan sepenuhnya dan menyenaraikan pencapaian-pencapaian yang dibandingkan dengan sasaran*.

PEMANDU telah berusaha untuk memastikan sistem pemarkahannya adalah telus dan ketat. Banyak masa dan tenaga telah diluahkan untuk mengesahkan kutipan data, tabulasi statistik dan keputusan adalah tepat.

PEMANDU telah melantik PricewaterhouseCoopers Malaysia (PwC), sebuah firma perkhidmatan profesional bebas, untuk mengendalikan serangkaian Tatacara Dipersetujui, pengujian dan tatacara yang tertentu untuk meninjau keputusan yang dilaporkan bagi Petunjuk Prestasi Utama dan projek-projek yang diumumkan. Tatacara dipersetujui ini digunapakai terhadap beberapa sampel yang diperoleh daripada setiap NKEA, SRI serta projek-projek yang diumumkan semasa laporan Kemaskini Kemajuan. Pengiraan masing-masing juga diperiksa berdasarkan garis panduan dan formula yang dirumuskan pada asalnya di Makmal NKEA, dan ditentukan oleh PEMANDU.

Pada sepanjang proses ini, hasil yang diperoleh daripada PwC menemukan beberapa pengecualian dalam sampel-sampel yang dipilih, dan ini telah pun ditangani dan dicerminkan di dalam Laporan Tahunan ini. PwC telah mengesahkan keputusan yang dilaporkan bagi sampel-sampel terpilih di dalam Laporan Tahunan telah disahkan menurut Tatacara Dipersetujui. PwC juga mengenalpasti peluang-peluang untuk menambahbaik proses dan kualiti maklumat. PEMANDU bersama Kementerian yang berkaitan dan pihak berkepentingan sektor swasta akan mengambil tindakan-tindakan preskriptif yang positif untuk menguatkuasakan pembaikan ini dalam tempoh 12 bulan yang akan datang.

“
Banyak masa dan tenaga telah diluahkan bagi memastikan pengumpulan data serta pengiraan dan tabulasi statistik dan juga pemarkahan adalah tepat.”

*Pengecualian telah dibuat di mana sasaran memaparkan data sensitive pasaran. Dalam keadaan sedemikian, maklumat ini telah disimpan secara rahsia atas permintaan beberapa pihak yang terlibat

KAD SKOR ETP

Kaedah Pengukuran Petunjuk Prestasi Utama

Kad Skor ETP menilai setakat mana Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang dirancang bagi setiap Projek Permulaan mendapat keputusan yang diingini untuk tahun yang lalu. Keputusan sebenar untuk setakat ini disampaikan dalam bentuk tiga kaedah pemarkahan

Ketiga-tiga kaedah tersebut direka untuk menyediakan sebuah penggambaran pragmatik peratusan KPI sebenar.

Kaedah 1 menyediakan refleksi pencapaian KPI sebenar. Jika mana-mana KPI melepasi sasarannya dengan ketara, keputusannya akan dibentangkan dalam peratusan yang besar dengan melebihi had 100 peratus.

Kaedah 2 direka untuk menampung pencapaian KPI dengan keputusan kuantitatif yang ketara. Di bawah kaedah ini, apa-apa pencapaian dihadkan kepada 100 peratus.

Kaedah 3 mewakili gambaran mudah pencapaian KPI. Sasaran KPI yang telah dipenuhi atau melebihi diberi gred 1. KPI yang mencapai lebih separuh daripada sasarannya diberi gred 0.5, dan KPI yang kurang daripada separuh sasaran mereka diberi gred 0.

Pendekatan lampu isyarat adalah seperti yang digariskan dibawah:

Hijau – melebihi sasaran

Kuning – mencapai 50 peratus atau lebih

Merah – pencapaian kurang memuaskan

Kad skor ini menggunakan sistem pembundaran untuk sebarang titik perpuluhan. Sekiranya keputusan KPI mempunyai titik perpuluhan antara 0.1 ke 0.4 peratus, nilai peratusan diturunkan. Jika keputusan mempunyai titik perpuluhan 0.5 hingga 0.9 peratus, nilai peratusan dinaikkan.

Kaedah 1 and 2	
Pencapaian	Lampu Isyarat
90 peratus ke atas	
51 peratus ke 89 peratus	
50 peratus ke bawah	

Kaedah 3		
Pencapaian	Skor	Lampu Isyarat
100 peratus ke atas	1	
51 peratus ke 99 peratus	0.5	
50 peratus ke bawah	0	

SENARAI PROJEK PERMULAAN

No	Projek Permulaan
Greater Kuala Lumpur/Klang Valley	
1	Menarik 100 Firma Paling Dinamik dalam Sektor Keutamaan
2	Menarik Tenaga Mahir Tempatan dan Luar Negara
3	Pengangkutan Kereta Api Berkelajuan Tinggi ke Singapura
4	Membina Sistem Transit Aliran Berkapasiti Tinggi Bandar yang Bersepadu
5	Memulihara Sungai Klang untuk Dijadikan Pusat Warisan dan Komersial
6	Penghijauan Kuala Lumpur
7	Membentuk Tempat dan Tarikan Ikonik
8	Mewujudkan Rangkaian Laluan Pejalan Kaki Komprehensif
9	Membangunkan Sistem Pengurusan Sisa Pepejal yang Cekap
Minyak, Gas dan Tenaga	
1	Mencergaskan Semula Telaga Sedia Ada Menerusi Perolehan Minyak Tertingkat (EOR)
2	Membangunkan Telaga-telaga Kecil Melalui Penyelesaian Berinovasi
3	Memperhebatkan Aktiviti Carigali
4	Membina Hab Pusat Penyimpanan dan Perdagangan Minyak Serantau
5	Membuka Permintaan Gas Premium di Semenanjung Malaysia
6	Menarik Minat Syarikat Multinasional untuk Membawa Perkhidmatan Telaga Minyak dan Operasi Peralatan Global ke Malaysia
7	Penggabungan Pembuat Fabrikasi Domestik
8	Membangunkan Keupayaan dan Kapasiti Melalui Perkongsian Strategik dan Usaha Sama
9	Meningkatkan Kecekapan Tenaga
10	Membangunkan Kapasiti Tenaga Boleh Diperbaharui dan Tenaga Solar
11	Menggunakan Tenaga Nuklear untuk Penjanaan Kuasa
12	Memanfaatkan Potensi Hidroelektrik Malaysia
13	Meningkatkan Output Petrokimia
Perkhidmatan Kewangan	
1	Mencergaskan Semula Pasaran Ekuiti Malaysia
2	Memperkuh dan Memperluaskan Pasaran Bon
3	Mentransformasikan atau Merasionalisasikan Institusi Kewangan Pembangunan (DFI)
4	Mewujudkan Sebuah Ekosistem Pembayaran Bersepadu
5	Menginsuranskan Hampir Semua, Jika Tidak Semua, Penduduk Malaysia
6	Mempercepatkan Pertumbuhan Industri Pencen Swasta
7	Memasatkan Pertumbuhan Industri Pengurusan Kekayaan
8	Mempercepat dan Mengekalkan Industri Pengurusan Aset Penting

(bersambung)

(sambungan mukasurat sebelum)

No	Projek Permulaan
9	Melahirkan Jaguh Bank Serantau
10	Menjadi Hab Kewangan Global Islam yang Unggul
Pemborongan dan Peruncitan	
1	Meningkatkan Bilangan Kedai Berformat Besar
2	Pemodenan Melalui Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR)
3	Transformasi Bengkel Automotif
4	Membangunkan Pasar Komuniti
5	Membangunkan Makan Bazaar
6	Membangunkan Gedung 1Malaysia
7	Menubuhkan Gedung Maya
8	Memudahkan Peniaga Tempatan untuk Memperoleh Pegangan dalam Perniagaan Runcit Asing
9	Menjadikan Malaysia Negara Cukai Bebas
10	Membangunkan Pusat Perancangan Kesihatan
11	Menganjurkan Jualan Bersepadu 1Malaysia
12	Mentransformasikan KLIA Menjadi Hab Peruncitan
13	Membangunkan Kedai Runcit Bersepadu Berskala Besar (<i>Big Box Boulevards</i>)
Minyak Sawit dan Getah	
1	Mempercepatkan Penanaman Semula dan Penanaman Baru Kelapa Sawit
2	Meningkatkan Hasil Buah Tandan Segar (BTS)
3	Meningkatkan Produktiviti Pekerja
4	Meningkatkan Kadar Pengekstrakan Minyak (OER)
5	Membangunkan Kemudahan Biogas di Kilang Minyak Sawit
6	Membangunkan Bahan Terbitan Oleo dan Bahan Kimia Berasaskan Bio Bernilai Tinggi
7	Pengkomersialan Biobahan Api Generasi Kedua
8	Mempercepatkan Pertumbuhan dalam Segmen Makanan dan Kesihatan dalam Segmen Hiliran
9.1	Meningkatkan Purata Produktiviti Nasional Getah Asli
9.2	Memastikan Kemapanan Industri Huluan Getah
9.3	Meningkatkan Ekuiti dalam Pasaran Sarung Tangan Getah Dunia Kepada 65 Peratus Menjelang Tahun 2020
9.4	Mengkomersialkan Ekoprena dan Pureprena (Getah Hijau)
Pelancongan	
1	Menempatkan Malaysia Sebagai Destinasi Beli-belah Bebas Cukai
2	Menjadikan Kawasan Bukit Bintang Kuala Lumpur City Centre sebagai Presint Beli-belah yang Meriah
3	Mewujudkan Ruang Perniagaan Premium di Malaysia
4	Memartabatkan Malaysia Sebagai Hab Biodiversiti Global
5	Membangunkan Resort Eko-Semula Jadi Bersepadu (<i>Eco-Nature Integrated Resort</i>)
6	Pelancongan Pelayaran Persiaran: Mewujudkan <i>Straits Riveria</i>
7	Menyasarkan Lebih Banyak Acara Antarabangsa
8	Zon Hiburan Khas (DEZ)

(bersambung)

(sambungan mukasurat sebelum)

No	Projek Permulaan
9a	Membangunkan Kepakaran Tempatan dan Pengawalseliaan Industri Spa yang Lebih Baik
9b	Pelancongan Golf
10	Memartabatkan Malaysia sebagai Destinasi Pelancongan Perniagaan yang Utama
11	Meningkatkan Kesalinghubungan dengan Pasaran Jarak Sederhana Keutamaan
12	Menambah Baik Kadar, Jenis dan Kualiti Hotel
Elektrikal dan Elektronik (E&E)	
1	Pelaksanaan Strategi Pengguna Bestari untuk Fabrikasi Teknologi Matang
2	Membangunkan Pemasangan dan Pengujian Menggunakan Teknologi Pembungkusan Moden
3	Membangunkan Firma Reka Bentuk Litar Bersepadu
4	Menyokong Pertumbuhan Pengilang Substrat dan Industri Berkaitan
5	Meningkatkan Jumlah Pengeluar Silikon
6	Membangunkan Pengeluar Wafer dan Sel
7	Menambah Pengeluar Modul Solar
8	Membangunkan Operasi Bahagian Hadapan LED
9	Mengembangkan Pembungkusan dan Peralatan LED
10	Mewujudkan Juara Pencahayaan Keadaan Pepejal
11	Membina Hab Ujian dan Pengukuran
12	Mengembangkan Komunikasi Wayarles dan Pengecaman Frekuensi Radio (RFID)
13	Membangunkan Pembuatan Peralatan Automasi
14	Membangunkan Syarikat Transmisi dan Pengedaran
15	Membangunkan Pusat Pengeluaran Peralatan Elektrik Rumah dan Rangkaian Pengedaran Antarabangsa
16	Pembangunan <i>Balance of Systems</i> untuk Solar Fotovolta (PV)
17	Membangunkan Industri Sistem Tertanam
18	Memangkin Pengilangan Komponen Kenderaan Elektrik
19	Menyokong Perkhidmatan MRO Rel Serantau Melalui Pengilangan Komponen Elektrikal & Elektronik
Perkhidmatan Perniagaan	
1	Mengembangkan Perkhidmatan Penyelenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih Pesawat (MRO)
2	Membina Pihak Pembekal Penyumberan Luar yang Berdaya Saing di Peringkat Antarabangsa
3	Menempatkan Malaysia Sebagai Hab Pusat Data Bertaraf Dunia
4	Melonjakkan Industri Teknologi Hijau yang Dinamik
5	Membangunkan Perkhidmatan Kejuruteraan Pengkhususan Tinggi
6	Membangunkan Malaysia sebagai Hab Pembinaan dan Pembaikan Kapal
Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi	
1	Memupuk Kandungan Kreatif Malaysia
2	Pembayaran dan Perdagangan Elektronik 1Malaysia
3	Menghubungkan 1Malaysia
4	Mewujudkan e-Pendidikan untuk Pelajar dan Pekerja
5	Melancarkan e-Penjagaan Kesihatan

(bersambung)

(sambungan mukasurat sebelum)

No	Projek Permulaan
6	Memperdalamkan e-Kerajaan
7	Memastikan Jalur Lebar untuk Semua
8	Memperluas Jangkauan
9	Menawarkan Rangkaian Pintar
10	Memperluas Rangkaian Serantau
11	Jejak dan Kesan
Pendidikan	
1	Penskalaan ke atas Pusat Penjagaan Awal Kanak-kanak dan Pusat Pendidikan Awal (ECCE)
2	Penambahbaikan Penjagaan Awal Kanak-kanak (ECCE) dan Latihan Pendidikan
3	Penskalaan ke atas Sekolah Antarabangsa
4	Mengembangkan Latihan Guru Swasta
5	Penskalaan ke atas Penyediaan Latihan Kemahiran Swasta
6	Mengembangkan Pengajian Jarak Jauh Antarabangsa
7	Membangunkan Pusat Pendidikan Perniagaan dan Kewangan Islam
8	Membangunkan Kluster Disiplin Pendidikan Sains Kesihatan
9	Membangunkan Kluster Disiplin Kejuruteraan Lanjutan, Sains dan Inovasi
10	Membangunkan Kluster Disiplin Hospitaliti dan Pelancongan
11	Melancarkan EduCity@Iskandar
12	Menjuarai Pendidikan Malaysia sebagai Jenama Antarabangsa
13	Memperkenalkan Perkongsian Awam-Swasta bagi Pendidikan Asas
14	Membangunkan Pusat Pembangunan Permainan
15	Penubuhan Kampus Cawangan Universiti Luar Negara
16	Penubuhan Institusi Pendidikan Bukan Untuk Keuntungan
Pertanian	
1	Produk Herba Bernilai Tinggi
2	Mengembangkan Pengeluaran Sarang Burung Walit
3	Estet Pertanian untuk Rumpai Laut
4	Penternakan Akuakultur Melalui Sistem Sangkar Bersepadu
5	Penternakan Lembu di Ladang Kelapa Sawit
6	Mereplikasikan Model Penternakan Akuakultur yang Bersepadu (IZAQ) untuk Menembusi Pasaran Udang Premium
7	Buah-buahan dan Sayur-sayuran Premium
8	Taman Pengeluaran Makanan
9	Penanaman Beras Wangi di Kawasan Bukan Jelapang Padi
10	Memperkuhkan dan Menambah Baik Produktiviti Penanaman Padi di Kawasan MADA
11	Memperkuhkan dan Menambah Baik Produktiviti Penanaman Padi di Kawasan Pengairan yang Lain
12	Penambahan Fidlot Lembu
13	Kluster Tenusu
14	Pembangunan Industri Benih

(bersambung)

(sambungan mukasurat sebelum)

No	Projek Permulaan
15	Penyertaan Syarikat Multinasional
16	Perolehan / Usaha Sama Ladang Penternakan Lembu di Luar Negara
17	Pasar Komuniti – PAKAR
	Penjagaan Kesihatan
1	Mewajibkan Insurans Kesihatan Swasta untuk Pekerja Asing
2	Mewujudkan Ekosistem yang Menyokong Pembangunan Penyelidikan Klinikal
3	Farmaseutikal Malaysia: Meningkatkan Pengilangan Tempatan Generik untuk Eksport
4	Mencergaskan Semula Pelancongan Kesihatan
5	Mewujudkan Neksus Perkhidmatan Diagnostik
6	Membangunkan Metropolis Kesihatan: Sebuah Kampus Penjagaan Kesihatan dan Biosains Bertaraf Dunia
7	Mempertingkatkan Industri IVD di Malaysia
8	Mempamerkan Kebolehan Malaysia dalam Penghasilan Produk Teras Peranti Perubatan Pakai-buang
9	Menjadi Hab untuk Pengilangan Kontrak Peranti Perubatan Bernilai Tinggi
10	Mewujudkan Peneraju Peranti Klinikal Malaysia
11	Penyelarasan Rantaian Bekalan Peralatan Perubatan
12	Hab Membaik Pulih Peralatan Perubatan
13	Membangunkan Kluster Perkakasan dan Perabot Perubatan

SENARAI PELUANG PERNIAGAAN

No	Peluang Perniagaan
	Greater Kuala Lumpur/Klang Valley
1	Merencanakan Putrajaya
2	Perumahan
3	Perkhidmatan Asas Pembetulan
	Minyak, Gas dan Tenaga
1	Penambahbaikan Proses
2	Pertumbuhan Ekonomi
	Perkhidmatan Kewangan
1	Perbankan Perlaburan
2	Segmen Lain termasuk DFI
3	Perbankan Komersial
4	Insurans dan Takaful
5	Pengurusan Aset dan Kekayaan
6	Perbankan Islam
	Pemborongan dan Peruncitan
1	Pertumbuhan Organik
	Minyak Sawit dan Getah
1	Perluasan Bank Tanah Perladangan
2	Pembangunan Kegiatan Hiliran yang Sedia Ada
3	Pembangunan Kegiatan Biodiesel Negara
	Pelancongan
1	Ruang Perniagaan Makanan dan Minuman
2	Pengangkutan Tempatan
3	Segmen Pengendali Lawatan
	Elektrikal & Elektronik
1	Semikonduktor
2	Solar Fotovolta
3	Diod Pemancar Cahaya(LED)/Lampy Solid State
4	Industri Elektronik

(bersambung)

(sambungan mukasurat sebelum)

No	Peluang Perniagaan
	Perkhidmatan Perniagaan
1	Syarikat Pembinaan Pelbagai Displin
2	Sektor Perakaunan
	Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi
1	Perkhidmatan Talian Tetap
2	Perkhidmatan Mudah Alih
3	Kurier, Pos dan Penyiaran
4	Operasi Serantau
	Pendidikan
1	Kluster Pelbagai Sektor untuk Menyokong NKEA
2	Pusat Kecermelangan dalam Pembelajaran Bahasa
	Pertanian
1	Produk Nutrasetikal
2	Pengedar Asing
3	Penternakan Ikan Hiasan
4	Pengilangan Makanan untuk Akuakultur
5	Pusat Eksport Akuakultur
6	Industri Snek
7	Ternakan Ayam Kampung
8	Pertanian Cendawan Butang
9	Pengeluaran buah-buahan dibungkus seperti Nangka
10	Pelaburan Langsung Asing Dalam Produk Herba
11	Industri Makanan Snek/Kemudahan Makanan Negara
	Penjagaan Kesihatan
1	Kesejahteraan Warga Tua

GLOSARI ISTILAH

1MMPP	Pelan Perlindungan Mikro 1Malaysia	DVS	Jabatan Perkhidmatan Veterinar
3R	<i>Reduce, Reuse, Recycle</i> (Kurangkan, Kitar dan Guna Semula)	DWDM	Dense Wavelength Division Multiplexing
AAIM	Automotive After-sales Industry Malaysia	E&E	Elektrikal dan Elektronik
AAM	Persatuan Automobil Malaysia	E&P	Carigali dan Pengeluaran
ACD	Asia Cooperation Dialogue	EASA	Agensi Keselamatan Penerbangan Eropah
AeU	Asian e-Learning University	EBN	Sarang Burung Boleh Makan
AMWM	Pengurusan Aset dan Kekayaan	ECCE	Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak
ANM	Arkib Negara Malaysia	ECERDC	Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur
ASB	Amanah Saham Bumiputera	EHA	Peralatan Rumah Elektrik
ATOM	Pemodenan Bengkel Automotif	EOR	Pemuliharaan Minyak Tertingkat
ATOM	Automotive Workshop Modernisation	EP	Pas Penggajian
BB	Bukit Bintang	EPF	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
BBB	Big Box Boulevards	EPMS	Sistem Pengurusan Prestasi Tenaga
BCC	Juara Korporat Bumiputera	EPPs	Projek Permulaan
BCIC	Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera	EPU	Unit Perancang Ekonomi
BDM	Sistem kabel Batam Damai Melaka	ESB	Artha ESB Artha Global Management Sdn Bhd
BETP	Program Transformasi Ekonomi Bumiputera	ETF	Dana Dagangan Bursa
BLESS	Sistem Sokongan Elektronik Pelesenan Perniagaan	ETP	Program Transformasi Ekonomi
BMI	Business Monitor International	EXIM	Export and Import Bank of Malaysia Bhd
BOs	Peluang Perniagaan	F&B	Makanan dan Minuman
BPO	Penyumberan luar Proses Perniagaan	F&N	Fraser and Neave
BPR	Perekayasan semula Proses Perniagaan	F1	Formula 1
C&D	Pembinaan dan Perobohan (Construction and Demolition)	FAMA	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
CAAT	Teknik Audit Berbantuan Komputer	FCPO	Pasaran Hadapan Minyak Sawit Mentah
CAGR	Kadar Pertumbuhan Tahunan yang Dikompaunkan	FDI	Pelaburan Langsung Asing
CBCs	Pusat Jalur Lebar Komuniti	Felda	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
CCI	Kandungan Komunikasi and Infrastruktur	FFBs	Buah Tandan Segar
CCIG	Gabungan Industri Kandungan Kreatif Malaysia	FGVH	Felda Global Ventures Holdings Bhd
CCM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia	FINAS	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia
CDCEs	Pakar DC Bertauliah	FIT	Tarif Galakan (<i>Feed-in Tariff</i>)
CGI	Imej Janaan Komputer	FNM	Filem Negara Malaysia
CIF	Kos, Insurans dan Bayaran Pengangkutan	FRIM	Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia
CIMBSI	CIMB Securities International Pte Ltd	FRISB	Felda Rubber Industries Sdn Bhd
CMDV	Pusat Penemuan dan Ketepatan Penanda	FTA's	Perjanjian Perdagangan Bebas
CME	Chicago Mercantile Exchange	FTK	Full Turnkey
CMSA	Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007	FTZ	Zon Perdagangan Bebas
CNIIs	Infrastruktur Maklumat Negara Kritikal	GAP	Amalan Pertanian Baik
COE	Pusat Kecemerlangan	GASAC	Majlis Penasihat Piawaian bagi Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa
CRA	Agensi Penarafan Kredit	GBI	Indeks Bangunan Hijau
CRB	Cypark Resources Berhad	GDP	Keluaran Dalam Negara Kasar
CRC	Pusat Penyelidikan Klinikal	GDV	Nilai Pembangunan Kasar
CRM	Penyelidikan Klinikal Malaysia	GE	General Electric
CRS1	Carrier Routing System 1	GFMAS	Sistem Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Kerajaan
CSL	Persaingan, Standard dan Liberalisasi	GHG	Gas Rumah Hijau
CTRE	Continuing Tourism-Related Education	GHIAL	GMR Hyderabad International Airport Limited
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur/Kuala Lumpur City Hall	GI	Indeks Glisemik
DCA	Department of Civil Aviation	GIFT	Program Insentif Global untuk Perdagangan
DESB	DreamEdge Sdn Bhd	GLC	Syarikat Berkaitan Kerajaan
DEZ	Zon Hiburan Khusus	GLIC's	Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan
DIKN	Dasar Industri Kreatif Negara	GMP	Amalan Pengilangan Baik
DMO	Pejabat Pengurusan Penghantaran	GNI	Pendapatan Negara Kasar
DoA	Jabatan Pertanian Malaysia	Greater KL/KV	Greater Kuala Lumpur/Klang Valley
DSN	Neksys Perkhidmatan Diagnostik	GreenTech Malaysia	Green Technology Corporation

GST	Cukai Barangan dan Perkhidmatan
GTFS	Skim Pembiayaan Teknologi Hijau
GTP	Program Transformasi Kerajaan
GW	Gigawatt
HCD	Program Pembangunan Modal Insan
HDC	Perbadanan Pembangunan Halal
HDO	Pejabat Pembangunan Herba
HLMG	Hong Leong Manufacturing Group
HOPE	Project Hovid Objective Pharmaceutical Excellence
HPBS	Perusahaan Kecil Bumiputera Berprestasi Tinggi
HPRI	Institut Penyelidikan Produk Halal
HR	Sumber Manusia
IAGTO	Persatuan Pengendali Lawatan Golf Antarabangsa
IAOP	Persatuan Antarabangsa Profesional Penyumberan Luar
IAS	Persatuan AIDS Antarabangsa
IBFIM	Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia
IC	Kompleks Bersepadu
ICE	Juruteru Pemeriksa Bebas
ICON2	Program Pembangunan Kandungan Bersepadu MSC Malaysia
ICs	Litar Bersepadu
ICT	Teknologi Informasi dan Komunikasi
ICU	Unit Penyelarasan Pelaksanaan
ID	Pengenalpastian
I-FACS	Perkhidmatan Perundingan dan Penasihat Kewangan Islam
IIEU	Unit Acara Antarabangsa
IILM	Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa
IUM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
ILMIA	Institut Maklumat dan Analisa Pasaran Buruh
IMT	Pasukan Pengurusan Bebas
INTAN	Institut Tadbiran Awam Negara
INTI	Kolej Universiti Antarabangsa INTI
IP	Harta Intelek
IP	Protokol Internet
IPO	Penawaran Awam Permulaan
IRB	Lembaga Hasil Dalam Negeri
IRDA	Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar
ISC	Jawatankuasa-jawatankuasa Piawaian Industri
ISL	Standard Antarabangsa dan Liberalisasi
ISPM	Piawaian Antarabangsa Fitosanitasi
IT	Teknologi Maklumat
IVDs	Peranti Intravena
IWG	Kumpulan Kerja Industri
IZAQs	Model Zon Integrasi Akuakultur
JANM	Jabatan Akauntan Negara Malaysia (Accountant-General's Department of Malaysia)
JCorp	Johor Corporation
JETC	Jawatankuasa Bersama Ekonomi dan Perdagangan
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
JUCN	Rangkaian Kabel Jepun-AS
JV	Usaha Kerjasama
KeTTHA	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air
KKR	Kementerian Kerja Raya

KLCC	Kuala Lumpur City Centre
KLIUC	Kolej Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur
KLK KL	KL Kepong
KLRC	Pusat Penimbang Tara Serantau Kuala Lumpur
KPI	Petunjuk Prestasi Utama
KPJ	Kumpulan Perubatan Johor
KPKK	Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KPO	Penyumberan luar Proses Pengetahuan
KRS	Konsortium Rangkaian Serantau Sdn Bhd
KVMRT	MY Rapid Transit Lembah Klang
kWh	Kilowatt-jam
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LED	Diod Pemancar Cahaya
LPG	Gas Petroleum Cecair
LTE	Evolusi Jangka Panjang
MADA	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda
MAE	MAS Aerospace Engineering
MAEPS	Malaysian Agricultural Exposition Park Serdang
MAHB	Malaysia Airport Holdings Bhd
MAMPU	Unit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
MAPCU	Persatuan Kolej dan Universiti Swasta
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MARDI	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia
MAS	Pemilihan Berbantu Penanda
MAS	Malaysia Airlines
MATRADE	Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia
MATRADS	Malaysian Association of Tyres Retreaders and Dealers Societies
Mbps	Megabit sesaat
MCMC	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
MCT	Trigliserida Rantai Menengah
MDB	Biro Peranti Perubatan
MDeC	Perbadanan Pembangunan Multimedia
MDTCC	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
MEF	Persekutuan Majikan Malaysia
MEPS	Malaysian Electronic Payment System Sdn Bhd
MGLP	Program Pelabelan Hijau
MGTA	Persatuan Pelancongan Golf Malaysia
MGTC	Perbadanan Teknologi Hijau Malaysia
MHTC	Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia
MIA	Malaysian Institute of Accountants
MICE	Mesyuarat, Insentif, Konvensyen dan Pameran
MIDA	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
MIFC	Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia
MIM	Institut Insurans Malaysia
MITI	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
MMBH	Hab Biodiversiti Mega Malaysia
MMHE	Malaysia Marine and Heavy Engineering Holdings Berhad
mmscfd	Juta Kaki Padu Standard Setiap Sehari
mmstb	Juta Tong
MMU	Multimedia University
MNC	Syarikat Multinasional

MNPC	Perbadanan Kuasa Nuklear Malaysia	OUM	Open University Malaysia
MoA	Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani	PAKAR	Pasar Komuniti and Pasar Kavarán
MoF	Kementerian Kewangan Malaysia	PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
MoH	Kementerian Kesihatan Malaysia	PCG	Petronas Chemical Group Berhad
MoHE	Kementerian Pengajian Tinggi	PCG	Jawatankuasa Putrajaya bagi Prestasi Tinggi Syarikat Berkaitan Kerajaan
MoHR	Kementerian Sumber Manusia	PDP	Rakan Niaga Pelaksana Projek
MoICC	Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan	PDS	Sekuriti Hutang Swasta
MOSTI	Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi	PDTs	Pedagang Harian Proprietari
MoU	Perjanjian Persefahaman	PEMUDAH	Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan
MPAJ	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	PIA	Akta Penggalakan Pelaburan
MPC	Perbadanan Produktiviti Malaysia	PITA	Akta Cukai Pendapatan Petroleum
MPiB	Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia	PNB	Permodalan Nasional Berhad
MPOB	Lembaga Minyak Sawit Malaysia	POC	Proof-of-Concept
MPRC	Perbadanan Sumber Petroleum Malaysia	POIC	Kelompok Industri Minyak Sawit
MPS	Majlis Perbandaran Selayang	POME	Sisa Kelapa Sawit
MPSAS	Piawaian Perakaunan Sektor Awam	POS	Titik Jualan (<i>Point of Sale</i>)
MRB	Lembaga Getah Malaysia		
MRO	Penyenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih		
MRT Corp	MRT Corporation Sdn Bhd		
MS PT	Mitra Samaya		
MS	Pembangunan Standard Malaysia		
MTAB	Majlis Tindakan Agenda Bumiputera		
MTAC	Pusat Malaysia Truly Asia		
mtpa	Juta Tan Setahun		
mtpd	Metrik Tan Sehari		
MyCC	Suruhanjaya Persaingan Malaysia		
MyCCAP	Malaysia Centre for Clinical Attachment and Placement		
MyCEB	Biro Konvensyen dan Pameran Malaysia		
MyCenTHE	Pusat Pendidikan Pelancongan dan Hospitaliti		
MyClear	Malaysia Electronic Clearing Corporation Sdn Bhd		
MyQuest	Sistem Pengukuran Kualiti dan Kesetaraan Kolej Swasta		
NAPEI	Pendidikan Persatuan Institusi Pendidikan Swasta Kebangsaan		
NAV	Nilai Aset Bersih		
NCIA	Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara		
NEAC	Majlis Penasihat Ekonomi Negara		
NEM	Model Ekonomi Baru		
NEP	Dasar Ekonomi Baru		
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan		
NKEA	Bidang Ekonomi Utama Negara		
NKRA	National Key Results Area		
NMIT	Institut Teknologi Maritim Belanda		
NOSS	Piawaian Kemahiran Guna Tenaga Kebangsaan		
NTDC	Pusat Rekabentuk Teknologi NCIA		
NTEP	Program Peningkatan Bakat Negara		
NTTCom	Perbadanan Komunikasi NTT		
NUMed	Newcastle University Medicine Malaysia		
NWCC	Majlis Perundingan Gaji Kebangsaan		
ODM	Pembuatan Rekaan Tulen		
OEM	Pengilangan Peralatan Asli		
OER	Kadar Ekstrak Minyak		
OFSE	Perkhidmatan dan Peralatan Telaga Minyak		
OGE	Minyak, Gas dan Tenaga		
OIC	Pertubuhan Kerjasama Islam		



UNIT PENGURUSAN PRESTASI DAN PELAKSANAAN (PEMANDU)

Jabatan Perdana Menteri
Aras 3, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya
Malaysia

Tel : +603 8872 7210
Faks : +603 8889 4428

www.pemandu.gov.my

Hakcipta terpelihara © 2013
Edisi Pertama, Pencetakan Pertama 2013

ISSN : 2232-1403